PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD
(416087-U)

Jejak Memantap

Laporan Tahunan 2014

RASIONAL
MUKA DEPAN

Reka bentuk muka depan Laporan Tahunan 2014 kami menzahirkan komitmen mutlak kami terhadap pelanggan, warga dan tanggungjawab kami.

Imej latar belakang menggambarkan asas perniagaan kami yang berdasarkan kepada sumber-sumber asli bumi manakala, hiasan corak jaluran warna pada muka depan serta dalam keseluruhan laporan tahunan melambangkan kepelbagaian bakat warga kami yang dipersatukan bersama. Secara serentak, ia turut menzahirkan perpaduan dan semangat berpasukan yang membolehkan kami bekerjasama secara harmoni dalam usaha kami untuk menyediakan nilai jangka panjang yang mampan kepada pemegang kepentingan.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
ke-18

TARIKH
16 Jun 2015 (Selasa)

MASA
10.00 pagi

TEMPAT
Concorde 1
Concorde Hotel Shah Alam
Aras 2, No. 3
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C
40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

VISI
& MISI

VISI KAMI

Untuk Menjadi Penyedia Penyelesaian Bersepadu Bagi Air, Air Sisa Dan Persekitaran Yang Terunggul Di Rantau Dan Untuk Menjadi Pemain Sektor Minyak Dan Gas Yang Penting.

MISI KAMI

Untuk menghadapi cabaran yang semakin meningkat dalam permintaan untuk bekalan air berkualiti tinggi, air sisa dan sistem persekitaran melalui pelaksanaan piawaian berkualiti tinggi, perkhidmatan yang cekap, pembangunan modal insan, teknologi inovatif dan sistem pengendalian yang berterusan.

Untuk berkongsi pengalaman kami dan menawarkan kepakaran kami melalui Perkongsian Perniagaan Bijak, Perkongsian Swasta Awam atau lain-lain model perniagaan yang inovatif.

Untuk menyertai secara aktif dalam peluang-peluang perniagaan tempatan, rantau dan global yang berhubung kait dengan kegiatan teras Syarikat, air sisa & pengurusan sisa pepejal, pengurusan alam sekitar dan sektor minyak & gas.

Untuk menyokong dan mengambil bahagian secara aktif dalam program dan aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan nilai kehidupan selaras dengan aspirasi Wawasan 2020 negara.

Untuk menyelesaikan isu-isu tempatan dan antarabangsa yang berkaitan dengan pemuliharaan, penjagaan dan peningkatan kualiti alam sekitar.

Air & Air Sisa

Minyak & Gas

Pembinaan

Alam Sekitar

ISI

KANDUNGAN

Visi & Misi

MENGENAI KAMI

4 Nilai-Nilai PUNCAK
5 Tentang Laporan Ini
6 Perutusan Kepada Pemegang Saham
14 Profil Korporat
17 Maklumat Korporat
20 Lampiran Fakta Kumpulan PNHB 2014
22 Pencapaian Penting
24 Berita Puncak
26 Pencapaian Korporat
28 Sorotan Penting 2014

STRUKTUR KAMI

29 Struktur Organisasi PNHB
30 Struktur Korporat

KEPIMPINAN KAMI

32 Lembaga Pengarah
34 Profil Lembaga
44 Profil Kakitangan Utama – Kumpulan PNHB

TINJAUAN PRESTASI

56 Sorotan Penting Kewangan Bagi Tempoh Lima Tahun
57 Prestasi Kumpulan Bagi Tempoh Lima Tahun
58 Harga Saham & Jumlah Didagangkan
59 Kalendar Kewangan

TINJAUAN OPERASI

60 Tinjauan Operasi: Puncak Niaga (M) Sdn Bhd

68 Tinjauan Operasi: Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd

74 Tinjauan Operasi: Puncak Oil & Gas Sdn Bhd, GOM Resources Sdn Bhd dan KGL Ltd.

78 Tinjauan Operasi: Puncak Niaga Construction Sdn Bhd

LAPORAN KEMAMPANAN

80 Kemampanan Di Pasaran

96 Kemampanan Di Tempat Kerja

110 Kemampanan Alam Sekitar

114 Kemampanan Dalam Komuniti

118 Acara Korporat

KEBERTANGGUNG-JAWABAN

122 Penyata Tadbir Urus Korporat

150 Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman

156 Laporan Jawatankuasa Audit

164 Dasar Pendedahan Korporat

165 Dasar Tanggungjawab Sosial Korporat

166 Dasar Kesihatan, Keselamatan Dan Alam Sekitar

167 Dasar & Laporan Perhubungan Pelabur

170 Dasar & Laporan Kualiti

172 Penyata Tanggungjawab Pengarah Bagi Penyediaan Penyata Kewangan

PENYATA KEWANGAN

173 Penyata Kewangan

INFORMASI LAIN

323 Analisis Sekuriti Syarikat

329 Senarai Hartanah

331 Indeks GRI

NOTIS MESYUARAT

339 Notis Mesyuarat Agung Tahunan

343 Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Borang Proksi

Notis Data Peribadi

NILAI-NILAI
PUNCAK

Nilai-nilai Syarikat kami, nilai-nilai PUNCAK membentuk budaya organisasi dan memacu cara kami menjalankan perniagaan. Ia disepadukan dalam proses-proses perniagaan dan nilai-nilai teras kami.

Di **PUNCAK**, kami sentiasa berusaha untuk menjadi:

P — **P**ASSIONATE Bersemangat dalam perniagaan kami untuk mengekalkan prestasi mampan.

U — **U**NITED Bersatu padu dalam strategi tanggungjawab korporat kami selaras dengan Visi kami untuk menjadi Penyedia Penyelesaian Bersepadu Bagi Air, Air Sisa Dan Persekitaran Yang Terunggul Di Rantau Dan Untuk Menjadi Pemain Sektor Minyak Dan Gas Yang Penting.

N — **N**URTURE Memupuk modal insan kami ke arah pembentukan tenaga kerja yang diteladani.

C — **C**ORPORATE GOVERNANCE Tadbir Urus Korporat memacu cara kami menjalankan perniagaan di dalam persekitaran dunia perniagaan sejagat yang sentiasa berubah.

A — **A**CCOUNTABLE Bertanggungjawab dalam semua tindakan dan proses rundingan kami dengan semua pihak berkepentingan.

K — **K**NOWLEDGEABLE Berpengetahuan dalam semua aspek operasi perniagaan kami dan terus menjadi pembekal air bersih yang boleh dipercayai dan diharapkan.

TENTANG
LAPORAN INI

Laporan ini menyediakan maklumat kepada para pemegang kepentingan kami mengenai pendekatan dan prestasi perniagaan kami, baik dari sudut kewangan atau bukan kewangan. Ia membentangkan satu tinjauan menyeluruh tentang operasi kami serta menggariskan objektif, misi dan visi kami bagi masa kini dan untuk masa depan. Ia bertujuan untuk memberi gambaran yang jelas dan lengkap tentang organisasi kami dan untuk menampilkan evolusi kami yang berterusan menjadi sebuah model perniagaan yang semakin mampan.

Dalam pelaksanaan perniagaannya, Kumpulan Puncak Niaga Holdings Bhd ("PNHB") beriltizam untuk mendukung dasar-dasar tadbir urus korporat yang baik dan mengamalkan nilai-nilai terasnya berhubung kualiti, nilai, perkhidmatan, inovasi dan kepercayaan yang telah menjadi unsur penting dalam kejayaannya dari setahun ke setahun.

Kami berusaha, sejajar dengan Visi dan Misi Korporat kami, untuk sentiasa melaksanakan tanggungjawab kami terhadap alam sekitar dengan melindungi, memulihara dan mempertingkatkan alam sekitar semulajadi, dalam segala aspek operasi perniagaan kami.

Bahagian Kemampanan dalam laporan ini disediakan selaras dengan garis panduan Inisiatif Laporan Global (Global Reporting Initiative) ("GRI"), iaitu aplikasi G3.1 peringkat A. Indeks penunjuk GRI yang disediakan di bahagian akhir laporan ini memaparkan tahap aplikasi GRI G3.1 kami yang menyeluruh.

Kami menyediakan maklumat prestasi yang mencerminkan pendekatan kami secara umum jika maklumat bagi seluruh Kumpulan tidak tersedia. Dalam laporan ini, kami juga telah mengesan data dan statistik prestasi mutakhir dan menilai kemajuan yang kami capai ke arah pencapaian sasaran kami.

Di PNHB, kami sentiasa mengutamakan tadbir urus korporat dan pematuhan terhadap nilai-nilai etika. Kami sedar bahawa komunikasi secara ikhlas dan jujur memberi nilai tambah kepada Kumpulan. Kami beriltizam untuk meluaskan lagi laporan kami dari semasa ke semasa agar para pemegang kepentingan dapat disediakan dengan maklumat yang lebih terperinci dan telus berhubung aspirasi, matlamat, cabaran dan pencapaian kami.

Sejajar dengan komitmen kami terhadap tadbir urus korporat yang baik, kami percaya kepada nilai ketelusan dan keupayaannya membina keyakinan di kalangan semua pihak yang mendapat manfaat daripada perkhidmatan kami. Justeru, kami akan terus menyediakan maklumat kepada orang ramai tentang bagaimana perniagaan kami bermanfaat baik kepada masyarakat mahupun negara.

Indeks Kandungan GRI G3.1 yang disediakan di muka surat 331 sehingga 338 dalam Laporan Tahunan ini berperanan sebagai satu kaedah navigasi, manakala jadual yang disediakan memaparkan pendedahan kami berhubung setiap penunjuk. Kami akan terus berusaha untuk menambah baik tahap pendedahan Laporan kami pada masa hadapan.

Liputan
Laporan ini mencakupi PNHB dan syarikat-syarikat subsidiarinya. Asas laporan ini meliputi perbincangan berhubung risiko dan isu-isu penting.

Had Laporan
Laporan ini merujuk kepada tempoh dari 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2014 (kecuali dinyatakan sebaliknya di bahagian-bahagian tertentu), dan:

- merujuk kepada semua aktiviti Kumpulan PNHB (termasuk subsidiari-subsidiari utama)
- menyentuh semua operasi Kumpulan PNHB
- mengandungi keputusan kuantitatif dan kualitatif untuk penunjuk yang dilaporkan

Maklum Balas
Salinan bercetak laporan ini boleh didapati oleh semua pemegang kepentingan atas permintaan dan boleh dimuat turun daripada laman web kami. Semua komen, pandangan dan ulasan boleh ditujukan kepada:-

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD
Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan
Seksyen 13, 40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Telefon : +603 5522 8589
Faks : +603 5512 0220
Emel : investors@puncakniaga.com.my

PERUTUSAN KEPADA **PEMEGANG SAHAM**

PARA PEMEGANG SAHAM YANG DIHARGAI,

TAHUN 2014 TELAH MELAKAR TITIK PERALIHAN DALAM LEMBARAN SEJARAH PERJALANAN KORPORAT KUMPULAN PUNCAK NIAGA HOLDINGS BHD ("PNHB" ATAU "SYARIKAT") BERIKUTAN TERCAPAINYA PENYELESAIAN SECARA BERHEMAH MENGENAI CADANGAN PENSTRUKTURAN SEMULA SEKTOR PERKHIDMATAN AIR DI NEGERI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA ("CADANGAN PENSTRUKTURAN SEMULA PERKHIDMATAN AIR").

Pada 11 November 2014, Syarikat telah menandatangani perjanjian jual beli bersyarat ("SPA") dengan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Temasek Tiasa Sdn Bhd) ("Air Selangor"), sebuah syarikat subsidiari milik penuh Kumpulan Darul Ehsan Berhad ("KDEB"), yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi cadangan penjualan oleh Syarikat keseluruhan kepentingan ekuiti dan saham keutamaan boleh tebus boleh tukar terkumpul yang dipegang dalam Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") dan 70% kepentingan ekuitinya serta stok pinjaman tidak bercagar boleh tebus boleh tukar bernilai RM212.0 juta pada nilai nominal yang dipegang dalam Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") kepada Air Selangor untuk pertimbangan tunai berjumlah RM1,555.3 juta ("Cadangan Penjualan").

Syarikat menyokong Cadangan Penjualan tersebut sebagai satu penyelesaian berhemah terhadap rundingan yang telah sekian lama berlarutan dengan Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan berhubung Cadangan Penstrukturan Semula Perkhidmatan Air. Penyelesaian ini turut mendatangkan kebaikan kepada Kumpulan yang kini boleh memfokus kepada usaha meluaskan perniagaannya yang sedia ada dalam industri minyak dan gas ("O&G"), membangunkan perniagaan dalam bidang pembinaan secara lebih pesat dan meneroka peluang yang wujud dalam pelbagai sektor lain. Para pemegang saham Syarikat telah meluluskan Cadangan Penjualan tersebut pada Mesyuarat Agung Luar Biasa ("EGM") yang diadakan pada 7 Januari 2015. Di EGM tersebut, para pemegang saham juga telah meluluskan pembayaran Dividen Khas dengan jumlah minima RM1.00 bagi setiap saham biasa bernilai RM1.00 sesaham (tidak termasuk saham perbendaharaan Syarikat) sehingga ke jumlah agihan maksimum RM534.3 juta ("Dividen Khas") yang telah dicadangkan oleh Lembaga Pengarah sebagai ganjaran kepada para pemegang sahamnya atas sokongan dan kesetiaan mereka yang sekian lama terhadap Syarikat.

Bagi pihak PNHB, semua Syarat Terdahulu ("CPs") yang perlu dipenuhi oleh PNHB di bawah SPA tersebut telah pun dipatuhi oleh Syarikat seperti yang diumumkan pada 10 Mac 2015. Kami berharap akan dapat menyempurnakan Cadangan Penjualan tersebut menjelang pertengahan tahun 2015 berikutan persetujuan bersama antara Syarikat dengan Air Selangor pada 10 April 2015 untuk melanjutkan tempoh lanjutan sehingga 11 Mei 2015 bagi memenuhi CPs yang ditetapkan dalam SPA.

Persetujuan tersebut turut membawa berita baik kepada para pengguna di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana ia memberi laluan kepada kelancaran pelaksanaan loji pembersihan air ("LPA") Langat 2 yang akan menyediakan kapasiti bekalan air bersih tambahan sebanyak 1130 JLH. Dengan pelaksanaan LPA baharu tersebut, masalah kekurangan air dapat dielakkan atau dikurangkan seperti masalah kekurangan air yang telah mengakibatkan catuan air di Lembah Klang dari 27 Februari 2014 sehingga 30 April 2014. Kekurangan bekalan air tersebut berikutan ketidakcukupan bekalan air bersih untuk memenuhi permintaan air yang kian meningkat, akibat pencemaran air mentah dan penyusutan paras simpanan air secara mendadak di beberapa buah empangan utama di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, yang mana telah berlaku disebabkan oleh kekurangan taburan hujan secara mendadak di beberapa kawasan tadahan air dan empangan.

Pada tahun 2014, Puncak Oil & Gas Sdn Bhd, melalui syarikat subsidiarinya GOM Resources Sdn Bhd ("GOM Resources"), telah meneruskan aktivitinya sebagai Kontraktor Pemasangan Luar Pesisir bagi PETRONAS di bawah Kontrak Pan Malaysia selama tiga tahun. Hasil dari itu, segmen minyak dan gas Kumpulan berjaya menjana jumlah hasil yang lebih tinggi sebanyak RM476.5 juta pada tahun 2014 berbanding RM454.9 juta pada tahun 2013, walaupun program pengurangan kos PETRONAS telah dilaksanakan sejak 2013.

Bahagian Pembinaan Kumpulan mencatat kemajuan dalam kedua-dua projek pembinaan prasarana yang sedang dilaksanakan serta projek baharu di Sarawak, Selangor dan Kuala Lumpur.

Aktiviti perniagaan Projek China yang sedia ada turut beroperasi seperti biasa pada tahun ini. Kerja pembinaan fasa kedua loji pembersihan air sisa Binzhou dijangka akan bermula pada tahun 2018.

Pada dasarnya, perniagaan air kami pada tahun 2014 adalah amat mencabar berikutan Cadangan Penstrukturan Semula Perkhidmatan Air, persekitaran operasi yang sukar dan kesan buruk daripada pembekuan perbelanjaan modal ("CAPEX") SYABAS, sementara perniagaan O&G kami pula terpaksa berhadapan dengan kesan kejatuhan mendadak harga minyak mentah ke atas sektor O&G pada separuh tahun kedua 2014. Walau bagaimanapun, Bahagian Pembinaan kami telah beroleh manfaat daripada persekitaran perniagaan yang agak baik.

Berlatarbelakangkan keadaan yang sukar ini, Kumpulan berjaya jejak memantap dalam tahun ini, dengan usaha daya upaya menyediakan pengurusan yang cekap dalam rangkaian pengagihan dan bekalan air berkualiti tinggi kepada asas pengguna air kami yang kian meningkat; memastikan pencapaian skor Petunjuk Prestasi Utama ('KPI") yang tinggi; memenuhi permintaan pelanggan kami; berusaha menjana pertumbuhan di seluruh perniagaan lain kami yang sedia ada; dan memenuhi komitmen kami kepada pelbagai pemegang kepentingan. Kami sentiasa memahami dengan jelas terhadap tanggungjawab kami kepada para pemegang kepentingan, pemegang saham, pelanggan dan warga kami.

Bagi pihak Lembaga Pengarah PNHB, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit PNHB dan Kumpulan ("Kumpulan PNHB" atau "Kumpulan") bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

IKLIM EKONOMI

Pemulihan ekonomi global yang tidak sekata masih berterusan walaupun berlaku keadaan yang tidak menggalakkan. Aktiviti global yang lebih lemah daripada jangkaan sepanjang separuh tahun pertama 2014 telah menyebabkan ramalan pertumbuhan ekonomi dunia disemak semula lebih rendah pada kadar 3.3% pada tahun ini. Unjuran pertumbuhan global bagi tahun 2015 juga telah diturunkan ke paras 3.8%.

(Sumber: IMF, World Economic Outlook, Oktober 2014)

Pada tahun 2014, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 6.0%. Dengan sokongan permintaan domestik yang berdaya tahan dan prestasi eksport yang lebih baik berikutan pemulihan ekonomi di peringkat global, ia telah meletakkan ekonomi Malaysia di landasan pertumbuhan yang lebih teguh pada tahun 2014. Aktiviti ekonomi domestik telah bertambah kukuh, disokong terutamanya oleh kerancakan pelaburan swasta dan perbelanjaan penggunaan yang mantap. Sepanjang setengah tahun pertama 2014, Malaysia telah mendapat manfaat daripada pemulihan ekonomi di negara-negara maju khususnya di Amerika Syarikat dan United Kingdom, serta pemulihan di rantau Eropah. Pertumbuhan yang mantap di negara-negara Asia termasuk China, India dan negara-negara utama Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) telah melonjakkan perdagangan antara negara serantau tersebut yang telah membolehkan prestasi eksport Malaysia bertambah baik.

(Sumber: Bank Negara Malaysia, Pembangunan Ekonomi dan Kewangan di Malaysia pada Suku Keempat 2014, dan Laporan Ekonomi Malaysia, Kementerian Kewangan 2014/2015)

PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, hasil Kumpulan meningkat sebanyak 17.9% kepada RM606.6 juta berbanding RM514.3 juta yang dicapai pada tahun sebelumnya. Pertambahan hasil tersebut adalah disebabkan terutamanya oleh sumbangan hasil yang lebih tinggi oleh segmen O&G dan pembinaan.

Sementara itu, Kumpulan telah mencatatkan kerugian sebelum cukai ("LBT") yang lebih rendah sebanyak RM8.9 juta berbanding RM79.5 juta pada tahun sebelumnya, varians yang menggalakkan sebanyak 88.8%. Angka ini menggambarkan pertumbuhan hasil yang disumbangkan oleh segmen O&G dan pembinaan serta kos operasi yang lebih rendah. Berikutan itu, Kumpulan telah mencatatkan kerugian selepas cukai ("LAT") sebanyak RM7.2 juta daripada 'continuing operations', berbanding dengan LAT sebanyak RM74.6 juta pada tahun 2013.

Selepas mengambil kira keuntungan selepas cukai ("PAT") sebanyak RM255.1 juta dari 'discontinued operations', Kumpulan melaporkan PAT yang lebih tinggi sebanyak RM247.9 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 berbanding RM199.8 juta pada tahun sebelumnya, varians yang menggalakkan sebanyak 24.1%. PAT Kumpulan sebanyak RM199.8 juta pada tahun 2013 telah disumbangkan oleh LAT sebanyak RM74.6 juta daripada 'continuing operations' dan PAT sebanyak RM274.4 juta daripada 'discontinued operations'.

Segmen air dan air sisa di China melaporkan kerugian sebelum faedah dan cukai ("LBIT") sebanyak RM8.2 juta pada tahun yang ditinjau berbanding RM5.3 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan LBIT ini disebabkan terutamanya oleh kerugian akibat penurunan nilai aset konsesi perkhidmatan.

Segmen O&G mencatat keuntungan sebelum faedah dan cukai ("PBIT") sebanyak RM24.3 juta berbanding LBIT sebanyak RM30.4 juta pada tahun sebelumnya, menggambarkan varians yang menggalakkan sebanyak 179.9%. Pencapaian ini disebabkan terutamanya oleh nilai kerja lebih tinggi yang telah dilaksanakan bagi kerja Pengangkutan dan Pemasangan serta kos operasi yang lebih rendah.

Segmen pembinaan melaporkan PBIT sebanyak RM8.6 juta berbanding LBIT sebanyak RM16.8 juta pada tahun 2013, menggambarkan varians menggalakkan sebanyak 151.2%. Prestasi yang memberangsangkan ini mencerminkan sumbangan keuntungan yang lebih tinggi daripada projek-projek pembinaan baharu yang diperolehi pada tahun 2014.

Bagi tahun yang ditinjau, segmen pembersihan air di Malaysia didedahkan secara berasingan sebagai 'discontinued operations' berikutan Cadangan Penjualan tersebut. Segmen pembersihan air melaporkan PBIT yang lebih kurang sebanyak RM433.9 juta berbanding RM442.2 juta pada tahun lepas, penurunan PBIT sebanyak 1.9% berikutan penurunan hasil dan peningkatan perbelanjaan operasi.

Secara keseluruhannya, walaupun terpaksa mengharungi keadaan yang amat sukar, PNHB masih berjaya mencatat peningkatan hasil yang mantap dan pengurangan kerugian sebelum cukai yang ketara pada tahun 2014. Peningkatan hasil yang teguh yang dicatat oleh bahagian O&G dan pembinaan kami khususnya, menjanjikan masa depan yang cerah bagi Kumpulan.

Dividen

Selepas menandatangani SPA, Syarikat telah mendapatkan kelulusan para pemegang saham dalam EGM yang diadakan pada 7 Januari 2015 bagi Cadangan Penjualan serta bagi pengisytiharan dan pembayaran Dividen Khas. Tarikh kelayakan dan tarikh pembayaran Dividen Khas ini akan diumumkan dalam masa terdekat apabila Cadangan Penjualan tersebut diselesaikan.

Memandangkan keperluan untuk berjimat dengan sumber kewangan bagi pembiayaan usaha meluaskan perniagaan masa depan dan untuk perniagaan baharu, serta untuk pembayaran Dividen Khas yang bakal timbul daripada penyelesaian Cadangan Penjualan tersebut, Lembaga Pengarah tidak mengesyorkan sebarang dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

CABARAN DAN PENCAPAIAN

Pembersihan Air Dan Pengagihan Air

2014 memang mencabar sekali dengan Kumpulan menangani pelbagai isu air dengan tabah dan gigih sementara berunding dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan Cadangan Penjualan tersebut, di mana kemuncaknya berjaya menyaksikan pencapaian persetujuan-secara-dasar dengan KDEB berhubung Cadangan Penjualan tersebut pada 10 Jun 2014, dan seterusnya menandatangani SPA dengan Air Selangor pada 11 November 2014.

Sebelum tawaran yang dibuat oleh KDEB kepada Syarikat pada 10 Jun 2014 yang akhirnya membawa kepada persetujuan menandatangani SPA bagi Cadangan Penjualan pada 11 Novermber 2014, Kumpulan telah berhadapan dengan isu pengendalian aktiviti pengekstrakan air mentah sehingga tarikh luput lesen pengekstrakan air mentah sedia-ada pada 31 Mei 2014, di mana selepas itu lesen tersebut tidak boleh diperbaharui melainkan dengan arahan selanjutnya dari Kerajaan Negeri Selangor. Isu tersebut telah menyebabkan PNSB mengambil tindakan undang-undang terhadap Lembaga Urus Air Selangor ("LUAS") dan Kerajaan Negeri Selangor, di mana prosiding mahkamah bagi kes tersebut masih berlangsung. Isu yang sama berkaitan dengan LPA New Bernam River Headworks, di mana KDEB telah memberikan hak kepada PNSB di bawah lesen pengekstrakan air KDEB yang dikeluarkan oleh LUAS, untuk mengekstrak air dari sumber air di LPA New Bernam River Headworks sehingga 31 Julai 2015.

Satu lagi isu yang dihadapi oleh Kumpulan pada awal tahun 2014 sebelum Cadangan Penjualan tersebut adalah hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menggunakan Seksyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air ("WASIA") 2006 yang membenarkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ("SPAN") mengambil alih perniagaan air atas dasar kepentingan negara dalam tempoh dua minggu dari 21 Mac 2014 sebagaimana yang dilaporkan secara meluas dalam surat khabar pada masa tersebut.

Kumpulan juga berjaya menangani krisis air 2014, menerusi catuan air seperti yang diarahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan diluluskan oleh SPAN yang telah menjejaskan 6.7 juta penduduk di Lembah Klang bermula pada 27 Februari 2014 sehingga 30 April 2014. Sepanjang krisis air tersebut, PNSB dan SYABAS telah menberi perkhidmatan terbaik kepada orang ramai, menerusi kerjasama erat dengan pelbagai agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri serta dengan pihak-pihak berkuasa dan kementerian seperti SPAN, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air ("KeTTHA") dan Kementerian Pertahanan. Sebagai sebahagian daripada program Tanggungjawab Sosial Korporatnya, Kumpulan telah menyumbang beberapa unit JERNIH iaitu sistem penulenan air mudah alih hasil rekaan Penyelidikan & Pembangunan PNHB bersama Angkatan Tentera Malaysia. Kumpulan telah menghantar lori tangki air ke negeri-negeri yang dilanda banjir iaitu Kelantan dan Pahang bagi menyediakan air bersih kepada komuniti yang terjejas.

Walaupun berhadapan dengan cabaran-cabaran ini, operasi pembersihan air kami mengatasi KPI bagi kualiti dan pengeluaran airnya. Kedua-dua LPA dan empangan kami menampilkan prestasi yang melebihi spesifikasi reka bentuk masing-masing, manakala kerja penambahbaikan loji baharu serta yang sedang dilaksanakan yang telah diluluskan oleh Pengurusan Aset Air Berhad telah mempertingkatkan lagi kecekapan dan kebolehpercayaan operasi. Kemajuan turut dicapai dalam usaha mengekalkan amalan kemampanan alam sekitar yang berkesan.

Dalam keadaan di mana tiada pelaksanaan pelarasan tarif oleh Kerajaan Negeri Selangor dan tiada sebarang pampasan diberikan, syarikat pengagihan air kami, SYABAS, masih belum mampu membuat pembayaran penuh bagi air yang dibeli daripada empat syarikat pengendali pembersihan air iaitu PNSB, Konsortium ABASS Sdn Bhd, Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd ("SPLASH") dan Konsortium Air Selangor Sdn Bhd.

SYABAS juga terus berhadapan dengan halangan besar akibat pembekuan perbelanjaan modal ("CAPEX") yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Selangor, kecuali kerja-kerja paling kritikal yang sedang menunggu resolusi daripada Cadangan Penstrukturan Semula Perkhidmatan Air. Ini termasuk projek-projek kritikal yang dirangka untuk mengurangkan Air Tidak Berhasil ("NRW") dan memulihkan atau mengganti aset-aset pengagihan lama yang boleh mengakibatkan kehilangan air yang tidak sepatutnya dan gangguan bekalan air yang kerap.

Walau bagaimanapun, SYABAS masih mampu mengekalkan rekod cemerlangnya dalam menyediakan air minum berkualiti yang sangat baik yang mengatasi KPInya, manakala pusat panggilannya iaitu Pusat Perkhidmatan Pelanggan ("PUSPEL), terus memberikan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang kepada orang ramai.

Minyak dan Gas

Skop kerja Bahagian O&G Kumpulan bagi kontrak Pengangkutan & Pemasangan ("T&I") kemudahan luar pesisir berterusan ke tahun 2014. GOM Resources telah dianugerahkan kerja tahun 2014 bagi Projek Sistem Penghantaran Gas EVA-NMB yang melibatkan pemasangan saluran paip dari pesisir pantai Kerteh di Terengganu menghala ke sempadan Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand. Bahagian O&G Kumpulan mencatatkan hasil sebanyak RM476.5 juta untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, yang merupakan peningkatan sebanyak 4.7% berbanding dengan hasil sebanyak RM454.9 juta yang dicatat untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Bahagian O&G Kumpulan kini sedang memfokuskan semula usaha untuk memperkukuhkan kedudukannya berikutan krisis global yang melanda sektor O&G pada masa ini. Di dalam negara, ia akan memberi tumpuan kepada operasi T&Inya sejajar dengan kontrak Pan Malaysia kami untuk tahun 2014 hingga 2016.

Pembinaan

Kumpulan turut terlibat dalam pembinaan kemudahan berkaitan air seperti LPA dan saluran paip. Projek utamanya pada masa ini termasuk menaiktaraf kapasiti LPA Bayong di Sarikei, Sarawak; membekal, menyambung dan memasang saluran paip dan membina tiga takungan air dan stesen pam pengalak di Pakan, Sarawak; dan membina rangkaian paip kumbahan baharu serta stesen pengepam dan rasionalisasi infrastruktur kumbahan sedia ada di Bunus, Kuala Lumpur. Projek pembinaan berkaitan kemudahan air Kumpulan dianggarkan mempunyai nilai kontrak sebanyak RM544.4 juta untuk tempoh tiga tahun akan datang.

TANGGUNGJAWAB ALAM SEKITAR DAN SOSIAL

Di PNHB, kami komited sepenuhnya untuk menjadi sebuah warga korporat yang prihatin. Sepanjang tahun ini, PNHB dan syarikat-syarikat subsidiarinya berterusan bukan hanya setakat memberi sokongan terhadap pelbagai usaha bermanfaat, malah turut menyepadukan inisiatif komuniti kami ke dalam operasi perniagaan kami agar usaha-usaha tersebut menjadi lebih mampan. Kami mengiktiraf akan kepentingannya untuk menstruktur inisiatif kami dan menetapkan kriteria kepada inisiatif tersebut dengan tujuan untuk memaksimumkan keberkesanannya.

Kami berpegang teguh kepada tanggungjawab terhadap alam sekitar dan sosial dan menyumbang kembali kepada masyarakat, kepada komuniti kita serta kepada negara. Kami menyokong pelbagai program dan perkhidmatan yang membina komuniti yang teguh dengan mencetuskan keteguhan ekonomi. Ini meliputi Program Turun Ke Padang, sumbangan beberapa unit JERNIH kepada negeri-negeri yang dilanda banjir iaitu Kelantan dan Pahang untuk menyediakan air minum yang bersih, sumbangan kepada badan-badan amal dan menaja acara-acara komuniti serta program pendidikan dan acara-acara yang dianjurkan untuk kakitangan-kakitangan Kumpulan sendiri.

Kami mengiktiraf bahawa kejayaan kami bergantung kepada kemahiran dan dedikasi kakitangan seluruh Kumpulan. Kakitangan kami akan terus mendorong kemajuan kami ke arah menjadi sebuah perniagaan yang lebih mampan. Kami sentiasa menggalakkan kepelbagaian di tempat kerja dan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang diskriminasi, termasuk diskriminasi berdasarkan usia, jantina, etnik atau latar belakang.

Komitmen kami terhadap alam sekitar memfokus kepada penyediaan perkhidmatan dengan kualiti tertinggi dan mematuhi segala peraturan berkaitan alam sekitar. Ia juga turut menyumbang kepada perlindungan dan kemampanan alam sekitar. Langkah-langkah proaktif diambil untuk memulihara alam sekitar agar ia dapat dinikmati oleh generasi masa depan. Pendekatan teratur kami meminimumkan penggunaan bahan dan tenaga, sambil pada masa yang sama, mengurangkan sisa, enap cemar dan pelepasan GHG. Justeru, perniagaan kami beroperasi dengan cara yang dapat memupuk penggunaan sumber asli dunia secara mampan.

Di pasaran, pematuhan terhadap proses-proses kualiti dan keperluan keselamatan kami sangat penting untuk memelihara nama baik PNHB. Iltizam yang dijanjikan kepada pelanggan mesti dikotakan, sebaik mungkin.

Pelan Tindak Balas Kecemasan ("ERP") kami adalah sebuah pelan tindakan yang diwujudkan oleh SYABAS untuk mengendalikan situasi krisis atau kecemasan yang mungkin menjejaskan bekalan air kepada pengguna. ERP akan diaktifkan sekiranya berlaku gangguan bekalan air mengikut skala pelbagai yang ditanda-asingkan dengan kod hijau, kuning dan merah. SYABAS telah mengaktifkan ERP Kod Merah sekali pada tahun 2014 disebabkan oleh pelaksanaan catuan air yang bermula dari 27 Februari 2014 sehingga 30 April 2014, sebagaimana yang diarahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan kelulusan SPAN.

Satu keutamaan kami yang paling penting adalah untuk memberikan perkhidmatan yang pantas, bersopan dan cemerlang kepada pelanggan kami. Sepanjang tahun 2014, Jabatan Perkhidmatan Pelanggan kami mencatat kemajuan berterusan dalam mempertingkatkan perkhidmatan kami melalui penyediaan saluran-saluran alternatif bagi membolehkan pengguna berkomunikasi dengan PUSPEL dengan menggunakan telefon-pintar. Salah satu daripada produk berasaskan telefon-pintar adalah aplikasi mudah alih 'MySYABAS' yang membenarkan para pelanggan membuat aduan, menyemak maklumat mengenai gangguan bekalan air berjadual dan tidak berjadual, membaca siaran media serta mengakses laman web kami dengan mudah dan pantas. Perkhidmatan kaunter 'pusat sehenti' yang diperkenalkan kini membolehkan pengguna melakukan berbagai jenis urusan perkhidmatan di kaunter yang sama.

Di PNHB, kami menganggap amalan Tanggungjawab Korporat yang baik sebagai satu bahagian penting dalam perniagaan kami. Kami percaya bahawa penyelarasan nilai-nilai dan strategi kami secara progresif dengan tanggungjawab dan dasar serta amalan perniagaan beretika dapat membantu mempertingkatkan penglibatan para pemegang kepentingan kami serta menjadi pemacu yang diperlukan untuk mencapai pertumbuhan dan kejayaan yang mampan.

TADBIR URUS KORPORAT

Pada tahun 2014, PNHB terus mematuhi prinsip-prinsip yang digariskan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012. Kumpulan komited untuk mengekalkan struktur tadbir urus korporat yang ketat dengan menampilkan kewibawaan, ketelusan, kebertanggungjawaban dan piawaian etika paling tinggi dalam apa jua yang kami lakukan.

Kami juga berusaha gigih untuk membina sebuah perniagaan mampan yang menyumbang kepada penciptaan kekayaan, perlindungan alam sekitar dan pembinaan negara serta memberi peluang yang saksama kepada semua pemegang kepentingan kami – sama ada mereka terdiri daripada para pemegang saham, pelabur, pelanggan, kakitangan, rakan sekutu perniagaan atau orang ramai secara umum. Kami sentiasa berusaha menjaga nama baik Kumpulan dan menghargai keyakinan dan kepercayaan yang diberikan oleh pemegang saham, pelabur dan pelanggan.

Usaha tadbir urus korporat kami adalah dibentangkan dalam Penyata Tadbir Urus Korporat di muka surat 122 hingga 149 Laporan Tahunan ini.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Pada tahun 2014, Kumpulan sekali lagi telah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan, yang mencerminkan komitmen kami terhadap kecemerlangan dalam setiap aspek kerja kami.

Pada 23 Januari 2014, PNHB telah memenangi anugerah "Best-Equity Linked Deal Of The Year in Southeast Asia" di majlis penyampaian anugerah, 7th Annual Alpha Southeast Asia Deal & Solution Awards 2013 yang diberikan oleh majalah ALPHA Southeast Asia bagi terbitan Sukuk Ijarah Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus Bernilai Nominal RM165 juta yang diatur oleh Hong Leong Investment Bank Berhad.

PNHB dan Angkatan Tentera Malaysia telah bersama-sama menerima anugerah emas bertaraf antarabangsa di SGA Kaizen Competition di Tokyo, Jepun pada bulan Oktober 2014 bagi penciptaan sistem penulenan air mudah alih. Sistem air JERNIH, yang disifatkan sebagai "hebat, cekap, tahan lasak, inovatif dan mudah dibawa" tersebut boleh disimpan di dalam beg dan menghasilkan 3,000 liter air bersih pada satu-satu masa.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah mengiktiraf PNSB sebagai "Majikan Terbaik di Peringkat Cawangan" pada bulan September 2014. PNSB juga telah diberi Anugerah Perak dalam Kategori Majikan Pilihan di majlis penyampaian anugerah, Anugerah HR Malaysia 2014 yang berlangsung pada bulan November 2014.

Kecemerlangan operasi PNSB turut mendapat pengiktirafan pada tahun 2014 apabila SSP2 LPA dianugerahkan sebagai pemenang di tahap Kebangsaan untuk kategori utiliti bekalan air di majlis penyampaian anugerah, Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Nasional dalam tahun 2014. Di samping itu, LPA SSP2 memperolehi Anugerah Emas Pengurusan Tenaga Satu Bintang daripada Persatuan ASEAN Skim Akreditasi Pengurus Tenaga.

PNSB dan SYABAS masing-masing mendapat pengiktirafan bagi rekod keselamatan yang cemerlang daripada Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia ("MSOSH"). Pada 4 November 2014, MSOSH telah memberi penghormatan kepada 10 buah daerah SYABAS dengan enam Emas (Kelas I), tiga Emas (Kelas II) dan satu Merit Emas; dan 20 LPA PNSB dengan 20 anugerah iaitu tiga Merit Emas, 11 Emas (Kelas I) dan enam Emas (Kelas II).

PNSB telah mencapai kejayaan cemerlang dalam pertandingan di Konvensyen Kecemerlangan Pasukan 2014 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia pada bulan April hingga Jun 2014 dengan memenangi 20 anugerah emas dan lima anugerah perak secara keseluruhannya. Keunggulan PNSB dalam Konvensyen Kecemerlangan Pasukan pada tahun ini telah diakhiri dengan kejayaan PNSB merangkul Anugerah Emas Tiga Bintang & Juara bagi Sektor Perkhidmatan dan membawa pulang Anugerah Emas Tiga Bintang & 10 Terbaik bagi Sektor Perkhidmatan, tujuh Anugerah Emas Tiga Bintang dan tiga Anugerah Emas Dua Bintang di Konvensyen ICC Kecemerlangan Pasukan Kebangsaan yang diadakan dari 24 hingga 26 November 2014.

Di samping itu, Makmal Pusat pula telah menerima Anugerah Kecemerlangan Makmal IKM 2014 untuk tahun ketiga berturut-turut. Anugerah ini diberikan kepada makmal yang mencapai piawaian kualiti antarabangsa, serta piawaian keselamatan dan kesihatan makmal.

Baru-baru ini iaitu pada 22 Mac 2015, PNHB berjaya memperolehi Anugerah Century International Quality ERA (CQE) dalam kategori emas di majlis Century International Quality ERA Convention 2015 yang diadakan di Geneva, Switzerland. Anugerah ini memberi pengiktirafan terhadap komitmen PNHB kepada amalan terbaik dalam Pengurusan Kualiti Menyeluruh dan keupayaannya untuk menampilkan amalan kualiti dan kecemerlangan dalam operasi perniagaannya serta dalam melindungi alam sekitar.

TINJAUAN MASA DEPAN

Ekonomi Malaysia dijangka akan terus berada di landasan pertumbuhan yang mantap. Pemulihan pertumbuhan global secara berperingkat akan memberi sokongan kepada prestasi eksport sektor perkilangan walaupun pertumbuhan eksport secara keseluruhan berkemungkinan kekal sederhana dalam keadaan harga komoditi yang rendah. Permintaan domestik pula dijangka kekal menggalakkan walaupun berhadapan dengan masalah harga minyak yang rendah. Aktiviti pelaburan diunjur kekal berdaya tahan di mana perbelanjaan modal dengan asas yang luas oleh sektor awam dan swasta mampu membendung penyusutan aktiviti pelaburan berkaitan minyak dan gas. Sungguhpun penggunaan swasta dijangka berkembang sederhana, namun kemantapan peningkatan pendapatan dan guna tenaga serta tambahan pendapatan boleh belanja yang timbul daripada penurunan harga minyak akan menyokong perbelanjaan isi rumah.

(Sumber: Bank Negara Malaysia, Pembangunan Ekonomi dan Kewangan di Malaysia pada Suku Keempat 2014)

RANCANGAN MASA DEPAN

Apabila Cadangan Penjualan diselesaikan, sebahagian besar perniagaan pembersihan air Kumpulan akan meliputi projek-projeknya di Republik Rakyat China, yang mana terdiri daripada dua konsesi pembersihan air (tamat tempoh pada tahun 2038 dan 2039) dan satu konsesi pembersihan air sisa (tamat tempoh pada tahun 2035). Kumpulan akan terus menerokai pelbagai peluang, baik di dalam mahupun di luar negara, untuk memanfaatkan kepakaran dan pengalaman yang dibina olehnya dalam perniagaan berkaitan air dan air sisa sejak sekian lama.

Pada masa yang sama, Lembaga Pengarah percaya bahawa prospek masa depan perniagaan O&G kekal positif berdasarkan kepada tinjauan industri jangka panjang, pelbagai projek Kumpulan yang sedia-ada serta kontrak berpotensi. Justeru, Kumpulan akan memperhebatkan usaha untuk mendapatkan lebih banyak projek O&G di dalam mahupun di luar negara selaras dengan wawasannya untuk menjadi pemain terkemuka dalam segmen perniagaan ini. Sebagai langkah menuju ke hadapan, kami menjangka sumbangan pendapatan daripada Bahagian O&G atau daripada sebuah perniagaan baharu bakal menjadi penyumbang hasil dan keuntungan utama Kumpulan.

Sebagai langkah ke hadapan, kami akan meninjau peluang untuk mengembangkan operasi pembinaan kami dalam bidang-bidang berkaitan dengan perniagaan teras kami yang sedia-ada, baik di dalam negara mahupun di luar negara, khususnya di ASEAN.

Syarikat juga sedang menerokai pelbagai peluang dalam segmen perniagaan yang tiada kaitan dengan operasi perniagaannya pada masa ini.

PENYUSUNAN SEMULA KEPIMPINAN

Bagi memenuhi keperluan tempoh peralihan yang akan membawa kepada penyelesaian Cadangan Penjualan dan selaras dengan penyusunan semula kepimpinan serta perubahan Lembaga Pengarah PNHB, beberapa perubahan telah dilakukan di peringkat Lembaga Pengarah PNHB di mana saya akan secara serentak memegang jawatan sebagai Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan PNHB dan YBhg Dato' Syed Danial Syed Ariffin, Ketua Pegawai Operasi Syarikat pula telah didesignasikan ke jawatan Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi. Semua perubahan ini termasuk juga perubahan di dalam Lembaga Pengarah Kumpulan PNHB adalah perlu bagi memastikan PNHB dan Kumpulan meneruskan fungsi yang cekap.

PENGHARGAAN

Sungguhpun berhadapan dengan satu lagi tahun yang mencabar, namun Kumpulan dan warga kerjanya berjaya menampilkan daya ketahanan dan keazaman yang luar biasa. Kini, dengan tercapainya resolusi berhubung Cadangan Penstrukturan Semula Perkhidmatan Air, saya bagi pihak Lembaga Pengarah, ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga terhadap kemahiran, semangat kerja berpasukan dan kesungguhan yang tidak berbelah bagi yang ditampilkan oleh pihak Pengurusan dan kakitangan kami sepanjang tahun 2014 dan beberapa tahun kebelakangan ini, yang telah membolehkan kami mengharungi pelbagai cabaran getir pada tahun 2014 dan sepanjang tahun-tahun sebelumnya.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih setulus ikhlas kepada para pemegang saham, pelabur, pelanggan, pembiaya, rakan kongsi perniagaan dan semua pemegang kepentingan kami. Sokongan yang anda berikan sungguh bernilai, malah kepercayaan anda kepada Kumpulan telah sekali lagi menjadi sumber inspirasi kepada kami. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih ini juga saya tujukan kepada Kerajaan dan pelbagai pihak berkuasa kerajaan, agensi dan organisasi bukan kerajaan yang sentiasa menghulurkan bantuan kepada kami yang berupa buah fikiran dan nasihat sepanjang tahun ini.

Dalam merangka hala tuju masa depan Kumpulan, kami menanam azam baharu dengan mengukuhkan komitmen untuk membina perniagaan mampan dengan nilai jangka panjang bagi pemegang saham dan pemegang kepentingan kami, yang akan membantu mempertingkatkan taraf kehidupan masyarakat di bawah perkhidmatan kami sambil menjaga alam sekitar untuk manfaat generasi masa depan.

Terima kasih.

TAN SRI ROZALI ISMAIL
Pengerusi Eksekutif/Pengarah Urusan
20 April 2015

PROFIL
KORPORAT

SYARIKAT KAMI

Kumpulan Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") adalah sebuah penyedia penyelesaian bersepadu bagi air, air sisa dan alam sekitar yang terunggul di rantau ini dan bakal muncul sebagai salah sebuah syarikat peneraju utama dalam sektor minyak & gas. PNHB merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan induk, sementara syarikat subsidiarinya terlibat terutamanya dalam operasi, penyelenggaraan, pengurusan, pembinaan, pemuliharaan dan penaiktarafan kemudahan pemprosesan air, pembekalan dan pengagihan air bersih di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, menjalankan kerja kontrak instalasi pesisir pantai khususnya dalam bidang pengangkutan bersepadu, kemudahan instalasi pesisir pantai, kerja pembinaan serta menjalankan penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan teknologi untuk sektor air, air sisa dan alam sekitar.

Ditubuhkan pada 7 Januari 1997, PNHB telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (kini dikenali sebagai Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad) pada 8 Julai 1997. Pada akhir 31 Disember 2014, PNHB mempunyai permodalan pasaran sebanyak RM1.23 bilion. Ia merupakan syarikat konsesi pembersihan dan pembekalan air yang pertama disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad menurut garis panduan Syarikat Projek Infrastruktur yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

TERAS PERNIAGAAN DAN KEMAMPUAN KAMI

Syarikat subsidiari kami, Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") yang memegang lima konsesi rawatan air dengan Kerajaan Negeri Selangor, merupakan pemegang konsesi pembekalan air kedua terbesar di negara ini, mengendali, mengurus dan menyelenggara 29 buah loji pembersihan air dengan kapasiti gabungan sebanyak 1,956 juta liter air sehari. PNSB melaksanakan pembiayaan, merekabentuk, membina, mengendali, mengurus dan menyelenggara Loji Pembersihan Air Sungai Selangor Phase 2 dengan kapasiti direkabentuk untuk menampung sebanyak 950 juta liter sehari pada kos berjumlah RM1.28 bilion yang telah siap dibina pada 1 Januari 2001, setahun lebih awal daripada yang dijadualkan. Kemudiannya, PNSB menyiapkan Loji Pembersihan Air Wangsa Maju dengan kapasiti direkabentuk untuk menampung sebanyak 45 juta liter sehari pada kos RM122.0 juta dalam rekod masa enam bulan pada Julai 1998, ketika berlakunya krisis air. Penyiapan projek yang lebih awal ini jelas membuktikan keupayaan cemerlang Kumpulan PNHB dalam mengurus dan menjalankan projek bekalan air berskala besar di Malaysia.

Di bawah satu perjanjian konsesi berasingan dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor, syarikat subsidiari kami yang lain, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS"), membekalkan air bersih kepada 7.5 juta penduduk di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, termasuk pengguna perindustrian dan komersial dengan jumlah pendaftaran sebanyak 2.01 juta akaun pengguna setakat 31 Disember 2014. SYABAS juga menyelenggara 27,479 km paip air, 1,561 takungan servis, tangki air bertingkat dan tangki sedutan serta 632 stesen pengepam 'booster' di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Pada pertengahan tahun 2008, Kumpulan PNHB telah menembusi pasaran China melalui syarikat subsidiari 80% milikannya pada masa itu, iaitu Sino Water Pte Ltd ("Sino Water"), sebuah syarikat yang diperbadankan di Singapura yang tertumpu kepada pasaran berpotensi di China. Sino Water telah menubuhkan beberapa syarikat subsidiari di Republik Rakyat China untuk menjalankan projek air minum dan air sisa di beberapa wilayah di China. Kepentingan ekuiti PNHB dalam Sino Water sekarang adalah sebanyak 98.65%.

Bagi peninjauan rancangan pengembangan ke luar negara Kumpulan PNHB dalam sektor air dan perniagaan baharu di negara-negara Asia, pada pertengahan tahun 2010, PNHB telah menubuhkan sebuah syarikat subsidiari milik penuh di Singapura iaitu Puncak Niaga Overseas Capital Pte Ltd.

Pada 10 Mac 2011, PNHB telah menubuhkan sebuah syarikat subsidiari milik 100% di India, Puncak Niaga Infrastructures & Projects Private Limited yang akan memberi tumpuan terutamanya kepada pasaran berpotensi di India.

Pada 28 September 2011, Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG") telah menyempurnakan pengambilalihan ekuiti dua (2) entiti minyak dan gas, iaitu GOM Resources Sdn Bhd ("GOM Resources") dan KGL Ltd. ("KGL") yang mempunyai rekod pencapaian yang telah terbukti dalam pelaksanaan kerja-kerja minyak dan gas bagi Petronas, dan pengambilalihan ini telah menjadikan kedua-dua GOM Resources serta KGL syarikat subsidiari milik penuh POG. Pengambilalihan ini membolehkan Kumpulan Puncak bakal muncul sebagai salah sebuah syarikat peneraju utama dalam sektor minyak & gas.

Pada 9 Januari 2013, POG telah memperbadankan sebuah syarikat berhad milik penuh di Republik Kesatuan Myanmar ("Myanmar") iaitu GOM Resources Limited untuk meninjau peluang perniagaan yang berpotensi di Myanmar.

Pada 1 Mac 2013, syarikat subsidiari milik penuh Sino Water, Sino Water Environmental Consultancy (Shanghai) Co Ltd telah mendirikan sebuah Pejabat Perhubungan di Chengdu, Wilayah Sichuan, China untuk meninjau peluang perniagaan berpotensi di Wilayah Sichuan. Pejabat Perhubungan tersebut telah ditutup pada 28 Februari 2015 memandangkan tiada peluang perniagaan berpotensi di Wilayah Sichuan.

Pada 23 Ogos 2013, PNHB telah mengambilalih sebuah syarikat subsidiari 100% milik penuh, iaitu Puncak Niaga Construction Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat pembinaan PNHB yang kini sedang menjalankan beberapa projek pembinaan bagi Kumpulan.

Pada 23 Ogos 2013, PNHB juga telah memperolehi sebuah syarikat subsidiari 100% milik penuh, iaitu Murni Estate Sdn Bhd, yang akan memberi tumpuan kepada perniagaan berkaitan estet dan perladangan. Buat masa ini, Murni Estate Sdn Bhd adalah sebuah syarikat tidak aktif.

Pada 31 Disember 2013, Syarikat telah menubuhkan sebuah cawangan di Myanmar, iaitu Puncak Niaga Holdings Berhad (Myanmar Branch) bagi memudahkan Kumpulan PNHB menerokai potensi peluang perniagaan berkaitan dengan air dan air sisa di Myanmar. Borang Permit kekal cawangan tersebut sah bermula dari 31 Disember 2013 sehingga 30 Disember 2018.

Pada 20 Februari 2014, Luancheng Dayu Water Supply Co Ltd, sebuah anak syarikat kepada subsidiari Syarikat, Sino Water telah berhenti menjadi subsidiari Sino Water.

Pada 14 Mac 2014, PNHB telah memperolehi sebuah subsidiari milik penuh, iaitu Magnum Nature Sdn Bhd untuk Kumpulan meninjau rancangan pengembangan perniagaannya. Buat masa ini, Magnum Nature Sdn Bhd adalah sebuah syarikat tidak aktif.

Pada 28 April 2014, Syarikat telah menubuhkan sebuah cawangan di Brunei Darussalam, iaitu Puncak Niaga Holdings Berhad (Brunei Branch) untuk Kumpulan PNHB meninjau usaha pembangunan perniagaan bagi Kumpulan PNHB di Brunei Darussalam.

Pada 10 Jun 2014, subsidiari milik penuh Syarikat, NS Water System Sdn Bhd telah menukarkan namanya kepada Puncak Niaga Management Services Sdn Bhd.

PROFIL
KORPORAT

Daripada lebih 4,000 bilangan kakitangan dalam Kumpulan PNHB, lebih setengah daripada mereka terdiri daripada anggota pengurusan, profesional, eksekutif teknikal dan penyeliaan yang mempunyai kemahiran utama dalam bidang kejuruteraan, perakaunan, perundangan, pengurusan, pentadbiran dan perniagaan; yang mana merupakan instrumen Kumpulan untuk menyokong perniagaan dan operasinya.

KOMITMEN KAMI TERHADAP WARGA KORPORAT

Kumpulan PNHB komited dalam mendokong prinsip tadbir urus korporat dan nilai-nilai teras yang baik seperti kualiti, nilai, perkhidmatan, inovasi dan kepercayaan dalam pengendalian perniagaan kami yang merupakan nilai penting dan yang merumus kejayaan kami sepanjang tahun. Kami juga telah berulang kali menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan bagi tadbir urus, laporan tahunan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang baik; serta laporan alam sekitar dan kemasyarakatan.

Sejajar dengan visi dan misi korporat kami, kami bertekad untuk bertanggungjawab terhadap alam sekitar dalam perlindungan, pemuliharaan dan pertingkatkan alam semulajadi terutamanya dalam aspek pengurusan sumber air, bidang yang berkaitan dengan operasi perniagaan kami. Program Briged Penyelamat Sungai yang dimulakan oleh Pengerusi Eksekutif kami pada tahun 1998 merupakan sebuah program yang bermatlamat untuk mendidik generasi muda mengenai kepentingan pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar, terutamanya sungai. Sehingga kini, kami telah mendaftarkan seramai 9,427 pelajar sekolah, 478 pelajar universiti dan 475 buah sekolah di Negeri Selangor dan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya dalam program ini. Pada bulan November 2007, Briged Penyelamat Sungai kami telah diberi 'Honourable Mention' dalam Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) ("CSR") Perdana Menteri 2007. Sebuah lagi program, iaitu Turun Ke Padang yang dilancarkan pada tahun 1999, merupakan lanjutan kepada program Briged Penyelamat Sungai yang bertujuan untuk mendidik pelajar sekolah rendah dan menengah serta pusat pengajian tinggi yang terletak di sekitar kawasan operasi kami mengenai kepentingan pemuliharaan sungai. Objektif program ini ialah untuk memastikan supaya air bersih dapat dibekalkan secara berterusan dan untuk menerangkan kepada mereka tentang peranan yang dimainkan oleh PNSB dan SYABAS, masing-masing dalam proses rawatan air dan dalam proses pengagihan air.

Sebagai sebahagian daripada program Tanggungjawab Sosial Korporatnya, Kumpulan juga telah menyumbangkan beberapa unit JERNIH, suatu sistem penapisan air minum mudah-alih ciptaan penyelidikan dan pembangunan secara usaha-sama antara PNHB dan Angkatan Tentera Malaysia, serta penyumbangan sebelas (11) buah lori tangki air ke negeri-negeri yang dilanda banjir iaitu Kelantan dan Pahang pada 2014 untuk menyediakan air bersih kepada komuniti mangsa banjir.

RANCANGAN MASA DEPAN

Selaras dengan matlamat Kumpulan PNHB untuk mengembangkan perniagaannya dan menyampaikan nilai kepada para pemegang kepentingan, kami akan berusaha untuk meluaskan lagi operasi kami dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan perniagaan teras kami dan sektor lain seperti sektor minyak & gas, di Malaysia dan di luar negara.

MAKLUMAT **KORPORAT**

LEMBAGA PENGARAH

Yang Berbahagia
Tan Sri Rozali Ismail
Pengerusi Eksekutif/
Pengarah Urusan

Yang Berbahagia
Dato' Ruslan Hassan
Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif

Yang Berbahagia
Dato' Ir Lee Miang Koi
Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif

Yang Berbahagia Tan Sri Dato'
Hari Narayanan Govindasamy
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Yang Berbahagia Tan Sri Dato'
Seri Dr Ting Chew Peh
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Yang Amat Mulia Tengku
Dato' Rahimah Almarhum
Sultan Mahmud
Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif

Yang Berbahagia
Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi
Haji Abdul Razak
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Yang Berbahagia
Dato' Syed Danial Syed Ariffin
Pengarah Eksekutif
Bahagian Operasi

Encik Ng Wah Tar
Pengarah Eksekutif
Bahagian Kewangan Korporat

KETUA PEGAWAI KEWANGAN

Puan Wong Ley Chan

SETIAUSAHA-SETIAUSAHA SYARIKAT

Puan Tan Bee Lian
(MAICSA 7006285)

Puan Lim Yew Heang
(MAICSA 7007653)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 10, Wisma Rozali
No. 4, Persiaran Sukan
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : +603-5522 8428
Faks : +603-5512 0220

PEJABAT UTAMA

Wisma Rozali
No. 4, Persiaran Sukan
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : +603-5522 8589
Faks : +603-5522 8598
e-mel (am):
pr@puncakniaga.com.my
e-mel (pelabur):
investors@puncakniaga.com.my
Laman web:
www.puncakniaga.com.my

PEJABAT-PEJABAT CAWANGAN DI MALAYSIA

Pejabat Pulau Pinang
No. 12C, Jalan Todak 5
Pusat Bandar Seberang Jaya
13700 Perai, Pulau Pinang
Tel : +604-397 8589

Pejabat Sarawak
Lot 10864
Seksyen 64, KTLD
Jalan Mendu
93200 Kuching, Sarawak
Tel : +6082-332 589
Faks : +6082-337 589

Pejabat Tapak Sarikei
Tingkat 1, No. 82C
Wisma CS Kua
Jalan Masjid Lama
96100 Sarikei, Sarawak
Tel : +6084-656 206
Faks : +6084-656 208

Pejabat Sabah
No. 5, Tingkat 1, Blok A
Lorong Plaza Permai 1
Alamesra
Sulaman Coastal Highway
88400 Kota Kinabalu
Sabah
Tel : +6088-486 070
Faks : +6088-486 069

PEJABAT-PEJABAT SUBSIDIARI

MALAYSIA

Pejabat Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB")
Wisma Rozali
No. 4, Persiaran Sukan
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : +603-5522 8589
Faks : +603-5522 8598

Pejabat Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS")
Ibu Pejabat SYABAS
Jalan Pantai Baharu
59200 Kuala Lumpur
Tel : +603-2282 6244 /
+603-2088 5400
Faks : +603-2282 7976
e-mel : puspel@syabas.com.my
Laman web:
www.syabas.com.my
Rangkaian: follow@puspel
(di Twitter dan Facebook)

MAKLUMAT
KORPORAT

Pejabat Puncak Oil & Gas Sdn Bhd
Aras 17, Menara 1
Etiqa Twins
No. 11, Jalan Pinang
50450 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan
Tel : +603-2176 2000
Faks : +603-2176 2100
e-mel : info@puncakoil.com

Pejabat GOM Resources Sdn Bhd
Aras 17, Menara 1
Etiqa Twins
No. 11, Jalan Pinang
50450 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan
Tel : +603-2176 2000
Faks : +603-2176 2100
e-mel : info@gomresources.com

Pejabat Puncak Niaga Construction Sdn Bhd
Tingkat 3, Wisma Rozali
No. 4, Persiaran Sukan
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : +603-5522 8589
Faks : +603-5510 1196

Pejabat Puncak Niaga Management Services Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai NS Water System Sdn Bhd)
Wisma Rozali
No. 4, Persiaran Sukan
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : +603-5522 8589
Faks : +603-5522 8598

Pejabat KGL Ltd.
c/o Aras 15(A1)
Main Office Tower
Financial Park Labuan
Jalan Merdeka
87000 Labuan
Wilayah Persekutuan
Tel : +6087-443118
Faks : +6087-441288
e-mel : info@gomresources.com

SINGAPURA

Pejabat Sino Water Pte Ltd dan Puncak Niaga Overseas Capital Pte Ltd
No. 8, Eu Tong Sen Street
#22-85 & #22-86
The Central
Singapore 059818
Tel : +65 6224 9220
(Talian utama)
+65 6222 7926
Faks : +65 6222 6812

CHINA

Pejabat Sino Water Environmental Consultancy (Shanghai) Co. Ltd
Unit 301, No. 398
City Gateway
Caoxi (North) Road
Xuhui District
200030 Shanghai
People's Republic of China
Tel : +86-21-6090 5282
Faks : +86-21-6090 5281

Pejabat Luwei (Pingdingshan) Water Co. Ltd
No. 6, ShunCheng Road (East)
Lushan County
Henan Province
467300
People's Republic of China
Tel / Faks : +86-375-589 1036

Pejabat Xinnuo Water (Binzhou) Co. Ltd
Chenlou Industrial &
Commerce Park
Laodian Town
Yangxin County
Shandong Province
251802
People's Republic of China
Tel / Faks : +86-543-898 3008

Pejabat Hebei Sino Panlong Industrial Water Supply Co. Ltd
No. 117, Renmin Road
Yuanshi County
Hebei Province
051130
People's Republic of China
Tel / Faks : +86-311-8463 8813

INDIA

Puncak Niaga Infrastructures & Projects Private Limited
No. 12, 7th Main Road
First Floor
Kasturibai Nagar
Adyar
Chennai 600020
Tamil Nadu, India
Tel : +91-44-4210 2058
Faks : +91-44-4210 2028

MYANMAR

GOM Resources Limited
c/o Building C 1
Room No. 005, Ground Floor
Hninnsi Street
Yuzana Highway Complex
Kamayut Township
Yangon, Myanmar
Tel : +951 701 225 /
+951 700 659
Faks : +951 524 828

CAWANGAN-CAWANGAN DI LUAR NEGARA

MYANMAR

Puncak Niaga Holdings Berhad (Myanmar Branch)
c/o No. 134/A Than Lwin Road
Golden Valley Wards 1
Bahan Township, Yangon
Republic of the Union of
Myanmar
Tel : +95-152 6180

BRUNEI

Puncak Niaga Holdings Berhad (Brunei Branch)
c/o Bilik 308B, Aras 3
Wisma Jaya, Jalan Pemancha
Bandar Seri Begawan BS 8811
Negara Brunei Darussalam
Tel : +673-223 2780/1/2
Faks : +673-223 2783

TARIKH DAN TEMPAT DIPERBADANKAN

7 Januari 1997, Malaysia

NOMBOR SYARIKAT

416087-U

JURUAUDIT

Tetuan KPMG (AF 0758)

PENASIHAT CUKAI

Ernst & Young
Tax Consultants Sdn Bhd

BANK-BANK UTAMA

RHB Bank Berhad (6171-M)
OCBC Bank (Malaysia) Berhad (295400-W)
Hong Leong Bank Berhad (97141-X)
United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K)

PEGUAMCARA

Tetuan Adnan Sundra & Low
Tetuan Belden
Tetuan Lee Hishammuddin Allen & Gledhill
Tetuan Skrine
Tetuan Soo Thien Ming & Nashrah
Tetuan Sreenevasan Young

PENDAFTAR SAHAM

(tempat simpanan semua daftar sekuriti)

Tricor Investor Services Sdn Bhd (118401-V)
Aras 17
The Gardens North Tower
Mid Valley City
Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
Tel : +603-2264 3883
Faks : +603-2282 1886

PENYENARAIAN BURSA SAHAM

Pasaran Utama
Bursa Malaysia Securities Berhad
Projek Infrastruktur
Sektor Syarikat-syarikat

JAWATANKUASA AUDIT

Pengerusi:
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh

Ahli-ahli:
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy
Yang Amat Mulia Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak

Setiausaha-setiausaha:
Puan Tan Bee Lian
Puan Lim Yew Heang

JAWATANKUASA GANJARAN

Pengerusi:
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak

Ahli-ahli:
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh
Encik Ng Wah Tar

Setiausaha-setiausaha:
Puan Tan Bee Lian
Puan Lim Yew Heang

JAWATANKUASA PENCALONAN

Pengerusi:
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak

Ahli-ahli:
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh

Setiausaha-setiausaha:
Puan Tan Bee Lian
Puan Lim Yew Heang

JAWATANKUASA PEMATUHAN, KAWALAN DALAMAN DAN DASAR RISIKO (CICR)

Pengerusi:
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh

Ahli-ahli:
Encik Ng Wah Tar
Puan Tan Bee Lian
Puan Wong Ley Chan
Tuan Haji Sonari Solor

Setiausaha:
Puan Johty Priyatharashani A/P Tiagarajah

LAMPIRAN FAKTA
KUMPULAN PNHB 2014

Lampiran Fakta **PNHB**

Modal Saham Yang Dibenarkan pada 31 Disember 2014
RM1,300,000,000
terdiri daripada 1,300,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham

Modal Saham Berbayar pada 31 Disember 2014
RM415,959,777
terdiri daripada 415,959,777 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham

Bilangan Saham Diterbitkan pada 31 Disember 2014
415,959,777

Bilangan Waran Diterbitkan pada 31 Disember 2014
37,843,727

Tarikh Matang Waran
20 Julai 2018

Lampiran Fakta **SYABAS**

Bilangan Akaun Pengguna SYABAS
2.01 juta

Penyelenggaraan paip air
27,479 km

Hasil
RM2,911.7 juta

Bilangan kolam air perkhidmatan, tangki air bertingkat dan tangki sedutan
1,561

Bilangan stesen pengepam
632

Lampiran Fakta **PNSB**

Bilangan Loji Pembersihan Air PNSB
29

Hasil
RM564.7 juta

Bilangan Loji Pembersihan Air dengan Pensijilan ISO
26

Lampiran Fakta **GOM Resources**

Bilangan kapal tongkang
1

Hasil
RM476.5 juta

Lampiran Fakta **PNC**

Bilangan lokasi projek
3

Hasil
RM121.5 juta

SENARAI KEAHLIAN KORPORAT		AHLI SEJAK TAHUN
1.	Persatuan Air Malaysia (MWA)	1994
2.	Persatuan Selatan-Selatan Malaysia (MASSA)	1995
3.	Persatuan Syarikat-Syarikat Tersenarai Awam (FPLC)	1997
4.	Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)	1999
5.	Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT)	2001
6.	Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman (MGCC)	2002
7.	Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH)	2002
8.	American Water Works Association (AWWA)	2002
9.	Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Perancis (MFCCI)	2002
10.	Majlis Perniagaan Malaysia-Rusia	2002
11.	Dewan Perniagaan British-Malaysia (BMCC)	2003
12.	Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (MAJECA)	2003
13.	Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM)	2003
14.	Institut Pemasaran Malaysia (IMM)	2003
15.	Rangkaian Utiliti Air Asia Tenggara (SEAWUN)	2004
16.	Dewan Perniagaan Islamic Malaysia (MICC)	2006
17.	Persatuan Air Singapura	2006
18.	Persatuan Perhubungan Pelabur Malaysia (MIRA)	2008
19.	Persatuan Air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (SWAn)	2008
20.	Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS)	2009
21.	Persatuan Pengurusan & Penyelidikan Alam Sekitar Malaysia (ENSEARCH)	2009
22.	Forum Malaysia-Eropah (MEF)	2011
23.	Majlis Perkhidmatan Minyak & Gas Malaysia	2011
24.	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)	2012
25.	Dewan Perniagaan Arab-Malaysia	2012
26.	Dewan Perniagaan dan Industri EU-Malaysia	2012

PENCAPAIAN **PENTING**

8 JUL 1997
Penyenaraian di Papan Utama BSKL (berkuat kuasa dari 3 Ogos 2009, ia dikenali sebagai Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad) dan pelancaran Laman Web Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB").

1997

14 MAC 1998
Kempen Penjagaan Sungai I bagi murid sekolah telah dilancarkan oleh YB Datuk Haji Mohd Khalid Mohd Yunus, bekas Timbalan Menteri Pelajaran.

1998

4 JAN 1999
PNHB disenaraikan di Indeks Komposit BSKL [kini dikenali sebagai Indeks Komposit FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur.

9 APR 1999
Majlis Menandatangani Pindaan Kedua ke atas Perjanjian Pembinaan dan Operasi.

1999

12 OKT 2000
PNHB memenangi Anugerah Kecemerlangan Korporat BSKL 2000 bagi Syarikat Papan Utama dan Anugerah Sektoral Korporat BSKL 2000 bagi Syarikat Projek Prasarana di Papan Utama.

8 NOV 2000
PNHB diberi penghormatan dengan Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA 2000 bagi kategori 'Syarikat Pembinaan & Projek Prasarana'.

2000

6 NOV 2001
PNHB menerima Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA 2001 di bawah kategori 'Syarikat Pembinaan & Projek Prasarana'.

10 NOV 2001
PNHB telah diberikan Anugerah Citra Laporan Tahunan 2001 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

2001

26 MAC 2002
Pengerusi Eksekutif Kumpulan PNHB, YBhg Tan Sri Rozali Ismail telah dikurniakan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Air Asia 2002 di bawah Kategori Anugerah Individu.

31 OKT 2002
PNHB telah terpilih menerima Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA 2002 bagi Kategori 'Syarikat Pembinaan dan Projek Prasarana'.

2002

20 FEB 2003
PNHB menerima Anugerah Tinjauan Tadbir Urus Korporat Asiamoney 2002 bagi 'Piawaian Tadbir Urus Korporat Terbaik Bagi Sektor Utiliti di Malaysia'.

2003

15 DIS 2004
Perjanjian Konsesi bagi Penswastaan Pengagihan Bekalan Air di Selangor dan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya di antara SYABAS, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor.

31 DIS 2004
Majlis Penyerahan 26 LPA di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya daripada CGE Utilities (M) Sdn Bhd kepada PNSB di LPA Bukit Nanas.

2004

1 JAN 2005
YAB Dato' Seri Dr Mohd Khir Toyo merasmikan upacara bagi menandakan permulaan operasi SYABAS di Ibu Pejabat SYABAS.

2005

16 OKT 2006
PNHB mengumumkan pembayaran balik modal sehingga RM767.84 juta melalui pengagihan tunai sebagai ganjaran kepada para pemegang saham.

2006

30 MAC 2007
Majlis Penyerahan LPA Sungai Sireh daripada Kumpulan Perangsang Selangor Berhad kepada PNSB.

15 MEI 2007
SYABAS menerima Anugerah Air Malaysia 2007 (Kategori Pengurusan) untuk PUSPEL.

14 NOV 2007
PNSB menerima Sebutan Khas untuk Briged Penyelamat Sungai PNSB di Majlis Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat Perdana Menteri 2007.

2007

22 MEI 2008
PNHB disenarai pendek untuk Anugerah Laporan Alam Sekitar Dan Sosial ACCA Malaysia (MESRA) 2007 [sekarang dikenali sebagai Anugerah Laporan Kemampanan ACCA Malaysia (MaSRA)] di bawah Kategori Laporan Sosial.

19 NOV 2008
PNHB telah dianugerahkan Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA 2008 bagi Kategori Syarikat Pembinaan & Projek Prasarana di Papan Utama.

2008

10 JAN 2009
SYABAS melancarkan logo baharu PUSPEL dengan cogan kata servis "Mesra, Komited dan Diyakini" sebagai simbol komitmen SYABAS yang berterusan untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada para pengguna.

13 OGOS 2009
PNHB merupakan pemenang bagi Laporan Bersepadu dalam Laporan Tahunan di Anugerah Laporan Kemampanan ACCA Malaysia ("MaSRA") 2009.

2009

14 JAN 2010
SYABAS melancarkan rangkaian sosial PUSPEL iaitu "follow@puspel" di laman Twitter dan Facebook.

8 OKT 2010
SYABAS/PUSPEL telah dianugerahkan dalam kategori "Anugerah Pusat Panggilan Baharu Muncul Terbaik 2010" di Majlis Anugerah Pertubuhan Pengurusan Perhubungan Pelanggan & Pusat Panggilan Malaysia 2010.

2 NOV 2010
Pelancaran rasmi Pusat Kawalan Operasi SYABAS ("OCC").

8 NOV 2010
PNHB muncul sebagai pemenang Laporan Bersepadu dalam Laporan Tahunan bagi Anugerah Laporan Kemampanan ACCA Malaysia (MaSRA) 2010.

2010

28 SEP 2011
POG telah menyelesaikan pengambilalihan baki 60% kepentingan ekuiti dalam GOM Resources dan KGL, justeru, menjadikan GOM Resources dan KGL sebagai syarikat subsidiari milik penuh POG.

4 OKT 2011
PNHB menerima Pengiktirafan untuk Laporan Bersepadu Laporan Tahunan di Anugerah Laporan Kemampanan ACCA Malaysia ("MaSRA") 2011.

13 OKT 2011
PNSB dianugerahkan "Anugerah HR Malaysia 2011 Ke-11 - Majikan Pilihan – Anugerah Perak".

2011

23 FEB 2012
Pengerusi Eksekutif Kumpulan PNHB, YBhg Tan Sri Rozali Ismail telah dianugerahkan Anugerah Pencapaian Malaysia 2012 Pertama Kategori Pencapaian Individu Khas.

19 JUN 2012
PNHB menerima dua anugerah, iaitu Federation of Public Listed Companies Berhad ("FPLC") – Anugerah Pengiktirafan Penajaan 10 Syarikat Tertinggi 2010/2011 – CSR dalam Aktiviti Sukan dan 10 Syarikat Utama Paling Aktif Menyertai Seminar dan Persidangan Pembangunan Profesional.

11 OKT 2012
PNSB memperolehi Anugerah Gangsa di Anugerah HR Malaysia 2012 ke-12 - Majikan Pilihan.

27 OKT 2012
PNHB memperolehi anugerah 'Socrates International Award' di Oxford, United Kingdom.

30 NOV 2012
Makmal Pusat PNSB/Makmal LPA SSP2 dianugerahkan dengan Anugerah Kecermerlangan Makmal IKM.

2012

29 OGOS 2013
Pelancaran rasmi 'Projek Naiktaraf Sistem Agihan Air dari Bernam River Headworks (BRH) ke Sabak Bernam'.

6 SEP 2013
Majlis Perasmian Loji Pembersihan Air Luwei (Pingdingshan) Water Co Ltd di Lushan, China.

24 OKT 2013
PNSB memperolehi Anugerah HR Malaysia 2013 (Majikan Pilihan) – Anugerah Perak.

22-25
PNSB
Anugeran Kecemerlangan di International Convention on Quality Control Circle 2013 (ICQCC) yang diadakan di Taipei, Taiwan.

2013

BERITA
PUNCAK

Hantar bantuan air bersih

Inventors of Jernih water system win gold award

KUALA LUMPUR: The armed forces and Puncak Niaga Holdings Bhd won an international gold award for jointly inventing a potable water purification system for the needy in war-torn Afghanistan.

A Defence Ministry spokesman said the Jointly-developed, Efficient, Robust, Novel, Innovative and Handy (Jernih) system bagged the "GA Kaizen Competition Stream" award at the International Conference on Quality in Tokyo on Oct 21.

The system can be packed in a bag and provide 3,500 litres of treated water for up to 600 people in disaster-stricken interiors.

Jernih was developed as part of humanitarian efforts undertaken by the Malaysian Contingent serving under the International Security Assistance Force, which served in the Bamyan region of Afghanistan in 2011.

The system was also deployed

雪水供再推出2手机应用程式

Wa-ter great filter system

Armed Forces team wins global award for clean water project

Lanjut lagi sebulan

Cuteran peringkat pertama, ketiga akan berakhir 30 April

Selangor water asset takeover in final stage

Puncak Niaga up on water deal

KUALA LUMPUR: Puncak Niaga Holdings Bhd's shares closed lower, or four per cent, higher at RM5.60 yesterday after it agreed to sell its stake in Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB) and Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) to Pengurusan Aset Air Selangor Sdn Bhd (PAAS) for RM1.55 billion.

PAAS is a wholly-owned subsidiary of Kumpulan Darul Ehsan Bhd (KDEB).

The decision was made as an amicable conclusion to the protracted negotiations for the acquisition

Syabas uses new technology to detect leaks

tem and 250 big and small leakages discovered, which saved 13.9 million litres of treated water a day," he told a news conference at the Syabas headquarters here yesterday.

Yusof said the system, developed by a Canadian company, used a 300mm ball which contained a battery, electronic component and instrument to check for leaks.

"The ball is placed into the pipe and travels with the flow of water, providing detailed information on the location of any leakage.

"Each time it passes a leak in the pipes, the system will emit a sound. The system is also capable of detect-

Syabas lancar perkhidmatan baharu untuk pelanggan

Oleh ZULKIFLI SAINUDDIN

SHAH ALAM 10 Ok. Dalam usahanya untuk memperuntukkan lagi urusan pengguna dengan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas), syarikat komoen air itu melancarkan cara perkhidmatan baharu berlandaskan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi.

Pengarah Eksekutif Bahagian Pemasaran Syabas, Samsul Sulaiman berkata, dua perkhidmatan tersebut ialah portal perkhidmatan pengguna dan aplikasi mysyabas.

Menurutnya, perkhidmatan itu merupakan alternatif kepada Pusat Perkhidmatan (Puspel) bagi meningkatkan

Syabas pupuk sifat patriotik

O&G switch a positive for Puncak-WB

Puncak-WB vs mother share

Syabas registration for developers goes online

said Syabas receives al- 00 applications each month elopers and the documents took up space but also make and retrieval difficult and ed.

ICT department worked on system since 2012. Even a few modules in the system under construction, the de- can start using the online The said.

60 per cent of developers ay accessing the online sys-

under discussion.

The eDPLAS system covers four elements — registration, de-registration, submission tracking and requisition of discussion (future function).

Developers, who need help accessing the system, can visit Syabas's website where they will be guided.

The system will inform developers of their application status through email or the short messaging service (SMS) and application information will be secure.

"Now, with **eDPLAS**, developers can apply online, anywhere and anytime."

Our Heartiest

APPRECIATION & CONGRATULATIONS

Central Labo

held at Sime

Pembinaan Kuantiti

Puncak Niaga on track to secure RM600 million jobs with Sarawak job

KUCHING: With its second water-related project in Sarawak this

Pakan, Sarawak recently.

AmResearch recalled that the

tracts year-to-date.

Thus, the research firm expects the company to secure RM600 million worth of water-related construction jobs this year to boost its earnings.

Meanwhile, Puncak Niaga in an announcement to Bursa Malaysia on June 12 said the scope of works of the Inner water supply project in Pakan include the supply,

tion and completion of three water reservoirs.

Besides that, the company also needs to supply and provide installation of mechanical and electrical equipment including testing and commissioning of the water supply project. The contract will have a construction period of 21 months and is projected to be completed by September 2016.

Puncak Niaga terima anugerah ekuiti terbaik

SHAH ALAM 28 Jan. - Puncak Niaga Holdings Berhad (PNHB) baru-baru ini menerima Anugerah Transaksi Ekuiti Terbaik di Asia Tenggara untuk Sukuk Ijarah Nilai Nominal Boleh

Para pemenang di nilaian dan pemilih adil dan telus, serta bahan yang menga

Package B (Pipe Laying) for Transportation and Installation of Offshore Facilities for Year 2014-2016

16 January 2014 : GOM Resources had received the 2014 Work Scope for the EVA-NVB Gas Delivery System (ENGDS) Project Contract from PETRONAS Carigali Sdn 2013 which was received by GOM Re

the 2014 Work Scope is for an estim January 2014 and the scope of work from onshore Kerteh, Terengganu Development Area (JDA), installation pre-commissioning, pipeline post lay to

Kualiti bekalan air bersih terjamin – Puncak Niaga

Oleh AQMAR ALLADAD
aqmar.alladad@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd. (PNSB)

tau lebih kerap dan ketat.

"Tahap kualiti air dipantau secara berterusan melalui pelbagai kaedah seperti alat-an analisis secara atas talian

makmal

dua

Air Mi-
oleh
me-
adap
ligam
dan or-

INFO Paras takungan air empangan di Selangor semalam

Empangan	Takungan
Empangan Sungai Selangor	32.10 peratus
Empangan Sungai Tinggi	45.2 peratus
Empangan Batu	81.44 peratus
Empangan Klang Gates	69.53 peratus
Kolam Takungan Sungai Labu	56.51 peratus
	62.12 peratus
	75.02 peratus
	65.10 peratus

Laporan oleh Lembaga Urus
dari www.luas.gov.my

Optimistic that Puncak Niaga will gain from more contracts award

From Page B1

On another note, the research arm of MIDF Amanah Investment Bank Bhd (MIDF Research) said the company's orderbook is expected to help the company's busy for the next two to four

Additionally, MIDF Research observed that Puncak Niaga's oil and gas business remains supportive of the company's financial performance.

Puncak Niaga's oil and gas

has its orderbook of approximate

billion from Petroliam Nasio

and installation jobs.

Together with Puncak Niaga's water-related construction business, both

Syabas does its best to spare hospitals

SYARIKAT Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) will do its best to ensure hospitals within the

household per day, eve

storing water.

"Everyone must play

part. Store adequate wa

SYABAS selesai 817,302 aduan

» Talian bebas tol PUSPEL saluran penting tingkat mutu bekalan air

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

Subang Jaya

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) berjaya menyelesaikan 817,302 daripada 1.18 juta aduan pengguna sepanjang April hingga Disember lalu.

Pemakaian Pengurus Besar Pemangkuan Korporat dan Hal

Oleh Siti Suraya Md Tap
hmetroshahalam@mediapri-ma.commy
Shah Alam

Dalam usaha mengukuhkan kerjasama dalam industri air, Puncak Niaga Holdings Bhd (Puncak Niaga) memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan Metropolitan Waterworks Authority (MWA) yang berpang-di Thailand.

jian yang disempur-
Pengerusi Eksekutif
Naga, Tan Sri Rozali
manakala MWA pula
Gabenor Thanasak
kana.
Niaga dalam satu
media berkata,
pertukaran itu ber-
memperkukuh hubu-
tara dua pihak mem-
pelbagai latihan
, selain menganjur-
program kebudayaan
latihan teknikal
kan interaksi dan
kaitan antara

ROZALI (kiri) dan Thanasak menyempurnakan perjanjian persefahaman.

Kerjasama industri air

■ **Puncak Niaga meterai perjanjian persefahaman dengan syarikat Thailand**

Sementara itu, PNHB ya-
kerjasama strategik itu
mencetuskan lebih ba-
Mea menarik untuk di-
arhan kepada pekerja
pergaulan kebudayaan
lebih luas.

"Gabungan kerja
jangka mampu
kalitangan syarik
produktif hasil ga
baru dan modal
lebih cekap serta
luang bagi potensi

"Puncak Niaga
rikat beroperasi
kan air bersih
'Greater Kuala Lu
merangkumi 7.5
guna, termasuk s
tri dan komersial.

Air Selangor inks accord with Puncak Niaga

By ZUHRIN AZAM AHMAD
zuhrinazam@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Selangor's new water entity, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), has signed the share sale and purchase agreement with Puncak Niaga Holdings Bhd, marking the start of the takeover of the operations and maintenance of water treatment plants and water supply services in the state.

Following the agreement, Air Selangor is now the new owner of Puncak Niaga (M) Sdn Bhd and Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas).

Puncak Niaga Holdings owns 100% of Puncak Niaga (M) Sdn Bhd and a 70% stake in Syabas.

The agreement was signed in Putrajaya yesterday by Air Selangor chief executive officer Suhaimi Kamaruzaman while Puncak Niaga Holdings was represented by its non-executive director Datuk Ruslan Hassan, who is also Syabas CEO. The event was witnessed by Energy,

PNHB sumbang RM108,500 konvokesyen PSIS

SHAH ALAM 1 Sept. - Puncak Niaga Holdings Berhad (PNHB) menyumbangkan RM108,500 kepada Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Sungai Lang, Sabak Bernam sempena majlis konvokesyen kesembilan institusi pengajian tinggi awam itu esok.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Mohtar Jaafar berkata, sumbangan tersebut berupa satu set pakaian pembawa colmat dan 2,000 topi sejat empat siswazah.

"Sumbangan ini merupakan salah satu komitmen PNHB lanjutan kepada pemeterai memorandum persefahaman (MoU) antara syarikat terbesar dalam industri air ini dengan PSIS sebagai sebuah pusat pendidikan.

"Kita berharap kerjasama antara dalam bidang industri kejuruteraan alam sekitar melibatkan pemprosesan air mentah," katanya.

Beliau berkata dentiman kepada pemberita selepas majlis penyampaian sumbangan tersebut sempena Program Perkongsian Pintar PNHB Bersama PSIS di sini.

Yang turut hadir, Pengurus Besar Jabatan Teknologi Makmal PNHB, Aslan Shah Rozali mewakili Pengerusi Eksekutif PNHB, Tan Sri Rozali Ismail; Pengarah PSIS, Sulong Yahya dan Pengarah Urusan Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd., Datuk Syed Danial Syed AriffIn.

Sementara itu, Aslan Shah ketika membacakan teks ucapan Rozali berkata, sejak MoU antara kedua-dua pihak ditandatangani pada 2012, sebanyak 30 pela-

pembangunan modal insan ke-
arah negara berpendapatan tinggi
menjelang 2020. Kita juga beker-
jasama bagi menjadikan kokurikul-
um PSIS dapat disesuaikan dengan
keperluan industri terutama me-
nyentuh industri air.

"PNHB menganggap perkong-
sian pintar ini bukan sahaja seba-
gai tanggungjawab sosial korporat
(CSR) malahan sebahagian daripada
jihad membantu kemajuan dan
memajukan bidang pendidikan ter-
tuk agama, bangsa dan negara," ka-
tanya.

Pada konvokesyen PSIS kali ini
sebanyak 3,005 graduan bakal me-
nerima diploma masing-masing
terdiri daripada 354 graduan dari
Jabatan Kejuruteraan Awam, 31
graduan Jabatan Kejuruteraan Ele-
trik, 470 graduan Jabatan Perda

PENCAPAIAN
KORPORAT

ALPHA SOUTHEAST ASIA DEAL & SOLUTION AWARDS 2013 KE-7

- Anugerah 'Best-Equity Linked Deal Of The Year in Southest Asia' untuk Sukuk Ijarah Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus Bernilai Norminal RM165.0 juta dianugerahkan kepada PNHB pada 23 Januari 2014.

MINI KONVENSYEN KECEMERLANGAN PASUKAN 2014 WILAYAH SELATAN

dianugerahkan kepada PNSB pada 10 April 2014

Anugerah Emas & "The Most Promising Circle"
- LPA Sg Sireh

Anugerah Emas
- Audit Dalaman
- LPA Batang Kali
- Pejabat Wilayah Selatan

Anugerah Perak
- Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran

KONVENSYEN KECEMERLANGAN PASUKAN 2014 WILAYAH TENGAH

dianugerahkan kepada PNSB pada 28 – 29 May 2014

Anugerah Emas
- Audit Dalaman
- LPA Sg Gombak

Anugerah Perak
- Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran
- LPA Sg Langat
- Pejabat Wilayah Selatan

KONVENSYEN KECEMERLANGAN PASUKAN 2014 WILAYAH TIMUR

dianugerahkan kepada PNSB pada 18 -19 Jun 2014

Anugerah Emas
- LPA Sg Batu
- LPA Sg Sireh
- LPA SSP2
- LPA Cheras Batu 11
- Pejabat Wilayah Utara

KONVENSYEN KECEMERLANGAN PASUKAN 2014 WILAYAH UTARA

dianugerahkan kepada PNSB pada 4 – 5 Jun 2014

Anugerah Emas
- LPA Wangsa Maju
- LPA SSP2 (2 anugerah)

Anugerah Perak
- LPA Salak Tinggi

KONVENSYEN KECEMERLANGAN PASUKAN 2014 WILAYAH SELATAN

dianugerahkan kepada PNSB pada 11 -12 Jun 2014

Anugerah Emas
- LPA Batang Kali
- LPA BRH
- Pejabat Wilayah Tengah
- LPA SSP2
- LPA Bukit Nanas
- Makmal Pusat

ANUGERAH MAJIKAN TERBAIK (CAWANGAN SHAH ALAM) OLEH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
dianugerahkan kepada PNSB pada September 2014

"SGA KAIZEN COMPETITION STREAM" DI PERSIDANGAN ANTARABANGSA KUALITI 2014 -ANUGERAH EMAS
dianugerahkan kepada PNHB bersama Angkatan Tentera Malaysia pada 19 – 22 Oktober 2014

ANUGERAH KECEMERLANGAN MAKMAL INSTITUT KIMIA MALAYSIA 2014
dianugerahkan kepada Makmal Pusat PNSB pada 5 Disember 2014

ANUGERAH HR MALAYSIA 2014 (KATEGORI MAJIKAN PILIHAN) - ANUGERAH PERAK
dianugerahkan kepada PNSB pada 13 November 2014

ANUGERAH NASIONAL MAJLIS KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN ("NCOSH")
- **PEMENANG DI BAWAH KATEGORI UTILITI AIR**
dianugerahkan kepada LPA SSP2 PNSB pada 17 Disember 2014

ANUGERAH PERSATUAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA ("MSOSH") 2013
dianugerahkan kepada PNSB pada 4 November 2014

Anugerah Emas (Kelas I)
- LPA Bukit Nanas
- LPA Gombak
- LPA Kepong
- LPA Sg Batu
- LPA Sg Serai
- LPA North Hummock
- LPA Cheras Batu 11
- LPA Sg Dusun
- LPA Kuala Kubu Bahru
- LPA Ampang Intake
- LPA Sg Selisek

Anugerah Merit Emas
- LPA Wangsa Maju
- LPA SSP2
- LPA Sg Langat

Anugerah Emas (Kelas II)
- LPA Salak Tinggi
- LPA Bukit Tampoi
- LPA Sg Sireh
- LPA Sg Buaya
- LPA Bernam River Headworks
- LPA Rantau Panjang

KONVENSYEN KECEMERLANGAN PASUKAN KEBANGSAAN
dianugerahkan kepada PNSB pada 24 – 26 November 2014

Anugerah Emas 3 Bintang & Juara bagi Sektor Perkhidmatan
- LPA BRH

Anugerah Emas 3 Bintang & 10 Terbaik Bagi Sektor Perkhidmatan
- LPA SSP2

Anugerah Emas 3 Bintang
- LPA SSP2 (2 anugerah)
- LPA Sg Sireh
- Makmal Pusat
- Pejabat Wilayah Tengah
- LPA Cheras Batu 11
- LPA Bukit Nanas

Anugerah Emas 2 Bintang
- LPA Sg Batu
- LPA SSP 2
- Audit Dalaman

ANUGERAH PERSATUAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA ("MSOSH") 2013
dianugerahkan kepada SYABAS pada 4 November 2014

Anugerah Merit Emas
- Daerah Kuala Lumpur

Anugerah Emas (Kelas I)
- Daerah Hulu Langat
- Daerah Klang/ Shah Alam
- Daerah Petaling
- Daerah Gombak
- Daerah Kuala Selangor
- Daerah Sabak Bernam

Anugerah Emas (Kelas II)
- Daerah Hulu Selangor
- Daerah Sepang
- Daerah Kuala Langat

SOROTAN PENTING
2014

SYABAS ialah operator air utama dari segi kualiti air bagi

3

tahun berturut-turut

Kumpulan mencapai keuntungan selepas cukai sebanyak

RM247.9 JUTA

Purata harian air bersih sejumlah

4,593 JUTA

liter sehari telah diagihkan kepada

7.5 JUTA

pengguna

Pada

11 NOVEMBER 2014

PNHB menandatangani SPA dengan Air Selangor untuk penjualan PNSB & SYABAS

SYABAS mengekalkan

99.7%

pematuhan selaras dengan Piawaian Air Minum Kebangsaan (2004) Kementerian Kesihatan untuk bekalan air

SYABAS mencapai kecekapan kutipan sebanyak

99.6%

LPA PNSB mencatat

99.9%

pematuhan selaras dengan piawaian kualiti air bersih

SYABAS mencapai

96.1%

pematuhan dengan penanda aras ½ jam masa tindak balas

Bahagian Minyak & Gas Kumpulan memperolehi hasil yang lebih tinggi sebanyak

RM476.5 JUTA

STRUKTUR ORGANISASI
PNHB

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD (416087-U)

LEMBAGA PENGARAH PNHB

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

- Jawatankuasa Audit (Jabatan Audit Dalaman*)
- Jawatankuasa Imbuhan
- Jawatankuasa Pencalonan
- Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman & Dasar Risiko

EXCO PNHB

PENGERUSI EKSEKUTIF/ PENGARAH URUSAN

YBhg Tan Sri Rozali Ismail

PEJABAT PENGARAH URUSAN

- Jabatan Kontrak & Perolehan
- JabatanTeknologi Maklumat

BAHAGIAN OPERASI	BAHAGIAN KEWANGAN	BAHAGIAN KEWANGAN KORPORAT	BAHAGIAN PERKHIDMATAN KORPORAT	BAHAGIAN SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN	BAHAGIAN SUMBER STRATEGIK & PERHUBUNGAN AWAM	BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
PENGARAH EKSEKUTIF YBhg Dato' Syed Danial Syed Ariffin	KETUA PEGAWAI KEWANGAN Puan Wong Ley Chan	PENGARAH EKSEKUTIF Encik Danny Ng Wah Tar	PENGARAH EKSEKUTIF Puan Tan Bee Lian	PENGARAH EKSEKUTIF Puan Faridatulzakiah Mohd Bakhry	PENGARAH EKSEKUTIF YBhg Prof Dato' Dr Mohd Zainul Fithri Othman	PENGARAH EKSEKUTIF YBhg Dato' Nasir Khan Illadad Khan
• Jabatan Operasi	• Jabatan Kewangan & Akaun • Jabatan Akaun Perlu Dibayar & Perbendaharaan • Jabatan Pampasan & Manfaat	• Jabatan Kewangan Korporat	• Jabatan Perundangan • Jabatan Kesetiausahaan • Jabatan Audit Dalaman*	• Jabatan Sumber Manusia • Jabatan Pentadbiran • Jabatan Perkhidmatan Perlindungan • Jabatan Insurans	• Pusat Sumber Strategik • Jabatan Perhubungan Awam	• Jabatan Pembangunan Perniagaan

Nota:
* Jabatan Audit Dalaman mempunyai talian laporan terus kepada Jawatankuasa Audit dan dari segi pentadbiran terletak di bawah Bahagian Perkhidmatan Korporat.

STRUKTUR
KORPORAT

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD (416087-U)

PEMEGANG PELABURAN

- **100% (Malaysia)**
  PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD
  operasi, penyelenggaraan, pengurusan, pembinaan,pemuliharaan dan menaiktaraf kemudahan pembersihan air
  - **100% (Malaysia)**
    IDEAL WATER RESOURCES SDN BHD
    tidak beroperasi
  - **100% (Malaysia)**
    UNGGUL RAYA (M) SDN BHD
    tidak beroperasi
- **70% (Malaysia)**
  SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD
  bekalan dan pengagihan air bersih di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
  - **100% (Malaysia)**
    PERBADANAN URUS AIR SELANGOR BERHAD
    tidak beroperasi
- **98.65% (Singapura)**
  SINO WATER PTE LTD
  pelaburan dalam projek air dan air sisa di China
  - **100% (China)**
    SINO WATER ENVIRONMENTAL CONSULTANCY (SHANGHAI) CO LTD
    perkhidmatan pakar runding untuk projek air dan air sisa
  - **100% (China)**
    XINNUO WATER (BINZHOU) CO LTD
    rawatan air sisa dan perkhidmatan berkaitan
  - **93.81% (China)**
    LUWEI (PINGDINGSHAN) WATER CO LTD
    rawatan dan pengagihan air dan perkhidmatan berkaitan
  - **80% (China)**
    HEBEI SINO PANLONG INDUSTRIAL WATER SUPPLY CO LTD
    pengagihan air ke kawasan perindustrian
- **100% (Singapura)**
  PUNCAK NIAGA OVERSEAS CAPITAL PTE LTD
  pelaburan dalam air, air sisa, sisa pepejal, alam sekitar dan minyak & gas di negara-negara Asia
- **100% (India)**
  PUNCAK NIAGA INFRASTRUCTURES & PROJECTS PRIVATE LIMITED
  tidak aktif

- **100% (Malaysia)**
  PUNCAK OIL & GAS SDN BHD
  pemegang pelaburan dan penyediaan perkhidmatan logistik luar pesisir dan pengurusan marin
  - **100% (Malaysia)**
    GOM RESOURCES SDN BHD
    menyediakan perkhidmatan pemasangan luar pesisir bagi pengangkutan bersepadu dan pemasangan kemudahan luar pesisir
  - **100% (Labuan)**
    KGL LTD
    penyewaan kapal luar pesisir pada dasar bot kosong
  - **100% (Myanmar)**
    GOM RESOURCES LIMITED
    tidak aktif
- **100% (Malaysia)**
  PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN BHD
  kerja pembinaan, kontrak am dan aktiviti berkaitan
- **100% (Malaysia)**
  PUNCAK NIAGA MANAGEMENT SERVICES SDN BHD
  (dahulunya dikenali sebagai NS Water System Sdn Bhd)
  tidak aktif
- **100% (Malaysia)**
  PUNCAK RESEARCH CENTRE SDN BHD
  penyelidikan & pembangunan dan pembangunan teknologi air, air sisa dan sektor alam sekitar
- **100% (Malaysia)**
  PUNCAK SERI (M) SDN BHD
  aktiviti berkaitan makanan dan minuman
- **100% (Malaysia)**
  PUNCAK NIAGA (INDIA) SDN BHD
  tidak aktif
- **100% (Malaysia)**
  MURNI ESTATE SDN BHD
  tidak aktif
- **100% (Malaysia)**
  MAGNUM NATURE SDN BHD
  tidak aktif
- **SYARIKAT BERSEKUTU**
  - **50% (Malaysia)**
    PURNAMA PERSADA SDN BHD
    tidak aktif
  - **40% (Malaysia)**
    OASIS WATER RESOURCES SDN BHD
    tidak aktif

LEMBAGA
PENGARAH

1. **YBHG TAN SRI ROZALI ISMAIL**
   PENGERUSI EKSEKUTIF KUMPULAN PNHB/ PENGARAH URUSAN

2. **YBHG DATO' RUSLAN HASSAN**
   PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF PNHB DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SYABAS

3. **YBHG DATO' IR LEE MIANG KOI**
   PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF PNHB DAN KETUA PEGAWAI OPERASI SYABAS

4. YBHG TAN SRI DATO' HARI NARAYANAN A/L GOVINDASAMY

PENGARAH BEBAS
BUKAN EKSEKUTIF PNHB

5. YBHG TAN SRI DATO' SERI DR TING CHEW PEH

PENGARAH BEBAS
BUKAN EKSEKUTIF PNHB

6. YAM TENGKU DATO' RAHIMAH ALMARHUM SULTAN MAHMUD

PENGARAH BUKAN BEBAS
BUKAN EKSEKUTIF PNHB

7. YBHG TAN SRI DATO' AHMAD FUZI HAJI ABDUL RAZAK

PENGARAH BEBAS
BUKAN EKSEKUTIF PNHB

8. YBHG DATO' SYED DANIAL SYED ARIFFIN

PENGARAH EKSEKUTIF,
BAHAGIAN OPERASI PNHB

9. ENCIK NG WAH TAR

PENGARAH EKSEKUTIF,
BAHAGIAN KEWANGAN
KORPORAT PNHB

PROFIL
LEMBAGA

YBHG TAN SRI ROZALI BIN ISMAIL

58 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

PENGERUSI EKSEKUTIF KUMPULAN PNHB/
PENGARAH URUSAN

YBhg Tan Sri Rozali Ismail adalah pengasas Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB"), Pengerusi Eksekutif Kumpulan Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB"), dan pemegang saham utama PNHB. Beliau telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah PNHB pada 24 April 1997. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan PNHB dan PNSB dan Naib Pengerusi Eksekutif Bahagian Minyak & Gas PNHB.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang daripada Universiti Malaya pada tahun 1981, YBhg Tan Sri Rozali memulakan kerjaya beliau sebagai Penasihat Undang-undang dengan Perbadanan Pembangunan Bandar ("UDA") sebelum menyertai Bank Islam (M) Berhad pada tahun 1983. Beliau telah merangka konsep institusi perbankan Islam pertama di Malaysia bersama beberapa orang kakitangan perintis bank tersebut. Kemudian, pada tahun 1987, beliau memulakan firma guaman sendiri sebagai seorang Peguambela dan Peguamcara selama tujuh tahun, mengkhusus dalam kerja-kerja berkaitan korporat, hartanah dan perbankan.

Pada tahun 1989, YBhg Tan Sri Rozali telah menubuhkan sebuah syarikat milik keluarga yang menerokai sektor pembangunan hartanah yang terlibat dalam beberapa projek pembangunan di Lembah Klang, Kuantan dan Johor. Di bawah naungan syarikat Puncak Alam Housing Sdn Bhd, beliau telah membangunkan sebuah perbandaran baharu yang dikenali sebagai Bandar Baru Puncak Alam. Syarikat milik keluarga ini juga telah menceburi bidang perniagaan utiliti pada tahun 1989 melalui penubuhan PNSB. Pengalaman beliau yang luas dalam pelbagai bidang telah mendorong Kerajaan Negeri Selangor, menerusi PNSB, meletakkan kepercayaan kepada beliau untuk mengurus loji pembersihan air di seluruh Negeri Selangor Darul Ehsan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Rentetan daripada itu, PNHB telah ditubuhkan pada bulan Januari 1997 sebagai syarikat induk PNSB dan telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (mulai 3 Ogos 2009, dikenali sebagai Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad) pada 8 Julai 1997.

YBhg Tan Sri Rozali telah diberikan Anugerah *Fellowship* oleh Institut Pemasaran Malaysia [Institute of Marketing Malaysia ("IMM")] pada 6 November 2001 atas sumbangan tidak ternilai yang beliau curahkan bagi menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan pasaran hartanah Malaysia. Sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan terpuji beliau dalam memperjuangkan kecemerlangan pengurusan dan amalan terbaik dalam industri air dan air sisa Malaysia, YBhg Tan Sri Rozali telah dikurniakan anugerah berprestij, Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Air Asia 2002 – Kategori Individu, peringkat Asia, oleh Institut Teknologi Alam Sekitar Serantau pada 26 Mac 2002. YBhg Tan Sri Rozali juga merupakan antara 10 Calon Terbaik bagi Anugerah Usahawan Tahunan Ernst & Young – Malaysia 2002 dan Malaysia 2003 (Kategori Usahawan Pakar) sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan kemahiran keusahawanan dan kepimpinan yang beliau tampilkan. Beliau turut dianugerah Ijazah Doktor Falsafah Kehormat dalam bidang Perubatan Pelengkap (Perkhidmatan Kemanusiaan) oleh Open International University for Complementary Medicines, Colombo, Sri Lanka pada 24 September 2004. YBhg Tan Sri Rozali telah menerima anugerah Jaksa Pendamai ("JP") sempena ulang tahun kelahiran ke-72 Yang di-Pertua Negeri Melaka pada 9 Oktober 2010.

Pada 30 November 2007, YBhg Tan Sri Rozali telah dikurniakan Anugerah SME Platinum 2007 oleh Persatuan SMI Malaysia atas ciri-ciri keusahawanan, kepimpinan dan pencapaian cemerlang yang beliau tampilkan dalam industri air. Anugerah ini mencerminkan pengiktirafan Persatuan SMI Malaysia terhadap YBhg Tan Sri Rozali sebagai model kepada para usahawan yang sedang meningkat, terutamanya kejayaan beliau memajukan diri dengan pesat daripada seorang usahawan perniagaan kecil dan sederhana sehingga menjadi Ketua Pegawai Eksekutif sebuah syarikat senarai awam yang besar. YBhg Tan Sri Rozali juga dianugerahkan pangkat Kolonel Kehormat Rejimen Pakar Pengendalian Air ke-60 (AW) pada 16 Januari 2009. Bagi mengiktiraf kecemerlangan beliau yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi demi kesejahteraan masyarakat pula, YBhg Tan Sri Rozali telah meraih Anugerah Perkhidmatan Kecemerlangan Vokasional 2009 dari "Paul Harris Fellow Award" dan dilantik sebagai Ahli Rotary Kehormat oleh Kelab Rotary Kuala Lumpur Barat pada 6 November 2009. Pada 16 Jun 2010, YBhg Tan Sri Rozali menerima Anugerah Perdana (Kepimpinan) iaitu Anugerah Kepimpinan bertaraf Perdana di majlis penyampaian Anugerah Usahawan Bumiputera 2010 anjuran Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM). Pada 20 Jun 2010, YBhg Tan Sri Rozali telah merangkul anugerah "Top Achiever Of The Year 2009 Award" di majlis penyampaian "Fourth Business of The Year Award" anjuran "SMI & SME Worldwide Network".

Pada 28 Jun 2011, YBhg Tan Sri Rozali telah diberi penghormatan dengan penerimaan gelaran "Technology CEO of the Year-Global Award" oleh World Finance Magazine di bawah World Finance Technology Awards 2011 sebagai mengiktirafkan sumbangan beliau kepada sektor air di Malaysia dan di rantau ini sepanjang 15 tahun yang lalu dan iltizam beliau untuk terus menginovasi, di samping meninggikan taraf hidup masyarakat. YBhg Tan Sri Rozali dianugerahkan pangkat Brigedier Jeneral (Kehormat) Pakar Pengendalian Air-Ke-60 RAJD (AW) pada 4 Julai 2011. Pada 20 Julai 2011, YBhg Tan Sri Rozali telah menerima anugerah berprestij "Entrepreneur of the Year 2011" di majlis Asia Pacific Entrepreneurship Awards 2011. Pada 28 Julai 2011 pula, YBhg Tan Sri Rozali telah dikurniakan "Masterclass Leader Award" di majlis International Standard Quality ("ISQ") Award 2011. Pada 9 Januari 2012, beliau telah diberi pengiktirafan menerusi anugerah "International Distinguished Entrepreneur of the Year" bagi Asia Pacific International Brands Summit (Malaysia) 2011 oleh Asia Entrepreneur Alliance. Pada 23 Februari 2012, YBhg Tan Sri Rozali menerima anugerah Pencapaian Khas Individu kategori di majlis Anugerah Pencapaian Malaysia yang Pertama 2012.

Pada 10 Februari 2015, YBhg Tan Sri Rozali telah dianugerahkan "Utility Man of The Year" di majlis penyampaian "Brandlaureate Brand Leadership Awards 2014-2015". Pada 27 Mac 2015, YBhg Tan Sri Rozali telah dianugerahkan "Munisaraphoin Medal" oleh Perdana Menteri Cambodia, H.E Hun Sen.

YBhg Tan Sri Rozali menganggotai beberapa persatuan badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan yang berpengaruh seperti Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi, Institut Pengarah-Pengarah Malaysia, Majlis Perniagaan Malaysia-British, Majlis Perniagaan Malaysia-Indonesia, Persidangan Meja Bulat Korporat Malaysia, Majlis Perniagaan Malaysia-Rusia, Majlis Perniagaan Malaysia-India, Pengurusan Teknologi Perkongsian Komanwel, Jawatankuasa Pembangunan Sosial Masyarakat FELDA, Yayasan Budi Penyayang Malaysia, Institut Pengurusan Malaysia dan Pemegang Amanah Yayasan Kepimpinan Perdana serta Sekretariat Malaysia Prihatin. Beliau adalah Penasihat kepada IMM, Presiden Dewan Perniagaan Melayu Negeri Selangor, Pro-Canselor Universiti Putra Malaysia (Julai 2007 - Jun 2015), Pengelola Malaysia bagi Yayasan Persekutuan Pemasaran Asia Pasifik, Penasihat Gabungan Persatuan Usahawan Melayu Selangor/Wilayah Persekutuan (GAPUMS) dan Penasihat Persatuan Bola Sepak Melayu Malaysia. Beliau juga merupakan Pengerusi Gabungan Wawasan Generasi Felda Berhad dan Pengerusi Majlis Perundingan Ekonomi Melayu.

YBhg Tan Sri Rozali merupakan bekas Timbalan Presiden Persatuan Air Malaysia ("MWA") (Sesi 2003/2005), bekas Ahli Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia (2004-2006), bekas Penasihat Majlis Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya (21 Mei 2004 hingga 20 April 2007), bekas Pemegang Amanah Yayasan WAQAF Malaysia ("YWM") (Januari 2008 – Disember 2009) dan bekas Presiden Persatuan Air Selangor Kuala Lumpur dan Putrajaya ("SWAn") (2006-2013), sebuah badan bukan berasaskan keuntungan yang mewakili kepentingan bersama seluruh industry bekalan air dan air sisa di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang bertujuan menggalakkan interaksi dengan orang ramai serta mempertingkatkan pemahaman mereka tentang sumber air.

YBhg Tan Sri Rozali ialah pemegang saham utama sebuah syarikat tersenarai awam, iaitu TRIplc Berhad yang terlibat dalam bidang hartanah.

YBhg Tan Sri Rozali menghadiri 9 daripada 10 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

PROFIL
LEMBAGA

YBHG DATO' RUSLAN BIN HASSAN

59 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

PENGARAH BUKAN BEBAS
BUKAN EKSEKUTIF PNHB DAN
KETUA PENGAWAI EKSEKUTIF SYABAS

YBhg Dato' Ruslan Hassan menyertai Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") pada 1 November 1995 sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Perundangan.

Apabila Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") ditubuhkan dan disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad, YBhg Dato' Ruslan telah dilantik ke Lembaga Pengarahnya pada 24 April 1997. Pada 6 April 1999, beliau dilantik sebagai Naib Pengerusi Eksekutif PNHB. Pada 1 Januari 2005, YBhg Dato' Ruslan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pertama Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") dan menganggotai Lembaga Pengarah SYABAS serta Perbadanan Urus Air Selangor Berhad. Dengan pelantikan beliau sebagai CEO dan Pengarah SYABAS, jawatan YBhg Dato' Ruslan kemudiannya diubah daripada Naib Pengerusi Eksekutif PNHB kepada Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif PNHB mulai 1 Oktober 2005.

Selepas memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang daripada Universiti Malaya pada tahun 1981, YBhg Dato' Ruslan memulakan kerjayanya sebagai Penasihat Undang-undang kepada syarikat petroleum multinasional, Esso Malaysia Bhd dan kemudiannya sebagai Kounsel Undang-undang Kanan ESSO Production Malaysia Inc. Beliau menyertai Kumpulan Sime Darby pada tahun 1985 dan dilantik sebagai Penasihat Undang-undang Kumpulan dan Setiausaha Syarikat Pernas Sime Darby Holdings Sdn Bhd yang mempunyai kepentingan perniagaan dalam bidang automotif, perladangan dan jentera berat. YBhg Dato' Ruslan mempunyai 4 tahun pengalaman bekerja sebagai Peguamcara dan Peguambela dalam kapasiti sebagai rakan kongsi di sebuah firma guaman bersaiz sederhana. Pada tahun 1993, beliau menyertai kumpulan syarikat sekuriti dan perbankan Rashid Hussain Berhad sebagai Pengurus Besar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Korporat dan kemudian dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan RHB. Beliau turut dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Rashid Hussain Berhad, Rashid Hussain Securities Sdn Bhd dan pelbagai syarikat subsidiari RHB serta turut berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit kedua-dua syarikat tersebut.

YBhg Dato' Ruslan menghadiri 9 daripada 10 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

YBHG DATO' IR LEE MIANG KOI

61 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

PENGARAH BUKAN BEBAS
BUKAN EKSEKUTIF PNHB DAN
KETUA PENGAWAI OPERASI SYABAS

YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi menyertai Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") pada tahun 1995 sebagai Pengurus Besar, Pembangunan Perniagaan.

YBhg Dato' Ir Lee kemudian dilantik sebagai Pengarah PNSB dan Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") pada 2 Februari 1999 dan 1 September 1999 masing-masing. Pada 1 Januari 2005, beliau dilantik pula sebagai Ketua Pegawai Operasi Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS"). YBhg Dato' Ir Lee meletak jawatan sebagai Pengarah PNSB pada 30 September 2005 dan ditukar jawatan daripada Pengarah Eksekutif, Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Projek PNHB kepada Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif PNHB mulai 1 Oktober 2005. Beliau merupakan ahli Persatuan Air Malaysia, Institut Pengarah Malaysia dan Institut Pemasaran Malaysia.

Beliau menamatkan pengajian sebagai jurutera awam daripada Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1978 dan pada tahun 1989, beliau memperolehi Ijazah Sarjana Kejuruteraan Alam Sekitar dengan pengkhususan dalam bidang pembekalan air dan kejuruteraan air sisa daripada Asian Institute of Technology di Bangkok. YBhg Dato' Ir Lee mempunyai 37 tahun pengalaman bekerja dalam sektor bekalan air dan pernah menyandang pelbagai jawatan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kerja Air di Malaysia, dengan pengkhususan dalam pelbagai aspek perkhidmatan bekalan air. Beliau juga pernah menyandang jawatan Pengarah Jabatan Kerja Air Negeri Sembilan. Beliau meninggalkan Jabatan Kerja Raya pada tahun 1991 dan menyertai Ranhill Bersekutu Sdn Bhd dengan memegang pelbagai jawatan daripada Jurutera Kanan hinggalah sebagai Naib Presiden di Bahagian Bekalan Air.

YBhg Dato' Ir Lee menghadiri 10 daripada 10 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

PROFIL
LEMBAGA

YBHG TAN SRI DATO' HARI NARAYANAN A/L GOVINDASAMY

65 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF PNHB

YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy, seorang ahli perniagaan yang dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") pada 1 Julai 1999 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan adalah Ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan PNHB. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik daripada University of Northumbria, England.

Beliau merupakan seorang ahli Institut Pengarah-Pengarah Malaysia dan Jurutera Profesional Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia. Beliau berpengalaman luas dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik dan pernah memegang pelbagai jawatan penting di beberapa buah syarikat terkemuka sebagai seorang jurutera dan usahawan.

YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan menyandang jawatan Pengerusi IEV Holdings Limited, Singapura. Beliau turut memegang jawatan pengarah di beberapa buah syarikat swasta lain.

YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan menghadiri 9 daripada 10 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

YBHG TAN SRI DATO' SERI DR TING CHEW PEH

72 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF PNHB

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") pada 15 Julai 2000 sebagai seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh juga dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan PNHB pada 27 Jun 2001 dan beliau kini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko PNHB.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera daripada Universiti Malaya pada tahun 1970 dan memperolehi Ijazah Sarjana Sains daripada University of London pada 1972. Beliau juga memiliki Ijazah Doktor Falsafah yang diperolehi daripada University of Warwick pada tahun 1976. YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting adalah ahli Institut Pengarah-Pengarah Malaysia.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia dari tahun 1974 hingga 1980 dan selepas itu sebagai Profesor Madya di Fakulti yang sama sehingga tahun 1987. Dari tahun 1979 hingga 1986, YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting telah menerbitkan dua buah buku yang bertajuk "Konsep Asas Sosiologi" dan "Hubungan Ras dan Etnik".

Pada tahun 1987, YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting menceburi arena politik apabila beliau dipilih sebagai Ahli Parlimen Kawasan Gopeng, jawatan yang beliau pegang hingga pilihan raya umum tahun 2008. Sebelum ini, beliau pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (1988-1989), Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1989-1990), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (1990-1999) dan Setiausaha Agung, Malaysian Chinese Association ("MCA") (1990-2005). Beliau turut menganggotai Lembaga Pengarah Hua Yang Berhad, Johan Holdings Berhad, Sycal Ventures Berhad, UTAR Education Foundation dan berkhidmat sebagai pengarah di beberapa buah syarikat swasta.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting menghadiri 10 daripada 10 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

PROFIL
LEMBAGA

YAM TENGKU DATO' RAHIMAH BINTI ALMARHUM SULTAN MAHMUD

49 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

PENGARAH BUKAN BEBAS
BUKAN EKSEKUTIF PNHB

YAM Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") pada 1 Ogos 2006 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

Pada 1 Januari 2007, YAM Tengku Dato' Rahimah telah ditukar jawatan kepada Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif PNHB berikutan pelantikan beliau sebagai Pengarah Eksekutif, Puncak Research Centre Sdn Bhd. YAM Tengku Dato' Rahimah pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan PNHB untuk tempoh bermula daripada 1 Ogos 2006 hingga 31 Disember 2006. Pada 26 Februari 2008, YAM Tengku Dato' Rahimah telah dijemput semula untuk menganggotai Jawatankuasa Audit PNHB.

YAM Tengku Dato' Rahimah memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Ekonomi dan Perakaunan daripada City of London University, England.

Selepas menamatkan pengajian, YAM Tengku Dato' Rahimah memulakan kerjaya beliau bersama Hongkong Bank di London, England, dan sekembalinya ke Malaysia, beliau menyertai Esso Malaysia Berhad dan berkhidmat di syarikat tersebut selama 5 tahun.

Kini, YAM Tengku Dato' Rahimah merupakan Pengerusi Loh & Loh Corporation Bhd. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah di beberapa syarikat swasta lain termasuk subsidiari milik penuh PNHB, Puncak Research Centre Sdn Bhd.

YAM Tengku Dato' Rahimah menghadiri 9 daripada 10 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

YBHG TAN SRI DATO' AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK

66 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF PNHB

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") pada 6 Oktober 2008 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi merupakan ahli Jawatankuasa Audit PNHB dan Pengerusi Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan PNHB. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) daripada Universiti Malaya (1972) dan Sijil Diplomasi (Kursus Perkhidmatan Luar Negara) daripada University of Oxford (1974). Sebagai pengiktirafan terhadap perkhidmatan beliau kepada negara, beliau telah dianugerahkan dengan AMN (1979), JSM (1999), DSPN (1999), DMPN (2002), PSM (2003) dan DLSJ Brunei (2014).

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi merupakan bekas Setiausaha Agong Kementerian Luar Negeri Malaysia. Beliau menyertai Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik Malaysia pada tahun 1972 dan telah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti di Kementerian Luar Negeri, terutamanya dalam Bahagian Politik dan di Kedutaan Malaysia di luar negara seperti di Moscow, Hague, Canberra, Washington dan Dhaka. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri.

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi kini merupakan Setiausaha Agong, Yayasan Forum Ekonomi Islam Sedunia; Pemegang Amanah MERCY, Malaysia dan Perdana Global Peace Foundation ("PGPF") dan F3 Strategies Bhd.

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi juga merupakan Pengerusi Amanahraya-REIT Managers Sdn Bhd, Seremban Engineering Berhad, Theatre Management Associates Sdn Bhd, Optima Capital Sdn Bhd, Ranhill Energy and Resources Berhad, Sofgen (Malaysia) Sdn Bhd, ACE Holdings Sdn Bhd dan ACE Asset Management Bhd.

Beliau adalah Pengarah Maybank Islamic Berhad, Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd, Weros Technology Sdn Bhd, Alstar Solutions Sdn Bhd, Lejadi Medimax Sdn Bhd, Management Development Institute of Singapore (MDIS) Malaysia Sdn Bhd dan MDIS Unicampus Malaysia Sdn Bhd.

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi juga merupakan Felow Kehormat, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa; Felow Kehormat Institut Diplomasi dan Hubungan Asing; Naib Pengerusi, Ahli Jawatankuasa Malaysia bagi Majlis Kerjasama Keselamatan Asia Pasifik; Ahli, Institut Pengajian Islam Lanjutan; Ahli, Lembaga Penasihat, Anugerah Keusahawanan Asia Pasifik.

Beliau juga merupakan Penasihat Xadarcorp Sdn Bhd, Alumni Malaysia Sekolah Tinggi Bukit Mertajam dan Malaysia-Myanmar Chamber of Commerce.

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi menghadiri 10 daripada 10 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

PROFIL
LEMBAGA

YBHG DATO' SYED DANIAL BIN SYED ARIFFIN

57 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

PENGARAH EKSEKUTIF BAHAGIAN OPERASI PNHB

YBhg Dato' Syed Danial Syed Ariffin menamatkan pengajian pada tahun 1981 dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kejuruteraan Awam daripada University of Aston, Birmingham, United Kingdom.

YBhg Dato' Syed Danial merupakan jurutera awam profesional dan telah berkhidmat dengan Kumpulan Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") sejak Disember 1995. Beliau memulakan kerjayanya dengan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") sebagai Pengurus Operasi dan kemudian dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Kanan, Penolong Pengurus Besar dan Pengurus Besar Operasi. Sebelum dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNSB dan PNHB pada 1 Mac 2004, beliau adalah Pemangku Pengarah Eksekutif Bahagian Operasi dari bulan Julai 2003 hingga Februari 2004 dan selepas itu ditukar ke jawatan Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi 1 pada 1 April 2005. Pada 16 November 2007, YBhg Dato' Syed Danial telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi PNHB dan PNSB. Pada 15 Februari 2012, YBhg Dato' Syed Danial dilantik pula sebagai Pengarah Urusan PNSB dan berhenti menjadi Ketua Pegawai Operasi PNSB. Beliau juga merupakan Pengarah Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") sejak 3 September 2007. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Sino Water Pte Ltd, syarikat subsidiari 98.65% milik PNHB di Singapura pada 1 Januari 2010. Pada 15 April 2015, YBhg Dato' Syed Danial telah ditukar jawatan dari Ketua Pengawai Operasi kepada Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi PNHB dan beliau juga telah berhenti menjadi Pengarah Urusan PNSB. Beliau telah dilantik sebagai Pemangku Pengarah Urusan Puncak Niaga Construction Sdn Bhd berkuatkuasa dari 15 April 2015.

YBhg Dato' Syed Danial pernah berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya Pahang selama 10 tahun dengan memegang jawatan-jawatan seperti Jurutera Projek (1981-1983) hinggalah ke Jurutera Daerah bagi JKR Cameron Highlands (1983-1991) dan Jabatan Kerja Air Selangor mulai tahun 1991 hingga 1995, di mana beliau merupakan Jurutera Projek Kanan yang menyelia pembinaan Projek Bekalan Air Sg Selangor Phase 1. YBhg Dato' Syed Danial adalah ahli Persatuan Pemasaran Malaysia, Persatuan Air Malaysia, Jurutera Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia, ahli Lembaga Akademik, Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi MARA (tempoh Oktober 2009 – Mac 2014), Penasihat Institut Kejuruteraan Infrastruktur & Pengurusan Kemampanan, di samping turut menganggotai Lembaga Pengarah beberapa syarikat swasta. Beliau juga merupakan ahli Persatuan Air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya ("SWAn"), sebuah persatuan bukan berasaskan keuntungan yang mewakili kepentingan bersama seluruh industri bekalan air dan air sisa di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang bertujuan menggalakkan interaksi dengan orang ramai dan mempertingkatkan pemahaman mereka tentang sumber air. Pada 2 Mei 2012, YBhg Dato' Syed Danial dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Program Pengajian, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia.

YBhg Dato' Syed Danial menghadiri 10 daripada 10 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

ENCIK NG WAH TAR

51 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

PENGARAH EKSEKUTIF, BAHAGIAN KEWANGAN KORPORAT PNHB

Encik Ng Wah Tar dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") pada 1 Januari 2010 sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan dan ditukar jawatan ke Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan Korporat pada 1 Januari 2011.

Encik Ng dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko PNHB ("CICR"), serta Jawatankuasa Audit Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") pada 1 Januari 2010 masing-masing. Beliau kemudian dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit SYABAS pada 1 January 2013. Beliau merupakan Ahli Persatuan Air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya ("SWAn"), sebuah badan bukan berasaskan keuntungan yang mewakili kepentingan bersama semua industri bekalan air dan air sisa di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang bertujuan menggalakkan interaksi dengan orang ramai dan mempertingkatkan pemahaman mereka tentang sumber air. Beliau juga merupakan ahli Persatuan Air Malaysia.

Encik Ng memiliki pengalaman bekerja melebihi 31 tahun dalam pelbagai bidang yang meliputi pengauditan, perakaunan, kewangan dan kewangan korporat. Beliau memulakan latihan dengan sebuah firma perakaunan pada tahun 1984 dan merupakan ahli MIA, MICPA dan CPA Australia. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat di United Engineers (M) Berhad ("UEM") dari tahun 1994 hingga 2000, bertanggungjawab mengawasi fungsi kewangan dan perakaunan UEM.

Pada bulan Februari 2000, Encik Ng menyertai PNSB sebagai Pengurus Besar, Kewangan & Akaun dan dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus Besar Kanan, Kewangan & Akaun pada 1 April 2006 dan seterusnya ke jawatan Pengarah Eksekutif, Kewangan Korporat di Pejabat Pengerusi Eksekutif pada 1 April 2007 masing-masing. Beliau meninggalkan PNSB pada 1 September 2007 untuk menyandang jawatan Naib Pengerusi Eksekutif WWE Holdings Bhd hingga 30 Jun 2009. Encik Ng meletakkan jawatan sebagai Naib Pengerusi Eksekutif WWE Holdings Bhd dan menyertai Kumpulan PNHB semula pada 1 Julai 2009.

Encik Ng menghadiri 10 daripada 10 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA – **KUMPULAN PNHB**

PUAN WONG LEY CHAN
55 Tahun, Warganegara Malaysia
Ketua Pegawai Kewangan

Puan Wong Ley Chan adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari National University of Singapore yang berprestij.

Puan Wong adalah ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (Malaysian Institute of Certified Public Accountants atau "MICPA") dan Institut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute of Accountants atau "MIA"). Beliau mempunyai pengalaman kerja selama lebih 31 tahun dan berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang meliputi audit, perbankan korporat dan penyusunan semula hutang korporat, kewangan korporat, perakaunan, percukaian dan pengurusan kewangan strategik.

Puan Wong memulakan kerjaya sebagai seorang juruaudit muda di sebuah firma perakaunan terkemuka pada tahun 1984. Sejak itu, beliau telah berkhidmat dengan beberapa syarikat di peringkat pengurusan kanan, termasuk 6 tahun bersama Kumpulan Syarikat UEM Land, lima tahun di TRIplc Berhad dan tiga tahun di SYABAS. Sebelum menyertai Puncak Niaga Holdings Berhad, beliau merupakan Naib Presiden, Kewangan Scomi Engineering Bhd.

Pada 25 November 2010, beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan di PNSB. Beliau bertanggungjawab terhadap keseluruhan fungsi kewangan dan perakaunan Kumpulan Syarikat Puncak Niaga. Puan Wong juga merupakan Pengarah bagi Puncak Oil & Gas Sdn Bhd dan GOM Resources Sdn Bhd, di mana kedua-duanya merupakan anak syarikat Puncak Niaga Holdings Berhad dalam Bahagian Minyak & Gas. Beliau juga menganggotai di Lembaga Pengarah Puncak Niaga Management Services Sdn Bhd (dahulunya dikenali sabagai NS Water System Sdn Bhd) dan Murni Estate Sdn Bhd.

Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Puncak Niaga Holdings Berhad pada 15 April 2015.

YBHG DATO' NASIR KHAN ILLADAD KHAN
62 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Pembangunan Perniagaan

YBhg Dato' Nasir Khan Illadad Khan menyertai PNSB pada 21 Februari 2006 sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Hal Ehwal Korporat sebelum dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Pembangunan Perniagaan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2010. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial, Sains Politik (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Pennsylvania State University, Amerika Syarikat. Beliau juga memiliki Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara ("INTAN") dan pernah mengikuti Program Pengurusan Eksekutif di School of Government, Harvard University, Amerika Syarikat. YBhg Dato' Nasir Khan berpengalaman selama lebih 35 tahun berkhidmat dengan Kerajaan dalam bidang pengurusan, memegang pelbagai jawatan yang meliputi bidang sumber manusia, keselamatan, pembangunan tanah dan kewangan. Sebelum menyertai PNSB, beliau berkhidmat dengan Kementerian Kewangan, Malaysia. Beliau juga telah dilantik sebagai ahli Majlis Perniagaan Kemboja Malaysia.

Beliau menerima anugerah "Munisaraphoin Medal" dari H.E. Hun Sun, Perdana Menteri Negara Cambodia pada 27 Mac 2015.

PUAN TAN BEE LIAN

49 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Perkhidmatan Korporat dan Setiausaha Syarikat Kumpulan

Puan Tan Bee Lian menyertai PNSB sebagai Setiausaha Syarikat pada 7 November 1994 dan dinaikkan pangkat sebanyak tiga kali sebelum menyandang jawatan sekarang sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Perkhidmatan Korporat pada 1 Januari 2010. Dalam jawatannya sekarang, beliau menyelia Jabatan Undang-undang, Jabatan Kesetiausahaan dan Jabatan Audit Dalaman. Sebagai Setiausaha Syarikat Kumpulan, Puan Tan bertanggungjawab terhadap kesetiausahaan syarikat dan pematuhan kawal selia Kumpulan PNHB. Beliau dilantik sebagai Pengarah Sino Water Pte Ltd, Puncak Niaga Overseas Capital Pte Ltd dan Puncak Niaga Management Services Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai NS Water System Sdn Bhd), yang mana semua adalah syarikat subsidiari milik Puncak Niaga Holdings Berhad. Puan Tan merupakan Fellow Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Bertauliah Malaysia (Malaysian Association of the Institute of Chartered Secretaries and Administrators atau "MAICSA") dan mempunyai lebih 27 tahun pengalaman bekerja dalam bidang kesetiausahaan syarikat dan urusan korporat. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat di Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad ("PLUS") dan Metramac Corporation Sdn Bhd/Metacorp Berhad. Beliau juga merupakan pemenang Anugerah Setiausaha Syarikat ROC-MAICSA 2001 bagi Kategori Syarikat Tersenarai.

PUAN FARIDATULZAKIAH MOHD BAKHRY

39 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran

Puan Faridatulzakiah adalah lulusan Ijazah Undang-undang (LLB, Kepujian) dari Hertfordshire University, United Kingdom.

Beliau memulakan kerja dalam bidang perundangan di Tetuan Malek & Associate pada tahun 2003, mengendalikan kes-kes sivil dan jenayah. Pada tahun 2006, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Undang-undang di Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad di mana beliau mula terdedah kepada hal ehwal Sumber Manusia dan Hubungan Perindustrian.

Beliau seterusnya menyertai SYABAS pada tahun 2008 sebagai Penolong Pengurus, Jabatan Undang-undang dan setahun kemudian sebagai Pengurus, Hubungan Perindustrian sebelum dinaikkan pangkat ke Pengurus Kanan pada tahun 2010. Beliau terus menerajui jabatan tersebut sehingga beliau menyertai PNSB pada tahun 2012 sebagai Penolong Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran di mana beliau bertanggungjawab mengawalselia keseluruhan aspek Pengurusan Sumber Manusia.

Puan Faridatulzakiah mula menyandang jawatan Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran PNSB pada 1 Februari 2013. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Latihan Sektor Perkhidmatan Utiliti (Utility Services Sectorial Training Committee) ("STC") yang dibentuk oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad ("PSMB"), Kementerian Sumber Manusia.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA – **KUMPULAN PNHB**

YBHG PROF DATO' DR MOHD ZAINUL FITHRI OTHMAN

50 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Strategik dan Perhubungan Awam

YBhg Profesor Dato' Dr Mohd Zainul Fithri Othman dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Strategik dan Perhubungan Awam PNSB pada 4 Mac 2014.

Minat beliau yang mendalam dalam bidang pendidikan sememangnya jelas terbukti sejak di awal kerjayanya. YBhg Profesor Dato' Dr Mohd Zainul Fithri memulakan profesionnya sebagai pensyarah di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1994 dan enam tahun kemudian, beliau menyertai Kolej Unitek Malaysia sebagai Presiden/CEO. Seterusnya beliau berkhidmat sebagai Pengarah Pengajian Pengurusan World Enterprise Institute di Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) pada tahun 2000. Pada tahun yang sama, beliau bertugas pula di Institut Kajian Pembangunan Bangsa sebagai CEO dan Prosefor Madya bagi Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, Universiti Tun Abdul Razak. Beliau merupakan Pengerusi Pertubuhan Antarabangsa Pusat Pentadbiran Perniagaan Malaysia dan juga Setiausaha Politik kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dari tahun 2008 hingga 2009.

YBhg Profesor Dato' Dr Mohd Zainul Fithri memegang pelbagai jawatan penting semasa di Management & Science University ("MSU") dan telah berkhidmat di institusi tersebut untuk tempoh yang agak lama. Sewaktu perkhidmatannya, beliau telah dilantik sebagai Naib Presiden/Timbalan Naib Canselor Hubungan Perindustrian & Pembangunan Kerjaya Pelajar pada 2003, jawatan yang disandang oleh beliau sebelum beralih ke Puncak Niaga (M) Sdn Bhd. Beliau turut dilantik sebagai Dekan Pusat Pembelajaran Fleksibel, dan pada masa yang sama, sebagai Pengarah Akademi Kaunseling Komuniti Malaysia ("AKKMA") pada 2006. Beliau kemudiannya telah dipinjamkan ke Jabatan Perdana Menteri selama setahun sewaktu memegang jawatan sebagai Profesor Pengajian Polisi pada 2003 sehingga 2008.

YBhg Profesor Dato' Dr Mohd Zainul Fithri memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Sains Politik dan Hubungan Antarabangsa dari Oregon State University, Corvallis, Amerika Syarikat pada tahun 1988 dan Ijazah Sarjana Sastera dalam Hubungan Antarabangsa (Ekonomi Politik Antarabangsa dan Keselamatan) dari University of Hull, United Kingdom pada 1990. Beliau turut memegang Doktor Falsafah dalam Ekonomi Politik Global dari University of Sheffield, United Kingdom sejak tahun 1994.

IR TAN HUI KUAN

61 Tahun, Warganegara Malaysia
Ketua Pegawai Operasi PNSB/Pengarah Urusan Sino Water Pte Ltd

Ir Tan Hui Kuan menyertai PNSB pada bulan Ogos 2003 sebagai Pengurus Besar Jabatan Pembangunan Projek dan Perniagaan. Beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi & Penyelenggaraan pada 1 Januari 2010. Kemudian, pada 1 Ogos 2011, beliau telah ditukar jawatan sebagai Pengarah Eksekutif Bahagian Kejuruteraan/Pembangunan Projek. Pada 15 Februari 2012, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pegawai Operasi Syarikat. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1979. Beliau mempunyai pengalaman bekerja selama 25 tahun dengan Jabatan Kerja Raya Malaysia dan Lembaga Air Perak dalam bidang pengeluaran, pengagihan, penyelenggaraan dan perkhidmatan pelanggan di Jabatan Bekalan Air Daerah, penyiasatan geoteknikal, penyelenggaraan untuk kem-kem tentera, pengurusan projek untuk bangunan serta infrastruktur tentera. Sebelum menyertai PNSB, Ir Tan bertugas sebagai Penolong Pengarah bagi Kerja Air Tentera di Jabatan Kerja Raya Malaysia. Setelah menyertai PNSB, beliau menguruskan operasi dan penyelenggaraan loji pembersihan air dan empangan di bawah pelbagai konsesi Syarikat, selain daripada melaksanakan dan menyiapkan beberapa projek di India, Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

ENCIK ABD RASHID ABD SATAR

55 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi & Penyelenggaraan PNSB

Encik Abd Rashid Abd Satar menyertai PNSB pada 15 Februari 2012 sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi & Penyelenggaraan.

Encik Abd Rashid Abd Satar adalah lulusan Diploma Kejuruteraan Awam dari Universiti Teknologi Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari University of Glasgow, Scotland. Beliau memiliki pengalaman kerja selama 33 tahun dalam sektor bekalan air. Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1981 sebagai Penolong Teknikal dan Jurutera Daerah bagi Wilayah-Wilayah Kuala Selangor/Sabak Bernam dengan JBAS dan meneruskan perkhidmatan beliau dengan PUAS dari tahun 2002 hingga 2005 sebagai Pengurus Kanan di Wilayah-wilayah Kuala Langat/Sepang. Beliau merupakan Pengurus Besar Pejabat Wilayah Klang/Shah Alam SYABAS sebelum menyandang jawatan Pengurus Besar Pejabat Wilayah Petaling dari Mac 2007 hingga Mac 2009. Beliau kemudian dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus Besar Kanan Pejabat Wilayah Petaling berkuatkuasa mulai 1 April 2009. Pada 1 Februari 2011, beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi SYABAS.

Beliau telah dianugerahkan Pingat Pekerti Terpilih ("PPT") pada tahun 1998 dan Darjah Ahli Mahkota ("A.M.S") pada tahun 2002 oleh DYMM Sultan Selangor atas dedikasi dan perkhidmatan beliau kepada Kerajaan Negeri Selangor.

IR V SUBRAMANIAM

65 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Pembangunan Teknikal SYABAS

Ir V Subramaniam kini merupakan Pengarah Eksekutif, Bahagian Pembangunan Teknikal Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS"). Beliau telah berkhidmat dengan Jabatan Bekalan Air Selangor ("JBAS") sejak tahun 1991 dan meneruskan perkhidmatan dengan Perbadanan Urus Air Selangor Berhad ("PUAS") apabila Jabatan Kerja Air diperbadankan pada bulan Mac 2002 dan kemudiannya dengan SYABAS sebagai Pengarah Eksekutif, Operasi apabila pembekalan air di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya diswastakan pada 1 Januari 2005. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam) (Kepujian) dari Universiti Malaya.

Ir V Subramaniam telah berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya/Jabatan Bekalan Air/PUAS/SYABAS dalam pelbagai jawatan sepanjang 41 tahun lalu sejak menamatkan pengajian pada tahun 1974. Beliau berpengalaman luas dalam pengurusan pembekalan air dan penswastaan bekalan air. Ir V Subramaniam berjaya mengendalikan Krisis Air yang tidak pernah berlaku sebelum itu, yang melanda Selangor dan Kuala Lumpur pada tahun 1998, di mana beliau kemudiannya, sewaktu menjadi Timbalan Pengarah Jabatan Kerja Air Selangor telah menerbitkan dokumentasi lengkap mengenai pengurusan krisis air tersebut. Beliau juga telah menulis dan membentangkan lebih 25 kertas kerja mengenai Penswastaan/Pemerbadanan bekalan air dan berkaitan aspek teknikal lain dalam bekalan air di pelbagai seminar, persidangan dan dalam penerbitan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, termasuk Persatuan Air Antarabangsa ("IWA"); Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik ("APEC"); Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial untuk Asia dan Pasifik ("ESCAP") – Bangsa-bangsa Bersatu serta Bank Pembangunan Asia ("ADB"). Sebagai perunding domestik yang dilantik oleh ADB, beliau juga telah membantu ADB menjalankan beberapa kajian mengenai bekalan air di bandaraya Asia.

Sebagai pengiktirafan terhadap dedikasi dan perkhidmatan beliau kepada negeri dan negara, Ir V Subramaniam telah dianugerahkan pingat Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor ("SMS"), Darjah Kebesaran Setia - Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ("SSA"), Ahli Mangku Negara ("AMN") dan Pingat Jasa Kebaktian ("PJK") (Terengganu). Beliau merupakan Timbalan Presiden Persatuan Air Malaysia ("MWA") dan juga Timbalan Presiden SWAn, Persatuan Air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Industri air sememangnya dekat di hati Ir V Subramaniam, berbekalkan pengalamannya yang luas dalam bekalan air minum, yakni dari sumber sehingga ke pengguna. Beliau juga memainkan peranan besar dalam memastikan kualiti air paip kita sentiasa bersih dan selamat dan percaya air boleh diminum terus dari paip.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA – **KUMPULAN PNHB**

TUAN HAJI SANUSI SULIEMAN
54 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Perancangan SYABAS

Tuan Haji Sanusi Sulieman memiliki kelulusan Ijazah Kelas Kedua Tinggi dalam bidang Kejuruteraan Awam dari Universiti Malaya pada tahun 1984, dan memulakan kerjaya beliau bersama Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang pada tahun 1984, dengan menyandang pelbagai jawatan seperti Jurutera Projek, Jurutera Rawatan dan Jurutera Pengagihan sehingga tahun 1993.

Pada tahun 1993, beliau menyertai firma perunding kejuruteraan, Ranhill Bersekutu Sdn Bhd sebagai Jurutera Kanan, di mana beliau terlibat dalam Skim Penswastaan Bekalan Air Johor Baharu. Beliau menyertai PNSB pada tahun 1994 sebagai Pengurus Projek bagi Skim Bekalan Air Sungai Selangor Phase 2 bernilai RM1.3 bilion yang melibatkan pembinaan Loji Pembersihan Air Sungai Selangor Phase 2 dan sistem pengagihannya.

Pada tahun 2000, beliau menyertai Ranhill Engineers and Contractors Sdn Bhd sebagai Pengarah Projek yang bertanggungjawab terhadap semua aktiviti pembinaan bekalan air. Selepas itu, beliau dinaikkan pangkat menjadi Ketua Pegawai Operasi Ranhill Civil Sdn Bhd sehingga tahun 2004. Pada tahun 2004, beliau menyertai WWE Holdings Bhd sebagai Pengarah Eksekutif, sebelum menyertai PNSB pada tahun yang sama, di mana beliau terlibat dalam pasukan petugas bagi penswastaan PUAS kepada SYABAS.

Tuan Haji Sanusi mendapat pendedahan dalam kerja pembinaan peringkat antarabangsa apabila beliau ditugaskan di Arab Saudi bagi Projek Rangkaian Kumbahan Cawangan Jeddah Utara bernilai SR 408 juta pada tahun 2006 sebelum dilantik ke jawatan sebagai Pengarah Eksekutif Projek di SYABAS pada tahun 2007. Selepas itu, beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Perancangan pada tahun 2011 dan kekal menyandang jawatan tersebut hingga kini.

TUAN HAJI YUSOF SAROJI

49 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi SYABAS

Tuan Haji Yusof Saroji mempunyai pengalaman kerja menjangkau 25 tahun, dengan 17 tahun pengalaman amali dalam sektor bekalan dan pengagihan air yang meliputi operasi air Wilayah sehingga kepada pengurusan hasil dan kutipan. Sebelum pelantikan beliau sebagai Pengarah Eksekutif (Operasi), beliau merupakan Pengurus Besar Kanan, Jabatan Wilayah, di mana beliau bertanggungjawab menyelia operasi dan pengurusan sepuluh pejabat wilayah SYABAS.

Berdasarkan kelayakannya, Tuan Haji Yusof Saroji adalah seorang Jurutera dengan memiliki Diploma dan Diploma Lanjutan Kejuruteraan Awam dari Universiti Teknologi MARA ("UiTM"). Beliau juga merupakan seorang Ahli Institusi Jurutera Malaysia ("IEM"). Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1988 sebagai seorang Pembantu Teknik dengan Jabatan Bekalan Air Selangor ("JBAS"). Beliau dilantik sebagai Pengurus Kanan/ Ketua Wilayah bagi Pejabat Wilayah Kuala Selangor dan Sabak Bernam apabila JBAS diswastakan sebagai Perbadanan Urus Air Selangor ("PUAS") pada tahun 2002. Beliau terus berkhidmat dengan memegang jawatan yang sama sewaktu PUAS diswastakan menjadi SYABAS pada tahun 2005 sebelum dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar/Ketua Pejabat Wilayah Gombak, dan seterusnya ditugaskan mengetuai Jabatan Operasi dan Penyelenggaraan SYABAS pada bulan Januari 2010. Selepas itu beliau ditugaskan untuk mengetuai Jabatan Wilayah SYABAS dengan menyandang jawatan Pengurus Besar dan kemudian dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar Kanan berkuatkuasa mulai Ogos 2010. Seterusnya, berkuatkuasa 15 Februari 2012, beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi.

Tuan Haji Yusof Saroji juga bergiat aktif dalam beberapa organisasi bukan berasaskan keuntungan yang berkaitan dengan air dan pernah menyandang jawatan Setiausaha sebelum memegang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Jurutera Air Daerah Se Malaysia ("JTJAD") bagi penggal 2011/2013. Beliau juga merupakan Komandan Rejimen Pakar Pengendalian Air Ke-60, Rejimen Askar Jurutera DiRaja ("RAJD") (Askar Wataniah) bagi Negeri Selangor berpangkat Mejar sejak tahun 2011 dan merupakan Pegawai Integriti SYABAS sejak tahun 2013.

PUAN KAREN CHAN YIT HWA

51 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan SYABAS

Puan Karen Chan memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau adalah ahli Institut Akauntan Malaysia.

Puan Karen Chan mempunyai pengalaman kerja yang luas selama lebih 27 tahun dalam pelbagai bidang yang meliputi Pengauditan, Perakaunan, Kewangan dan Kewangan Korporat.

Sebelum menyertai SYABAS, Puan Karen Chan berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kanan dalam Kumpulan Syarikat Scomi selama 6.5 tahun yang meliputi tugasan di luar negara selama 2 tahun di Dubai menyelia Operasi Timur Tengah.

Beliau pernah berkhidmat di Price Waterhouse Coopers dari tahun 1987 hingga 1991. Selepas itu, beliau berkhidmat dengan beberapa syarikat lain dalam Kumpulan Syarikat Hong Leong dan beberapa Syarikat Senarai Awam di Malaysia.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA – **KUMPULAN PNHB**

ENCIK MOHAMAD ISA MOHD YASSIN, AMS, AMK
56 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Jabatan Tugas Khas SYABAS

Encik Mohamad Isa Mohd Yassin menyertai SYABAS pada 8 Februari 2007 sebagai Pembantu Khas kepada Pengerusi Eksekutif/Pengurus Besar Jabatan Penyertaan & Pembangunan Usahawan Bumiputera. Selepas itu, beliau dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Khas kepada Pengerusi Eksekutif/Pengurus Besar Kanan pada bulan Mei 2008, diikuti dengan jawatan sebagai Pembantu Khas kepada Pengerusi Eksekutif/Pengarah Eksekutif pada bulan Januari 2011 dan kemudiannya sebagai Pengarah Eksekutif Jabatan Tugas Khas pada 2014.

Sebelum menyertai SYABAS, beliau pernah berkhidmat dengan Matsushita Electric Co (M) Bhd sebagai Eksekutif di Jabatan Penyelidikan & Pembangunan dan Jabatan Perancangan Pengeluaran (1977 - 1994), PNSB (1994 - 2000) sebagai Pembantu Khas kepada Pengerusi Eksekutif, sebagai Pengurus Besar Puncak Alam Housing Sdn Bhd (2000 - 2004) dan sebagai Pengarah Urusan Haluan Prisma Sdn Bhd (2004 - 2007).

Di SYABAS, beliau bertanggungjawab membangunkan para kontraktor SYABAS yang berdaftar dengan Seksyen Penyertaan dan Pembangunan Usahawan Bumiputera (2007 - 2013). Buat masa ini beliau membantu Pengerusi Eksekutif mengendalikan tugas khas yang mencakupi pelbagai bidang. Beliau turut memainkan peranan aktif sebagai Pembantu Khas kepada Komander Rejimen Pakar Pengendalian Air Ke-60, Rejimen Askar Jurutera DiRaja (“RAJD”) (Askar Wataniah) sejak tahun 2007 sehingga kini.

Encik Mohamad Isa dilatih dalam bidang Kemahiran Latihan Perindustrian & Pengurusan di Matsushita Electric Co di Osaka, di bawah Skim Dasar Pandang Ke Timur di Jepun (1986 - 1988). Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pembangunan bandar dan bangunan, pemantauan projek, perhubungan awam, industri perkilangan dan air. Encik Mohd Isa telah dianugerahkan Darjah Ahli Mahkota Selangor (“AMS”) oleh DYMM Sultan Selangor pada tahun 2000, diikuti dengan Darjah Ahli Mahkota Kedah (“AMK”) oleh DYMM Sultan Kedah pada tahun 2011.

ENCIK ABDUL HALEM MAT SOM

49 Tahun, Warganegara Malaysia
Pemangku Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran SYABAS

Encik Abdul Halem Mat Som menyertai PNSB pada tahun 2004 sebagai Pembantu Peribadi kepada Pengerusi Eksekutif sebelum beliau ditugaskan ke SYABAS sebagai Pengurus Kanan, Bahagian Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Awam ("CCPA"). Encik Abdul Halem kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar, CCPA pada 1 Januari 2007. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Hal Ehwal Korporat pada 1 Januari 2010 dan kini menyandang jawatan Pemangku Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran SYABAS sejak 15 April 2015. Beliau adalah pemegang Diploma Pentadbiran Awam (1987) dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Korporat (1998), kedua-duanya dari Universiti Teknologi MARA ("UiTM") serta Sijil Pengurusan Perkilangan dari Sanno Institute of Business Administration ("SIBA"), Tokyo (1990).

Encik Abdul Halem memulakan kerjayanya sebagai Timbalan Penolong Pengarah Imigresen sebelum menyertai sebuah syarikat perkilangan Jepun selama tiga tahun dan selepas itu berkhidmat dengan sebuah syarikat multinasional Arab selama dua tahun lagi dengan pengkhususan dalam Pengurusan Sumber Manusia. Pendedahan beliau dalam bidang korporat dan perhubungan awam bermula apabila beliau menyandang jawatan Pengurus Besar di Lagenda Abadi Sdn Bhd, sebuah agensi pengurusan acara dan perhubungan awam. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Urusan di Comiteg Berhad, sebuah syarikat yang mengendalikan pembangunan dan pelaburan hartanah dan menyandang jawatan tersebut selama empat tahun.

Sebelum menyertai PNSB, Encik Abdul Halem adalah Pengarah Urusan, Kumpulan Syarikat Eeman, yang terlibat dalam bidang perkilangan, perdagangan, perundingan acara, pengiklanan dan produksi. Encik Abdul Halem mempunyai pengalaman selama lebih 21 tahun dalam bidang pengurusan acara, penerbitan filem, pengiklanan, perkilangan, perundingan dan latihan sumber manusia, pentadbiran serta pelaburan modal. Beliau kini merupakan Presiden Persatuan Alumni UiTM Pahang dan ahli jawatankuasa Yayasan Siswazah Malaysia.

PUAN PRISCILLA ALFRED

36 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Hal Ehwal Korporat SYABAS

Puan Priscilla Alfred menyertai SYABAS pada 3 Oktober 2011 sebagai Pengurus Besar Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Awam. Beliau menyandang jawatan Pengarah Eksekutif, Bahagian Hal Ehwal Korporat sejak 15 April 2015.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Awam dari Robert Gordon University, United Kingdom dan turut memegang Diploma Lepasan Ijazah Pemasaran dari Chartered Institute of Marketing, United Kingdom serta Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari University of London, United Kingdom.

Berbekalkan pengalaman yang luas dalam bidang Komunikasi, Perhubungan Awam dan Peletakan Korporat, Puan Priscilla Alfred telah dipilih sebagai ahli Chartered Institute of Public Relations, United Kingdom sejak tahun 2005, di mana hanya dua orang rakyat Malaysia memiliki keahlian berprestij ini yang membawa gelaran Pengamal Chartered Perhubungan Awam. Beliau juga merupakan ahli majlis Chapter Malaysia bagi Chartered Institute of Marketing, United Kingdom dan telah dianugerahkan status Chartered Marketer pada tahun 2003; dan ahli Chartered Institute of Journalism, United Kingdom dan dianugerahkan gelaran Chartered Journalist pada tahun 2006. Di samping itu, Puan Priscilla Alfred juga seorang ahli yang aktif di University of London Alumni dan banyak menyumbangkan penulisan dalam beberapa majalah termasuk "Marketer UK" dan beberapa jurnal komunikasi antarabangsa.

Sebelum menyertai SYABAS, Puan Priscilla Alfred merupakan Pengarah Perkhidmatan Ahli, Country Heights Group dimana beliau memantaui seramai 6,000 ahli korporat dan juga Ketua Hal Ehwal Awam, Petronas (Prince Court Medical Centre) mengetuai komunikasi korporat, perhubungan media, pengiklanan, pengeluaran, Tanggungjawab Social Korporat, multimedia kreatif dan seksyen penjenamaan.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA – **KUMPULAN PNHB**

IR AUSAMAH DARWISH MOHD DAUD

55 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Projek & NRW SYABAS

Ir Ausamah Darwish menyertai PNSB pada 9 Januari 2013 sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Kejuruteraan/ Pembangunan Projek dan menyandang jawatan di SYABAS sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Projek & NRW pada 15 April 2015. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan) dari Southern Illinois University, Amerika Syarikat pada tahun 1984.

Beliau merupakan Jurutera Profesional Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (Mekanikal). Ir Ausamah Darwish memiliki pengalaman bekerja selama lebih 30 tahun. Beliau memulakan kerjaya sebagai Pelatih Jurutera Mekanikal dan pernah menyandang pelbagai jawatan termasuk Jurutera Mekanikal, Jurutera Mekanikal Bersekutu, Pereka Bentuk Sistem, Jurutera Residen kepada Pengurus Loji dan Pengarah Eksekutif. Sebelum menyertai PNSB, Ir Ausamah Darwish memegang jawatan sebagai Pengarah Eksekutif, Operasi di WWE Holdings Bhd di mana beliau memperolehi pengalaman yang luas bekerja dalam bidang berkaitan kejuruteraan mekanikal, air dan air sisa.

ENCIK MAT SAMAN MAT SOOM

48 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Eksekutif, Bahagian Kualiti Air SYABAS

Encik Mat Saman Mat Soom memperoleh Diploma Perakaunan di Universiti Teknologi MARA pada tahun 1987 dan kini sedang melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Pengurusan di Asia E University ("AEU"). Beliau memiliki pengalaman yang luas dalam bidang sumber manusia, pentadbiran dan audit dalaman daripada perkhidmatan beliau dengan Majlis Amanah Rakyat ("MARA") dan CIMB Bank. Beliau menyertai PNSB pada bulan Jun 1997 sebagai Pengurus di Jabatan Pentadbiran dan kemudian dipindahkan ke SYABAS pada bulan Jun 2007 sebagai Setiausaha Kerja (SOW) bagi Wilayah Hulu Selangor selama tiga tahun dan dipindahkan pula ke Wilayah Gombak pada tahun 2009 dengan memegang jawatan sebagai SOW.

Beliau seterusnya mengetuai Wilayah Gombak selama tiga tahun setelah dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus Kanan pada tahun 2009. Selepas itu, beliau dipindahkan ke Ibu Pejabat sebagai Ketua Jabatan Wilayah pada tahun 2012. Beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Kualiti Air SYABAS pada 15 April 2015.

YBHG TAN SRI DATO' SRI DR WAN ABDUL AZIZ WAN ABDULLAH

63 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengerusi, GOM Resources

YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah GOM Resources Sdn Bhd ("GOM Resources") pada 1 Mac 2013.

YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Falsafah (Pengajian Pembangunan) dari Institute of Development Studies, University of Sussex, Brighton, UK, dan memperoleh Doktor Falsafah (Ekonomi) dari School of Business and Economic Studies, University of Leeds, UK. Beliau turut mengikuti Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, Boston, Amerika Syarikat.

YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz telah berkhidmat selama lebih 38 tahun dalam Perkhidmatan Awam dan memiliki pengalaman luas dalam sektor kewangan dan ekonomi. Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1975 sebagai Penolong Pengarah di Unit Perancangan Ekonomi (Economic Planning Unit) ("EPU"), Jabatan Perdana Menteri dan kemudian dinaikkan ke jawatan Penolong Pengarah Kanan pada tahun 1984, sebelum menyandang jawatan sebagai Pengarah Seksyen Tenaga di jabatan yang sama. Pada penghujung tahun 1998, YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz telah ditugaskan oleh Kerajaan Malaysia ke Kumpulan Bank Dunia, Washington D.C, Amerika Syarikat sebagai Pengarah Eksekutif Silih Ganti mewakili Kumpulan Asia Tenggara. Beliau turut berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif di Bank Pembangunan Islam yang berpangkalan di Jeddah mewakili negara-negara Asia Tenggara dari tahun 2011 hingga 2013.

Sekembalinya ke Malaysia pada tahun 2001, YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz menyandang jawatan sebagai Timbalan Setiausaha Rendah (Makro), Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa, Kementerian Kewangan ("MOF"). Pada tahun 2004, beliau berkhidmat dengan EPU di Jabatan Perdana Menteri sebagai Timbalan Ketua Pengarah di Bahagian Perancangan Mikro.

Beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), MOF pada tahun 2005 dan kemudian dinaikkan ke jawatan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, MOF pada 28 Februari 2007. Beliau bersara daripada Perkhidmatan Awam pada 23 Mei 2008 dan kemudian kembali berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan hingga 23 Ogos 2012.

YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz kini merupakan Pengerusi Malaysia Airport Holdings Berhad & Kumpulan dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad & Kumpulan, Permodalan Nasional Berhad dan RAM Holdings Berhad.

YBHG DATO' HASHIM MAHFAR

55 Tahun, Warganegara Malaysia
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, GOM Resources

YBhg Dato' Hashim Mahfar kini merupakan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau menamatkan pengajian tinggi di Universiti Teknologi MARA ("UiTM") pada tahun 1981 dan mengikuti pengajian kelayakan profesional dengan Institut Setiausaha dan Pentadbir Bertauliah (UK). Sepanjang kerjaya beliau, YBhg Dato' Hashim banyak terlibat dengan bidang perkhidmatan korporat yang merangkumi undang-undang dan kesetiausahaan, pentadbiran kontrak, pemasaran dan kewangan korporat dalam sektor perkhidmatan.

Pengalaman beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") turut menceburkan beliau dalam operasi pelbagai industri termasuk Hartanah, Pembinaan, Pembuatan dan Aktiviti-aktiviti Minyak & Gas.

YBhg Dato' Hashim merupakan Pengarah Eksekutif/CEO Bridgecon Holdings pada 1996. Pada tahun 2002, beliau dilantik sebagai Pengarah Urusan TRIplc Berhad dan Pengarah Urusan Puncak Niaga Holdings Berhad pada tahun 2010.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA – **KUMPULAN PNHB**

YBHG DATO' MAT HAIRI ISMAIL

53 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah dan Naib Presiden, Bahagian Sumber Manusia, Pentadbiran, Informasi Teknologi, Pembangunan Perniagaan & Tugas Khas GOM Resources

YBhg Dato' Mat Hairi Ismail memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perakaunan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1985. Beliau memulakan kerjaya sebagai Akauntan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia ("JANM") pada 1985 dan menyandang jawatan Ketua JANM di Labuan pada tahun 1989. YBhg Dato' Mat Hairi kemudian dilantik sebagai Akauntan Perwakilan Malaysia di Pejabat UK dan EIRI, London dari tahun 1990-1992 dan sekembalinya beliau ke Malaysia, YBhg Dato' Mat Hairi dilantik sebagai Akauntan Kanan dengan Lembaga Pembangunan Langkawi hingga tahun 1994.

YBhg Dato' Mat Hairi memulakan penglibatan beliau dalam dunia perniagaan pada tahun 1994 bersama-sama dengan abang beliau, YBhg Tan Sri Rozali Ismail dan YBhg Dato' Shaari Ismail untuk mengasaskan PNSB yang kini telah berjaya menjadi salah satu penyedia penyelesaian pembekalan air bersepadu, air sisa dan alam sekitar terunggul di rantau ini. YBhg Dato' Mat Hairi telah memegang pelbagai jawatan dalam Kumpulan PNHB, termasuk Pengarah Eksekutif Perkhidmatan Kewangan & Korporat, Pengarah Eksekutif di Pejabat Pengerusi Eksekutif dan kini sebagai Naib Presiden Bahagian Sumber Manusia, Pentadbiran, Informasi Teknologi, Pembangunan Perniagaan & Tugas Khas bagi POG dan Kumpulannya. Beliau dilantik sebagai Pengarah GOM Resources pada 2 Januari 2013 dan Pengarah KGL Ltd. pada 7 Mac 2013.

YBhg Dato' Mat Hairi membawa bersama pengalaman yang luas menjangkau 30 tahun dalam bidang perancangan strategik, kewangan korporat dan pengurusan perniagaan untuk membantu membina POG dan Kumpulannya agar muncul sebagai salah sebuah syarikat utama dalam sektor Minyak & Gas, baik di peringkat tempatan mahupun di arena antarabangsa.

ENCIK MOHAMAD RAFI SHAHZADA

49 Tahun, Warganegara Malaysia
Naib Presiden Kanan, Bahagian Pembinaan Luar Pesisir/Bahagian Tender & Kontrak GOM Resources

Encik Mohamad Rafi Shahzada menyertai PNSB pada 2 Jun 2014 sebagai Pembantu Khas kepada Pengerusi Eksekutif/Pengurus Besar Kanan, Bahagian Tugas Khas sebelum dipindahkan ke GOM Resources Sdn Bhd pada 15 April 2015 sebagai Naib Presiden Kanan, Bahagian Pembinaan Luar Pesisir/Bahagian Tender & Kontrak. Beliau bertanggungjawab mengawal selia kontrak, pemerolehan, pematuhan dan operasi.

Beliau mempunyai kelayakan Chartered Institute Management Accountants ("CIMA") dari London School of Accounting dan Emile Wolfe, UK. Beliau juga berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera Perakaunan & Kewangan serta Ijazah Sarjana Perakaunan & Kewangan dari University of Wales, UK. Beliau juga seorang ahli Global Internal Auditor, Institut Audit Dalaman Malaysia (IIAM) serta ahli Institut Insurans Malaysia.

Encik Mohamad Rafi memulakan kerjayanya sebagai pelatih pengurusan di Bank of America, Kuala Lumpur pada tahun 1986. Sebelum menyertai PNSB, beliau menyandang jawatan Ketua Pengawai Kewangan Kumpulan/Jawatankuasa Projek dengan Saudi Arabia Basic Industries Corporation ("SABIC") syarikat sekutu IBN SINA di Jubail, KSA di mana beliau mengetuai pasukan kewangan, perakaunan dan perancangan dalam menguruskan operasi harian dan melaksanakan aktiviti perakaunan pengurusan di syarikat yang terlibat terutamanya dalam bidang petrokimia tersebut.

Beliau memiliki pengalaman selama lebih 25 tahun dalam bidang pengurusan, kewangan, perbankan, sewa beli, minyak & gas, petrokimia, insurans, perundangan, audit, pemasaran, peruncitan, pembuatan, perundingcaraan, informasi teknologi dan perakaunan di pelbagai peringkat termasuk di peringkat pengurusan kanan dan lembaga pengarah.

TUAN HAJI SONARI SOLOR

59 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar Kanan, Jabatan Audit Dalaman

Tuan Haji Sonari Solor menyertai PNSB pada 10 September 1998 dan dilantik sebagai Pengurus Besar Kanan, Jabatan Audit Dalaman SYABAS untuk tempoh dari 1 September 2006 sehingga 15 Februari 2012. Beliau menyertai PNSB semula pada 16 Februari 2012 sebagai Pengurus Besar Kanan, Jabatan Audit Dalaman.

Tuan Haji Sonari Solor adalah seorang Akauntan Berkanun dengan Insititut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute Accountants atau "MIA") dan ahli Fellow dengan Association of Chartered Certified Accountants (U.K). Beliau turut memiliki kelayakan profesional daripada Chartered Institute of Management Accountants (U.K.). Tuan Haji Sonari Solor mempunyai pengalaman selama lebih 26 tahun bekerja di peringkat pengurusan dalam bidang perakaunan dan pengauditan dengan beberapa syarikat senarai awam. Sebelum menyertai PNSB, Tuan Haji Sonari Solor menyandang jawatan Ketua Bahagian Kumpulan, Audit Dalaman dengan Land & General Berhad.

PUAN HAFIZAH AHMAT

46 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar Kanan, Jabatan Kontrak & Pemerolehan

Puan Hafizah menyertai QS Consultant Company pada bulan Julai 1992 sebagai Jurukur Bahan selama tiga tahun. Beliau berkelulusan Diploma Lanjutan Jurukur Bahan dari Universiti Teknologi MARA dengan meraih Anugerah Pelajar Terbaik pada tahun 1992. Sebelum menyertai PNSB sebagai Pengurus Besar Jabatan Kontrak & Pemerolehan ("CPD") pada Januari 2010, beliau telah berkhidmat dengan sebuah syarikat pembinaan sejak bulan Oktober 1996. Secara keseluruhannya, Puan Hafizah memiliki pengalaman selama lebih 23 tahun dalam bidang ukur bahan dalam industri pembinaan. Beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus Besar Kanan CPD, PNSB pada 1 Januari 2013. Beliau juga merupakan Pengarah untuk Puncak Niaga Construction Sdn Bhd.

ENCIK AZLAN SHAH TAN SRI ROZALI

29 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengurus Besar, Jabatan Teknologi Maklumat

Encik Azlan Shah Tan Sri Rozali berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Perniagaan dan Pemasaran dari Middlesex University, Hendon Business Campus, London, United Kingdom. Beliau menyertai PNSB pada 1 November 2011 dan menyandang jawatan Pengurus Besar, Jabatan Teknologi Maklumat PNSB yang bertanggungjawab mengawalselia seluruh Jabatan Teknologi Maklumat PNSB.

Encik Azlan Shah memulakan kerjaya beliau pada tahun 2009 melalui satu program latihan amali di sebuah syarikat dagangan pakaian. Berikutan prestasi cemerlang dan komitmen beliau yang tinggi, Encik Azlan Shah telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus yang bertanggungjawab ke atas tugas-tugas jualan dan pemasaran syarikat, pembangunan perniagaan, pengurusan inventori dan pentadbiran. Beliau menyertai SYABAS pada tahun 2010 sebagai Eksekutif dan telah mendapat pendedahan dan pengalaman dalam bidang sumber manusia & pentadbiran, kewangan & akaun serta pengurusan pejabat-pejabat wilayah SYABAS.

Encik Azlan Shah adalah Ahli EXCO Dewan Pemuda di Dewan Perniagaan Melayu bagi Negeri Selangor, Pengasas dan Naib Presiden Kelab Usahawan Belia 1Malaysia. Pada tahun 2011, beliau menerima pangkat Leftenen Rejimen Pakar Pengendalian Air Ke-60 RAJD (Askar Wataniah).

PUAN JENNY LIM YEW HEANG

48 Tahun, Warganegara Malaysia
Setiausaha Syarikat/Pengurus Besar, Jabatan Kesetiausahaan

Puan Lim Yew Heang (Jenny) menyertai PNSB pada 1 April 2008 sebagai Pengurus Besar, Jabatan Kesetiausahaan, Bahagian Perkhidmatan Korporat. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Syarikat Bersama bagi PNSB dan PNHB pada 2 Mei 2008. Beliau adalah seorang Setiausaha Berkanun, pemegang persijilan Institut Setiausaha & Pentadbir Bertauliah (Institute of Chartered Secretaries & Administrators atau "ICSA") dan Ahli Bersekutu, The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators ("MAICSA"). Beliau memiliki pengalaman kerja selama 26 tahun dalam bidang kesetiausahaan syarikat. Sebelum menyertai PNSB pada 1 April 2008, beliau menyandang jawatan Pengurus Kanan di sebuah syarikat perunding kesetiausahaan utama selama 14 tahun.

SOROTAN PENTING KEWANGAN
BAGI TEMPOH LIMA TAHUN

	31-Dis-14 RM'000	31-Dis-13 RM'000	31-Dis-12 (Dinyatakan semula) # RM'000	31-Dis-11 (Dinyatakan semula) # RM'000	31-Dis-10 (Dinyatakan semula) # RM'000
KEPUTUSAN PENTING					
Hasil					
- Operasi yang Diteruskan	**606,635**	514,348 @	1,563,032	1,015,668	524,587
- Operasi yang Diberhentikan	**562,734**	632,356 @	–	–	–
Jumlah	**1,169,369**	1,146,704	1,563,032	1,015,668	524,587
(Kerugian)/Keuntungan Sebelum Cukai					
- Operasi yang Diteruskan	**(8,884)**	(79,501)@	325,372	365,935	251,485
- Operasi yang Diberhentikan	**302,354**	315,865 @	–	–	–
Jumlah	**293,470**	236,364	325,372	365,935	251,485
Keuntungan Bersih pemilik syarikat induk	**248,383**	200,551	259,389	243,907	187,002
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN					
Hartanah, loji dan peralatan	**244,414**	426,219	419,799	412,671	197,723
Harta pelaburan	**181,495**	–	–	–	–
Aset operasi kewangan	**-**	743,771	813,812	890,959	1,049,423
Aset konsesi perkhidmatan	**64,512**	84,562	67,880	65,908	64,878
Aset bukan semasa lain	**45,438**	1,883,573	1,632,326	1,285,905	534,209
Aset semasa	**703,944**	1,508,230	1,313,581	1,081,715	1,397,687
Aset dikelaskan dipegang untuk jualan	**3,618,098** **	–	–	–	–
Jumlah aset	**4,857,901**	4,646,355	4,247,398	3,737,158	3,243,920
MODAL YANG DITERBITKAN DAN BERBAYAR					
Modal saham	**415,960**	411,261	411,143	411,143	411,143
Rizab	**1,659,988**	1,365,495	1,173,304	916,337	621,118
Ekuiti pemilik syarikat induk	**2,075,948**	1,776,756	1,584,447	1,327,480	1,032,261
Aset bersih sesaham pemilik syarikat induk (RM)	**5.02**	4.34	3.87	3.24	2.52
NISBAH DAN STATISTIK					
Margin keuntungan bersih pemilik syarikat induk (%)	**21.24**	17.49	16.60	24.01	35.65
Pendapatan asas sesaham pemilik syarikat induk (sen)	**60.51**	49.02	63.40	59.62	45.71
Pinjaman dan Peminjaman (RM'000)	**221,361** *	2,053,751	1,935,717	1,837,840	1,609,746
Nisbah penggearan (%)	**2**	49	54	56	53
Nisbah semasa (kali ganda)	**1.68**	3.31	1.21	1.40	1.53

** Aset dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan terdiri daripada perkara-perkara berikut:-

Hartanah, loji dan peralatan	**2,596**
Aset operasi kewangan	**780,058**
Aset konsesi perkhidmatan	**14,329**
Perdagangan belum terima dan lain-lain	**2,567,324**
Inventori	**5,857**
Cukai diperoleh semula	**80,173**
Tunai dan baki di bank	**167,761**
	3,618,098

* Pinjaman dan peminjaman yang disertakan dalam liabiliti dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan	**1,725,899**

Perbandingan ini telah dinyatakan semula dengan mengambil kira kesan penggunaan MFRS 10 & 11 pada akaun ekuiti SYABAS

@ Perbandingan ini telah dinyatakan semula dengan mengambil kira kesan penggunaan MFRS 5 yang timbul daripada Cadangan Penjualan PNSB dan SYABAS

PRESTASI KUMPULAN
BAGI TEMPOH LIMA TAHUN

HASIL (RM'000)



EKUITI PEMILIK SYARIKAT INDUK (RM'000)



KEUNTUNGAN BERSIH PEMILIK SYARIKAT INDUK (RM'000)



JUMLAH ASET (RM'000)



PENDAPATAN ASAS SESAHAM PEMILIK SYARIKAT INDUK (sen)



ASET BERSIH SESAHAM PEMILIK SYARIKAT INDUK (RM)



HARGA SAHAM & JUMLAH DIDAGANGKAN

PERGERAKAN HARGA SAHAM

NAMA STOK: PUNCAK **KOD STOK: 6807**

	2014												2015			
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mar	Apr
Jumlah Saham Didagangkan ('000)	37,888	45,711	53,044	22,430	18,465	67,311	33,015	34,029	18,315	12,240	21,214	34,963	34,310	16,507	23,966	12,870
Purata Bulanan Harga Penutupan Saham (RM)	3.13	3.22	3.06	2.93	2.96	3.32	3.36	3.37	3.39	3.30	3.41	2.64	2.78	2.69	2.64	2.66



KALENDAR **KEWANGAN**

2014

29 MEI 2014
KHAMIS

Keputusan Suku Pertama berakhir 31 Mac 2014

21 OGOS 2014
KHAMIS

Keputusan Suku Kedua berakhir 30 Jun 2014

27 NOVEMBER 2014
KHAMIS

Keputusan Suku Ketiga berakhir 30 September 2014

2015

26 FEBRUARI 2015
KHAMIS

Keputusan Suku Keempat berakhir 31 Disember 2014

6 APRIL 2015
ISNIN

Penyata Kewangan yang telah Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

25 MEI 2015
ISNIN

Penerbitan Laporan Tahunan 2014

16 JUN 2015
SELASA

Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas

TINJAUAN OPERASI:
PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD

Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") telah berjaya mengharungi persekitaran operasi yang sukar pada tahun 2014. Sepanjang tahun tersebut, syarikat kekal kukuh dengan mencatat prestasi yang memberangsangkan, walaupun terpaksa berhadapan dengan masalah pencemaran air mentah dan paras air di empangan yang merosot hingga mengakibatkan penutupan dua buah loji pembersihan air ("LPA") dan catuan air di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bermula dari 27 Februari 2014 hingga 30 April 2014 ("Pelaksanaan Pelan Catuan Bekalan Air") seperti yang diarahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor ("KNS").

Pada tahun ini, PNSB juga berjaya menyiapkan kerja penambahbaikan dan beberapa projek selanjutnya di loji dalam usaha untuk mempertingkatkan keboleharapan dan kecekapan operasi, justeru membolehkan syarikat mencapai petunjuk prestasi utama bagi kualiti dan pengeluaran air.

OPERASI LOJI PEMBERSIHAN AIR

PNSB mengendali, mengurus dan menyenggara 29 LPA dengan jumlah kapasiti mencecah 1,956 juta liter sehari ("JLH"). Pada tahun 2014, PNSB telah membekalkan sejumlah 716.23 juta meter padu ("m^3") air bersih, berkurangan sebanyak 1.49% daripada 727.05 juta m^3 air bersih yang dikeluarkan pada 2013. Penurunan kapasiti pengeluaran air bersih ini adalah kesan daripada pencemaran air mentah yang berpanjangan akibat paras ammonia yang tinggi hingga memaksa penutupan beberapa LPA kami pada penghujung bulan Januari 2014.

Sungguhpun menghadapi cabaran getir di sepanjang tahun 2014 sehingga bulan Disember 2014, LPA berjaya mencatat tahap pematuhan yang mengagumkan iaitu 99.9% menurut piawaian kualiti air bersih yang ditetapkan, berdasarkan 33,424 sampel yang diuji oleh Makmal Bebas dan Makmal Pusat kami. Pencapaian ini menggambarkan dedikasi PNSB dalam mengekalkan piawaian kualiti yang tertinggi di seluruh operasinya.

Bagi memastikan pengguna mendapat bekalan air bersih secara berterusan, pasukan PNSB berusaha gigih untuk mengurangkan penutupan LPA tidak berjadual. Pada tahun 2014, LPA PNSB berhadapan dengan 3,064.24 jam penutupan disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan kami.

Punca Penutupan	Tempoh Penutupan (Jam)
Pencemaran air mentah	2,820.14
Gangguan bekalan tenaga TNB	74.95
Paip bocor/pecah	116.65
Banjir	52.5
JUMLAH JAM	**3,064.24**

Punca dan jumlah jam penutupan LPA pada tahun 2014

Prestasi LPA PNSB sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

- LPA Sg Selangor Phase 2 ("SSP2") menghasilkan 346.62 juta m^3 air bersih, menurun sebanyak 0.5% berbanding 348.37 juta m^3 air yang dicatatkan pada 2013. Purata pengeluaran air harian berkurangan kepada 948.56 juta liter daripada 961.33 juta liter pada 2013. Kapasiti reka bentuk harian bagi loji tersebut ialah 950.00 juta liter. Penurunan jumlah pengeluaran tersebut adalah disebabkan oleh pengurangan dalam jumlah air mentah yang dilepaskan dari Empangan Sungai Selangor berikutan arahan yang dikeluarkan oleh KNS setelah paras air di empangan tersebut merosot ke paras kritikal pada bulan Mac dan April 2014 akibat kemarau.

- LPA Wangsa Maju mengeluarkan 14.68 juta m^3 air bersih, berkurangan sebanyak 10.92% berbanding 16.48 juta m^3 yang dicatat pada tahun sebelumnya. Purata pengeluaran harian menurun kepada 40.21 juta liter berbanding 45.73 juta liter pada tahun 2013. Kapasiti reka bentuk harian untuk loji tersebut ialah 45.00 juta liter. Pengeluaran air bersih berkurangan @ menurun pada tahun 2014 disebabkan oleh pengurangan pelepasan air mentah dari Empangan Klang Gates pada bulan Mac dan April 2014, berikutan arahan KNS setelah paras empangan merosot ke paras kritikal.

- LPA Sg Sireh mengeluarkan 8.01 juta m^3 air bersih, peningkatan sebanyak 3.8% berbanding 7.72 juta m^3 yang dikeluarkan pada 2013. Purata pengeluaran harian bagi tahun 2014 adalah sebanyak 21.98 juta liter berbanding 21.33 juta liter pada tahun 2013. Kapasiti reka bentuk harian bagi LPA ini ialah 27.28 juta liter.

- 26 LPA di bawah Perjanjian Penswastaan dan Konsesi ("PCCA") bertarikh 22 September 1994 telah mengeluarkan sebanyak 346.92 juta m^3 air bersih, menurun sebanyak 2.13% daripada 354.48 juta m^3 yang dikeluarkan pada 2013. Purata bulanan pengeluaran air harian bagi tahun 2014 adalah 28.91 juta liter berbanding 29.54 juta liter pada tahun 2013. Penurunan pengeluaran adalah disebabkan oleh pencemaran air mentah akibat paras ammonia yang tinggi di LPA Bukit Tampoi dan Cheras Batu 11 sejak 29 Januari 2014 serta pengurangan pelepasan air mentah daripada Empangan Klang Gates ke LPA Bukit Nanas selaras dengan Pelaksanaan Pelan Catuan Bekalan Air.

- LPA Sg Lolo Baru mencatat pengeluaran sebanyak 1.09 juta m^3 air bersih, meningkat sebanyak 9.56% berbanding 998,097 m^3 yang dikeluarkan pada tahun 2013. Purata pengeluaran harian loji ini ialah sebanyak 2.99 juta liter berbanding 2.70 juta liter pada 2013. Kapasiti reka bentuk harian bagi LPA Sg Lolo ialah 2.5 juta liter.

Pada tahun 2014, 15 LPA telah beroperasi melebihi kapasiti reka bentuk masing-masing atas kebenaran pihak berkuasa bagi menampung peningkatan permintaan air bersih.

Jadual di bawah memaparkan ringkasan maklumat berhubung jumlah air mentah yang diambil dari sungai dan empangan untuk rawatan di LPA PNSB pada 2014:

Sumber	Isipadu yang Dikeluarkan (m^3)
Sg Selangor	388,624,558
Sg Bernam	25,091,041
Sg Dusun	508,962
Sg Tengi	731,054
Sg Batang Kali	4,112,756
Sg Darah	180,428
Sg Gerachi	2,710,118
Sg Inki	2,542,986
Sg Ampang	5,592,085
Sg Gombak	17,755,404
Sg Rumput	353,417
Sg Rangkap	4,008,374
Sg Kepong	863,704
Sg Langat	197,454,304
Sg Labu	1,720,574
Sg Pangsoon	1,672,970
Sg Lolo	1,555,570
Sg Serai	555,883
Sg Terusan Besar	9,172,403
Empangan Klang Gates	54,423,251
Empangan Tasik Subang	5,519,513
Empangan Batu	49,093,340
JUMLAH	**774,242,695**

KERJA-KERJA PENAMBAHBAIKAN LOJI

Sebagai sebahagian daripada komitmen syarikat untuk menyediakan bekalan air yang stabil dan cekap, di samping memenuhi keperluan kualiti air bersih, PNSB telah menjalankan beberapa kerja penambahbaikan loji pada tahun 2014.

LPA SSP2

Kerja penambahbaikan utama merangkumi kerja pemulihan injap pisau dan membaik pulih paip-paip hidro-siklon di Loji Actiflo Aliran C dan Aliran D, pembuatan dan pemasangan kemudahan pam sisa yang baharu dan pembuangan enap cemar dari lagun.

Kerja-kerja yang sedang dijalankan termasuk menaiktaraf penapis untuk menambah baik prestasi penapis di Loji Penapisan Aliran C; membaik pulih dan menaiktaraf Siemens S5 Programmable Logic Control ("PLC") kepada S7-300 PLC; dan membaik pulih panel kawalan dalaman bagi Loji Penapisan Aliran D.

Kerja-kerja penambahbaikan lain merangkumi membaik pulih penggerak injap pembilasan dan injap pneumatik di Actiflo; membaik pulih dan menaiktaraf sistem penyelarasan generator; membaik pulih penggerak sedia ada di Penapis Aliran C; membaik pulih injap air masuk sedia ada (inlet penstock) dengan sebuah penggerak pembuang pasir di muka sauk, menaiktaraf sistem penimbang jambatan timbang keluli 40 tan di rumah stor; memasang sistem pemantauan Indeks Kualiti Air atas talian; dan menaiktaraf rangkaian gentian optik ethernet SCADA *(Supervisory Control And Data Acquisition)*.

LPA Sg Langat

Kerja penambahbaikan utama termasuk mengganti 20 unit penggerak bagi injap keruk udara loji tersebut dan membaik pulih enam penapis. Kerja-kerja yang sedang dijalankan meliputi memasang pencampur boleh tenggelam di bahagian saluran mencampur C dan D dan sebuah sistem pemadam auto bagi sistem gas klorin, membaik pulih penyaring halus no. 1, memasang sebuah sistem pemadam api jenis Karbon Dioksida ("CO_2") bagi transformer 6.6kV/415V no. 1 dan no. 2 (2.5MVA) dan sebuah sistem pendosan fluorida yang baharu.

LPA Ampang Intake

Kerja-kerja penambahbaikan termasuk mengganti dan membaik pulih penapis tekanan, kerja perlindungan tebing sungai dan pembetung, dan mengganti sesekat kayu chengal. Kerja-kerja yang sedang dijalankan meliputi membaik pulih penapis pasir aliran perlahan no. 2, meninggikan papan suis utama sedia ada, memasang kabel bawah tanah dan membaik pulih jambatan sedia ada ke stor bahan kimia.

LPA Cheras Batu 11
Kerja penambahbaikan merangkumi menaiktaraf transformer no. 2 daripada 750 kVA kepada 1250 kVA dan mengganti kabel konduktor terdedah laluan atas dengan kabel aerial berkas. Kerja-kerja yang sedang dijalankan pula melibatkan kerja membaik pulih sistem pemantauan kualiti air sungai.

LPA Sg Gombak
Kerja penambahbaikan termasuk menaiktaraf pam air basuh, membaik pulih penapis dan menaiktaraf lampu jalan. Kerja-kerja yang sedang dijalankan termasuk membaik pulih parit dan sebuah muka sauk yang rosak serta membuang enap cemar di lagun.

LPA Bukit Nanas
Kerja penambahbaikan termasuk mengganti pam-pam enap cemar, menaiktaraf pembersih ('scrubber') klorin dan kerja-kerja pemulihan cerun. Kerja-kerja yang sedang dijalankan termasuk mengganti paip udara, media penapis, *nozzle*, membaik pulih dan menaiktaraf sistem automasi penapis serta menaiktaraf sistem perlindungan kilat.

LPA Wangsa Maju
Kerja penambahbaikan termasuk menaiktaraf sistem rawatan enapcemar ("STF"), memasang sistem pemadam api CO_2, CCTV dan penganalisa atas talian, menaiktaraf sistem automasi cucian berbalik penapis dan menaiktaraf tiang konkrit di kawasan drum klorin. Kerja-kerja yang sedang dijalankan meliputi menaiktaraf injap kawalan kebuk salur masuk lengkap dengan penggerak, membaik pulih penapis, mengganti penggerak penapis dan injap, membina sebuah bilik STF bagi kegunaan makmal dan mempertingkatkan Sistem Apungan Udara Terlarut.

LPA Sg Batu
Kerja penambahbaikan merangkumi membaik pulih penapis dan menaiktaraf pemadam klorin automatik di sistem klorinator. Kerja-kerja yang sedang dijalankan termasuk membaik pulih injap, penapis termasuk penggerak, menaiktaraf bengkel penyenggaraan dan mengganti pam sokongan.

LPA Rantau Panjang
Kerja penambahbaikan termasuklah memasang pelindung cerun. Kerja-kerja yang sedang dijalankan termasuk mengganti tangki fluorida, mengganti tangki Polialuminium Klorida dan mengganti sesekat chengal di saluran mencampur.

Kerja-kerja Penambahbaikan Empangan
Kerja-kerja yang sedang dijalankan termasuklah membina sistem parit mendatar bagi Empangan Sg Langat, sistem parit permukaan di Empangan Tasik Subang dan laluan keluar masuk baharu yang lebih baik bagi rumah bot sedia ada di Empangan Klang Gates.

PROJEK SEDANG DILAKSANAKAN

Pada tahun 2014, PNSB telah menjalankan kerja-kerja penambahbaikan loji berikut:

- Mengganti 66 modul membran di LPA Kepong
- Mengganti papan suis masuk LV utama di LPA Bukit Tampoi
- Mengganti saluran paip air mentah di LPA Kalumpang
- Membaik pulih penapis di LPA Bernam River Headworks, Bukit Tampoi dan North Hummock
- Menaik taraf sesekat tangki flokulasi di LPA Batang Kali
- Mengganti saluran sesekat di LPA Sg Selisek
- Menaik taraf sistem pra-rawatan di takungan air mentah dan menggantikan dua penapis mikro di LPA Sg Rumput
- Menaik taraf Meter Aliran Keluar di LPA Kuala Kubu Bharu
- Mengganti sistem pengklorinan sedia ada di LPA Kepong, North Hummock dan Kuala Kubu Bharu
- Memasang sebuah sistem pendosan kimia baru bagi aluminium kloro hidrat yang dilengkapi "*streaming current detector*" sebagai koagulan alternatif di LPA Sg Sireh

OPERASI EMPANGAN

PNSB mengendali dan menyenggara Empangan Sg Langat, Klang Gates dan Tasik Subang mengikut Garis Panduan Keselamatan Empangan bagi Operasi, Penyenggaraan dan Pengawasan Empangan Oktober 1989 yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Antara-Jabatan Empangan Malaysia. Operasi empangan ini juga adalah berpandukan Lengkuk Kawalan Operasi Takungan ("ORC") bagi memenuhi permintaan pelepasan air mentah dari empangan di samping mengawal simpanan air di empangan sebanyak yang mungkin.

Mulai awal tahun hingga bulan April 2014, paras air di Empangan Sg Langat dan Empangan Klang Gates menurun di mana kapasiti terendah bagi kedua-dua empangan tersebut masing-masing mencecah 48% dan 50%. Sementara itu, Empangan Tasik Subang penuh pada awal 2014, telah berkurangan ke paras 56% kapasiti pada pertengahan bulan Oktober. Penurunan kapasiti takungan turut dialami oleh empangan-empangan lain di Selangor akibat kurangnya hujan di beberapa kawasan tadahan pada akhir tahun 2013 dan suku tahun pertama 2014.

Sebagai operator empangan, PNSB sentiasa memaklumkan kepada pihak-pihak berkuasa yang berkaitan berhubung status empangan bagi membolehkan mereka mengambil tindakan yang sewajarnya. Sepanjang musim kemarau pada tahun 2014, pihak berkuasa dengan bantuan PNSB telah menjalankan pelbagai inisiatif yang perlu untuk mengatasi masalah paras air empangan yang rendah, seperti usaha pembenihan awan dan mengurangkan pelepasan air dari ketiga-tiga empangan, serta menggunakan kolam-kolam lombong sedia ada di Bestari Jaya sebagai sumber air mentah alternatif bagi LPA yang berkaitan. Menjelang penghujung bulan Disember 2014, paras air di ketiga-tiga empangan tersebut telah meningkat hingga hampir mencapai kapasiti 100% disebabkan taburan hujan yang tinggi di kawasan tadahan empangan tersebut mulai bulan September 2014.

Jumlah taburan hujan tahunan di ketiga-tiga kawasan tadahan empangan tersebut pada tahun 2014 berbanding taburan hujan purata mulai tahun 1998 hingga 2013 adalah seperti dalam jadual di bawah.

Empangan	Taburan hujan tahunan 2014 (mm)	Purata taburan hujan 1998 – 2013 (mm)	Perbezaan berbanding purata (%)
Sungai Langat	2,705.20	2,411.35	12.19
Klang Gates	2,735.80	2,746.91	-0.40
Tasik Subang	2,446.00	2,469.68	-0.96
JUMLAH	**7,887.00**	**7,627.94**	

Demi menjamin keselamatan dan kestabilan empangan, PNSB menjalankan pemeriksaan keselamatan empangan bulanan secara visual yang meliputi pemeriksaan tapak ke atas semua struktur empangan utama serta pemantauan semua peralatan mekanikal dan elektrikal ("M&E") dan instrumentasi. PNSB turut menjalankan kerja-kerja penyenggaraan pencegahan di empangan dari segi kejuruteraan awam, peralatan instrumentasi dan M&E menurut jadual yang telah ditetapkan. Di samping itu, cerapan pergerakan empangan turut dilaksanakan oleh juru ukur berlesen pada bulan Jun dan Disember 2014 dan keputusan menunjukkan struktur empangan berada dalam keadaan stabil.

Pengurusan keselamatan dan kesihatan telah diamalkan dan dikuatkuasakan di semua empangan. Seperti tahun-tahun sebelum ini, PNSB melaksanakan Pemeriksaan Keselamatan Tapak ("SSI"), Permit untuk Kerja Harian, Program 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal), Program U-See U-Act (Anda Lihat Anda Bertindak), serta empat latihan kecemasan. Ketiga-tiga empangan mencatat Kehilangan Masa Kecederaan sifar sehingga 2014.

PNSB turut bekerjasama dengan Lembaga Urus Air Selangor ("LUAS"), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Majlis Keselamatan Negara ("MKN"), Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Hutan dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menjalankan penguatkuasaan melalui Operasi Tindakan Bersepadu untuk melindungi empangan daripada pencerobohan haram dan untuk memulihara alam sekitar.

Sejajar dengan komitmen kami untuk mengamalkan tanggungjawab sosial korporat yang baik, PNSB dengan kerjasama MKN, LUAS dan Unit Perancang Ekonomi Selangor, mengalu-alukan pelbagai lawatan ke empangan oleh pihak berkepentingan, orang ramai, sekolah, universiti, NGO dan agensi-agensi kerajaan.

Pada tahun 2014, kualiti air mentah empangan mematuhi Kriteria Kualiti Air Mentah seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ("KKM").

Ujian balang untuk menentukan dos optimum kongulan di Makmal Pusat

PENSIJILAN

ISO 9001:2008 (Sistem Pengurusan Kualiti)
Tiga Pejabat Wilayah dan 26 LPA PNSB berjaya mengekalkan pensijilan ISO9001:2008. Ini mencerminkan pengurusan berkualiti tinggi di PNSB.

Audit Pengawasan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 yang telah dijalankan oleh Lloyd's Register Quality Assurance mengesyorkan penerusan pensijilan berasaskan keperluan Piawaian ISO 9001:2008 bagi LPA-LPA berikut: LPA Wangsa Maju, LPA Rantau Panjang, LPA Bernam River Headworks, LPA Sg Dusun, Pejabat Wilayah Utara, Pejabat Wilayah Selatan, LPA Sg Lolo dan LPA Salak Tinggi. Audit Pengawasan ISO 9001:2008 juga turut dijalankan bagi LPA Sg Batu, LPA Bukit Nanas dan LPA Sg Rangkap pada 4 hingga 5 Disember 2014.

Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan ("OHSAS") 18001:2007
Audit pensijilan semula telah dijalankan pada bulan Julai 2014 untuk memperbaharui pensijilan OHSAS 18001:2007. Pensijilan semula telah disyorkan bagi Ibu Pejabat PNSB, tiga Pejabat Wilayah dan 27 LPA hingga 17 Oktober 2017.

Sistem Pengurusan Bersepadu ("IMS"): ISO 9001:2008, ISO 14001:2004 dan OHSAS 18001:2007
LPA SSP2 berjaya mengekalkan status ISO 14001 yang membolehkan LPA tersebut mengekalkan pensijilan IMS, termasuk piawaian ISO 9001:2008 (Kualiti), ISO 14001:2004 (Alam Sekitar) dan OHSAS 18001:2007.

ISO 17025:2005 (Kecekapan Makmal Ujian dan Kalibrasi)
Makmal Pusat PNSB berjaya mengekalkan pensijilan ISO 17025:2005 bagi kecekapan makmal ujian dan kalibrasinya.

ISO 22000:2005 (Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan), Analisis Mudarat dan Titik Kawalan Kritikal ("HACCP") & Amalan Pengilangan Yang Baik ("GMP")
Pada tahun 2013, LPA Sg Langat, LPA Wangsa Maju dan LPA SSP2 telah dianugerahkan dengan ISO 22000:2005, Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan, Analisis Mudarat dan Titik Kawalan Kritikal dan Amalan Pengilangan Yang Baik. Audit Pengawasan pertama bagi ISO 22000:2005, HACCP & GMP dijalankan pada 7 hingga 10 Julai 2014 oleh SGS (Malaysia) Sdn Bhd yang mengesyorkan penerusan pensijilan berasaskan keperluan Piawaian ISO 22000:2005, HACCP & GMP.

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Jabatan Teknologi Maklumat PNSB terus menambah baik aplikasi perniagaan sedia ada dan bakal memperkenalkan sistem-sistem baru untuk memaksimakan manfaat teknologi baru.

Dalam usaha untuk bersiap sedia bagi pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST") Malaysia, kakitangan IT telah menyepadukan pematuhan terhadap GST ke dalam sistem SAP, termasuk automasi laporan. Fungsi sistem SAP turut diluaskan untuk merangkumi perancangan kos, belanjawan kos dan perancangan bagi projek-projek PNSB sedia ada dan masa depan. Aplikasi 'in-house' dalam audit, operasi loji dan sumber manusia juga telah dipertingkatkan untuk menyokong permintaan pengguna yang kian meningkat.

Bagi mengesahkan keselamatan data korporat, Jabatan IT melantik CyberSecurity Malaysia untuk menjalankan penilaian kerentanan pusat data PNSB pada tahun ini. Untuk mendapatkan perlindungan data lebih berkesan, kakitangan IT juga telah memasang satu penyelesaian sokongan baharu yang membolehkan replikasi data atas talian dan simpanan data di luar tapak. Langkah mengarkib emel juga dilaksanakan bagi mempertingkatkan keselamatan dan pematuhan terhadap peraturan.

PENYENGGARAAN PENCEGAHAN

PNSB melaksanakan pemantauan dan penyenggaraan yang rapi terhadap loji dan kelengkapannya sepanjang tahun bagi memastikan operasi yang lancar dan berterusan di kesemua 29 LPA. Pelan penyenggaraan tahunan diperlengkapkan dengan penyenggaraan pencegahan, manakala prestasi dipantau secara terperinci oleh dua sistem perisian penyenggaraan yang bergelar Maximo dan Maintpro. Pada tahun 2014, semua LPA telah menjalankan kira-kira 28,223 aktiviti penyenggaraan pencegahan berbanding 28,200 aktiviti pada tahun 2013.

Pengesahan dos kimia oleh kakitangan LPA

LANGKAH INOVATIF DAN PENJIMATAN KOS

Setiap tahun, PNSB menjalankan Program Kumpulan Inovatif & Kreatif ("ICC") bagi menggalakkan kakitangannya mencetuskan reka cipta atau langkah yang inovatif. Langkah inovatif dan menjimatkan kos lain termasuk:

- Memasang penapis karbon untuk menghilangkan klorin di dalam air bersih untuk penyediaan larutan polimer
- Menaik taraf "Human Machine Interface" kepada Protokol di Loji Actiflo C dan D bagi mempertingkatkan kemudahan pengendalian.
- Membaik pulih loji enap cemar untuk mengurangkan kos penyenggaraan
- Mempertingkatkan pendosan polimer untuk mengoptimumkan pembentukan flok
- Menambah baik proses flokulasi dengan memperkenalkan penggunaan kapur
- Mengoptimumkan penggunaan pasir mikro dengan memasang jaring logam untuk membuang sampah

Projek-projek ini telah menghasilkan penjimatan kos sebanyak kira-kira RM8.45 juta.

PENCAPAIAN UTAMA

Anugerah dan penghargaan yang dicapai oleh PNSB pada tahun 2014 mencerminkan komitmen Syarikat dalam mendukung piawaian yang tinggi meliputi seluruh operasi pembersihan air.

LPA SSP2 adalah pemenang untuk peringkat Kebangsaan bagi kategori utiliti bekalan air di Majlis Kebangsaan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan di bawah Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2014.

Pada tahun 2014 tiga (3) LPA PNSB telah meraih anugerah Merit Emas (Prestasi OSH Cemerlang), 11 LPA mendapat anugerah Emas (Kelas I) dan enam LPA meraih anugerah Emas (Kelas II) daripada Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia.

Makmal Pusat telah menerima Anugerah Kecemerlangan Makmal IKM 2014 untuk kali ketiga sejak mula mengambil bahagian pada tahun 2012. Anugerah ini mengiktiraf makmal yang mencapai piawaian kualiti antarabangsa serta piawaian keselamatan dan kesihatan makmal.

Pada tahun 2014, pasukan PNSB telah memenangi anugerah-anugerah berikut dalam Program ICC yang diadakan di peringkat wilayah dan kebangsaan:

1) Empat anugerah emas dan satu perak di Konvensyen Mini Pasukan Kecemerlangan 2014 Wilayah Selatan yang diadakan pada 10 April 2014
2) Dua anugerah emas dan tiga perak di Konvensyen Pasukan Kecemerlangan Wilayah Tengah 2014 ("Konvensyen Wilayah") yang diadakan mulai 28 hingga 29 Mei 2014
3) Tiga anugerah emas dan satu perak di Konvensyen Wilayah Utara yang diadakan mulai 4 hingga 5 Jun 2014
4) Enam anugerah emas di Konvensyen Wilayah Selatan yang diadakan mulai 11 hingga 12 Jun 2014
5) Lima anugerah emas di Konvensyen Wilayah Timur yang diadakan mulai 18 hingga 19 Jun 2014
6) Anugerah Emas Tiga Bintang & Juara bagi Sektor Perkhidmatan di Konvensyen ICC Peningkat Kebangsaan yang diadakan mulai 24 hingga 26 November 2014 ("Konvensyen Kebangsaan")
7) Satu Anugerah Emas Tiga Bintang & 10 Terbaik dalam Sektor Perkhidmatan di Konvensyen Kebangsaan
8) Tujuh Anugerah Emas Tiga Bintang dan tiga Anugerah Emas Dua Bintang di Konvensyen Kebangsaan

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah mengiktiraf PNSB sebagai Majikan Terbaik di Peringkat Cawangan pada bulan September 2014 dan PNSB juga menerima satu Anugerah Perak dalam kategori Majikan Pilihan di Anugerah HR Malaysia 2014 dalam bulan November 2014.

TINJAUAN OPERASI:
SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD

2014 merupakan satu lagi tahun yang sukar bagi Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS"). Cabaran terbesar ialah kekurangan air mentah, yang menyebabkan pengurangan mendadak dalam pengeluaran air bersih oleh operator rawatan. Keadaan ini mendesak kepada keperluan mengadakan catuan air secara besar-besaran di mana SYABAS dipertanggungjawabkan untuk melaksanakannya daripada bulan Februari hingga April 2014.

Cabaran besar yang lain adalah berikutan ketegasan Kerajaan Negeri Selangor menangguhkan kebanyakan program perbelanjaan modal ("CAPEX") syarikat yang dirancang sejak beberapa tahun lalu, termasuk kedua-dua program Air Tidak Berhasil ("NRW") kami dan program-program penggantian paip. Ini telah mengakibatkan pertambahan kekerapan berlaku paip pecah serta gangguan bekalan air yang menghalang SYABAS daripada mencapai pengurangan NRW seperti perancangan.

Sepanjang tahun lalu, bekalan air tidak mencukupi secara berpanjangan di mana Kerajaan Negeri Selangor tidak membangunkan punca bekalan air bersih tambahan untuk menampung permintaan pengguna yang semakin meningkat dan beroperasi pada kapasiti rizab yang sangat rendah. Sementara itu, Kerajaan Negeri Selangor juga enggan, sama ada untuk meluluskan sebarang pelarasan tarif air bagi dua semakan tarif berjadual yang lepas secara berturut-turut atau membayar sebarang pampasan sewajarnya. Ini telah mengakibatkan masalah aliran tunai yang serius dan jumlah hutang yang banyak termasuk pembayaran faedah yang tinggi kepada para operator loji pembersihan air bagi pembelian air bersih.

Walau bagaimanapun, tanggungjawab membekalkan air minum berkualiti kekal menjadi matlamat utama SYABAS dan pelbagai cabaran yang dihadapi pada tahun 2014 tidak menggugat tahap perkhidmatan terbaik yang disediakan oleh syarikat. Malah syarikat telah berjaya mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama ("KPI") yang tinggi dan dalam sesetengah perkara, berjaya mencapai jauh melebihi sasaran bagi tahun 2014.

CABARAN DAN PENCAPAIAN

Perjanjian Konsesi ("CA") yang dimeterai antara SYABAS, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor mensyaratkan supaya air yang dibekalkan mesti memenuhi Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan (2004) Kementerian Kesihatan ("MOH") dan SYABAS telah berjaya mengekalkan tahap pematuhan 99.7% (Januari sehingga Disember 2014), melebihi keperluan CA. Melalui sampel yang diambil dari lebih 1,112 stesen dan diuji secara berterusan oleh MOH, SYABAS mencatatkan pelanggaran mikrobiologi sifar secara konsisten dan ini telah menjadikan syarikat sebagai operator air utama dari segi kualiti air bagi tahun ketiga berturut-turut berasaskan kepada laporan kualiti air seluruh negara Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ("SPAN").

Keputusan Kerajaan Negeri Selangor untuk membekukan program CAPEX SYABAS yang dibuat pada tahun 2008 diteruskan hingga ke tahun 2014. Pembekuan tersebut meliputi keseluruhan perancangan CAPEX kecuali kerja-kerja yang amat kritikal dan dijangka dikekalkan sehingga penyelesaian langkah konsolidasi dan penstrukturan semula industri air di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajan Persekutuan dimeterai dan dilaksanakan.

Seperti tahun sebelumnya, SYABAS telah dilantik sebagai ejen oleh SPAN dan telah disokong oleh SPAN untuk memproses pemohonan bekalan air untuk projek perumahan baru, komersial dan industri namun sekali lagi harus menangguhkan sokongannya kepada projek yang melibatkan permintaan air tambahan. SYABAS tidak dapat menyediakan surat sokongan bagi sebarang projek pembangunan baharu di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya kerana menjangkakan ketidakcukupan bekalan air bersih dan tiada kepastian tentang pertambahan sumber air baru. Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 912 projek telah terjejas dan semua projek tersebut telah dipersetujui oleh penguatkuasa, SPAN.

Berikutan keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan bekalan air mentah, SYABAS telah diarahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan kelulusan SPAN untuk merangka jadual catuan air. Justeru, catuan air dilaksanakan secara berperingkat dari 27 Februari 2014 hingga 30 April 2014 (dua hari dengan bekalan air, diikuti dengan dua hari tanpa bekalan air) dan langkah ini telah menjejaskan 6.7 juta penduduk Lembah Klang. Keperluan untuk mewujudkan catuan air timbul daripada gabungan beberapa faktor, antaranya ketidakcukupan bekalan air bersih bagi memenuhi peningkatan permintaan; pencemaran air mentah yang disebabkan oleh kandungan ammonia yang tinggi ditemui di Sg Langat, yang memaksa loji pembersihan air ("LPA") Cheras Batu 11 dan Bukit Tampoi memberhentikan operasi; dan pengurangan air mentah yang dilepaskan dari beberapa empangan berikutan kemerosotan mendadak paras simpanan empangan di empangan Sg Selangor, empangan Sg Tinggi dan empangan Klang Gates akibat musim kemarau yang berlaku selama beberapa bulan. Kesannya, air mentah tidak mencukupi untuk menjalankan operasi penuh di LPA.

Walaupun berhadapan dengan segala cabaran tersebut, SYABAS masih kekal komited sepenuhnya untuk menyediakan perkhidmatan kepada para pelanggannya. SYABAS bukan sekadar menggerakkan seluruh sumber tenaga manusia, lori tangki air dan tangki statiknya sahaja, malah ia turut menjalin kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri serta pelbagai pihak penguatkuasa peraturan dan kementerian seperti SPAN Kerajaan Persekutuan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air ("KeTTHA") serta Kementerian Pertahanan Malaysia ("MOD") dan kerajaan tempatan bagi menangani krisis air tersebut.

Walaupun terdapat kekangan pembiayaan CAPEX dihadkan untuk projek kritikal, namun penyiapan kerja menaiktaraf rumah pam Wangsa Maju merupakan satu mercu tanda penting dicatatkan pada awal tahun 2014. Instalasi ini terpaksa ditutup pada tahun 2012, apabila keadaannya yang beroperasi melebihi kapasiti menjadikan ia semakin merosot ketika itu mengakibatkan ia tidak mampu memenuhi pertambahan permintaan air dan sering mengalami kerosakan.

Sementara itu, oleh sebab SPAN hanya meluluskan program di bawah CAPEX inisiatif terhad dan sedikit demi sedikit yang dikelaskan sebagai terlalu kritikal sahaja, SYABAS tidak dapat meneruskan usaha mengurangkan lagi kerugian akibat NRW. Usaha mengurangkan NRW selanjutnya terjejas akibat kelewatan kelulusan yang diterima daripada agensi penguatkuasaan, kekerapan keperluan untuk mengaktifkan Pelan Tindak Balas Kecemasan ("ERP") akibat gangguan bekalan air tidak berjadual secara besar-besaran dan tindakan penguatkuasaan oleh SPAN yang tidak mencukupi untuk membendung kes kecurian air yang juga merupakan penyebab kerugian akibat NRW.

SYABAS mencapai jangka masa tindak balas terhadap laporan paip pecah dan bocor pada tahap yang membanggakan pada tahun 2014. Seperti pada tahun-tahun sebelumnya, keseluruhan 5,722 kejadian paip pecah dan 79,510 paip bocor yang dilaporkan telah diambil tindakan dan dibaiki dalam tempoh yang ditetapkan oleh piawaian dalaman kami, lebih pantas berbanding tempoh yang disyaratkan

di bawah CA. Secara purata, jangka masa untuk membaiki paip pecah berdiameter sehingga 200 mm boleh disiapkan dalam tempoh dua jam.

Sokongan Pengguna SYABAS turut mengekalkan piawaian yang tinggi sama seperti pada tahun-tahun sebelumnya. Secara purata, Pusat Panggilan menerima 98,100 panggilan setiap bulan pada tahun 2014; personel sokongan mencapai kadar pematuhan 96.10% dengan penanda aras ditetapkan pada setengah jam sebagai maklumbalas awal terhadap aduan pengguna.

Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia ("MSOSH") mengiktiraf pencapaian berterusan yang dicatatkan oleh SYABAS dalam menambah baik keselamatan di tempat kerja. Berikutan dua audit yang dijalankan di keseluruhan sepuluh daerah SYABAS, MSOSH telah memberi Anugerah Merit Emas kepada daerah Kuala Lumpur. Enam daerah iaitu, Hulu Langat, Klang, Petaling, Gombak, Kuala Selangor dan Sabak Bernam pula memperoleh Anugerah Emas Kelas I dan tiga daerah lagi iaitu Hulu Selangor, Sepang dan Kuala Langat pula memenangi Anugerah Emas Kelas II.

PERKHIDMATAN PENGAGIHAN AIR

Pada tahun ini, SYABAS telah mengagihkan purata harian air bersih mencecah 4,593 juta liter sehari ("JLH") kepada kira-kira 7.5 juta penduduk dan pengguna komersial di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya. Walau bagaimanapun, seperti yang disebut di atas, SYABAS terpaksa melaksanakan langkah catuan air dari penghujung bulan Februari hingga April 2014.

Pelancaran portal perkhidmatan pengguna SYABAS dan aplikasi telefon pintar MySYABAS oleh Pengerusi Eksekutif Kumpulan PNHB

AIR TIDAK BERHASIL ("NRW")

Usaha untuk mengurangkan paras NRW yang dilakukan secara agresif oleh SYABAS sejak memeterai CA pada 1 Januari 2005 telah menghasilkan keputusan yang konsisten. Pencapaian ini diringkaskan seperti di bawah:

	Input Air	Penggunaan Dibil	NRW (Purata bagi tahun)	
Tempoh	JLH	JLH	JLH	%
(A) 2005	3,766	2,155	1,611	42.78
(B) 2014	4,593	3,048	1,545	33.65

Nota: Penggunaan Diluluskan yang Tidak Dibil dengan purata 0.5% telah dimasukkan dan dikira sebagai NRW.

Sepanjang tempoh dari 1 Januari 2005 sehingga 31 Disember 2014, input air telah meningkat sebanyak lebih 827 JLH, atau 22.2%. Kenaikan ini selaras dengan penggunaan yang dibil sepanjang tempoh yang sama selama sepuluh tahun iaitu sebanyak 893 JLH, atau 41.4%.

Program Semasa

Walaupun SYABAS berhadapan dengan kekangan bajet yang sangat kritikal dan tidak mendapat kelulusan CAPEX, namun ia masih mampu melakukan beberapa kerja bagi mengurangkan NRW melalui pinjaman yang diperoleh daripada KeTTHA seperti berikut:

- Program Mitigasi 1 KeTTHA: sambungan program penggantian paip sepanjang 210 km di 30 kawasan kritikal menepati sasaran untuk disiapkan menjelang akhir tahun 2015. Paip baharu sepanjang 172 km telah dipasang setakat ini, dengan anggaran penjimatan sebanyak 22.5 JLH, dan pada kos RM102.0 juta.

- Program Mitigasi 2 KeTTHA: Program ini telah disiapkan pada Februari 2015 seperti yang dijadualkan dengan kos projek sebanyak RM76.0 juta. Penjimatan NRW sehingga 31 Disember 2014 adalah pada 122 JLH, lebih tinggi daripada penjimatan NRW berjadual 110 JLH.

Di samping itu, SYABAS telah diberi kelulusan oleh SPAN untuk meneruskan usaha mengurangkan NRW dengan menggunakan pembiayaan dalamannya sendiri bagi menyambung Kontrak NRW Fasa 3 pada tahun 2014, yang meliputi 573 Zon Pemeteran Daerah. Pada akhir kontrak dalam bulan Jun 2014, penjimatan NRW terus dikekalkan pada 305 JLH.

Pelan Induk NRW 2014 sehingga 2018

Program ini dirangka untuk mencapai pengurangan kehilangan air NRW dari segi fizikal dan komersial secara lebih agresif dengan matlamat untuk mencapai penjimatan sebanyak 913 JLH serta mengurangkan NRW keseluruhan kepada 26.2% menjelang akhir tahun 2018.

Bagi mengurangkan kehilangan air fizikal, pelan ini mencadangkan untuk memperluas liputan pengurusan zon NRW di seluruh rangkaian pengagihan air SYABAS. Kerja mengesan kebocoran secara aktif menggunakan teknologi canggih juga akan dilakukan di saluran paip utama serta paip agihan utama. SPAN telah meluluskan pelan pelaksanaan bagi dua tahun pertama pada bulan September 2014. Sebagai tindak balas kepada keperluan kritikal untuk mengurangkan NRW serta mengawal masalah kekurangan air, kerja fizikal telah dimulakan serta-merta dan apabila siap pada bulan September 2016, ia dijangka akan menghasilkan penjimatan sebanyak 154 JLH.

Bagi mengawal dan mengurangkan lagi kerugian komersial, SPAN telah meluluskan pelaksanaan program penukaran meter pada bulan Mei 2014. Projek yang bermula pada bulan Jun 2014 ini meliputi penggantian meter yang tersekat, meter pukal tersekat, meter lama dan meter pukal lama. Penggantian meter ini dijangka akan menghasilkan penjimatan air NRW sebanyak 94.6 JLH yang mana lebih tinggi daripada yang dijangkakan. Program ini telah 92.82% selesai pada 31 Disember 2014.

KERJA-KERJA CAPEX

Di bawah penswastaan perkhidmatan bekalan air di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya, SYABAS telah merangka sebuah program CAPEX untuk menaiktaraf dan memulih aset pengagihan air. Jumlah perbelanjan CAPEX terkumpul dari 1 Januari 2005 sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak RM2,961.56 juta.

Jumlah CAPEX bagi tahun 2014 sebanyak RM362.87 juta, secara utama dibiayai melalui pembiayaan dalaman SYABAS sebanyak RM189.87 juta. CAPEX ini dilabur untuk menaiktaraf dan memulih infrastruktur pengagihan, termasuk penggantian atau pembaikan tangki air bocor; membaiki kerosakan kolam air; penambahbaikan pada kualiti air dan kawasan bertekanan rendah; menaiktaraf rumah pam dan perkhidmatan ICT serta penggantian paip lama.

Pembiayaan tambahan diperolehi daripada Program Mitigasi KeTTHA di mana RM170.0 juta digunakan untuk mengganti paip dan RM76.0 juta lagi diperuntukkan bagi program NRW.

SYABAS berjaya menyiapkan kerja menaiktaraf rumah pam Wangsa Maju pada awal tahun 2014. Penutupannya yang mendapat hebahan meluas pada tahun 2012 adalah diakibatkan oleh peralatannya yang sudah lama, pengoperasian melebihi kapasiti dan kapasiti yang tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, instalasi tersebut kini sudah kembali beroperasi dengan motor, pam dan panel kawalan yang baharu dan dinaik taraf. Rumah pam ini juga dilengkapi dengan injap 'plunger', pertama seumpamanya digunakan oleh SYABAS. Injap kawalan salur masuk ini melancarkan serta memudahkan kawalan aliran salur masuk menjadi lebih sekata dan mencegah limpahan yang seterusnya mengurangkan kerugian air secara ketara.

PENINGKATAN KUALITI AIR

Di SYABAS, kualiti air minum sentiasa menjadi keutamaan paling utama. Sejak tahun 2008, SYABAS telah secara agresif melaksanakan Pelan Induk Penambahbaikan Kualiti Air ("WQIM") yang meliputi pemantauan secara berterusan di 1,112 stesen pensampelan air dan juga di sepanjang rangkaian pembekalan, kolam takungan dan kolam agihan. Hasilnya, pada tahun 2014 pencemaran kualiti air dan aduan pengguna berkurangan dengan ketara berbanding pada tahun-tahun sebelumnya.

Pada tahun 2014, 99.7% (Januari sehingga Disember 2014) analisis kualiti air yang dijalankan oleh SYABAS dan MOH didapati menepati Piawaian Kebangsaan Bagi Kualiti Air Minum, mencatatkan pencemaran sifar dalam parameter mikrobiologi. Analisis yang dijalankan ini juga menunjukkan bahawa SYABAS terus memenuhi piawaian tinggi yang ditetapkan dalam Program Jaminan Kualiti MOH serta keperluan Tahap Perkhidmatan Mandatori seperti dinyatakan di bawah CA dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor.

Ucapan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SYABAS di perhimpunan bulanan kakitangan SYABAS

PUSAT KAWALAN OPERASI DAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI

Pusat Kawalan Operasi ("OCC") SYABAS yang ditubuhkan pada tahun 2010 meneruskan pelaburannya untuk menambahbaik kemudahan serta aplikasinya sebagai tindak balas kepada keperluan operasi yang sentiasa mencabar. OCC mengelola tiga operasi teras: Sistem Kawalan Seliaan dan Pemerolehan Data ("SCADA"), Pemodelan Hidraulik ("HM") dan 'Geospatial/Geographical Information System' ("GIS").

Pada tahun 2014, SYABAS terus membangunkan SCADA, HM dan GIS untuk menyokong ERP dan penutupan terancang yang perlu dilakukan bagi melaksana kerja pembaikan dan menaiktaraf. Kerja naik taraf ini juga telah menambahbaik tahap kecekapan operasi, pengurusan NRW serta pengendalian krisis. Di samping itu, pembangunan OCC selanjutnya telah membolehkan kakitangan dari pelbagai daerah dan jabatan memantau paras takungan mereka secara langsung dan atas talian.

SYABAS juga menggunakan HM untuk merangka model aliran dan tekanan saluran paip, dan dengan demikian mengurangkan kejadian paip pecah melalui kerja-kerja kawalan tekanan serta membolehkan kakitangan membuat anggaran jangka masa gangguan bekalan air dan tempoh membaiki. Sementara itu, SYABAS telah membangunkan sebuah aplikasi khusus untuk melaksanakan tindakan catuan air pada awal tahun 2014. Aplikasi ini membantu mengenal pasti kawasan-kawasan yang terjejas, pengguna yang terjejas, kemudahan kritikal seperti hospital dan pusat dialisis serta tangki statik, lori tangki dan kekerapan kedatangan lori tangki untuk memberi sokongan yang optimum terhadap keperluan tersebut.

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI ("ICT")

Pada tahun 2014, ICT SYABAS menyediakan perkhidmatan yang selamat dan berdaya harap kepada para penggunanya. Amalan penyenggaraan yang berkesan memastikan tahap ketersediaan yang tinggi tanpa gangguan utama, mengekalkan ketersediaan perkhidmatan bulanan purata 99.97% bagi semua sistem.

Projek ICT meliputi pembangunan dan pelaksanaan pelbagai aplikasi yang memanfaatkan para pengguna serta pengguna akhir dalaman. Pusat Perkhidmatan Setempat (OSC) untuk semua pertanyaan pengguna; portal perkhidmatan pengguna atas talian dan aplikasi telefon pintar MySYABAS untuk memaklumkan kepada pengguna berkenaan gangguan bekalan air berjadual dan gangguan bekalan air tidak berjadual yang semuanya dilancarkan pada tahun 2014.

ICT SYABAS juga telah memulakan sebuah projek utama untuk membawa 15 sistem dalaman bagi mematuhi keperluan Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST"). Pembangunan aplikasi invois baharu merupakan sebahagian daripada projek ini yang telah disiapkan pada bulan Februari 2015. Penguatkuasaan 6% GST dijadual akan dimulakan pada 1 April 2015.

Bagi mempertingkatkan tahap kecekapan operasi, ICT SYABAS telah membangunkan sebuah aplikasi baharu, iaitu Sistem Maklumat Arahan Audit dan Pengurusan SYABAS bagi mengesan keputusan mesyuarat dan penemuan audit serta memastikan supaya keputusan perniagaan disampaikan secara berkesan. Sementara itu, Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia dimajukan bagi mempertingkatkan operasi sumber manusia bagi membolehkan akses kepada kakitangan bagi mendapatkan maklumat penting melalui perantara muka web serta mengurangkan penggunaan kertas. Secara keseluruhan, kakitangan ICT telah meneruskan pelaksanaan 48 peningkatan sistem pada tahun 2014.

BIL DAN KUTIPAN

Bilangan akaun bekalan air aktif pada 31 Disember 2014 yang berjumlah 2,012,241, mewakili pertumbuhan akaun sebanyak 3.8% berbanding 1,938,938 akaun yang dicatatkan pada 31 Disember 2013.

Jumlah bil pada tahun ini adalah sebanyak RM1.662 bilion, pengurangan sebanyak 0.3% daripada jumlah bil yang direkodkan pada tahun 2013 sebanyak RM1.667 bilion. Bil yang rendah ini adalah disebabkan oleh catuan air yang dilakukan pada bulan Februari, Mac dan April 2014.

Jumlah bil terkumpul sepanjang tempoh tujuh tahun lepas diringkaskan seperti di bawah:

	Tahun Hingga Disember						
Tahun	**2008**	**2009**	**2010**	**2011**	**2012**	**2013**	**2014**
Bil (RM Juta)	1,395.2	1,437.7	1,502.0	1,529.5	1,601.9	1,666.6	1,661.5

Kutipan sebanyak RM1.654 bilion yang dicatatkan pada tahun ini merupakan penurunan sebanyak 0.2% berbanding RM1.658 bilion pada tahun 2013.

Jumlah kecekapan kutipan keseluruhan pada tahun 2014 adalah sebanyak 99.6% dengan jumlah terimaan pada 31 Disember 2014 mencapai RM189.6 juta. Ia merupakan pertambahan sebanyak 4.5% berbanding RM181.4 juta pada 31 Disember 2013. Amaun lebih tinggi yang dicapai adalah disebabkan terutamanya oleh bilangan akaun pengguna yang lebih tinggi berikutan penukaran meter pukal kepada meter individu yang pertambahan amaun rebat yang dihutang oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Tahap pusing ganti penghutang (terimaan akaun), tidak termasuk hutang Kerajaan Negeri Selangor, secara purata adalah 37 hari. Pengurusan SYABAS memantau dan mengambil langkah bersungguh-sungguh secara berterusan untuk memungut hutang tertunggak.

Pemotongan bagi melaksanakan kutipan bil telah berkurangan sebanyak 15.7%, susut daripada 207,264 pada tahun 2013 kepada 174,743 pada tahun 2014 terutamanya disebabkan oleh keperluan untuk menggerakkan tenaga kerja untuk membantu dalam catuan air secara besar-besaran. Sementara itu, nisbah penyambungan semula mencatatkan pengurangan kecil, daripada 87.8% pada tahun 2013 kepada 87.5% pada tahun 2014 disebabkan terutamanya oleh langkah catuan bekalan air.

MIGRASI

Migrasi daripada akaun bekalan air meter pukal kepada akaun bekalan air meter individu bagi bangunan kediaman bertingkat tinggi masih diteruskan pada tahun 2014.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, SYABAS menerima 117 permohonan migrasi akaun meter pukal yang melibatkan 40,645 akaun meter individu. 71 akaun meter pukal telah berjaya dimigrasi menjelang akhir tahun dan 42 lagi telah diluluskan untuk pelaksanaan.

Sejak program migrasi dimulakan pada tahun 2007, SYABAS telah menerima sejumlah 1,493 permohonan migrasi akaun meter pukal yang melibatkan 319,384 akaun individu. Ia merupakan 71.7% daripada 2,082 akaun meter pukal yang perlu dimigrasi. Sebanyak 641 permohonan meter pukal telah diluluskan pada akhir Disember 2014, dan daripada jumlah tersebut, 460 telah dimigrasi iaitu 22.1% daripada jumlah akaun meter pukal.

Dengan penguatkuasaan peraturan yang mula berkuatkuasa pada 1 Februari 2014 telah mewajibkan migrasi semua akaun meter pukal dan tertakluk kepada penguatkuasaan oleh pihak-pihak berkuasa.

PROGRAM KESEDARAN DAN PENDIDIKAN PENGGUNA

Program Kesedaran dan Pendidikan Pengguna ("CAEP") telah dimulakan pada tahun 2007 bagi meningkatkan kesedaran pengguna mengenai pelbagai isu kualiti air dan untuk menggalakkan tanggungjawab pengguna dengan memelihara kualiti tersebut melalui penyelenggaraan kemudahan dalam premis mereka sendiri. Dalam beberapa sesi CAEP yang dijalankan, kakitangan SYABAS berinteraksi dengan para pengguna melalui ceramah pendidikan, dialog, pameran dan demonstrasi. Pada tahun 2014, SYABAS telah mengendalikan 260 acara CAEP.

TINDAK BALAS SEGERA TERHADAP ADUAN PENGGUNA

SYABAS menetapkan untuk memberikan maklumbalas awal kepada semua aduan pengguna yang diterima di Pusat Panggilan dalam tempoh setengah jam, dan ia telah mencapai tahap kepatuhan 96.10% pada tahun 2014. Pusat Panggilan ini menerima sebanyak 1,177,395 panggilan pada tahun 2014, purata 98,100 panggilan setiap bulan.

Pengguna juga menggunakan emel, faksimili, Facebook, Twitter, SMS, aplikasi MySYABAS dan 'Online Consumer Portal' ("OCSP") yang baharu diperkenalkan sebagai saluran sokongan bukan lisan. Sebanyak 88,392 interaksi telah dicatatkan pada tahun 2014 melalui semua saluran ini.

Sepanjang tahun 2014, Jabatan Perkhidmatan Pengguna telah meluaskan cara-cara untuk para pelanggan boleh berkomunikasi dengan SYABAS, termasuk penggunaan aplikasi telefon pintar MySYABAS dan OCSP. Di samping itu, sepuluh lokasi baharu kaunter pusat perkhidmatan setempat di seluruh Kuala Lumpur dan Selangor kini membolehkan pengguna mengemukakan pertanyaan, termasuk berkenaan bil, perkhidmatan dan semua perkara berkaitan bekalan air.

TINJAUAN OPERASI:
PUNCAK OIL & GAS SDN BHD, GOM RESOURCES SDN BHD DAN KGL LTD.

Kumpulan Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG") terlibat dalam penyediaan perkhidmatan logistik luar pesisir dan pengurusan marin menerusi subsidiari milik penuh POG, GOM Resources Sdn Bhd ("GOM Resources") dan KGL Ltd. ("KGL").

Bahagian Minyak & Gas ("O&G") PNHB, kini genap dalam tahun ketiga operasinya, merupakan pemain yang berevolusi dalam pasaran domestik "Transportation and Installation" ("T&I") setelah membuktikan kewibawaannya menerusi penyempurnaan projek secara berkesan dan cekap untuk PETRONAS dan operator "Production Sharing Contracts" ("PSC").

LATAR BELAKANG

Unjuran bagi penggunaan tenaga utama antara tahun 2012 hingga 2035 dijangka meningkat sebanyak 41%, dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 1.7% setahun dari 2015 sehingga 2025. Negara-negara bukan anggota OECD (Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi) dijangka mencatat peningkatan sebanyak kira-kira 95%, di mana penggunaan tenaga diramal meningkat sebanyak 2.3% setahun antara 2012 dan 2035.

(Sumber: Tinjauan Tenaga BP 2035)

Sepanjang sedekad yang lalu, industri minyak, gas dan tenaga telah menyumbangkan 20% daripada KDNK Malaysia. Secara keseluruhan, Projek Permulaan bagi NKEA (National Key Economic Area) Minyak, Gas dan Tenaga Malaysia diramal akan menjana pendapatan negara kasar berjumlah RM131.4 bilion dan menyediakan 52,300 pekerjaan baharu menjelang tahun 2020. NKEA Minyak, Gas dan Tenaga ini memberi penekanan kepada pembangunan sektor perkhidmatan dan pembuatan negara di samping menggalakkan pembangunan tenaga alternatif sambil mengekalkan pelbagai insentif bagi memastikan tahap pengeluaran yang malar.

(Sumber: Lampiran Fakta NKEA Minyak, Gas dan Tenaga oleh PEMANDU)

GOM RESOURCES

GOM Resources kini sedang melaksanakan Tempoh Kontrak kedua (2014 hingga 2016) sebagai Kontraktor Pemasangan Luar Pesisir di bawah Kontrak Pan Malaysia PETRONAS ("PMC") bagi perkhidmatan T&I dengan pilihan satu tahun lanjutan pada 2017. Di bawah kontrak ini, pada tahun 2014, GOM Resources telah menyiapkan Pemasangan Talian Paip Gas 28" diameter X 280KM EVA-NMB ("Projek Tenaga") dari Terminal Gas Terengganu ke Skid Pengikat Talian Paip ("PLTS") bagi PETRONAS Carigali Sdn Bhd ("PCSB"). Ia merupakan pemasangan talian paip terpanjang daripada lima pakej kontrak kerja yang diberikan oleh PCSB di bawah PMC. Sebelum ini, GOM Resources telah berjaya melaksanakan kontrak pertama bagi tahun 2010 ke 2013.

Projek Tenaga meliputi skop kerja berikut; pengangkutan talian paip, pemasangan dan lintasan saluran paip gas, pemasangan PLTS dan Pra-Pentauliahan Fasa I dan Fasa II.

GOM Resources telah memulakan talian paip dan pra-pentauliahan Fasa I bagi Projek Tenaga dari Pelabuhan Johor pada bulan April 2014 dengan menggunakan Derrick Lay Barge ("DLB") 264 dan kumpulan kapal dan kerja-kerja berkaitan telah selesai pada bulan November 2014. Pra-pentauliahan bagi Fasa II dijangka selesai pada pertengahan bulan April 2015.

KGL

KGL memiliki DLB 264 dan aktiviti utamanya adalah penyewaan kapal luar pesisir pada dasar bot kosong.

CABARAN

Harga minyak mentah telah menjunam melebihi 55% sejak bulan Jun selepas di mana Brent didagang melebihi USD115 se-tong dan US melebihi USD107 se-tong. Sehingga Mac 2015, buat pertama kalinya sejak Mei 2009, harga minyak mentah Brent didagangkan di bawah USD55 se-tong (USD50.57) berikutan bekalan global yang berlebihan.

(Sumber : NASDAQ.com)

Pada tahun 2014, walaupun berhadapan dengan program pengurangan kos oleh PETRONAS yang dilaksanakan dalam 2013, Bahagian O&G PNHB berjaya menjana hasil yang lebih tinggi berbanding tahun 2013. Senario industri O&G menjadi semakin mencabar menjelang akhir tahun 2014 berikutan kejatuhan mendadak harga minyak mentah.

Syarikat-syarikat hiliran terpaksa mengurangkan perbelanjaan modal ("CAPEX") akibat tekanan berterusan yang dialami berikutan kejatuhan harga minyak mentah. PETRONAS telah pun mengumumkan rancangannya untuk mengurangkan perbelanjaan operasi sebanyak 30% dan CAPEX sebanyak 20% pada tahun 2015. Potensi kesan dan risiko daripada tindakan tersebut boleh menyebabkan kadar penggunaan dan kadar sewa harian yang lebih rendah, pembatalan kontrak terhadap penyedia perkhidmatan seperti GOM Resources.

Sewajarnya, Bahagian O&G PNHB pada masa ini menumpukan semula usaha untuk mengukuhkan kedudukannya.

PENCAPAIAN

Bahagian O&G PNHB terus mengamalkan langkah Health Safety Environment ("HSE") lebih teliti di seluruh operasi memandangkan HSE merupakan sebahagian daripada KPI perniagaan dalam bidang pemasangan luar pesisir. Di segenap operasinya, GOM Resources sentiasa memastikan supaya semua piawaian dan langkah keselamatan dipatuhi dan dipantau dengan ketat. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan matlamat HSE yang telah dipersetujui antara GOM Resources dan PCSB bagi pelaksanaan rancangan HSE 2014. Pada 10 April 2014, GOM Resources berjaya mencatat 5 juta jam-kerja tanpa kehilangan masa akibat kecederaan, justeru, mencerminkan komitmen syarikat yang kukuh terhadap HSE bagi memastikan operasi yang selamat sepanjang masa.

Pada tahun 2014, GOM Resources telah mencapai KPI HSE tertinggi walaupun mencatat satu Kes Kerja Hilang. GOM Resources juga mengenal pasti enam punca utama risiko HSE dan telah menyediakan pelan untuk menanganinya.

Kerja-kerja penyambungan paip sedang dijalankan

PCSB secara terbuka telah mengiktiraf komitmen GOM Resources terhadap Kaedah Zero Tolerance ("ZETO") yang telah dikuatkuasakan oleh PCSB sepanjang kempen 2014 dengan menganugerahkan GOM Resources anugerah 'Best ZETO Rules Compliance 2014 for T&I Contractor'.

Pada tahun 2014, Integrated Management System ("IMS") GOM Resources telah diaudit dan mendapat pentauliahan DNV Business Assurance Malaysia. IMS ini merangkumi ISO 9001-2008 (Kualiti), ISO 4001-2004 (Alam Sekitar), ISO/TS 29001-2010 (Industri Petroleum, Petrokimia dan Gas Asli - Seksyen Kualiti Khusus) serta OHSAS 18001-2007 (Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan). Akreditasi ini membuktikan iltizam GOM Resources dalam melaksanakan sistem pengurusan kualiti di segenap penjuru operasinya.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pada tahun 2014, Jabatan Teknologi Maklumat ("ITD") terus meneroka cara-cara inovatif untuk memajukan lagi teknologi kami sambil meminimumkan kos keseluruhan. Ahli-ahli ITD yang berdedikasi, gigih menjalankan tugas untuk memahami dan menangani keperluan teknologi Kumpulan POG yang sentiasa berubah.

ITD berjaya mengharungi pelbagai cabaran pada tahun 2014 yang meliputi cabaran melibatkan keselamatan data, perubahan struktur pengurusan, gangguan sistem dan tenaga, peningkatan kos penyelenggaraan dan penambahbaikan sistem sedia-ada serta pelaksanaan dasar dan Prosedur Operasi Piawaian.

Selain bertindak balas secara pantas terhadap permintaan pengguna bagi perkhidmatan dan sokongan IT pada tahun 2014, ITD telah membangunkan dan melancarkan satu Sistem Sokongan Berpusat (sebuah gerbang berasaskan sesawang untuk mengendalikan semua permintaan dan isu-isu sokongan daripada pengguna Kumpulan POG) dan Sistem Log Dokumen (sebuah gerbang berasaskan sesawang untuk mengendalikan komunikasi dan melaksanakan kelulusan dokumen secara atas talian).

ITD turut membantu persediaan Kumpulan POG dalam pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan pada bulan April 2015.

Kerja-kerja pemasangan paip sedang dijalankan

PROSPEK

Dalam jangka masa terdekat, Kumpulan POG akan memulakan proses pemilihan yang lebih ketat bagi memastikan supaya kami hanya bekerja dengan para sub-kontraktor dan vendor terbaik. Ini bakal mendatangkan kebaikan secara langsung kepada pelanggan kami dari segi kos dan kualiti.

Di peringkat domestik, tumpuan dalam jangka masa terdekat GOM Resources adalah terhadap pembangunan di perairan cetek. Memandangkan lebih 70% daripada talian paip Malaysia berada di perairan cetek, ini telah meletakkan GOM Resources sebagai pesaing berwibawa untuk menjalankan kerja penggantian paip di lapangan minyak lama serta pembangunan talian paip baharu.

Walaupun GOM Resources akan mengekalkan Kontrak Pan Malaysia bagi T&I sebagai tumpuan utamanya, GOM Resources juga berharap akan dapat menembusi pasaran di negara-negara ASEAN dalam perniagaan T&I. Berdasarkan pengalaman GOM Resources dalam program Kontrak Pan Malaysia yang lepas, GOM Resources menyasar untuk menyertai dan memperolehi lebih banyak kerja bagi projek T&I di bawah bidang kontrak "Engineering Procurement Installation Commissioning" ("EPIC") dan "Engineering Procurement Construction Installation Commissioning" ("EPCIC").

TINJAUAN OPERASI:
PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN BHD

2014 adalah tahun kedua Puncak Niaga Construction Sdn Bhd ("PNC") beroperasi, sebuah subsidiari milik penuh Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB"). Sebagai anak syarikat PNHB yang terlibat dalam pembinaan, PNC kini menguruskan dua projek di Sarawak dan satu di Kuala Lumpur.

LATAR BELAKANG

Industri pembinaan mencatat pertumbuhan paling kukuh di kalangan sektor-sektor dalam enam bulan pertama tahun ini dengan kadar pertumbuhan sebanyak 14.3%. Didorong oleh projek-projek kerajaan dan pelaburan daripada sektor swasta, kerajaan menjangka momentum ini akan berterusan hingga ke setengah tahun kedua dan tahun depan.

(Sumber: Bernama, 20 Disember 2014)

CABARAN

Sebagai syarikat yang baru menceburi industri pembinaan, PNC berhadapan dengan pelbagai cabaran pada tahun 2014 seperti persaingan harga, kelayakan pengiktirafan dan penilaian dalam proses tender, dan persaingan dengan syarikat pembinaan lain. Walau bagaimanapun, PNC berjaya membina keyakinan di kalangan rakan-rakan kongsi potensinya dan hasil daripada aksesnya dalam teknologi pembinaan terkini.

PENCAPAIAN

Sarawak

Pada tahun 2010, di bawah inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menaiktaraf kehidupan penduduk luar bandar di Sarawak, PNC telah dianugerahkan satu kontrak bernilai RM422.6 juta oleh Konsortium Puncak Niaga Holdings Berhad-Quality Concrete di bawah Projek Bekalan Air Luar Bandar di Sarawak. Kontrak tersebut merangkumi empat kerja memasang paip utama; tiga loji pembersihan air ("LPA") di Serian, Stumbin dan Lubau; dan lapan projek khas melibatkan pemasangan paip, pembinaan dan pentauliahan stesen pam pengalak dan takungan. Kerja telah diselesaikan pada 11 Februari 2014 dan memberi manfaat kepada 23,650 isi rumah di keenam-enam bahagian di Sarawak.

Semua projek ini telah menyumbang kepada sebahagian daripada bekalan air paip bersih untuk kira-kira 91,356 rumah di Sarawak dan dengan demikian menambah liputan bekalan air ke seluruh Sarawak daripada 59% kepada 90%.

Pada bulan Mei 2014, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ("KKLW") telah melantik PNHB sebagai kontraktor bagi sebuah projek untuk menaiktaraf LPA Bayong di Sarikei, termasuk pembinaan, pengujian dan pentauliahan sebuah LPA 30 MLD baharu, takungan air lima juta liter di Kim San, menaiktaraf muka sauk air mentah sedia-ada dan memasang saluran paip baharu sepanjang 14 kilometer. Projek bernilai RM97.0 juta ini dijangka akan disiapkan pada bulan Oktober 2015.

Pada bulan Jun 2014, KKLW telah menganugerahkan projek pembangunan air luar bandar di Pakan, Sarikei kepada PNHB. Kontrak berkenaan meliputi membekal, menyambung dan menghantar rangkaian sistem pengepaman dan paip graviti; membina, menguji dan mentauliah tiga takungan air dan stesen pam pengalak di Pakan, Wuak dan Engkamup; serta membekal dan memasang peralatan mekanikal dan elektrik. Kontrak bernilai RM53.4 juta ini dijadual siap menjelang bulan September 2015.

Kuala Lumpur

Pada tahun 2014, Bahagian Kumbahan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah memilih PNHB sebagai kontraktor bagi Pakej D44 – pembinaan rangkaian paip kumbahan di Bunus, Kuala Lumpur (Reka dan Bina), satu komponen dalam Inisiatif Greater KL. Projek ini termasuk kerja mereka bentuk dan kerja-kerja membina pembetungan di kawasan tadahan Bunus; menaiktaraf dua stesen pam kumbahan sedia ada; membina tujuh stesen pam kumbahan baharu; penutupan 73 buah atau lebih loji rawatan kumbahan sedia ada; membina 600 lurang baharu; dan membina rangkaian pembetungan baharu serta memanjangkan paip pembetungan sedia-ada. Pembinaan ini merangkumi kawasan pembinaan seluas kira-kira 72 kilometer persegi, meliputi sebahagian besar Kuala Lumpur dan Ampang Jaya. Projek bernilai RM394.0 juta dijangka siap pada bulan Februari 2018.

LRT Laluan Kelana Jaya

Pada tahun 2010, Prasarana Malaysia Berhad ("Prasarana") telah menganugerahkan kepada Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") kontrak LRT Laluan Kelana Jaya untuk membina, menyiap dan mentauliah kerja-kerja pemindahan paip air dan pembetungan bagi projek sambungan LRT Laluan Kelana Jaya dengan nilaian kontrak sebanyak RM15.3 juta. Projek ini telah dinovasi oleh PNSB kepada Syarikat pada 1 April 2014. Projek ini dijadual siap menjelang bulan September 2011. Walau bagaimanapun, disebabkan keperluan-keperluan tambahan yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan dan utiliti, tarikh penyiapannya telah dilanjutkan dengan pengeluaran 45 Arahan Wakil Majikan ("ERI") oleh Prasarana bernilai RM62.1 juta. Kerja-kerja tambahan ini telah disiapkan pada bulan Mei 2014.

Sistem Penulenan Air Mudah Alih Jernih

Pada tahun ini, PNC telah menjalin usaha-sama dengan Angkatan Tentera Malaysia dalam satu projek Penyelidikan & Pembangunan yang membawa kepada penciptaan unit JERNIH, sebuah sistem penulenan air mudah alih. Dengan keupayaan untuk menghasilkan 3,000 liter air bersih sehari, sistem ini boleh dimuatkan dalam sebuah beg dan telah disebut mempunyai ciri-ciri "hebat, cekap, tahan lasak, inovatif dan mudah dibawa". Pada musim banjir baru-baru ini, Syarikat menyumbangkan lima unit JERNIH kepada negeri-negeri yang dilanda banjir iaitu Kelantan dan Pahang, untuk menyediakan air minum bersih. PNHB dan Angkatan Tentera Malaysia telah bersama menerima anugerah emas bertaraf antarabangsa di SGA Kaizen Competition di Tokyo, Jepun pada bulan Oktober 2014 bagi penciptaan sistem penulenan air mudah alih.

PROSPEK

Beberapa projek berkaitan minyak dan gas yang bakal dijangka akan membantu mendorong kadar pertumbuhan sektor pembinaan sebanyak 10.7% (2014: 12.7%), disokong oleh projek-projek berkaitan – O&G seperti Pembangunan Bersepadu Penapisan Dan Petrokimia (RAPID) serta projek-projek pengangkutan berkaitan infrastruktur yang sedang dilaksanakan.

Industri tersebut akan disokong oleh pemintaan bagi perumahan mampu milik, manakala subsektor bukan kediaman juga dijangka akan kekal stabil.

(Sumber: The Star Online-10 Oktober 2014)

Melangkah ke hadapan, PNC akan terus mengemukakan bidaan dan cadangan kepada badan-badan kerajaan dan sektor swasta, khususnya dalam bidang-bidang berkaitan dengan alam sekitar, teknologi hijau dan perniagaan O&G. PNC sentiasa gigih berusaha untuk meninggikan lagi piawaian kualitinya untuk memenangi lebih banyak bidaan dan cadangan.

Pelancaran JERNIH untuk Misi Banjir ke Kelantan dan Pahang

KEMAMPANAN DI **PASARAN**

MENYAMPAIKAN KUALITI

Pematuhan kepada piawaian kualiti dan keperluan keselamatan air adalah penting bagi merealisasi wawasan kami sebagai Penyedia Penyelesaian Bersepadu Bagi Air, Air Sisa dan Persekitaran Yang Terunggul Di Rantau untuk menyediakan bekalan air yang bersih dan selamat, PNHB menumpu kepada kemajuan teknologi, penyelidikan & pembangunan ("R&D") dan inovasi. Kami sentiasa memenuhi tahap piawaian yang tinggi sepertimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan ("MOH") melalui Piawaian Kebangsaan MOH untuk Kualiti Air Minum ("NSDWQ") dan Program Jaminan Kualiti ("QAP").

PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD ("PNSB")

KUALITI AIR MENTAH DAN AIR BERSIH

Makmal Pusat ("CL") PNSB adalah sebuah makmal yang telah diberi pensijilan ISO/IEC17025 dan ia bertanggungjawab menjalankan pemantauan kualiti air mentah dan air bersih di semua LPA yang dikendalikan oleh PNSB menurut keperluan NSDWQ MOH.

CL telah dilengkapkan dengan Spektrometer Jisim Gabungan Plasma Secara Aruhan ("ICP-MS") dan Spektrometer Jisim Kromatografi Gas ("GC-MS") yang meningkatkan keupayaan makmal tersebut untuk menjalankan ujian logam berat dan kimia organik selaras dengan keperluan NSDWQ MOH.

Pada tahun 2014, CL menjalankan ujian ke atas sebanyak 1,428 sampel air mentah dan 1,821 sampel air bersih yang diambil dari semua LPA yang dikendalikan oleh PNSB. Makmal Bebas menjalankan ujian ke atas sebanyak 324 sampel air mentah dan 559 sampel air bersih.

Pecahan analisis kualiti air yang dijalankan untuk LPA PNSB oleh CL dan Makmal Bebas yang dilantik pada 31 Disember 2014 adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual A:-

Berasaskan kepada keputusan pemantauan kualiti air yang dijalankan oleh CL, pematuhan air bersih mencapai tahap 99.9%, sementara pematuhan air mentah pula mencapai tahap 91.6%. Daripada 33,424 analisis yang dijalankan untuk air bersih, sebanyak 48 analisis (0.14%) dikesan sebagai pelanggaran. Sebahagian besar daripada punca pelanggaran itu adalah disebabkan oleh kandungan aluminium, mangan dan fluorida dalam air bersih melebihi had yang dibenarkan.

Punca utama yang menyebabkan pelanggaran tersebut adalah masalah kualiti air mentah; misalnya yang berlaku di LPA Bukit Tampoi dan LPA Cheras Batu 11 di mana kedua-dua LPA tersebut perlu beroperasi pada tahap amonia air mentah melebihi Kriteria Air Mentah yang dicadangkan oleh MOH iaitu 1.5 mg/L. Punca lain pelanggaran adalah kualiti air mentah tidak stabil dan kualiti bahan uji yang rendah.

Ujian Kecekapan ("PT") adalah sebuah program perbandingan antara makmal yang dianjurkan oleh Jabatan Kimia Malaysia dengan tujuan untuk menentukan prestasi ujian makmal atau pengukurun memenuhi keperluan Piawaian Malaysia MS ISO/IEC 17025:2005 sebagai sebuah makmal bertauliah. Program PT disokong oleh badan akreditasi, iaitu Jabatan Standard Malaysia ("DSM") yang menetapkan supaya sebuah makmal yang bertauliah perlu menyertai sekurang-kurangnya satu PT setiap empat tahun.

CL telah menyertai program PT sejak tahun 2005 dalam bidang alam sekitar dan air. Hasil positif program PT tahun 2014 yang disertai oleh CL menunjukkan makmal tersebut berupaya menghasilkan keputusan yang tepat dan sahih serta menunjukkan bahawa kawalan kualiti air yang sedia ada berada di tahap piawaian yang tinggi.

	Bilangan analisis dijalankan untuk LPA PNSB		
	Oleh Makmal Pusat	Oleh Makmal Bebas Yang Dilantik	Jumlah analisis dijalankan pada 2014
Air mentah	6,954	7,506	**14,460**
Air bersih	20,451	12,973	**33,424**
JUMLAH	**27,405**	**20,479**	**47,884**

Jadual A: Analisis kualiti air yang dijalankan untuk LPA PNSB pada 31 Disember 2014

PENAMBAHBAIKAN PROSES

Pada tahun 2014, PNSB menjalankan usaha menambah baik proses di LPA North Hummock dan LPA Bukit Nanas untuk mempertingkatkan kualiti air serta mengoptimakan kos pengeluaran.

- **Penambahbaikan Proses di LPA North Hummock**
  Kandungan besi dan mangan yang tinggi dalam air mentah dan air bersih dikesan di LPA North Hummock, terutamanya pada musim kemarau. Paras air mentah Empangan Tasik Subang mengalami penyusutan pada musim ini dan dengan demikian LPA North Hummock terpaksa mengambil air mentah dari paras empangan yang rendah yang mengandungi tahap kandungan besi dan mangan yang tinggi. Pada tahun 2014, Bahagian Operasi dan Penyenggaraan ("OMD") dengan bantuan pasukan R&D telah memulakan ujian percubaan di loji menggunakan pengklorinan perantara untuk menyingkirkan besi dan mangan di LPA North Hummock dan proses ini dijangka akan selesai pada awal tahun 2015. Langkah ini akan menambah baik kualiti air bersih selaras dengan keperluan NSDWQ, terutamanya bagi kandungan besi dan mangan.

- **Penambahbaikan Proses di LPA Bukit Nanas**
  Proses penggumpalan menggunakan tawas cecair di LPA Bukit Nanas didoskan di dua titik pengedosan berasingan di sayap utara dan sayap selatan menggunakan pendosan graviti dan dosnya dianggar berasaskan kepada pembahagian aliran air mentah yang sama ke dalam sayap utara dan selatan kerana ketiadaan ukuran aliran sebenar air mentah di sayap berasingan tersebut.

  Bagi mempertingkatkan keberkesanan proses rawatan di LPA Bukit Nanas melalui pengoptimaan proses penggumpalan, OMD telah menjalankan ujian percubaan di loji dengan mengedos tawas cecair ke dalam paip air mentah utama yang memasuki LPA menggunakan pam meter selama dua bulan bermula 26 Jun 2014.

  Penilaian yang dilaksanakan menunjukkan bahawa pengedosan tawas cecair bagi proses penggumpalan melalui titik pengedosan tunggal boleh dilaksanakan. Kini, OMD sedang membuat pertimbangan untuk memasang Pengesan Arus Penstrim yang akan membolehkan tawas cecair didoskan pada paras optima secara berterusan.

PEMANTAUAN PRESTASI

1. **Proses Penapisan**
   Proses penapisan merupakan langkah terakhir dalam proses rawatan air, menyingkirkan pepejal terampai halus yang tertinggal selepas proses penjernihan dan menyempurnakan kualiti air bersih tersebut. Kebanyakan proses penapisan di PNSB menggunakan penapis pasir jenis graviti aliran cepat.

   Unit Kualiti Air ("WQU") memantau secara berterusan prestasi penapis dengan menjejak tempoh operasi penapis bagi memastikan ia dikendalikan secara berkesan. Pecahan tempoh operasi penapis yang dipantau secara bulanan bagi 171 penapis dari 29 LPA ditunjukkan dalam Jadual B:-

Kategori Tempoh Operasi Penapis (jam)	Pada Disember 2013		Pada Disember 2014	
	Bilangan penapis	%	Bilangan penapis	%
60 - 72	54	31.6	**72**	**42.1**
40 - 60	39	22.8	**35**	**20.5**
30 - 40	31	18.1	**9**	**5.2**
≤ 30	47	27.5	**55**	**32.2**
Jumlah	**171**	**100**	**171**	**100**

Jadual B: Pecahan tempoh operasi penapis

   Pada tahun 2014, prestasi penapis secara keseluruhan didapati telah bertambah baik di mana beberapa penapis beroperasi lebih lama iaitu 40 jam dan ke atas walaupun beberapa penapis beroperasi kurang 30 jam telah bertambah dari 47 pada tahun 2013 kepada 55 pada tahun 2014.

2. **Program Pemantauan Pengawasan Kualiti Air**
   Program pemantauan pengawasan kualiti air dijalankan pada tahun 2014 oleh CL dan sebuah makmal bebas yang bertauliah yang dilantik oleh PNSB sebagai sebahagian daripada inisiatif PNSB untuk menambah baik tahap kecekapan pembersihan air serta memastikan kesemua 29 LPA mematuhi keperluan kualiti bekalan air sepertimana ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi dan NSDWQ MOH.

KEMAMPANAN DI **PASARAN**

Berasaskan kepada program pemantauan pengawasan kualiti air yang dijalankan dari bulan Januari hingga Disember 2014, pematuhan air bersih mencapai tahap 99.9% mengikut NSDWQ MOH seperti ditunjukkan dalam Jadual C.

Tempoh	Bilangan analisis	Bilangan pematuhan	% Pematuhan
Januari hingga Disember 2014	**33,424**	**33,376**	**99.9**

Jadual C: Pematuhan air bersih mengikut NSDWQ MOH

3. **Program Jaminan Kualiti**
   Prestasi kualiti air bersih turut diukur menggunakan petunjuk bagi Program Jaminan Kualiti ("QAP") yang ditetapkan oleh MOH. Berasaskan kepada pemantauan yang dijalankan oleh CL dan Makmal Bebas dari bulan Januari hingga Disember 2014, kualiti air bersih yang dikeluarkan oleh kesemua 29 LPA mematuhi keperluan MOH seperti yang ditunjukkan dalam Jadual D:-

Parameter	QAP (% pelanggaran)	2013	2014
E. Coli	< 0.35	0	**0**
Baki klorin bebas (FRC)	< 1.85	0.003	**0.004**
E. Coli & FRC	< 0.1	0	**0**
Kekeruhan	< 2.0	0	**0.0005**
Aluminium	< 10.2	0.077	**0.058**

Nota: Maklumat di atas dikira berasaskan kepada analisis yang dilaksanakan oleh LPA, Makmal Pusat dan Makmal Bebas.

Jadual D: Pematuhan Kualiti Air Bersih mengikut QAP MOH.



Penyediaan sampel bagi analisis Trihalometana menggunakan "Gas Chromatography-Mass Spectrometer"

4. **Program Indeks Kualiti Air**
   Program Indeks Kualiti Air (WQI) bagi semua LPA dilaksanakan secara bulanan untuk menentukan tahap kebersihan dan kesesuaian air mentah sebagai bekalan air minum. WQI dikira berasaskan kepada enam parameter, iaitu Oksigen Terlarut (DO), Permintaan Oksigen Biokimia 5 hari (BOD5), Permintaan Oksigen Kimia (COD), Nitrogen Amonia, Jumlah Pepejal Terampai (TSS) dan pH.

   Berasaskan kepada nilai WQI, sungai boleh dikelaskan sebagai Kelas I, II, III, IV atau V, di mana Kelas I menandakan kualiti air sungai terbaik. Pengkategorian dan penetapan kelas mengikut penggunaan bermanfaat air dilakukan mengikut muatan pencemaran di dalam lembangan air masing-masing.

Nilai WQI menentukan tahap kebersihan dan ketersediaan air mentah bagi bekalan air di samping untuk tujuan akuakultur dan pengairan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual E:-

Kelas WQI	Julat	Deskripsi Penggunaan Air
I	>92.7	Pemeliharaan untuk persekitaran semula jadi Bekalan air I – Secara praktiknya, tidak memerlukan rawatan (kecuali dibasmi kuman atau dimasak) sahaja Perikanan I – Spesies akuatik yang sangat sensitif
II	76.5 - 92.7	Bekalan air II –Memerlukan rawatan konvensional Perikanan II – Spesies akuatik yang sensitif Sesuai untuk kegunaan rekreasi dengan sentuhan badan
III	51.9 – 76.5	Bekalan air III – Memerlukan rawatan ekstensif Perikanan III – Umum, mempunyai nilai ekonomi dan spesies yang bertoleransi
IV	31.0 – 51.9	Untuk pengairan sahaja
V	<31.0	Air tidak sesuai untuk sebarang kegunaan di atas

Jadual E: Pengkelasan Indeks Kualiti Air Mengikut Jabatan Alam Sekitar Malaysia

(Sumber: Jabatan Alam Sekitar Malaysia)

Kelas WQI	Bil. LPA 2013	Bil. LPA 2014	LPA bagi 2014
I	4	**5**	Sg Pangsoon, Sg Lolo, Sg Gombak, Ampang Intake dan Sg Rumput
II	18	**14**	BRH, KKB, North Hummock, Batang Kali, Kalumpang, Sg Selisek, Sg Dusun, Sg Tengi, Sg Buaya, Sg Langat, Sg Serai, Sg Batu, Sg Rangkap dan Kepong
III	5	**8**	SSP2, Rantau Panjang, Sg Sireh, Bukit Tampoi, Cheras Batu 11, Bukit Nanas, Salak Tinggi dan Wangsa Maju
IV	0	**0**	Tiada
V	0	**0**	Tiada
Jumlah	**27**	**27**	

Nota: LPA Sg Keroh telah ditutup.

Jadual F: Rekod WQI di muka sauk bagi tahun 2013 dan 2014

Bacaan WQI pada tahun 2014 secara purata menunjukkan kebanyakan air mentah di muka sauk berada di dalam kategori Kelas II. Secara umum, kualiti air mentah pada tahun 2014 didapati telah merosot berbanding pada tahun 2013 kerana bilangan LPA dalam Kelas III telah bertambah sebanyak 3 walaupun bilangan LPA dalam Kelas I telah bertambah sebanyak 1 sahaja.

Kualiti air mentah LPA Sg Pangsoon telah meningkat daripada Kelas II kepada Kelas I. Kualiti air mentah LPA Rantau Panjang dan LPA Sg Sireh sebaliknya telah merosot daripada Kelas II kepada Kelas III.

KEMAMPANAN DI **PASARAN**

5. **Pemantauan Paras Amonia**

Paras amonia di keempat-empat LPA kritikal sepanjang Lembangan Sungai Langat iaitu LPA Sungai Langat, Cheras Batu 11, Bukit Tampoi dan Salak Tinggi dipantau setiap jam bagi memastikan persediaan awal dan tindakan sewajarnya diambil sekiranya loji-loji berkenaan perlu ditutup berikutan kenaikan paras amonia yang tinggi.

Berasaskan kepada pemantauan yang dijalankan pada tahun 2014, paras amonia air mentah dan air bersih di empat LPA adalah seperti diringkaskan dalam Jadual G:-

		Paras amonia (mg/L)	
Bil.	LPA	Air mentah Min – Maks (Purata)	Air bersih Min – Maks (Purata)
1.	Sungai Langat	0.00 – 0.64 (0.08)	0.00 – 0.22 (0.01)
2	Cheras Batu 11	0.00 – 9.20 (1.44)	0.00 – 1.50 (0.16)
3.	Salak Tinggi	0.01 – 4.98 (0.82)	0.00 – 1.28 (0.11)
4.	Bukit Tampoi	0.10 – 7.30 (1.69)	0.00 – 1.48 (0.25)

Nota: Piawaian MOH ialah 1.50 mg/L bagi air mentah dan air bersih

Jadual G: Ringkasan Paras Amonia Harian di Empat LPA di Lembangan Sg Langat Pada Tahun 2014

PNSB telah memaklumkan isu paras amonia air mentah yang tinggi kepada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) supaya tindakan dapat diambil bagi mengurangkan pencemaran serta mencegah kemerosotan kualiti air mentah selanjutnya.

PEMANTAUAN KOLAM AIR BERSIH

Air bersih dari LPA akan disimpan dalam kolam imbangan sebelum diagih kepada pengguna oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS").

Bagi memastikan air berkualiti tinggi dibekal secara berterusan kepada pengguna, pemantauan kualiti secara rutin bagi air bersih di dalam kolam air pada kedalaman yang berbeza akan dilakukan setiap tiga bulan sekali. Status kualiti air dalam kolam akan dipantau melalui analisis parameter kualiti air seperti pH, kekeruhan, warna, aluminium, besi dan mangan. Hasil daripada pemantauan ini akan diguna bagi menentukan sama ada kolam berkenaan memerlukan pengerukan atau pencucian.

Berasaskan kepada pemantauan yang dilakukan dalam tempoh dari Januari – Disember 2014, sejumlah sembilan kolam air bersih telah dicuci iaitu di LPA Bernam River Headworks (Lama), Sg Dusun, Salak Tinggi, Sg Lolo (Lama), Batang Kali (2 kolam), Sg Buaya, North Hummock dan Sg Langat.

PROJEK NILAI TAMBAH BAGI PENAMBAHBAIKAN KUALITI AIR

Beberapa projek nilai tambah yang dijalankan oleh Unit Penyelidikan dan Proses ("RPU") pada tahun 2014 termasuk:-

(a) **Menentukan perbezaan boleh diterima antara Penganalisis Atas Talian (OLA) dan Ujian Makmal Manual di LPA**

OMD dengan bantuan pasukan R&D telah menjalankan beberapa kajian di LPA SSP2. Berasaskan kepada data yang dikumpul, perbezaan yang boleh diterima yang diperhatikan antara OLA dan ujian makmal manual bagi klorin adalah 15%, fluorida 10% dan pH 5%. Semua perbezaan ini walau bagaimanapun, tidak boleh dipakai di LPA yang lain kerana ia bergantung kepada jenis OLA yang digunakan.

(b) Penilaian Organoflok sebagai alternatif kepada agen penggumpalan berasaskan aluminium

Kajian ke atas Organoflok, iaitu agen penggumpalan semula jadi, telah dijalankan oleh R&D dengan tujuan untuk menentukan keberkesanannya untuk menggantikan agen penggumpalan berasaskan aluminium. Berasaskan kepada beberapa siri ujian balang yang dijalankan di LPA Bukit Tampoi, Sg Sireh dan Cheras Batu 11, Organoflok didapati memerlukan dos yang rendah iaitu pengurangan sebanyak 90% berbanding agen penggumpalan berasaskan aluminium untuk mencapai kualiti air bersih yang sama. Percubaan selanjutnya yang dilaksana menggunakan loji perintis di LPA Sg Langat juga menunjukkan Organoflok memerlukan dos yang rendah iaitu pengurangan sebanyak 85% berbanding agen penggumpalan berasaskan aluminium bagi mencapai kualiti air bersih yang sama.

Walaupun Organoflok didapati berkesan dalam proses rawatan air, penggunaannya di LPA akan memerlukan pendaftaran dan kelulusan daripada beberapa agensi berkaitan seperti SIRIM atau SPAN; termasuk keperluan untuk menambah bekalannya di Malaysia.

(c) Memantau air mentah dan air bersih di LPA SSP2 & Rantau Panjang berikutan pengambilan air kolam sebagai sumber air mentah alternatif di Sg Selangor oleh Kerajaan Negeri Selangor

Musim kemarau yang dialami pada awal tahun 2014 dan penurunan paras Empangan Sg Selangor telah mendorong Kerajaan Negeri untuk menggunakan air kolam lombong yang tidak digunakan lagi sebagai sumber air mentah alternatif. Berasaskan kepada pemantauan yang dijalankan, air bersih daripada LPA SSP2 dan Rantau Panjang didapati mematuhi NSDWQ MOH walaupun air mentahnya sekali sekala mengalami paras besi yang sangat tinggi, melebihi Kriteria Air Mentah Yang Dicadangkan oleh MOH iaitu 1.0 mg/L.

(d) Bank data mengenai penyedia penyelesaian/ teknologi bagi air, air sisa dan alam sekitar

Dalam menyediakan sokongan kepada beberapa Bahagian lain dalam kumpulan PNHB, R&D telah mewujudkan sebuah bank data mengenai penyedia teknologi/penyelesaian bagi air, air sisa dan alam sekitar. Bank data ini mengandungi butiran mengenai pelbagai teknologi dan penyedia teknologi yang akan digunakan sebagai rujukan apabila diperlukan.

KUALITI AIR MENTAH DAN PELANGGARAN

Pencemaran air mentah merupakan salah satu penyebab utama penutupan LPA dan gangguan operasi. Apabila kejadian sedemikian berlaku, penyiasatan alam sekitar dilakukan bersama pihak-pihak berkuasa untuk mengenal pasti punca pencemaran air mentah. Sebaik sahaja puncanya dikenal pasti, pihak-pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ("SPAN"), Jabatan Alam Sekitar ("JAS") Selangor dan LUAS akan mengambil tindakan sewajarnya untuk menangani punca pencemaran. Seterusnya, laporan penyiasatan lengkap akan dikemukakan kepada pihak-pihak berkuasa ini serta agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ("KeTTHA"), Kerajaan Negeri Selangor dan majlis-majlis perbandaran berkenaan supaya langkah-langkah sewajarnya boleh diambil untuk mengelak pencemaran tersebut berulang.

Kes Pencemaran Air Mentah Yang Menyebabkan Penutupan LPA

Pada tahun 2014, terdapat 40 kes penutupan loji akibat pelbagai jenis pencemaran air mentah yang telah menyebabkan pengurangan pengeluaran sejumlah 2,820.14 jam, seperti diringkaskan dalam Jadual H:-

LPA	Bilangan Penutupan	Jenis Pencemaran	Tempoh Penutupan
Cheras Batu 11	1	pH Tinggi	19.75 jam
	3	Pencemaran Diesel	24.42 jam
	6	Amonia Tinggi	1,233.50 jam
Bukit Tampoi	2	Amonia Tinggi	1,270.75 jam
Ampang Intake	5	Kekeruhan Tinggi	13.5 jam
Wangsa Maju	20	Kekeruhan Tinggi	211.42 jam
BRH	1	Pencemaran Minyak	28.80 jam
Sg Selangor Phase 2	1	Pencemaran Minyak	9.00 jam
Rantau Panjang	1	Pencemaran Minyak	9.00 jam
JUMLAH	**40**		**2,820.14 jam**

Jadual H: Kes Pencemaran Air Mentah yang Mengakibatkan Penutupan LPA pada 2014

KEMAMPANAN DI **PASARAN**

Jadual H menunjukkan pencemaran amonia merupakan faktor utama yang menyebabkan penutupan loji dan ia telah mengakibatkan 88.8% jumlah tempoh penutupan, diikuti dengan kekeruhan sebanyak 8% dan pencemaran minyak sebanyak 2.5%.

Selain daripada kes pencemaran air mentah di atas yang telah menyebabkan penutupan loji, terdapat juga beberapa kes pencemaran air mentah terutama kekeruhan air mentah dan paras amonia tinggi yang telah mengganggu operasi loji dari segi pengeluaran dan kualiti air.

Kejadian	LPA	Jenis pencemaran	Kemungkinan punca pencemaran	Gangguan operasi LPA
Semasa atau selepas hujan lebat	Sg Langat	Kekeruhan air mentah yang tinggi	Buangan daripada kawasan lombong pasir berhampiran anak sungai Sg Sub, anak sungai Sg Langat	Mengurangkan pengeluaran daripada 10 – 50% semasa pencemaran
Semasa atau selepas hujan lebat	Wangsa Maju	Kekeruhan air mentah yang tinggi	Kerja tanah di Kg. Sg Salak, Gombak	Mengurangkan pengambilan air mentah dan pengeluaran
Semasa paras air sungai rendah	Salak Tinggi	Paras amonia air mentah yang tinggi	Disyaki tercemar oleh enapan perindustrian dan domestik	Boleh mengakibatkan pelanggaran kualiti air bersih
Semasa paras air sungai rendah	Bukit Tampoi	Paras amonia air mentah yang tinggi	Disyaki tercemar oleh enapan perindustrian dan domestik	Boleh mengakibatkan pelanggaran kualiti air bersih
Semasa paras air sungai rendah	Cheras Batu 11	Paras amonia air mentah yang tinggi	Disyaki tercemar oleh enapan perindustrian dan domestik	Boleh mengakibatkan pelanggaran kualiti air bersih

Jadual I : Rekod Gangguan Operasi LPA akibat Pencemaran Air Mentah pada tahun 2014

PEMATUHAN KAMI KEPADA PIAWAIAN TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan ISO 22000

Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan (FSMS), ISO 22000:2005 adalah piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang menetapkan keperluan sistem pengurusan keselamatan makanan di mana sesebuah organisasi dalam rantaian makanan perlu menunjukkan keupayaannya untuk mengawal bahaya terhadap keselamatan makanan bagi memastikan supaya makanan selamat semasa dimakan oleh manusia.

Ibu Pejabat PNSB dan tiga LPA iaitu LPA SSP2, Wangsa Maju dan Sg Langat telah diberi pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan (FSMS), ISO 22000:2005 oleh SAS (Swiss Accreditation Services) dan DSM (Jabatan Standard Malaysia), HACCP – Codex Alimentarius dan GMP-Codex Alimentarius pada tahun 2013 di mana tempoh sah sijil-sijil tersebut adalah sehingga tahun 2016.

Pemeriksaan kualiti air di Makmal Pusat (CL)

Pelan Keselamatan Air

Pelan Keselamatan Air (WSP) bagi 14 LPA telah dibangunkan pada tahun 2014 meliputi SSP2, Sg Langat, Wangsa Maju, Sg Sireh, North Hummock, Sg Batu, Bukit Nanas, Cheras Batu 11, Bukit Tampoi, Gombak, Rantau Panjang, Ampang Intake, Salak Tinggi dan BRH. WSP bagi baki 15 LPA akan dibangunkan secara berperingkat.

AKREDITASI DAN PENSIJILAN

CL merupakan makmal pertama diakreditasi dengan sijil ISO/IEC 17025 pada 3 April 2006 oleh Jabatan Standard Malaysia ("DSM") di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi ("MOSTI"). Sijil akreditasi tersebut diperbaharui setiap tiga tahun selepas dijalankan audit penilaian semula oleh DSM. Sijil terkini dikeluarkan selepas diberi akreditasi untuk lanjutan skop menggunakan Spektrometer Jisim Gabungan Plasma Secara Aruhan (ICP-MS) pada 12 Julai 2013 dan sah sehingga 27 Julai 2015.

CL juga telah diberi Anugerah Kecemerlangan Makmal IKM 2014 pada 5 Disember 2014 bagi kali ketiga berturut-turut sejak penyertaan pertamanya pada tahun 2012. Anugerah ini diperkenalkan oleh Institut Kimia Malaysia (IKM) sejak tahun 1986 dan ia bertujuan untuk mengiktiraf makmal yang mencapai piawaian kualiti antarabangsa MS ISO/IEC 17025 serta piawaian keselamatan dan kesihatan makmal.

SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD ("SYABAS")

PELAN INDUK PENAMBAHBAIKAN KUALITI AIR ("WQIMP") SYABAS

Kualiti air minum sentiasa menjadi keutamaan SYABAS yang paling tinggi. Keputusan kualiti air yang dilaporkan dari bulan Januari hingga Disember 2014 menunjukkan bahawa SYABAS telah secara berterusan memenuhi piawaian tinggi yang ditetapkan oleh NSDWQ dan QAP MOH. Ia juga mematuhi keperluan Tahap Perkhidmatan Mandatori yang ditetapkan di bawah Perjanjian Konsesi dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor.

Daripada sejumlah analisis kualiti air yang dijalankan oleh SYABAS dan MOH, SYABAS merekodkan 99.7% pematuhan (Januari hingga Disember 2014) kepada keperluan NSDWQ MOH. Parameter mikrobiologinya pula menunjukkan pelanggaran sifar. Di mana timbul ketidakpatuhan kecil, ia tidak mengakibatkan impak kesihatan yang teruk. Sebagai makluman, 62.68% daripada ketidakpatuhan ini adalah pada paramater fluorida yang timbul daripada pendosan kimia pada peringkat pembersihan air. Sebarang ketidakpatuhan kepada piawaian diambil secara serius dan SYABAS menyiasatnya secara menyeluruh, dan jika perlu, akan mengambil tindakan sewajarnya untuk memperbetulkan masalah pelanggaran tersebut serta-merta.

PROGRAM PENGAWASAN KUALITI AIR ("PROGRAM WQS")

Perjanjian Konsesi mensyaratkan supaya kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna mesti mematuhi had disyaratkan dalam NSDWQ yang dikeluarkan oleh MOH.

Kualiti air yang dibekalkan dari Loji-loji Pembersihan Air ke dalam sistem pengagihan SYABAS dipantau secara sistematik dan rawak oleh MOH dengan membuat sampel dan ujian dan dikesan oleh QAP MOH. Peratus pelanggaran yang direkod oleh MOH pada parameter sisa klorin, Total Coliform, E. Coli dan aluminium sentiasa berada dalam lingkungan had QAP.

KEMAMPANAN DI **PASARAN**

Pada tahun 2014, MOH mengambil secara purata 2,821 sampel air dan menjalankan 8,751 ujian atau analisis setiap bulan. Air tersebut disampel dari stesen pensampelan air yang telah ditetapkan yang terletak di beberapa saluran keluar loji pembersihan, saluran keluar kolam air imbangan, saluran keluar kolam air perkhidmatan dan di saluran paip agihan di kawasan konsesi.

Pada tahun 2014, SYABAS telah diberi pensijilan sebagai pengendali air terkemuka yang mematuhi kualiti air sepertimana diperlukan bagi tahun ketiga berturut-turut berasaskan kepada laporan SPAN mengenai laporan kualiti air seluruh negara.

Tahun	2011	2012	2013	2014
Bil. sampel	32,408	32,350	33,212	**33,857**
Bil. analisis	100,282	100,522	103,006	**105,010**
Bil. pelanggaran	650	780	443	**520**
% pelanggaran	0.65	0.78	0.42	**0.50**
% pematuhan	99.35	99.22	99.58	**99.50**

Jadual J: Ringkasan Penaksiran Kualiti Air MOH

KUALITI AIR MENTAH DAN PELANGGARAN

Pada tahun 2014, SYABAS telah menjalankan sejumlah 11 penyiasatan berikutan tahap pencemaran air mentah yang teruk sehingga memaksa penutupan LPA. Penyiasatan tersebut dilakukan bersama beberapa pihak berkuasa seperti LUAS dan Jabatan Alam Sekitar ("JAS").

Bagi memastikan paras pencemaran dalam sumber air mentah, kami memantau pelanggaran kualiti air mentah di LPA yang dikendalikan oleh PNSB. Data kualiti air dipatuhi berasaskan kepada Laporan Kualiti Air bulanan. Terdapat 1,222 pelanggaran kualiti air mentah dikesan pada tahun 2014 di mana pecahan pelanggaran tersebut ditunjukkan dalam Jadual K di bawah:-

	Jumlah Pelanggaran Kualiti Air Mentah direkod	
Kumpulan parameter	2013	2014
Mikrobiologi	509	**538**
Kumpulan I – Fizikal	407	**429**
Kumpulan II – Bahan bukan organik	204	**255**
Kumpulan III– Logam berat	1	**0**
Kumpulan V – Radioaktiviti	0	**0**
JUMLAH	**1,121**	**1,222**

Jadual K: Pelanggaran Kualiti Air Mentah

Penilaian Kualiti Air Secara Dalaman

Program Pensampelan dan Ujian Kualiti Air Secara Dalaman yang dijalankan oleh SYABAS telah dilaksanakan sejak tahun 2006 berasaskan kepada kekerapan pensampelan dan jenis parameter seperti disenarai dalam NSDWQ MOH.

Berasaskan kepada bilangan stesen sampel dan kekerapan pensampelan mengikut NSDWQ MOH, secara purata sebanyak 1,761 sampel telah diambil dan 6,280 analisis telah dijalankan setiap bulan.

Keputusannya juga menunjukkan bahawa kualiti air adalah dalam lingkungan yang diperlukan oleh MOH serta Paras Mandatori Perkhidmatan. Pada tahun 2014, 99.98% daripada sejumlah 75,360 analisis telah mematuhi NSDWQ MOH.

Tahun	2011	2012	2013	2014
Jumlah Sampel	21,211	22,092	21,975	**21,126**
Jumlah Analisis	75,926	77,746	78,366	**75,360**
Jumlah Pelanggaran	407	147	22	**13**
% Pelanggaran	0.54	0.19	0.03	**0.02**
% Pematuhan	99.46	99.81	99.97	**99.98**

Jadual L: Ringkasan Penilaian Kualiti Air Secara Dalaman

KERJA MENAIK TARAF RUMAH PAM WANGSA MAJU

Tahun 2014 melakar satu mercu tanda utama bagi SYABAS kerana kami berjaya menyiapkan kerja menaiktaraf Rumah Pam Wangsa Maju yang telah menyebabkan kegusaran pada lewat tahun 2012. Penutupannya pada tahun 2012 telah disebabkan oleh keadaan Rumah Pam Wangsa Maju yang semakin merosot serta ketidakupayaannya memenuhi keperluan permintaan yang semakin meningkat. Kini, rumah pam yang telah dinaik taraf itu dilengkapi dengan motor, pam dan panel kawalan baharu yang berkapasiti lebih tinggi.

Selain daripada kerja menaiktaraf, Rumah Pam Wangsa Maju turut dilengkapkan dengan injap pelocok untuk kawalan salur masuk ke dalam tangki sedutan, pertama kali digunakan oleh SYABAS. Injap kawalan salur masuk mempermudah dan mengawal kadar aliran masuk serta mencegah lebihan aliran yang mengurangkan secara ketara kerugian air secara ketara.

PEMBERSIHAN SALURAN PAIP RETIKULASI AIR

Pembersihan Saluran Paip Retikulasi Air – Program "Air Scouring" & "Flushing" Manual Berjadual

Sistem pengagihan air bersih di sekitar Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya merangkumi 12,524.99 km paip retikulasi bergaris pusat 200mm dan ke bawah yang perlu dibersihkan secara kerap. Kini, dua kaedah telah diguna pakai untuk membersih paip retikulasi iaitu "air scouring" dan "flushing" manual.

Bagi membolehkan program pembersihan saluran paip retikulasi menggunakan kaedah "air scouring", SYABAS telah memasang injap dan lekapan di 8,248.84 km atau 6,987 zon aktif Program "Air Scouring" (ASP). Baki 4,276.93 km atau 3,758 zon tidak aktif ASP yang masih belum dipasang dengan injap dan lekapan, dibersih di bawah Program "Flushing" Manual Berjadual.

KEMAMPANAN DI **PASARAN**

Operasi membanteras penyambungan haram oleh SYABAS

Pembersihan Saluran Paip Retikulasi Air – Program "Air Scouring" (ASP)

Sejak tahun 2007, SYABAS telah mengambil inisiatif untuk menerima pakai teknologi "air scouring" bagi membersih paip retikulasi yang merupakan kaedah yang pantas dan berkesan dari segi kos. Pada tahun 2014, sebanyak 29 mesin "air scouring" mudah alih telah dibeli untuk tujuan tersebut.

Kaedah pembersihan secara "air scouring" dijalankan sekali setahun sebagai tindak balas kepada aduan kualiti air dan untuk menambah baik tanggapan pengguna terhadap kualiti air yang dibekalkan.

Pada tahun 2014, sejumlah 8,215 km atau 6,964 zon aktif ASP telah disasar untuk dibersihkan. Pada bulan Disember 2014, kerja "air scouring" telah dilaksanakan di 7,296.81 km atau 5,203 zon aktif ASP (88.8% daripada sasaran tahunan).

Pembersihan Saluran Paip Retikulasi Air – Program "Flushing" Manual Berjadual (SMFP)

Pada tahun 2014, terdapat 4,276.93 km atau 3,758 zon tidak aktif ASP (34.1% daripada jumlah paip utama retikulasi) tidak boleh dibersihkan melalui ASP kerana ketiadaan lekapan pada sistem tersebut. Pada tahun 2014, 1,271 zon tidak aktif ASP (34.8% daripada jumlah zon tidak aktif ASP) yang merupakan kawasan kritikal dengan bilangan aduan pengguna yang tinggi dijadual di bawah Program "Flushing" Manual. Pada Disember 2014, kerja-kerja "flushing" manual telah dilakukan pada 1,989 km atau 1,700 zon tidak aktif ASP iaitu 80.9% daripada sasaran tahunan.

PROGRAM PEMBERSIHAN & PEMERIKSAAN TAKUNGAN ("RCP")

Sistem pengagihan SYABAS mempunyai 1,135 takungan perkhidmatan aktif pada 31 Disember 2014. Semua takungan ini telah sama ada dibersih sejak tahun 2005 atau baharu dibawa masuk ke dalam perkhidmatan.

Pada tahun 2014, 33 takungan telah dibersihkan secara manual dan 4 takungan dibersihkan dengan kaedah robotik untuk menghilangkan enapan di bahagian bawah takungan. Sejak awal tahun 2015, 49 takungan telah dibersihkan secara manual dan 5 lagi secara robotik. Di mana mungkin, SYABAS berusaha mengurangkan gangguan bekalan air semasa program pembersihan dengan menggunakan paip 'bypass' di takungan.

PENGURUSAN KRISIS

Pelan Tindak Balas Kecemasan ("ERP") merupakan sebuah pelan tindakan yang dibangunkan oleh SYABAS untuk mengendalikan situasi krisis atau kecemasan yang boleh menjejaskan bekalan air untuk pengguna. Pembangunan ERP juga adalah selaras dengan peruntukan Perjanjian Konsesi antara SYABAS dengan Kerajaan. Ia perlu diaktifkan sekiranya berlaku gangguan bekalan air kepada pengguna melebihi 24 jam dan melibatkan lebih 100,000 sambungan.

Pada permulaan tahun 2014, SYABAS telah mengaktifkan ERP Kod Merah berikutan pelaksanaan Pelan Catuan Air sepanjang tempoh dari 27 Februari 2014 hingga 30 April 2014 berasaskan kepada arahan Kerajaan Negeri dengan kelulusan SPAN.

Pelan Catuan melibatkan semua daerah kecuali Sabak Bernam.

Pelan Catuan Air dilaksanakan bagi memenuhi keperluan untuk mengurangkan pelepasan air mentah dari empangan Sg Selangor dan Klang Gates di mana pada satu ketika simpanan air mentah di Empangan Sg Selangor susut ke paras kritikal 36.39%. Satu lagi sebab Pelan Catuan Air ini dilaksanakan adalah disebabkan oleh penutupan LPA Bukit Tampoi dan Cheras Batu 11 pada tempoh yang sama berikutan kandungan amonia yang tinggi dalam sungai berkenaan yang merupakan satu-satunya sumber air mentah bagi kedua-dua LPA tersebut.

PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN BHD ("PNC")

Penambahbaikan Berterusan

PNC telah mengambil inisiatif untuk membeli aset pembinaan di mana salah satu daripadanya ialah Mesin "Tunneling Boring" ("TBM") untuk menyokong kerja-kerja PNC selaras dengan hasratnya untuk meluaskan kepakaran serta memperkukuhkan kedudukannya dalam industri pembinaan.

TBM merupakan kaedah yang digunakan secara meluas oleh industri pembinaan, terutamanya dalam kerja infrastruktur seperti pembinaan jalan raya, rangkaian kumbahan, saluran paip dan saliran air banjir.

MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN CEMERLANG

SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD ("SYABAS")

Cogan kata SYABAS, 'Sopan, Komited & Berdaya Harap' menggambarkan usaha gigih serta komitmen berterusan kami terhadap komunikasi dengan pengguna melalui pelbagai saluran seperti pusat perhubungan PUSPEL, Unit Pusat Panggilan, Unit Koresponden dan Unit Pengurusan Pengalaman Pelanggan. Seksyen Pengurusan Perhubungan Pelanggan meliputi Unit Pengguna Perindustrian ("ICU"), Unit Kerjasama Informasi Pelanggan ("YAKIN"), Unit Perkhidmatan Kaunter dan Unit Pengurusan Pangkalan Data Pelanggan.

PUSPEL

PUSPEL beroperasi 24 jam sehari, 365 hari setahun. Dalam menyampaikan perkhidmatan cemerlang, pelanggan boleh berinteraksi dengan kakitangan PUSPEL melalui telefon bebas tol 1-800-88-5252, faksimili, Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS"), emel dan surat serta mengikuti PUSPEL menerusi rangkaian sosial seperti Twitter dan Facebook untuk berhubung dan berinteraksi secara mudah dan tanpa halangan.

Dalam menjalankan tugas seharian mereka, kakitangan PUSPEL mengamalkan prinsip "CASH" yang membawa maksud, C – Courtesy (Bersopan), A – Accuracy (Tepat), S – Speed (Pantas) dan H – Helpfulness (Sedia Membantu).

PUSPEL bertanggungjawab menguruskan dua Saluran Interaksi utama yang dikenali sebagai Saluran Interaksi Suara dan Saluran Interaksi Bukan Suara. PUSPEL telah mengekalkan taraf yang tinggi sepertimana ditunjukkan dalam tahun-tahun sebelumnya. Pusat Panggilannya melayan secara purata 98,000 panggilan setiap bulan dengan kadar panggilan terbiar 7.6%.

KEMAMPANAN DI **PASARAN**

Saluran Interaksi Suara

Saluran Interaksi Suara diurus oleh Unit Pusat Panggilan melalui telefon menerusi nombor bebas tol 1800-88-5252. Secara purata, Pusat Panggilan ini melayan 98,000 panggilan setiap bulan. Daripada jumlah panggilan yang dilayan, secara purata 46% memerlukan pengwujudan kes dan tindakan, sementara 54% lagi telah diselesaikan dengan serta merta.

Pada tahun 2014, PUSPEL telah melayan sejumlah 1,177,395 panggilan dan mewujudkan 541,257 kes.

Saluran Interaksi Bukan Suara

Saluran Interaksi Bukan Suara diurus oleh Unit Koresponden melalui emel, faksimili, Facebook, Twitter, SMS, 'MySYABAS' dan Portal Perkhidmatan Pengguna Atas Talian (OCSP) di mana ia mencatatkan sejumlah 88,392 interaksi pada tahun 2014. Ringkasan saluran Interaksi Bukan Suara dari bulan Januari hingga Disember 2014 ditunjukkan dalam Jadual M:

Saluran	Emel	Surat	Faksimili	SMS	Facebook/ Twitter	MySYABAS	OCSP
Jumlah	56,431	64	10,532	17,141	3,485	719	20

Jadual M: Ringkasan Saluran Interaksi Bukan Suara pada tahun 2014

KATEGORI ADUAN

Pada tahun 2014, PUSPEL merekodkan sejumlah 541,257 aduan kes dan pecahan kategori aduan kes adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual N:

Kategori	Jumlah Kes	Peratus
Aduan Air	422,929	78
Aduan Bil	31,977	6
Aduan Meter	26,270	5
Aduan Pemotongan Bekalan	21,242	4
Lain-lain (kes duplikasi, dll)	38,839	7
Jumlah	**541,257**	**100**

Jadual N: Jumlah Kes Mengikut Kategori Aduan

Pada tahun 2014, kategori aduan air menerima bilangan aduan kes paling tinggi dan adalah berhubung dengan masalah paip pecah, paip bocor, penutupan LPA, ERP dan masalah rumah pam.

PERKHIDMATAN TAMBAH NILAI BAHARU

Sepanjang tahun 2014, SYABAS telah mempertingkatkan lagi perkhidmatan kami dengan menyediakan saluran alternatif untuk pengguna berkomunikasi dengan PUSPEL menggunakan telefon pintar menerusi aplikasi mudah alih dikenali sebagai 'MySYABAS'. MySYABAS adalah sebuah kemudahan yang membolehkan pengguna kami mengemukakan aduan, memeriksa gangguan air berjadual dan tidak berjadual atau berita terkini melalui siaran media serta akses segera ke laman sesawang kami.

Pada 28 November 2014, SYABAS telah melancarkan sebuah perkhidmatan baharu untuk pengguna iaitu Portal Perkhidmatan Pengguna Atas Talian ("OCSP") yang menyediakan pelbagai perkhidmatan bagi aplikasi baharu bekalan air, pertukaran pemilikan, penutupan akaun, pemulangan deposit dan pemeriksaan bil secara atas talian. Pengguna hanya perlu mendaftar profil mereka secara atas talian bagi membolehkan mereka mengggunakan semua perkhidmatan tersebut.

Sebagai langkah ke hadapan bagi mencapai tahap kecekapan operasi yang lebih tinggi, ICT SYABAS telah membangunkan sebuah aplikasi baharu yang dikenali sebagai Sistem Maklumat Audit & Arahan Pengurusan ("iAMD"). iAMD digunakan untuk menjejak keputusan mesyuarat dan penemuan audit. Sistem HR baharu, HRMIS telah digunakan untuk mempertingkatkan operasi sumber manusia. Perkhidmatan Layan Diri Kakitangan menerusi perantara muka sesawang yang terdapat dalam HRMIS akan membolehkan kakitangan mendapat akses segera kepada maklumat kritikal dan dalam jangka masa panjang, penggunaannya akan mengurangkan penggunaan kertas.

Sebagai langkah menuju ke hadapan, ICT SYABAS telah memulakan usaha peningkatan utama 15 sistem supaya mematuhi GST. Pembangunan aplikasi baharu, iINVOICE juga termasuk dalam projek ini. Projek iINVOICE akan disiapkan pada bulan Februari 2015.

Perkhidmatan Pelanggan

SYABAS telah berjaya melaksanakan Perkhidmatan Kaunter Satu Hentian ("OSCS") di semua Kaunter Daerah di Selangor dan Kuala Lumpur pada bulan April 2014. Pelaksanaan OSCS bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan pelbagai kemudahan satu hentian kepada pengguna bagi semua transaksi yang ditawarkan oleh Kaunter SYABAS berkaitan dengan perkhidmatan bekalan air. Pengguna boleh menikmati perkhidmatan seragam di kesemua sepuluh Kaunter Daerah SYABAS.

YAKIN & ICU

Selaras dengan usaha kami untuk menambah baik tahap kecekapan dan melaksanakan pelbagai langkah proaktif, ICU dan Unit YAKIN telah ditugaskan untuk memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat kepada hubungan mereka dengan menghantar notis secara konsisten melalui panggilan telefon, SMS dan emel terutamanya kepada Pengguna Utama/Pengguna Kritikal, Pemimpin Masyarakat dan Persatuan Penduduk kawasan-kawaan terjejas akibat gangguan bekalan apabila terdapat gangguan bekalan air berjadual atau tidak berjadual. Strategi ini dilaksanakan untuk meminimum impak lonjakan panggilan ke Pusat Panggilan PUSPEL.

Ringkasan Notis dan Pemberitahuan Awal oleh YAKIN & ICU pada tahun 2014 diberi dalam Jadual O:

	ICSIS		Susulan / Panggilan Pengerat Hubungan
Saluran	SMS	Emel	
Jumlah	15,400	3,729	8,654

Jadua O: Ringkasan Notis dan Pemberitahuan Awal melalui YAKIN & ICU pada tahun 2014

Pada tahun 2014, sejumlah 15,400 SMS dan 3,729 emel telah dihantar kepada pengguna bagi memastikan mereka menerima notis dan maklumat awal berhubung gangguan bekalan air berjadual dan tidak berjadual. Notis ini adalah konsisten disusuli dengan membuat panggilan dan lawatan terutamanya kepada pemimpin masyarakat, pengguna kritikal, kondominium bangunan tinggi dan pangsapuri, hospital dan persatuan penduduk untuk memberi taklimat kepada mereka mengenai sebarang gangguan bekalan utama yang sedang berlaku dan mengedar notis.

Kami juga telah menggunakan secara aktif platform media sosial dengan mewujudkan kumpulan bagi Ahli-ahli Majlis DBKL, MPKJ, MBSA, MBPJ, MPS, MPK, MPAJ, MPSJ, Pusat Dialisis Hulu Langat dan Gombak, ahli Persatuan Pentadbiran Perindustrian Bangi ("BIAA") dan pengguna di Zon Perdagangan Bebas ("FTZ") Ulu Klang. Manfaat aplikasi ini termasuk komunikasi dua hala, mudah dan berdaya harap, disesuaikan mengikut keperluan pengguna, mempunyai ciri-ciri yang lebih baik dan ia juga saling melengkapi Sistem ICSIS dari segi butiran notis yang dihantar. ICU dan YAKIN dirangka untuk mempertingkatkan hubungan erat dengan pengguna.

Pada tahun 2014, SYABAS menganjurkan 2,699 program untuk YAKIN & ICU.

KEMAMPANAN DI **PASARAN**

MENDIDIK PENGGUNA KAMI

Program Kesedaran Pengguna ("CAP") kami merupakan sebuah kempen pendidikan yang dimulakan pada tahun 2007 untuk menerbitkan kesedaran pengguna mengenai pelbagai isu kualiti air dan untuk mengubah tanggapan mereka mengenai kualiti air yang dibekalkan oleh SYABAS.

Penyampaian maklumat melalui program ini bermatlamat untuk memupuk keyakinan pengguna terhadap kualiti air yang disediakan oleh SYABAS bahawa ia bersih dan selamat untuk diminum secara langsung daripada paip kerana terdapat pemantauan ketat kualiti air yang dijalankan oleh MOH dan SYABAS.

Program ini juga mendidik pengguna untuk memainkan peranan masing-masing secara aktif dan menjalankan tanggungjawab memelihara kualiti air yang dibekalkan ke premis mereka dengan memeriksa dan menyenggara sistem perpaipan dalaman serta tangki simpanan air di dalam premis secara kerap. Ia juga memperbetulkan salah tanggapan mengenai pemasangan penapis air rumah yang kadang-kadang mengakibatkan kemerosotan kualiti air di premis pengguna akibat ketiadaan penyenggaraan dijalankan dan sebagainya. Komen dan cadangan yang diterima daripada pengguna semasa program ini berlangsung membantu SYABAS mempertingkatkan lagi usaha kami memastikan bekalan air bersih adalah sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan.

Tahun	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Acara CAP anjuran SYABAS	5	548	960	200	199	313	309	**260**

Jadual P: CAP dianjurkan dari tahun 2007 - 2014

Nota: Sejak tahun 2010, CAP telah dijalankan dalam skala yang lebih besar berbanding dengan tahun-tahun terdahulu.

TINDAKAN SEGERA KEPADA ADUAN PENGGUNA

Matlamat kami ialah untuk mencapai masa tindak balas awal yang cepat terhadap semua aduan mengenai kualiti air daripada pengguna, diikuti dengan penyelesaian aduan tersebut. Mulai Mac 2009, masa tindak balas permulaan bagi aduan kualiti air telah ditetapkan setengah jam dan pada 31 Disember 2014, pematuhan kepada masa tindak balas setengah jam ini berjaya mencapai 96.10%.

Semua aduan yang diterima direkod dan disiasat bagi membolehkan penambahbaikan dilakukan. Bidang paling ketara yang menjadi aduan pengguna ialah semasa endapan dalam paip air utama timbul daripada mendapan jangka panjang pada air bersih telah diganggu dan menyebabkan air tersebut berubah warna terutamanya selepas pembaikan paip.

Bilangan aduan pengguna diterima dari 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak 2,222 di mana 44.60% adalah disebabkan oleh masalah paip dalaman dan kualiti air yang lemah daripada loji pembersihan air.

Jadual Q menunjukkan bilangan aduan kualiti air dari 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2014 dan pencapaian masa tindak balas setengah jam.

Aduan Kualiti Air 2014

	2014											
Perkara	**Jan**	**Feb**	**Mac**	**Apr**	**Mei**	**Jun**	**Jul**	**Ogos**	**Sept**	**Okt**	**Nov**	**Dis**
Bilangan aduan (tidak termasuk aduan berhubung masalah Paip Dalaman)	200	192	107	154	69	91	104	86	69	352	82	74
Masa Tindak Balas 1/2 jam (%)	97.37	95.16	95.42	97.14	98.36	96.55	95.83	94.63	98.48	95.17	98.16	96.83
Bilangan Aduan	**265**	**248**	**131**	**175**	**122**	**145**	**152**	**149**	**132**	**414**	**163**	**126**

Jadual Q: Aduan Kualiti Air 2014

Pengguna yang membuat aduan mengenai sebarang paip pecah atau paip bocor melalui PUSPEL akan diberi ganjaran kerana keprihatinan dan inisiatif mereka melalui cabutan bertuah bulanan. Antara ganjaran yang diberikan kepada pelanggan terpilih termasuk TV LED 42 inci, Tab Samsung Galaxy, Samsung Galaxy Grand Quattros dan Samsung Cores.

MEMERANGI PENCURIAN

Kami terus bekerjasama dengan pelbagai pemegang kepentingan untuk mencegah pecah masuk dan kecurian yang telah mengakibatkan kerugian bernilai jutaan Ringgit kepada Syarikat. Lapan kes kecurian telah dilaporkan pada tahun 2014, meliputi kawasan seperti Sepang, Petaling Jaya, Hulu Langat dan Klang. Antara barang yang dicuri termasuk kabel, injap, plet kebuk dan penutup longkang.

KEMAMPANAN DI
TEMPAT KERJA

Kejayaan Kumpulan Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") berlandaskan kepada kakitangan kami, justeru, kami mengiktiraf bahawa mereka adalah aset kami yang terpenting. Kami amat menghargai kesetiaan dan dedikasi kakitangan kami terhadap Syarikat dan Kumpulan walau dalam apa jua keadaan, serta komitmen mereka untuk menampilkan kebolehan mereka yang terbaik dan menyediakan perkhidmatan unggul sepanjang masa.

Kejayaan kami dipertingkatkan lagi oleh kepelbagaian warga kami dari segi jantina, kumpulan etnik dan usia. Kami berbangga dengan kepelbagaian latar belakang, kepercayaan, budaya, kemahiran dan pengetahuan yang dirangkumi bersama untuk kami mencapai kejayaan dan prestasi dalam perniagaan kami.

TABURAN KAKITANGAN

Kami menyokong aspirasi negara dalam menyediakan peluang sama-rata bagi kakitangan lelaki dan wanita dan untuk memastikan supaya Kumpulan bebas daripada diskriminasi jantina, usia, kumpulan etnik atau latar belakang. Kami berpegang kepada usaha mewujudkan persekitaran kerja yang mempunyai peluang sama-rata dalam pengambilan pekerja, latihan dan peningkatan kerjaya.

Kami telah merangka satu dasar Kepelbagaian Jantina sebagai sebahagian daripada agenda kami yang lebih luas untuk menghayati kepelbagai di tempat kerja. Lembaga Pengarah menggalas tanggungjawab untuk memupuk persekitaran di mana setiap individu akan dihormati dan peluang sama-rata diberikan kepada semua kakitangan dari sudut peningkatan kerjaya. Kumpulan turut menyokong penyertaan kakitangan wanita dalam Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan Kumpulan sebagaimana yang digalakkan oleh Kerajaan dengan tujuan untuk menambah bilangan wakil wanita dalam Lembaga Pengarah menjelang tahun 2016.

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD ("PNHB")
JUMLAH PEKERJA: 22

Kumpulan Usia PNHB mengikut Kategori



Etnik PNHB mengikut Kategori



Jantina PNHB mengikut Kategori



Kewarganegaraan PNHB mengikut Kategori



PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD ("PNSB")
JUMLAH PEKERJA: 1,030

Kumpulan Usia PNSB mengikut Kategori



Etnik PNSB mengikut Kategori



Jantina PNSB mengikut Kategori



Kewarganegaraan PNSB mengikut Kategori



SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD ("SYABAS")

JUMLAH PEKERJA: 3,359

Kumpulan Usia SYABAS mengikut Kategori



Etnik SYABAS mengikut Kategori



Jantina SYABAS mengikut Kategori



Kewarganegaraan SYABAS mengikut Kategori



PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN BHD ("PNC")

JUMLAH PEKERJA: 47

Kumpulan Usia PNC mengikut Kategori



Etnik PNC mengikut Kategori



Jantina PNC mengikut Kategori



Kewarganegaraan PNC mengikut Kategori



KUMPULAN POG ("POG")
JUMLAH PEKERJA: 193

Kumpulan Usia POG mengikut Kategori



Etnik POG mengikut Kategori



Jantina POG mengikut Kategori



Kewarganegaraan POG mengikut Kategori



SYARIKAT-SYARIKAT REPUBLIK RAKYAT CINA ("PRC")
JUMLAH PEKERJA: 93

Kumpulan Usia PRC mengikut Kategori



Etnik PRC mengikut Kategori



Jantina PRC mengikut Kategori



Kewarganegaraan PRC mengikut Kategori



KEMAMPANAN DI
TEMPAT KERJA

KADAR PUSING GANTI

Kami memantau kadar pusing ganti dengan tujuan bagi menentukan sebab-sebab pusing ganti dan bagi merangka strategi untuk pembangunan kerjaya dan kebajikan kakitangan.

	Usia			Jantina		Kumpulan Etnik				
	<30 (%)	30-50 (%)	>50 (%)	Lelaki (%)	Wanita (%)	Melayu (%)	Cina (%)	India (%)	Lain-lain (%)	Jumlah
PNHB	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
PNSB	2.81	4.27	1.26	6.50	1.84	7.37	0.48	0.39	0.10	8.34
SYABAS	0.36	0.15	0.03	0.33	0.21	0.45	0.06	0.03	0	0.54
PNC	10.64	6.38	0	12.76	4.26	17.02	0	0	0	17.02
Kumpulan POG*	6.73	19.69	8.29	23.31	11.4	33.15	0.52	1.04	0	34.71
PRC	2	2	3	4	3	0	7	0	0	7

Jadual A: Kadar Pusing Ganti 2014 Kumpulan

Nota:
* Kadar pusing ganti yang tinggi dicatat oleh Kumpulan POG pada tahun 2014 adalah disebabkan oleh peletakan jawatan, pemindahan dan kematangan kontrak.

Manfaat dan Pampasan

Kami sentiasa berada selangkah di hadapan dari sudut manfaat dan pampasan supaya kami dapat berdaya saing dalam industri perniagaan yang kami ceburi untuk tujuan memberi ganjaran yang sewajarnya kepada kakitangan kami yang setia, berdedikasi dan komited. Pakej pampasan kami termasuk skim ganjaran gaji yang disesuaikan untuk memberi ganjaran kepada individu berprestasi tinggi. Kami melabur dalam kejayaan kakitangan kami dan keluarga mereka dengan menawarkan pelbagai program manfaat yang memenuhi keperluan kesihatan, harta, kehidupan dan kerjaya mereka.

Melalui Persekutuan Majikan Malaysia dan sumber-sumber luar yang lain, kami sentiasa mengkaji dan menanda aras manfaat dan pakej yang kami tawarkan agar dapat membantu kami untuk mengambil dan mengekalkan antara bakat yang terbaik dalam pasaran.

Pakej-pakej pampasan kami merangkumi, tetapi tidak terhad kepada:

- Pakej gaji yang kompetitif
- Perlindungan insurans yang menyeluruh bagi kakitangan dan keluarga terdekat
- Subsidi faedah pinjaman perumahan dan kereta
- Skim pinjaman bantuan pendidikan tanpa faedah
- Tabung Kebajikan
- Pinjaman Komputer Peribadi
- Pinjaman peribadi
- Manfaat perubatan yang meliputi rawatan pesakit luar, kemasukan ke hospital dan pembedahan, pergigian dan faedah ibu bersalin sehingga lima orang anak
- Kadar caruman berkanun yang tinggi bagi majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") untuk kakitangan yang telah berkhidmat lebih dari dua tahun

Bagi Bahagian Minyak & Gas ("O&G"), keutamaan yang tinggi telah diberikan untuk menarik individu-individu terbaik dalam pasaran, di mana pakej dan manfaat kami yang menyeluruh turut berperanan sebagai suatu strategi untuk meningkatkan keupayaan dalam mengekalkan pekerja dan mengambil pekerja baru.

Perbarisan Kem Latihan Tahunan 60 RAJD (AW) yang diadakan pada 19 Jun 2014

Bagi operasi kami di Republik Rakyat China ("PRC"), untuk memastikan kakitangan PRC kami diberi pampasan yang secukupnya bagi pekerjaan mereka, kami mematuhi upah minimum yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan PRC. Sungguhpun semua kakitangan PRC diambil bekerja atas dasar kontrak, mereka turut mendapat manfaat seperti bayaran lebih masa, elaun kebajikan, cuti gantian, elaun sara hidup, caruman sosial dan pelbagai jenis insurans seperti tabung persaraan, tabung pengangguran, insurans perubatan dan insurans kecederaan kerja.

Hak Asasi Manusia

PNHB mengakui bahawa ia bertanggungjawab untuk melindungi hak asasi manusia kakitangannya dan memastikan supaya amalan hak asasi manusia yang sewajarnya, dilaksanakan di segenap operasi. Ini termasuk dasar dan prosedur amalan tidak mendiskriminasi, kebebasan berpersatuan, tingkah laku beretika dan rungutan kakitangan. Hak asasi manusia telah disebatikan di dalam amalan Sumber Manusia kami.

Kami dengan sukacitanya melaporkan bahawa tiada sebarang kejadian diskriminasi atau risiko terhadap kebebasan berpersatuan dan hak tawar-menawar secara kolektif. Tidak ada sebarang laporan berhubung kejadian buruh paksaan kanak-kanak atau yang diwajibkan. Tiada sebarang pelanggaran hak asasi manusia yang melibatkan hak orang asli pada bila-bila masa dalam sejarah Syarikat.

Pihak Pengurusan mengiktiraf hak kakitangan untuk menyertai kesatuan dan pihak Pengurusan bekerja rapat dengan kesatuan-kesatuan dalam memastikan kebajikan kakitangan.

Walaupun Undang-undang Buruh PRC membenarkan pembentukan kesatuan sekerja, tiada sebarang kesatuan telah dibentuk oleh kakitangan PRC. Kami tidak mengambil individu di bawah usia 18 tahun untuk bekerja, iaitu usia minimum bagi memulakan pekerjaan di bawah Undang-undang Buruh PRC. Tiada mana-mana operasi kami di PRC yang dikenal pasti mempunyai risiko ketara terhadap berlakunya kejadian buruh paksa.

Prestasi dan Penilaian

Penilaian prestasi adalah suatu kaedah yang dipertingkatkan bagi mengukur prestasi kakitangan di dalam Syarikat. Ia merupakan satu proses berterusan yang membangunkan dan melatih warga kerja untuk mencapai kejayaan berterusan melalui proses dari hari ke hari.

Kakitangan seluruh Kumpulan dinilai dari semasa ke semasa berhubung prestasi mereka yang lalu. Penekanan turut diberikan terhadap pembangunan masa depan dan penambahbaikan berterusan kakitangan. Dengan tersedianya rangka kerja penilaian prestasi yang tersusun serta penekanan terhadap pembangunan diri, perkembangan dan kemajuan kerjaya, kami berjaya membentuk dan mengekalkan kakitangan terbaik, di mana kami memberi mereka peluang yang sewajarnya serta laluan kerjaya dalam Kumpulan.

Kecuali bagi operasi PRC kami yang mengendalikan penilaian prestasi setahun sekali, Kumpulan menjalankan penilaian prestasi untuk semua kakitangan yang telah disahkan jawatan dua kali setahun.

Di PNSB, Jawatankuasa Bebas Kajian Prestasi Kakitangan ("IEPRC") bertanggungjawab mengkaji, menilai dan menyelaraskan penilaian serta pemarkahan mengikut kadar yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Bahagian. Saranan akhir IEPRC dikemukakan kepada Jawatankuasa Eksekutif ("EXCO") untuk diluluskan dan diputuskan berkaitan ganjaran bersesuaian yang berdasarkan prestasi kakitangan tersebut secara individu dan juga prestasi Syarikat. Ia turut mencadangkan tindakan sewajarnya yang perlu diambil terhadap kakitangan yang tidak mencapai tahap prestasi yang dikehendaki Syarikat.

Kakitangan yang tidak menunjukkan prestasi yang baik akan menjalani Program Penambahbaikan Prestasi ("PIP") berserta kaunseling oleh Ketua Bahagian dan Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran untuk memperbaiki prestasi mereka. Seterusnya, semakan prestasi mereka akan dilakukan setiap bulan selama enam bulan.

KEMAMPANAN DI
TEMPAT KERJA

Di SYABAS, penilaian prestasi bagi semua kakitangan turut diadakan dua kali setahun. Setiap bahagian, jabatan dan wilayah juga dikehendaki mencapai satu set petunjuk prestasi utama ("KPI") yang telah ditetapkan untuk setiap bahagian, jabatan dan wilayah yang akan turut diambil kira dalam penilaian prestasi masing-masing. Selain itu, penilaian prestasi turut melibatkan sesi perbincangan mengenai prestasi yang dinamakan sebagai sesi cabaran. Menerusi sesi cabaran, setiap bahagian, jabatan dan wilayah diberi peluang untuk membentangkan pencapaian dan prestasi masing-masing untuk penilaian yang lebih adil dan objektif.

Di Puncak Oil & Gas Sdn Bhd dan GOM Resources Sdn Bhd, penilaian prestasi semua pekerja juga dilaksanakan dua kali setahun dengan sesi cabaran untuk penilaian skor yang dibuat oleh Penyelia dan Ketua-ketua Bahagian/Ketua-ketua Jabatan. Cadangan akhir akan diserahkan kepada EXCO untuk diluluskan berserta dengan keputusan mengenai ganjaran yang sesuai berdasarkan prestasi kakitangan secara individu serta prestasi Syarikat. Tindakan susulan yang sewajarnya seperti PIP dengan kaunseling akan diambil terhadap kakitangan yang tidak menunjukkan prestasi yang baik.

Komitmen Terhadap Latihan

Kumpulan PNHB mempunyai sebuah dasar Pengekalan Modal Insan untuk mengekalkan bakat-bakat terbaik dan menyediakan peluang kemajuan dalam kerjaya kepada semua kakitangannya. Program latihan kami direka untuk melengkapkan kakitangan dengan kemahiran yang perlu sepanjang peningkatan kerjaya mereka di dalam Kumpulan ini. Kami memastikan supaya kakitangan kami mempunyai pengetahuan yang luas tentang industri yang kami ceburi.

Kami komited untuk melengkapkan kakitangan kami di seluruh Kumpulan dengan sumber dan latihan terbaik yang boleh diperolehi bagi membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab masing-masing dan menyediakan mereka untuk cabaran berasaskan pengetahuan dalam industri yang mencabar, justeru, mempertingkatkan produktiviti dan daya saing Kumpulan. Jadual B menunjukkan jumlah kakitangan yang hadir ke latihan pada tahun 2014. Jadual C menunjukkan perbelanjaan bagi latihan pada tahun 2014.

	Jumlah Kakitangan			
	Pengurusan	Eksekutif	Bukan Eksekutif	Jumlah
PNSB	87	275	649	**1,011**
SYABAS	224	695	2,207	**3,126**
PNC	14	22	10	**46**
Kumpulan POG	37	57	10	**104**
PRC	3	3	1	**7**

Jadual B : Jumlah kakitangan yang hadir ke latihan pada tahun 2014

	PNSB (RM)	SYABAS (RM)	PNC (RM)	Kumpulan POG (RM)	PRC (RM)
Latihan Dalaman	197,926.00	743,890.98	16,360.00	86,130.00	0
Latihan Luar / Program Umum	295,368.00	378,966.39	19,068.00	121,600.80	2,448.00
Program Kumpulan Inovatif & Kreatif	276,662.75	–	–	–	–
JUMLAH	**769,956.75**	**1,122,857.37**	**35,428.00**	**207,730.80**	**2,448.00**

Jadual C : Perbelanjaan bagi latihan pada tahun 2014

Di samping pelaburan dalam program-program latihan dalaman dan luar, pada tahun 2014, PNHB turut membelanjakan 13% daripada bajet latihannya dalam Program Kumpulan Inovatif dan Kreatif ("ICC"). Tahun ini telah menyaksikan penyertaan kakitangan dalam pertandingan ICC di Mini Konvensyen Kecemerlangan Pasukan 2014, Konvensyen Serantau Kecemerlangan Pasukan 2014, Konvensyen Kebangsaan Kecemerlangan Pasukan 2014 dan Persidangan Antarabangsa Kualiti ICQ. Persidangan Antarabangsa Kualiti ICQ telah diadakan dari 19 hingga 22 Oktober 2014 di Tokyo, Jepun. Syarikat telah menampilkan prestasi cemerlang dalam pertandingan ICC dengan meraih pelbagai anugerah, baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

JERNIH, suatu sistem penulenan air mudah alih, dibangunkan secara usaha sama dengan Angkatan Tentera Malaysia sebagai sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat pada tahun 2014, telah dipamerkan dalam Persidangan Antarabangsa Kualiti. JERNIH telah menerima pengiktirafan antarabangsa dengan memenangi Anugerah Emas dalam SGA Kaizen Competition ICQ peringkat antarabangsa di Tokyo, Jepun.

Jenis-jenis program latihan yang dijalankan untuk kakitangan pada 2014:-

KETERANGKUMAN DI TEMPAT KERJA

Kami percaya sepenuhnya bahawa penglibatan kakitangan merupakan faktor pendorong utama bagi kemampanan di PNHB. Kakitangan yang dilibatkan akan lebih menumpukan perhatian terhadap kerja mereka, lebih berkemungkinan untuk berinovasi bagi menjadikan PNHB sebagai pengawal selia yang lebih unggul bagi alam sekitar dan penyumbang yang lebih baik kepada masyarakat. Dengan mendekati kakitangan, kami dapat memajukan lagi amalan kemampanan kami dan memupuk amalan kemampanan sebagai suatu kelaziman dalam Kumpulan.

Kami juga terus menyediakan pelbagai saluran dan rangkaian komunikasi untuk mendekati kakitangan kami. Ini termasuk perkongsian maklumat dan pengetahuan, sesi beramah mesra dengan CEO, mesyuarat town-hall kakitangan dan mengadakan program "Satu Hari Bersama Pengurusan PNSB" di Loji Pembersihan Air ("LPA") untuk memupuk hubungan dan membantu membina semangat berpasukan yang lebih baik antara Pengurusan dan kakitangan. Kami juga mengiktiraf komitmen kakitangan menerusi kata-kata semangat, pemberian sijil dan juga pemberian anugerah kepada mereka dalam bentuk kewangan/bukan kewangan.

KEMAMPANAN DI
TEMPAT KERJA

Program-program penglibatan kakitangan yang lain yang telah diadakan pada tahun 2014 termasuk Program Taklimat Perancangan & Pengurusan Pewarisan, Majlis Minum Petang bersama Sekretariat dan Petugas Pelan Tindakan, Majlis Perhimpunan Kakitangan di Pejabat Wilayah, Program "HR Bertemu HR" dan Program Hari Bersama HRAD 2014.

PEKA

PNHB menyokong sepenuhnya penglibatan kakitangan, khususnya dalam bidang-bidang yang membawa kepada pembangunan masyarakat dan negara. Kami percaya bahawa organisasi korporat yang bertanggungjawab hendaklah tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata, malah ia perlu menyumbang kepada komuniti di mana ia berkhidmat, dan falsafah ini disokong oleh budaya kesukarelawan di kalangan kakitangan. Aktviti-aktiviti anjuran PEKA pada tahun 2014 termasuk '*amazing hunt*', golf, '*white water rafting*' dan pertandingan badminton serta acara-acara keagamaan seperti majlis Qurban dan Majlis Berkhatan.

PERPADUAN DI TEMPAT KERJA

Pelan Tindak Balas Kecemasan (ERP) 2014

PNSB telah menugaskan kakitangannya untuk membantu SYABAS sepanjang tempoh catuan air di Lembah Klang dari 27 Februari 2014 hingga 30 April 2014. Dengan sokongan yang memberangsangkan daripada Ketua-ketua Bahagian, seramai 116 orang kakitangan daripada Kumpulan telah terlibat secara sukarela dalam ERP 2014.

Program "Ziarah Kakitangan pada bulan Ramadhan"

Dengan kerjasama PEKA dan Jabatan Pampasan & Manfaat, Jabatan Perhubungan Perindustrian PNSB telah mengunjungi kakitangan yang dimasukkan ke dalam hospital atau yang mengambil cuti sakit yang berpanjangan pada bulan Ramadhan.

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Seperti yang digariskan dalam Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan Dan Penyakit Pekerjaan), Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, majikan perlu memaklumkan Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan jika berlaku sebarang kemalangan yang mengakibatkan kehilangan nyawa kakitangan atau kecederaan teruk pada tubuh badan. Sebanyak 29 kejadian telah direkodkan pada tahun 2014 yang melibatkan kakitangan SYABAS. Semua kes kemalangan yang direkod telah dikategorikan di bawah tiga kategori iaitu kemalangan dalam perjalanan, kecederaan rawatan perubatan dan kehilangan waktu kerja akibat kecederaan ("LTI").

Jadual D menunjukkan jumlah hari ketidakhadiran SYABAS berhubung 29 kes kemalangan yang direkod:

No	Kategori	Bil. Kes Kemalangan
1	Tiada ketidakhadiran	**10**
2	Hanya 1 hari ketidakhadiran	**9**
3	Ketidakhadiran >1 hari ≤4 hari	**8**
4	Ketidakhadiran melebihi 4 hari	**2**
5	Kehilangan nyawa	**0**
Jumlah		**29**

Jadual D: Rekod ketidakhadiran SYABAS disebabkan kemalangan pada 2014

Sebagai langkah mitigasi jangka panjang, Seksyen Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar ("HSE") telah menganjurkan program 'Keselamatan Berasaskan Tingkah Laku' untuk mengatasi masalah tingkah laku di kalangan kakitangan SYABAS. Program ini boleh mengurangkan dengan berkesan risiko kemalangan pekerjaan di SYABAS.

PENSIJILAN JABATAN KESIHATAN, KESELAMATAN, ALAM SEKITAR & PENGURUSAN KUALITI ("HSEQM") YANG DIANUGERAHKAN PADA 2014

1. **ISO 9001: 2008**
   (Sistem Pengurusan Kualiti)
   Tiga Pejabat Wilayah dan 26 LPA PNSB telah berjaya mengekalkan pensijilan ISO 9001:2008, dan ini mencerminkan komitmen syarikat mendukung piawaian pengurusan kualiti yang ketat dalam operasinya.

   ISO 9001:2008 Audit Pengawasan Sistem Pengurusan Kualiti telah berjaya dijalankan oleh Lloyd's Register Quality Assurance yang telah mengesyorkan secara rasmi, kesinambungan pensijilan bagi keperluan Piawaian ISO 9001:2008.

2. **Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan ("OHSAS") 18001: 2007**
   (Sistem Pengurusan Keselamatan)
   Ibu Pejabat, tiga Pejabat Wilayah dan 27 LPA PNSB telah mengekalkan pensijilan bagi OHSAS 18001:2007.

3. **Sistem Pengurusan Bersepadu (IMS): ISO 9001:2008, ISO 14001:2004 dan OHSAS 18001:2007**
   LPA SSP2 berjaya mengekalkan pensijilan ISO 14001:2004 yang membolehkan ia mengekalkan pensijilan IMS miliknya yang merangkumi piawaian ISO 9001:2008 (Kualiti), ISO 14001:2004 (Alam Sekitar) dan OHSAS 18001:2007 (Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan). LPA SSP2 telah mengekalkan pensijilan bagi OHSAS 18001:2007 dan ISO 14001:2004 sejak 2004.

4. **ISO 17025: 2005**
   (Kecekapan Makmal Ujian dan Penentukuran)
   Makmal Pusat PNSB telah berjaya mengekalkan pensijilan ISO 17025:2005 bagi daya saing makmal-makmal ujian dan penentukurannya.

5. **ISO 22000: 2005 (Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan), Analisa Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal ("HACCP") dan Amali Pengilangan Baik ("GMP")**
   Pada tahun 2014, LPA Sg Langat, LPA Wangsa Maju dan LPA SSP2 telah mengekalkan pensijilan ISO 22000:2005, Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan termasuk HACCP dan GMP.

6. **Sistem Pengurusan Alam Sekitar Kualiti – Pensijilan QE/5S (Projek Pertama)**
   Pada bulan Januari 2014, tiga buah LPA iaitu Sg Dusun, Cheras Batu 11 dan Wangsa Maju telah dianugerahkan pensijilan Sistem Pengurusan Alam Sekitar Kualiti – Pensijilan QE/5S.

   Pada bulan Disember 2014, dua pejabat wilayah dan dua buah LPA iaitu Pejabat Wilayah Selatan dan Pejabat Wilayah Tengah, dan LPA Sg Langat dan LPA Sg Batu telah dianugerahkan Sistem Pengurusan Alam Sekitar Kualiti – Pensijilan QE/5S.

PENCAPAIAN UTAMA HSEQM

Pelbagai anugerah dan pengiktirafan yang dicapai oleh PNSB sehingga kini adalah gambaran jelas komitmen syarikat mendukung piawaian yang tinggi di seluruh operasi pembersihan airnya.

1. **Anugerah Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (Anugerah MSOSH)**
   Kedua-dua PNSB dan SYABAS telah meraih pengiktirafan bagi rekod keselamatan yang cemerlang daripada MSOSH. Pada 4 November 2014, MSOSH telah mengiktiraf 10 wilayah SYABAS dengan enam anugerah Emas Kelas I, tiga Emas Kelas II dan satu Emas Merit, manakala 20 LPA PNSB telah meraih 20 anugerah, iaitu tiga anugerah Emas Merit, 11 anugerah Emas Kelas I dan enam anugerah Emas Kelas II.

2. **Anugerah Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (Anugerah NCOSH)**
   LPA SSP2 telah dianugerahkan sebagai pemenang di tahap Kebangsaan untuk kategori utiliti bekalan air di majlis penyampaian anugerah, NCOSH pada tahun 2014.

KEMPEN KESELAMATAN & KESIHATAN PNSB 2014

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Korporat, dengan kerjasama Jabatan HSEQM dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Wisma Rozali, telah menganjurkan Kempen Keselamatan dan Kesihatan PNSB 2014 dengan slogan 'Kawal Risiko Kemalangan Sifar' memandangkan PNSB berjaya mencapai sifar kemalangan bagi tahun 2014. Ceramah keselamatan dan kesihatan turut disampaikan oleh para profesional dan jurulatih berpengalaman pada kempen tersebut.

KEMAMPANAN DI
TEMPAT KERJA

KEHILANGAN MASA AKIBAT KECEDERAAN ("LTI")

LTI adalah salah satu Indeks keselamatan utama yang digunakan untuk mengukur dan menaksir keberkesanan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Sehingga 31 Disember 2014, 18 daripada 27 buah LPA yang diuruskan oleh PNSB telah mencapai sasaran sama ada 5 juta jam-bekerja atau 5,000 hari-bekerja setiap satu sebagai satu pencapaian peristiwa penting, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual E.

Bil.	LPA	LTI (Jam-bekerja/ hari-bekerja)
1	SSP2	5,000,000 jam-bekerja
2	Ampang Intake	5,000 hari-berkerja setiap satu
3	Sg Rangkap	
4	Kepong	
5	Sg Batu	
6	Sg Dusun	
7	Cheras Mile 11	
8	Sg Serai	
9	Sg Pangsoon	
10	Sg Lolo	
11	Sg Tengi	
12	Bernam River Headworks	
13	Kalumpang	
14	Kuala Kubu Bahru	
15	Batang Kali	
16	Sg Gombak	
17	Bukit Nanas	
18	Sg Buaya	

Jadual E: Pencapaian LTI pada tahun 2014 bagi LPA PNSB

	Pencapaian Jumlah Jam- bekerja dengan Sifar LTI
SSP2*	5,127,944.59
Wilayah Tengah	5,021,796.04
Wilayah Selatan	3,936,074.32
Wilayah Utara	9,845,609.02
Ibu Pejabat PNSB	6,004,756.00

Nota:
* LPA SSP2 mempunyai sifar LTI sejak pentauliahannya pada 17 Julai 1998

Jadual F: Jumlah jam-bekerja Sifar LTI

Pengurusan keselamatan dan kesihatan sentiasa dikuatkuasakan dan diamalkan di empangan-empangan dan pada 2014 sifar LTI telah dicatatkan untuk empangan-empangan tersebut. Jumlah jam LTI yang dicapai di setiap empangan pada tahun 2014 adalah seperti yang dtunjukkan dalam Jadual G:

Empangan	Jumlah jam dicapai dengan sifar LTI
Sungai Langat	365,219.90 (sejak 1995)
Klang Gates	288,483.00 (sejak 2000)
Tasik Subang	243,148.80 (sejak 1999)

Jadual G: Jumlah jam dengan sifar LTI yang dicapai di empangan pada tahun 2014

Kempen Keselamatan & Kesihatan 2014 di Wisma Rozali

LATIHAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN ("OHS")

Bagi melaksanakan prosedur OHS dengan betul, kakitangan PNSB serta kontraktor tetap telah dilatih dalam tiga kategori, iaitu keperluan berkanun, latihan kecekapan dan latihan kesedaran.

Semua kakitangan LPA dan Empangan dikehendaki menjalani latihan minimum selama dua hari bekerja setiap tahun manakala kontraktor tetap perlu menjalani sekurang-kurangnya satu hari bekerja latihan setahun.

Pada 2014, latihan induksi HSE, latihan simulasi serta latihan ERP telah dijalankan di semua 28 LPA dan tiga empangan bagi memastikan tahap kesediaan kakitangan sekiranya berlaku kecemasan atau krisis. Kawad ERP telah dilaksanakan bagi membiasakan dan mengukur tahap kesediaan di kalangan kakitangan kami dalam bertindak balas terhadap situasi krisis yang tidak dijangka. Pada 2014, para Pegawai Keselamatan dan Kesihatan kami telah menjalankan 31 pemeriksaan keselamatan tapak di LPA dan empangan.

Program ini bermatlamat memastikan supaya semua LPA dan empangan kami mematuhi peraturan keselamatan dan menepati sistem pengurusan keselamatan yang telah diwujudkan di PNSB. Dalam proses berkenaan, pelbagai perkara keselamatan seperti papan tanda yang secukupnya serta cara sewajarnya menyimpan kimia dan penggunaan peralatan perlindungan diri di tempat kerja juga dikaji setiap tahun.

Latihan Keselamatan Kebakaran untuk Pasukan ERP

PNSB telah mengadakan empat sesi latihan keselamatan kebakaran pada tahun 2014, dihadiri oleh 90 orang kakitangan dari beberapa buah LPA, empangan dan Ibu Pejabat manakala SYABAS pula telah menjalankan dua sesi latihan keselamatan kebakaran pada tahun 2014, dihadiri oleh 50 orang kakitangan dari beberapa Wilayah dan Ibu Pejabat SYABAS kedua-duanya bertempat di Akademi Bomba & Penyelamat Kuala Kubu Bahru.

Latihan ini bermatlamat untuk mendedahkan kakitangan kepada peralatan keselamatan kebakaran, untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka mengenai keselamatan kebakaran dan mendidik kakitangan tentang cara mengendali kebakaran semasa berlaku kecemasan.

Latihan Memandu "Forklift" SYABAS

Seramai 20 orang kakitangan dari Ibu Pejabat dan beberapa Wilayah telah terlibat dalam latihan pemandu "forklift" yang diadakan di pejabat operasi Wilayah Hulu Selangor pada 20 dan 21 Oktober 2014. Antara yang hadir adalah para penyelia stor dan mereka yang bertanggungjawab ke atas pengendalian dan pengurusan "forklift".

Program ini bermatlamat untuk mendedahkan para peserta terhadap pengendalian "forklift" yang selamat dan memastikan supaya kakitangan menyedari tentang teknik dan kemahiran yang betul dan yang diperlukan untuk mengendalikan "forklift".

Latihan Kebakaran SYABAS

Latihan kebakaran telah dijadikan sebagai salah satu KPI yang perlu dicapai oleh sepuluh wilayah SYABAS. Program ini bertujuan untuk memastikan kakitangan bersiap sedia mengendali sebarang kejadian kebakaran dan untuk menguji keberkesanan prosedur kecemasan yang telah disediakan oleh SYABAS. Program ini perlu dilaksanakan dua kali setahun kerana ia merupakan salah satu keperluan yang tersenarai dalam piawaian OHSAS 18001:2007.

Latihan QE/5S

Latihan dan bengkel QE/5S telah dijalankan secara dalaman. Pada 2014, pelaksanaan latihan tersebut secara dalaman telah dapat menjimatkan kos sebanyak RM11,000.00.

KEMAMPANAN DI
TEMPAT KERJA

Kursus Latihan Bantuan Kecemasan Pekerjaan Asas dan "Cardiopulmonary Resuscitation" ("CPR") SYABAS

Kursus latihan asas petolongan cemas pekerjaan SYABAS dan CPR menilai kesihatan dan kebolehan pelatih-pelatih bertindak balas semasa kecemasan. Objektif-objektif program adalah untuk:-

- Menyediakan kakitangan yang dilatih secukupnya dan mahir dalam rawatan bantuan kecemasan.
- Menyediakan kakitangan untuk menghadapi sebarang keadaan kecemasan pada bila-bila masa.
- Mencegah peristiwa yang mengorbankan nyawa akibat kesilapan semasa berlakunya kecemasan.

Kumpulan sasaran bagi program ini adalah kakitangan di peringkat eksekutif dan bukan eksekutif di Ibu Pejabat SYABAS yang akan dilantik sebagai pembantu kecemasan dalam pasukan pemadam kebakaran.

Taklimat Keselamatan dan Kesihatan SYABAS untuk Kontraktor

Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Klasifikasi, Pelabelan dan Lembaran Data Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya) ("Peraturan CLASS") 2013 telah digazet pada 11 Oktober 2013. Peraturan ini menyatakan tanggungjawab pada prinsipal dan anak syarikat di tempat kerja pembekal bahan kimia berhubung pembekalan bahan kimia dari segi klasifikasi, pembungkusan, pelabelan dan penghantaran inventori lembaran data keselamatan. Kod amalan industri berhubung Klasifikasi dan Pemberitahuan Bahaya Kimia turut disediakan bagi membantu para pembekal mengkelas dan menyampaikan maklumat mengenai bahaya secara berkesan seperti yang dinyatakan dalam perundangan tersebut.

Peraturan CLASS adalah peraturan di bawah Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan menggantikan Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Klasifikasi, Pembungkusan dan Pelabelan Bahan Kimia Berbahaya) 1997.

Tujuan pelaksanaan program taklimat keselamatan dan kesihatan kepada semua kontraktor SYABAS adalah untuk menambah pengetahuan dan mempertingkatkan pemahaman terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Majlis Berkhatan Anak-anak Ahli PEKA 2014 yang diadakan pada 29 November 2014

Kad Keselamatan Institusi Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan ("NIOSH") SYABAS ("SNSC")

Program SNSC ini dilaksanakan oleh NIOSH untuk meninggikan lagi pematuhan terhadap peruntukan Seksyen 15(2)(c) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ("OSHA") 1994 yang mengkehendaki majikan menyediakan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan para kontraktor yang bekerja di premis SYABAS.

Berdasarkan maklumat yang disediakan oleh NIOSH pada 2014, bilangan kontraktor yang hadir di program SNSC untuk pembaharuan kad keselamatan mereka adalah seramai 1,729 orang.

PERKHIDMATAN KESELAMATAN

Polis Bantuan PNHB telah ditubuhkan pada 9 Jun 2006. Pasukan tersebut telah dilatih sepenuhnya oleh Polis DiRaja Malaysia ("PDRM") yang telah memberikan kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang, peraturan dan pengaturan.

Tujuan Polis Bantuan PNHB ditubuhkan adalah untuk mempertingkatkan perkhidmatan keselamatan PNHB, mewujud dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat bagi kakitangan, pelanggan dan untuk melindungi aset Kumpulan. Polis Bantuan PNHB menampilkan imej yang positif melalui pengawalseliaan keselamatan. Dengan anggota seramai 333, Polis Bantuan telah ditempatkan di pejabat Kumpulan PNHB, stor, kediaman, kaunter pengebilan, loji pembersihan air (LPA), rumah pam, takungan imbangan dan semua lokasi kritikal lain milik Kumpulan PNHB.

Polis Bantuan menjalankan tugas-tugas berikut:-

- Pencegahan jenayah
- Mengesan dan menangkap pesalah
- Kawalan orang ramai serta menjalankan pemeriksaan terhad terhadap orang dan kenderaan
- Melindungi serta mengiringi harta Kumpulan
- Rondaan berjalan kaki, rondaan menggunakan kenderaan dan tugas setempat
- Membantu PDRM menjalankan rondaan bersama di kawasan tertentu di bawah program Kawasan Keberhasilan Utama Nasional (NKRA)

Polis Bantuan PNHB sertai Kursus Asas Polis Bantuan Siri 3/2014

Latihan Simulasi - Kebocoran Klorin di LPA Wangsa Maju

Pada tahun 2014, Polis Bantuan kami meneruskan komitmennya yang kukuh dan perkhidmatannya yang cemerlang kepada PNHB dan Kumpulan. Polis Bantuan juga bekerjasama dengan PDRM dan pihak berkuasa tempatan dalam menangani sebarang isu keselamatan. Kami sentiasa memantau latihan yang disediakan kepada pasukan tersebut bagi mengukuhkan lagi kesedaran terhadap hak asasi manusia.

ANUGERAH HR

Anugerah HR Malaysia adalah suatu acara tahunan yang dianjurkan oleh Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia ("MIHRM") sejak tahun 1999 dan dengan kerjasama JobStreet.com sejak 2009. Anugerah yang dinaungi oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia Malaysia tersebut disokong dan diperakui sepenuhnya oleh komuniti sumber manusia. Ia diadakan dengan matlamat untuk mempromosi pengiktirafan HR dan peranan strategi dan pengurusan HR dalam mencapai kecemerlangan perniagaan.

Pada tahun 2014, sebagai pengiktirafan terhadap usaha PNSB dalam memenuhi kriteria yang digaris oleh MIHRM, PNSB telah dianugerahkan dengan "Anugerah Perak" dalam kategori Majikan Pilihan di Majlis Anugerah HR Malaysia.

Pada September 2014, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja turut mengiktiraf PNSB sebagai "Majikan Terbaik di Peringkat Cawangan".

KEMAMPANAN
ALAM SEKITAR

Kumpulan Puncak Niaga Holdings Bhd ("PNHB") komited untuk menyediakan kualiti perkhidmatan tertinggi dalam semua bidang perniagaannya, dan pada masa yang sama, mematuhi dengan ketat semua undang-undang dan peraturan perlindungan alam sekitar serta menyumbang kepada perlindungan dan kemampanan alam sekitar. Pendekatan kami yang tersusun dalam kemampanan alam sekitar tertumpu kepada usaha meminimumkan penggunaan bahan dan tenaga kami serta mengurangkan pelepasan sisa, enap cemar dan gas rumah hijau ("GHG").

Kesedaran dan usaha mengurangkan kesan buruk perubahan iklim kini kian meluas di peringkat antarabangsa, begitu juga di Malaysia. Pada Persidangan Perubahan Iklim Bangsa-Bangsa Bersatu ("COP 15") yang diadakan pada bulan Disember 2009 di Copenhagen, Denmark, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan inisiatif negara secara sukarela untuk mencapai kadar pengurangan sehingga 40% dalam pelepasan GHG negara menjelang tahun 2020 berdasarkan paras pada 2005, dengan syarat pemindahan teknologi dan bantuan kewangan disediakan oleh negara-negara maju.

(Sumber: Program Laporan GHG Korporat Nasional bagi Malaysia)

BIODIVERSITI

Pemeliharaan biodiversiti adalah sesuatu yang amat penting kerana usaha ini sering kali menghasilkan manfaat yang lebih besar kepada ekosistem seperti kualiti air dan landskap yang lebih baik. Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ('PNSB") menjalin kerjasama yang rapat dengan Lembaga Urus Air Selangor dan Jabatan Perhutanan untuk menjalankan pemantauan bersama ke atas kawasan-kawasan tadahan bagi mencegah kemerosotan air mentah. PNSB telah berjaya memulihkan kawasan cerun di Loji Pembersihan Air Sg Dusun ("LPA") dan LPA Muka Sauk Ampang. Kerja membaik pulih di LPA Muka Sauk Ampang meliputi perlindungan tebing sungai dan kerja-kerja membaiki pembetung di bahagian cerun yang yang rosak. Di samping itu, perlindungan cerun di LPA Rantau Panjang pula merupakan satu langkah keselamatan pencegahan bagi melindungi takungan dan binaan-binaan lain di bahagian atas cerun.

PENGURUSAN AIR

Air digunakan oleh PNSB untuk kerja-kerja membersih dan menyelenggara seperti "backwashing" bagi penapis LPA, membersih takungan dan tangki simpanan, mencuci saluran paip dan "flushing". Kami sentiasa berusaha mencari cara-cara baharu untuk mengurangkan lagi penggunaan air. Kehilangan air loji dikekalkan di paras minimum dengan mengumpul semula air basuhan dan meningkatkan kitaran "backwashing" bagi penapis kepada 72 jam. Di samping itu, sejak tahun 2007, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") telah menggunakan teknologi "air scouring" untuk mencuci saluran paip berbanding teknik "flushing" manual, yang mana telah mengurangkan penggunaan air dengan ketara.

Program Santai BPS pada 25 Jun 2014

PENGURUSAN SISA

Sisa yang terhasil daripada aktiviti kami secara umumnya adalah lebihan daripada LPA kami, sisa kertas, sisa pembinaan daripada projek dan program penyelenggaraan kami, dan sisa daripada aktiviti-aktiviti minyak dan gas. Sisa terbesar adalah sisa yang terhasil daripada LPA kami.

Pelbagai jenis sisa berjadual terhasil di LPA kami. Sisa berjadual memerlukan pengurusan dan pelupusan yang sewajarnya selaras dengan Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 ("EQA"). Pelaporan berkenaan sisa berjadual yang dihasilkan oleh LPA kepada Jabatan Alam Sekitar ("JAS") dilakukan melalui e-konsainan, sebuah aplikasi sesawang elektronik yang disediakan oleh JAS.

Jadual A memaparkan ringkasan Inventori Sisa Berjadual 2014 PNSB, menyediakan maklumat berkaitan kuantiti sisa yang terhasil dan dan dilupuskan dalam tan metrik ("TM") kepada kontraktor sisa, Kualiti Alam Sdn Bhd.

		Inventori sehingga 31 Disember 2014	
Kod SW	**Sisa Berjadual**	**Kuantiti Sisa Terhasil (TM)**	**Kuantiti Sisa Dilupuskan (TM)**
SW102	Plumbum Asid Bateri	0.0025	1.8335
SW103	Bateri Mengandungi Nikel	1.7540	1.7540
SW109	Sisa Makmal - Amonia	0.4368	0.1812
SW110	Komponen Elektronik	0.1859	0.2505
SW110	Kaca Tercemar	0.0872	0.3952
SW305	Minyak Pelincir Terpakai	0.1340	0.4580
SW306	Minyak Hidraulik Terpakai	0.0000	0.2210
SW409	Sisa Beg Fluorida	9.5480	12.6179
SW410	Kertas, Sarung Tangan dan Perca Kapas Tercemar	0.7364	0.6213
SW414	Sisa Makmal - Mangan	0.1507	0.0630
SW421	Sisa Makmal	0.5923	3.0895
JUMLAH		**13.6278**	**21.4851**

Jadual A: Ringkasan Inventori Sisa Berjadual 2014 PNSB

Bagi Pengurusan Khusus Sisa Berjadual, hanya LPA-LPA SSP2 dan Wangsa Maju sahaja yang telah diluluskan oleh JAS di bawah Peraturan 7 (Pengurusan Khusus Sisa Berjadual) Kualiti Alam Sekitar (Sisa Berjadual) Peraturan 2005 untuk melupuskan sisa di tapak pembuangan sisa yang diluluskan di Kuala Selangor. Kuantiti sisa yang telah dilupuskan pada tahun 2014 oleh LPA-LPA SSP2 dan Wangsa Maju ke tapak pembuangan sisa diluluskan, dikelaskan di bawah kod SW204 berjumlah 41,367.4 TM.

KEMAMPANAN
ALAM SEKITAR

PENGURUSAN TENAGA

Industri air menggunakan tenaga elektrik secara intensif. Di PNSB, sistem pengepam LPA mencatatkan penggunaan elektrik paling tinggi, manakala SYABAS memerlukan tenaga elektrik untuk mengoperasi stesen pengepamnya.

Di ibu pejabat di Wisma Rozali, penggunaan elektrik telah berjaya dikurangkan sepanjang tempoh tiga tahun yang lalu. Pada tahun 2014, 1,768,619 kWj telah digunakan berbanding 1,817,009 kWj pada tahun 2013. Trend pengurangan juga didapati di SYABAS di mana penggunaan elektrik pada tahun 2014 adalah 9.06% lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya. Pengurangan di semua syarikat ini adalah hasil penggunaan sumber yang lebih cekap dan penerapan budaya penjimatan tenaga di kalangan kakitangan kami.

PNHB berusaha untuk mengurangkan jejak karbon dan alam sekitar untuk mengurangkan pengunaan tenaga kami dan meminimumkan pelepasan karbon dengan menggunakan sumber-sumber asli secara lebih cekap.

Bagi membolehkan penjimatan tenaga di mana mungkin, pada tahun 2014, SYABAS telah menjalankan inisiatif kecekapan tenaga berikut:

1. Melengkapkan Rumah Pam Wangsa Maju dengan injap “plunger”, iaitu yang pertama digunakan di SYABAS sebagai injap kawalan masuk untuk mempertingkatkan kelancaran aliran air ke dalam tangki penyedut dan bagi mengelakkan pembaziran air melimpah.

2. Mengkaji semua operasi mengepam dari segi kecekapan mengepam dan kawalan untuk mengoptimumkan penggunaan elektrik.

Pelbagai inisiatif penjimatan tenaga telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh Jabatan Operasi & Penyelenggaraan (“OMD”) PNSB. Ini termasuk:

1. Mengenalpasti dan membaikpulih pam berefisiensi rendah di LPA SSP2 dan memulakan penggunaan pada waktu puncak dan waktu bukan-puncak selain melaksanakan pemantauan berasaskan keadaan (“condition base”) secara atas talian untuk set pam.

2. Menggantikan mentol konvensional dengan mentol penjimatan tenaga serta memasang meter kuasa di tingkat pertama dan Bawah, Bangunan Pentadbiran di LPA SSP2.

3. Berikut adalah inisiatif penjimatan tenaga yang telah diperkenalkan di LPA Sg Langat:
   - Melaksanakan operasi “flocculation mixer” hanya semasa waktu bukan-puncak (syif malam) juga mengurangkan operasi pam air mentah semasa kekeruhan air mentah tinggi
   - Mengurangkan operasi pam air mentah dan air bersih apabila paras pengimbang adalah tinggi
   - Memasang sistem amaran Permintaan Maksimum bagi kesedaran Juruteknik Proses
   - Memaksimumkan penggunaan pam semasa waktu bukan-puncak khusus untuk pam air bersih
   - Memantau getaran dan pemanasan melampau pam menggunakan peranti imej termal mudah alih
   - Menggunakan kelajuan rendah kekerapan putaran skrin band selain kelajuan tinggi terutamanya semasa musim rendah

PENGURUSAN BAHAN

Kami terus berusaha untuk mengurangkan penggunaan kertas di pejabat-pejabat kami dengan mengitar semula kertas dan mengamalkan percetakan kedua-dua belah. Kami juga telah membentuk sebuah jawatankuasa khas untuk memantau dan mengawal penggunaan kertas sebagai salah satu inisiatif kami yang bertujuan untuk mencapai tahap pejabat tanpa kertas.

Dalam langkah utama ke arah pejabat tanpa kertas, SYABAS telah memulakan aplikasi pejabat baru, Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia yang akan dilaksanakan sepenuhnya di seluruh SYABAS pada suku pertama 2015.

Memandangkan penyertaan dalam tawaran/tender, yang melibatkan banyak Bahagian/Jabatan Puncak Niaga Construction Sdn Bhd (“PNC”), jumlah penggunaan kertas adalah sangat tinggi. Oleh kerana ini, pasukan projek PNC dan Jabatan Teknologi Maklumat telah mengesyorkan folder perkongsian di dalam “server” yang akan menjimatkan kos percetakan. Semua salinan penyerahan akan disimpan dalam soft copy melalui pelayan untuk rujukan masa depan.



Loji Pembersihan Air Sg Selangor Phase 2

PROGRAM LAPORAN GAS RUMAH HIJAU ("GHG") KORPORAT NASIONAL BAGI MALAYSIA (MYCARBON)

MYCarbon adalah sebuah program yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia ("MNRE") secara usaha sama dengan Program Pembangunan Bangsa Bangsa Bersatu Malaysia ("UNDP"). Ia dilancarkan pada 3 Disember 2013 berikutan komitmen yang dinyatakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak di COP 15 bahawa, menjelang tahun 2020, Malaysia akan mengurangkan kadar pelepasan GHG daripada Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 40% daripada paras pada tahun 2005.

Berikutan latihan perintis MYCarbon pertama yang diadakan pada 21 Januari 2014, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ("SPAN") dan diikuti oleh inisiatif Strategi Lautan Biru Nasional dengan jalinan kerjasama dengan MNRE untuk mempromosi program MYCarbon dalam sektor air bagi membantu memulihara alam sekitar.

Memandangkan kepentingan yang kian meningkat bagi pengambilkiraan dan laporan karbon, pada 4 Disember 2014 PNSB telah mengambil bahagian dalam program Laporan MYCarbon dua tahun anjuran MNRE dan UNDP. Laporan sedemikian membolehkan pihak kementerian menaksir kemajuan yang dicapai ke arah petunjuk pengurangan pelepasan yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia tersebut.

Pada tahun 2010, SYABAS telah melancarkan Program Pemantauan Jejak Karbon dengan menetapkan garis dasar bagi pelepasan karbon daripada operasi SYABAS. Dalam memainkan peranannya mengurangkan tekanan terhadap alam sekitar, SYABAS juga sedang berikhtiar untuk meletakkan syarikat dalam hala tuju karbon rendah, sejajar dengan wawasan kami bagi memastikan pemeliharaan alam sekitar.

MEMPERKASA PARA PENGGUNA KAMI

Bagi memupuk tabiat penjimatan air di kalangan orang ramai, kami telah mewujudkan satu program untuk mendidik orang ramai tentang pentingnya sumber asli ini dan untuk menggalakkan penggunaan air secara bertanggungjawab oleh para pengguna kami. Kami menggalakkan setiap individu untuk menjimatkan air di kediaman dan di tempat kerja mereka. Kami juga terus terlibat dengan komuniti melalui pelbagai kempen dan aktiviti kesedaran alam sekitar dalam usaha untuk menyebarkan tentang pentingnya memelihara sumber-sumber air dan meminimumkan risiko pencemaran alam sekitar.

KAJI SELIDIK SANITARI

Kami menggunakan kaji selidik sanitari untuk menilai kesan aktiviti manusia ke atas sumber air mentah dan kualitinya. Kaji selidik berkenaan turut digunakan untuk menilai kecekapan pemprosesan air mentah oleh LPA dan kualiti air bersih dalam saluran pengagihan.

Pada tahun 2014, tujuh kaji selidik sanitari telah dijalankan secara usaha sama antara SYABAS, Kementerian Kesihatan ("MOH") dan pihak pengendali LPA di kawasan-kawasan tadahan air, LPA dan kawasan pengagihan.

MENDIDIK PARA PENGGUNA KAMI

Program Kesedaran Pengguna kami adalah sebuah kempen yang dilancarkan pada tahun 2007 untuk mewujudkan kesedaran langsung pengguna secara serta-merta berkenaan isu-isu kualiti air dan untuk mengubah persepsi mereka tentang kualiti air yang dibekalkan oleh SYABAS. Program tersebut turut mendidik pengguna untuk memainkan peranan secara aktif dan bertanggungjawab dalam memelihara kualiti air yang dibekalkan ke premis mereka dengan memeriksa dan menyenggara sistem perpaipan dalaman dan tangki simpanan mereka secara kerap.

PROGRAM PEMANTAUAN PENGAWASAN KUALITI AIR

Pemantauan pengawasan kualiti air dijalankan selaras dengan keperluan yang telah digariskan dalam Perjanjian Konsesi dan Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan MOH, 2004 ("NSDWQ").

Perjanjian Konsesi menetapkan bahawa kualiti air yang dibekalkan kepada pelanggan mestilah mematuhi spesifikasi yang digariskan oleh NSDWQ seperti yang dikeluarkan oleh MOH. Kualiti air yang dibekalkan oleh LPA kepada rangkaian pengagihan SYABAS dipantau secara kerap dan secara rawak oleh MOH, dan sampelnya diambil, diuji dan dikesan oleh Program Jaminan Kualiti.

KEMAMPANAN DALAM **KOMUNITI**

Di PNHB, kami berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Tanggungjawab Sosial Korporat ("CSR") sebagai cara yang mampan dan beretika bagi menjalankan perniagaan kami. PNHB dan subsidiarinya terus menyokong pelbagai usaha murni pada tahun ini. Kami sentiasa menyepadukan inisiatif komuniti kami ke dalam perniagaan kami agar segala usaha kami menjadi lebih mampan. Kami percaya adalah penting bagi kami untuk menyusun pelbagai inisiatif dan menetapkan kriteria bagi memaksimumkan keberkesanan sumbangan-sumbangan kami.

Di PNHB, kami percaya dalam membantu jiran kami dan menyumbang kembali kepada masyarakat, komuniti dan negara. Syarikat kami menyokong program dan perkhidmatan yang mampu membina komuniti melalui usaha peningkatan ekonomi. Sebagai sebuah organisasi yang prihatin, PNHB menyumbang kepada pelbagai inisiatif komuniti setiap tahun. Pada tahun 2014, Kumpulan PNHB – tidak termasuk Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") – telah menyumbang sebanyak RM3,556,389.00, manakala SYABAS menyumbangkan sebanyak RM757,663.25 untuk pelbagai tujuan, melalui penajaan dan penjagaan komuniti. Usaha-usaha ini termasuk Program Turun Ke Padang, derma kepada badan-badan amal dan penajaan acara-acara komuniti serta program dan acara pendidikan yang dianjurkan untuk kakitangan Kumpulan.

Dasar CSR kami meliputi pelbagai bidang seperti berikut:

- **Alam sekitar**
  Untuk mempromosi dan menjalankan aktiviti bagi meminimumkan risiko pencemaran dan degradasi alam sekitar kami.

- **Kakitangan**
  Untuk menghormati hak dan kepelbagaian kakitangan kami dengan menyediakan persekitaran kerja yang kondusif serta peluang sama-rata.

- **Etika**
  Untuk mempromosikan tahap integriti dan profesionalisme yang tinggi.

- **Hubungan dengan para pengguna, pembekal dan rakan niaga**
  Untuk memenuhi keperluan para pengguna, pembekal dan rakan niaga serta memberikan perkhidmatan pelanggan dan amalan perniagaan yang berkualiti tinggi.

- **Penglibatan di dalam komuniti**
  Untuk menyokong usaha bersifat dermawan dan sumbangan amal serta menggalakkan kakitangan kami menghulurkan bantuan kepada komuniti setempat.

- **Penglibatan dengan pemegang kepentingan**
  Untuk memberi perhatian dan turut terlibat dengan komuniti setempat secara bertanggungjawab dan prihatin.

BRIGED PENYELAMAT SUNGAI ("BPS")

Sejak diasaskan pada bulan Mac 1998 oleh Pengerusi Eksekutif kami, YBhg Tan Sri Rozali Ismail, BPS telah berkembang pesat menerusi pengambilan ahli dan usaha mendidik orang ramai, khususnya kanak-kanak dan remaja tentang pentingnya memelihara alam sekitar kami. Pada 2014, BPS telah menganjurkan pelbagai aktiviti berkaitan pendidikan dan hiburan bertujuan untuk mendidik orang ramai serta para pelajar dari sekolah rendah, sekolah menengah termasuk pusat pengajian tinggi mengenai air secara umumnya, dan tentang kepentingan memulihara dan melindungi sumber air kita secara khususnya. Setakat 31 Disember 2014, jumlah ahli kelab BPS telah mencecah 9,905 orang yang terdiri daripada 480 pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, di mana ia telah mencatatkan penambahan seramai 2,465 pelajar berbanding jumlah pada 2013.

Acara BPS yang diadakan pada tahun 2014 termasuk:

1. **Pertandingan Boling BPS pada 27 Mei 2014**
   Pertandingan tersebut diadakan sempena Hari Guru Kebangsaan. Guru-guru sekolah, Pegawai Pendidikan Daerah dan para wakil daripada Kementerian Pendidikan telah mengambil bahagian dalam acara ini.

2. **Program Santai BPS: Hayati, Hargai dan Pulihara Alam Sekitar pada 25 Jun 2014**
   Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2014, SYABAS dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB"), melalui BPS, telah menjadi tuan rumah bagi program ini.

3. **Peraduan Inovasi pada 14 Julai 2014**
   Peraduan tersebut diadakan sempena Hari Bumi Sedunia 2014 dan telah dihadiri oleh ahli-ahli kelab BPS, sepuluh orang pelajar sekolah rendah dan sepuluh orang pelajar sekolah menengah. Para peserta diadili berdasarkan kreativiti mereka cipta sesuatu rekaan menggunakan bahan-bahan dikitar semula.

4. **Mesyuarat Agung Tahunan Keenam BPS ("AGM") pada 26 Ogos 2014**
   AGM Keenam BPS tersebut telah diadakan di Hotel Dorsett Grand Subang, Subang Jaya.

5. **Sambutan Aidilfitri pada 26 Ogos 2014**
   Sempena bulan Syawal, BPS telah mengadakan sambutan Aidilfitri dengan ahli-ahlinya di Hotel Dorsett Grand Subang, Subang Jaya.

6. **Program Pelestarian Pendidikan ("Program 3P")**
   Kami telah menganjurkan Program 3P bulanan dengan kerjasama kelab BPS untuk membantu mendidik para pelajar sekolah rendah, menengah dan pusat pengajian tinggi tentang kepentingan memulihara sungai dan alam sekitar. Satu usaha pengambilan ahli bagi kelab BPS turut diadakan semasa program tersebut. Kami telah mengadakan tujuh Program 3P pada tahun 2014 yang melibatkan sekolah-sekolah di Kuala Selangor, Bandar Baru Bangi, Hulu Langat, Ampang, Batu Caves dan Sabak Bernam.

7. **Program Jelajah BPS**
   Program Jelajah BPS telah dijalankan sebanyak 15 kali pada tahun 2014 di sekolah-sekolah sekitar Shah Alam, Petaling Jaya, Puchong, Ampang dan Gombak. Program tersebut bertujuan untuk membina hubungan bermanfaat di kalangan para guru sekolah dan ahli-ahli kelab BPS.

KEMAMPANAN DALAM **KOMUNITI**

8. **'BPS River Fun Day' pada 22 Disember 2014**
   'BPS River Fun Day' telah diadakan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong pada 22 Disember 2014 sempena Hari Sungai Sedunia 2014. 800 peserta yang terdiri daripada para pelajar, guru, ibu bapa, kakitangan daripada Kumpulan PNHB, Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) alam sekitar, orang ramai dan pihak media adalah antara mereka yang hadir di acara tersebut.

   Tujuan acara ini diadakan adalah untuk mendidik para pelajar dan orang ramai tentang pentingnya memelihara dan memulihara ekosistem sungai untuk mengekalkan kehidupan yang seimbang dan sihat bagi setiap hidupan. Di samping itu, ia turut mensasar untuk mempertingkatkan rasa tanggungjawab di kalangan pelajar dalam melindungi serta memulihara sungai daripada pencemaran.

   Program ini telah dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Templer Park, bagi pihak Menteri Besar Selangor, YAB Tuan Mohamed Azmin Ali yang turut hadir disaksikan oleh Pengarah SPAN Wilayah Tengah, Presiden FOMCA, Ketua Pengarah FRIM dan Pengerusi Eksekutif PNHB, YBhg Tan Sri Rozali Ismail.

TABUNG BUDI

Tabung Budi ditubuhkan pada 24 Ogos 2010 oleh kakitangan SYABAS dan PNSB. Program Bantuan Bekalan Air Tabung Budi telah dilancarkan oleh Persatuan Kakitangan Bekalan Air Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya ("PEKA") di Ibu Pejabat SYABAS pada 22 Oktober 2010. Program yang diilhamkan oleh YBhg Tan Sri Rozali Ismail, Pengerusi Eksekutif kami memberi tumpuan ke arah membantu golongan miskin, gelandangan, ibu bapa tunggal, orang kurang upaya dan mereka yang memerlukan bantuan kewangan. Sehingga kini, seramai 2,956 individu, termasuk ahli PEKA, kakitangan SYABAS dan PNSB serta orang ramai telah menyokong Tabung Budi.

'BPS River Fun Day' yang diadakan pada 22 Disember 2014

Pasukan Tabung Budi telah memperkenalkan Aktiviti Turun Padang Tabung Budi di mana upacara penyampaian sumbangan telah diadakan di kediaman para penerima tabung. Pada 2014, Tabung Budi telah mengadakan lima acara yang meliputi lima daerah iaitu di Klang, Petaling, Kuala Selangor, Hulu Langat dan Sabak Bernam. Sejumlah 16 keluarga telah mendapat manfaat daripada program Tabung Budi pada tahun 2014.

Sepanjang tahun 2014, Program Tabung Budi terus mendekati pelbagai golongan masyarakat yang memerlukan bantuan kewangan disebabkan oleh pelbagai isu yang berkaitan dengan air seperti ketidakupayaan menjelaskan bil air atau permintaan untuk mendapatkan sambungan bekalan. Sejak penubuhannya, sejumlah RM469,008.26 telah dihulurkan untuk membiayai Program Tabung Budi. Program Tabung Budi telah dapat membantu golongan miskin dan yang tidak berkemampuan melalui pembayaran: bil bulanan; bil air tertunggak; caj penyambungan air; kos pembaikian paip air dan tiang meter; pemasangan bekalan air bagi akaun air baharu; dan caj pemasangan serta penyambungan semula bekalan air kediaman.

ACARA CSR LAIN

PNHB adalah sebuah syarikat yang bertanggungjawab dari segi sosial dengan matlamat untuk menyumbang ke arah meningkatkan taraf hidup golongan miskin dan kurang berkemampuan yang tinggal di kawasan-kawasan di mana ia beroperasi dan memfokus terhadap usaha memberi imbuhan kepada para pelabur dan pemegang sahamnya serta memenuhi harapan tinggi para pelanggannya. Kumpulan PNHB menyedari kewajipannya terhadap masyarakat dan alam sekitar di mana ia beroperasi dan mengiktiraf peranannya dalam mengurus pelbagai cabaran sosial, ekonomi dan alam sekitar yang berkaitan.

Berikut adalah sebahagian daripada acara CSR kami yang telah diadakan pada tahun ini.

1. Pada 25 Januari 2014, ahli-ahli PEKA daripada SYABAS dan GOM Resources Sdn Bhd ("GOM Resources") telah mengunjungi rumah warga emas di Ampang, Selangor sempena dengan Tahun Baru Cina.

2. Pada 12 Jun 2014, SYABAS telah menganjurkan satu lawatan ke Petrosains KLCC bersama kanak-kanak daripada keluarga kurang berkemampuan dari Projek Perumahan Rakyat Seri Pantai, Kuala Lumpur.

3. Pada 10 Julai 2014 dan 18 Julai 2014, sempena bulan Ramadhan, ahli-ahli PEKA daripada PNSB, SYABAS dan GOM Resources telah menganjurkan Program Bubur Lambuk PEKA 2014 dan telah berkongsi bubur lambuk dengan anak-anak yatim dan para jemaah di masjid-masjid berhampiran.

4. Pada 21 Julai 2014, SYABAS dan PNSB telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa dengan anak-anak yatim dari Rumah Kebajikan & Bimbingan At-Taqwa, Taman Putra Perdana, Puchong, Selangor.

YBhg Puan Sri Faridah Idris, isteri kepada Pengerusi Eksekutif kami menghadiri program CSR Hari Raya Aidilfitri SYABAS bagi 30 orang kanak-kanak daripada keluarga kurang berkemampuan

5. Pada 23 Julai 2014, SYABAS telah menganjurkan sambutan Ramadhan Al-Mubarak dengan anak-anak yatim dan kanak-kanak kurang upaya di ibu pejabat SYABAS.

6. Pada 24 Julai 2014, sempena sambutan Ramadhan, SYABAS telah menghulurkan bantuan kepada keluarga-keluarga berpendapatan rendah dari Projek Perumahan Rakyat Seri Pantai, Kuala Lumpur.

7. Pada 24 Julai 2014, SYABAS telah mengadakan sambutan Ramadhan dengan lima keluarga kurang berkemampuan dari Perumahan Rakyat Seri Pantai, Kuala Lumpur di mana mereka menerima baucar-baucar membeli-belah di AEON Mid Valley.

8. Pada 27 Julai 2014, SYABAS telah menganjurkan sebuah program CSR bagi 30 orang kanak-kanak daripada keluarga kurang berkemampuan sempena Hari Raya Aidilfitri 1435 Hijrah.

9. Pada 8 November 2014, SYABAS telah mengadakan satu program hiburan bagi kanak-kanak yang mempunyai kesukaran bertutur dari Sekolah Pendidikan Khas Kiu, Kuala Lumpur.

10. Sebanyak 260 Program Kesedaran Pengguna ("CAP") telah dianjurkan oleh SYABAS sepanjang tahun 2014 untuk meningkatkan kesedaran berhubung isu-isu air, bekalan air dan pemeliharaan kualiti air.

11. Pada 23 Disember 2014 dan 27 Disember 2014, Kumpulan PNHB telah mempamerkan semangat perpaduan tinggi apabila tampil menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir, khususnya di negeri-negeri yang teruk dilanda bencana tersebut iaitu di Kelantan dan Pahang dimana Kumpulan kami telah bertindak menerusi misi-misi bantuan di mana Puncak Niaga Construction Sdn Bhd menyumbangkan lima unit JERNIH bagi menyediakan air minum bersih, manakala PNSB dan SYABAS pula telah menyertai Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bekalan Air Bersih (OPS MURNI) yang dianjurkan oleh Rejimen Pakar Pengendalian Air Di Raja (RAJD) dan oleh Gabungan Wawasan Generasi Felda Malaysia bagi membantu mangsa-mangsa banjir masing-masing di Kelantan dan Pahang.

12. Pada tahun 2014, PNSB dan SYABAS telah menjadi tuan rumah kepada pelbagai agensi, baik dari dalam mahupun luar negara seperti Menteri dan Timbalan Menteri daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Japan Water Research Centre, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), Kementerian Kewangan ("MoF") dan Persatuan Air Malaysia ("MWA") & Korean Water & Waste Water Association.

ACARA
KORPORAT

13 FEBRUARI 2014
Lawatan oleh Timbalan Menteri KeTTHA ke Empangan Klang Gates

4 MAC 2014
Lawatan oleh Menteri KeTTHA ke Empangan Klang Gates

18 MAC 2014
Lawatan oleh Japan Water Research Centre ke Ibu Pejabat SYABAS

16 JUN 2014
Lawatan oleh pelajar dari Fakulti Geoinformatik Dan Hartanah, Universiti Teknologi Malaysia ke Ibu Pejabat SYABAS

17 JUN 2014
Lawatan teknikal oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad dan Kementerian Kewangan ke LPA SSP2

25 JUN 2014
'Program Santai BPS – Hayati, Hargai, Pulihara Alam Sekitar', yang dianjurkan oleh BPS di Taman Botani Negara, Shah Alam

26 JUN 2014
Mesyuarat Agung Tahunan ke-17 PNHB

22 JULAI 2014
Lawatan oleh MWA dan Persatuan Air Dan Air Sisa Korea ke LPA SSP2

26 OGOS 2014
Mesyuarat Agung Tahunan BPS dan Majlis Warna-Warni Aidilfitri BPS yang dianjurkan oleh BPS di Hotel Dorsett Grand Subang

11 SEPTEMBER 2014
Lawatan oleh pelajar dari Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur ke Empangan Klang Gates

13 FEBRUARI 2014

18 MAC 2014

16 JUN 2014

26 JUN 2014

22 JULAI 2014

26 OGOS 2014

9 OKTOBER 2014

Kempen Keselamatan & Kesihatan 2014 PNSB dilancarkan oleh Timbalan Menteri KeTTHA di Wisma Rozali

19 – 22 OKTOBER 2014

PNHB dan Angkatan Tentera Malaysia telah bersama dianugerahkan dengan anugerah emas bertaraf antarabangsa di SGA Kaizen Competition di Tokyo, Jepun bagi penciptaan sistem penulenan air mudah alih

11 NOVEMBER 2014

Upacara menandatangani Perjanjian Penjualan Saham antara PNHB dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Temasek Tiasa Sdn Bhd) ("Air Selangor") untuk PNHB menjual PNSB dan SYABAS kepada Air Selangor

13 NOVEMBER 2014

PNSB dianugerahkan Anugerah Perak dalam Kategori Majikan Pilihan di Anugerah HR Malaysia 2014

25 NOVEMBER 2014

SYABAS melancarkan Pusat Perkhidmatan Setempat (OSC) di Pejabat Wilayah Gombak

28 NOVEMBER 2014

SYABAS melancarkan mySYABAS Dan Portal Pengguna Atas Talian di Grand Bluewave Hotel, Shah Alam

22 DISEMBER 2014

'BPS River Fun Day' anjuran BPS telah diadakan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Gombak

23 DISEMBER 2014

Kumpulan PNHB mengambil bahagian dalam misi bantuan banjir 'Ops Murni I' anjuran Rejimen Pakar Pengendalian Air RAJD untuk membantu mangsa banjir di Kelantan

27 DISEMBER 2014

Kumpulan PNHB mengambil bahagian dalam misi bantuan banjir 'Ops Murni II' anjuran Gabungan Wawasan Generasi Felda Malaysia untuk membantu mangsa banjir di Pahang

9 OKTOBER 2014

19-22 OKTOBER 2014

11 NOVEMBER 2014

13 NOVEMBER 2014

25 NOVEMBER 2014

22 DISEMBER 2014

28 NOVEMBER 2014

23 DISEMBER 2014



KEBERTANGGUNGJAWABAN

122 Penyata Tadbir Urus Korporat
150 Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman
156 Laporan Jawatankuasa Audit
164 Dasar Pendedahan Korporat
165 Dasar Tanggungjawab Sosial Korporat
166 Dasar Kesihatan, Keselamatan Dan Alam Sekitar
167 Dasar & Laporan Perhubungan Pelabur
170 Dasar & Laporan Kualiti
172 Penyata Tanggungjawab Pengarah Bagi Penyediaan Penyata Kewangan

PENYATA TADBIR
URUS KORPORAT

PENYATA PEMATUHAN

Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan piawaian tadbir urus korporat yang tinggi di Puncak Niaga. Penyata ini memperlihatkan komitmen jitu Lembaga Pengarah dalam menggalak dan memupuk keteguhan budaya tadbir urus korporat yang baik demi kejayaan dan kemampanan pertumbuhan ekonomi Kumpulan serta kebertanggungjawabannya terhadap para pemegang saham dan pemegang kepentingannya.

Pada tahun 2014, Puncak Niaga telah mematuhi prinsip-prinsip Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 ("MCCG 2012"), kecuali berkenaan saranan tempoh perkhidmatan Pengarah Bebas yang tidak harus melebihi tempoh terkumpul sembilan (9) tahun dan komposisi Lembaga Pengarah yang sebahagian besarnya hendaklah terdiri daripada Pengarah Bebas, di mana Pengerusi Lembaga Pengarah bukan seorang Pengarah Bebas.

Kumpulan percaya bahawa prinsip tadbir urus korporat yang baik adalah penting kepada pertumbuhan dan keupayaan Puncak Niaga untuk memupuk keyakinan di kalangan para pemegang kepentingannya serta meningkatkan nilai para pemegang saham untuk jangka panjang menerusi penambahbaikan prestasi korporat dan kebertanggungjawaban Puncak Niaga manakala mengambilkira kepentingan semua pemegang kepentingan. Justeru itu, Lembaga Pengarah komited untuk memastikan bahawa di mana yang mungkin, prinsip dan saranan MCCG 2012 akan diguna pakai di seluruh Kumpulan Puncak Niaga, demi menjaga kepentingan semua pemegang kepentingan.

Sejak tahun 2003, Lembaga Pengarah telah menerima pakai Piagam Lembaga Pengarah yang memberi panduan bagaimana untuk mengendalikan perniagaan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan piawaian tadbir urus korporat yang baik. Pada tahun 2004, Lembaga Pengarah juga telah menerima pakai Dasar dan Prosedur Pendedahan Korporat yang dirumus sejajar dengan 'Panduan Amalan Terbaik Dalam Pendedahan Korporat' yang dikeluarkan oleh Pasukan Petugas berkenaan Amalan Terbaik Pendedahan Korporat yang ditubuhkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities"). Dari semasa ke semasa, Kumpulan terus memantau, menghalusi dan menyusun semula objektif kewangan, matlamat, dasar dan prosedur, kawalan serta rangka kerja pengurusan risikonya agar menepati persekitaran korporat yang sentiasa berubah.

Rangka kerja tadbir urus Syarikat membolehkan Lembaga Pengarah menyediakan panduan strategik dan pengawasan pengurusan yang berkesan, menjelaskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan Pengurusan serta memastikan keseimbangan kuasa.

Laporan ini menjelaskan bagaimana Kumpulan mengaplikasi prinsip yang dikemukakan dalam MCCG 2012 setelah mengambil kira saranan yang dinyatakan di bawah setiap prinsip dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities serta tahap pematuhannya terhadap prinsip dan saranan tersebut sepanjang tahun 2014.

LEMBAGA PENGARAH

(a) LEMBAGA PENGARAH

Kumpulan diterajui oleh sebuah Lembaga Pengarah yang berkesan dan berpengalaman, terdiri daripada individu berwibawa dan berkaliber dengan kemahiran serta pengalaman yang diperlukan daripada gabungan pelbagai latar belakang profesional. Dengan menerima pakai Piagam Lembaga Pengarah, ahli Lembaga Pengarah, sama ada dalam kapasiti individu atau secara keseluruhan, berkongsi satu objektif yang sama untuk memastikan supaya Visi dan Misi Syarikat, seperti yang dinyatakan dalam Laporan Tahunan ini, dicapai dan Kumpulan memenuhi tanggungjawabnya terhadap para pemegang kepentingan.

Setiap ahli Lembaga Pengarah menyedari sepenuhnya tentang kewajipan dan tanggungjawab fidusiari mereka serta kewajiban untuk mengamalkan keperihatinan, kemahiran dan ketelitian yang sewajarnya sebagai Pengarah Syarikat termasuk pelbagai undang-undang dan peraturan yang mempengaruhi tatalaku mereka sebagai Pengarah Syarikat. Justeru, mereka bertanggungjawab sepenuhnya terhadap prestasi Syarikat dan Kumpulan.

Salah satu saranan MCCG 2012 adalah mengenai jawatan Pengerusi dan Pengarah Urusan yang perlu disandang oleh individu berlainan, dimana Pengerusi mestilah merupakan seorang ahli bukan eksekutif Lembaga Pengarah.

Piagam Lembaga Pengarah Syarikat menetapkan hasrat strategik dan peranan serta tanggungjawab khusus Lembaga Pengarah yang perlu dilaksanakan oleh ahli Lembaga Pengarah secara kolektif dalam melaksanakan fungsi fidusiari dan kepimpinan mereka, peranan individu yang dijangka dan diharapkan daripada Pengerusi Eksekutif, Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif, serta peranan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Peranan Pengerusi Eksekutif dalam Perenggan 4.4 Piagam Lembaga Pengarah adalah jelas dan berbeza daripada peranan Pengarah Urusan seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 4.5 Piagam Lembaga Pengarah. Peruntukan tanggungjawab ini mencerminkan satu bentuk hubungan yang dinamik yang diperlukan oleh Syarikat untuk bersesuaian dengan persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah.

Pada bulan November 2014, Lembaga Pengarah mengkaji Piagam Lembaganya sejajar dengan perubahan dalam peraturan. Piagam Lembaga Pengarah ini dimuatkan dalam pautan Perhubungan Pelabur - Tadbir Urus Korporat di laman web Syarikat, *www.puncakniaga.com.my*.

Di setiap syarikat subsidiari yang beroperasi, terdapat seorang Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif/ Pemangku Pengarah Urusan/Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif untuk mengurus dan memberi tumpuan terhadap urusan perniagaan dan pengurusan harian subsidiari yang beroperasi masing-masing, iaitu Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (“PNSB”), Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (“SYABAS”), Puncak Oil & Gas Sdn Bhd (“POG”)/GOM Resources Sdn Bhd (“GOM Resources”) dan Puncak Niaga Construction Sdn Bhd (“PNC”).

Meskipun, MCCG 2012 menyarankan bahawa Lembaga Pengarah mestilah secara majoritinya terdiri daripada Pengarah Bebas di mana Pengerusi Lembaga Pengarah bukan seorang Pengarah Bebas, Lembaga Pengarah yakin bahawa strukturnya pada masa ini mampu melaksanakan perkara yang menjadi keutamaan Lembaga Pengarah secara objektif dengan keseimbangan kuasa dan autoriti dalam Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa Pengarah Bebas, iaitu YBhg Tan Sri Dato’ Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato’ Hari Narayanan a/l Govindasamy yang telah berkhidmat selama lebih sembilan (9) tahun dalam Lembaga Pengarah telah mengekalkan taraf kebebasan mereka sepenuhnya memandangkan mereka tidak menyandang sebarang jawatan eksekutif dalam Syarikat/Kumpulan dan bukan merupakan pegawai Syarikat/Kumpulan, dan bukan penasihat atau perunding atau sebagainya, sebelum mereka dilantik ke Lembaga Pengarah dan mereka juga bukan pemegang saham utama, bukan ahli keluarga mana-mana Pengarah Eksekutif, pegawai atau pemegang saham utama Syarikat/Kumpulan, seperti yang digariskan dalam Perenggan 5.4 Piagam Lembaga Pengarah.

YBhg Tan Sri Dato’ Seri Dr Ting Chew Peh adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Syarikat, di mana para pemegang saham boleh mengemukakan sebarang kemusykilan kepada beliau. Profil beliau dibentangkan pada muka surat 39 dalam Laporan Tahunan ini.

(b) KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Komposisi Lembaga Pengarah mewujudkan kepelbagaian kepada Kumpulan dalam kemahiran, pengetahuan serta gabungan pengalaman dan kepakaran yang seimbang untuk melaksanakan tanggungjawab Lembaga Pengarah dengan berkesan, agar pengawasan terhadap Kumpulan dapat dilakukan dengan cekap. Bersama-sama, Lembaga Pengarah menerajui pertumbuhan dan hala tuju masa depan Kumpulan.

Profil Ahli Lembaga Pengarah dibentangkan pada muka surat 34 hingga 43 dalam Laporan Tahunan ini.

Tiada Pengarah mempunyai sebarang sabitan kesalahan dalam tempoh sepuluh (10) tahun lepas (selain daripada kesalahan lalu lintas, jika ada) atau sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat atau mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat.

PENYATA TADBIR
URUS KORPORAT

Bagi mematuhi Perenggan 15.02 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities dan MCCG 2012, Syarikat, melalui Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat, mengkaji pada setiap tahun keperluan gabungan kemahiran, perwatakan, pengalaman, daya saing, komitmen, kewibawaan, sumbangan, prestasi, jantina, bangsa, usia dan kualiti lain Lembaga Pengarah serta ahli-ahlinya secara individu, para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dalam kapasiti mereka sebagai Pengarah Bebas, dan Jawatankuasa Audit serta ahli-ahlinya secara individu. Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah telah merangka kriteria khusus bagi menilai kebebasan para Pengarah Bebas, seperti yang disarankan oleh MCCG 2012. Sehubungan itu, Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa para Pengarah Bebasnya telah memenuhi Perenggan 5.4 Piagam Lembaga Pengarah dan Perenggan 1.01 (Definisi) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities.

Lembaga Pengarah Puncak Niaga terdiri daripada sembilan (9) orang Ahli yang mana tiga (3) orang daripada mereka adalah Pengarah Eksekutif dan enam (6) orang adalah Pengarah Bukan Eksekutif. Komposisi Lembaga Pengarah Puncak Niaga pada masa ini mematuhi Perenggan 15.02 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities di mana satu pertiga daripada Lembaga Pengarah terdiri daripada Pengarah Bebas dan yang mana Syarikat berpendapat bahawa ia merupakan sebuah Lembaga Pengarah yang seimbang dan bersesuaian bagi membentuk sebuah Lembaga Pengarah yang berkesan seperti yang dijelaskan dalam perenggan 7 perkara (a) di atas.

Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif adalah individu yang berkaliber dan boleh dipercayai serta mengamalkan pertimbangan bebas dan berwibawa serta bertindak demi kepentingan Syarikat dan para pemegang sahamnya, khususnya pemegang saham minoriti kerana mereka tidak terlibat dalam pengurusan harian Syarikat dan tidak mengambil bahagian dalam sebarang urusan perniagaan serta tidak terlibat dalam sebarang hubungan lain dengan Syarikat. Ini bertujuan untuk memastikan agar mereka dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka secara berkesan, tanpa sebarang keadaan percanggahan kepentingan. Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif menyediakan sekatan dan imbangan yang relevan serta memastikan supaya piawaian tadbir urus korporat yang tinggi dikekalkan.

Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah telah, melalui penilaian tahunan mereka, memutuskan bahawa para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat masih boleh memperuntukan masa mereka untuk mengendalikan hal ehwal Syarikat serta menyumbangkan pertimbangan yang bebas dan objektif terhadap perbincangan dalam Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran, Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah.

Salah satu saranan MCCG 2012 menyatakan bahawa tempoh penyandangan jawatan bagi Pengarah Bebas hendaklah tidak melebihi tempoh terkumpul selama sembilan (9) tahun.

Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah telah berbincang tentang saranan tersebut dan berpuas hati bahawa YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy, yang telah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Puncak Niaga untuk tempoh terkumpul melebihi sembilan (9) tahun, masih kekal objektif dan bebas dalam menyuarakan pandangan mereka ketika menyertai perbincangan serta proses membuat keputusan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Tempoh perkhidmatan mereka dalam Lembaga Pengarah, dalam apa jua bentuk, tidak mengganggu dalam mempraktikkan pertimbangan bebas mereka dan kemampuan mereka untuk bertindak demi kepentingan Syarikat. Di samping itu, mereka memenuhi kriteria yang digariskan bagi Pengarah Bebas dalam Perenggan 5.4 Piagam Lembaga Pengarah dan Perenggan 1.01 (Definisi) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities.

Kedua-dua YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy telah terbukti sebagai Pengarah Bebas yang berwibawa dengan tahap profesionalisme dan kebolehan mereka yang tinggi serta perspektif perniagaan yang luas, telah memperuntukan masa dan perhatian yang secukupnya terhadap kewajipan profesional mereka untuk membuat keputusan termaklum dan seimbang, serta telah menyuarakan kesanggupan mereka untuk terus menyandang jawatan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat.

Berdasarkan penilaian tahunan yang telah dilakukan, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah memutuskan dengan sebulat suara untuk mengesyorkan kepada para pemegang saham Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas ("AGM ke-18") yang bakal diadakan supaya meluluskan pemberian kuasa kepada YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy untuk terus bertindak sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan memegang jawatan sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya. Sila rujuk Agenda 6 dan 7 dalam Notis AGM ke-18 Syarikat pada muka surat 340 dalam Laporan Tahunan ini.

(c) MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah bermesyuarat sebanyak sepuluh (10) kali pada tahun 2014, semuanya diadakan di Bilik Lembaga Pengarah, Tingkat 12, Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, yang mana butirannya adalah seperti berikut:-

Hari	Tarikh	Waktu
Khamis	27 Februari 2014	12.40 petang
Isnin	10 Mac 2014	10.20 pagi
Isnin	28 April 2014	12.45 petang
Jumaat	9 Mei 2014	10.25 pagi
Khamis	29 Mei 2014	12.20 petang
Selasa	10 Jun 2014	9.35 pagi
Khamis	21 Ogos 2014	4.00 petang
Selasa	23 September 2014	10.30 pagi
Selasa	11 November 2014	12.10 petang
Khamis	27 November 2014	12.25 petang

Butiran kehadiran setiap Pengarah ke Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun 2014 adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Jawatan	Bil. Mesyuarat Dihadiri	%
Tan Sri Rozali Ismail	Pengarah Eksekutif	9 daripada 10	90
Dato' Ruslan Hassan	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	9 daripada 10	90
Dato' Ir Lee Miang Koi	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	10 daripada 10	100
Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	9 daripada 10	90
Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	10 daripada 10	100
Dato' Syed Danial Syed Ariffin	Ketua Pegawai Operasi	10 daripada 10	100
Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	9 daripada 10	90
Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	10 daripada 10	100
Ng Wah Tar	Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan Korporat	10 daripada 10	100

Mesyuarat Lembaga Pengarah dijadualkan terlebih dahulu pada setiap tahun dan diadakan sekurang-kurangnya lima kali dalam satu tahun kewangan, dengan notis yang secukupnya diberikan untuk semua Mesyuarat Lembaga Pengarah. Tarikh tentatif bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berikutnya dikeluarkan pada bulan November/Disember tahun sebelumnya oleh Setiausaha Syarikat. Lembaga Pengarah mempunyai jadual rasmi berhubung perkara yang dikhususkan untuk perbincangan dan/atau kelulusan. Semua isu yang dibincangkan dan semua keputusan yang dicapai semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah akan direkodkan dengan sewajarnya oleh Setiausaha Syarikat yang mana kesempurnaan serta ketepatan rekod tersebut akan dikaji oleh Lembaga Pengarah.

Mesyuarat Lembaga Pengarah tambahan akan diadakan apabila timbul isu penting yang memerlukan perbincangan, kajian dan keputusan Lembaga Pengarah. Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2014 meningkat dua kali ganda disebabkan oleh perbincangan berhubung dengan penyusunan semula industri perkhidmatan air antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor serta cadangan penjualan PNSB dan SYABAS kepada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Temasek Tiasa Sdn Bhd) ("Air Selangor") yang merupakan entiti milik penuh Kerajaan Negeri Selangor.

Dalam selang waktu antara Mesyuarat Lembaga Pengarah, kelulusan berhubung perkara yang memerlukan persetujuan Lembaga Pengarah diperolehi melalui resolusi pekeliling dengan melampirkan semua kertas kerja dan maklumat yang berkaitan dengan maklumat terperinci bagi hal perkara supaya Lembaga Pengarah boleh membuat keputusan termaklum. Semua resolusi pekeliling yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah akan dibentangkan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah yang berikutnya untuk catatan dan pengesahan. Apabila tertimbulnya situasi dengan konflik kepentingan, jikalau ada, Pengarah yang berkaitan dengan konflik kepentingan tersebut hendaklah mengecualikan diri daripada semua perbincangan dan proses pembuatan keputusan berhubung hal perkara tersebut semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Agung dan akan memastikan supaya semua individu yang mempunyai hubungan dengan beliau turut mengecualikan diri daripada mengundi berkaitan cadangan tersebut di Mesyuarat Agung berkenaan.

(d) TATAETIKA PARA PENGARAH

Para Pengarah terus mematuhi dan mengikuti Tataetika & Tatakelakuan berdasarkan tatakelakuan yang dijangkakan dan diharapkan daripada para Pengarah syarikat seperti yang ditetapkan dalam Tataetika Pengarah Syarikat yang digariskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan memastikan pelaksanaan sistem dalaman yang bersesuaian untuk menyokong, menggalak dan memastikan pematuhan terhadap Tataetika & Tatakelakuan Pengarah. Kumpulan juga mempunyai Tataetika & Tatakelakuan untuk Pengarah serta Kakitangan yang menggariskan prinsip serta piawaian amalan baik yang dipatuhi oleh para Pengarah Eksekutif dan kakitangan Kumpulan, masing-masing.

Tataetika & Tatakelakuan untuk Pengarah dan kakitangan berserta dengan Dasar Pemberitahuan Maklumat Kumpulan telah dimuatkan dalam pautan Perhubungan Pelabur - Tadbir Urus Korporat di laman web Syarikat, *www.puncakniaga.com.my*.

(e) BEKALAN MAKLUMAT DAN AKSES KEPADA KHIDMAT NASIHAT

Setiap ahli Lembaga Pengarah dibekalkan dengan maklumat yang tepat, lengkap, mencukupi, tidak terhad dan berkualiti menepati masanya bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Kecuali dalam keadaan tertentu, ahli Lembaga Pengarah diberi notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum sebarang Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan dan kertas kerja Lembaga Pengarah yang lengkap diedarkan kepada setiap ahli Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya dua (2) hari bekerja sebelum tarikh Mesyuarat supaya para Pengarah boleh membaca kertas kerja Lembaga Pengarah dan mengkaji isu-isu yang akan dibincangkan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah terlebih awal sebelum tarikh mesyuarat. Di mana perlu, kakitangan Syarikat akan dipanggil oleh Lembaga Pengarah semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk membentang dan menjelaskan sebarang Kertas Kerja Lembaga Pengarah yang dibentangkan.

Semua ahli Lembaga Pengarah dikehendaki mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan Lembaga Pengarah dengan menyumbangkan manfaat daripada pengetahuan, kemahiran dan kebolehan mereka kepada Lembaga Pengarah. Jika timbul percanggahan dengan tugas dan kepentingan sebagai Pengarah, adalah mandatori bagi Pengarah berkenaan untuk mengisytiharkan fakta serta bentuk kepentingannya dan takat percanggahan tersebut dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah, dan mengecualikan diri dari perbincangan dan proses membuat keputusan. Sekiranya cadangan tersebut memerlukan kelulusan para pemegang saham, ahli Lembaga Pengarah yang berkepentingan berkenaan akan mengecualikan diri daripada mengundi berhubung resolusi tersebut pada Mesyuarat Agung dan akan memastikan bahawa semua individu yang ada kaitan dengan mereka turut mengecualikan diri daripada mengundi berhubung cadangan berkenaan.

Setiausaha Syarikat mengatur dan menghadiri semua Mesyuarat Lembaga Pengarah serta memastikan supaya semua isu yang dibincangkan berserta keputusannya diminitkan dengan tepat dalam minit setiap Mesyuarat dan semua rekod disimpan dengan sebaiknya di pejabat berdaftar Syarikat.

Lembaga Pengarah kerap dikemas kini dan dimaklumkan oleh Setiausaha Syarikat dan pihak Pengurusan mengenai keperluan seperti sekatan dalam berurusan dengan sekuriti Syarikat dan kemas kini seperti yang dikeluarkan oleh pelbagai pihak berkuasa kawal selia, termasuk perkembangan terkini dalam rangka kerja perundangan dan kawal selia yang memberi kesan kepada Kumpulan. Lembaga Pengarah mempunyai akses dan interaksi yang tidak terhad dan berterusan dengan pihak Pengurusan Kanan Syarikat. Setiap ahli Lembaga Pengarah juga mempunyai akses penuh kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat.

Di mana perlu, para Pengarah boleh, sama ada secara kolektif sebagai sebuah Lembaga Pengarah atau dalam kapasiti individu mereka, mendapatkan khidmat nasihat pakar profesional luar dan bebas berhubung sebarang perkara dalam menjalankan tugas mereka sebagaimana yang mereka fikirkan perlu dan wajar, dengan perbelanjaan ditanggung oleh pihak Syarikat.

Pada tahun 2014, KAF Investment Bank Berhad ("KAF") dan Tetuan Moore Stephens Associates PLT ("Moore Stephens"), masing-masing telah dilantik sebagai Penasihat Bebas dan Penilai Bebas untuk memberi khidmat nasihat kepada Syarikat dan para pemegang saham Syarikat berhubung penjualan PNSB dan SYABAS kepada Air Selangor di mana penilaian dan pelantikan tersebut telah dirunding dan dikendalikan oleh Pengurusan Syarikat bagi pihak Lembaga Pengarah. Selain daripada KAF dan Moore Stephens, para Pengarah tidak mendapatkan sebarang penasihat luar dan penasihat utama bebas yang lain.

(f) SETIAUSAHA SYARIKAT

Setiausaha Syarikat memainkan peranan yang penting dalam menasihati Lembaga Pengarah berhubung perkara-perkara tadbir urus dan memastikan bahawa dasar dan prosedur Lembaga Pengarah dipatuhi dan dikaji secara kerap serta bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk memastikan bahawa setiap ahli Lembaga Pengarah menyedari dan diberi panduan mengenai tugas, tanggungjawab dan kuasa mereka. Mereka turut bertanggungjawab memastikan pematuhan Kumpulan dengan semua keperluan berkanun dan kawal selia.

(g) PELANTIKAN PENGARAH

Semua pelantikan dan penyingkiran dalam Lembaga Pengarah (jika ada) akan diluluskan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan saranan Jawatankuasa Pencalonan.

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Pencalonan berserta rundingan dengan Pengurusan Kanan dan para Pengerusi jawatankuasa, telah mewujudkan satu prosedur formal dan telus berkaitan penilaian dan cadangan calon untuk pelantikan ke Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah serta bagi menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Audit Syarikat dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang lain serta sumbangan setiap Pengarah secara individu, termasuk para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (dalam kapasiti mereka sebagai Pengarah Bebas), Pengarah Bukan Eksekutif, Pengarah Eksekutif dan Pengarah Urusan.

Proses kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah pada setiap tahun adalah berdasarkan kepada kecekapan, komitmen, sumbangan, integriti dan prestasi calon, Lembaga Pengarah dan ahli, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan ahli serta gabungan perwatakan, latar belakang profesional dan budaya, kemahiran, pengalaman, jantina, bangsa, usia, integriti dan ciri-ciri lain yang diperlukan daripada Pengarah bagi memastikan Lembaga Pengarah terus berfungsi dengan berkesan dan cekap.

Pada tahun kewangan yang dikaji, tidak ada perubahan dalam komposisi Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada tiga (3) orang Pengarah yang kesemuanya hendaklah merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat.

Objektif utama Jawatankuasa Pencalonan adalah seperti berikut:-

(i) Untuk mengkaji pada setiap tahun komposisi keseluruhan Lembaga Pengarah dari segi gabungan kepakaran, kemahiran, pengetahuan dan pengalaman serta ciri-ciri lain yang diperlukan, termasuk daya saing teras dan kecukupan keseimbangan antara para Pengarah Eksekutif, Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas.

(ii) Untuk mengkaji pada setiap tahun komposisi keseluruhan Lembaga Pengarah bagi mencapai komposisi terbaik dari segi kepelbagaian jantina, bangsa, kewarganegaraan, usia, latar belakang profesional dan budaya untuk memenuhi keperluan Syarikat.

(iii) Untuk menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, calon-calon bagi semua jawatan pengarah yang perlu diisi dan menilai serta menaksir Lembaga Pengarah pada setiap tahun dengan mengambil kira masa yang diperlukan daripada para pengarah tersebut untuk menjalankan tugas mereka.

(iv) Untuk menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, calon-calon untuk pemilihan semula para pengarah di bawah peruntukan pemilihan semula atau persaraan tahunan, menurut kesesuaian.

(v) Untuk menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, para Pengarah bagi mengisi jawatan dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, berdasarkan rundingan dengan para Pengerusi jawatankuasa tersebut atau dengan Lembaga Pengarah, bagi jawatan Pengerusi.

(vi) Untuk menilai pada setiap tahun keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan menilai sumbangan setiap Pengarah secara individu.

(vii) Untuk meneliti saiz Lembaga Pengarah dengan tujuan untuk menentukan kesan bilangan ahlinya terhadap keberkesanannya.

(viii) Dalam hal individu bagi jawatan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, untuk menilai kemampuan individu berkenaan memperuntukan masa yang secukupnya untuk menjalankan tugas bagi melunaskan tanggungjawab/fungsi beliau seperti yang diperlukan daripada para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, khususnya bagi mereka yang telah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah melebihi tempoh sembilan tahun, menilai dan mempertimbangkan sama ada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif tersebut perlu kekal bebas dalam jawatan atau ditukar jawatan atau digantikan.

(ix) Untuk menentukan pada setiap tahun sama ada seseorang Pengarah adalah bebas, seperti yang ditakrif dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan mengesyorkan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang sesuai untuk memegang jawatan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan.

(x) Untuk mengkaji perkara-perkara berkaitan penerusan dalam penyandangan jawatan bagi mana-mana pengarah pada bila-bila masa.

(xi) Untuk memastikan bahawa semua Pengarah menerima program induksi dan latihan berterusan yang bersesuaian bagi meluaskan perspektif mereka dan supaya mereka sentiasa termaklum tentang perkembangan pasaran dan perubahan baharu dalam keperluan berkanun.

(xii) Untuk menilai dan mengesyorkan secara berkala kepada Lembaga Pengarah berhubung perancangan penggantian bagi lembaga pengarah, pengerusi, para pengarah dan kakitangan pengurusan utama.

(xiii) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, pemecatan seseorang Pengarah sekiranya beliau tidak efektif, menyeleweng atau lalai dalam menjalankan tanggungjawabnya.

(xiv) Untuk menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, terma rujukan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan mengkaji kecukupan struktur jawatankuasa dalam Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Berhubung dengan pencalonan dan proses pemilihan para Pengarah baharu, tanggungjawab Jawatankuasa Pencalonan hendaklah meliputi perkara-perkara berikut:-

- Mengumpulkan calon dan pilihan Pengarah sebagai ahli Lembaga Pengarah.
- Mengkaji daya saing, komitmen, sumbangan, integriti dan prestasi calon Lembaga Pengarah/ahli Lembaga Pengarah/ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan gabungan kemahiran, perwatakan, pengalaman, jantina, usia, bangsa dan ciri-ciri lain yang diperlukan daripada para Pengarah.
- Mengesyorkan calon untuk pelantikan kepada Lembaga Pengarah.
- Membantu dalam program orientasi dan pembelajaran yang relevan untuk ahli baharu Lembaga Pengarah.

Dasar Kepelbagaian Jantina

Lembaga Pengarah telah meluluskan pembentukan Dasar Kepelbagaian Jantina untuk Kumpulan dengan matlamat untuk mencapai kadar jantina yang sama rata dan adil dalam sumber tenaga kerjanya, termasuk wakil wanita di peringkat Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan.

Dasar ini dimuatkan dalam pautan Perhubungan Pelabur - Tadbir Urus Korporat di laman web Syarikat, *www.puncakniaga.com.my*.

(h) PENILAIAN KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH

Seperti pada tahun-tahun sebelumnya, Lembaga Pengarah, dengan bantuan Setiausaha Syarikat telah menjalankan penilaian tahunan rakan sejawat terhadap keberkesanan Lembaga Pengarah dalam bidang utama berikut:-

(i) Pematuhan;
(ii) Mesyuarat Lembaga Pengarah;
(iii) Fungsi Lembaga Pengarah;
(iv) Struktur Lembaga Pengarah;
(v) Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
(vi) Operasi Lembaga Pengarah;
(vii) Peranan dan Tanggungjawab Pengerusi Lembaga Pengarah;
(viii) Laporan Kewangan dan Operasi;
(ix) Perancangan dan Objektif;
(x) Penilaian Risiko;
(xi) Peluang dan Projek Perniagaan Baharu;
(xii) Sumber Manusia; dan
(xiii) Pemerhatian dan Ulasan Tambahan Pengarah.

Penilaian prestasi Lembaga Pengarah pada tahun 2014 telah distruktur bagi memastikan kajian yang seimbang dan objektif oleh para Pengarah terhadap bidang-bidang utama di atas.

Berikutan penilaian tersebut, Lembaga Pengarah telah membuat kesimpulan bahawa Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan semua jawatankuasanya telah menampilkan prestasi yang baik, berkesan dan mempunyai semua kemahiran, pengalaman, kualiti dan integriti yang sewajarnya untuk menerajui Syarikat, dan setiap Pengarah termasuk para Pengarah Bebas dalam kapasiti mereka sebagai Pengarah Bebas, telah memenuhi tanggungjawab dan kewajipan mereka serta telah menjalankan tugas mereka seperti yang diperlukan dan selaras dengan Piagam Lembaga Pengarah Syarikat.

Pada tahun 2014, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat juga telah menilai kebebasan para Pengarah Bebasnya berdasarkan kriteria yang berkaitan untuk penilaian kebebasan seperti yang telah dirangka oleh Jawatankuasa Pencalonan pada 2012.

(i) JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah mengagihkan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah dengan fungsi dan kuasa yang telah ditentukan mengikut terma rujukan mereka masing-masing dan sejajar dengan saranan MCCG 2012. Jawatankuasa Lembaga Pengarah akan mematuhi peraturan tatakelakuan dan tatacara yang sama seperti Lembaga Pengarah, melainkan jika ditentukan sebaliknya oleh Lembaga Pengarah. Ringkasan mengenai Jawatankuasa Lembaga Pengarah di peringkat PNHB serta komposisi masing-masing adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Ganjaran	Jawatankuasa Pencalonan	Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko (CICR)
Tan Sri Rozali Ismail Pengerusi Eksekutif				
Dato' Ruslan Hassan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif				
Dato' Ir Lee Miang Koi Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif				
Dato' Syed Danial Syed Ariffin Ketua Pegawai Operasi				
Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	Ahli	Ahli	Ahli	
Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	Pengerusi	Ahli	Ahli	Pengerusi
Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	Ahli			
Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	Ahli	Pengerusi	Pengerusi	
Encik Ng Wah Tar Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan Korporat		Ahli		Ahli

Nota :
(1) Jawatankuasa Audit terdiri daripada para pengarah bukan eksekutif yang mana majoritinya adalah Pengarah Bebas (mematuhi Perenggan 15.09 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities).
(2) Jawatankuasa Ganjaran secara eksklusifnya atau majoritinya terdiri daripada para pengarah bukan eksekutif (seperti yang disarankan dalam MCCG 2012).
(3) Jawatankuasa Pencalonan secara eksklusifnya terdiri daripada para pengarah bukan eksekutif, yang mana majoritinya mestilah pengarah bebas (seperti yang disarankan dalam MCCG 2012).

Jawatankuasa Lembaga Pengarah mengamalkan ketelusan dan pendedahan penuh dalam segala urusannya. Sekiranya sesuai, isu akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dengan saranan yang sewajarnya oleh Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Bagi mempercepatkan proses membuat keputusan Lembaga Pengarah di peringkat syarikat beroperasi, Jawatankuasa Eksekutif ("EXCO") telah dibentuk di PNSB, SYABAS, POG, GOM Resources dan PNC. EXCO PNSB, POG dan GOM Resources terdiri daripada para Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan, manakala komposisi EXCO SYABAS dan PNC hanya terdiri daripada para Pengarah Eksekutif. Lembaga Pengarah Sino Water Pte Ltd ("Sino Water"), 98.65% milik subsidiari Syarikat di Singapura, bermesyuarat di Malaysia pada selang masa yang kerap untuk membincangkan hal ehwal operasi.

Setiap syarikat operasi telah mewujudkan Had Kuasa ("LOA") yang mentadbir perkara berkaitan pengurusan operasi Kumpulan dengan tahap kuasa yang relevan diberikan kepada pihak Pengurusan. LOA di setiap syarikat operasi dikaji secara berterusan bagi memastikan kecukupan, kecekapan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan Kumpulan. Lembaga Pengarah menyediakan kepimpinan yang perlu untuk membolehkan Kumpulan mencapai objektif perniagaannya, manakala memastikan bahawa kewajipan Syarikat terhadap para pemegang kepentingannya ditunaikan.

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti dalam Terma-terma Rujukannya dan mempunyai akses yang tidak terbatas kepada juruaudit dalaman dan luar serta anggota pengurusan kanan Kumpulan. Aktiviti yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit dibentangkan secara ringkas dalam Laporan Jawatankuasa Audit berserta Terma Rujukannya seperti yang terkandung pada muka surat 156 hingga 163 di dalam Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Audit memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi piawaian laporan kewangan yang boleh diguna pakai memandangkan ia penting bagi memastikan keutuhan penyata kewangan tersebut. Jawatankuasa Audit juga memastikan kebebasan Juruaudit Luar semasa menjalankan tugasan audit.

Jawatankuasa Pencalonan

Objektif utama Jawatankuasa Pencalonan dibentangkan pada muka surat 128 hingga 129 di dalam Laporan Tahunan ini.

Ringkasan aktiviti Jawatankuasa Pencalonan dalam menjalankan tugasnya pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:-

1. Pemilihan semula, persaraan dan penerusan dalam penyandangan jawatan bagi para Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan;
2. Mengkaji Terma Rujukan Jawatankuasa Pencalonan;
3. Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah;
4. Penilaian Tahunan Jawatankuasa Audit;
5. Penilaian Tahunan Pengarah Bebas;
6. Kontrak pengambilan kerja kakitangan pengurusan utama Kumpulan;
7. Mengkaji Piagam Lembaga Pengarah;
8. Penilaian Latihan Pengarah; dan
9. Mengkaji Dasar Kepelbagaian Jantina.

Jawatankuasa Ganjaran

Jawatankuasa Ganjaran dianggotai oleh empat (4) orang Pengarah yang terdiri daripada tiga (3) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan seorang (1) Pengarah Eksekutif Syarikat.

Objektif utama Jawatankuasa Ganjaran adalah seperti berikut:-

(i) Untuk menetapkan dan mengkaji pada setiap tahun pakej ganjaran bagi setiap Pengarah Eksekutif supaya tahap ganjaran adalah memadai untuk menarik dan mengekalkan para Pengarah yang diperlukan untuk mengendali Syarikat dengan jayanya dan menjajarkan strategi perniagaan dengan objektif jangka panjang Syarikat.

(ii) Jawatankuasa Ganjaran akan mengemukakan saranannya kepada Lembaga Pengarah dan setiap Pengarah hendaklah mengecualikan diri daripada perbincangan mengenai ganjaran mereka masing-masing.

Tahap ganjaran para Pengarah Eksekutif hendaklah menggambarkan pengalaman, tahap tanggungjawab, kepakaran dan kerumitan aktiviti Syarikat serta sumbangan mereka kepada Syarikat.

(j) PEMILIHAN SEMULA PENGARAH

Persaraan mengikut giliran

Artikel 98 dan 99 Tataurusan Pertubuhan Syarikat ("Tataurusan") memperuntukkan bahawa satu pertiga daripada Pengarah hendaklah bersara dari memegang jawatan mengikut giliran pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan dan semua Pengarah hendaklah bersara dari memegang jawatan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun tetapi, boleh layak dan boleh menawarkan diri mereka untuk pemilihan semula.

Berdasarkan saranan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat, para Pengarah berikut akan bersara pada AGM ke-18 Syarikat yang akan datang, dan kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk dipilih semula:-

i. YBhg Dato' Ruslan Hassan, bersara menurut Artikel 98 Tataurusan;
ii. YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi, bersara menurut Artikel 98 Tataurusan; dan
iii. Encik Ng Wah Tar, bersara menurut Artikel 98 Tataurusan.

Maklumat para Pengarah yang tampil untuk pemilihan semula pada AGM ke-18 yang akan datang adalah terkandung dalam Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan.

Meneruskan peranan sebagai Pengarah Bebas setelah berkhidmat untuk tempoh melebihi sembilan (9) tahun

Seperti yang dinyatakan dalam perkara (b) di atas, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menyarankan supaya kedua-dua YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy, yang telah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Syarikat untuk tempoh terkumpul melebihi sembilan (9) tahun, diberi kuasa untuk terus berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan memegang jawatan sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya.

Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965

Menurut Seksyen 129(2) Akta Syarikat, 1965 ("Akta"), para Pengarah yang mencapai atau melebihi usia 70 tahun hendaklah bersara pada setiap mesyuarat agung tahunan dan boleh menawarkan diri masing-masing untuk pelantikan semula bagi memegang jawatan sehingga mesyuarat agung tahunan yang berikutnya.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Syarikat yang melebihi usia 70 tahun, akan bersara pada AGM ke-18 yang akan datang menurut Seksyen 129(2) Akta.

Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menyarankan pelantikan semula YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh menurut Seksyen 129(6) Akta, pada AGM ke-18 Syarikat yang akan datang. Sila rujuk Agenda 3 dalam Notis AGM ke-18 pada muka surat 339 di dalam Laporan Tahunan ini.

Saranan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat adalah berdasarkan kepada sumbangan berterusan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh yang tidak ternilai kepada Syarikat dan beliau telah terbukti sebagai seorang Pengarah Bebas/Pengerusi Jawatankuasa Audit/ Pengerusi CICR dan Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran yang berwibawa dengan profesionalisme, kebolehan dan perspektif beliau yang luas terhadap perniagaan.

GANJARAN PENGARAH

(a) PROSEDUR, PERINGKAT DAN KANDUNGAN GANJARAN

Syarikat mempunyai prosedur rasmi untuk menentukan ganjaran setiap ahli Lembaga Pengarah yang dikaji dari masa ke semasa dengan membuat perbandingan dengan amalan dalam pasaran. Bagi Pengarah Eksekutif, ganjaran mereka dirangka supaya dapat mengaitkan ganjaran kepada prestasi korporat dan individu dan pakej ganjaran mereka merangkumi gaji, elaun, bonus dan manfaat-manfaat lain yang lazimnya diberikan kepada jawatan yang sama dalam syarikat lain yang boleh dibandingkan dan cukup menarik untuk mengekalkan mereka yang berkaliber tinggi. Prestasi dibandingkan dengan keuntungan serta sasaran lain yang ditetapkan berdasarkan belanjawan tahunan dan rancangan perniagaan Syarikat serta pencapaian pulangan yang disasarkan untuk para pemegang saham.

Bagi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, ganjaran mereka mencerminkan pengalaman, tahap tanggungjawab dan sumbangan mereka serta masa yang diluangkan untuk mengendali hal ehwal Kumpulan dan mereka dibayar elaun bulanan tetap, perjalanan percutian dan elaun mesyuarat bagi setiap mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang dihadiri oleh mereka.

Jawatankuasa Ganjaran bertanggungjawab mengesyorkan pakej ganjaran para Pengarah kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah, secara keseluruhannya, menentukan ganjaran Pengarah Bukan Eksekutif. Setiap individu Pengarah hendaklah mengecualikan diri daripada perbincangan dan pengundian terhadap ganjaran mereka masing-masing dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran.

(b) PENDEDAHAN GANJARAN PENGARAH

Butiran mengenai ganjaran yang diterima dan belum diterima oleh para Pengarah Syarikat daripada Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Yuran (RM'000)	Gaji (RM'000)	Bonus (RM'000)	Perjalanan Percutian (RM'000)	Elaun (RM'000)	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Tan Sri Rozali Ismail	–	–	–	–	–	–	–
Dato' Ruslan Hassan	–	–	–	80	20	–	100
Dato' Ir Lee Miang Koi	–	–	–	70	22	–	92
Dato' Syed Danial Syed Ariffin	–	–	–	–	–	–	–
Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy	–	–	–	60	100	–	160
Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh	–	–	–	60	144	–	204
Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud	–	–	–	–	28	–	28
Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak	–	–	–	60	120	–	180
Ng Wah Tar	–	–	–	–	–	–	–

Pakej ganjaran para Pengarah Syarikat yang diterima dan belum diterima daripada Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, dikategorikan mengikut komponen yang bersesuaian adalah seperti berikut:-

	Pengarah Eksekutif (RM'000)	Pengarah Bukan Eksekutif (RM'000)
Gaji	8,852	194
Bonus	3,898	17
Manfaat Barangan	161	13
Elaun	1,141	434
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	2,771	25
Tambang Percutian	390	390
Jumlah	**17,213**	**1,073**

Butiran Ganjaran Pengarah di peringkat Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, dalam kelompak RM50,000 disenaraikan seperti berikut:-

	Peringkat Syarikat		Peringkat Kumpulan
Lingkungan Ganjaran Setahun	**Bil. Pengarah Eksekutif**	**Bil. Pengarah Bukan Eksekutif**	**Bil. Pengarah**
RM1 hingga RM50,000	–	1	–
RM50,001 hingga RM100,000	–	2	2
RM150,001 hingga RM200,000	–	2	2
RM200,001 hingga RM250,000	–	1	1
RM300,001 hingga RM350,000	–	–	1
RM1,050,001 hingga RM1,100,000	–	–	1
RM1,450,001 hingga RM1,500,000	–	–	1
RM14,450,001 hingga RM14,500,000	–	–	1

(c) OPSYEN SAHAM PENGARAH

Tiada Skim Opsyen Saham Pengarah di dalam Syarikat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

(d) LATIHAN PENGARAH

Para Pengarah mengenali akan kepentingan pembelajaran berterusan untuk sentiasa mengikuti perkembangan mutakhir dalam kawal selia dan tadbir urus korporat, selain daripada dapat meningkatkan profesionalisme dan pengetahuan agar mereka dapat menjalankan tugas dengan berkesan. Setiap Pengarah menghadiri sekurang-kurangnya satu program latihan pada tahun ini.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, para Pengarah telah menghadiri program latihan, seminar dan persidangan yang dianjurkan oleh Syarikat dan pelbagai pihak penyedia latihan yang meliputi bidang-bidang seperti:-

- Minggu Air Antarabangsa Singapura 2014
- Mengesan, Mencegah & Melaporkan Penyelewengan & Penipuan
- Urusan Dalam Ketidakpastian: 'Surviving The Turbulence'
- Kegagalan Perniagaan: Memaklum Maklumat Stategik Yang Berguna
- Seni Kepimpinan

- Sesi penggalakan pendedahan korporat bagi pengarah
- Latihan Pengarah Dalaman mengenai "Etika Perniagaan – Perdagangan Pihak Dalaman"
- Siri Sesi Pagi Jawatankuasa Audit – "Mempertingkatkan Amalan Audit Dalaman"
- Seminar Korporat 2014 – Pandangan Pasaran Global
- Ceramah Peribadi mengenai Kesedaran GST
- Persidangan Kemuncak Ekonomi Asia ke-9
- Akta Perlindungan Maklumat Peribadi 2010
- Akta Pembayaran dan Pertimbangan Industri Binaan 2012
- Akta Persaingan 2010
- Syarikat Hebat berhak mempunyai Lembaga Pengarah yang Hebat

Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Pencalonan dengan bantuan Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran telah menjalankan penilaian bagi program latihan yang dihadiri oleh para Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 serta keperluan latihan setiap Pengarah pada masa depan.

DASAR KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM DAN PERHUBUNGAN PELABUR

Lembaga Pengarah mengakui perlunya para pemegang saham dan pelabur Syarikat dimaklumkan tentang semua urusan dan perkembangan korporat yang penting berkaitan Kumpulan tepat pada masanya. Selain daripada pelbagai pengumuman yang telah dibuat pada tahun ini, keputusan suku tahunan kewangan Kumpulan yang digabungkan dan yang dikemukakan tepat pada masanya memberi para pemegang saham dan pelabur gambaran yang menyeluruh tentang prestasi kewangan dan operasi Kumpulan.

Syarikat mengekalkan komunikasi secara kerap dan berkesan dengan para pemegang saham dan pemegang kepentingannya melalui sesi dialog satu-sama-satu atau berkumpulan, penyertaan dalam persidangan pelabur anjuran institusi tempatan dan luar negara, menjawab pertanyaan para pemegang saham dan pelabur melalui e-mel dan panggilan telefon, Mesyuarat Agung Syarikat dan acara-acara Syarikat yang lain. Notis Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat mengandungi maklumat yang relevan termasuk hak pemegang saham untuk menuntut diadakan pungutan suara bagi membolehkan mereka melaksanakan hak mereka.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat turut dimuatkan ke dalam pautan Perhubungan Pelabur - Laporan Tahunan di laman web Syarikat, *www.puncakniaga.com.my*.

Laporan Tahunan Puncak Niaga yang dihasilkan sejajar dengan amalan tadbir urus korporat yang terbaik turut berperanan sebagai satu saluran komunikasi utama dengan para pemegang saham dan pelabur.

Satu lagi kaedah komunikasi yang berkesan untuk berkomunikasi dengan para pemegang saham dan pelabur dengan menggunakan teknologi maklumat adalah melalui laman web korporat kami, *www.puncakniaga.com.my* dengan capaian langsung ke laman web SYABAS, *www.syabas.com.my*, laman web POG, *www.puncakoil.com*, laman web GOM Resources, *www.gomresources.com* dan laman web Sino Water Pte Ltd, *www.sino-water.com* yang boleh diakses dengan mudah dan cepat bagi mendapatkan maklumat mengenai Kumpulan. Ini merupakan komitmen berterusan kami untuk menyediakan lebih banyak maklumat yang mudah diakses kepada para pemegang saham dan pelabur.

Dasar & Laporan Perhubungan Pelabur Syarikat dibentangkan pada muka surat 167 hingga 169 di dalam Laporan Tahunan ini dan Dasar Perhubungan Pelabur dimuatkan ke dalam pautan Perhubungan Pelabur - Tadbir Urus Korporat di laman web Syarikat, *www.puncakniaga.com.my.*

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

(a) LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap mutu dan kesempurnaan laporan kewangan yang didedahkan kepada umum. Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan, laporan suku tahunan dan laporan tahunan kepada para pemegang saham Syarikat, Lembaga Pengarah mengambil langkah yang wajar untuk mengemukakan penilaian yang jelas dan seimbang berhubung kedudukan dan prospek Kumpulan. Ini turut diamalkan dalam pengumuman awam harga-sensitif dan laporan kepada pihak penguatkuasa peraturan.

Penyata kewangan dan pengumuman suku tahunan Kumpulan yang disedia menggunakan dasar perakaunan yang bersesuaian secara konsisten dan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat, akan dikaji dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Audit dengan kehadiran Juruaudit Luar, Juruaudit Dalaman Syarikat dan Pengarah Eksekutif Bahagian Kewangan, sebelum ia disyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk diterima pakai. Jawatankuasa Audit memastikan supaya maklumat yang akan didedahkan adalah tepat, mencukupi dan mematuhi pelbagai keperluan pendedahan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Lembaga Pengarah membincangkan dan mengkaji saranan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Audit sebelum ia diluluskan. Lembaga Pengarah turut memastikan agar keputusan kewangan suku tahunan dan keputusan kewangan tahunan Kumpulan yang tepat dikemukakan kepada Bursa Securities bertepatan pada masanya.

Penyata Tanggungjawab Pengarah berhubung dengan penyediaan Penyata Kewangan Beraudit Tahunan Kumpulan dikemukakan pada muka surat 172 di dalam Laporan Tahunan ini.

(b) HUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT LUAR

Lembaga Pengarah mengekalkan hubungan yang telus dan profesional dengan Juruaudit Luar Kumpulan. Juruaudit Luar menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit Syarikat yang diadakan sepanjang tahun kewangan ini. Mesyuarat suku tahunan ini membolehkan pertukaran pandangan mengenai isu-isu yang memerlukan perhatian sewajarnya.

Suatu mekanisme rasmi telah diwujudkan oleh Jawatankuasa Audit bagi memastikan wujudnya dialog yang jujur dan berterus terang dengan Juruaudit Luar. Jawatankuasa Audit bermesyuarat dengan Juruaudit Luar dua kali setahun (April dan November) tanpa kehadiran para Pengarah Eksekutif dan pihak Pengurusan. Ini membolehkan Jawatankuasa Audit dan Juruaudit Luar bertukar pandangan dan pendapat dalam suasana bebas dan jujur mengenai perkara berkaitan audit dan penemuan Juruaudit Luar.

Jawatankuasa Audit telah mempertimbangkan penyediaan khidmat bukan-audit yang diberikan oleh Juruaudit Luar sepanjang tahun ini dan berpendapat bahawa perkhidmatan tersebut tidak menjejaskan kebebasan dan objektiviti Juruaudit Luar kerana amaun yuran yang dibayar bagi perkhidmatan ini adalah tidak banyak berbanding jumlah yuran yang telah dibayar kepada Juruaudit Luar.

Laporan Jawatankuasa Audit berserta Ringkasan Terma Rujukannya dibentangkan pada muka surat 156 hingga 163 di dalam Laporan Tahunan ini.

(c) KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah mengakui tanggungjawabnya yang menyeluruh bagi mengekalkan sistem kawalan dalaman yang mantap, yang memberi jaminan munasabah dalam memastikan keberkesanan dan kecekapan operasi Kumpulan bagi melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset serta kepentingannya, dalam pematuhan undang-undang dan peraturan serta tatacara dan garis panduan pentadbiran kewangan dalaman yang relevan.

Jawatankuasa Audit mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan. Jabatan Audit Dalaman yang dipimpin oleh Ketua Audit Dalaman akan menjalankan audit dalaman meliputi kawalan kewangan, operasi dan kawalan pematuhan serta proses untuk mengenal pasti dan menilai risiko utama yang dihadapi oleh Kumpulan termasuk proses tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat. Laporan Jabatan Audit Dalaman akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit untuk dikaji dan dibincangkan.

Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman Kumpulan dibentangkan pada muka surat 150 hingga 155 di dalam Laporan Tahunan ini.

(d) RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah menyedari bahawa pengurusan risiko melibatkan pendekatan tersusun yang menggabungkan usaha daripada semua fungsi dalam Kumpulan untuk meminimumkan kemungkinan dan kesan kerosakan yang tidak dijangka agar dapat menyumbang ke arah menghasilkan kecekapan yang lebih tinggi dan proses membuat keputusan yang lebih mantap. Profil Risiko Seluruh Usaha Niaga Kumpulan dikaji setiap tahun untuk mengambil kira perubahan dalam persekitaran perniagaan, strategi dan aktiviti yang berfungsi dalam Kumpulan bagi menentukan tahap toleransi risiko Kumpulan dan mengenal pasti, menilai serta memantau risiko perniagaan utama untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Syarikat.

Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman Kumpulan dibentangkan pada muka surat 150 hingga 155 di dalam Laporan Tahunan ini.

(e) TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Lampiran 9C (Bahagian A, Perenggan 29) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities menghendaki sesebuah syarikat awam tersenarai untuk menyediakan satu penyata dalam laporan tahunannya berhubung aktiviti dan amalan tanggungjawab sosial korporat yang dijalankan oleh syarikat awam tersenarai tersebut dan subsidiarinya.

Laporan Kumpulan mengenai Pasaran, Kebertanggungjawaban Sosial, Isu Alam Sekitar dan Kemampanan adalah dibentangkan dalam bahagian "Kemampanan Di Pasaran" pada muka surat 80 hingga 95 di dalam Laporan Tahunan ini, menerusi bahagian "Kemampanan Di Tempat Kerja" pada muka surat 96 hingga 109 di dalam Laporan Tahunan ini, bahagian "Kemampanan Alam Sekitar" pada muka surat 110 hingga 113 di dalam Laporan Tahunan ini, dan dalam bahagian "Kemampanan Dalam Komuniti" pada muka surat 114 hingga 117 di dalam Laporan Tahunan ini.

Dasar Pendedahan Korporat dan Dasar Kualiti, masing-masing dibentangkan pada muka surat 164 dan 170 di dalam Laporan Tahunan ini dan dasar-dasar tersebut turut dimuatkan ke dalam pautan Perhubungan Pelabur - Tadbir Urus Korporat di laman web Syarikat, *www.puncakniaga.com.my*.

MAKLUMAT PEMATUHAN LAIN

(a) STATUS PENGGUNAAN HASIL YANG DIPEROLEHI DARIPADA CADANGAN KORPORAT

Pada 2013, Syarikat telah menerbitkan Sukuk Ijarah Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus Lima (5) Tahun ("Sukuk Ijarah Boleh Tukar") Sehingga RM165.0 Juta dalam Nilai Nominal.

Setakat ini, Syarikat belum lagi menggunakan hasil yang diperolehi berjumlah RM144,137,400.00 yang dikumpul daripada penerbitan Sukuk Ijarah Boleh Tukar tersebut.

(b) PEMBELIAN BALIK SAHAM

Syarikat tidak melaksanakan sebarang pembelian balik atau penjualan semula atau pembatalan sebarang saham perbendaharaan Syarikat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. Pada 31 Disember 2014, jumlah bilangan saham perbendaharaan Syarikat kekal sebanyak 2,036,800 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

(c) OPSYEN, WARAN ATAU SEKURITI BOLEH TUKAR

1. Waran

Pada 2013, sebanyak 40,910,609 Waran telah diterbitkan, disenarai dan disebut harga di Pasaran Utama Bursa Securities. Setiap Waran memberi hak kepada pemegang berdaftar untuk menerbitkan satu (1) saham PNHB baharu pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Laksana pada Harga Laksana. Ciri utama terma Waran tersebut adalah seperti berikut:-

Tarikh Penerbitan	:	23 Julai 2013
Tarikh Penyenaraian	:	26 Julai 2013
Tarikh Matang	:	20 Julai 2018
Tempoh Laksana	:	Lima tahun dari 23 Julai 2013
Harga Laksana	:	RM1.00 setiap Waran
Nisbah Pelaksanaan	:	1:1

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, sejumlah 2,948,939 Waran telah dilaksanakan dan sebanyak 2,948,939 saham biasa baharu bernilai RM1.00 sesaham dalam modal Syarikat telah diterbitkan menurut penukaran Waran. Sehingga 31 Disember 2014, modal saham yang diterbitkan dan berbayar Syarikat adalah sebanyak RM415,959,777.00 dibahagikan kepada 415,959,777 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

2. Sukuk Ijarah Boleh Tukar

Pada 2013, Syarikat telah menerbitkan Sukuk Ijarah Boleh Tukar sebanyak RM165.0 juta dalam nilai nominal. Pemegang Sukuk Ijarah Boleh Tukar adalah berhak untuk menukar pada Harga Penukaran, kesemua atau mana-mana bahagian Sukuk Ijarah Boleh Tukar kepada saham biasa baharu PNHB berbayar penuh bernilai RM1.00 sesaham pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Penukaran (kecuali dan melainkan dalam keadaan penggantian Aset Pajakan di bawah Aku Janji Penggantian) dengan tertakluk kepada tempoh notis selama sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari. Ciri utama terma Sukuk Ijarah Boleh Tukar adalah seperti berikut:-

Tarikh Penerbitan	:	17 September 2013
Tarikh Matang	:	Lima tahun dari Tarikh Penerbitan
Harga Penukaran	:	Harga penukaran adalah RM2.00, yang mewakili premium kira-kira 12.0% terhadap harga teori ex-waran bernilai RM1.7854 berdasarkan volum harga pasaran purata berwajaran selama lima hari bagi saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam PNHB sehingga dan termasuk 28 Jun 2013, bernilai RM1.8639 sesaham PNHB.

Syarikat mempunyai hak untuk melaksanakan hak Aku Janji Penggantian pada harga laksana mengikut agregat nilai nominal belum lunas Sukuk Ijarah Boleh Tukar belum berbayar, apa-apa Pengagihan Berkala dan perbelanjaan pemilikan belum lunas.

Syarikat atau mana-mana subsidiarinya atau syarikat yang berkaitan boleh pada bila-bila masa membeli balik Sukuk Ijarah Boleh Tukar pada apa-apa harga dalam pasaran terbuka atau secara triti persendirian.

Syarikat boleh menebus Sukuk Ijarah Boleh Tukar secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya sebagaimana saling dipersetujui di antara Syarikat dan para Pemegang Sukuk Ijarah Boleh Tukar menurut resolusi luar biasa. Melainkan sebelumnya ia telah ditebus, ditukar, dibeli dan dibatalkan, Sukuk Ijarah Boleh Tukar hendaklah ditebus oleh Syarikat pada nilai nominalnya pada Tarikh Matang.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, satu amaun Sukuk Ijarah Boleh Tukar sebanyak RM3,500,000.00 telah dilaksanakan dan 1,750,000 saham biasa baharu bernilai RM1.00 sesaham dalam modal Syarikat telah diterbitkan menurut penukaran Sukuk Ijarah Boleh Tukar.

Setakat 31 Disember 2014, modal saham diterbit dan berbayar Syarikat berjumlah RM415,959,777.00 dibahagikan kepada 415,959,777 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

Tiada penebusan, pembelian atau pembatalan Sukuk Ijarah Boleh Tukar oleh Syarikat pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

(d) RESIT DEPOSITORI AMERIKA (ADR) / RESIT DEPOSITORI GLOBAL (GDR)

Syarikat tidak menaja sebarang program ADR atau GDR.

(e) SEKATAN DAN/ATAU DENDA

Syarikat dan subsidiari, para Pengarah dan pihak Pengurusannya tidak dikenakan sebarang sekatan dan/atau denda oleh badan kawal selia yang berkaitan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

(f) YURAN BUKAN AUDIT

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, Kumpulan telah membayar sebanyak RM1,178,000.00 untuk yuran bukan-audit kepada Juruaudit Luar, Tetuan KPMG.

Yuran bukan-audit perlu bayar kepada Juruaudit Luar, berkaitan semakan Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman dan perkhidmatan profesional lain termasuk khidmat nasihat.

(g) PERBEZAAN DALAM KEPUTUSAN

Tiada perbezaan yang ketara dalam Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014 yang terkandung di dalam Laporan Tahunan ini berbanding dengan keputusan digabungkan belum diaudit Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 yang telah diumumkan kepada Bursa Securities pada 26 Februari 2015.

(h) JAMINAN KEUNTUNGAN

Syarikat tidak menyediakan sebarang jaminan keuntungan kepada mana-mana pihak bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

(i) URUS NIAGA BERULANG PIHAK BERKAITAN

Syarikat tidak memeterai sebarang urus niaga berulang pihak berkaitan yang memerlukan mandat para pemegang saham pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

(j) KONTRAK PENTING YANG MEMBABITKAN PARA PENGARAH DAN PEMEGANG SAHAM UTAMA

Kontrak penting yang dimeterai oleh Syarikat dan Kumpulan, yang melibatkan kepentingan para Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat serta kontrak penting yang masih sah pada akhir tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014, adalah seperti berikut:-

Tarikh	Bentuk Kontrak	Pihak	Bayaran/Kaedah Penyelesaian	Hubungan dengan Pengarah/ Pemegang Saham Utama
22 September 1994	Perjanjian Penswastaan Merangkap Konsesi (“PCCA”)	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan PNSB	Tidak Berkenaan	YBhg Tan Sri Rozali Ismail (”TSRI”) adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam Central Plus (M) Sdn Bhd (“CPlus”) dan Corporate Line (M) Sdn Bhd (“CLine”). PNHB sebaliknya mempunyai kepentingan ekuiti 100% dalam PNSB pada akhir tahun kewangan berakhir (“FYE”) 31 Disember 2014 (“31/12/2014”).
23 Mei 1996	Perjanjian Tambahan (PCCA)			
31 Disember 2004	Perjanjian Tambahan (PCCA)			
31 Disember 2004	Perjanjian Novasi (PCCA)	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, PNSB dan SYABAS	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai kepentingan ekuiti, masing-masing 100% dan 70% dalam PNSB dan SYABAS pada akhir FYE 31/12/2014.
22 Mac 1995	Perjanjian Pembinaan Merangkap Pengendalian (“CCOA”)	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan PNSB	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 100% kepentingan ekuiti dalam PNSB pada akhir FYE 31/12/2014.
31 Disember 2004	Perjanjian Tambahan (CCOA)			

Tarikh	Bentuk Kontrak	Pihak	Bayaran/Kaedah Penyelesaian	Hubungan dengan Pengarah/ Pemegang Saham Utama
15 Disember 2004	Perjanjian Konsesi	SYABAS, Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan Kerajaan Malaysia ("Kerajaan Persekutuan")	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 70% kepentingan ekuiti dalam SYABAS pada akhir FYE 31/12/2014.
31 Disember 2004	Perjanjian Konsesi Loji Pembersihan Air Wangsa Maju	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan PNSB	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 100% kepentingan ekuiti dalam PNSB pada akhir FYE 31/12/2014.
31 Disember 2004	Perjanjian Novasi (Perjanjian Konsesi Loji Pembersihan Air Wangsa Maju)	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, PNSB dan SYABAS	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai kepentingan ekuiti masing-masing 100% dan 70% dalam PNSB dan SYABAS pada akhir FYE 31/12/2014.
31 Disember 2004	Perjanjian Pemegang Saham	PNHB, Kumpulan Darul Ehsan Berhad ("KDEB") dan SYABAS	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 70% kepentingan ekuiti dalam SYABAS pada akhir FYE 31/12/2014.

Tarikh	Bentuk Kontrak	Pihak	Bayaran/Kaedah Penyelesaian	Hubungan dengan Pengarah/ Pemegang Saham Utama
23 Februari 2006	Perjanjian Langganan Berhubung Langganan Sehingga RM1.045 Bilion Nilai Nominal Saham Pinjaman Tidak Bercagar Kumulatif Boleh Tebus SYABAS (Redeemable Cumulative Unsecured Loan Stocks of SYABAS) ("RCULS") (Tiada Sekuriti) Butirannya dibentangkan dalam Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 pada muka surat 232 hingga 233 di dalam Laporan Tahunan ini.	PNHB, KDEB dan SYABAS	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 70% kepentingan ekuiti dalam SYABAS pada akhir FYE 31/12/2014.
8 Disember 2006	Perjanjian Langganan Berhubung Dengan Penerbitan RM435.0 Juta Nilai Nominal Bon Tidak Bercagar Boleh Tebus Kepada PNHB (Tujuan: untuk menyusun semula pinjaman antara syarikat) Butirannya dibentangkan dalam Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 pada muka surat 250 di dalam Laporan Tahunan ini.	PNSB (sebagai Penerbit), United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (sebagai Ejen Kemudahan dan Ejen Penerbit) dan PNHB	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 100% kepentingan ekuiti dalam PNSB pada akhir FYE 31/12/2014.

Tarikh	Bentuk Kontrak	Pihak	Bayaran/Kaedah Penyelesaian	Hubungan dengan Pengarah/ Pemegang Saham Utama
25 April 2007	Perjanjian Berkaitan Dengan Pemuliharaan dan Penaik Tarafan 26 Loji Pembersihan Air	PNSB dan SYABAS	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai kepentingan ekuiti, masing-masing 100% dan 70% dalam PNSB dan SYABAS pada akhir FYE 31/12/2014.
16 Ogos 2007	Perjanjian Operasi dan Penyenggaraan (Lanjutan) Loji Pembersihan Air Sungai Lolo	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan PNSB	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 100% kepentingan ekuiti dalam PNSB pada akhir FYE 31/12/2014.
16 Ogos 2007	Perjanjian Novasi Berkaitan Dengan Perjanjian Operasi dan Penyenggaraan (Lanjutan) Loji Pembersihan Air Sungai Lolo	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, PNSB dan SYABAS	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai kepentingan ekuiti, masing-masing 100% dan 70% dalam PNSB dan SYABAS pada akhir FYE 31/12/2014.
7 Mac 2008	Perjanjian Operasi dan Penyenggaraan (Lanjutan) Loji Pembersihan Air Sg Sireh	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan PNSB	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 100% kepentingan ekuiti dalam PNSB pada akhir FYE 31/12/2014

Tarikh	Bentuk Kontrak	Pihak	Bayaran/Kaedah Penyelesaian	Hubungan dengan Pengarah/ Pemegang Saham Utama
7 Mac 2008	Perjanjian Novasi Berkaitan Dengan Perjanjian Operasi dan Penyenggaraan (Lanjutan) Loji Pembersihan Air Sg Sireh	Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, PNSB dan SYABAS	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai kepentingan ekuiti, masing-masing 100% dan 70% dalam PNSB dan SYABAS pada akhir FYE 31/12/2014.
16 Disember 2009	Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berhubung dengan kemudahan pinjaman berjumlah RM320,800,000.00 sahaja). Butirannya dikemukakan dalam Nota (a) di bawah.	SYABAS (Peminjam) dan Kerajaan Persekutuan (Pemberi Pinjaman)	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 70% kepentingan ekuiti dalam SYABAS pada akhir FYE 31/12/2014.
17 Oktober 2011	Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berhubung dengan kemudahan pinjaman sebanyak RM110,000,000.00 sahaja). Surat Ikatan Penyerahan Hak Butirannya dikemukakan dalam Nota (b) di bawah.	SYABAS (Peminjam) dan Kerajaan Persekutuan Malaysia (Pemberi Pinjaman) SYABAS (sebagai Penyerah Hak) dan Kerajaan Persekutuan (sebagai Pemegang Serah Hak)	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 70% kepentingan ekuiti dalam SYABAS pada akhir FYE 31/12/2014.

Tarikh	Bentuk Kontrak	Pihak	Bayaran/Kaedah Penyelesaian	Hubungan dengan Pengarah/ Pemegang Saham Utama
29 Februari 2012	Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berkaitan dengan Kemudahan Pinjaman Bertempoh Bersindiket sebanyak USD36.0 juta). (Tujuan: untuk membayar balik pendahuluan pemegang saham sebanyak USD31.0 juta dan juga untuk modal kerja) Butirannya dibentangkan dalam Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 pada muka surat 250 hingga 251 di dalam Laporan Tahunan ini.	KGL Ltd. (Peminjam), OCBC Bank (Malaysia) Berhad dan Hong Leong Bank Berhad (Pemberi Pinjaman)	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 100% kepentingan ekuiti dalam Puncak Oil & Gas Sdn Bhd, syarikat induk KGL Ltd. pada akhir FYE 31/12/2014.
31 Julai 2012	Pembatalan Surat Ikatan untuk membatal dan menarik balik Perjanjian Tambahan Pemegang Saham bertarikh 20 Februari 2009.	PNHB, KDEB, SYABAS dan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 70% kepentingan ekuiti dalam SYABAS pada akhir FYE 31/12/2014.

Tarikh	Bentuk Kontrak	Pihak	Bayaran/Kaedah Penyelesaian	Hubungan dengan Pengarah/ Pemegang Saham Utama
28 Ogos 2013	Perjanjian Langganan Berhubung Dengan Penerbitan Sukuk Ijarah Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus Lima Tahun Sehingga RM165.0 Juta Dalam Nilai Nominal (Tujuan: Perolehan saham dalam syarikat Shariah patuhan yang dikenalpasti/ bayaran bagi kemudahan bank sedia-ada Kumpulan/untuk modal kerja/ pendahuluan kepada KGL Ltd. secara Shariah patuhan dan kaedah faedah bebas). Butirannya dibentangkan dalam Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 pada muka surat 251 hingga 252 di dalam Laporan Tahunan ini.	PNHB (Penerbit) dan Hong Leong Investment Bank Berhad (Pengatur Utama)	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine pada akhir FYE 31/12/2014.
21 Oktober 2013	Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berkaitan dengan kemudahan pinjaman sebanyak RM75.0 juta sahaja). Butirannya dikemukakan dalam Nota (c) dibawah.	SYABAS (Peminjam) dan Kerajaan Malaysia [diwakili oleh Kementerian Kewangan Malaysia (“MOF”)] (Pemberi Pinjaman)	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 70% kepentingan ekuiti dalam SYABAS pada akhir FYE 31/12/2014.
	Surat Ikatan Penyerahan Hak	SYABAS (sebagai Penyerah Hak) dan Kerajaan Malaysia (diwakili oleh MOF) (sebagai Pemegang Serah Hak)		
	Debentur	SYABAS dan Kerajaan Malaysia (diwakili oleh MOF)		

Tarikh	Bentuk Kontrak	Pihak	Bayaran/Kaedah Penyelesaian	Hubungan dengan Pengarah/ Pemegang Saham Utama
21 Oktober 2013	Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berkaitan dengan kemudahan pinjaman sebanyak RM76.0 juta sahaja). Butirannya dikemukakan dalam Nota (c) dibawah.	SYABAS (Peminjam) dan Kerajaan Malaysia (diwakili oleh MOF) (Pemberi Pinjaman)	Tidak Berkenaan	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 70% kepentingan ekuiti dalam SYABAS pada akhir FYE 31/12/2014.
	Surat Ikatan Penyerahan Hak	SYABAS (sebagai Penyerah Hak) dan Kerajaan Malaysia (diwakili oleh MOF) (sebagai Pemegang Serah Hak)		
	Debentur	SYABAS dan Kerajaan Malaysia (diwakili oleh MOF)		
31 Julai 2014	Perjanjian Berhubung Lesen Untuk Abstraksi Air Yang Dikeluarkan Oleh Lembaga Urus Air Selangor - Bernam River Headworks (Baru)	KDEB dan PNSB	Yuran Lesen (setiap Lesen) (a) Pendaftaran (jika ada) – RM75.00 (b) Abstraksi Air – RM100.00	TSRI adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan ekuiti anaknya dan 100% kepentingan ekuitinya dalam CPlus dan CLine. PNHB sebaliknya mempunyai 100% kepentingan ekuiti dalam PNSB pada akhir FYE 31/12/2014.

Nota untuk kontrak penting yang berkaitan dengan pinjaman:-

(a) Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berhubung dengan kemudahan pinjaman sebanyak RM320,800,000.00)

Tujuan Pinjaman	:	Bayaran untuk pembelian air daripada operator pembersih air iaitu PNSB, Konsortium ABASS Sdn Bhd dan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd.
Syarat untuk Bayaran Faedah dan Pembayaran Balik Pinjaman Pokok	:	Amaun Kemudahan perlu dibayar balik sepanjang enam belas (16) tahun bermula pada tahun kelima (ke-5) daripada penggunaan pinjaman pertama, iaitu tempoh rahmat selama empat (4) tahun.
Kadar Faedah	:	Faedah Ingkar: Lapan peratus (8.00%) setahun terhadap apa-apa lampau tempoh pembayaran balik amaun pokok.
Sekuriti	:	Tiada

(b) Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berhubung dengan kemudahan pinjaman sebanyak RM110,000,000.00)

Tujuan Pinjaman : Untuk membiayai kerja-kerja perbelanjaan modal berkenaan projek penggantian paip lama dan menaik taraf projek sistem bekalan air.

Syarat untuk Bayaran Faedah dan Pembayaran Balik Pinjaman Pokok : Amaun Kemudahan perlu dibayar balik selama lapan belas (18) tahun bermula pada tahun ketiga (ke-3) dari tarikh pengeluaran pinjaman pertama.

Tahun	RM setahun
2014 - 2019	550,000
2020 - 2023	1,100,000
2024 - 2027	1,650,000
2028	13,200,000
2029	22,000,000
2030	27,500,000
2031	33,000,000

Kadar Faedah :

1) Tiga peratus (3%) setahun.

2) Faedah Ingkar: Lima peratus (5.0%) setahun terhadap apa-apa lampau tempoh pembayaran balik amaun pokok.

Sekuriti : Surat Ikatan Penyerahan Hak bagi Akaun Pinjaman Khas dan baki kredit didalamnya.

(c) Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berhubung dengan kemudahan pinjaman sebanyak RM75.0 juta) dan Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berhubung dengan kemudahan pinjaman sebanyak RM76.0 juta)

Tujuan Pinjaman	:	Pinjaman Kerajaan hendaklah digunakan untuk tujuan berikut:- (i) Pinjaman Kerajaan RM75.0 juta Untuk membiayai kerja yang berkaitan dengan Program Meringankan Masalah Bekalan Air - projek penggantian paip lama dan paip yang kritikal di Selangor dan Kuala Lumpur di enam belas (16) kawasan kritikal di Selangor, Kuala Lumpur serta Putrajaya; dan (ii) Pinjaman Kerajaan RM76.0 juta Untuk membiayai kerja yang berkaitan dengan Program Meringankan Masalah Bekalan Air Fasa 2 bagi mengurangkan masalah kekurangan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.
Syarat untuk Bayaran Faedah dan Pembayaran Balik Pinjaman Pokok	:	Tempoh bermula pada tahun ketiga dari tarikh pengeluaran pertama dan tamat tangguh tujuh belas (17) tahun selepas itu.
Kadar Faedah	:	(1) Tiga peratus (3%) setahun dan hendaklah terakru dari Tarikh Berkuatkuasa dan kena bayar setiap tahun dengan tunggakan di mana faedah pertama kena bayar apabila tamatnya Tempoh Tangguh. Apa-apa Faedah yang belum berbayar hendaklah dipermodalkan dan membentuk sebahagian daripada Pinjaman belum lunas. Faedah hendaklah dikira atas dasar tiga ratus enam puluh lima (365) hari serta bilangan hari sebenar yang berlalu. (2) Faedah Ingkar: Lima peratus (5.0%) setahun semasa tempoh bermulanya pada tarikh jumlah atau jumlah-jumlah tersebut perlu dibayar sehingga tarikh atau tarikh-tarikh pembayaran sebenar. Faedah ingkar hendaklah dikira atas dasar tiga ratus enam puluh lima (365) hari serta bilangan hari sebenar yang berlalu.
Sekuriti	:	Sebagai sekuriti untuk pembayaran balik Pinjaman, SYABAS hendaklah menyediakan umpukan bagi semua jumlah, hak dan kepentingan yang ada kini dan pada masa depan terhadap semua wang yang berada pada kedudukan kredit dalam Akaun Pinjaman Khas dan Akaun Dana Terikat (seperti yang ditakrifkan dalam Perjanjian Kemudahan Pinjaman) menurut Surat Ikatan Penyerahan Hak serta debentur khusus terhadap Projek menurut Debentur yang dibuat untuk Kerajaan Persekutuan.

PENYATA USAHA NIAGA BERTERUSAN

Kecuali berlaku sebarang keadaan di luar jangka dan selepas melakukan kajian sewajarnya dan berpatutan terhadap hal ehwal Kumpulan, Lembaga Pengarah benar-benar percaya bahawa Kumpulan akan terus beroperasi sebagai sebuah usaha niaga berterusan pada masa depan yang boleh diramal.

Penyata Tadbir Urus Korporat ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah PNHB pada 6 April 2015.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO
DAN KAWALAN DALAMAN

PENGENALAN

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 menghendaki Lembaga Pengarah ("Lembaga") mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset-aset Kumpulan. Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pula mengkehendaki para Pengarah mendedahkan ciri-ciri utama sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman syarikat dalam laporan tahunan. Lembaga Pengarah dipandu oleh Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman: Garis Panduan bagi Pengarah Syarikat Senarai Awam ("Garis Panduan").

TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah Kumpulan Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") bertanggungjawab mengekalkan satu sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap dan mengkaji kemampuannya serta kewibawaannya agar ia dapat melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset-aset Kumpulan. Pihak Lembaga Pengarah telah memberi mandat kepada Pengurusan untuk melaksanakan sistem kawalan yang direka untuk mengenalpasti dan menguruskan risiko-risiko yang dihadapi oleh Kumpulan dalam usaha mencapai objektif perniagaannya. Sistem kawalan dalaman ini, secara hakikatnya, hanya dapat memberikan jaminan yang berpatutan dan bukan muktamad terhadap salahnyata atau kerugian ketara.

Lembaga Pengarah mengakui bahawa terdapat proses-proses yang berterusan untuk mengenalpasti, menilai, memantau dan menguruskan risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Kumpulan. Proses ini dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah PNHB melalui sebuah Jawatankuasa Lembaga khas iaitu, Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko yang memperuntukkan masanya untuk perbincangan mengenai perkara ini secara berkala pada sepanjang tahun.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan Risiko telah menjadi sebahagian penting sistem pengurusan Kumpulan dan merupakan tanggungjawab setiap kakitangannya. Pada bulan Oktober 2001, Lembaga Pengarah PNHB secara rasminya telah meluluskan struktur dan proses pengurusan risiko yang sistematik bagi Kumpulan. Sejak itu, struktur dan proses tersebut telah dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak Pengurusan dan kakitangan Kumpulan PNHB.

DASAR PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah PNHB telah meluluskan Penyata Dasar Pengurusan Risiko Kumpulan berikut:-

"Dasar Pengurusan Risiko Kumpulan PNHB adalah untuk mengenalpasti, mengukur dan mengawal risiko yang boleh menghalang Kumpulan daripada mencapai objektif-objektifnya.

Cabaran kami adalah untuk mengamalkan pengurusan risiko dalam semua bidang perniagaan kami bagi memastikan risiko perniagaan dapat dikurangkan dan peluang-peluang dipertingkatkan.

Kami akan mencapai, mengekalkan dan mengkaji satu sistem pengurusan risiko yang wajar yang dilaksanakan oleh Pengurusan dan mencakupi semua kakitangan Kumpulan. Inilah komitmen Lembaga Pengarah.

Penyata dasar ini memberikan tanggungjawab pengurusan risiko kepada semua kakitangan Kumpulan PNHB dan mengakui bahawa tanggungjawab korporat terletak pada Lembaga Pengarah Kumpulan PNHB."

JAWATANKUASA PEMATUHAN, KAWALAN DALAMAN DAN DASAR RISIKO ("CICR")

Penubuhan CICR telah dirasmikan oleh Lembaga Pengarah pada bulan Oktober 2001. Ahli-ahli CICR pada masa ini terdiri daripada:-

Pengerusi	:	YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
Ahli-ahli	:	Encik Danny Ng Wah Tar Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan Korporat
		Puan Tan Bee Lian Pengarah Eksekutif, Bahagian Perkhidmatan Korporat
		Puan Wong Ley Chan Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan
		Tuan Haji Sonari Solor Pengurus Besar Kanan, Jabatan Audit Dalaman
Setiausaha	:	Puan Johty Priyatharashani Pengurus Kanan, Jabatan Audit Dalaman

A) TERMA RUJUKAN CICR

CICR akan membantu Lembaga Pengarah PNHB dalam pelaksanaan tanggungjawab-tanggungjawab fidusiarinya yang berkaitan dengan perlindungan pelaburan para pemegang saham dan aset-aset Kumpulan melalui pendekatan Pengurusan Risiko yang berstruktur. Tanggungjawab-tanggungjawab utama CICR adalah:-

- Merumus strategi untuk mengurus keseluruhan risiko berkaitan aktiviti-aktiviti Kumpulan. Ia meliputi keputusan berhubung dengan:-
  - Strategi-strategi jangka panjang dan jangka pendek.
  - Peruntukan modal yang boleh dijustifikasikan berdasarkan pulangan bagi setiap unit risiko.
- Mengesyorkan dasar-dasar dan prosedur-prosedur pengurusan risiko bersesuaian yang akan dikaji secara kerap bagi memastikan ia selaras dengan perubahan penting ekonomi, keadaan pasaran dan peraturan.
- Mengkaji secara berkala keseluruhan objektif-objektif Kumpulan dengan menilai komposisi portfolio risiko semasa dan menentukan pendedahan yang dikehendaki bagi setiap bidang risiko utama.
- Memantau dan menilai komposisi portfolio risiko bagi aktiviti-aktiviti penting Kumpulan.
- Sentiasa mengikuti perkembangan terkini berhubung dengan teknik-teknik dan teori-teori pengurusan risiko dan sebarang kemungkinan perubahan atau perubahan yang benar berlaku dalam persekitaran peraturan, dan untuk mengesyorkan tindakan yang sewajarnya.

B) AKTIVITI-AKTIVITI CICR

MESYUARAT YANG DIADAKAN DAN ISU YANG DIBINCANGKAN

Pada tahun 2014, CICR telah mengadakan empat (4) mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh (Pengerusi CICR).

Dalam mesyuaratnya, CICR mengkaji secara terperinci Laporan-laporan Kemajuan yang disediakan oleh Seksyen Pengurusan Risiko, Jabatan Audit Dalaman. Isu-isu yang diliputi termasuk:-

1. Tahap kesediaan Kumpulan PNHB berhubung dengan keperluan "Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman".

2. Perkembangan perlaksanaan penilaian dan pemantauan risiko di peringkat Jabatan/Bahagian dan Seluruh Usahaniaga. Risiko utama, tindakan kawalan dan pengurusan dikemukakan untuk dibincangkan oleh CICR.

3. Penggunaan perisian Kad Skor Risiko Korporat Q-RADAR secara berkesan untuk mengenalpasti, mengukur dan memantau semua risiko korporat yang dikenalpasti di Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB"), Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS"), Sino Water Pte Ltd, Kumpulan Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG") dan Puncak Niaga Construction Sdn Bhd ("PNC").

4. Perkembangan Borang Penilaian Audit Sendiri yang dikemukakan oleh Jabatan-jabatan yang berkaitan di PNSB yang menyatakan sama ada kawalan dalaman utama telah dipatuhi.

5. Adalah menjadi amalan Pengerusi CICR dan/atau Ahli-ahli CICR untuk menjemput Ketua-Ketua Bahagian/Jabatan yang berkaitan untuk menghadiri Mesyuarat CICR, jika perlu. Pada tahun 2014, CICR telah menjemput Ketua Jabatan Insurans PNSB dan Pengurus, Jabatan Risiko dan Insurans GOM Resources Sdn Bhd untuk hadir di Mesyuarat CICR yang diadakan masing-masing pada 12 Februari 2014 dan 12 Ogos 2014.

   Setelah mengkaji kad skor risiko Jabatan Insurans, CICR mengambil keputusan untuk menolak skor kad tersebut kerana ia didapati tidak mengandungi butiran yang lengkap tentang kawalan yang bersesuaian dan diskripsi, sebab, akibat dan selang masa kawalan risiko. Ketua Jabatan Insurans diarahkan untuk mengkaji kad skor risiko tersebut dan membuat pindaan yang sewajarnya serta mengemukakan semula kad skor yang telah disemak semula pada suku tahun berikutnya di Mesyuarat CICR yang seterusnya, di mana ia telah diterima oleh CICR di Mesyuarat CICR pada 14 Mei 2014.

   Bagi GOM Resources Sdn Bhd, Mesyuarat CICR yang diadakan pada 12 Ogos 2014 telah mengarahkan mereka untuk menambahbaik kad skor risiko yang dilihat sebagai tidak lengkap di mana risiko dan kawalan tidak diberi penarafan yang sewajarnya dan dikehendaki mengemukakan semula kad skor yang telah disemak semula pada suku tahun berikutnya di Mesyuarat CICR yang seterusnya. Perkara ini telah dipatuhi dan CICR menerima kad skor yang disemak semula tersebut berserta perubahan kecil dalam Mesyuarat CICR pada 19 November 2014.

KUMPULAN KERJA KAD SKOR PENGURUSAN RISIKO ("RMSWG") DAN RISIKO SELURUH PERUSAHAAN

Kumpulan mengiktiraf bahawa Pengurusan Risiko melibatkan pendekatan yang tersusun dengan menggabungkan usaha kesemua fungsi di dalam Kumpulan, bagi mengurangkan kemungkinan dan kesan kerosakan yang tidak dijangka agar dapat menyumbang ke arah kecekapan yang lebih tinggi dan proses membuat keputusan yang lebih baik. Profil Risiko Seluruh Usahaniaga Kumpulan dikaji setiap tahun untuk mengambil kira perubahan-perubahan dalam persekitaran perniagaan, strategi dan aktiviti-aktiviti fungsi Kumpulan.

Perbincangan RMSWG telah diadakan di peringkat Kumpulan pada 7 Januari 2014 yang melibatkan semua Pengarah Eksekutif PNSB, Pengurusan Kanan PNSB, SYABAS dan Kumpulan POG untuk membincangkan tentang risiko yang diketengahkan oleh pelbagai sektor perniagaan dan menentukan Profil Risiko Seluruh Usahaniaga Kumpulan PNHB bagi tahun 2014.

Perbincangan RMSWG tersebut dikaji oleh CICR pada 12 Februari 2014. Kemudiannya, satu Kertas Lembaga Pengarah yang terperinci berkaitan "Risiko Seluruh Usahaniaga Utama yang Dihadapi oleh Kumpulan PNHB pada tahun 2014" bagi Kumpulan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada 27 Februari 2014.

Profil Risiko Seluruh Usahaniaga Kumpulan akan dinilai semula oleh RMSWG pada setiap tahun.

LAPORAN KAD SKOR RISIKO SUKU TAHUNAN (PNSB, SYABAS, SINO WATER PTE LTD, KUMPULAN POG DAN PNC)

Setiap Ketua Bahagian dan Ketua Jabatan PNSB, Pengarah Urusan Sino Water Pte Ltd, serta Pengurusan Kanan Kumpulan POG, SYABAS dan PNC bertanggungjawab menilai dan mengurus risiko syarikat masing-masing.

Perisian Kad Skor Risiko Korporat Q-RADAR digunakan oleh setiap Ketua Bahagian dan Ketua Jabatan PNSB, Pengarah Urusan Sino Water Pte Ltd, serta Pengurusan Kanan Kumpulan POG, SYABAS dan PNC untuk mengemukakan laporan terperinci kad skor risiko kepada Seksyen Pengurusan Risiko pada setiap suku tahun.

Seksyen Pengurusan Risiko menganalisis dan meringkaskan laporan-laporan kad skor risiko yang diterima untuk perbincangan selanjutnya oleh CICR.

PERISIAN KAD SKOR RISIKO KORPORAT Q-RADAR

Kumpulan PNHB menggunakan satu kaedah pengurusan risiko iaitu perisian Kad Skor Risiko Korporat ("CRS") Q-RADAR bagi mengenalpasti, mengukur dan menguruskan semua risiko korporat yang menjejaskan Kumpulan PNHB. Perisian CRS menawarkan satu pendekatan bersistematik kepada pengurusan risiko seluruh perusahaan yang dihadapi oleh syarikat dan membantu pihak Pengurusan Puncak Niaga untuk mencapai objektif korporat mereka. Perisian tersebut berasaskan web dan membolehkan para pengguna sah memantau risiko masing-masing secara atas talian ("on-line") dari mana-mana lokasi.

CRS turut memudahkan pelaksanaan satu modul Jaminan Digital Korporat yang memerlukan para Pemilik Kad Skor Risiko memberi pengesahan dan jaminan positif terhadap setiap risiko individu, keteguhan kawalan dan tindakan pengurusan. Status pengesahan dan jaminan ini dilaporkan kepada CICR setiap suku tahun.

Pada 31 Disember 2014, perisian CRS Q-RADAR mempunyai 137 pengguna sah yang meliputi 27 Jabatan/Bahagian termasuk SYABAS, Kumpulan POG, Sino Water Pte Ltd dan PNC. Sebanyak enam (6) sesi latihan dan program kesedaran perisian CRS Q-RADAR telah diadakan pada tahun 2014 yang melibatkan 14 pengguna.

SISTEM KAWALAN DALAMAN

Unsur-unsur penting sistem kawalan dalaman dan proses jaminan Kumpulan, antara lain, meliputi perkara-perkara berikut:-

- Semua keputusan penting memerlukan kelulusan daripada Lembaga/Jawatankuasa Eksekutif masing-masing dalam Kumpulan (PNHB/PNSB/SYABAS/Sino Water Pte Ltd/Kumpulan POG/PNC) dan kelulusan tersebut hanya akan dibuat selepas analisis terperinci dilaksanakan. Setiap Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Eksekutif menerima maklumat yang lengkap dan kerap yang meliputi Bahagian/Jabatan/Wilayah bagi setiap syarikat dalam Kumpulan.

- Semua Bahagian dan Jabatan PNSB dan Kumpulan POG mempunyai Manual Tatacara dan/atau Dasar yang didokumenkan dengan jelas, manakala SYABAS mempunyai Piawaian Prosedur Operasi dan/atau Dasar yang mengandungi tatacara kawalan dan skop-skop tanggungjawab serta kuasa. Manual Tatacara/Piawaian Prosedur Operasi/Dasar tersebut dikemaskini di mana perlu agar meliputi semua unsur yang perlu ada hasil daripada perubahan dalam perundangan, amalan terbaik industri dan dinamik perniagaan.

- Jabatan Audit Dalaman PNSB mengkaji secara bebas proses kawalan yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan mengikut Pelan Audit Tahunan dan melaporkan mengenai penemuannya serta saranannya kepada Jawatankuasa Audit PNHB sebanyak lima (5) kali pada tahun 2014. Tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab Jawatankuasa Audit PNHB dibentangkan secara terperinci dalam Terma-terma Rujukan Jawatankuasa Audit PNHB. Jawatankuasa Audit, menurut pertimbangan yang diberikan oleh Laporan Audit Dalaman dan Luaran, mampu menilai keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman, untuk membentangkan penemuannya kepada Lembaga Pengarah.

- Jabatan Audit Dalaman Kumpulan POG melaporkan secara berkala mengenai penemuannya dan saranannya mengenai bahagian minyak dan gas kepada Jawatankuasa Audit PNHB.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO
DAN KAWALAN DALAMAN

- Lembaga Pengarah SYABAS telah membentuk sebuah Jawatankuasa Audit yang memiliki Terma-terma Rujukan tersendiri pada 3 Ogos 2007 dan telah dikemaskinikan pada 31 Januari 2013. Jabatan Audit Dalaman SYABAS turut mengemukakan satu salinan Laporan Audit Dalamannya kepada Pengerusi Eksekutif, dan ringkasan Laporan Status berkaitan aktiviti-aktivitinya dikemukakan kepada Pengurusan SYABAS pada setiap bulan.

- Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko yang dipengerusikan oleh YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh, seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif PNHB, telah dibentuk pada bulan Oktober 2001. Jawatankuasa ini memantau secara teliti proses Pengurusan Risiko di dalam Kumpulan dan tahap pematuhannya terhadap keperluan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman.

- Jawatankuasa Tender dan Kontrak PNSB/Kumpulan POG/PNC serta Jawatankuasa Tender SYABAS memastikan perletakan harga yang telus dan berdaya saing dalam penganugerahan kontrak-kontrak di dalam Kumpulan.

- Satu proses belanjawan terperinci telah diwujudkan bagi PNSB, SYABAS, Sino Water dan Kumpulan POG yang memerlukan agar semua Bahagian/Jabatan/Wilayah menyediakan belanjawan tahunan masing-masing. Belanjawan tersebut dikaji dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Eksekutif masing-masing sebelum dilaksanakan pada setiap tahun. Pemantauan prestasi sebenar berbanding dengan belanjawan bagi PNSB, SYABAS, Sino Water Pte Ltd dan Kumpulan POG, dengan susulan perbezaan besar dibuat pada setiap bulan, dan Pihak Pengurusan mengambil tindakan untuk memperkemaskinikan sebarang kelemahan, jika perlu.

- PNSB, SYABAS, Sino Water Pte Ltd, Kumpulan POG dan PNC mempunyai Had-had Kuasa sendiri yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Eksekutif masing-masing.

- Borang Audit Penilaian Sendiri (yang menyenaraikan kawalan dalaman utama) telah diwujudkan secara dalaman untuk Jabatan-jabatan PNSB yang berkaitan. Jabatan tersebut dikehendaki mengemukakan pengisytiharan suku tahunan kepada Jabatan Audit Dalaman bagi mengisytiharkan sama ada semua kawalan dalaman utama telah dipatuhi. Berkuatkuasa mulai suku tahun berakhir 30 September 2012, Borang Audit Penilaian Sendiri telah diserahkan dan dipantau secara "online" melalui Sistem Pemantauan Audit. Keistimewaan Borang Audit Penilaian Sendiri adalah ia memerlukan jaminan bertulis daripada peringkat operasi hingga kepada Ketua Bahagian. Bagi tahun 2014, kira-kira 86.5% kawalan dalaman penting yang diisytiharkan dalam Borang Audit Penilaian Sendiri mematuhi Prosedur Operasi Piawaian (SOP) Syarikat dan Peraturan yang diguna pakai. Baki sebanyak 13.5% telah dinilai sendiri sebagai tidak berkenaan dengan bidang-bidang operasi tertentu bagi suku tahunan yang bersepadan pada tahun 2014.

- Jabatan Audit Dalaman menjalankan audit untuk pengisytiharan yang dilakukan dalam Borang Audit Penilaian Sendiri.

- Program latihan telah dijalankan secara dalaman dan luaran bagi para Pengarah, Pengurusan Kanan dan kakitangan PNHB. Pada 21 Ogos 2014, para Pengarah dan Pengurusan Kanan PNHB serta subsidiarinya telah menghadiri sebuah program latihan bertajuk "Mengesan, Mencegah & Melaporkan Penipuan dan Penyelewengan Kewangan" yang dikendalikan oleh Encik Boey Tak Kong, seorang jurulatih luar.

- Semua Ketua Bahagian dikehendaki memberi jaminan bertulis (Penyata Jaminan) dalam Laporan Audit Dalaman yang menyatakan bahawa semua isu-isu yang diketengahkan akan diperbetulkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Audit susulan turut dijalankan antara tiga (3) bulan hingga setahun setelah semakan akhir audit, dan Jabatan Audit Dalaman memaklumi bahawa 81.7% daripada isu-isu yang diketengahkan telah diperbetulkan oleh pihak yang diaudit.

PENILAIAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan bagi tahun di bawah tinjauan dan pada tarikh penyata ini disediakan berada dalam keadaan yang mantap dan memadai untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan asset-aset Kumpulan.

Lembaga Pengarah telah menerima jaminan daripada Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif/ Pemangku Presiden/Pengarah Eksekutif Kewangan/Naib Presiden Kewangan/Ketua Bahagian Perkhidmatan Korporat setiap syarikat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan telah beroperasi dengan memuaskan dan berkesan di syarikat-syarikat operasi masing-masing.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini telah disediakan selaras dengan Garis Panduan dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah PNHB.

KAJIAN JURUAUDIT LUAR TERHADAP PENYATA

Juruaudit luar telah mengkaji Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini menurut skop yang ditetapkan dalam Panduan Amalan yang Disarankan ("RPG") 5 (Semakan), Panduan untuk Juruaudit berkenaan Penglibatan dalam Laporan mengenai Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia ("MIA") untuk dirangkumkan ke dalam laporan tahunan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 dan melaporkan kepada Lembaga bahawa tiada apa-apa yang disampaikan ke pengetahuan mereka untuk menyebabkan mereka percaya bahawa penyata tersebut bermaksud untuk dimasukkan ke dalam laporan tahunan Kumpulan, dari segala aspek penting:

(a) tidak disediakan selaras dengan pendedahan yang diperlukan oleh perenggan 41 dan 42 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan bagi Pengarah Syarikat Senarai Awam, atau

(b) tidak tepat dari segi faktanya.

RPG 5 (Semakan) tidak memerlukan juruaudit luar mempertimbangkan sama ada Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman para Pengarah mencakupi semua risiko dan kawalan, atau membentuk pendapat tentang kemampuan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan, termasuk penilaian dan pendapat Lembaga Pengarah serta pihak Pengurusan mengenainya. Juruaudit juga tidak perlu mempertimbangkan sama ada proses yang dihuraikan untuk mengendalikan aspek penting kawalan dalaman bagi apa-apa masalah penting yang didedahkan dalam laporan tahunan akan, malah, menyelesaikan masalah tesebut.

Untuk dan bagi pihak Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad

TAN SRI DATO' SERI DR TING CHEW PEH
Pengerusi
Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko

6 April 2015

LAPORAN
JAWATANKUASA AUDIT

Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan 2014.

1. KEAHLIAN DAN MESYUARAT

Jawatankuasa Audit terdiri daripada ahli-ahli berikut dan butiran kehadiran setiap ahli di Mesyuarat Jawatankuasa Audit yang diadakan sepanjang tahun kewangan 2014 adalah seperti berikut:

KOMPOSISI JAWATANKUASA	BILANGAN MESYUARAT DIADAKAN	BILANGAN MESYUARAT DIHADIRI	PERATUS (%)
YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5	5	100
YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5	5	100
YAM Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud Ahli/Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	5	4	80
YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5	5	100

Pengarah Eksekutif (Bahagian Kewangan), Pengurus Besar Kanan (Jabatan Audit Dalaman), Pengarah Eksekutif (Jabatan Operasi & Penyelenggaraan) dan ahli-ahli Pengurusan Kanan lain telah menghadiri mesyuarat-mesyuarat ini atas jemputan Pengerusi Jawatankuasa Audit. Juruaudit luar Kumpulan turut dijemput menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Audit apabila perkara-perkara yang berkaitan dengan audit akaun-akaun berkanun, keputusan kewangan suku tahunan dan/atau berkaitan juruaudit luar akan dibincangkan. Setiausaha-setiausaha Syarikat, Puan Tan Bee Lian dan Puan Lim Yew Heang merupakan Setiausaha-setiausaha Jawatankuasa Audit.

2. RINGKASAN AKTIVITI

Pada tahun kewangan 2014, Jawatankuasa Audit telah menjalankan tugas-tugasnya seperti yang dinyatakan dalam Terma-terma Rujukan Jawatankuasa Audit PNHB. Aktiviti utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit pada tahun kewangan ini merangkumi perkara berikut:-

Keputusan Kewangan

- Mengkaji keputusan kewangan Kumpulan tidak beraudit bagi suku tahunan dan tahunan sehingga kini sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan dan diluluskan.

- Mengkaji laporan dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi Syarikat dan Kumpulan bersama-sama dengan juruaudit luar sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.

- Kumpulan PNHB telah menerima pakai sepenuhnya dasar-dasar perakaunan dan kaedah pengiraan selaras dengan semua Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang berkaitan mulai 1 Januari 2014. Terima pakai piawaian dan interpretasi ini tidak mendatangkan kesan ketara terhadap penyata kewangan kecuali bagi MFRS 10 (Penyata Kewangan Disatukan) ("MFRS 10") yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2013 apabila SYABAS dipisahkan daripada Kumpulan.

- Membincangkan isu-isu kewangan penting yang mempengaruhi Kumpulan, iaitu:
    - Penyesuaian akaun-akaun bank GOM Resources Sdn Bhd ("GOM Resources"). Hasilnya, pada 31 Januari 2014, semua akaun bank pada 31 Disember 2013 telah disesuaikan dengan sewajarnya.
    - Pengolahan pemisahan Akaun Kumpulan PNHB selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia 11 ("MFRS 11") di mana SYABAS telah dikelaskan sebagai sebuah syarikat usaha sama Kumpulan selaras dengan Piawaian.
    - Hasil daripada pembinaan telah terlebih pengiktirafan pada tahun 2013 memandangkan projek tersebut hanya 94% siap pada akhir tahun. Pihak Pengurusan bersetuju bahawa semua hasil yang relevan dan kos yang berkaitan akan diiktirafkan pada tahun 2014.
    - Hasil belum dibil bagi GOM Resources pada 31 Disember 2013 adalah berjumlah RM184.3 juta di mana Jawatankuasa Audit telah mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk meluluskan agar Petunjuk Prestasi Utama ("KPI") ditetapkan bagi GOM Resources untuk mengurangkan peratusan baki hasil belum dibil daripada 40% kepada 20% menjelang bulan Jun 2014. Pada Mesyuarat Jawatankuasa Audit ke-85 yang diadakan pada 21 Ogos 2014, Jawatankuasa Audit memaklumi bahawa jumlah tersebut telah dikurangkan kepada RM39.3 juta atau 9% daripada jumlah hasil tahun 2013.
    - Perbincangan berhubung dengan hak SYABAS bagi pelarasan tarif mulai 1 Januari 2006 yang telah dirujuk kepada mahkamah untuk diputuskan di mana Pengurusan SYABAS telah bersetuju dengan Juruaudit Luar untuk mengiktiraf pampasan tarif tersebut dan mendedahkannya sebagai liabiliti luar jangka.
    - Perbincangan berhubung kesan catuan air pada bulan Februari 2014 dan Mac 2014 disebabkan paras empangan yang rendah dan taburan hujan yang rendah ke atas hasil SYABAS bagi suku tahun kedua 2014.

Audit Luar

- Mengkaji bidang kerja dan rancangan audit juruaudit luar bagi tahun ini dan mengemukakan saranan berkenaan pelantikan dan upah mereka kepada Lembaga Pengarah.
- Mengkaji dan membincangkan laporan audit juruaudit luar dan hal-hal yang memerlukan perhatian dalam surat pengurusan, termasuk maklum balas pihak pengurusan berkaitan hal-hal yang dibangkitkan oleh juruaudit luar.
- Membincangkan tentang isu-isu perakaunan dan pengauditan penting, kesan perubahan piawaian perakaunan dan keperluan penguatkuasaan baharu atau yang dicadangkan.
- Bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan.
- Setelah diberi taklimat oleh Juruaudit Luar, Tetuan KPMG pada Mesyuarat Jawatankuasa Audit ke-82 yang diadakan pada 27 Februari 2014, Jawatankuasa Audit telah berpuas hati bahawa keperluan di bawah Prinsip 5.2 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (Dasar dan Prosedur Menilai Kesesuaian dan Kebebasan Juruaudit Luar) telah pun dipatuhi.

Audit Dalaman

- Mengkaji Rancangan Audit Dalaman, program keperluan sumber Audit Dalaman bagi tahun ini serta menilai prestasi Jabatan Audit Dalaman.
- Pasukan Audit Dalaman Kumpulan dianggotai oleh para profesional yang cekap daripada pelbagai bidang, iaitu Perakaunan, Kejuruteraan dan Teknlogi Maklumat dengan pengalaman yang luas dalam bidang kerja berkaitan dan audit dalaman.
- Mengkaji laporan Audit Dalaman yang mengetengahkan isu-isu audit, saranan dan maklum balas pihak Pengurusan serta mengarahkan tindakan yang perlu diambil oleh pihak Pengurusan bagi memperbetulkan dan menambahbaikkan sistem kawalan dalaman.

- Bagi bidang-bidang kritikal, Jawatankuasa Audit menjemput Ketua-ketua Bahagian dan/atau Ketua-ketua syarikat subsidiari yang berkaitan untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Audit. Ketua Bahagian Operasi dan Penyelenggaraan PNSB menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Audit dari semasa ke semasa untuk menerangkan berhubung penemuan yang dilaporkan oleh Juruaudit Dalaman.

- Memantau perlaksanaan yang disarankan oleh Jabatan Audit Dalaman yang timbul daripada auditnya untuk mendapatkan jaminan bahawa semua risiko penting dan hal-hal yang berkaitan dengan kawalan telah ditangani sepenuhnya.

Urus Niaga Pihak Berkaitan

Mengkaji semua urus niaga pihak berkaitan yang telah dimeterai oleh Syarikat dan Kumpulan.

3. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB")/Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB")

PNHB/PNSB telah menubuhkan Jabatan Audit Dalaman bebas yang melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Audit. Jabatan Audit Dalaman membantu Jawatankuasa Audit melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Tanggungjawab utama Jabatan Audit Dalaman adalah untuk menyediakan jaminan bebas berhubung kecukupan serta keberkesanan pengurusan risiko, tadbir urus dan kawalan dalaman.

Jabatan Audit Dalaman memfokus kepada kajian yang kerap dan sistematik dan telah menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, sistem maklumat pengurusan serta pematuhan dengan prosedur yang telah ditetapkan termasuk sistem bagi pematuhan dengan undang-undang, penguatkuasaan, peraturan, arahan dan garis panduan yang berkenaan.

Rancangan Audit Dalaman Tahunan 2014 Jabatan Audit Dalaman (yang disusun berdasarkan pendekatan berasaskan risiko), telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit pada Mesyuarat Jawatankuasa Audit Syarikat ke-81 yang diadakan pada 28 November 2013. Laporan Audit Dalaman yang mengetengahkan kelemahan kawalan dalaman telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Audit dan saranan yang dikemukakan telah diambil tindakan sewajarnya oleh pihak Pengurusan.

Pada tahun 2014, Jabatan Audit Dalaman telah menyempurnakan 71 tugasan audit meliputi semua Loji Pembersihan Air ("LPA"), Kumpulan POG, Operasi, audit IT dan tugasan tidak berjadual yang diminta oleh pihak Pengurusan Kanan. Semua audit telah dijalankan secara dalaman. Pada tahun ini, pelbagai isu penyelenggaraan dan penyenggaraan di LPA telah diketengahkan dalam Laporan Audit Dalaman. Ketua Bahagian Operasi dan Penyelenggaraan PNSB telah dijemput menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk menjelas dan menerangkan kepada Jawatankuasa Audit mengenai tindakan yang telah diambil untuk memperbetulkan isu-isu audit yang diketengahkan dalam Laporan Audit Dalaman tersebut. Jawatankuasa Audit mendapati adanya peningkatan yang terhasil dalam bidang-bidang tersebut.

Satu lagi isu yang diketengahkan adalah berkenaan pelupusan enap cemar yang kini masih belum mematuhi Akta Kualiti Alam Sekitar 1974. Ini adalah kerana isu tersebut masih menanti kelulusan daripada Kerajaan Negeri Selangor berhubung tapak pelupusan dan PNSB telah pun menerima notis bertulis daripada Kerajaan Negeri Selangor bahawa perkara tersebut telah ditangguhkan sementara menanti penstrukturan semula industri air Selangor.

Bidang-bidang penting lain yang telah diaudit termasuk Ketersediaan Pelan Pemulihan Bencana Teknologi Maklumat (IT), Kawalan Dalaman bagi Inventori Perisian, Insurans, Kecukupan Dokumen Sokongan Sebelum Pengeluaran Bayaran, Proses Akhir Kontrak bagi Projek di Sarawak, Pusat & Jawatankuasa Pengurusan Krisis & Aset Tetap.

Peranan Jabatan Audit Dalaman berhubung rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan diterangkan dalam Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman yang dibentangkan di muka surat 150 hingga 155 dalam Laporan Tahunan ini.

Jumlah kos yang ditanggung oleh Jabatan Audit Dalaman berkaitan pelaksanaan fungsi audit dalaman PNHB/PNSB sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 adalah sebanyak kira-kira RM2.3 juta.

SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD ("SYABAS")

Berikutan operasi pengagihan air yang rumit dan berbeza dengan operasi pembersihan air PNSB, Lembaga Pengarah SYABAS secara rasminya telah meratifikasikan pembentukan Jabatan Audit Dalamannya pada 1 September 2006 dan sebuah Jawatankuasa Audit yang mempunyai Terma-terma Rujukannya yang tersendiri telah dibentuk pada 3 Ogos 2007 dan disemak semula serta dikemaskini pada 31 Januari 2013.

Di SYABAS, penekanan dalam audit yang dilaksanakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 adalah untuk menentukan tahap pematuhan terhadap prosedur dan garis panduan SYABAS, serta terhadap Undang-undang dan Peraturan Pihak Berkuasa dan Perjanjian Konsesi. Audit yang dijalankan oleh Jabatan Audit Dalaman SYABAS meliputi kajian ke atas operasi SCADA, kajian terhadap Meter EM (Pemasangan & Pengebilan), kajian terhadap proses penukaran daripada meter pukal kepada meter individu, kajian terhadap rawatan pesakit luar & kemasukan ke hospital serta tuntutan perubatan, kajian ke atas prosedur pengurusan kutipan melalui iPOS dan kajian ke atas "PUSPEL Call Logging System" (PIVOTAL).

Jabatan Audit Dalaman di SYABAS telah menjalankan sebanyak 85 tugasan pada tahun 2014 dengan kos sebanyak kira-kira RM1.8 juta.

Kumpulan Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG")

Jabatan Audit Dalaman Kumpulan POG terdiri daripada seorang (1) Pengurus Kanan dan seorang (1) Eksekutif. Aktiviti audit diselia oleh Pengurus Besar Kanan, Jabatan Audit Dalaman, PNSB dan semua laporan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit PNHB.

Berikutan penstrukturan semula dalaman Kumpulan POG, Ketua Jabatan Audit Dalaman Kumpulan POG telah dipindahkan ke jabatan lain pada bulan Julai 2014. Jawatan tersebut kekal kosong pada akhir tahun 2014. Kumpulan POG sedang dalam proses mengambil calon yang sesuai untuk menerajui Jabatan Audit Dalamannya.

Sepanjang tahun ini, sebanyak 5 audit telah disempurnakan dan kos yang ditanggung oleh Jabatan Audit Dalaman Kumpulan POG berkaitan pelaksanaan fungsi audit dalaman Kumpulan POG pada tahun ini adalah sebanyak kira-kira RM323,061.00

4. TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA AUDIT

Terma Rujukan ("TOR") Jawatankuasa Audit boleh dirujuk di muka surat 160 hingga 163 dalam Laporan Tahunan 2014 yang turut dimuat naik di laman web PNHB, *www.puncakniaga.com.my* di bawah pautan Perhubungan Pelabur - Laporan Tahunan.

A. Komposisi

Pihak Lembaga Pengarah hendaklah melantik Jawatankuasa Audit daripada kalangan mereka (menurut satu resolusi Lembaga Pengarah), yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang Pengarah yang memenuhi syarat-syarat berikut:

i Semua ahli Jawatankuasa Audit mestilah merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat (dan tidak termasuk Pengarah Gantian) dengan majoriti daripada mereka adalah Pengarah-pengarah Bebas; dan

ii Sekurang-kurangnya seorang (1) ahli Jawatankuasa Audit:

a. mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia;
b. jika beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau mestilah mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun dan:

1. beliau mestilah telah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
2. beliau mestilah merupakan ahli salah sebuah persatuan akauntan seperti yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
3. memenuhi keperluan-keperluan lain sebagaimana yang telah digariskan atau diluluskan oleh Bursa.

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah melantik seorang Pengerusi dari kalangan mereka yang seharusnya merupakan seorang Pengarah Bebas. Pengerusi berkenaan, sebaik-baiknya merupakan seorang yang berkaliber, berpengetahuan dan berpengalaman dalam urusan laporan kewangan, memiliki kebolehan memimpin yang baik dan bersungguh-sungguh untuk memastikan laporan dan kawalan kewangan disediakan dengan betul.

Pengerusi Jawatankuasa Audit akan sentiasa berhubungan dengan Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan Syarikat serta juruaudit luar supaya sentiasa maklum akan perkembangan perkara-perkara yang berkaitan dengan Syarikat. Kesemua ahli Jawatankuasa Audit perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan.

Jika bilangan ahli Jawatankuasa Audit, atas sebarang sebab, menjadi kurang daripada tiga (3) orang, Lembaga Pengarah hendaklah dalam tempoh tiga (3) bulan dari peristiwa tersebut, melantik ahli-ahli baru menurut bilangan yang diperlukan untuk memenuhi bilangan minimum ahli iaitu seramai tiga (3) orang.

B. Tugas Dan Tanggungjawab

Bagi mencapai objektif utamanya, Jawatankuasa Audit perlu menjalankan tugas dan tanggungjawab berikut:

B.1 Menyelia Semua Perkara Berkaitan Audit Luar Dan Dalaman

i Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat dengan juruaudit luar sebelum audit tahunan dimulakan untuk mengkaji dan membincangkan:

- Rancangan Audit Tahunan dengan juruaudit luar, termasuk berhubung skop, bentuk dan bidang-bidang audit Kumpulan.

- Tahap sebarang pergantungan terhadap kerja juruaudit dalaman yang dirancang dan kesan jangkaan daripada pergantungan tersebut ke atas pemeriksaan.

- Sebarang masalah perakaunan dan pengauditan penting yang boleh diramal oleh juruaudit dan kesan daripada sebarang perubahan piawaian perakaunan atau keperluan penguatkuasaan peraturan yang baru atau dicadangkan ke atas penyata kewangan.

Berikutan kajiannya terhadap rancangan tersebut, Jawatankuasa Audit boleh meminta juruaudit luar untuk menjalankan kerja audit tambahan ke atas bidang-bidang tertentu yang menjadi perhatian Jawatankuasa. Dasar-dasar dan prosedur-prosedur yang jelas perlu diwujudkan dan dipatuhi bagi memastikan kebebasan juruaudit luar tidak terjejas oleh peruntukan perkhidmatan bukan audit kepada Syarikat.

ii Menyelia Jabatan Audit Dalaman. Dalam menyelia Jabatan Audit Dalaman, Jawatankuasa Audit akan:

- Mengkaji program, skop, prestasi dan penemuan audit juruaudit dalaman.

- Memantau pelaksanaan program tersebut supaya liputan audit dalaman yang dibuat adalah mencukupi.

- Menilai kapasiti Jabatan Audit Dalaman untuk menunaikan tanggungjawabnya dengan mempertimbangkan, antara lain, kecukupan bidang kuasa Jabatan tersebut seperti yang dinyatakan dalam piagam Jabatan, daya saing, kelayakan dan tahap pengalaman kakitangannya, tahap kebebasan juruaudit dalaman daripada aktiviti-aktiviti yang diaudit dan laporan hubungan antara Ketua Audit Dalaman dan pihak Pengurusan Kanan.

- Mengkaji sebarang taksiran atau penilaian prestasi kakitangan Jabatan Audit Dalaman dan meluluskan sebarang pelantikan atau pemecatan Ketua Jabatan Audit Dalaman.

iii Mengkaji bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh para pegawai Syarikat kepada juruaudit luar dan dalaman.

iv Mempertimbangkan pelantikan, yuran audit dan sebarang persoalan berhubung peletakan jawatan atau pemecatan juruaudit luar.

v Juruaudit luar dan/atau dalaman berhak untuk tampil dan menyuarakan pendapat dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Audit dan harus bersedia berjumpa dengan Jawatankuasa Audit apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Jawatankuasa Audit.

vi Atas permintaan juruaudit luar dan/atau dalaman, Pengerusi Jawatankuasa Audit hendaklah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa untuk mempertimbangkan sebarang perkara yang dipercayai oleh juruaudit, perlu dibawa kepada perhatian Jawatankuasa.

vii Jawatankuasa Audit boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan/atau dalaman tanpa kehadiran mana-mana Pengarah dan pekerja Syarikat sekiranya difikirkan perlu.

B.2 Menilai Piawaian Kawalan Dalaman dan Laporan Kewangan

i. Mengadakan perbincangan khusus dengan Pengurusan Korporat Kanan untuk membincangkan kemampuan keseluruhan sistem kawalan dalaman.

ii. Bermesyuarat dengan juruaudit dalaman dan luar berkaitan penilaian mereka terhadap sistem kawalan perakaunan dalaman.

iii. Mempertimbangkan bentuk dan kecenderungan ulasan berkaitan yang terkandung dalam laporan yang disediakan oleh juruaudit dalaman dan dalam surat pengurusan juruaudit luar.

B.3 Mengkaji Penyata Kewangan

i. Bermesyuarat dengan pihak Pengurusan dan juruaudit luar untuk membincangkan tentang penyata kewangan tahunan Syarikat atau Kumpulan serta keputusan audit sebelum disarankan untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

ii. Mengkaji perubahan atau pelaksanaan perubahan dasar perakaunan utama, bentuk dan resolusi sebarang masalah perakaunan dan pengauditan ketara yang ditemui semasa pemeriksaan.

iii. Adalah menjadi satu amalan yang baik bagi Jawatankuasa Audit untuk bertemu dengan pihak Pengurusan dari semasa ke semasa bagi mengkaji keputusan Syarikat dan Kumpulan, seperti kajian keputusan kewangan suku tahunan.

iv. Mengkaji bentuk sebarang urus niaga dengan pihak berkaitan dan keadaan konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan termasuk sebarang urus niaga, prosedur atau tatacara kendalian yang menimbulkan persoalan terhadap kewibawaan pihak Pengurusan.

v. Mengkaji bentuk sebarang pelarasan penting dan peristiwa luar biasa, pengkelasan semula atau pendedahan tambahan yang dicadangkan oleh juruaudit luar yang penting pada masa ini atau mungkin menjadi penting pada masa akan datang.

vi. Mengkaji kecukupan pendedahan tentang kesan sebarang perubahan sepanjang tahun ini dalam dasar perakaunan, piawaian dan/atau keperluan penguatkuasaan peraturan.

vii. Mengkaji sebab-sebab yang menyebabkan perbezaan besar dalam baki penyata kewangan bagi tahun semasa berbanding tahun-tahun sebelumnya.

viii. Mengkaji sebarang keadaan dan situasi luar biasa yang ditampilkan dalam penyata kewangan termasuk mengenal pasti sebarang operasi marginal.

ix. Mengkaji sebarang bentuk komitmen luar biasa atau penting atau liabiliti-liabiliti luar jangka.

x. Mengkaji sebarang perbezaan besar antara laporan tahunan dan laporan-laporan lain, seperti laporan kepada agensi penguatkuasan peraturan.

xi. Mengkaji sebarang perbezaan ketara dari segi format atau pendedahan berbanding kelaziman dalam industri.

B.4 Tugas dan Tanggungjawab Tambahan

i. Bertindak atas permintaan Lembaga Pengarah untuk menyiasat dan melaporkan sebarang isu atau kemusykilan berkaitan pengurusan Syarikat.

ii. Fungsi-fungsi lain sebagaimana yang mungkin dipersetujui oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

C. Akses Kepada Rekod

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka, pada dasarnya, Jawatankuasa Audit mempunyai akses penuh, bebas dan tanpa batasan kepada semua rekod, harta benda dan kakitangan Syarikat.

D. Mesyuarat dan Minit

i. Adalah menjadi amalan yang baik bagi Jawatankuasa Audit untuk mengadakan sekurang-kurangnya empat (4) mesyuarat setahun, walaupun mesyuarat tambahan boleh diadakan pada bila-bila masa atas budi bicara Pengerusi.

ii. Selain daripada ahli Jawatankuasa, Pengarah Eksekutif Bahagian Kewangan dan Ketua Jabatan Audit Dalaman biasanya akan menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit. Wakil juruaudit luar dikehendaki menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit apabila perkara-perkara yang berkaitan dengan audit akaun berkanun dan/atau berkaitan juruaudit luar akan dibincangkan.

iii. Ketua Pegawai Eksekutif, Ahli Lembaga Pengarah yang lain dan/atau para pegawai lain yang berkaitan boleh dijemput hadir, kecuali bagi bahagian-bahagian tertentu dalam mesyuarat tersebut di mana kehadiran mereka dianggap tidak wajar, sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi Jawatankuasa.

iv. Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran para Pengarah Eksekutif sekurang-kurangnya dua kali setahun.

v. Minit bagi setiap mesyuarat hendaklah disimpan dan diedarkan kepada setiap ahli Jawatankuasa serta kepada ahli Lembaga Pengarah. Pengerusi Jawatankuasa hendaklah melaporkan setiap mesyuarat kepada Lembaga Pengarah. Setiausaha-setiausaha Jawatankuasa Audit hendaklah disandang oleh Setiausaha-setiausaha Syarikat.

DASAR PENDEDAHAN **KORPORAT**

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, Puncak Niaga komited sepenuhnya untuk mendukung piawaian ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti yang tertinggi dalam pendedahan semua maklumat penting Syarikat kepada masyarakat pelabur dengan secara tepat, jelas, lengkap dan menepati masa menurut keperluan pendedahan korporat, seperti mana yang ditetapkan oleh Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") untuk Pasaran Utama.

Objektif utama Dasar Pendedahan Korporat Puncak Niaga adalah:-

1. Untuk menggalakkan dan mengekalkan integriti pasaran dan keyakinan pelabur.

2. Untuk memberikan akses yang sama rata ke atas maklumat-maklumat penting Syarikat secara tepat, jelas, menepati masa dan lengkap dan mengelakkan berlakunya pendedahan secara berpilih-pilih terhadap masyarakat pelabur.

3. Untuk melaksanakan usaha wajar supaya maklumat yang disebarkan kepada masyarakat pelabur, sebaik mungkin adalah tepat, jelas, menepati masa dan lengkap.

4. Untuk mengadakan tatacara pengurusan maklumat yang cekap ke arah menggalakkan kebertanggungjawaban dalam penyebaran maklumat penting kepada masyarakat pelabur.

5. Untuk menjalinkan hubungan baik dengan masyarakat pelabur berdasarkan kepada prinsip-prinsip amanah, kejujuran, keterbukaan, ketelusan dan kefahaman yang mendalam terhadap Syarikat.

Untuk mencapai objektif-objektifnya, Syarikat akan berusaha melaksanakan perkara-perkara berikut:

1. MEWUJUDKAN DASAR DAN TATACARA

- Memastikan dasar dan tatacara bertulis Syarikat ("Dasar dan Tatacara Pendedahan Korporat Puncak Niaga") yang merangkumi Dasar Pendedahan Korporat dan keperluan-keperluan lain yang berkaitan dengan pendedahan korporat, adalah seperti yang ditetapkan di bawah Keperluan Penyenaraian Bursa Securities untuk Pasaran Utama.

- Melantik seorang pegawai kanan Syarikat untuk mengawasi dan menyelaraskan keperluan pendedahan bagi memastikan Syarikat mematuhi Keperluan Penyenaraian Bursa Securities untuk Pasaran Utama.

- Memastikan hanya individu-individu yang dilantik sahaja berperanan menjadi jurucakap Syarikat.

- Memastikan pematuhan yang sewajarnya dengan Dasar Dan Tatacara Pendedahan Korporat Puncak Niaga.

2. MENGAMALKAN USAHA WAJAR DAN PERSEDIAAN

- Memastikan supaya individu-individu yang bertanggungjawab untuk menyebarkan maklumat penting kepada masyarakat pelabur, mengamalkan usaha wajar dalam memastikan supaya maklumat yang akan dikeluarkan adalah tepat, jelas, menepati masa dan lengkap.

- Memastikan sikap berwaspada diamalkan semasa memberikan taklimat dan maklum balas kepada penganalisis, pelabur institusi, media dan masyarakat pelabur.

3. MEMANFAATKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Memanfaatkan teknologi maklumat semasa untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat pelabur.

Komitmen kami dalam melaksanakan Dasar di atas didorong oleh Lembaga Pengarah Kumpulan PNHB dan dilaksanakan oleh Pihak Pengurusan.

DASAR TANGGUNGJAWAB
SOSIAL KORPORAT

Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") mengakui kepentingan untuk menjadi sebuah organisasi yang mengamalkan piawaian etika kerja tertinggi. Sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab kepada para pemegang sahamnya, rakan-rakan sekutu perniagaan, pembekal, kakitangan dan pelbagai pemegang kepentingan, kami memandang serius terhadap tanggungjawab sosial korporat kami kerana kami merupakan Penyedia Penyelesaian Bersepadu Bagi Air, Air Sisa dan Persekitaran Yang Terunggul Di Rantau Dan Untuk Menjadi Pemain Sektor Minyak Dan Gas Yang Penting. Matlamat kami adalah untuk mencapai objektif perniagaan dan mengembangkan perniagaan secara bertimbang rasa dan bertanggungjawab, sambil mengimbangi kepentingan ekonomi, sosial dan impak aktiviti kami terhadap alam sekitar.

ALAM SEKITAR

Kami menyokong kemampanan alam sekitar melalui pengurusan operasi dan aktiviti harian kami secara bertanggungjawab untuk meminimumkan aktiviti yang boleh menjejaskan alam sekitar dan alam semulajadi. Antara program/aktiviti tersebut adalah:-

a) Briged Penyelamat Sungai ("BPS")
b) Program Kesedaran dan Pendidikan Pengguna ("CAE")
c) Inisiatif Hijau
d) Kajian Impak Alam Sekitar ("EIS")

KOMUNITI

Kami menyokong sifat dermawan dan sumbangan kebajikan, sokongan dan penglibatan aktif dengan komuniti setempat melalui inisiatif kesukarelawanan dan program-program lain. Kami juga menyokong dan menggalakkan kakitangan kami membantu organisasi dan aktiviti komuniti setempat di kawasan di mana kami beroperasi. Antara program/aktiviti anjuran PNHB adalah:-

a) Lawatan Sambil Belajar – Empangan, Loji Pembersihan Air, Pusat Perintah Operasi & PUSPEL
b) Program Pelestarian Pendidikan ("3P")
c) Tabung Budi
d) Program dan Pameran Kesedaran Awam
e) Tanggungjawab Sosial Korporat – Kunjungan ke Rumah Kebajikan Warga Emas, Anak Yatim & Gotong Royong

PEMEGANG KEPENTINGAN

Kami menjaga kepentingan dan keutamaan para pemegang kepentingan serta mengurus risiko untuk memaksimumkan keuntungan demi kejayaan dan pertumbuhan Syarikat.

KAKITANGAN

Kami menghormati hak dan kepelbagaian kakitangan kami, tanpa mengira bangsa dan jantina, sambil menyediakan tempat kerja yang dinamik dan kesamarataan peluang, meninggikan lagi kepuasan kakitangan serta mempertingkatkan modal intelek melalui pelaburan berterusan dalam latihan dan pembangunan kemahiran kakitangan bagi pertumbuhan kuantum syarikat.

USAHA SAMA STRATEGIK DAN PENINGKATAN PENGETAHUAN DI SEMUA PERINGKAT

Kami menggalakkan pembelajaran berterusan dan peningkatan pengetahuan di semua peringkat melalui usaha sama dengan institusi pengajian tinggi dan perbadanan tempatan dan antarabangsa.

Kami juga berazam bukan hanya untuk mengekalkan piawaian etika tertinggi, malah mencapai kemampanan dalam operasi dan impak kami terhadap alam sekitar untuk faedah para pelanggan, pemegang saham, pemegang kepentingan dan rakan sekutu perniagaan kami

---

DASAR KESIHATAN, KESELAMATAN DAN **ALAM SEKITAR**

Adalah menjadi dasar Puncak Niaga Holdings Berhad dan anak syarikatnya (Kumpulan Puncak Niaga) untuk menyediakan setakat yang praktik, tempat kerja yang sihat, selamat dan mesra alam untuk semua kakitangan, kontraktor, pelawat, ahli-ahli pertubuhan yang berminat dan lain-lain, dan di atas semangat perundingan serta kerjasama, pihak Pengurusan dan juga kakitangan akan bersama-sama berusaha untuk mencapai matlamat dan objektif dasar ini.

Tanpa prasangka terhadap kenyataan umum di atas, Dasar Kumpulan Puncak Niaga adalah:-

- untuk menyedia dan mengekalkan tempat dan sistem kerja yang sihat, selamat dan mesra alam, dan juga akan sentiasa melaksanakan penambahbaikan berterusan ke atas prestasi alam sekitar dan keselamatan;
- untuk sentiasa menekankan pencegahan kecederaan, penyakit pekerjaan dan pencemaran di dalam semua aktiviti;
- untuk memastikan objektif dan sasaran keselamatan dan alam sekitar dirangka dan disemak;
- untuk memastikan semua kakitangan adalah diberitahu, diarah, dilatih dan diselia mengenai kaedah melaksanakan tugas dengan selamat tanpa sebarang risiko kepada kesihatan dan kemudaratan ke atas alam sekitar;
- untuk menyiasat semua insiden kesihatan, keselamatan pekerjaan dan alam sekitar, dan melaksanakan langkah pembetulan untuk memastikan insiden-insiden tersebut tidak berulang;
- untuk mematuhi undang-undang dan lain-lain peraturan yang berkaitan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar, dan juga amalan baik lain yang dipatuhi Kumpulan;
- untuk mengkaji dasar bila perlu dan memastikan ia difahami oleh semua kakitangan dan boleh diperolehi oleh pihak-pihak yang berminat.

DASAR & LAPORAN
PERHUBUNGAN PELABUR

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, Puncak Niaga komited sepenuhnya untuk mendokong piawaian ketelusan, akauntabiliti dan kewibawaan paling tinggi dalam tatalaku aktiviti perniagaan kami demi kepentingan para pemegang saham dan juga untuk membolehkan pelabur yang berpotensi membuat keputusan pelaburan secara teliti dan termaklum berasaskan kepada pendedahan maklumat yang lengkap dan telus.

Dasar Perhubungan Pelabur Puncak Niaga bertujuan untuk membina hubungan dan kredibiliti jangka panjang dengan para pemegang saham serta bakal pelabur kami berdasarkan kepercayaan, kejujuran, keterbukaan, ketelusan dan pemahaman yang kukuh mengenai Syarikat.

Untuk mencapai matlamat tersebut, Syarikat akan berusaha untuk melaksanakan langkah-langkah berikut:-

1. MENGADAKAN DIALOG YANG BERKUALITI

- Untuk mewujudkan suasana komunikasi dua hala yang berkesan antara Syarikat dengan para pemegang saham serta pelabur kami yang memaklumi dan mendidik melalui penyediaan maklumat yang berkaitan dan berharga secara kerap, terbuka dan telus bagi tempoh jangka panjang yang dapat membina hubungan jangka panjang yang menguntungkan kedua-dua pihak di samping memupuk kefahaman yang lebih jelas mengenai jangkaan para pemegang saham dan pelabur terhadap Syarikat.

- Untuk mengadakan sesi dialog yang berkualiti dengan para pemegang saham dan pelabur kami di mana perhubungan tersebut dijalin berlandaskan kepada prinsip kejujuran, keterbukaan dan ketelusan sambil bertujuan untuk memupuk persefahaman antara Syarikat dan para pemegang saham dan pelabur kami.

- Untuk memperolehi manfaat daripada penglibatan dalam dialog berkualiti:-
  - Tanggapan terhadap risiko Syarikat kami dikurangkan;
  - Meningkatkan maklum balas berkaitan prestasi Syarikat kami;
  - Penilaian saham Syarikat kami menjadi lebih realistik;
  - Membina keyakinan terhadap pasukan Pengurusan dan cara pengurusan kami; dan
  - Berfungsi sebagai panduan dalam penilaian strategi perniagaan Syarikat kami.

2. PENYATA KOMUNIKASI PELABUR

- Untuk melaksanakan Program Perhubungan Pelabur secara cekap dan berkesan sebagai sebahagian daripada kewajipan berterusan kami terhadap komunikasi para pemegang saham dan pelabur kami.
- Untuk menyediakan maklumat yang berkualiti tinggi, bermakna dan tepat pada masanya sepertimana yang dikehendaki dan diperlukan oleh undang-undang agar dapat mempertingkatkan pemahaman para pemegang saham dan pelabur Syarikat kami.
- Untuk berusaha mencapai tahap kecekapan teras dalam bidang perhubungan pelabur profesional melalui sumber dan kemampuan yang mencukupi.
- Untuk mendapatkan kepercayaan, penghormatan dan keyakinan daripada para pemegang saham dan pelabur kami yang sedia ada.
- Untuk membina dan mengekalkan perhubungan jangka panjang dengan para pemegang saham dan pelabur kami yang sedia ada.
- Untuk menjalin perhubungan jangka panjang dengan bakal pemegang saham dan pelabur.

Komitmen kami terhadap Dasar di atas didorong oleh Lembaga Pengarah Kumpulan PNHB dan dilaksanakan oleh pihak Pengurusan.

DASAR & LAPORAN
PERHUBUNGAN PELABUR

LAPORAN PERHUBUNGAN PELABUR

Perhubungan pelabur merupakan satu kaedah di mana syarikat-syarikat tersenarai mengekalkan dialog dengan para pemegang saham dan bakal pelabur mereka yang sedia ada. Ia menjadi tanggungjawab strategik pihak pengurusan untuk memberikan gambaran yang tepat mengenai prestasi dan prospek korporat, justeru membolehkan masyarakat pelabur menentukan harga saham secara realistik melalui sebuah pasaran yang termaklum. Hasilnya, perhubungan pelabur mampu membawa impak positif kepada nilai pasaran dan kos modal Syarikat berbanding dengan sektor industrinya serta suasana ekonomi secara keseluruhan.

Tahun 2014 merupakan satu tahun yang mencabar di mana Puncak Niaga berusaha gigih untuk muncul sebagai peneraju dalam industri air dan berkaitan air dan untuk menjadi pemain sektor Minyak & Gas yang penting sambil mengekalkan fokus untuk mencapai Visi dan Misi kami.

Justeru, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan aktiviti perhubungan pelabur Puncak Niaga sepanjang tahun 2014 seperti berikut:-

DIALOG DENGAN PARA PELABUR

Pihak Pengurusan Tertinggi Kumpulan terlibat secara aktif dalam mesyuarat, dialog dan sesi taklimat dengan kumpulan institusi tempatan dan antarabangsa. Pada tahun 2014, sebanyak 19 dialog dan sesi taklimat berkumpulan telah diadakan dengan para pelabur sedia ada dan bakal pelabur, para pengurus dana tempatan dan asing serta penganalisis kewangan dari firma-firma penyelidikan dan pengurusan aset.

AKSES PARA PELABUR KEPADA MAKLUMAT

Selaras dengan Dasar Perhubungan Pelabur kami, Puncak Niaga sentiasa memastikan pendedahan maklumat dibuat bertepatan dengan masanya melebihi keperluan pendedahan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa pengawal selia peraturan bagi membolehkan masyarakat pelabur membuat keputusan pelaburan secara teliti dan termaklum terhadap sekuriti Syarikat. Para pemegang saham dan pelabur boleh menghubungi kami di *investors@puncakniaga.com.my* dan mendapatkan maklumat serta pengumuman korporat Kumpulan di laman web kami, *www.puncakniaga.com.my* (dengan pautan terus ke laman *www.syabas.com.my*, *www.puncakoil.com* dan *www.gomresources.com* atau *www.bursamalaysia.com)*. Semua pengumuman yang dibuat kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") disiarkan sejurus selepas ia disiarkan di laman web Bursa Securities. Semua pertanyaan pemegang saham akan diterima oleh Setiausaha Syarikat Kumpulan yang akan memberi maklum balas dan respon kepada pertanyaan pemegang saham di mana maklumat sedemikian boleh disediakan kepada orang ramai.

Sejak 22 Oktober 2004, dalam usaha kami untuk memenuhi kewajipan pendedahan maklumat kepada para pemegang saham, pelabur dan pemegang kepentingan kami, Kumpulan kami telah mengamal dan melaksanakan Dasar Pendedahan Korporat Puncak Niaga (seperti yang dibentangkan di muka surat 164 dalam Laporan Tahunan ini) yang dirumuskan selaras dengan 'Panduan Amalan Terbaik Berkaitan Pendedahan Korporat' yang dikeluarkan oleh Pasukan Petugas Bursa Securities bagi Amalan Terbaik Pendedahan Korporat.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN ("AGM")

Lembaga Pengarah Puncak Niaga percaya sepenuhnya bahawa AGM adalah forum terbaik untuk memupuk perhubungan yang lebih erat dengan para pemegang saham kami bagi membolehkan kami meneruskan proses penglibatan kami dengan mereka.

Semenjak tahun 2003, AGM kami telah dimulakan dengan Pembentangan Syarikat diikuti dengan Sesi Soal Jawab. Para pemegang saham kami dimaklumkan mengenai prestasi korporat dan kewangan Kumpulan, perkembangan terkini dan isu-isu yang menjadi perhatian para pemegang saham. Perkara ini amat penting kerana kami merupakan pembekal perkhidmatan air di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya dan para pemegang saham kami juga adalah pelanggan kami. Puncak Niaga mengambil pendekatan 'Kami menghargai pandangan anda' dan 'Kami bersedia untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik'. Pada masa yang sama, maklum balas para pemegang saham kami yang ada kaitan dengan operasi kami diberi pertimbangan semasa kami membuat keputusan berkaitan perniagaan. Laporan Tahunan PNHB dalam bentuk CD-ROM dihantar kepada para pemegang saham Syarikat yang layak sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh AGM diadakan seperti yang diperlukan oleh Akta Syarikat, 1965 dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities.

Sejak tahun 2007, kami telah menyediakan kaunter perkhidmatan pelanggan PUSPEL di bilik urusetia di tempat berlangsungnya AGM bagi membolehkan para pemegang saham kami mendapat akses secara "online" kepada pertanyaan berkaitan air kepada SYABAS. Berhubung peranan kami sebagai penyedia perkhidmatan pembekal air, kami akan meneruskan amalan ini di AGM masa hadapan kami untuk manfaat para pemegang saham.

AGM 2015 akan diadakan pada hari Selasa, 16 Jun 2015, di Concorde Hotel Shah Alam. Notis AGM ada dilampirkan bersama Laporan Tahunan ini. Semua keputusan resolusi yang akan disyorkan di AGM 2015 akan disiarkan melalui laman web Bursa Securities dan laman web Syarikat pada petang 16 Jun 2015.

UNIT PERHUBUNGAN PELABUR

Unit Perhubungan Pelabur ("IRU") mengendalikan satu pangkalan data bagi para pemegang saham dan pelabur yang ingin dimaklumkan mengenai perkembangan dan prestasi korporat Kumpulan melalui e-mel.

Sila e-mel butiran anda kepada kami untuk perhatian Puan Tan Bee Lian, Setiausaha Syarikat Kumpulan di *investors@puncakniaga.com.my* atau melalui pos ke Unit Perhubungan Pelabur d/a Jabatan Kesetiausahaan, Puncak Niaga Holdings Berhad, Tingkat 10, Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, sekiranya anda ingin nama anda dimasukkan ke dalam pangkalan data kami.

Pada masa yang sama, bagi membolehkan kami menambahbaik lagi tahap perkhidmatan kami kepada komuniti dan pemegang kepentingan, sila hantarkan komen, pandangan dan kemusykilan anda kepada kami di *pr@puncakniaga.com.my* untuk pertanyaan awam dan *investors@puncakniaga.com.my* untuk pertanyaan pelabur.

Semua pertanyaan berkaitan air di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, seperti aduan mengenai gangguan bekalan air, paip pecah atau tekanan air rendah boleh dikemukakan kepada Pusat Perkhidmatan Pelanggan SYABAS, *puspel@syabas.com.my* atau hubungi talian telefon bebas tol, *1-800-88-5252* atau SMS '*PUSPEL<jarak><aduan/maklum balas anda>*' ke 39222 atau rangkaian sosial di Twitter dan Facebook, *follow@PUSPEL.*

DASAR & **LAPORAN KUALITI**

DASAR KUALITI

Adalah menjadi Dasar Puncak Niaga untuk menyediakan perkhidmatan dan produk yang berkualiti yang dapat memenuhi keperluan serta kepuasan pelanggan.

Puncak Niaga akan berusaha bersungguh-sungguh secara konsisten dalam mengaplikasi dan menyelenggara sistem pengurusan kualiti berdasarkan kepada keperluan yang dikuatkuasakan, piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang memastikan pendekatan yang terancang, sistematik dan proaktif terhadap kualiti dalam semua aspek kerja.

Puncak Niaga juga komited dalam menyediakan suasana kerja yang selamat, harmoni dan kondusif serta melengkapkan kakitangan dengan pengetahuan dan kemahiran secara berterusan untuk mempertingkatkan kualiti kerja kami secara sistematik.

Pengurusan Kualiti Puncak Niaga akan bercirikan kepada perkara-perkara berikut:-

- Budaya peningkatan dan kerjasama berpasukan secara berterusan.
- Bersikap proaktif di semua peringkat.
- Mengaplikasikan prinsip 'Right First Time Every Time' secara konsisten.
- Kakitangan berkeupayaan menyelesaikan masalah dalam masa yang singkat.

Semua kakitangan haruslah bersama-sama bertanggungjawab dalam memahami dan mengaplikasikan Dasar Kualiti dengan penuh kesungguhan.

PROGRAM KUMPULAN INOVATIF & KREATIF ("ICC")

Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") berusaha untuk menyokong aspirasi negara dari segi inovasi dan kreativiti melalui Program ICC. Ia merupakan pelantar untuk mengukur keupayaan kakitangan dalam memaksimumkan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam penyumbangan idea dan inovasi yang kreatif bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan kerja demi meningkatkan produktiviti, kecekapan dan faedah kos Syarikat.

Program ICC bukan sahaja menyokong peningkatan produktiviti, malah ia turut dirangka sebagai satu saluran untuk membangunkan tenaga kerja yang mengutamakan pelanggan. Program ICC menyumbang ke arah pembekalan tenaga kerja yang berkemahiran teknikal, berpengetahuan dan berinovatif dan yang mempunyai kemahiran generik yang penting seperti kemahiran kepimpinan, keberkesanan hubungan sesama sendiri, kemahiran berfikiran positif, keberkesanan peribadi dan profesional serta kemahiran komunikasi yang berkesan dan interaktif. Justeru, Program ICC adalah suatu gambaran terhadap usaha berterusan Syarikat dalam peningkatan produktiviti dan daya saing.

Pada tahun 2014, pasukan PNSB telah memenangi anugerah-anugerah berikut semasa Program ICC anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia yang diadakan di peringkat mini, wilayah dan kebangsaan: -

1) Empat anugerah emas dan satu anugerah perak di Konvensyen Mini untuk Kecemerlangan Pasukan 2014 Wilayah Selatan yang diadakan pada 10 April 2014.
2) Dua anugerah emas dan tiga anugerah perak di Konvensyen Wilayah Tengah untuk Kecemerlangan Pasukan 2014 ("Konvensyen Wilayah") yang diadakan dari 28 hingga 29 Mei 2014.
3) Tiga anugerah emas dan satu anugerah perak di Konvensyen Wilayah Utara yang diadakan dari 4 hingga 5 Jun 2014.
4) Enam anugerah emas di Konvensyen Wilayah Selatan yang diadakan dari 11 hingga 12 Jun 2014.
5) Lima anugerah emas di Konvensyen Wilayah Timur yang diadakan dari 18 hingga 19 Jun 2014.
6) Satu Anugerah Emas Tiga Bintang & Juara Dalam Sektor Perkhidmatan di Konvensyen ICC Kecemerlangan Pasukan Peringkat Kebangsaan yang diadakan dari 24 hingga 26 November 2014 ("Konvensyen Kebangsaan").
7) Satu Anugerah Emas Tiga Bintang & 10 Terbaik Dalam Sektor Perkhidmatan di Konvensyen Kebangsaan.
8) Tujuh Anugerah Emas Tiga Bintang dan tiga Anugerah Emas Dua Bintang di Konvensyen Kebangsaan.

PNHB dan Angkatan Tentera Malaysia telah bersama-sama menerima anugerah emas bertaraf antarabangsa SGA Kaizen Competition di Tokyo, Jepun pada bulan Oktober 2014 bagi penciptaan sistem penulenan air mudah alih.

PNSB percaya bahawa Program ICC ini akan mewujudkan sebuah tenaga kerja yang lebih dinamik, cekap dan berkesan, justeru itu Syarikat dan Kumpulan akan terus memupuk program tersebut.

PENYATA TANGGUNGJAWAB PENGARAH BAGI **PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN**

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan dan boleh diguna pakai di Malaysia dan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965. Para Pengarah bertanggungjawab memastikan bahawa penyata kewangan tersebut memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat setakat 31 Disember 2014 serta keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah:

- Memilih dasar perakaunan yang bersesuaian dan menggunakannya secara konsisten;
- Membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat;
- Memastikan semua piawaian perakaunan yang boleh diguna pakai telah diikuti; dan
- Telah membuat penilaian terhadap kemampuan Kumpulan dan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai sebuah syarikat usaha niaga berterusan.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan untuk mengambil langkah yang munasabah dan yang tersedia buat mereka untuk melindungi aset Kumpulan demi mencegah dan mengesan penipuan dan ketidaknalaran lain.

PENYATA
KEWANGAN

174 Takrifan

177 Laporan Pengarah

182 Penyata Kedudukan Kewangan

184 Penyata Untung Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain

186 Penyata Perubahan Ekuiti

190 Penyata Aliran Tunai

193 Nota Kepada Penyata Kewangan

318 Maklumat Kewangan Tambahan Mengenai Pecahan Butiran Untung Rugi Direalisasi Dan Tidak Direalisasi

319 Penyata Pengarah

320 Akaun Berkanun

321 Laporan Juruaudit Bebas

TAKRIFAN

Takrifan yang dinyatakan di bawah hendaklah diguna pakai di seluruh Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, kecuali di mana konteks tersebut menyatakan sebaliknya:

"ABASS"	:	Konsortium ABASS Sdn. Bhd.
"ACQUA"	:	Acqua SPV Berhad
"BAIDS"	:	Sekuriti Hutang Islam Al-Bai' Bithaman Ajil 10-Tahun bernilai RM1,020,000,000 Bon Utama bersama-sama dengan Bon Sekundar Tidak Boleh Asing
"Bursa Securities"	:	Bursa Malaysia Securities Berhad
"CCOA"	:	Perjanjian Pembinaan Merangkap Operasi
"CCRPS"	:	Saham Keutamaan Boleh Tebus Boleh Tukar Terkumpul
"CGU"	:	Unit Penjanaan Tunai
"CLMSB"	:	Corporate Line (M) Sdn. Bhd.
"Syarikat"	:	Puncak Niaga Holdings Berhad
"CPMSB"	:	Central Plus (M) Sdn. Bhd.
"EGM"	:	Mesyuarat Agung Luar Biasa
"Kerajaan Persekutuan"	:	Kerajaan Malaysia
"GOM Resources"	:	GOM Resources Sdn. Bhd.
"GOL"	:	GOM Resources Limited
"Kumpulan"	:	Kumpulan Syarikat Puncak Niaga Holdings Berhad
"GWGF"	:	Gabungan Wawasan Generasi Felda Malaysia
"Hebei Sino"	:	Hebei Sino Panlong Industrial Water Supply Co. Ltd.
"LHDN"	:	Lembaga Hasil Dalam Negeri
"JAKS-KDEB"	:	JAKS-KDEB Consortium Sdn. Bhd.
"JNA"	:	Nota Junior A, Tidak Boleh Tukar Boleh Tebus 15 Tahun 2001/2016 diterbitkan oleh PNSB
"JVA"	:	Perjanjian Usaha Sama
"KDEB"	:	Kumpulan Darul Ehsan Berhad
"KGL"	:	KGL Ltd.
"KHEC"	:	Kris Heavy Engineering & Construction Sdn. Bhd.

"KeTTHA"	:	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
"Luancheng"	:	Luancheng Dayu Water Supply Co. Ltd.
"LUAS"	:	Lembaga Urus Air Selangor
"LUWEI"	:	Luwei (Pingdingshan) Water Co. Ltd.
"MCPs"	:	Kertas Perdagangan Al-Murabahah
"MMTNs"	:	Nota Jangka Sederhana Al-Murabahah
"MOF"	:	Kementerian Kewangan Diperbadankan
"O&M"	:	Operasi & Penyelenggaraan
"PAAB"	:	Pengurusan Aset Air Bhd
"PCCA"	:	Perjanjian Penswastaan Merangkap Konsesi
"PNOC"	:	Puncak Niaga Overseas Capital Pte. Ltd.
"PNIPPL"	:	Puncak Niaga Infrastructures dan Projects Pte. Ltd.
"PNSB"	:	Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd.
"POG"	:	Puncak Oil & Gas Sdn. Bhd.
"PRC"	:	Republik Rakyat China
"PUAS"	:	Perbadanan Urus Air Selangor Berhad
"PNCSB"	:	Puncak Niaga Construction Sdn. Bhd.
"PNMSSB"	:	Puncak Niaga Management Services Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai NS Water System Sdn. Bhd.)
"RCULS"	:	Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus
"RCSSI"	:	Sukuk Ijarah Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus 5 Tahun
"RM"	:	Ringgit Malaysia
"RMB"	:	Renminbi China
"RSBs"	:	Bon Bercagar Boleh Tebus Sepuluh (10) Tahun Bernilai Nominal RM435,000,000 PNSB
"RZ Management"	:	RZ Management Services Sdn. Bhd.
"Serba Tiara"	:	Serba Tiara Sdn. Bhd.

TAKRIFAN

"SGD"	:	Dolar Singapura
"SINO"	:	Sino Water Pte. Ltd.
"Sino Water (Shanghai)"	:	Sino Water Environmental Consultancy (Shanghai) Co. Ltd.
"SPAN"	:	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
"SPLASH"	:	Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd.
"SSP 2"	:	Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa 2, Peringkat I dan II
"Kerajaan Negeri"	:	Kerajaan Negeri Selangor
"SYABAS"	:	Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd.
"Perjanjian Konsesi SYABAS"	:	Perjanjian Konsesi bertarikh 15 Disember 2004 di antara SYABAS, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
"USD"	:	Dolar Amerika Syarikat
"XINNUO"	:	Xinnuo Water (Binzhou) Co. Ltd.

LAPORAN
PENGARAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata kewangan beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan, manakala aktiviti utama syarikat subsidiarinya adalah seperti yang dikemukakan dalam Nota 8 kepada penyata kewangan.

Tiada perubahan ketara dalam bentuk aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bagi tahun	247,952	815
Keuntungan boleh diatribut kepada:		
Pemilik Syarikat	248,383	815
Kepentingan bukan kawalan	(431)	–
	247,952	815

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan ketara kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan yang ditinjau selain daripada yang dikemukakan dalam penyata kewangan.

DIVIDEN

Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat yang diadakan pada 7 Januari 2015 untuk Cadangan Penjualan PNSB dan SYABAS oleh Syarikat kepada Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai Temasik Tiasa Sdn. Bhd.) ("Cadangan Penjualan"), para pemegang saham Syarikat telah meluluskan pengisytiharan dan pembayaran dividen khas pada jumlah minimum RM1.00 setiap saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam modal saham diterbit dan berbayar Syarikat sehingga ke jumlah agihan maksimum RM543.3 juta ("Dividen Khas") setelah Cadangan Penjualan selesai. Hingga ke hari ini, Cadangan Penjualan masih belum diselesaikan.

Para Pengarah tidak mencadangkan pembayaran sebarang dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, selain daripada dan kecuali seperti di atas.

PARA PENGARAH SYARIKAT

Para pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan lepas adalah:

Tan Sri Rozali Bin Ismail
Dato' Ruslan Bin Hassan
Dato' Ir Lee Miang Koi
Dato' Syed Danial Bin Syed Ariffin
Ng Wah Tar
Tan Sri Dato' Hari Narayanan a/l Govindasamy
Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh
Tengku Dato' Rahimah Binti Almarhum Sultan Mahmud
Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak

Menurut Artikel 98 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, YBhg Dato' Ruslan Bin Hassan, YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi dan Encik Ng Wah Tar hendaklah bersara daripada jawatan mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas Syarikat yang akan datang dan, oleh kerana layak, mereka menawarkan diri untuk pemilihan semula.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SAHAM DAN WARAN

Mereka yang merupakan Pengarah pada akhir tahun kewangan yang memiliki kepentingan dan dianggap berkepentingan dalam saham dan waran Syarikat serta badan korporat yang berkaitan dengannya (selain daripada syarikat subsidiari milik penuh) seperti yang direkodkan dalam Daftar Pegangan Saham Pengarah adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham			
	1.1.2014	Diperoleh/ Dipindahkan	Dijual/ Dipindahkan	31.12.2014
Nama pengarah				
Kepentingan Langsung:				
Saham biasa Syarikat				
Tan Sri Rozali bin Ismail	1,729,000	–	–	1,729,000
Dato' Ir Lee Miang Koi	10,000	–	–	10,000
Dianggap berkepentingan:				
Saham biasa Syarikat				
Tan Sri Rozali bin Ismail	167,037,114*	50,400,700#	(50,400,700)#	167,037,114*
	354,000+	–	–	354,000+
Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh	42,000**	–	–	42,000**
Kepentingan Langsung:				
Waran Syarikat				
Tan Sri Rozali bin Ismail	172,900	–	–	172,900
Dato' Ir Lee Miang Koi	1,000	–	–	1,000
Dianggap berkepentingan:				
Waran Syarikat				
Tan Sri Rozali bin Ismail	16,703,710*	3,300,070##	(3,300,070)##	16,703,710*
	35,400+	–	–	35,400+
Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh	4,200**	–	–	4,200**

KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SAHAM DAN WARAN (SAMBUNGAN)

* Dianggap berkepentingan melalui 100% kepentingan pegangan saham dalam CPMSB dan CLMSB, kedua-duanya merupakan pemegang saham korporat/pemegang waran utama Syarikat, yang mana 55% dipegang atas nama sendiri dan 45% atas nama isteri dan nama anak-anak beliau.

** Dianggap berkepentingan melalui saham/waran yang dipegang oleh isteri beliau, Tay Boon Ling menurut Seksyen 134 Akta Syarikat, 1965.

\+ Dianggap berkepentingan melalui saham/waran yang dipegang atas nama anak lelaki beliau.

\# Pindahan saham antara syarikat nomini dan benefisiari, CPMSB dan CLMSB.

\#\# Pindahan waran antara syarikat nomini dan benefisiari, CLMSB.

Oleh sebab kepentingan beliau dalam saham Syarikat, Tan Sri Rozali bin Ismail turut dianggap berkepentingan dalam saham syarikat-syarikat subsidiari pada tahun kewangan, setakat mana Puncak Niaga Holdings Berhad mempunyai kepentingan.

Tiada Pengarah lain yang memegang jawatan pada 31 Disember 2014 mempunyai apa-apa kepentingan dalam saham Syarikat dan badan-badan korporat yang berkaitan dengannya pada tahun kewangan.

MANFAAT PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada Pengarah yang telah menerima atau berhak untuk menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau sampai tempoh dan akan diterima oleh para Pengarah atau gaji tetap sebagai seorang kakitangan sepenuh masa Syarikat seperti yang tertera dalam penyata kewangan) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau sebuah badan korporat berkaitan dengan mana-mana Pengarah atau firma di mana Pengarah berkenaan merupakan ahli, atau dengan sebuah syarikat di mana Pengarah tersebut mempunyai kepentingan kewangan yang ketara, kecuali bagi Tan Sri Rozali bin Ismail yang mempunyai kepentingan dalam pihak berkaitan, GWGF dan RZ Management yang berurusan dengan syarikat tertentu dalam Kumpulan menurut perjalanan biasa perniagaan seperti yang dikemukakan dalam Nota 38 kepada penyata kewangan.

Tiada wujud sebarang pengaturan sepanjang dan pada akhir tahun kewangan yang mempunyai objek bagi membolehkan para Pengarah Syarikat memperoleh manfaat melalui pengambilalihan saham atau debentur dalam Syarikat atau mana-mana badan korporat lain.

PENERBITAN SAHAM DAN DEBENTUR

Pada tahun ini, modal saham diterbit dan berbayar Syarikat telah meningkat daripada 411,260,838 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham kepada 415,959,777 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham menerusi penerbitan 2,948,939 saham biasa baharu bernilai RM1.00 sesaham menurut penukaran waran ("Penukaran Waran") dan penerbitan 1,750,000 saham biasa baharu bernilai RM1.00 sesaham akibat penukaran RCSSI ("Penukaran RCSSI"). Penukaran waran dan penukaran RCSSI tersebut telah diluluskan oleh para pemegang saham Syarikat dalam EGM yang diadakan pada 28 Mei 2013.

Pada 31 Disember 2014, jumlah waran tertunggak dalam syarikat adalah sebanyak 37,843,727 waran dengan tarikh matang pada 20 Julai 2018 dan harga pelaksanaan RM1.00 setiap waran pada nisbah 1:1.

Tiada perubahan lain dalam modal saham dibenarkan, diterbit dan berbayar Syarikat pada tahun kewangan.

OPSYEN DIBERI KE ATAS SAHAM BELUM DITERBITKAN

Tiada opsyen diberikan kepada mana-mana individu untuk melanggan saham yang belum diterbitkan Syarikat pada tahun kewangan.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa:

(i) semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu, dan

(ii) apa-apa aset semasa yang tidak berkemungkinan direalisasi dalam perjalanan biasa perniagaan telah dikurang nilai kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak memaklumi sebarang keadaan:

(i) yang boleh menyebabkan jumlah yang dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi ke tahap yang ketara; atau

(ii) yang boleh menyebabkan nilai yang diberikan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan, atau

(iii) yang telah timbul yang boleh menyebabkan pematuhan terhadap kaedah penilaian sedia ada bagi aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai, atau

(iv) melainkan ia telah pun diuruskan dalam laporan ini atau penyata kewangan, yang boleh menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(i) sebarang caj terhadap aset Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan dan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain, atau

(ii) sebarang liabiliti luar jangka berhubung Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada pendapat para Pengarah, tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain bagi mana-mana syarikat dalam Kumpulan telah berkuatkuasa atau berkemungkinan akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang mana pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin akan menjejaskan dengan ketara kemampuan Kumpulan dan Syarikat untuk memenuhi obligasi masing-masing apabila sampai masanya.

Pada pendapat para Pengarah, kecuali seperti yang didedahkan dalam Nota 18 dan Nota 26 kepada penyata kewangan, prestasi kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 tidak terjejas dengan ketara oleh apa-apa perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan berbentuk luar biasa mahupun ada sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa sedemikian yang berlaku dalam selang masa antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

PERISTIWA PENTING

Butiran mengenai peristiwa penting dikemukakan dalam Nota 40 kepada penyata kewangan.

PERISTIWA SELEPAS AKHIR TAHUN KEWANGAN

Butiran mengenai peristiwa selepas akhir tahun kewangan dikemukakan dalam Nota 42 kepada penyata kewangan.

JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan KPMG telah menyatakan kesediaan mereka untuk menerima pelantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi Pengarah:

TAN SRI ROZALI BIN ISMAIL

DATO' SYED DANIAL BIN SYED ARIFFIN

Shah Alam

Tarikh: 6 April 2015

PENYATA
KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2014

	Nota	Kumpulan Pada 31.12.2014 RM'000	Kumpulan Pada 31.12.2013 RM'000	Syarikat Pada 31.12.2014 RM'000	Syarikat Pada 31.12.2013 RM'000
Aset					
Aset bukan semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	4	**244,414**	426,219	**1,224**	19,184
Hartanah pelaburan	5	**181,495**	–	**32,195**	8,359
Aset kewangan operasi	6	**–**	743,771	**–**	–
Aset konsesi perkhidmatan	7	**64,512**	84,562	**–**	–
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	8	**–**	–	**47,950**	464,081
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	**46**	45	**51**	50
Pelaburan dalam syarikat usaha sama	10	**814**	858	**–**	150,789
Muhibah	11	**26,351**	26,254	**–**	–
Perdagangan dan belum terima lain	12	**–**	1,841,450	**–**	182,719
Aset cukai tertunda	13	**18,227**	14,966	**–**	–
		535,859	3,138,125	**81,420**	825,182
Aset semasa					
Inventori	14	**1,211**	5,318	**–**	–
Perdagangan dan belum terima lain	12	**239,318**	596,230	**254,566**	232,464
Aset kewangan operasi	6	**–**	98,088	**–**	–
Pelaburan jangka pendek	15	**10,269**	50,029	**10,269**	50,029
Cukai diperoleh semula	16	**6,799**	86,659	**303**	–
Tunai dan bersamaan tunai	17	**446,347**	671,906	**354,236**	225,438
		703,944	1,508,230	**619,374**	507,931
Aset dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan	18	**3,618,098**	–	**760,990**	–
		4,322,042	1,508,230	**1,380,364**	507,931
Jumlah aset		**4,857,901**	4,646,355	**1,461,784**	1,333,113

	Nota	Kumpulan Pada 31.12.2014 RM'000	Kumpulan Pada 31.12.2013 RM'000	Syarikat Pada 31.12.2014 RM'000	Syarikat Pada 31.12.2013 RM'000
Equiti and liabiliti					
Equiti diatribut kepada pemilik ekuiti Syarikat					
Modal saham		**415,960**	411,261	**415,960**	411,261
Premium saham		**104,629**	102,879	**104,629**	102,879
Saham perbendaharaan		**(5,941)**	(5,941)	**(5,941)**	(5,941)
Komponen ekuiti RCSSI		**6,410**	6,770	**6,410**	6,770
Rizab		**(221,719)**	(266,439)	**16,547**	9,111
Pendapatan tertahan		**1,776,609**	1,528,226	**440,115**	439,300
	19	**2,075,948**	1,776,756	**977,720**	963,380
Kepentingan bukan kawalan		**(1,967)**	(2,207)	**–**	–
Jumlah ekuiti		**2,073,981**	1,774,549	**977,720**	963,380
Liabiliti bukan semasa					
Peruntukan bagi manfaat persaraan	20	**–**	2,052	**–**	–
Pinjaman dan peminjaman	21	**191,380**	1,933,031	**138,548**	136,714
Perdagangan dan belum bayar lain	22	**150**	5,252	**–**	–
Liabiliti cukai tertunda	13	**21,235**	475,236	**27,837**	24,503
		212,765	2,415,571	**166,385**	161,217
Liabiliti semasa					
Pinjaman dan peminjaman	21	**29,981**	120,720	**–**	–
Perdagangan dan belum bayar lain	22	**269,518**	335,028	**317,679**	208,050
Cukai perlu dibayar		**306**	487	**–**	466
		299,805	456,235	**317,679**	208,516
Liabiliti dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan	18	**2,271,350**	–	**–**	–
		2,571,155	456,235	**317,679**	208,516
Jumlah liabiliti		**2,783,920**	2,871,806	**484,064**	369,733
Jumlah equiti and liabiliti		**4,857,901**	4,646,355	**1,461,784**	1,333,113

Nota di muka surat 193 hingga 318 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

PENYATA UNTUNG RUGI DAN
PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000 (Dinyatakan semula)	2014 RM'000	2013 RM'000
Operasi diteruskan					
Hasil	23	**606,635**	514,348	**–**	–
Pendapatan lain		**36,113**	51,897	**33,011**	31,210
Butiran perbelanjaan					
Bahan mentah, bahan gunaan dan penyelenggaraan		**(4,527)**	(3,672)	**–**	–
Kontrak pembinaan					
- Perkhidmatan minyak dan gas		**(361,919)**	(379,804)	**–**	–
- Lain-lain		**(111,793)**	(74,960)	**–**	–
Perbelanjaan manfaat pekerja	24	**(95,741)**	(93,431)	**(1,735)**	–
Perbelanjaan lain		**(48,379)**	(72,472)	**(13,422)**	(10,133)
Perbelanjaan susut nilai dan pelunasan		**(11,161)**	(10,084)	**(423)**	(403)
Kos kewangan	25	**(18,067)**	(11,075)	**(11,645)**	(3,892)
Bahagian keputusan ekuiti entiti diambil kira		**(45)**	(248)	**–**	–
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai	27	**(8,884)**	(79,501)	**5,786**	16,782
Kredit cukai/(perbelanjaan)	28	**1,659**	4,902	**(4,971)**	(1,795)
(Kerugian)/Keuntungan daripada operasi diteruskan		**(7,225)**	(74,599)	**815**	14,987
Operasi diberhentikan					
Keuntungan daripada operasi diberhentikan, selepas ditolak cukai	26	**255,177**	274,400	**–**	–
Keuntungan bagi tahun		**247,952**	199,801	**815**	14,987

	Nota	Kumpulan 2014 RM'000	Kumpulan 2013 RM'000 (Dinyatakan semula)	Syarikat 2014 RM'000	Syarikat 2013 RM'000
Keuntungan bagi tahun (sambungan)		**247,952**	199,801	**815**	14,987
(Perbelanjaan)/pendapatan komprehensif lain					
Butiran yang telah atau mungkin boleh dikelaskan semula selepas keuntungan atau kerugian					
Terjemahan mata wang asing		**(5,453)**	6,069	**–**	–
Laba/(kerugian) nilai saksama daripada pelaburan jangka pendek		**213**	(632)	**213**	(632)
Butiran yang mungkin tidak boleh dikelaskan semula selepas keuntungan atau kerugian					
Penilaian semula tanah dan bangunan, selepas ditolak cukai	19	**50,631**	–	**7,223**	–
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		**293,343**	205,238	**8,251**	14,355
Keuntungan boleh diatribut kepada:					
Pemilik Syarikat		**248,383**	200,551	**815**	14,987
Kepentingan bukan kawalan		**(431)**	(750)	**–**	–
Keuntungan bagi tahun		**247,952**	199,801	**815**	14,987
Jumlah pendapatan komprehensif boleh diatribut kepada:					
Pemilik Syarikat		**293,103**	205,876	**8,251**	14,355
Kepentingan bukan kawalan		**240**	(638)	**–**	–
		293,343	205,238	**8,251**	14,355
(Kerugian)/pendapatan asas sesaham biasa (sen sesaham):	29				
daripada operasi diteruskan		**(1.66)**	(18.05)		
daripada operasi diberhentikan		**62.17**	67.07		
		60.51	49.02		

Nota di muka surat 193 hingga 318 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

PENYATA
PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

		← Boleh diagih kepada pemilik Syarikat				
		← Tidak boleh diagih				
Kumpulan	**Nota**	**Modal saham RM'000**	**Premium saham RM'000**	**Saham perbendaharaan RM'000**	**Rizab terjemahan mata wang asing RM'000**	**Rizab Penilaian semula RM'000**
Pada 1 Januari 2013		411,143	102,879	(5,941)	(570)	69,088
Terjemahan mata wang asing		–	–	–	5,957	–
Kerugian nilai saksama daripada pelaburan jangka pendek		–	–	–	–	–
Jumlah pendapatan/(perbelanjaan) komprehensif lain		–	–	–	5,957	–
Keuntungan bagi tahun		–	–	–	–	–
Jumlah pendapatan komprehensif		–	–	–	5,957	–
Sumbangan oleh dan agihan kepada pemilik Syarikat						
Pelaksanaan waran		118	–	–	–	–
Penerbitan RCSSI	21.8	–	–	–	–	–
Dividen	31	–	–	–	–	–
Jumlah urus niaga dengan pemilik Syarikat		118	–	–	–	–
Pada 31 Disember 2013		411,261	102,879	(5,941)	5,387	69,088
Pada 1 Januari 2014		**411,261**	**102,879**	**(5,941)**	**5,387**	**69,088**
Terjemahan mata wang asing		**–**	**–**	**–**	**(6,308)**	**–**
Kerugian nilai saksama daripada pelaburan jangka pendek		**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
Penilaian semula tanah dan bangunan, selepas ditolak cukai		**–**	**–**	**–**	**–**	**50,631**
Jumlah pendapatan/(perbelanjaan) komprehensif lain		**–**	**–**	**–**	**(6,308)**	**50,631**
Keuntungan bagi tahun		**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
Jumlah pendapatan komprehensif		**–**	**–**	**–**	**(6,308)**	**50,631**
Sumbangan oleh dan agihan kepada pemilik Syarikat						
Pelaksanaan waran		**2,949**	**–**	**–**	**–**	**–**
Penukaran RCSSI	21.8	**1,750**	**1,750**	**–**	**–**	**–**
Jumlah urus niaga dengan pemilik Syarikat		**4,699**	**1,750**	**–**	**–**	**–**
Pada 31 Disember 2014		**415,960**	**104,629**	**(5,941)**	**(921)**	**119,719**

Nota di muka surat 193 to 318 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

Komponen ekuiti RCSSI RM'000	Rizab lain RM'000	Rizab tersedia untuk jualan RM'000	Boleh diagih Pendapatan tertahan RM'000	Jumlah RM'000	Kepentingan bukan kawalan RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
–	(340,943)	661	1,348,130	1,584,447	(1,569)	1,582,878
–	–	–	–	5,957	112	6,069
–	–	(632)	–	(632)	–	(632)
–	–	(632)	–	5,325	112	5,437
–	–	–	200,551	200,551	(750)	199,801
–	–	(632)	200,551	205,876	(638)	205,238
–	–	–	–	118	–	118
6,770	–	–	–	6,770	–	6,770
–	–	–	(20,455)	(20,455)	–	(20,455)
6,770	–	–	(20,455)	(13,567)	–	(13,567)
6,770	(340,943)	29	1,528,226	1,776,756	(2,207)	1,774,549
6,770	**(340,943)**	**29**	**1,528,226**	**1,776,756**	**(2,207)**	**1,774,549**
–	**184**	**–**	**–**	**(6,124)**	**671**	**(5,453)**
–	**–**	**213**	**–**	**213**	**–**	**213**
–	**–**	**–**	**–**	**50,631**	**–**	**50,631**
–	**184**	**213**	**–**	**44,720**	**671**	**45,391**
–	**–**	**–**	**248,383**	**248,383**	**(431)**	**247,952**
–	**184**	**213**	**248,383**	**293,103**	**240**	**293,343**
–	**–**	**–**	**–**	**2,949**	**–**	**2,949**
(360)	**–**	**–**	**–**	**3,140**	**–**	**3,140**
(360)	**–**	**–**	**–**	**6,089**	**–**	**6,089**
6,410	**(340,759)**	**242**	**1,776,609**	**2,075,948**	**(1,967)**	**2,073,981**

PENYATA
PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

Syarikat	Nota	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000
Pada 1 Januari 2013		411,143	102,879
Kerugian nilai saksama daripada pelaburan jangka pendek		–	–
Jumlah perbelanjaan komprehensif lain		–	–
Keuntungan bagi tahun		–	–
Jumlah (perbelanjaan)/pendapatan komprehensif		–	–
Sumbangan oleh dan agihan kepada pemilik Syarikat			
Pelaksanaan waran		118	–
Penerbitan RCSSI	21.8	–	–
Dividen akhir satu peringkat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013	31	–	–
Jumlah urus niaga dengan pemilik Syarikat		118	–
Pada 31 Disember 2013		411,261	102,879
Pada 1 Januari 2014		**411,261**	**102,879**
Keuntungan nilai saksama daripada pelaburan jangka pendek		**–**	**–**
Penilaian semula tanah dan bangunan, selepas ditolak cukai		**–**	**–**
Jumlah pendapatan komprehensif lain		**–**	**–**
Keuntungan bagi tahun		**–**	**–**
Jumlah pendapatan komprehensif		**–**	**–**
Sumbangan oleh dan agihan kepada pemilik Syarikat			
Pelaksanaan waran		**2,949**	**–**
Penukaran RCSSI	21.8	**1,750**	**1,750**
Jumlah urus niaga dengan pemilik Syarikat		**4,699**	**1,750**
Pada 31 Disember 2014		**415,960**	**104,629**

Nota di muka surat 193 to 318 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

Boleh diagih kepada pemilik Syarikat					
Tidak boleh diagih				Boleh diagih	
Saham perbendaharaan RM'000	Rizab Penilaian semula RM'000	Komponen ekuiti RCSSI RM'000	Rizab tersedia untuk jualan RM'000	Pendapatan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
(5,941)	9,082	–	661	444,768	962,592
–	–	–	(632)	–	(632)
–	–	–	(632)	–	(632)
–	–	–	–	14,987	14,987
–	–	–	(632)	14,987	14,355
–	–	–	–	–	118
–	–	6,770	–	–	6,770
–	–	–	–	(20,455)	(20,455)
–	–	6,770	–	(20,455)	(13,567)
(5,941)	9,082	6,770	29	439,300	963,380
(5,941)	**9,082**	**6,770**	**29**	**439,300**	**963,380**
–	**–**	**–**	**213**	**–**	**213**
–	**7,223**	**–**	**–**	**–**	**7,223**
–	**7,223**	**–**	**213**	**–**	**7,436**
–	**–**	**–**	**–**	**815**	**815**
–	**7,223**	**–**	**213**	**815**	**8,251**
–	**–**	**–**	**–**	**–**	**2,949**
–	**–**	**(360)**	**–**	**–**	**3,140**
–	**–**	**(360)**	**–**	**–**	**6,089**
(5,941)	**16,305**	**6,410**	**242**	**440,115**	**977,720**

PENYATA
ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	Nota	Kumpulan 2014 RM'000	Kumpulan 2013 RM'000	Syarikat 2014 RM'000	Syarikat 2013 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti operasi					
Penerimaan daripada pelanggan		**1,100,697**	1,010,876	**–**	–
Pendapatan lain		**6,449**	43,156	**81**	72
Bayaran untuk perbelanjaan operasi		**(426,053)**	(394,279)	**(11,904)**	(1,919)
Bayaran kepada kontraktor		**(533,194)**	(546,634)	**–**	–
Tunai dijana daripada/ (digunakan dalam) operasi		**147,899**	113,119	**(11,823)**	(1,847)
Cukai dibayar, selepas ditolak bayaran balik cukai		**(290)**	(17,677)	**(235)**	(1,049)
Faedah diterima		**15,472**	11,454	**9,236**	5,220
Tunai bersih dijana daripada/ (digunakan dalam) aktiviti operasi		**163,081**	106,896	**(2,822)**	2,324
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan					
Pengambilalihan syarikat subsidiari		**–**	(1,700)	**(55)**	(1,700)
Pelaburan dalam saham keutamaan boleh tebus		**–**	–	**–**	(40,000)
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(iii)	**(14,851)**	(16,520)	**(1,245)**	–
Tambahan aset konsesi perkhidmatan		**(464)**	(16,957)	**–**	–
Pembayaran balik bersih daripada/ (pendahuluan kepada) syarikat subsidiari		**–**	–	**96,135**	(35,898)
Pendahuluan bersih kepada syarikat bersekutu		**(2)**	(1)	**(2)**	(1)
Pendahuluan bersih (kepada)/daripada syarikat usaha sama		**(179)**	34	**(179)**	4
Aliran tunai (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti pelaburan dibawa ke hadapan		**(15,496)**	(35,144)	**94,654**	(77,565)

	Nota	Kumpulan 2014 RM'000	Kumpulan 2013 RM'000	Syarikat 2014 RM'000	Syarikat 2013 RM'000
Aliran tunai (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti pelaburan dibawa ke hadapan		**(15,496)**	(35,144)	**94,654**	(77,565)
Kutipan daripada penjualan pelaburan dalam syarikat subsidiari		**111**	–	**–**	–
Kutipan bersih daripada penjualan pelaburan jangka pendek		**40,529**	2,067	**40,529**	2,067
Kutipan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan		**55**	142	**–**	–
Tunai bersih dijana daripada/ (digunakan dalam) aktiviti pelaburan		**25,199**	(32,935)	**135,183**	(75,498)
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan					
Kutipan daripada pinjaman dan peminjaman		**160,114**	432,893	**–**	–
Penerbitan RCSSI		**–**	144,137	**–**	144,137
Kutipan daripada penukaran waran kepada saham biasa		**2,949**	118	**2,949**	118
Dividen dibayar		**–**	(20,455)	**–**	(20,455)
Pertambahan/(Pengurangan) deposit sandaran		**6,864**	(67,620)	**–**	–
Faedah dibayar		**(136,314)**	(129,922)	**(6,518)**	–
Bayaran balik pinjaman dan peminjaman		**(272,791)**	(467,066)	**–**	–
Bayaran balik obligasi di bawah pajakan kewangan		**(5,297)**	(5,789)	**–**	–
Tunai bersih (diguna dalam)/dijana daripada aktiviti pembiayaan		**(244,475)**	(113,704)	**(3,569)**	123,800

PENYATA
ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
(Pengurangan)/pertambahan bersih tunai dan bersamaan tunai		**(56,195)**	(39,743)	**128,792**	50,626
Kesan perubahan kadar pertukaran terhadap tunai dipegang		**5,261**	3,699	**6**	–
Tunai dan bersamaan tunai pada 1 Januari		**538,912**	383,865	**225,438**	174,812
Pindahan daripada akaun rizab servis hutang		**–**	191,091	**–**	–
Tunai dan bersamaan tunai pada 31 Disember	(i)	**487,978**	538,912	**354,236**	225,438

(i) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai yang termasuk dalam penyata aliran tunai merangkumi penyata amaun kedudukan kewangan yang berikut:

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Deposit dengan bank berlesen		**427,002**	546,457	**332,720**	224,038
Tunai dan baki bank		**187,106**	125,449	**21,516**	1,400
	(ii)	**614,108**	671,906	**354,236**	225,438
Tolak: Sandaran Tunai dan baki bank		**(126,130)**	(132,994)	**–**	–
		487,978	538,912	**354,236**	225,438

(ii) Tunai dan bersamaan tunai adalah seperti berikut:

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Deposit dengan bank berlesen	17	**391,427**	546,457	**332,720**	224,038
Tunai dan baki bank	17	**54,920**	125,449	**21,516**	1,400
		446,347	671,906	**354,236**	225,438
Aset dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan	18	**167,761**	–	**–**	–
		614,108	671,906	**354,236**	225,438

(iii) Pengambilalihan haratanah, loji dan peralatan

Pada tahun kewangan, Kumpulan telah mengambilalih hartanah, loji dan kelengkapan dengan kos agregat berjumlah RM14,851,000 (2013: RM20,637,000), yang mana RM sifar (2013: RM4,117,000), telah diambilalih menerusi cara pajakan kewangan.

NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN

Puncak Niaga Holdings Berhad adalah syarikat liabiliti terhad awam, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia, dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Securities. Alamat tempat utama perniagaan dan pejabat berdaftar Syarikat adalah seperti berikut:

TEMPAT UTAMA PERNIAGAAN
Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

PEJABAT BERDAFTAR
Tingkat 10, Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Penyata kewangan yang disatukan pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 meliputi Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya (semuanya dirujuk sebagai "Kumpulan" dan secara individu dirujuk sebagai "entiti Kumpulan") serta kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dan usahasama. Penyata kewangan Syarikat pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 tidak termasuk sebarang entiti lain.

Aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan sementara aktiviti utama entiti lain Kumpulan dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah pada 6 April 2015.

1. ASAS PENYEDIAAN

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan interpretasi yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi tidak diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat.

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2014

- Pindaan kepada MFRS 1, *Penggunaan Kali Pertama Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2011-2013)*
- Pindaan kepada MFRS 2, *Bayaran berasaskan saham (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2010-2012)*
- Pindaan kepada MFRS 3, *Gabungan Perniagaan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2010-2012 dan Kitaran 2011-2013)*
- Pindaan kepada MFRS 8, *Segmen Operasi (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2010-2012)*
- Pindaan kepada MFRS 13, *Pengukuran Nilai Saksama (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2010-2012 dan Kitaran 2011-2013)*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Peralatan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2010-2012)*
- Pindaan kepada MFRS 119, *Manfaat Kakitangan – Pelan Manfaat Bertakrif: Caruman Kakitangan*
- Pindaan kepada MFRS 124, *Pendedahan Pihak Berkaitan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2010-2012)*
- Pindaan kepada MFRS 138, *Aset Tidak Ketara (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2010-2012)*
- Pindaan kepada MFRS 140, *Hartanah Pelaburan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2011-2013)*

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016

- Pindaan kepada MFRS 5, *Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi Diberhentikan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2012-2014)*
- Pindaan kepada MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2012-2014)*
- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan dan MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama – Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutunya atau Usahasama*
- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan*, *MFRS 12, Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain dan MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama – Entiti Pelaburan: Penggunaan Pengecualian Penyatuan*

1. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(a) Penyata pematuhan (sambungan)

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016 (sambungan)

- Pindaan kepada MFRS 11, *Persetujuan Bersama – Perakaunan bagi Pengambilalihan Kepentingan dalam Operasi Bersama*
- MFRS 14, *Akaun Tertunda Regulatori*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan – Inisiatif Pendedahan*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Kelengkapan dan MFRS 138, Aset Tidak Ketara – Penjelasan Penerimaan Kaedah Susut Nilai dan Pelunasan*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Kelengkapan dan MFRS 141, Pertanian – Pertanian: Bearer Plants*
- Pindaan kepada MFRS 119, *Manfaat Kakitangan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2012-2014)*
- Pindaan kepada MFRS 127, *Penyata Kewangan Berasingan – Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan Berasingan)*
- Pindaan kepada MFRS 134, *Laporan Kewangan Interim (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2012-2014)*

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017

- MFRS 15, *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan*

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018

- MFRS 9, *Penyata Kewangan (2014)*

Kumpulan dan Syarikat merancang untuk menggunakan piawaian perakaunan, pindaan dan interpretasi yang dinyatakan di atas.

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2015 bagi piawaian perakaunan berkenaan, pindaan atau interpretasi yang berkuat kuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2014.

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2016 bagi piawaian perakaunan berkenaan, pindaan atau interpretasi yang berkuat kuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016.

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2017 bagi piawaian perakaunan yang berkuat kuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017.

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2018 bagi piawaian perakaunan yang berkuat kuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018.

Penggunaan pemulaan bagi piawaian, pindaan dan interpretasi yang dinyatakan di atas, dijangka tidak akan mempunyai apa-apa impak ketara terhadap penyata kewangan tempoh semasa dan tempoh terdahulu Kumpulan dan Syarikat kecuali seperti yang dinyatakan di bawah:

MFRS 15, Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan

MFRS 15 menggantikan garis panduan dalam MFRS 111, *Kontrak Pembinaan, MFRS 118, Hasil, Interpretasi IC 13, Program Kesetiaan Pelanggan, Interpretasi IC 15, Perjanjian bagi Pembinaan Hartanah Sebenar, Interpretasi IC 18, Pindahan Aset daripada Pelanggan dan Interpretasi IC 131, Hasil – Urus Niaga Tukar Barang melibatkan Perkhidmatan Pengiklanan*. Selepas penggunaan MFRS 15, masa pengiktirafan hasil dijangka berbeza berbanding dengan amalan semasa. Kumpulan dan Syarikat tidak menilai impak daripada penggunaan piawaian ini.

1. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(a) Penyata pematuhan (sambungan)

MFRS 9, Instrumen Kewangan

MFRS 9 menggantikan garis panduan dalam MFRS 139, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* daripada pengkelasan dan pengukuran aset kewangan. Berikutan penggunaan MFRS 9, aset kewangan akan diukur sama ada pada nilai saksama atau kos pelunasan. Kumpulan dan Syarikat tidak menilai kesan daripada penggunaan piawaian ini.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan atas dasar kos sejarah selain daripada yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada penyata kewangan.

(c) Matawang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam RM, yang merupakan matawang fungsian Syarikat. Semua maklumat kewangan dibentangkan dalam RM dan telah digenapkan ribuan terdekat kecuali dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan ini adalah selaras dengan MFRS yang memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penggunaan dasar perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian yang menjadi pendasar dikaji secara berterusan. Semakan terhadap anggaran perakaunan diiktiraf pada tempoh anggaran disemak dan pada mana-mana tempoh akan datang yang berkenaan.

Tiada wujud ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal yang penting dalam penggunaan dasar perakaunan yang memberi kesan penting ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam nota berikut:

(i) Litigasi penting

Kumpulan menentukan sama ada obligasi semasa berhubung kewujudan litigasi penting pada tarikh laporan dengan mengambil kira semua bukti yang tersedia, termasuk pendapat peguam. Bukti yang dipertimbangkan termasuk sebarang bukti tambahan yang diperoleh melalui peristiwa selepas tarikh laporan. Berasaskan bukti sedemikian, Kumpulan menilai jika peruntukan perlu diiktiraf dalam penyata kewangan. Butir-butir lanjut mengenai litigasi penting melibatkan Kumpulan dinyatakan dalam Nota 41 kepada penyata kewangan.

(ii) Perdagangan belum terima

Termasuk dalam perdagangan dan penerimaan lain yang dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan adalah jumlah RM2,469,913,000 (2013: RM1,995,251,000), selepas ditolak kerugian kemerosotan nilai sebanyak RM152,028,000 (2013: RM105,351,000 juta) terhutang daripada SYABAS. Tempoh boleh kutip jumlah yang dihutang oleh SYABAS bergantung kepada keputusan prosiding perundangan yang dibuat oleh SYABAS (terhadap Kerajaan Negeri) dan sama ada penghakimannya menyebelahi SYABAS atau tidak.

Peruntukan kemerosotan nilai sebanyak RM46,677,000 (2013: RM49,376,000) diiktiraf dalam untung rugi.

1. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (sambungan)

(ii) Perdagangan belum terima (sambungan)

Andaian utama dalam anggaran tempoh masa kutipan adalah:

(a) Bayaran akan diterima pada 2018 berasaskan kepada prosiding undang-undang yang diambil oleh SYABAS (terhadap Kerajaan Negeri) di mana SYABAS dianggarkan akan memperoleh baki daripada Kerajaan Negeri pada 2017.

(b) Tiada perubahan berhubung hak Kumpulan ke atas konsesi.

Sebarang perubahan ketara daripada andaian utama di atas mungkin menyebabkan kerugian kemerosotan nilai selanjutnya. Penangguhan waktu prosiding perundangan selama satu tahun mungkin akan menyebabkan kemerosotan nilai tambahan sebanyak RM25,000,000.

(iii) Kadar harga tokokan bagi pembinaan aset konsesi

Hak untuk mengendalikan loji rawatan air sebagai tukaran untuk perkhidmatan pembinaan yang diberi diiktiraf pada nilai saksama pertimbangan belum terima bagi perkhidmatan pembinaan yang telah diberi. Nilai saksama pertimbangan belum terima bagi perkhidmatan pembinaan yang diberi dikira dengan memasukkan harga tokokan yang dianggar untuk menggambarkan margin selaras dengan kerja pembinaan lain jika boleh terhadap kos sebenar yang ditanggung. Kadar harga tokokan yang digunakan bagi mengira nilai saksama pertimbangan belum terima dianggar oleh Kumpulan bagi projek pembinaan adalah 5%.

(iv) Cukai pendapatan

Kumpulan mengiktiraf cukai yang boleh diperolehi semula sebanyak RM86,972,000 dan liabiliti cukai tertunda sebanyak RM513,038,000 berdasarkan penyerahan cukai yang disemak semula. Pertimbangan dan andaian penting dalam mengukur cukai yang boleh dikutip semula dan liabiliti cukai tertunda masing-masing dihuraikan dalam Nota 16 dan Nota 13 kepada penyata kewangan.

Pada tahun semasa, cukai yang boleh diperolehi semula sebanyak RM80,173,000 dan liabiliti cukai tertunda sebanyak RM491,803,000 telah dikelaskan sebagai aset/liabiliti dipegang untuk jualan (Nota 18).

(v) Jumlah dihutang oleh pelanggan kontrak

Anggaran penting diguna pakai dalam menentukan kos sehingga siap kontrak Kumpulan pada tarikh laporan, yang membawa perkiraan mengikut peringkat penyiapan. Peringkat siap memerlukan pihak pengurusan membuat anggaran yang boleh diterima tentang kemajuan ke arah siapnya projek.

Kerja-kerja ini tertakluk kepada kelulusan muktamad setiap pelanggan. Terdapat jeda masa antara kelulusan akhir dan penyiapan kerja yang dilakukan oleh Kumpulan. Oleh kerana kos sebenar hanya boleh ditentukan dengan pasti apabila kontrak siap, ini mungkin menyebabkan pelarasan kepada keuntungan yang diiktiraf daripada kontrak.

1. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (sambungan)

(vi) Hayat berguna dan nilai sisa kapal

Kos kapal disusut nilai mengikut asas garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaan ekonomi kapal tersebut. Pada tahun 2011, pengurusan menganggarkan hayat berguna kapal dalam tempoh 15 tahun dan nilai sisa adalah USD20 juta. Jangkaan hayat dan nilai sisa ini lazim diguna pakai dalam industri bagi kapal yang serupa. Pengurusan bergantung kepada pendapat jurunilai profesional untuk menentukan anggaran ini. Kumpulan menilai semula kapal setiap 3 tahun dan pada perantara yang lebih pendek apabila nilai saksama dijangka berbeza dengan ketara daripada nilai bawa. Pada tahun ini, kapal telah dinilai semula kepada anggaran hayat berguna untuk tempoh 12 tahun dan nilai sisanya adalah USD 10 juta.

Perubahan dalam jangkaan tahap penggunaan dan pembangunan teknologi boleh memberi impak kepada hayat berguna ekonomi dan nilai sisa kapal, oleh itu, caj susut nilai masa hadapan mungkin disemak semula. Jumlah bawa loji dan peralatan Kumpulan pada tarikh laporan dinyatakan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan.

(vii) Kemerosotan nilai muhibah

Kumpulan menentukan sama ada muhibah mengalami kemerosotan sekurang-kurangnya sekali setahun. Ini memerlukan anggaran “nilai guna” CGU yang diperuntukkan kepada muhibah. Anggaran jumlah nilai guna memerlukan pihak pengurusan membuat anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangkakan daripada CGU disamping memilih kadar diskaun yang sesuai bagi mengira nilai semasa aliran tunai. Jumlah bawa muhibah pada 31 Disember 2014 adalah RM26,351,000 (2013: RM26,254,000). Butiran lanjut dinyatakan dalam Nota 11 kepada penyata kewangan.

(viii) Pengkelasan aset/liabiliti dipegang untuk jualan

Pada tahun kewangan semasa, aset berjumlah RM3,618,098,000 dan liabiliti berjumlah RM2,271,350,000 bagi Kumpulan dan aset berjumlah RM760,990,000 bagi Syarikat telah dikelaskan sebagai aset/liabiliti dipegang untuk jualan. Peruntukan aset, liabiliti dan perniagaan konsesi dan bukan konsesi adalah berdasarkan kepada “aset konsesi berkaitan perniagaan” menurut perjanjian jual beli di antara Syarikat dan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. bertarikh 11 November 2014. Pengkelasan aset/liabiliti dipegang untuk jualan adalah berdasarkan kepada andaian penting bahawa penyelesaian perjanjian jual beli antara Syarikat dan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. adalah sangat berkemungkinan dan akan dimuktamadkan dalam tempoh dua belas bulan akan datang.

Butir-butir lanjut mengenai peruntukan perniagaan konsesi dan bukan konsesi dinyatakan dalam Nota 18 dan Nota 26 kepada penyata kewangan.

(ix) Usahasama

Syarikat mengkelaskan kepentingannya dalam SYABAS sebagai sebuah usahasama walaupun mempunyai 70% kepentingan ekuiti di dalamnya. Dengan berbuat demikian, Syarikat telah mempertimbangkan terma dan syarat perjanjian pemegang saham, hak mengundi dan keupayaan praktikal untuk mempengaruhi aktiviti berkaitan SYABAS. Syarikat menilai bahawa Kumpulan tidak mempunyai kawalan ke atas SYABAS tetapi mempunyai kawalan bersama dalam SYABAS sejak pengambilalihan pada tahun 2005. Butir-butir lanjut mengenai pelaburan dalam SYABAS dinyatakan dalam Nota 10 kepada penyata kewangan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang ditunjukkan di bawah telah digunakan secara konsisten pada tempoh pembentangan dalam penyata kewangan ini, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas penyatuan

(i) Syarikat-syarikat subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari adalah entiti, termasuk entiti berstruktur, yang dikawal oleh Syarikat. Penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari diambilkira dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh kawalan bermula sehingga tarikh kawalan terhenti.

Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila ia terdedah atau mempunyai hak kepada pelbagai pulangan daripada penglibatannya dengan entiti tersebut dan berupaya untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti berkenaan.

Potensi hak mengundi hanya dipertimbangkan apabila kawalan penilaian hak tersebut menjadi ketara.

Kumpulan menganggap ia mempunyai kuasa "de facto" ke atas sebuah syarikat yang dilabur, walaupun tidak mempunyai majoriti hak mengundi, ia mempunyai kuasa untuk mengarahkan aktiviti semasa penerima pelabur yang boleh memberi kesan ketara terhadap pulangan penerima pelaburan.

Pelaburan dalam syarikat subsidiari diukur dalam kedudukan penyata kewangan Syarikat pada kos ditolak sebarang kerugian kemerosotan nilai, melainkan jika pelaburan tersebut dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan atau pengagihan. Kos pelaburan adalah termasuk kos urus niaga.

(ii) Gabungan perniagaan

Gabungan perniagaan diambilkira menggunakan kaedah pengambilalihan dari tarikh pengambilalihan, yang merupakan tarikh dimana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan.

Bagi pengambilalihan baharu, Kumpulan mengukur kos muhibah pada tarikh pengambilalihan sebagai:

- nilai saksama pembayaran dipindahkan; ditambah
- jumlah diiktiraf bagi mana-mana kepentingan bukan kawalan dalam entiti yang diambilalih; ditambah
- jika gabungan perniagaan dicapai secara berperingkat, nilai saksama kepentingan ekuiti sedia ada dalam entiti yang diambilalih; ditolak
- jumlah diiktiraf bersih (umumnya nilai saksama) bagi aset diambilalih yang boleh dikenal pasti dan liabiliti yang ditanggung.

Apabila lebihan adalah negatif, keuntungan pembelian murah diiktiraf serta merta dalam untung rugi.

Bagi setiap gabungan perniagaan, Kumpulan memilih sama ada untuk mengukur kepentingan bukan kawalan dalam entiti diambilalih pada nilai saksama atau pada nisbah saham dalam aset bersih yang boleh dikenal pasti entiti yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan.

Kos urus niaga, selain daripada yang berkaitan dengan penerbitan sekuriti hutang atau ekuiti, yang ditanggung oleh Kumpulan berhubung dengan penggabungan perniagaan, diimbangi sebagai tertanggung.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyatuan (sambungan)

(iii) Pengambilalihan kepentingan bukan kawalan

Kumpulan mengambilkira semua perubahan dalam kepentingan pemilikan dalam sesebuah subsidiari yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan berikutan urus niaga ekuiti antara Kumpulan dan pemegang kepentingan bukan kawalannya. Apa-apa perbezaan antara bahagian aset bersih Kumpulan sebelum dan selepas perubahan tersebut, dan apa-apa pertimbangan yang diterima atau dibayar, dilaraskan kepada atau daripada rizab Kumpulan.

(iv) Kehilangan kawalan

Berikutan kehilangan kawalan ke atas sesebuah subsidiari, Kumpulan tidak lagi mengiktiraf aset dan liabiliti bekas subsidiari tersebut, apa-apa kepentingan bukan kawalan dan komponen ekuiti lain yang berkaitan dengan bekas subsidiari tersebut daripada penyata kedudukan yang disatukan. Apa-apa lebihan atau defisit yang timbul daripada kehilangan kawalan diiktiraf dalam untung rugi. Jika Kumpulan mengekalkan apa-apa kepentingan di dalam bekas subsidiari itu, maka kepentingan berkenaan diukur pada nilai saksama pada tarikh kehilangan kawalan. Ia kemudiannya diambilkira sebagai penerima pelaburan berasaskan ekuiti atau sebagai aset kewangan tersedia untuk jualan bergantung kepada tahap pengaruh yang dikekalkan.

(v) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti, termasuk entiti tidak diperbadankan, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi bukan kawalan ke atas dasar kewangan dan operasinya.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah ekuiti tolak apa-apa kerugian kemerosotan nilai. Kos pelaburan merangkumi kos urus niaga. Penyata kewangan disatukan meliputi keuntungan atau kerugian Kumpulan dan pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu, selepas pelarasan jika ada, untuk menyelaraskan dasar perakaunan dengan Kumpulan, dari tarikh pengaruh penting bermula sehingga ke tarikh pengaruh tersebut tamat.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingan dalam syarikat bersekutu, jumlah bawaan kepentingan tersebut termasuk apa-apa pelaburan jangka panjang dikurangkan sehingga sifar, dan pengikitirafan kerugian selanjutnya dihentikan kecuali setakat mana obligasi Kumpulan atau telah membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu berkenaan.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas sesebuah syarikat bersekutu, apa-apa kepentingan tersimpan dalam syarikat tersebut pada tarikh pengaruh penting itu hilang, diukur pada nilai saksama dan jumlah ini dianggap sebagai jumlah bawa permulaan aset kewangan. Perbezaan antara nilai saksama dan sebarang kepentingan tersimpan ditambah kutipan daripada kepentingan yang dilupuskan dan jumlah bawa pelaburan pada tarikh apabila kaedah ekuiti diberhentikan diiktiraf dalam untung rugi.

Apabila kepentingan Kumpulan dalam sebuah syarikat bersekutu berkurangan tetapi tidak menyebabkan kehilangan pengaruh penting, sebarang kepentingan tersimpan tidak diukur semula. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penurunan tersebut diiktiraf dalam untung rugi. Sebarang keuntungan atau kerugian juga dikelaskan semula mengikut bahagian untung rugi jika keuntungan atau kerugian tersebut perlu dikelaskan semula kepada untung rugi semasa pelupusan aset atau liabiliti berkaitan.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diukur dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat pada kos tolak apa-apa kerugian kemerosotan nilai. Kos pelaburan adalah termasuk kos urus niaga.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyatuan (sambungan)

(vi) Pengaturan bersama

Pengaturan bersama adalah pengaturan di mana Kumpulan atau Syarikat mempunyai kawalan bersama, diwujudkan melalui kontrak yang memerlukan persetujuan sebulat suara untuk keputusan berkenaan aktiviti yang mempengaruhi dengan ketara pulangan pengaturan tersebut. Pelaburan dalam usahasama diukur dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat pada kos tolak sebarang kerugian kemerosotan nilai, kecuali jika pelaburan itu dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan atau pengagihan. Kos pelaburan meliputi kos urus niaga.

Pengaturan bersama dikelaskan dan diambilkira seperti berikut:

- Pengaturan bersama dikelaskan sebagai "operasi bersama" apabila Kumpulan atau Syarikat mempunyai hak terhadap aset dan obligasi bagi liabiliti kepada suatu pengaturan. Kumpulan dan Syarikat mengambilkira setiap bahagian aset, liabiliti dan urus niaga, termasuk bahagian yang dipegang atau ditanggung secara bersama dengan pelabur lain, berhubung dengan operasi bersama itu.
- Pengaturan bersama dikelaskan sebagai "usaha sama" apabila Kumpulan hanya mempunyai hak ke atas aset bersih pengaturan tersebut. Kumpulan mengambilkira kepentingannya dalam usaha sama tersebut menggunakan kaedah ekuiti.

(vii) Kepentingan bukan kawalan

Kepentingan bukan kawalan pada akhir tempoh laporan, yang merupakan ekuiti dalam sesebuah subsidiari yang tidak boleh diatribut secara langsung atau tidak langsung kepada pemegang ekuiti Syarikat, dikemukakan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan dan penyata perubahan ekuiti dalam ekuiti, secara berasingan daripada ekuiti yang boleh diatribut kepada pemilik Syarikat. Kepentingan bukan kawalan dalam keputusan Kumpulan dikemukakan dalam penyata untung rugi dan pendapatan komprehensif lain sebagai peruntukan untung rugi dan pendapatan komprehensif bagi tahun antara kepentingan bukan kawalan dan pemilik Syarikat.

Kerugian berkaitan dengan kepentingan bukan kawalan dalam sesebuah susbidiari diperuntukkan kepada kepentingan bukan kawalan walaupun berbuat demikian boleh menyebabkan kepentingan bukan kawalan mengalami baki defisit.

(viii) Urus niaga dihapuskan semasa penyatuan

Baki dan urus niaga dalam kumpulan, dan apa-apa pendapatan dan perbelanjaan belum direalisasi yang timbul daripada urus niaga antara kumpulan, disingkir dalam penyediaan penyata kewangan disatukan.

Keuntungan tidak direalisasi daripada urus niaga dengan syarikat bersekutu dan usaha sama berasaskan ekuiti disingkirkan daripada pelaburan sehingga ketahap kepentingan Kumpulan dalam penerima pelaburan. Kerugian tidak direalisasi disingkirkan dalam cara yang sama dengan keuntungan tidak direalisasi, tetapi hanya jika tiada bukti kemerosotan nilai.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Matawang asing

(i) Urus niaga matawang asing

Urus niaga dalam matawang asing ditukar kepada matawang fungsian entiti Kumpulan mengikut kadar tukaran pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti kewangan dalam denominasi matawang asing pada akhir tempoh laporan ditukar semula kepada matawang fungsian mengikut kadar tukaran pada tarikh tersebut.

Aset dan liabiliti bukan kewangan dalam denominasi matawang asing tidak ditukar semula pada akhir tarikh laporan kecuali bagi yang diukur pada nilai saksama ditukarkan semula kepada matawang fungsian mengikut kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan matawang asing mengikut tukaran semula diiktiraf dalam untung rugi, kecuali bagi perbezaan yang timbul daripada tukaran semula instrumen ekuiti tersedia untuk jualan atau instrumen kewangan khas sebagai lindung nilai risiko matawang, yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Dalam penyata kewangan disatukan, apabila pembayaran butiran kewangan akan diterima atau akan dibayar kepada operasi asing yang tidak dirancang atau berkemungkinan dalam jangka masa terdekat, keuntungan dan kerugian tukaran asing yang timbul daripada butiran kewangan sedemikian dianggap sebagai sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing dan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, dan dibentangkan dalam rizab tukaran matawang asing (“FCTR”) dalam ekuiti.

(ii) Operasi dalam denominasi matawang fungsian selain daripada Ringgit Malaysia

Aset dan liabiliti operasi dalam denominasi matawang fungsian selain daripada RM, termasuk pelarasan muhibah dan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan, ditukar kepada RM mengikut kadar pertukaran pada akhir tempoh laporan, kecuali bagi pelarasan muhibah dan nilai saksama yang terbit daripada gabungan perniagaan sebelum 1 Januari 2012 (tarikh apabila Kumpulan mula-mula menerima pakai MFRS) yang dianggap sebagai aset dan liabiliti Syarikat. Pendapatan dan perbelanjaan operasi asing ditukar kepada RM pada kadar pertukaran mengikut tarikh urus niaga.

Perbezaan matawang asing diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam FCTR dalam ekuiti. Walau bagaimanapun, jika operasi tersebut adalah subsidiari bukan milik penuh, maka bahagian saham mengikut nisbah perbezaan pertukaran diperuntukkan kepada kepentingan bukan kawalan. Apabila operasi asing dijual daripada kawalan tersebut, pengaruh penting atau kawalan bersama juga hilang, jumlah terkumpul dalam FCTR berkaitan dengan operasi asing dikelaskan semula kepada untung rugi sebagai bahagian untung rugi daripada pelupusan.

Apabila Kumpulan menjual sebahagian daripada kepentingannya dalam subsidiari yang meliputi operasi asing, bahagian yang berkaitan daripada jumlah terkumpul diatribut semula kepada kepentingan bukan kawalan. Apabila Kumpulan menjual hanya sebahagian daripada pelaburannya dalam syarikat bersekutu atau usahasama yang meliputi operasi asing sambil mengekalkan pengaruh penting atau kawalan bersama, bahagian berkaitan daripada jumlah terkumpul tersebut dikelaskan semula kepada untung rugi.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Instrumen Kewangan

(i) Pengiktirafan permulaan dan pengukuran

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila dan hanya apabila Kumpulan atau Syarikat menjadi salah satu pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada permulaan, pada nilai saksamanya ditambah, bagi keadaan instrumen kewangan bukan pada nilai saksama menerusi untung rugi, kos urus niaga yang boleh diatributkan secara langsung kepada pengambilalihan atau penerbitan instrumen kewangan.

Derivatif terbenam diiktiraf berasingan daripada kontrak utama dan diambilkira sebagai derivatif jika, dan hanya jika ia tidak berkait rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko kontrak utama dan kontrak utama tersebut tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui untung rugi. Kontrak utama, jika terdapat derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan, diambilkira menurut dasar yang bersesuaian dengan ciri-ciri kontrak utama tersebut.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

Kumpulan dan Syarikat mengkategorikan penyata kewangan seperti berikut:

Aset kewangan

(a) Aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung rugi

Nilai saksama melalui kategori untung rugi merangkumi aset kewangan yang dipegang bagi perdagang, termasuk derivatif (kecuali bagi derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen yang telah ditentukan lindung nilai dan berkesan) atau aset kewangan yang dikhususkan kepada kategori ini selepas pengiktirafan awal.

Derivatif yang berkaitan dengan dan perlu dijelaskan melalui penyampaian instrumen ekuiti tidak disebut harga yang nilai saksamanya tidak boleh ditentukan, diukur pada kos.

Aset kewangan lain dikategorikan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian akan kemudiannya diukur pada nilai saksamanya di mana keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung rugi.

(b) Pinjaman dan belum terima

Kategori pinjaman dan belum terima meliputi instrumen hutang yang tidak disebut dalam pasaran aktif.

Aset kewangan yang dikategori sebagai pinjaman dan belum terima kemudiannya akan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan.

(c) Aset kewangan tersedia untuk jualan

Kategori tersedia untuk jualan meliputi pelaburan dalam ekuiti dan sekuriti hutang yang tidak dipegang untuk dagangan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Instrumen Kewangan (sambungan)

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya (sambungan)

(c) Aset kewangan tersedia untuk jualan (sambungan)

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga disebut di pasaran aktif dan nilai saksama yang tidak boleh ditentukan dengan pasti, diukur pada kos. Aset kewangan lain yang dikategorikan sebagai tersedia untuk jualan kemudiannya diukur pada nilai saksamanya dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali bagi kerugian kemerosotan nilai, keuntungan dan kerugian tukaran asing yang terbit daripada butiran kewangan serta untung rugi butiran lindung nilai yang boleh diatribut kepada risiko lindung nilai saksama yang diiktiraf dalam untung rugi. Sewaktu penarikan pengiktirafan, untung atau rugi terkumpul diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula dari ekuiti kepada untung rugi. Faedah yang dikira untuk instrumen hutang menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung rugi.

Semua aset kewangan, kecuali bagi yang diukur pada nilai saksama menerusi untung rugi, adalah tertakluk kepada kemerosotan nilai (lihat Nota 2(l)(i)).

Liabiliti kewangan

Semua liabiliti kewangan akan kemudiannya diukur pada kos dilunaskan selain daripada yang dikategorikan, pada nilai saksama melalui untung rugi.

Nilai saksama menerusi kategori untung rugi meliputi liabiliti kewangan yang merupakan derivatif (kecuali bagi derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang telah ditentukan dan berkesan) atau liabiliti kewangan yang ditentukan secara khusus dalam kategori selepas pengiktirafan awal.

Derivatif yang berkaitan dengan dan perlu dijelaskan dengan penyerahan instrumen ekuiti yang tidak mempunyai sebut harga di pasaran aktif untuk instrumen yang sama dan yang nilai saksamanya tidak boleh ditentukan dengan pasti, diukur pada kos.

Liabiliti kewangan lain dikategorikan sebagai nilai saksama menerusi untung rugi akan diukur kemudiannya pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung rugi.

(iii) Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan penerbitnya membuat pembayaran yang telah ditetapkan bagi membayar balik pemegang di atas kerugian yang ditanggungnya kerana penghutang tertentu gagal membuat bayaran apabila genap masa kena bayar menurut terma asal instrumen hutang asal atau yang telah diubahsuai.

Nilai saksama yang timbul daripada kontrak jaminan kewangan dikelaskan sebagai pendapatan tertunda dan dilunaskan kepada untung rugi menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh kontrak atau, apabila tiada tempoh kontrak ditentukan, ia diiktiraf dalam untung rugi selepas pelepasan jaminan. Apabila penjelasan kontrak jaminan kewangan mungkin berlaku, anggaran dibuat terhadap obligasi tersebut. Jika nilai bawaan kontrak jaminan kewangan adalah lebih rendah daripada obligasi, maka nilai bawaan dilaras kepada jumlah obligasi dan diambilkira sebagai peruntukan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Instrumen Kewangan (sambungan)

(iv) Kaedah biasa pembelian atau penjualan aset kewangan

Pembelian atau penjualan mengikut cara biasa merupakan pembelian atau jualan aset kewangan di bawah kontrak yang termanya memerlukan penyerahan aset pada rangka masa yang ditentukan secara umum mengikut peraturan atau kelaziman di pasaran berkenaan.

Cara biasa pembelian atau penjualan aset kewangan diiktiraf dan tidak diiktiraf, mengikut kesesuaian, menggunakan perakaunan tarikh perdagangan. Perakaunan tarikh perdagangan merujuk kepada:

(a) pengiktirafan sesuatu aset yang akan diterima dan liabiliti untuk membayarnya pada tarikh perdagangan; dan

(b) pembatalan pengiktirafan suatu aset yang dijual, pengiktirafan sebarang keuntungan atau kerugian daripada pelupusan dan pengiktirafan belum terima daripada pembeli untuk bayaran pada tarikh perdagangan.

(v) Penarikan pengiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian yang tidak diiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontrak terhadap aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau aset kewangan tersebut dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau sebahagian besar risiko dan ganjaran aset tersebut. Apabila aset kewangan tidak lagi diiktiraf, perbezaan di antara jumlah bawaan dan jumlah bayaran yang diterima (termasuk apa-apa aset baharu yang diperolehi tolak apa-apa liabiliti baharu yang tertanggung) dan apa-apa keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam ekuiti, diiktiraf dalam untung rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya tidak lagi diiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang ditentukan dalam kontrak dilaksanakan atau dibatalkan atau tamat tempoh. Apabila liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf, perbezaan antara jumlah bawaan liabiliti kewangan terhapus atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan yang dibayar, termasuk apa-apa aset bukan tunai dipindahkan atau liabiliti yang tertanggung, diiktiraf dalam untung rugi.

(d) Hartanah, loji dan kelengkapan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran

Butiran hartanah, loji dan peralatan diukur pada kos/penilaian semula tolak apa-apa susut nilai terkumpul dan apa-apa kerugian kemerosotan nilai terkumpul.

Kos meliputi perbelanjaan yang boleh diatribut secara langsung kepada pengambilalihan aset dan apa-apa kos lain yang boleh diatribut secara langsung untuk membawa aset tersebut kepada keadaan boleh operasi mengikut kegunaan yang dikehendaki, dan kos peleraian serta memindahkan butiran tersebut dan memasang semula di tapak lokasinya. Kos bagi aset yang dibina sendiri juga termasuk kos bahan dan buruh langsung. Bagi aset yang layak, kos pinjaman dipermodalkan selaras dengan dasar perakaunan mengenai kos pinjaman. Kos juga meliputi pindahan daripada ekuiti bagi apa-apa untung rugi daripada aliran tunai lindung nilai matawang asing yang layak bagi pembelian hartanah, loji dan peralatan.

Pembelian perisian yang penting kepada fungsi peralatan berkaitan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada peralatan tersebut.

Apabila bahagian penting daripada butiran hartanah, loji dan peralatan mempunyai hayat kegunaan yang berbeza, ia diambilkira sebagai butiran yang berasingan (komponen utama) hartanah, loji dan peralatan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Hartanah, loji dan kelengkapan (sambungan)

(i) Pengiktirafan dan pengukuran (sambungan)

Keuntungan atau kerugian daripada penjualan sesuatu butiran hartanah, loji dan peralatan ditentukan dengan membandingkan kutipan daripada penjualan dengan jumlah bawaan hartanah, loji dan peralatan serta diiktiraf bersih, masing-masing dibawah "pendapatan lain" dan "perbelanjaan lain" dalam untung rugi.

Hartanah, loji dan peralatan di bawah model penilaian semula

Kumpulan menilai semua hartanah yang meliputi tanah dan bangunan setiap 3 tahun dan pada perantara masa yang lebih pendek apabila nilai saksama aset dijangka berbeza dengan ketara daripada nilai bawanya.

Lebihan yang timbul daripada penilaian semula dimasukkan dalam akaun rizab penilaian semula. Apa-apa defisit yang timbul diimbangi dengan rizab penilaian semula sehingga setakat kenaikan terdahulu untuk hartanah yang sama. Dalam semua kes lain, penurunan jumlah bawaan diiktiraf dalam untung rugi. Apabila aset dinilai semula dijual, jumlah yang diambilkira dalam rizab lebihan penilaian semula dipindahkan keperolehan tertahan.

(ii) Kos selanjutnya

Kos penggantian komponen suatu butiran hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam jumlah bawaan butiran tersebut jika terdapat manfaat ekonomi masa depan yang terkandung di dalam komponen tersebut mungkin akan mengalir kepada Kumpulan atau Syarikat pada masa hadapan boleh diukur dengan pasti. Jumlah bawaan komponen yang diganti tidak lagi diiktiraf kepada untung rugi. Kos harian bagi menyelenggaran hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam untung rugi sebagai tertanggung.

(iii) Susut nilai

Susut nilai adalah berasaskan kepada kos suatu aset tolak nilai sisanya. Komponen penting sesuatu aset individu ditaksir, dan jika komponen mempunyai hayat berguna yang berbeza dengan baki aset selebihnya, maka komponen tersebut disusut nilai secara berasingan.

Susut nilai diiktiraf dalam untung rugi mengikut garis lurus sepanjang anggaran ayat berguna setiap komponen butiran hartanah, loji dan peralatan. Aset yang dipajak disusut nilai pada yang lebih pendek antara tempoh pajakan dan hayat bergunanya, melainkan jika dapat dipastikan dengan munasabah bahawa Kumpulan akan memperoleh pemilikan pada akhir tempoh pajakan. Tanah milik bebas tidak disusut nilai. Hartanah, loji dan peralatan dalam pembinaan tidak disusut nilai sehingga aset tersebut sedia untuk digunakan bagi maksudnya.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Hartanah, loji dan kelengkapan (sambungan)

(iii) Susut nilai (sambungan)

Anggaran hayat berguna bagi tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti berikut:

• Tanah pegangan pajakan jangka panjang	Sepanjang tempoh pajakan dari 82 hingga 92 tahun
• Bangunan	10 hingga 50 tahun
• Kapal	15 tahun
• Loji dan peralatan	4 hingga 25 tahun
• Komputer, perisian dan peralatan	3 hingga 5 tahun
• Perabot dan lengkapan	5 hingga 10 tahun
• Kenderaan bermotor	3 hingga 10 tahun
• Pengubahsuaian	3 hingga 10 tahun

Kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa dikaji semula pada akhir tempoh laporan dan dilaraskan mengikut kesesuaian.

(e) Hartanah pelaburan

(i) Hartanah pelaburan dibawa pada nilai saksama

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dimiliki atau dipegang di bawah kepentingan pegangan pajakan untuk memperoleh pendapatan sewa atau peningkatan modal atau kedua-duanya, tetapi bukan untuk jualan dalam perjalanan biasa peniagaan, digunakan dalam pengeluaran atau pembekalan barangan dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran.

Hartanah pelaburan diukur di permulaan pada kos dan selepas itu pada nilai saksama dengan sebarang perubahan di dalamnya diiktiraf dalam untung rugi bagi tempoh ia berlaku. Kos meliputi perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan hartanah pelaburan.

Sesuatu hartanah pelaburan tidak lagi diiktiraf apabila dijual atau apabila diberhentikan penggunaannya secara kekal dan tiada manfaat ekonomi untuk masa hadapan dijangka daripada pelupusan tersebut. Perbezaan antara kutipan bersih penjualan dan jumlah bawaan diiktiraf dalam tempoh butiran tersebut tidak lagi diiktiraf.

(ii) Pengkelasan semula kepada/daripada hartanah pelaburan

Apabila sesuatu butiran hartanah, loji dan peralatan dipindahkan kepada hartanah pelaburan berikutan perubahan dalam penggunaannya, sebarang perbezaan yang timbul pada tarikh pindahan dan nilai saksamanya diiktiraf secara langsung dalam ekuiti sebagai penilaian semula hartanah, loji dan peralatan. Walau bagaimanapun, jika keuntungan nilai saksama membalikkan kerugian kemerosotan nilai sebelumnya, keuntungan diiktiraf dalam untung rugi. Apabila hartanah pelaburan dijual, sebarang lebihan yang dicatatkan sebelumnya dalam ekuiti dipindahkan kepada perolehan tersimpan; pindahan tidak dibuat melalui untung rugi.

Apabila kegunaan hartanah berubah seperti ia dikelaskan semula sebagai hartanah, loji dan peralatan atau inventori, nilai saksamanya pada tarikh pengkelasan semula menjadikannya kos bagi perakaunan berikutnya.

Pada tahun ini, Syarikat menukar dasar perakaunannya berhubung dengan pengukuran berikutnya bagi hartanah pelaburan daripada model kos kepada model nilai saksama untuk memberi pembentangan yang lebih relevan dan supaya sejajar dengan dasar penilaian semula hartanah, loji dan peralatan. Perubahan dalam dasar perakaunan ini telah diguna pakai secara retrospektif.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(f) Konsesi perkhidmatan

Sebahagian besar daripada aset Kumpulan digunakan dalam rangka kerja Perjanjian Konsesi yang diberikan oleh Kerajaan Negeri ("pemberi konsesi"). Ciri-ciri Perjanjian Konsesi secara umumnya mensyaratkan, secara langsung atau tidak langsung, untuk penglibatan pemberi dalam penentuan perkhidmatan dan imbuhannya, dan pulangan daripada aset yang perlu berhubung prestasi perkhidmatan di penghujung kontrak.

Kumpulan membina atau menaiktaraf infrastruktur yang digunakan bagi menyediakan perkhidmatan awam dan menyenggara infrastruktur tersebut untuk tempoh masa yang telah ditentukan. Kumpulan mengiktiraf dan mengukur hasil menurut dasar perakaunan bagi kontrak pembinaan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(j) dan Nota 2(r)(ii).

Hasil bagi pembinaan atau naiktaraf perkhidmatan diukur pada nilai saksama dan pertimbangan yang mungkin menjadi hak kepada aset kewangan ("model aset kewangan") dan/atau aset tidak ketara ("model aset tidak ketara") bergantung kepada komitmen imbuhan yang diberi oleh pemberi.

Pemilihan model aset kewangan atau aset tidak ketara bergantung kepada kewujudan jaminan bayaran yang diberi oleh pemberi konsesi. Dalam hal ini, jumlah pelaburan yang dijamin oleh pemberi konsesi diiktiraf di bawah model aset kewangan dan baki sisa diiktiraf di bawah model aset tidak ketara.

Aset kewangan yang terhasil daripada konsesi perkhidmatan direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan di bawah tajuk "aset kewangan operasi" dan diukur pada kos dilunaskan menggunakan dasar perakaunan seperti yang dihuraikan dalam Nota 2(c).

Aset tidak ketara yang terhasil daripada konsesi perkhidmatan dicatatkan dalam penyata kedudukan kewangan di bawah tajuk "aset konsesi perkhidmatan" dan dilunaskan sepanjang tempoh konsesi menggunakan kaedah garis lurus tolak kerugian kemerosotan nilai, jika ada.

(g) Muhibah

Muhibah yang timbul daripada gabungan perniagaan diukur pada kos tolak apa-apa kerugian kemerosotan nilai terkumpul.

Muhibah tidak dilunaskan tetapi diuji bagi kemerosotan setiap tahun dan apabila terdapat tanda ia mungkin merosot nilai.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(h) Aset dipajak

(i) Pajakan kewangan

Pajakan yang mana Kumpulan atau Syarikat menanggung sebahagian besar daripada kesemua risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Semasa pengiktirafan permulaan, aset pajakan diukir pada jumlah yang bersamaan dengan yang lebih rendah antara nilai saksama dan nilai semasa bayaran pajakan minimum. Selepas pengiktirafan permulaan, aset tersebut diambilkira menurut dasar perakaunan yang bersesuaian dengan aset tersebut.

Bayaran pajakan minimum yang dibuat di bawah pajakan kewangan dibuat mengikut nisbah antara perbelanjaan kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak. Perbelanjaan kewangan diperuntukkan kepada setiap tempoh semasa tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar bertempoh faedah yang seragam terhadap baki selebihnya liabiliti tersebut. Bayaran pajakan luar jangka diambilkira dengan menyemak bayaran pajakan minimum berbanding sepanjang baki tempoh apabila pelarasan pajakan disahkan.

Tanah pegangan pajakan pada asasnya adalah pajakan kewangan yang dikelaskan sebagai hartanah, loji dan peralatan, atau sebagai hartanah pelaburan jika dipegang bagi menghasilkan pendapatan modal atau peningkatan modal atau kedua-duanya.

(ii) Pajakan operasi

Pajakan, di mana Kumpulan atau Syarikat tidak menanggung sebahagian besar daripada kesemua risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan operasi dan aset pajakan tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Bayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi diiktiraf dalam untung rugi mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan yang diterima diiktiraf dalam untung rugi sebagai sebahagian penting jumlah perbelanjaan pajakan, sepanjang tempoh pajakan. Sewa luar jangka dicaj kepada untung rugi dalam tempoh laporan ia tertanggung.

Tanah pegangan pajakan pada asasnya ialah pajakan operasi yang dikelaskan sebagai bayaran pajakan prabayar.

(i) Inventori

Inventori dikira pada yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih.

Kos inventori diukur berasaskan kaedah purata berwajaran, dan merangkumi perbelanjaan yang tertanggung dalam memperoleh inventori, kos pengeluaran atau penukaran dan kos lain yang ditanggung untuk membawanya ke lokasi sedia ada dan keadaan semasanya.

Nilai boleh realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, tolak anggaran kos penyiapan dan anggaran kos yang perlu untuk penjualan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(j) Kerja pembinaan dalam pelaksanaan

Kerja pembinaan dalam pelaksanaan mewakili jumlah kasar belum dibil yang dijangka akan dikutip daripada pelanggan untuk kerja kontrak yang dijalankan sehingga kini. Ia diukur pada kos ditambah keuntungan yang diiktiraf sehingga kini tolak pengebilan berperingkat dan kerugian diiktiraf. Kos merangkumi semua perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan projek khas dan semua peruntukan overhed tetap dan berubah-ubah yang ditanggung dalam aktiviti kontrak Kumpulan berdasarkan kepada kapasiti operasi biasa.

Kerja pembinaan dalam pelaksanaan dikemukakan sebagai sebahagian daripada perdagangan belum terima dan belum terima lain sebagai jumlah yang dihutang oleh pelanggan kontrak dalam penyata kedudukan kewangan untuk semua kontrak di mana kos tertanggung ditambah keuntungan diiktiraf yang melebihi pengebilan berperingkat. Jika pengebilan berperingkat melebihi kos yang tertanggung ditambah keuntungan yang diiktiraf, perbezaan tersebut dikemukakan sebagai jumlah dihutang kepada pelanggan kontrak iaitu sebagai sebahagian daripada perdagangan dan pembayaran dikemukakan sebelum bayar lain dalam penyata kedudukan kewangan.

(k) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki dan deposit dengan bank serta pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara dengan kematangan selama tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh Kumpulan dan Syarikat dalam pengurusan komitmen jangka pendek mereka. Bagi tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai dikemukakan bersih daripada overdraf bank dan deposit sandaran.

(l) Kemerosotan nilai

(i) Aset kewangan

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung rugi, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan pelaburan dalam syarikat bersekutu) ditaksir pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat apa-apa bukti objektif kemerosotan nilai akibat daripada satu atau lebih kejadian yang memberi impak ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut. Kerugian yang dijangka akibat kejadian masa depan, tidak kira sebesar mana kemungkinannya, tetap tidak diiktiraf. Bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti, penurunan ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kosnya merupakan bukti objektif kemerosotan nilai. Jika bukti objektif sedemikian wujud, maka kerugian kemerosotan nilai aset kewangan akan dianggarkan.

Kerugian kemerosotan nilai berhubung dengan pinjaman dan belum terima serta pelaburan dipegang sehingga matang diiktiraf dalam untung rugi dan diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal aset tersebut. Jumlah bawaan aset tersebut dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Kerugian kemerosotan nilai berkaitan dengan aset kewangan sedia untuk jualan diiktiraf dalam untung rugi dan diukur sebagai perbezaan antara kos pengambilalihan aset (selepas ditolak sebarang bayaran balik dan pelunasan utama) dan nilai saksama semasa aset, tolak apa-apa kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya. Jika penurunan nilai saksama suatu aset kewangan tersedia untuk jualan telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kerugian terkumpul dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula dari ekuiti kepada untung rugi.

Kerugian kemerosotan nilai berhubung dengan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dibawa pada kos diiktiraf dalam untung rugi dan diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawa aset kewangan dan anggaran nilai semasa aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa bagi aset kewangan yang serupa.

Kerugian kemerosotan nilai dalam untung rugi bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai tersedia untuk jualan adalah tidak dibalikkan melalui untung rugi.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(l) Kemerosotan nilai (sambungan)

(i) Aset kewangan (sambungan)

Jika, pada tempoh berikutnya, nilai saksama instrumen hutang meningkat dan peningkatan tersebut boleh dikaitkan secara objektif dengan kejadian yang berlaku selepas kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam untung rugi, maka kerugian kemerosotan nilai dibalikkan, hingga setakat mana jumlah bawaan aset tersebut tidak melebihi jumlah bawaan yang mungkin ada sekiranya kemerosotan kerugian nilai tidak diiktiraf pada tarikh kemerosotan nilai tersebut dibalikkan. Jumlah pembalikan itu diiktiraf dalam untung rugi.

(ii) Aset lain

Jumlah bawaan aset lain (kecuali bagi inventori, jumlah dihutang oleh pelanggan kontrak dan aset cukai tertunda) disemak semula pada setiap akhir tempoh laporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika tanda tersebut wujud, maka jumlah boleh dikutip semula aset tersebut dianggarkan. Untuk muhibah, jumlah boleh dikutip semula dianggar pada setiap tempoh pada masa yang sama.

Bagi tujuan ujian kemerosotan nilai, aset dikumpulkan bersama dalam kumpulan terkecil yang menjana aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang sangat bergantung kepada aliran masuk tunai aset lain atau unit penjanaan tunai. Tertakluk kepada ujian siling segmen operasi, bagi tujuan ujian kemerosotan nilai muhibah, unit penjanaan tunai yang diperuntukkan kepada muhibah diagregatkan supaya tahap di mana ujian kemerosotan nilai menggambarkan tahap terendah di mana tahap muhibah dipantau bagi tujuan laporan dalaman. Muhibah yang diperoleh dalam gabungan perniagaan, bagi tujuan ujian kemerosotan nilai, diperuntukkan kepada kumpulan unit penjanaan tunai yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi pergabungan tersebut.

Jumlah boleh kutip aset atau unit penjanaan tunai adalah yang lebih besar antara nilai kegunaan dan nilai saksamanya tolak kos penjualan. Dalam menaksir nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan taksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada aset atau unit penjanaan tunai.

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf jika jumlah bawaan aset atau unit penjanaan tunai berkaitan melebihi anggaran jumlah boleh dikutip semula.

Kerugian kemerosotan nilai akan diiktiraf dengan segera dalam untung rugi, kecuali aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan nilai aset dinilai semula perlu dianggap sebagai penurunan penilaian semula. Kerugian kemerosotan nilai daripada aset tidak dinilai semula diiktiraf dalam untung rugi. Walau bagaimanapun, kerugian kemerosotan nilai daripada aset dinilai semula diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain setakat mana kerugian kemerosotan nilai tersebut tidak melebihi jumlah dalam lebihan penilaian semula bagi aset yang sama. Untuk kerugian kemerosotan nilai sedemikian atas aset dinilai semula ianya mengurangkan lebihan penilaian semula bagi aset tersebut.

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf berhubung unit penjanaan tunai diperuntukkan pada mulanya untuk mengurangkan jumlah bawaan sebarang muhibah yang diperuntukkan kepada unit penjanaan tunai (kumpulan unit penjanaan tunai) dan kemudiannya untuk mengurangkan jumlah bawaan aset lain dalam unit penjanaan tunai (kumpulan unit penjanaan tunai) pada dasar pro rata.

Kerugian kemerosotan nilai berhubung dengan muhibah tidak dibalikkan. Bagi aset lain, kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf pada tempoh terdahulu ditaksir pada akhir setiap tempoh laporan bagi apa-apa petunjuk kerugian bahawa kerugian telah berkurangan atau tiada lagi. Kerugian kemerosotan nilai dibalikkan jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh dikutip semula sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Kerugian kemerosotan nilai dibalikkan hanya setakat mana jumlah bawaan aset tidak melebihi jumlah bawaan yang mungkin telah ditentukan, bersih selepas ditolak susut nilai atau pelunasan, jika tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf. Pembalikan kerugian kemerosotan nilai dikreditkan kepada untung rugi dalam tahun kewangan pembalikan tersebut diiktiraf.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(m) Aset/Liabiliti dipegang untuk jualan

Aset bukan semasa, atau aset dan liabiliti yang dijangka akan dikutip semula terutamanya melalui pembelian dan bukannya melalui penggunaan berterusan, dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan.

Sebaik sahaja sebelum pengkelasan dipegang untuk jualan, aset dan liabiliti diukur semula menurut dasar perakaunan Kumpulan. Selepas itu, secara umum aset diukur pada yang lebih rendah antara nilai bawaan dan nilai saksama tolak kos penjualan.

Sebarang kerugian kemerosotan nilai daripada penjualan kumpulan diperuntukan dahulu kepada muhibah, dan kemudian selebihnya kepada aset atau liabiliti pada asas pro rata, kecuali tiada kerugian diperuntukkan kepada inventori, aset kewangan, aset cukai tertunda, aset manfaat kakitangan dan hartanah pelaburan yang seterusnya akan diukur berdasarkan perakaunan Kumpulan. Kerugian kemerosotan nilai daripada permulaan pengkelasan sebagai dipegang untuk jualan dan selanjutnya keuntungan atau kerugian daripada pengukuran semula diiktiraf dalam untung rugi. Keuntungan tidak diiktiraf dalam lebihan sebarang kerugian kemerosotan nilai terkumpul.

Aset tidak ketara dan hartanah, loji dan peralatan apabila dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan dilunaskan atau disusut nilai. Selain itu, perakaunan ekuiti syarikat bersekutu dan usahasama mengikut perkiraan ekuiti tamat apabila dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan.

(n) Instrumen ekuiti

Instrumen yang dikelaskan sebagai ekuiti diukur pada kos semasa pengiktirafan permulaan dan tidak diukur semula kemudiannya.

(i) Belanja penerbitan

Kos yang boleh diatribut secara langsung kepada penerbitan instrumen yang dikelaskan sebagai ekuiti diiktiraf sebagai potongan daripada ekuiti.

(ii) Saham biasa

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti dan dinyatakan pada kos.

(iii) Waran

Waran dikelaskan sebagai ekuiti dan dinyatakan pada kos.

(iv) Pembelian balik, penjualan dan penerbitan semula modal saham (saham perbendaharaan)

Apabila modal saham diiktiraf sebagai ekuiti dibeli semula, jumlah pertimbangan yang dibayar, termasuk yang boleh distribut secara langsung dengan kos, bersih daripada apa-apa kesan cukai, diiktiraf sebagai potongan daripada ekuiti. Pembelian semula saham yang tidak dibatalkan selepas itu dikelaskan sebagai saham perbendaharaan dalam penyata perubahan ekuiti.

Apabila saham perbendaharaan dijual atau diterbitkan semula kemudiannya, perbezaan antara pertimbangan jualan selepas ditolak kos yang berkaitan secara langsung dan jumlah bawa saham perbendaharaan diiktiraf sebagai ekuiti.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(o) Instrumen kewangan campuran

Instrumen kewangan campuran adalah instrumen kewangan bukan derivatif yang mengandungi kedua-dua komponen liabiliti dan ekuiti.

Instrumen kewangan campuran yang diterbitkan oleh Kumpulan dan Syarikat merangkumi RCSSI 5 tahun yang boleh ditukar kepada modal saham mengikut pilihan pemegang saham, apabila bilangan saham yang akan diterbitkan tidak berubah dengan perubahan dalam nilai saksamanya.

Komponen liabiliti sesuatu instrumen kewangan campuran diiktiraf pada permulaan pada nilai saksama liabiliti yang serupa yang tidak mempunyai opsyen penukaran ekuiti. Komponen ekuiti diiktiraf pada permulaan sebagai perbezaan antara nilai saksama instrumen kewangan campuran secara keseluruhan dan nilai saksama komponen liabiliti. Apa-apa kos urus niaga yang boleh diatribut secara langsung diperuntukkan kepada komponen liabiliti dan ekuiti mengikut nisbah kepada jumlah bawaan permulaannya.

Selepas pengiktirafan permulaan, komponen liabiliti bagi instrumen kewangan campuran diukur pada kos yang terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Komponen ekuiti instrumen kewangan campuran tidak diukur semula selepas pengiktirafan permulaan.

Faedah dan kerugian serta keuntungan berkaitan dengan liabliti kewangan diiktiraf dalam untung rugi. Semasa penukaran, liabiliti kewangan dikelaskan semula kepada ekuiti, tiada keuntungan atau kerugian diiktiraf semasa penukaran.

(p) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Manfaat kakitangan jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit diukur mengikut asas tidak didiskaun dan dibelanjakan apabila perkhidmatan berkaitan diberikan.

Liabiliti diiktiraf bagi jumlah yang dijangka akan dibayar di bawah bonus tunai jangka pendek atau pelan perkongsian keuntungan jika Kumpulan mempunyai obligasi perundangan semasa atau konstruktif untuk membayar jumlah ini akibat perkhidmatan masa lalu yang diberi oleh kakitangan dan obligasi tersebut boleh dianggarkan dengan pasti.

(ii) Pelan caruman wajib

Kumpulan menyertai skim pencen kebangsaan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang negara di mana ia beroperasi. Kumpulan mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Malaysia, iaitu sebuah skim caruman pencen wajib. Caruman kepada skim pencen wajib diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dimana perkhidmatan yang berkaitan diberikan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(p) Manfaat kakitangan (sambungan)

(iii) Pelan manfaat bertakrif

Kumpulan mengendalikan sebuah Skim Manfaat Persaraan tidak berdana ("Skim") untuk kakitangannya yang layak menurut terma pekerjaan dan amalan. Obligasi Kumpulan di bawah Skim ini ditentukan secara dalaman berdasarkan kepada andaian tertentu di mana jumlah manfaat akan diperolehi oleh kakitangan sebagai pulangan bagi perkhidmatan yang diberi adalah dianggarkan.

Peruntukan penuh telah diiktiraf untuk manfaat persaraan yang akan dibayar kepada semua kakitangan yang layak. Jika seseorang kakitangan berhenti sebelum telah mencapai usia persaraan, peruntukan yang dibuat bagi kakitangan akan dimasukkan semula.

(q) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf jika, akibat kejadian masa lalu, Kumpulan mempunyai obligasi perundangan semasa atau konstruktif yang boleh dianggar dengan pasti, dan aliran keluar manfaat ekonomi mungkin diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut. Peruntukan ditentukan dengan mendiskaun aliran tunai masa depan yang dijangka pada kadar sebelum cukai dan menggambarkan taksiran pasaran semasa nilai masa bagi wang serta risiko yang khusus kepada liabiliti tersebut. Perungkaian diskaun diiktiraf sebagai kos kewangan.

(r) Hasil dan pendapatan lain

(i) Hasil daripada pengaturan konsesi

Hasil bagi perkhidmatan pembinaan diperuntukkan di bawah pengaturan konsesi untuk loji rawatan air diiktiraf berasaskan kepada peratus penyiapan .

Apabila Kumpulan menghantar invois kepada pelanggan semasa fasa operasi dalam tempoh konsesi, ia akan mengagihkan jumlah yang akan dikumpulkan daripada invois antara:

(a) bayaran balik aset kewangan operasi, yang akan digunakan untuk mengurangkan jumlah bawaan aset kewangan operasi dalam penyata kedudukan kewangan;

(b) pendapatan faedah, yang akan diiktiraf sebagai pendapatan kewangan dalam untung rugi; dan

(c) hasil daripada jualan pukal air terawat, dan operasi dan penyenggaraan loji dalam untung rugi.

(ii) Kontrak pembinaan

Hasil kontrak meliputi jumlah permulaan yang dipersetujui dalam kontrak berserta sebarang kerja kontrak, tuntutan dan bayaran insentif, setakat mana ia mungkin akan menjana hasil dan boleh diukur dengan pasti. Sebaik sahaja keputusan sebuah kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak dan kos kontrak diiktiraf dalam untung rugi mengikut nisbah berbanding tahap penyiapan kontrak. Perbelanjaan kontrak diiktiraf sebagai tertanggung kecuali jika ia mewujudkan aset yang berkaitan dengan aktiviti kontrak pada masa hadapan.

Tahap penyiapan dinilai dengan merujuk kepada nisbah kos kontrak yang tertanggung untuk kerja yang telah dijalankan sehingga kini berbanding anggaran jumlah kos kontrak.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(r) Hasil dan pendapatan lain (sambungan)

(ii) Kontrak pembinaan (sambungan)

Apabila hasil kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak diiktiraf hanya setakat mana kos kontrak tertanggung yang berkemungkinan boleh dikutip semula. Kerugian yang dianggarkan daripada kontrak diiktiraf dengan serta merta dalam untung rugi.

(iii) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf dalam untung rugi pada tarikh hak bagi Kumpulan atau Syarikat menerima bayaran ditetapkan, yang mana dalam hal ini, sekuriti yang disebut harga adalah tarikh tanpa dividen.

(iv) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf sebagai terakru menggunakan kaedah faedah berkesan dalam untung rugi kecuali bagi pendapatan faedah yang timbul daripada pelaburan sementara bagi pinjaman yang diambil khusus untuk tujuan memperoleh aset layak yang diambilkira menurut dasar perakaunan mengenai kos peminjaman.

(v) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diambilkira mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Kos agregat insentif yang diperuntukkan kepada pemegang pajakan diiktiraf sebagai pengurangan pendapatan sewa sepanjang tempoh pajakan mengikut asas garis lurus.

(s) Kos peminjaman

Kos peminjaman yang tidak berkait secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset layak diiktiraf dalam untung rugi menggunakan kaedah faedah berkesan.

Kos peminjaman yang diatribut secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset layak, iaitu aset yang mengambil masa yang lama untuk disiapkan bagi kegunaan atau penjualan seperti yang dikehendaki, dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset tersebut .

Permodalan kos peminjaman sebagai sebahagian daripada kos aset yang layak bermula apabila perbelanjaan untuk aset tersebut sedang ditanggung, kos pepinjaman sedang tertanggung dan aktiviti yang perlu untuk menyediakan aset bagi kegunaan daripada kesemua atau penjualan sedang berlangsung. Permodalan kos peminjaman tergantung atau terhenti apabila sebahagian besar aktiviti yang perlu untuk menyediakan aset yang layak bagi kegunaannya atau jualan terganggu atau siap.

Pendapatan pelaburan yang diperoleh daripada pelaburan sementara tertentu yang menunggu perbelanjaan ke atas aset yang layak dikurangkan daripada kos yang layak untuk permodalan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(t) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai pendapatan merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf dalam untung rugi kecuali setakat mana ia berkait dengan penggabungan perniagaan atau butiran yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa merupakan jangkaan cukai yang perlu dibayar atau belum terima daripada pendapatan atau kerugian boleh dicukai bagi tahun berkenaan, menggunakan kadar cukai yang berkuat kuasa pada akhir tempoh laporan atau apa-apa sebahagian besar pelarasan kepada cukai yang perlu dibayar berhubung tahun kewangan sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, yang menyediakan perbezaan sementara antara jumlah bawaan aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dan asas cukainya. Cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara yang berikut: pengiktirafan permulaan muhibah, pengiktirafan permulaan aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan gabungan perniagaan dan yang tidak menjejaskan perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai. Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan diguna pakai terhadap perbezaan sementara tersebut apabila ia berbalik, berasaskan kepada undang-undang yang berkuat kuasa atau sebahagian besarnya berkuat kuasa pada akhir tempoh laporan.

Dimana hartanah pelaburan dibawa pada nilai saksama menurut dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2(e), jumlah cukai tertunda yang diiktiraf diukur menggunakan kadar cukai yang boleh digunakan semasa jualan aset berkenaan pada nilai bawaan pada tarikh laporan kecuali hartanah tersebut boleh disusut nilai dan dipegang dengan matlamat untuk menguasai semua manfaat ekonomi yang terkandung dalam hartanah tersebut dalam tempoh tertentu, dan bukannya melalui jualan. Dalam semua hal lain, jumlah cukai tertunda yang diiktiraf diukur berasaskan cara mana jumlah bawaan aset dan liabiliti dijangka direalisasi atau dijelaskan, menggunakan kadar cukai yang berkuat kuasa atau sebahagian besar berkuat kuasa pada tarikh laporan. Aset dan liabiliti cukai tertunda tidak didiskaun.

Aset cukai dan liabiliti tertunda diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang untuk mengimbangi liabiliti dan aset cukai semasa, dan ia berkait dengan cukai pendapatan yang dilevi oleh pihak berkuasa cukai yang sama terhadap entiti boleh dicukai yang sama, atau terhadap entiti cukai yang berbeza, tetapi ia bermaksud untuk menyelesaikan liabiliti aset cukai semasa atas dasar bersih atau aset dan liabiliti cukai mereka akan direalisasi secara serentak.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai pada masa hadapan akan tersedia berbanding perbezaan sementara yang boleh digunakan. Aset cukai tertunda dikaji pada setiap tempoh akhir laporan dan dikurangkan setakat mana ia tidak lagi berkemungkinan bahawa manfaat cukai berkaitan akan direalisasi.

Peruntukan pelaburan semula dan cukai pelaburan yang belum digunakan, yang merupakan insentif cukai dan bukan asas cukai sesebuah aset, diiktiraf sebagai aset cukai tertunda setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai pada masa hadapan akan tersedia berbanding insentif cukai tidak digunakan, boleh digunakan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(u) Operasi diberhentikan

Operasi yang diberhentikan daripada perniagaan Kumpulan yang merupakan jenis berbeza perniagaan atau kawasan geografi utama yang telah dijual atau dipegang untuk jualan. Pengkelasan sebagai operasi diberhentikan berlaku semasa penjualan atau apabila operasi tersebut memenuhi kriteria yang dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan, jika lebih awal. Apabila suatu operasi dikelaskan sebagai diberhentikan, penyata perbandingan untung rugi dan pendapatan komprehensif lain dibentangkan semula seolah-olah operasi tersebut telah diberhentikan dari awal tempoh perbandingan.

(v) Pendapatan sesaham biasa

Kumpulan mengemukakan data pendapatan asas dan dicairkan sesaham biasanya (“EPS”).

EPS asas dikira dengan membahagikan keuntungan atau kerugian yang boleh diatribut kepada pemegang saham biasa Syarikat dengan bilangan purata berwajaran saham biasa diterbitkan sepanjang tahun kewangan, dilaras untuk saham sendiri yang dipegang.

EPS dicairkan ditentukan dengan melaras keuntungan atau kerugian yang boleh diatribut kepada pemegang saham biasa dan bilangan purata berwajaran saham biasa yang tertunggak dilaras bagi saham sendiri yang dipegang untuk kesan kesemua saham biasa yang berpotensi dicairkan, yang merangkumi waran serta nota boleh tukar.

(w) Segmen operasi

Segmen operasi merupakan komponen Kumpulan yang terlibat dalam aktiviti perniagaan di mana ia boleh menjana hasil dan menanggung perbelanjaan, termasuk hasil dan perbelanjaan yang berkaitan urus niaga dengan mana-mana komponen Kumpulan yang lain. Keputusan operasi sesuatu segmen dikaji secara kerap oleh Lembaga Pengarah Kumpulan, untuk membuat keputusan mengenai peruntukan sumber kepada segmen berkenaan dan untuk menilai prestasinya, dan yang mana maklumat kewangan berasingan boleh didapati.

(x) Liabiliti luar jangka

Apabila tidak ada kemungkinan bahawa aliran keluar faedah ekonomi akan diperlukan, atau jumlahnya tidak dapat dianggar dengan pasti, obligasi tersebut tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan didedahkan sebagai liabiliti luar jangka, melainkan jika kebarangkalian aliran keluar faedah ekonomi adalah kecil. Kemungkinan wujudnya obligasi, yang mana kewujudannya hanya boleh disahkan dengan terjadinya atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa pada masa hadapan, turut didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan jika kebarangkalian aliran keluar faedah ekonomi adalah amat kecil.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(y) Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama bagi sesuatu aset atau liabiliti, kecuali bagi bayaran berasaskan saham dan urus niaga pajakan, ditentukan sebagai harga yang akan diterima bagi menjual sesuatu aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran tersebut mengandaikan bahawa urus niaga untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau dengan ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran paling menguntungkan.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana faedah ekonomi menggunakan aset menurut penggunaan tertinggi dan terbaiknya atau dengan menjualnya kepada peserta pasaran yang lain yang akan menggunakan aset mengikut penggunaan tertinggi dan terbaiknya.

Apabila mengukur nilai saksama bagi sesuatu aset atau liabiliti, Kumpulan mengguna pakai maklumat pasaran yang boleh diperhatikan setakat mana yang mungkin. Nilai saksama dikategorikan kepada peringkat-peringkat yang berlainan dalam satu hirarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

Peringkat 1: harga yang disebut (tidak diselaras) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa yang boleh diakses oleh Kumpulan pada tarikh pengukuran.

Peringkat 2: input selain daripada harga yang disebut termasuk dalam Peringkat 1 yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Peringkat 3: input yang tidak boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti.

Kumpulan mengiktiraf pindahan antara peringkat dalam hirarki nilai saksama pada tarikh peristiwa tersebut atau perubahan keadaan yang menyebabkan pindahan tersebut.

3. PENGANUGERAHAN KONSESI

(a) PNSB telah dianugerahkan konsesi berikut oleh Kerajaan Negeri:

(i) Di bawah PCCA bertarikh 22 September 1994, untuk mengambil alih, mengendali, menyelenggara, mengurus, memulih dan menambah baik loji pembersihan air sedia ada di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tarikh PCCA sehingga 31 Disember 2020;

(ii) Di bawah CCOA bertarikh 22 Mac 1995, untuk merekabentuk, membina, mengendali, menyelenggara dan mengurus kemudahan pembersihan air baharu, iaitu SSP 2 dari tarikh CCOA sehingga 31 Disember 2020; dan

(iii) Pada 17 Januari 1998, PNSB telah diberikan hak oleh Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan loji pembersihan air dan kemudahan yang berkaitan dengannya di Wangsa Maju. Kerja pembinaan bermula pada Januari 1998 dan telah disiapkan pada bulan Julai 1998. Selepas selesai, PNSB telah mengurus, mengendali dan menyelenggara loji pembersihan air tersebut. Perjanjian Konsesi berkaitan dengan loji pembersihan air ini adalah untuk tempoh 30 tahun berakhir 17 Julai 2028 dan telah diputus serta ditandatangani dengan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2004 (“Perjanjian Konsesi LPA Wangsa Maju”).

3. PENGANUGERAHAN KONSESI (SAMBUNGAN)

(a) PNSB telah dianugerahkan konsesi berikut oleh Kerajaan Negeri: (sambungan)

Pada 31 Disember 2004, PNSB memeterai perjanjian berikut berhubung dengan penswastaan perkhidmatan bekalan air di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya:

(i) Perjanjian Novasi kepada PCCA dan CCOA antara Kerajaan Negeri, PNSB dan SYABAS, di mana SYABAS akan mengambil alih tanggungjawab Kerajaan Negeri di bawah PCCA dan CCOA tersebut, berhubung dengan perkara berikut, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2005:

- pembelian dan pembayaran air terawat kepada PNSB;
- kualiti air terawat; dan
- semua perkara operasi yang berkaitan dengan pembelian, pembayaran dan kualiti air terawat.

(ii) Perjanjian Novasi kepada Perjanjian Konsesi LPA Wangsa Maju di antara Kerajaan Negeri, PNSB dan SYABAS, di mana SYABAS akan mengambil alih tanggungjawab Kerajaan Negeri di bawah Perjanjian Konsesi LPA Wangsa Maju berhubung dengan perkara berikut berkuat kuasa mulai 1 Januari 2005:

- pembelian dan pembayaran air terawat kepada PNSB;
- kualiti air terawat; dan
- semua perkara operasi yang berkaitan dengan pembelian, pembayaran dan kualiti air terawat.

(iii) Perjanjian Tambahan (berhubung dengan PCCA bertarikh 22 September 1994) di antara Kerajaan Negeri dan PNSB. Kumpulan bersetuju terhadap pengurangan dua peratus (2%) dalam jumlah tertunggak dan terhutang kepada Kumpulan di bawah PCCA setakat 30 Jun 2004. PNSB selanjutnya bersetuju terhadap pengurangan lapan peratus (8%), berkuat kuasa mulai 1 Julai 2004 dalam pengebilan bulanan kepada Kerajaan Negeri di bawah PCCA.

Di samping itu, PNSB hendaklah bertanggungjawab terhadap pengurusan dan operasi Empangan Klang Gates, Tasik Subang dan Sungai Langat.

(iv) Perjanjian Tambahan (berhubung dengan CCOA bertarikh 22 Mac 1995) di antara Kerajaan Negeri dan PNSB. PNSB bersetuju kepada pengurangan dua peratus (2%) dalam jumlah tertunggak dan terhutang kepada PNSB di bawah CCOA setakat 30 Jun 2004. PNSB selanjutnya bersetuju kepada pengurangan lapan peratus (8%), berkuat kuasa mulai 1 Julai 2004 dalam pengebilan bulanan kepada Kerajaan Negeri di bawah CCOA.

Pada 16 Ogos 2007, PNSB dan SYABAS telah memeterai dua (2) perjanjian:

(i) Perjanjian O&M Loji Pembersihan Air Sungai Lolo (Lanjutan) [“Perjanjian O&M LPA Sg Lolo (Lanjutan)”] di antara Kerajaan Negeri dan PNSB berhubung dengan pelantikan PNSB sebagai Pengendali untuk mengendali, mengurus, menyelenggara dan mempertingkat muka sauk air mentah dan loji pembersihan yang diperluaskan bertempat di atas sebidang tanah seluas 0.5 ekar yang terletak di Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan dan kerja-kerja berkaitan seperti yang dinyatakan dengan lebih terperinci dalam Lampiran 2 Perjanjian O&M LPA Sg Lolo (Lanjutan), untuk tempoh konsesi bermula pada 1 Disember 2006 dan tamat pada 31 Disember 2034; dan

3. PENGANUGERAHAN KONSESI (SAMBUNGAN)

(a) PNSB telah dianugerahkan konsesi berikut oleh Kerajaan Negeri (sambungan):

(ii) Perjanjian Novasi kepada Perjanjian O&M LPA Sg Lolo (Lanjutan) di antara Kerajaan Negeri, PNSB dan SYABAS ("Perjanjian Novasi") berhubung dengan penanggungan semua hak, manfaat, liabiliti dan obligasi di bawah Perjanjian O&M LPA Sg Lolo (Lanjutan) oleh SYABAS (kecuali mengenai perkara yang berkaitan dengan tanah dan penyelenggaraan kualiti air mentah termasuk perkara yang tidak mampu dilaksanakan atau diberikan oleh SYABAS di bawah undang-undang).

Pada 7 Mac 2008, PNSB dan SYABAS telah memeterai dua (2) perjanjian berikut:

(i) Perjanjian O&M Loji Pembersihan Air Sungai Sireh ["Perjanjian O&M LPA Sg Sireh"] di antara Kerajaan Negeri dan PNSB berhubung dengan pelantikan PNSB sebagai Pengendali untuk mengendali, mengurus dan menyelenggara muka sauk air mentah dan loji pembersihan bertempat di atas sebidang tanah seluas 6.72 ekar yang terletak di sebelah terusan berhampiran Sungai Sireh, Tanjung Karang dalam Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan dan kerja-kerja berkaitan menurut Fasal 3(a) (vi) Perjanjian Konsesi bertarikh 15 Disember 2004 di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan SYABAS, untuk tempoh konsesi selama dua puluh tujuh (27) tahun, bermula pada 1 April 2007 dan tamat pada 30 April 2034; dan

(ii) Perjanjian Novasi kepada Perjanjian O&M LPA Sg Sireh di antara Kerajaan Negeri, PNSB dan SYABAS berhubung dengan penanggungan semua hak, manfaat, liabiliti dan obligasi di bawah Perjanjian O&M LPA Sg Sireh oleh SYABAS (melainkan dan kecuali mengenai perkara yang berkaitan dengan tanah dan penyelenggaraan kualiti air mentah termasuk perkara yang tidak mampu atau berkeupayaan dilaksanakan oleh atau diberi kepada SYABAS di bawah undang-undang).

(b) LUWEI telah diperbadankan pada 28 Januari 2005 untuk melaksanakan Projek Bekalan Air di Daerah Lushan bagi tempoh konsesi selama tiga puluh (30) tahun bermula dari 1 Mei 2008. Di bawah konsesi tersebut, LUWEI akan melabur, membiaya, membina, mereka bentuk, mengendali dan menyelenggara loji pembersihan air 50,000 m^3 sehari beserta dengan saluran paip di Daerah Lushan, Wilayah Henan, China.

Kumpulan telah menyelesaikan pengambilalihan LUWEI pada 19 Ogos 2008.

(c) XINNUO telah diperbadankan pada 7 April 2008 untuk melaksanakan Projek Rawatan Air Sisa Pusat Perindustrian dan Perdagangan Chenluo, Daerah Yangxin (dahulu dikenali sebagai Pusat Perdagangan Daerah Yangxin) untuk tempoh konsesi selama dua puluh lapan (28) tahun bermula dari 8 November 2007. Di bawah konsesi tersebut, XINNUO hendaklah memperoleh, melabur, membiaya, membina, mereka bentuk, mengendali dan menyelenggara loji pembersihan air sisa 30,000 m^3 sehari di bandar Laodian (dahulu dikenali sebagai Kampung Laodian), Daerah Yangxin, Wilayah Shandong, China. Kumpulan telah menyelesaikan pengambilalihan XINNUO pada 2 Julai 2008.

(d) Hebei Sino telah diperbadankan pada 16 September 2009 untuk melaksanakan Projek Bekalan Air Perindustrian Daerah Yuanshi untuk tempoh konsesi selama tiga puluh (30) tahun bermula dari 31 Disember 2009. Di bawah konsesi tersebut, Hebei Sino melabur, membiaya, membina, mereka bentuk, mengendali dan menyelenggara kemudahan pembersihan dan pengagihan air untuk mengagihkan air ke kawasan perindustrian Daerah Yuanshi, dan menyediakan perkhidmatan serta mengenakan bayaran kepada para pengguna.

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan	Tanah milik bebas RM'000	Tanah pegangan pajak jangka RM'000	Bangunan RM'000	Bangunan RM'000
	← Berdasarkan penilaian →			←
Kos/Penilaian				
Pada Januari 2013	2,800	180,660	42,295	10,174
Penambahan	–	–	359	–
Pengambilalihan sebuah subsidiari	–	–	–	–
Pengelasan semua	–	–	–	–
Pelupusan	–	–	–	–
Hapus kira	–	–	–	–
Perbezaan pertukaran	–	–	15	–
Pada 31 Disember 2013/1 Januari 2014	**2,800**	**180,660**	**42,669**	**10,174**
Penambahan	**–**	**–**	**–**	**–**
Pelupusan	**–**	**–**	**–**	**–**
Penjualan subsidiari	**–**	**–**	**–**	**–**
Penghapusan susut nilai dan kerugian kemerosotan nilai terkumpul daripada penilaian semula	**–**	**(5,743)**	**(6,695)**	**–**
Pengelasan semula	**–**	**–**	**10,174**	**(10,174)**
Lebihan penilaian semula	**365**	**35,613**	**2,071**	**–**
Pindahan ke aset kewangan operasi	**–**	**–**	**–**	**–**
Pindahan ke aset dipegang untuk jualan (Nota 18)	**–**	**–**	**–**	**–**
Pindahan ke hartanah pelaburan (Nota 5)	**(3,165)**	**(175,530)**	**(2,800)**	**–**
Hapus kira	**–**	**–**	**–**	**–**
Perbezaan pertukaran	**–**	**–**	**16**	**–**
Pada 31 Disember 2014	**–**	**35,000**	**45,435**	**–**

Kapal RM'000	Loji dan peralatan RM'000	Komputer, perisian dan lengkapan RM'000	Perabot dan lengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Pengubahsuaian RM'000	Pembinaan dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
Berdasarkan kos							
148,472	27,474	24,106	5,697	41,928	46,160	9,032	538,798
3,336	4,021	2,599	448	5,090	1,346	3,438	20,637
–	–	190	71	216	194	–	671
–	–	1,034	680	–	(1,714)	–	–
–	–	(561)	(111)	(777)	–	–	(1,449)
–	(12)	(115)	(122)	–	–	–	(249)
8,083	125	16	17	67	15	–	8,338
159,891	**31,608**	**27,269**	**6,680**	**46,524**	**46,001**	**12,470**	**566,746**
–	**3,892**	**2,981**	**170**	**331**	**160**	**7,317**	**14,851**
–	**–**	**(450)**	**–**	**(239)**	**(14)**	**–**	**(703)**
–	**(301)**	**(23)**	**–**	**(127)**	**(46)**	**–**	**(497)**
–	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**(12,438)**
–	**–**	**(56)**	**1,251**	**–**	**9,762**	**(10,957)**	**–**
–	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**38,049**
–	**(33,930)**	**–**	**–**	**–**	**(10,904)**	**–**	**(44,834)**
–	**–**	**(3,187)**	**(1,159)**	**(4,489)**	**–**	**–**	**(8,835)**
–	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**(181,495)**
–	**(42)**	**(329)**	**(157)**	**(264)**	**(24,514)**	**(134)**	**(25,440)**
7,682	**(28)**	**12**	**12**	**15**	**9**	**–**	**7,718**
167,573	**1,199**	**26,217**	**6,797**	**41,751**	**20,454**	**8,696**	**353,122**

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Kumpulan	Tanah milik bebas RM'000	Tanah pegangan pajak jangka RM'000	Bangunan RM'000	Bangunan RM'000
	← Berdasarkan penilaian →			←
Susut nilai terkumpul dan kemerosotan nilai terkumpul:				
Pada 1 Januari 2013		1,835	4,274	508
Caj bagi tahun		1,954	626	360
Pengambilalihan sebuah subsidiari		–	–	–
Pelupusan		–	–	–
Pengelasan semula		–	–	–
Hapus kira		–	–	–
Perbezaan pertukaran		–	4	–
Susut nilai terkumpul	–	3,789	3,449	868
Kemerosotan nilai terkumpul	–	–	1,455	–
Pada 31 Disember 2013/1 Januari 2014	**–**	**3,789**	**4,904**	**868**
Caj bagi tahun	**–**	**1,954**	**830**	**158**
Pelupusan	**–**	**–**	**–**	**–**
Penjualan subsidiari	**–**	**–**	**–**	**–**
Penghapusan susut nilai dan kerugian kemerosotan nilai terkumpul daripada penilaian semula	**–**	**(5,743)**	**(6,695)**	**–**
Pengelasan semula	**–**	**–**	**1,026**	**(1,026)**
Pindahan ke aset kewangan operasi	**–**	**–**	**–**	**–**
Pindahan ke aset dipegang untuk jualan (Nota 18)	**–**	**–**	**–**	**–**
Hapus kira	**–**	**–**	**–**	**–**
Perbezaan pertukaran	**–**	**–**	**4**	**–**
	–	**–**	**69**	**–**
Nilai bawaan				
Pada 31 Disember 2014	**–**	**35,000**	**45,366**	**–**
Pada 31 Disember 2013/1 Januari 2014	**2,800**	**176,871**	**37,765**	**9,306**
Pada 1 Januari 2013, dinyatakan semula	2,800	178,825	38,021	9,666

Kapal RM'000	Loji dan peralatan RM'000	Komputer, perisian dan peralatan RM'000	Perabot dan lengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Pengubahsuaian RM'000	Pembinaan dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
Berdasarkan kos							
27,019	11,879	20,349	4,453	14,909	26,300	7,473	118,999
3,803	2,427	2,654	518	4,955	4,713	–	22,010
–	–	–	37	22	100	–	159
–	–	(550)	(92)	(429)	–	–	(1,071)
–	–	20	–	–	(20)	–	–
–	(3)	(100)	(109)	–	–	–	(212)
528	43	13	7	43	4	–	642
31,350	14,346	22,386	4,814	19,500	31,097	7,473	139,072
–	–	–	–	–	–	–	1,455
31,350	**14,346**	**22,386**	**4,814**	**19,500**	**31,097**	**7,473**	**140,527**
4,470	**2,482**	**2,171**	**525**	**5,241**	**5,148**	**–**	**22,979**
–	**–**	**(448)**	**–**	**(145)**	**(6)**	**–**	**(599)**
–	**(145)**	**(1)**	**–**	**(90)**	**(9)**	**–**	**(245)**
–	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**(12,438)**
–	**(187)**	**(506)**	**292**	**–**	**401**	**–**	**–**
–	**(15,997)**	**–**	**–**	**–**	**(1,056)**	**–**	**(17,053)**
–	**–**	**(2,432)**	**(930)**	**(2,877)**	**–**	**–**	**(6,239)**
–	**(15)**	**(302)**	**(156)**	**(99)**	**(19,192)**	**–**	**(19,764)**
930	**582**	**(6)**	**10**	**15**	**5**	**–**	**1,540**
36,750	**1,066**	**20,862**	**4,555**	**21,545**	**16,388**	**7,473**	**108,708**
130,823	**133**	**5,355**	**2,242**	**20,206**	**4,066**	**1,223**	**244,414**
128,541	**17,262**	**4,883**	**1,866**	**27,024**	**14,904**	**4,997**	**426,219**
121,453	15,595	3,757	1,244	27,019	19,860	1,559	419,799

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Syarikat	Tanah pegangan pajakan jangka panjang RM'000	Kumputer, perisian dan peralatan RM'000	Pengubahsuaian RM'000	Pembinaan dalam Pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
	Berdasarkan penilaian	← Berdasarkan kos		→	
Kos/Penilaian:					
Pada1 Januari 2013/31 Disember 2013/ 1 Januari 2014	**19,600**	**–**	**892**	**–**	**20,492**
Penambahan	**–**	**209**	**–**	**1,036**	**1,245**
Penghapusan susut nilai dan kerugian kemerosotan nilai terkumpul daripada penilaian semula	**(624)**	**–**	**–**	**–**	**(624)**
Lebihan penilaian semula	**2,219**	**–**	**–**	**–**	**2,219**
Pindahan ke hartanah pelaburan (Nota 5)	**(21,195)**	**–**	**–**	**–**	**(21,195)**
Pada 31 Disember 2014	**–**	**209**	**892**	**1,036**	**2,137**
Susut nilai terkumpul:					
Pada 1 Januari 2013	208	–	892	–	1,100
Caj susut nilai bagi tahun	208	–	–	–	208
Pada 31 Disember 2013/1 Januari 2014	**416**	**–**	**892**	**–**	**1,308**
Caj susut nilai bagi tahun	**208**	**21**	**–**	**–**	**229**
Penghapusan susut nilai dan kerugian kemerosotan nilai terkumpul daripada penilaian semula	**(624)**	**–**	**–**	**–**	**(624)**
Pada 31 Disember 2014	**–**	**21**	**892**	**–**	**913**
Nilai bawaan					
Pada 31 Disember 2014	**–**	**188**	**–**	**1,036**	**1,224**
Pada 31 Disember 2013	19,184	–	–	–	19,184
Pada 1 Januari 2013	19,392	–	–	–	19,392

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

4.1 Aset disandar sebagai cagaran

Hartanah, loji dan peralatan subsidiari dengan jumlah nilai bawa sebanyak RM130,963,000 (2013: RM357,243,000) telah dicaj sebagai cagaran untuk peminjaman Kumpulan seperti yang didedahkan dalam Nota 21 kepada penyata kewangan.

4.2 Aset dipegang di bawah pajakan pembiayaan

Nilai bawaan kenderaan bermotor Kumpulan yang dipegang di bawah pajakan pembiayaan pada tarikh laporan adalah sebanyak RM4,234,000 (2013: RM21,129,000).

4.3 Penilaian semula tanah pegangan pajakan dan bangunan

Tanah pegangan pajakan dan bangunan telah dinilai semula pada tahun semasa. Nilai saksama bagi tanah dan bangunan tersebut diperoleh dengan merujuk kepada bukti pasaran harga urus niaga bagi hartanah yang serupa dan telah dilaksanakan oleh jurunilai bebas berdaftar yang memiliki kelayakan profesional diiktiraf dan pengalaman mutakhir di lokasi terbabit dan kategori hartanah yang dinilai.

Nilai saksama bagi tanah pegangan pajakan dan bangunan ditentukan berdasarkan perbandingan dengan hartanah yang serupa di lokasi yang sama dan/atau kos atau kaedah kontraktor di mana terdapat bangunan yang dibina di atasnya melalui anggaran kos pembinaan bangunan baharu yang serupa dan ditolak dengan semua susut nilai disebabkan oleh keluputan fizikal, reka bentuk dan ekonomi. Nilai saksama bagi tanah pegangan pajakan dan bangunan tersebut dikategorikan di Peringkat 3 dalam hirarki nilai saksama dan dianggar menggunakan input-input yang tidak boleh diperhati bagi hartanah terbabit.

Jadual berikut menunjukkan teknik penilaian yang diguna pakai bagi menentukan nilai saksama dalam Peringkat 3, serta input-input utama yang tidak boleh diperhatikan yang diguna pakai bagi dalam model penilaian.

Hurian teknik penilaian	Input utama tidak boleh diperhatikan	Saling keberkaitan input utama tidak boleh diperhatikan dan ukuran nilai saksama
Pendekatan perbandingan: Kaedah ini melibatkan penentuan nilai pasaran dengan membandingkan secara langsung hartanah yang dinilai dengan hartanah serupa yang telah dijual, dengan mencari nilainya daripada urus niaga berkenaan. Kaedah ini berdasarkan prinsip bahawa nilai pasaran sesebuah hartanah adalah selari dengan nilai pasaran bagi hartanah yang serupa di kawasan yang sama dengan subjek hartanah, di mana nilainya ditampilkan menerusi urus niaga jualan hartanah ini. Bagi memperoleh nilaian tersebut, penilai profesional bebas telah membuat pelarasan bagi faktor-faktor yang boleh mempengaruhi nilai pasaran hartanah pelaburan berkenaan termasuk, tetapi tidak terhad kepada lokasi, saiz, kemudahan disediakan, keadaan pasaran dan faktor-faktor lain dengan tujuan untuk memperoleh satu asas yang sama bagi perbandingan.	Nilai tanah yang diselaraskan adalah berdasarkan ukuran kaki persegi.	Nilai saksama yang dianggar akan bertambah/(berkurangan) jika nilai tanah yang diselaraskan sekaki persegi adalah lebih tinggi/(rendah)

Proses penilaian yang diguna pakai oleh Kumpulan dan Syarikat bagi nilai saksama Peringkat 3

Nilai saksama hartanah ditentukan oleh penilai hartanah luar bebas, yang memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf setarafnya dan pengalaman mutakhir di lokasi terbabit dan kategori hartanah yang dinilai.

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

4.3 Penilaian semula tanah pegangan pajakan dan bangunan (sambungan)

Jika tanah pegangan pajakan dan bangunan diukur menggunakan model kos, nilai bawaan akan menjadi seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Tanah milik bebas pada 31 Disember:				
- Kos dan nilai bawaan bersih	**–**	2,558	**–**	–
Tanah pegangan pajakan pada 31 Disember				
- Kos	**21,110**	94,054	**–**	8,716
- Susut nilai terkumpul	**(2,804)**	(7,262)	**–**	(1,401)
- Nilai bawaan bersih	**18,306**	86,792	**–**	7,315
Bangunan 31 Disember:				
- Kos	**49,346**	33,619	**–**	–
- Susut nilai terkumpul	**(4,137)**	(3,051)	**–**	–
- Nilai bawaan bersih	**45,209**	30,568	**–**	–
	63,515	119,918	**–**	7,315

5. HARTANAH PELABURAN

	Kumpulan		Syarikat	
Pada nilai saksama	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Tanah pegangan bebas	**3,165**	–	**–**	–
Tanah pegangan pajakan jangka panjang	**175,530**	–	**21,195**	–
Bangunan	**2,800**	–	**11,000**	8,359
	181,495	–	**32,195**	8,359

Pada tahun ini, hartanah tertentu telah dipindahkan daripada hartanah, loji dan peralatan kepada hartanah pelaburan disebabkan oleh perubahan dalam penggunaan yang dikehendaki.

Pada tahun ini, Syarikat telah menukar dasar perakaunannya berhubung ukuran berikutnya bagi hartanah pelaburan daripada model kos kepada model nilai saksama untuk menyediakan pembentangan yang lebih relevan dan supaya selaras dengan dasar penilaian semula ke atas hartanah, loji dan peralatan. Perbezaan awal yang timbul antara nilai bawa dan nilai saksamanya diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan sebarang perubahan dalam nilai saksama bagi ukuran berikutnya akan diiktiraf dalam untung rugi.

5. HARTANAH PELABURAN (SAMBUNGAN)

5.1 Nilai saksama hartanah pelaburan

Jadual berikut menunjukkan teknik penilaian yang diguna pakai bagi menentukan nilai saksama dalam Peringkat 3, serta input-input utama yang tidak boleh diperhatikan yang diguna pakai bagi dalam model penilaian.

Huraian teknik penilaian	Input utama tidak boleh diperhatikan	Saling keberkaitan input utama tidak boleh diperhatikan dan ukuran nilai saksama
Pendekatan perbandingan: Kaedah ini melibatkan penentuan nilai pasaran dengan membandingkan secara langsung hartanah yang dinilai dengan hartanah serupa yang telah dijual, dengan mencari nilainya daripada urus niaga berkenaan. Kaedah ini berdasarkan prinsip bahawa nilai pasaran sesebuah hartanah adalah selari dengan nilai pasaran bagi hartanah yang serupa di kawasan yang sama dengan subjek hartanah, di mana nilainya ditampilkan menerusi urus niaga jualan hartanah ini. Bagi memperoleh nilaian tersebut, penilai profesional bebas telah membuat pelarasan bagi faktor-faktor yang boleh mempengaruhi nilai pasaran hartanah pelaburan berkenaan termasuk, tetapi tidak terhad kepada lokasi, saiz, kemudahan disediakan, keadaan pasaran dan faktor-faktor lain dengan tujuan untuk memperoleh satu asas yang sama bagi perbandingan.	Nilai tanah yang diselaraskan adalah berdasarkan ukuran kaki persegi.	Nilai saksama yang dianggar akan bertambah/(berkurangan) jika nilai tanah yang diselaraskan sekaki persegi adalah lebih tinggi/(rendah)

Proses penilaian yang diguna pakai oleh Kumpulan dan Syarikat bagi nilai saksama Peringkat 3

Nilai saksama hartanah ditentukan oleh penilai hartanah luar bebas, yang memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf sewajarnya dan pengalaman mutakhir di lokasi terbabit dan kategori hartanah yang dinilai.

6. ASET KEWANGAN OPERASI

Kumpulan	2013 RM'000
Semasa	98,088
Bukan semasa	743,771
Nilai bawaan bersih	841,859

Pada tahun semasa, aset kewangan operasi telah dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan (Nota 18).

Aset kewangan operasi diiktiraf memandangkan Kumpulan mempunyai hak berkontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada pemberi konsesi (Kerajaan Negeri) menerusi SYABAS. SYABAS hendaklah membeli air terawat pada kapasiti yang telah ditetapkan dan Kumpulan akan menerima bayaran kapasiti tetap daripada SYABAS.

Aset kewangan operasi merangkumi hasil yang terbit daripada pembinaan struktur, loji pembersihan air dan peralatan, takungan, empangan dan paip pengagihan untuk pelbagai perjanjian konsesi seperti yang didedahkan dalam Nota 3 kepada penyata kewangan. Ia telah dicaj sebagai cagaran untuk peminjaman seperti yang didedahkan dalam Nota 21 kepada penyata kewangan.

Nilai saksama perkhidmatan pembinaan dianggar menggunakan kadar kenaikan harga 5%.

7. ASET KONSESI PERKHIDMATAN

Kumpulan	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000
Kos			
Pada 1 Januari		**117,199**	98,465
Penambahan		**464**	16,957
Pelupusan		**(521)**	–
Kemerosotan nilai		**(5,027)**	–
Hapus kira		**–**	(1,248)
Pindahan ke aset dipegang untuk jualan	18	**(44,207)**	–
Perbezaan pertukaran		**2,994**	3,025
Pada 31 Disember		**70,902**	117,199
Pelunasan dan kemerosotan nilai terkumpul			
Pada 1 Januari		**32,637**	30,585
Caj pelunasan bagi tahun		**3,268**	2,736
Pelupusan		**(59)**	–
Kemerosotan nilai		**820**	–
Pindahan ke aset dipegang untuk jualan	18	**(29,878)**	–
Perbezaan pertukaran		**(398)**	(684)
Pada 31 Disember		**6,390**	32,637
Nilai bawaan		**64,512**	84,562

Aset konsesi perkhidmatan menggambarkan hak Kumpulan untuk membekalkan air bersih seperti yang diperincikan dalam Nota 3 kepada penyata kewangan. Infrastruktur konsesi telah dicaj sebagai cagaran untuk pinjaman dan peminjaman seperti yang didedahkan dalam Nota 21 kepada penyata kewangan.

8. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

		Syarikat	
	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000
Kos			
Pada 1 Januari		**464,081**	422,381
Pengambilalihan subsidiari		**55**	1,700
Langganan saham keutamaan boleh tebus dalam POG		**–**	40,000
Pindahan ke aset dipegang untuk jualan	18	**(412,532)**	–
Pada 31 Disember		**51,604**	464,081
Kerugian kemerosotan nilai			
Pada 1 Januari		**–**	–
Kerugian kemerosotan nilai bagi tahun		**3,654**	–
Pada 31 Disember		**3,654**	–
Nilai bawa			
Pada 31 Disember		**47,950**	464,081

8. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Butiran subsidiari adalah seperti berikut:

Nama	Aktiviti utama	Kepentingan Pemilikan dan Kepentingan Pengundian berkesan 2014 %	2013 %
Diperbadankan di Malaysia			
PNSB	Mengendali, menyelenggara, mengurus, membina, membaiki dan memperbaharui kemudahan pembersihan air	**100**	100
Puncak Niaga (India) Sdn. Bhd.*	Tidak aktif	**100**	100
Puncak Research Centre Sdn. Bhd.*	Penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan teknologi bagi sektor air, air sisa dan alam sekitar	**100**	100
Puncak Seri (M) Sdn. Bhd.*	Aktiviti berkaitan makanan dan minuman	**100**	100
PNMSSB*	Tidak aktif	**100**	100
POG	Pegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan logistik luar pesisir dan pengurusan marin	**100**	100
Murni Estate Sdn. Bhd.*	Tidak aktif	**100**	100
PNCSB	Kerja pembinaan, kontrak am dan aktiviti berkaitan	**100**	100
Magnum Nature Sdn. Bhd.*	Tidak aktif	**100**	–
Diperbadankan di Singapura			
SINO**	Pelaburan dalam projek air dan air sisa di PRC	**98.65**	98.65
PNOC**	Pelaburan dalam projek air, air sisa, sisa pepejal, alam sekitar serta minyak dan gas di negara-negara Asia	**100**	100
Incorporated in India			
PNIPPL*	Tidak aktif	**100**	100

8. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Butiran subsidiari adalah seperti berikut: (sambungan)

Nama	Aktiviti utama	Kepentingan Pemilikan dan Kepentingan Pengundian berkesan 2014 %	2013 %
Diperbadankan di Malaysia			
Subsidiari PNSB			
Ideal Water Resources Sdn. Bhd.*	Operasi dihentikan	**100**	100
Unggul Raya (M) Sdn. Bhd.*	Operasi dihentikan	**100**	100
Diperbadankan di PRC			
Subsidiari SINO			
LUWEI**	Pembersihan dan pengagihan air serta perkhidmatan berkaitan	**91.59**	90.70
XINNUO**	Pembersihan air sisa dan perkhidmatan berkaitan	**98.65**	98.65
Sino Water (Shanghai)**	Khidmat rundingan untuk projek air dan air sisa	**98.65**	98.65
Luancheng**	Pembersihan dan pengagihan air serta perkhidmatan berkaitan	**–**	82.86
Hebei Sino**	Pengedaran air ke kawasan perindustrian	**78.92**	78.92
Diperbadankan di Malaysia			
Subsidiari POG			
GOM Resources Sdn. Bhd.	Menyediakan perkhidmatan pemasangan luar pesisir bagi pengangkutan bersepadu dan pemasangan kemudahan luar pesisir	**100**	100
KGL	Pajakan kapal luar pesisir mengikut asas kapal kosong	**100**	100
Diperbadankan di Myanmar			
Subsidiari POG			
GOL*	Tidak aktif	**100**	100

* Diaudit oleh firma selain daripada KPMG
** Diaudit oleh anggota firma KPMG International

8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Pelupusan saham dalam subsidiari, Luancheng

Luancheng tidak lagi menjadi subsidiari SINO pada 20 Februari 2014 seperti yang dikemukakan dalam Nota 39 kepada penyata kewangan.

Sekatan ketara

Selain daripada yang didedahkan di bahagian lain dalam penyata kewangan, nilai bawaan aset yang mana sekatan yang ketara diguna pakai adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2013 RM'000
Aset konsesi perkhidmatan	15,390
Aset kewangan operasi	841,859
	857,249

Sekatan di atas timbul daripada keadaan berikut:

Sekatan dikenakan oleh Perjanjian Konsesi dimeterai dengan Kerajaan Negeri

Pada tahun 2013, semua kemudahan pembersihan air PNSB yang dikelaskan sebagai aset konsesi perkhidmatan dan aset kewangan operasi akan dipindahkan kepada Kerajaan Negeri pada akhir tempoh konsesi masing-masing. Kumpulan mungkin tidak akan mengecaj, memindah atau menjual aset-aset tersebut tanpa kelulusan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan.

Pada tahun semasa, aset konsesi perkhidmatan dan aset kewangan operasi PNSB telah dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan (Nota 18).

9. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		Syarikat	
	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Saham tidak disebut harga, pada kos	**42**	42	**42**	42
Pendahuluan	**10**	8	**9**	8
Bahagian rizab selepas pengambilalihan	**(6)**	(5)	**–**	–
	46	45	**51**	50

Nama	Aktiviti utama	Kepentingan Pemilikan dan Kepentingan Pengundian berkesan 2014 %	2013 %
Diperbadankan di Malaysia			
Oasis Water Resources Sdn. Bhd.	Tidak aktif	**40**	40
Purnama Persada Sdn. Bhd.	Tidak aktif	**50**	50

10. PELABURAN DALAM USAHASAMA

	Nota	Kumpulan 2014 RM'000	Kumpulan 2013 RM'000	Syarikat 2014 RM'000	Syarikat 2013 RM'000
Saham tidak disebut harga, pada kos		–	40,924	–	40,924
Pelaburan dalam RCULS - komponen ekuiti	10.1	–	109,865	–	109,865
Pendahuluan kepada usahasama		**5,338**	7,614	**5,338**	5,159
		5,338	158,403	**5,338**	155,948
Tolak: Kerugian kemerosotan nilai		**(5,338)**	(4,430)	**(5,338)**	(5,159)
Bahagian rizab selepas pengambilalihan		**814**	(153,115)	–	–
Pada 31 Disember		**814**	858	–	150,789

SYABAS, satu-satunya syarikat usahasama penting yang disertai oleh Kumpulan, terlibat terutamanya dalam pembekalan dan pengagihan air bersih di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta perkhidmatan berkaitan lain menurut Perjanjian Konsesi yang dimeterai dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. SYABAS merupakan pelanggan utama Kumpulan yang membeli air terawat.

Kumpulan memiliki 70% hak mengundi dalam SYABAS dan baki 30% hak mengundi dipegang oleh KDEB dan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ("KPS"). Menurut Perjanjian Pemegang Saham bertarikh 31 Disember 2004 antara Syarikat dan KDEB serta SYABAS dan Perjanjian Pemegang Saham Tambahan bertarikh 20 Februari 2009 antara Syarikat dan KDEB serta SYABAS, walaupun mempunyai hak mengundi majoriti dalam Mesyuarat Lembaga SYABAS, namun Kumpulan tidak mempunyai kemampuan praktikal untuk mengarah aktiviti berkaitan yang dijalankan oleh SYABAS secara sebelah pihak, di mana keputusan berhubung rancangan perniagaan dan belanjawan tahunan memerlukan tambahan satu undi menyokong oleh sekurang-kurangnya seorang (1) pengarah Syarikat dan seorang (1) pengarah KDEB. Lembaga merumuskan bahawa Kumpulan tidak mempunyai kawalan ke atas SYABAS tetapi mempunyai kawalan secara bersama dalam SYABAS sejak pengambilalihan pada tahun 2005. Justeru, SYABAS telah dikelaskan sebagai usahasama Kumpulan selaras dengan MFRS 11.

Bahagian kerugian dalam usahasama yang tidak diiktiraf bagi tahun kewangan 2013 adalah berjumlah RM13,818,000 dan secara kumulatifnya berjumlah RM1,062,798,000. Kumpulan berhenti mengiktiraf bahagian kerugiannya dalam usahasama kerana bahagian kerugian telah melebihi kos pelaburan dan pendahuluan, yang mana pada amnya, membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam usahasama.

Pada tahun semasa, pelaburan dalam SYABAS telah dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan (Nota 18).

10.1 Pelaburan dalam RCULS

Pada 23 Februari 2006, SYABAS memeterai Perjanjian Langganan dengan Syarikat dan KDEB berhubung penerbitan RCULS bernilai nominal sehingga RM1,045 juta oleh SYABAS. RCULS ini diterbitkan secara berperingkat kepada Syarikat dan KDEB sepanjang tempoh empat (4) tahun berikutnya dari tahun 2006 hingga 2009 untuk membiayai operasi dan perbelanjaan modal yang diperlukan oleh SYABAS di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS. Komitmen yang dibuat oleh Syarikat dan KDEB untuk melanggan RCULS tersebut, masing-masing adalah sehingga RM731.5 juta (70%) dan RM313.5 juta (30%) dan bahagian komitmen KDEB itu kemudiannya diubah menurut Surat Ikatan Pengesahan dan Penerimaan bertarikh 22 Januari 2009 yang diserah oleh Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dengan memberikan Syarikat dan KDEB masing-masing 15% antara KDEB dan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad.

Pada 9 Mac 2006, SYABAS telah menerbitkan RM135.0 juta RCULS kepada Syarikat.

Pada 22 Mei 2007, SYABAS menerbitkan RCULS selanjutnya bernilai RM77 juta kepada Syarikat.

RCULS akan ditebus sepenuhnya oleh SYABAS pada ulang tahun ke-21 dari tarikh terbitan pertama pada nilai nominal.

10. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

10.1 Pelaburan dalam RCULS (sambungan)

Setiap pemegang RCULS berhak melaksanakan hak penukarannya untuk menukar RCULS kepada saham baharu dalam SYABAS pada Harga Penukaran RM1 yang perlu dibayar untuk setiap saham baharu yang akan diterbitkan menurut penukaran RCULS atau pada harga lain sebagaimana yang dipersetujui antara SYABAS dan pemegang RCULS berkaitan sebelum Tarikh Penukaran.

Sehingga RCULS ditebus atau ditukar kepada saham SYABAS, SYABAS hendaklah membayar kepada pemegang RCULS, kupon pada nilai nominal RCULS secara tertunggak pada kadar tetap 7% setahun.

Penerimaan pembayaran untuk langganan RCULS telah dibahagi antara komponen liabiliti dan komponen ekuiti, yang mewakili nilai saksama opsyen penukaran. RCULS dimasuk kira dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat seperti berikut:

	Nota	Syarikat 2013 RM'000
Komponen hutang	12	102,135
Komponen ekuiti		109,865
Jumlah nilai nominal		212,000

Pada tahun semasa, pelaburan dalam RCULS telah dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan (Nota 18).

11. MUHIBAH

Kumpulan	2014 RM'000	2013 RM'000
Pada 1 Januari	**26,254**	25,008
Pengambilalihan subsidiari	**–**	1,090
Perbezaan pertukaran	**97**	156
Pada 31 Disember	**26,351**	26,254

Muhibah diperuntukkan kepada CGU dalam segmen berikut:

Kumpulan	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000
Minyak dan gas	11.1	**21,458**	21,458
Air dan air sisa		**3,803**	3,706
Pembinaan		**1,090**	1,090
Pada 31 Disember		**26,351**	26,254

11. MUHIBAH (SAMBUNGAN)

11.1 Minyak dan gas

Muhibah berjumlah RM21,458,000 yang timbul berikutan daripada pengambilalihan GOM Resources yang telah diselesaikan pada 30 Jun 2011 dan muhibah ini diperuntukkan kepada perniagaan minyak dan gas seluruhnya.

Jumlah boleh dikutip semula bagi CGU ini, yang termasuk dalam segmen minyak dan gas, ditentu berasaskan kepada pengiraan nilai dalam kegunaan menggunakan unjuran aliran tunai berasaskan kepada bajet kewangan yang diluluskan oleh lembaga pengarah. Unjuran aliran tunai berkekalan digunakan.

Berikut adalah penerangan mengenai setiap andaian utama yang digunakan dalam unjuran aliran tunai ke atas ujian kemerosotan nilai muhibah:

(i) Penetapan belanjawan margin dan pertumbuhan kasar

Pihak pengurusan menetapkan hasil belanjawan, margin kasar dan keputusan bagi tahun 2015 berasaskan kepada kontrak yang telah diperoleh dan jangkaan tempahan bukunya bagi hasil, selaras dengan jangkaan perkembangan pasaran berkaitan.

Adalah diandaikan bahawa:

(a) tiada pertumbuhan dalam belanjawan hasil bagi tahun 2016 dan 2017. Selepas itu, belanjawan hasil diunjur tumbuh pada kadar 5% dari tahun ke tahun bagi tahun 2018 dan 2019; dan

(b) tiada kadar pertumbuhan berkekalan untuk mencapai nilai terminal.

(ii) Kadar diskaun

Kadar diskaun yang digunakan dalam unjuran aliran tunai adalah 8% (2013: 8%) setahun.

Tidak ada kemungkinan perubahan munasabah dalam andaian utama yang boleh menyebabkan nilai bawaan muhibah yang disatukan melebihi jumlah yang boleh dikutip semula.

12. PERDAGANGAN BELUM TERIMA DAN LAIN-LAIN

	Nota	Kumpulan 2014 RM'000	Kumpulan 2013 RM'000	Syarikat 2014 RM'000	Syarikat 2013 RM'000
Perdagangan					
Semasa					
Perdagangan belum terima	12.1	**49,206**	139,661	**–**	–
Jumlah tertahan dipegang oleh pelanggan	12.6	**1,247**	–	**–**	–
Pendahuluan kepada subkontraktor		**12,426**	6,388	**–**	–
Usahasama	12.2	**–**	241,912	**–**	–
Jumlah dihutang oleh pelanggan kontrak	12.3	**164,780**	188,434	**–**	–
		227,659	576,395	**–**	–
Tolak: Kerugian kemerosotan nilai		**(5,021)**	(6,897)	**–**	–
Perdagangan belum terima, bersih		**222,638**	569,498	**–**	–
Bukan perdagangan					
Jumlah dihutang oleh subsidiari	12.4	**–**	–	**258,968**	236,346
Pra bayaran		**7,883**	8,389	**412**	233
Belum terima yang lain		**13,207**	21,751	**11,327**	11,265
Deposit		**4,721**	5,723	**439**	193
		25,811	35,863	**271,146**	248,037
Tolak: Kerugian kemerosotan nilai		**(9,131)**	(9,131)	**(16,580)**	(15,573)
		16,680	26,732	**254,566**	232,464
		239,318	596,230	**254,566**	232,464
Perdagangan					
Bukan semasa					
Perdagangan belum terima	12.5	**–**	88,111	**–**	–
Usahasama	12.2	**–**	1,753,339	**–**	–
		–	1,841,450	**–**	–
Bukan perdagangan					
Usahasama – RCULS	10.1	**–**	102,135	**–**	102,135
Usahasama – faedah belum terima		**–**	80,584	**–**	80,584
Bahagian kerugian dalam usahasama		**–**	(182,719)	**–**	–
		–	–	**–**	182,719
		–	1,841,450	**–**	182,719
Jumlah perdagangan belum terima dan lain-lain		**239,318**	2,437,680	**254,566**	415,183

12.1 Perdagangan belum terima

Perdagangan belum terima adalah tidak dikenakan faedah dan umumnya bertempoh sekitar 30 hingga 90 hari (2013: 90 hari). Tempoh kredit lain ditaksir dan diluluskan berdasarkan kes demi kes.

Pada tahun lepas, termasuk dalam perdagangan semasa belum terima adalah amaun kena bayar daripada Serba Tiara yang berjumlah RM87,850,000 bagi bekalan kuantiti pukal air bersih kepada Kerajaan Negeri seperti yang dinyatakan dalam Nota 12.5.

12. PERDAGANGAN BELUM TERIMA DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

12.2 Jumlah dihutang oleh usahasama, SYABAS

Perdagangan	2013 RM'000
Jualan pukal	1,765,975
Pampasan bagi bayaran lewat	334,627
	2,100,602
Tolak: Kerugian kemerosotan nilai	(105,351)
	1,995,251
Bukan semasa	(1,753,339)
Semasa	241,912

Pada tahun semasa, jumlah dihutang oleh SYABAS telah dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan (Nota 18).

Selaras dengan Perjanjian Novasi antara PNSB, Kerajaan Negeri dan SYABAS, SYABAS mempunyai hak untuk membayar pengendali aktiviti rawatan air mengikut nisbah yang sesuai apabila SYABAS tidak mempunyai dana yang mencukupi. Pampasan dicaj atas bayaran lewat tertunggak pada 8.30% - 8.60% setahun. Pada 2013, PNSB menganggar bahawa jumlah dihutang oleh SYABAS akan diterima sepenuhnya pada akhir 2017 bergantung kepada keputusan positif yang diharapkan daripada litigasi terhadap Kerajaan Negeri oleh SYABAS berkaitan dengan tuntutan pampasan tariff. Justeru, jumlah RM1,753,339,000 telah dikelaskan sebagai bukan semasa.

12.3 Jumlah dihutang oleh/(kepada) pelanggan kontrak

		Kumpulan	
	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000
Kos kontrak pembinaan yang ditanggung sehingga kini		**890,747**	1,809,674
Keuntungan boleh diagihkan		**67,137**	132,815
		957,884	1,942,489
Tolak: Pengebilan berperingkat		**(793,104)**	(1,756,992)
		164,780	185,497
Diwakili oleh:			
Jumlah dihutang oleh pelanggan kontrak		**164,780**	188,434
Jumlah dihutang kepada pelanggan kontrak	22	**–**	(2,937)
		164,780	185,497

12.4 Jumlah dihutang oleh subsidiari

Jumlah dihutang oleh subsidiari adalah tanpa faedah, tidak bercagar dan akan dibayar semula atas permintaan.

12. PERDAGANGAN BELUM TERIMA DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

12.5 Perdagangan bukan semasa belum terima

Perdagangan bukan semasa belum terima adalah berkaitan dengan jumlah dihutang oleh Serba Tiara yang tidak dikenakan faedah dan dijamin oleh Kerajaan Negeri. Jumlah tersebut timbul berikutan daripada jumlah terhutang oleh Kerajaan Negeri berhubung dengan kuantiti pukal bekalan air bersih. Pada 3 Februari 2005, Kerajaan Negeri memeterai Perjanjian Novasi dengan Serba Tiara, di mana Serba Tiara menanggung dan mengambilalih obligasi Kerajaan Negeri untuk membayar PNSB sebanyak RM518,566,000 dalam sepuluh (10) ansuran tahunan bermula pada 2006.

Setakat akhir tahun, baki tertunggak adalah seperti berikut:

	Nota	2013 RM'000
Perdagangan belum terima, kasar		179,716
Tolak: Peruntukan kemerosotan nilai		(46,750)
Tambah: Tambahan faedah		42,995
		175,961
Semasa	12.1	(87,850)
Bukan semasa		88,111

Bahagian semasa dimasukkan ke dalam perdagangan belum terima pihak ketiga. Pada tahun semasa, jumlah dihutang oleh Serba Tiara telah dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan (Nota 18).

12.6 Jumlah tertahan dipegang oleh pelanggan

Jumlah tertahan yang dipegang oleh pelanggan adalah berkaitan dengan kontrak pembinaan dan tidak bercagar dan tanpa faedah.

13. ASET/(LIABILITI) CUKAI TERTUNDA

ASET/(LIABILITI) CUKAI TERTUNDA YANG DIIKTIRAF

Aset dan liabiliti cukai tertunda adalah berkaitan dengan perkara berikut:

Kumpulan	Pada 1 Januari 2013 RM'000	Diiktiraf dalam untung rugi (Nota 28) RM'000	Diiktiraf dalam ekuiti RM'000
Aset/(liabiliti) cukai tertunda			
Pinjaman dan peminjaman	(32,313)	5,598	(2,299)
Faedah belum terima	(16,691)	(3,455)	–
Aset konsesi perkhidmatan	(1,700)	67	–
Aset kewangan operasi	(179,586)	19,655	–
Perdagangan belum terima	8,765	(467,417)	–
Hartanah, loji dan peralatan	(46,809)	42,450	–
Kerugian cukai belum digunakan	–	64,073	–
Peruntukan pelaburan semula	–	142,598	–
Lain-lain	5,934	860	–
	(262,400)	(195,571)	(2,299)
Syarikat			
Liabiliti cukai tertunda			
Faedah belum terima	(16,691)	(3,455)	–
Hartanah, loji dan peralatan	(4,849)	1,882	–
Pinjaman dan peminjaman	–	909	(2,299)
Lain-lain	(98)	98	–
	(21,638)	(566)	(2,299)

Pada 31 Disember 2013/ 1 Januari 2014 RM'000	Diiktiraf dalam untung rugi (Nota 28) RM'000	Diiktiraf dalam ekuiti dan pendapatan komprehensif lain RM'000	Pindahan kepada liabiliti dipegang untuk jualan (Nota 18) RM'000	Pada 31 Disember 2014 RM'000
(29,014)	3,854	761	23,609	(790)
(20,146)	(2,782)	–	–	(22,928)
(1,633)	106	–	–	(1,527)
(159,931)	2,858	–	157,073	–
(458,652)	(112,247)	–	573,472	2,573
(4,359)	41,658	11,048	(42,857)	5,490
64,073	24,182	–	(73,373)	14,882
142,598	–	–	(142,598)	–
6,794	(3,301)	(678)	(3,523)	(708)
(460,270)	(45,672)	11,131	491,803	(3,008)
(20,146)	(2,782)	–	–	(22,928)
(2,967)	(1,996)	2,028	–	(2,935)
(1,390)	(161)	761	–	(790)
–	(565)	(619)	–	(1,184)
(24,503)	(5,504)	2,170	–	(27,837)

13. ASET/(LIABILITI) CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		Syarikat	
	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Dibentangkan selepas pengimbangan yang bersesuaian seperti berikut:				
Aset cukai tertunda	**18,227**	14,966	**–**	–
Liabiliti cukai tertunda	**(21,235)**	(475,236)	**(27,837)**	(24,503)
	(3,008)	(460,270)	**(27,837)**	(24,503)

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi peruntukan modal tidak diserap, kerugian cukai belum guna dan peruntukan pelaburan semula belum guna yang dibawa ke hadapan setakat mana realisasi berkaitan dengan manfaat cukai menerusi keuntungan boleh dicukai masa hadapan tersedia. Para Pengarah berpendapat bahawa Kumpulan akan berupaya mengurangkan cukai yang akan dibayar memandangkan keuntungan masa hadapan dan manfaat terakru kepada Kumpulan daripada konsesi air sedia ada yang telah diberi kepada Kumpulan (Nota 3) yang berkaitan dengan aset cukai tertunda. Peruntukan modal tidak diserap, kerugian cukai belum guna dan peruntukan pelaburan semula belum guna adalah tersedia tanpa had untuk pengurangan daripada keuntungan boleh dicukai masa hadapan bagi entiti-entiti dalam Kumpulan.

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi butiran berikut:

	Kumpulan	
	2014 RM'000	2013 RM'000
Kerugian cukai dan peruntukan modal	**2,296**	3,674

14. INVENTORI

	Kumpulan	
	2014 RM'000	2013 RM'000
Kos		
Bahan kimia rawatan air	**119**	2,732
Alat ganti dan peralatan	**–**	2,109
Bahan api	**1,092**	477
	1,211	5,318

Pada tahun ini, jumlah inventori yang diiktiraf dalam untung rugi Kumpulan adalah RM5,248,000 (2013: RM5,304,000) dan meliputi butiran berikut:

	Kumpulan	
	2014 RM'000	2013 RM'000
Kontrak pembinaan minyak dan gas	**5,248**	5,304

15. PELABURAN JANGKA PENDEK

	Kumpulan dan Syarikat	
	2014 RM'000	2013 RM'000
Pada 31 Disember/Nilai pasaran	**10,269**	50,029

Pelaburan jangka pendek adalah merangkumi penempatan dana dalam institusi-institusi kewangan.

16. CUKAI BOLEH DAPAT BALIK

Cukai boleh dapat balik pada 2013 timbul terutamanya, daripada semakan pengiraan cukai yang diserahkan oleh Syarikat seperti yang dinyatakan dalam Nota 28 dan Nota 36 kepada penyata kewangan.

17. TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Deposit dengan bank berlesen	**391,427**	546,457	**332,720**	224,038
Tunai dan baki bank	**54,920**	125,449	**21,516**	1,400
Pada 31 Disember	**446,347**	671,906	**354,236**	225,438

Tunai dan bersamaan tunai Kumpulan meliputi jumlah sebanyak RM85,000 (2013: RM132,994,000) yang disandarkan dan ditetapkan sebagai cagaran kepada pinjaman seperti dinyatakan dalam Nota 21.

18. ASET/LIABILITI DIKELASKAN SEBAGAI DIPEGANG UNTUK JUALAN

Berikutan komitmen Kumpulan untuk menjual PNSB dan SYABAS pada 11 November 2014 seperti yang dinyatakan dalam Nota 40, aset dan liabiliti yang berkaitan dengan aktiviti konsesi mereka, dibentangkan sebagai aset/liabiliti yang dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan. Usaha untuk menyempurnakan penjualan sedang diteruskan dan urus niaga dijangka akan selesai dalam tempoh dua belas bulan akan datang.

Pada 31 Disember 2014, aset dan liabiliti yang dipegang untuk jualan adalah seperti berikut:

	Nota	Kumpulan 2014 RM'000	Syarikat 2014 RM'000
Aset dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan			
Hartanah, loji dan peralatan	18.1	**2,596**	**–**
Aset kewangan operasi	6	**780,058**	**–**
Aset konsesi perkhidmatan	7	**14,329**	**–**
Pelaburan dalam subsidiari	8	**–**	**412,532**
Pelaburan dalam usahasama	10	**–**	**150,789**
Perdagangan belum terima dan lain-lain	18.2	**2,567,324**	**197,669**
Inventori		**5,857**	**–**
Cukai boleh dapat balik		**80,173**	**–**
Tunai dan baki bank	18.3	**167,761**	**–**
		3,618,098	**760,990**

18. ASET/LIABILITI DIKELASKAN SEBAGAI DIPEGANG UNTUK JUALAN (SAMBUNGAN)

	Nota	Kumpulan 2014 RM'000	Syarikat 2014 RM'000
Liabiliti dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan			
Peruntukan bagi manfaat persaraan	20	**2,130**	**–**
Pinjaman dan peminjaman	18.4	**1,725,899**	**–**
Perdagangan belum dibayar dan lain-lain	18.5	**51,518**	**–**
Liabiliti cukai tertunda	13	**491,803**	**–**
		2,271,350	**–**

18.1 Hartanah, loji dan peralatan

Kumpulan	Kos (Nota 4) RM'000	Susut nilai terkumpul (Nota 4) RM'000	Jumlah bawaan RM'000
Pada 31 Disember 2014			
Perabot dan lekapan	1,159	**(930)**	**229**
Kenderaan bermotor	4,489	**(2,877)**	**1,612**
Komputer, perisian dan peralatan	3,187	**(2,432)**	**755**
	8,835	**(6,239)**	**2,596**

18.2 Perdagangan belum terima dan lain-lain

	Nota	Kumpulan 2014 RM'000	Syarikat 2014 RM'000
Perdagangan			
Jumlah dihutang oleh Serba Tiara	12.5	**91,866**	**–**
Jumlah dihutang oleh usahasama, SYABAS	12.2	**2,469,913**	**–**
		2,561,779	**–**
Bukan perdagangan			
Usahasama – RCULS	10.1	**–**	**102,135**
Usahasama – faedah belum terima		**–**	**95,534**
		–	**197,669**
Pra bayaran		**2,865**	**–**
Belum terima lain		**498**	**–**
Faedah belum terima		**135**	**–**
Runcit belum terima		**521**	**–**
Deposit		**1,526**	**–**
		5,545	**197,669**
		2,567,324	**197,669**

18. ASET/LIABILITI DIKELASKAN SEBAGAI DIPEGANG UNTUK JUALAN (SAMBUNGAN)

18.2 Perdagangan belum terima dan lain-lain (sambungan)

Menurut Perjanjian Novasi antara PNSB, Kerajaan Negeri dan SYABAS, SYABAS berhak untuk membayar pengendali aktiviti rawatan air mengikut nisbah apabila SYABAS tidak mempunyai dana yang mencukupi. Pampasan dicaj kepada bayaran lewat tertunggak pada 8.60% - 8.85% setahun. Pada 2014, PNSB menganggarkan jumlah yang dihutang oleh SYABAS akan diterima sepenuhnya pada akhir 2018 bergantung kepada keputusan positif yang diharapkan daripada litigasi yang diambil terhadap Kerajaan Negeri oleh SYABAS berhubung dengan tuntutan pampasan tariff.

18.3 Tunai dan baki bank

	Kumpulan 2014 RM'000
Deposit dengan bank berlesen	**35,576**
Tunai dan baki bank	**132,185**
	167,761

Tunai dan baki bank termasuk jumlah sebanyak RM126,045,000 yang disandarkan dan ditetapkan sebagai cagaran bagi pinjaman.

18.4 Pinjaman dan peminjaman

	Nota	Kumpulan 2014 RM'000
Pinjaman sokongan Kerajaan	21.1	**24,410**
BAIDS/MCPs/MMTNs	21.2	**1,017,477**
JNA	21.3	**229,755**
RSBs	21.4	**453,723**
Obligasi di bawah pajakan kewangan		**534**
		1,725,899

18.5 Perdagangan belum bayar dan lain-lain

	Kumpulan 2014 RM'000
Perdagangan	
Pihak ketiga	**11,075**
	11,075
Bukan perdagangan	
Kos kewangan akan dibayar	**15,634**
Akruan	**24,809**
	40,443
	51,518

18. ASET/LIABILITI DIKELASKAN SEBAGAI DIPEGANG UNTUK JUALAN (SAMBUNGAN)

18.6 Komitmen modal

	Kumpulan 2014 RM'000
Perbelanjaan modal:	
Kontrak diluluskan dan dikontrakkan	**12,425**

19. MODAL DAN RIZAB

19.1 Modal saham

	Kumpulan dan Syarikat			
	2014		2013	
	Jumlah RM	Bilangan Saham	Jumlah RM	Bilangan Saham
Dibenarkan:				
Saham biasa berharga RM1 sesaham	**1,300,000,000**	**1,300,000,000**	1,300,000,000	1,300,000,000
Diterbitkan dan berbayar penuh:				
Pada 1 Januari	**411,260,838**	**411,260,838**	411,142,895	411,142,895
Terbitan saham di bawah penukaran waran	**2,948,939**	**2,948,939**	117,943	117,943
Terbitan saham menurut penukaran RCSSI	**1,750,000**	**1,750,000**	–	–
Pada 31 Disember	**415,959,777**	**415,959,777**	411,260,838	411,260,838

(a) Saham biasa

Pemegang saham biasa Syarikat berhak untuk menerima dividen dari semasa ke semasa, dan berhak kepada satu undi bagi setiap saham di mesyuarat Syarikat. Berhubung dengan saham perbendaharaan Syarikat yang dipegang oleh Syarikat (lihat di bawah), semua hak digantung sehingga saham-saham tersebut diterbitkan semula.

(b) Waran

Pada 23 Julai 2013, Syarikat telah menerbitkan 40,910,609 waran bebas dengan harga pelaksanaan RM1.00 setiap satu pada asas satu (1) waran bagi setiap sepuluh (10) saham biasa sedia ada berharga RM1.00 sesaham dalam Syarikat yang dipegang oleh pemegang saham Syarikat yang berhak. Waran tersebut disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Securities pada 26 Julai 2013.

Waran ini akan tamat tempoh pada penghujung lima tahun dari tarikh terbitannya.

Waran yang dilaksanakan sepanjang tahun kewangan menghasilkan 2,948,939 (2013: 117,943) saham biasa baharu yang diterbitkan berharga RM1.00 sesaham.

Pada 31 Disember 2014, 37,843,727 (2013: 40,792,666) waran masih belum dilaksana.

19. MODAL DAN RIZAB (SAMBUNGAN)

19.1 Modal saham (sambungan)

(c) RCSSI

Sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2014, terdapat penerbitan sebanyak 1,750,000 saham biasa baharu berharga RM1.00 setiap satu menurut penukaran RCSSI sebanyak RM3,500,000.

19.2 Premium saham

Premium saham meliputi premium yang dibayar atas langganan saham dalam Syarikat melebihi dan mengatasi nilai tara saham.

19.3 Saham perbendaharaan

Saham perbendaharaan berkaitan dengan saham biasa Syarikat yang dipegang oleh Syarikat. Jumlah tersebut merangkumi kos pembelian saham perbendaharaan yang perlu selepas ditolak kutipan yang diterima daripada jualan atau penerbitan selepas itu. Pengarah Syarikat komited untuk meningkatkan nilai Syarikat kepada para pemegang sahamnya dan percaya bahawa rancangan pembelian balik boleh digunakan untuk kepentingan Syarikat dan pemegang sahamnya.

Tidak ada pembelian semula modal saham diterbitkan pada tahun semasa.

Pada 31 Disember 2014, Syarikat memegang 2,036,800 (2013: 2,036,800) saham biasa Syarikat pada RM1.00 sesaham sebagai saham perbendaharaan.

19.4 Rizab pertukaran matawang asing

Rizab pertukaran merangkumi semua perbezaan matawang asing yang timbul daripada terjemahan penyata kewangan operasi asing.

19. MODAL DAN RIZAB (SAMBUNGAN)

19.5 Rizab penilaian semula

Rizab penilaian semula berkaitan dengan penilaian semula hartanah, loji dan peralatan dan juga hartanah yang dikelaskan semula daripada hartanah, loji dan peralatan kepada hartanah pelaburan. Butir-butir terperinci mengenai rizab penilaian semula tersebut adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Pada 1 Januari, kasar	**92,117**	92,117	**12,109**	12,109
Tambah: Lebihan penilaian semula tanah dan bangunan, diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain	**38,049**	–	**2,219**	–
Lain-lain	**–**	–	**2,835**	–
Pada 31 Disember, kasar	**130,166**	92,117	**17,163**	12,109
Pada 1 Januari, cukai tertunda	**23,029**	23,029	**3,027**	3,027
Tolak: Diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain bagi lebihan penilaian untuk tanah dan bangunan	**(12,582)**	–	**(2,028)**	–
Lain-lain	**–**	–	**(141)**	–
Pada 31 Disember, cukai tertunda	**10,447**	23,029	**858**	3,027
Pada 31 Disember, bersih	**119,719**	69,088	**16,305**	9,082

19.6 Komponen ekuiti RCSSI

Rizab modal meliputi bahagian ekuiti RCSSI yang diterbitkan (lihat Nota 21).

19.7 Rizab lain

Rizab lain mewakili premium yang dibayar daripada pengambilalihan kepentingan bukan kawalan dalam KGL, GOM Resources dan LUWEI.

19.8 Rizab tersedia untuk jualan

Rizab tersedia untuk jualan mewakili keuntungan atau kerugian nilai saksama daripada pelaburan jangka pendek.

20. PERUNTUKAN BAGI MANFAAT PERSARAAN

Kumpulan mengendalikan Skim Manfaat Persaraan Tertentu ("Skim") tidak berdana untuk kakitangan PNSB yang layak. Di bawah Skim ini, kakitangan yang layak berhak untuk mendapat manfaat persaraan sebanyak 0.50 sehingga 1.25 bulan daripada gaji terakhir mereka bagi setiap tahun perkhidmatan dengan PNSB apabila mencapai usia persaraan 55 tahun atau usia persaraan sukarela 50 tahun pada 31 Disember 2013.

Pergerakan bagi peruntukan manfaat persaraan adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2013 RM'000
Pada 1 Januari	2,143
Tambah: Peruntukan bagi tahun	251
Tolak: Bayaran yang dibuat pada tahun	(342)
Pada 31 Disember	2,052
Tempoh matang peruntukan:	
Tidak lebih dari 1 tahun	–
Lebih dari 1 tahun tetapi tidak lebih dari 2 tahun	–
Lebih dari 2 tahun	2,052
	2,052

Pada tahun semasa, peruntukan bagi manfaat persaraan telah dikelaskan sebagai liabiliti dipegang untuk jualan (Nota 18).

21. PINJAMAN DAN PEMINJAMAN

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Bukan semasa					
Bercagar:					
Pinjaman sokongan kerajaan	21.1	–	24,409	–	–
BAIDS/MCPs/MMTNs	21.2	–	1,016,591	–	–
Pinjaman bertempoh USD36 juta	21.6	**34,965**	58,959	–	–
RSBs	21.4	–	462,927	–	–
JNA	21.3	–	213,091	–	–
RCSSI	21.8	**138,548**	136,714	**138,548**	136,714
Obligasi di bawah pajakan kewangan	35.2	**2,361**	7,677	–	–
		175,874	1,920,368	**138,548**	136,714
Tidak bercagar:					
Pinjaman Bank Dunia Novasi MOF Lushan	21.5	**10,536**	10,734	–	–
Lain-lain		**4,970**	1,929	–	–
		15,506	12,663	–	–
		191,380	1,933,031	**138,548**	136,714

21. PINJAMAN DAN PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

	Nota	Kumpulan 2014 RM'000	Kumpulan 2013 RM'000	Syarikat 2014 RM'000	Syarikat 2013 RM'000
Semasa					
Bercagar:					
Pinjaman sokongan Kerajaan	21.1	**–**	7,667	**–**	–
Pinjaman bertempoh USD36 juta	21.6	**27,972**	26,204	**–**	–
Kredit pusingan	21.7	**–**	80,839	**–**	–
Obligasi di bawah pajakan kewangan	35.2	**1,217**	4,917	**–**	–
		29,189	119,627	**–**	–
Tidak bercagar:					
Pinjaman Bank Dunia					
Novasi MOF Lushan	21.5	**792**	1,093	**–**	–
		792	1,093	**–**	–
		29,981	120,720	**–**	–

21.1 Pinjaman Sokongan Kerajaan

Pinjaman sokongan kerajaan daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 1998 adalah bagi membiayai pembinaan Loji Pembersihan Air Wangsa Maju dan kemudahan berkaitan. Ia bercagar terhadap semua wang dalam kedudukan kredit Akaun Projek Khas.

Pinjaman sokongan kerajaan dikenakan faedah 3% setahun dengan tempoh bayaran selama dan perlu dibayar sepanjang 13 tahun bermula 11 April 2004, iaitu selepas Kerajaan Persekutuan menyusun semula pinjaman tersebut.

Pada tahun semasa, pinjaman sokongan kerajaan telah dikelaskan sebagai liabiliti dipegang untuk jualan (Nota 18.4)

21.2 BAIDS/MCPs/MMTNs

Pada 12 Oktober 2000, PNSB memeterai beberapa perjanjian dengan United Overseas Bank (Malaysia) Bhd. dan dengan pelbagai pihak untuk mengumpulkan BAIDS 10-Tahun bernilai RM1,020,000,000 dan Kemudahan Penerbitan MCPs/MMTNs bernilai RM350,000,000. Kemudiannya, pada 28 Oktober 2000, PNSB menerbitkan seluruh BAIDS dan MCPs bernilai RM120,000,000, yang mana sebahagian besar penerimaannya digunakan untuk membayar balik sepenuhnya Kemudahan Penaja Jaminan Pusingan sebanyak RM800,000,000 dan Pinjaman Bertempoh berjumlah RM300,000,000.

Pada 2011, BAIDS telah diambilalih oleh ACQUA.

Pada 19 April 2013, PNSB telah melaksanakan perjanjian tambahan yang berkaitan untuk penyusunan semula bon belum lunas yang merangkumi BAIDS, RSBs dan JNA dengan ACQUA. Selaras dengan penyusunan semula tersebut, terma yang disemak semula adalah seperti berikut:

Tarikh penebusan	27 Oktober 2016
Kupon	5.30% hingga 5.60% setahun
Kolateral	Penyerahan hak undang-undang terhadap akaun operasi dan akaun penebusan mandatori PNSB (untuk dikongsi melalui pengaturan perkongsian cagaran dengan JNA and RSBs)

21. PINJAMAN DAN PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

21.2 BAIDS/MCPs/MMTNs (sambungan)

BAIDS memerlukan kolateral berikut:

(i) Debentur terhadap semua aset tetap dan terapung PNSB (tidak termasuk caj terhadap Sistem Bekalan Pengagihan 2 dan Loji Pembersihan Air Wangsa Maju);

(ii) Penyerahan hak PCCA dan CCOA PNSB;

(iii) Penyerahan hak insuran PNSB (tidak termasuk insuran berhubung dengan Sistem Bekalan Pengagihan 2 dan Loji Pembersihan Air Wangsa Maju); dan

(iv) Penyerahan hak undang-undang terhadap akaun operasi dan akaun penebusan mandatori PNSB (untuk dikongsi melalui pengaturan perkongsian cagaran dengan JNA dan RSBs).

Pada tahun semasa, BAIDS/MCPs/MMTNs telah dikelaskan sebagai liabiliti dipegang untuk jualan (Nota 18.4).

21.3 JNA

	2013 RM'000
Nilai nominal	328,125
Pelarasan nilai saksama terhadap pengiktirafan awal	(155,554)
	172,571
Pertambahan kos kewangan	40,520
	213,091

JNA menanggung kadar kupon 5.68% setahun dan tempoh JNA dibentangkan seperti berikut:

	Nilai nominal RM'000
Tarikh penebusan	
18 November 2016	54,688
20 November 2017	109,375
20 November 2018	109,375
20 November 2019	54,687
	328,125

JNA dicagar melalui penyerahan hak undang-undang terhadap akaun operasi dan akaun penebusan mandatori PNSB.

Pada tahun semasa, JNA telah dikelaskan sebagai liabiliti dipegang untuk jualan (Nota 18.4).

21. PINJAMAN DAN PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

21.4 Bon Bercagar Boleh Tebus ("RSBs")

	2013 RM'000
Nilai nominal	435,000
Tolak: hasil hingga matang	(19,705)
Penerimaan bersih	415,295
Pertambahan kos kewangan	47,632
	462,927

Tarikh matang RSBs ialah 10 tahun dari tarikh penerbitan pada tahun 2006. RSBs hendaklah menanggung kadar kupon seperti berikut yang perlu dibayar setiap setengah tahun mengikut tunggakan terhadap amaun yang belum dilunaskan:

Dari tarikh penerbitan hingga tahun 5	: 5.50% setahun
Selepas tahun 5 hingga tahun 10	: 11.00% setahun

Melainkan telah ditebus, dibeli dan dibatalkan sebelumnya, RSBs hendaklah ditebus oleh Syarikat mengikut nilai tara atau mengikut nilai nominal masing-masing pada tarikh matang.

RSB dicagar melalui penyerahan hak undang-undang terhadap akaun operasi dan akaun penebusan mandatori PNSB.

Pada tahun semasa, RSBs telah dikelaskan sebagai liabiliti dipegang untuk jualan (Nota 18.4).

21.5 Pinjaman Bank Dunia Novasi MOF Lushan

Pinjaman telah diberikan kepada kerajaan PRC oleh Bank Dunia bagi membiayai Projek Bekalan Air di Wilayah Henan, yang kemudiannya dinovasikan kepada LUWEI bagi membiayai pembinaan loji pembersihan air dan menaik taraf rangkaian paip sedia ada. Jumlah had pinjaman telah dinaikkan dari USD3,830,000 ke USD4,030,000 pada tahun 2014 dengan tertakluk kepada amaun penggunaan pinjaman sebenar yang diluluskan oleh kerajaan tempatan PRC. Pinjaman ini tidak bercagar dan perlu dibayar balik pada setiap suku tahun bermula pada 15 Januari 2013 dan berakhir pada 15 Julai 2026.

Faedah pinjaman bagi tahun kewangan ialah 0.91% (2013: 1.24%) setahun.

21.6 Pinjaman bertempoh USD36 juta

Pada tahun kewangan sebelumnya, KGL telah memperoleh kemudahan pinjaman bertempoh bersindiket sebanyak USD36 juta daripada dua buah bank tempatan berlesen. Pinjaman ini telah digunakan pada April 2013. Kemudahan ini pada asalnya adalah untuk tempoh 6 bulan dari tarikh penggunaan pinjaman pertama kemudahan tersebut. Pada 14 Mac 2013, dua buah bank tempatan berlesen tersebut telah meluluskan pelanjutan tempoh kemudahan kepada 5 tahun.

Amaun pokok perlu dibayar balik setiap suku tahun mengikut ansuran setara sebanyak USD2 juta manakala faedah perlu dibayar balik setiap suku tahun ialah pada kadar 2.0% melebihi kos dana setahun.

21. PINJAMAN DAN PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

21.6 Pinjaman bertempoh USD36 juta (sambungan)

Pinjaman bertempoh di atas dicagar dengan cara berikut:

(i) Gadai janji kapal pertama terhadap kapal baj KGL;

(ii) Penyerahan semua hak kini dan masa hadapan, hak milik dan kepentingan di dalam serta di bawah kontrak penyewaan kapal baj;

(iii) Penyerahan semua Akaun Kutipan Tentuan KGL;

(iv) Semua insuran berhubung dengan kapal baj;

(v) Sebarang tuntutan pampasan yang telah dibayar atau perlu dibayar oleh KGL; dan

(vi) Debentur terhadap semua aset tetap dan terapung KGL.

21.7 Kredit pusingan

Pada tahun kewangan sebelumnya, GOM Resources telah mendapat kemudahan kredit yang meliputi kredit pusingan daripada dua buah bank tempatan berlesen. Kemudahan tersebut dicagar dengan cara berikut:

(i) Penyerahan semua hak kini dan masa hadapan, hak milik, manfaat dan kepentingan di dalam dan di bawah kontrak projek GOM Resources;

(ii) Debentur terhadap aset tetap dan terapung GOM Resources; dan

(iii) Penyerahan hak akaun kutipan tentuan GOM Resources.

21.8 RCSSI

Pada 17 September 2013, Syarikat telah menerbitkan RCSSI 5 tahun berjumlah sehingga RM165,000,000 dalam nilai nominal berdasarkan pertimbangan RM144,137,000.

Faedah pada kadar 3.95% setahun terhadap nilai nominal RCCSI perlu dibayar oleh Syarikat kepada para pemegang RCSSI. RCSSI ini akan ditebus sepenuhnya oleh Syarikat menjelang 17 September 2018 pada nilai nominal.

Setiap pemegang RCSSI berhak melaksanakan hak penukarannya bagi menukar RCSSI menjadi saham baharu dalam Syarikat pada Harga Penukaran RM2.00 yang perlu dibayar untuk setiap saham baharu yang akan diterbitkan menurut penukaran RCSSI.

Sehingga RCSSI ditebus atau ditukar menjadi saham Syarikat, Syarikat hendaklah membayar kepada pemegang RCSSI, kupon ke atas nilai nominal RCSSI yang belum dilunaskan pada kadar tetap 3.95% setahun.

RCSSI dianggap sebagai instrumen campuran, yang terdiri daripada komponen liabiliti dan komponen ekuiti.

Bayaran yang diterima tolak kos urus niaga daripada penerbitan RCSSI telah dibahagikan antara komponen liabiliti dan komponen ekuiti mengikut cara penilaian saksama komponen liabiliti menggunakan kaedah aliran tunai berdiskaun dan anggapan nilai baki kepada komponen ekuiti. Kadar diskaun yang diguna pakai bagi menggambarkan nilai aliran tunai komponen liabiliti ialah 8.5%.

21. PINJAMAN DAN PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

21.8 RCSSI (sambungan)

Pada tahun berakhir 31 Disember 2014, sebanyak 1,750,000 saham biasa baharu bernilai RM1.00 sesaham telah diterbitkan menurut penukaran RCSSI berjumlah RM3,500,000. Pada 31 Disember 2014, sebanyak RM161,500,00 RCSSI pada nilai nominal masih tertunggak.

RCSSI dimasuk kira dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat seperti berikut:

	2014 RM'000	2013 RM'000
Komponen liabiliti		
Nilai nominal RCSSI	**165,000**	165,000
Diskaun semasa penerbitan	**(20,863)**	(20,863)
Penerimaan daripada RCSSI	**144,137**	144,137
Kos urus niaga	**(1,992)**	(1,992)
Komponen ekuiti, bersih selepas cukai tertunda	**(6,410)**	(6,770)
Cukai tertunda	**(2,299)**	(2,299)
Penukaran RCSSI	**(3,500)**	–
Komponen liabiliti	**129,936**	133,076
Pertambahan kos kewangan	**8,612**	3,638
Komponen liabiliti pada 31 Disember	**138,548**	136,714

22. PERDAGANGAN BELUM BAYAR DAN LAIN-LAIN

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Semasa					
Perdagangan					
Perdagangan belum bayar	22.1	**249,014**	218,723	**–**	–
Amaun kena bayar kepada pelanggan kontrak	12.3	**–**	2,937	**–**	–
		249,014	221,660	**–**	–
Bukan perdagangan					
Amaun kena bayar kepada subsidiari	22.2	**–**	–	**314,108**	203,366
Kos kewangan belum bayar		**–**	15,862	**–**	–
Belum bayar dan akruan lain		**20,504**	97,506	**3,571**	4,684
		20,504	113,368	**317,679**	208,050
		269,518	335,028	**317,679**	208,050
Bukan semasa					
Belum bayar lain		**150**	5,252	**–**	–
		269,668	340,280	**317,679**	208,050

22.1 Perdagangan belum bayar

Amaun ini adalah tanpa faedah. Perdagangan belum bayar biasanya dijelaskan dalam tempoh 30-60 hari (2013: 30-60 hari).

22. PERDAGANGAN BELUM BAYAR DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

22.2 Amaun kena bayar kepada subsidiari

Amaun ini adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik apabila diminta.

23. HASIL

	Operasi yang diteruskan		Operasi yang diberhentikan (Nota 26)		Jumlah	
Kumpulan	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Air dan air sisa	**581**	699	**553,615**	565,092	**554,196**	565,791
Minyak dan gas	**476,525**	454,936	**–**	–	**476,525**	454,936
Pembinaan	**128,815**	58,474	**9,119**	67,264	**137,934**	125,738
Lain-lain	**714**	239	**–**	–	**714**	239
	606,635	514,348	**562,734**	632,356	**1,169,369**	1,146,704

24. PERBELANJAAN FAEDAH PEKERJA

	Kumpulan		Syarikat	
	2014 RM'000	2013 RM'000 (Dinyatakan semula)	2014 RM'000	2013 RM'000
Upah, gaji dan bonus	**73,170**	76,231	**1,148**	–
Pelan caruman bertakrif	**10,155**	10,373	**162**	–
Perbelanjaan lain berkaitan kakitangan	**12,416**	6,827	**425**	–
	95,741	93,431	**1,735**	–

Termasuk dalam perbelanjaan faedah pekerja Kumpulan ialah imbuhan para Pengarah Eksekutif (tidak termasuk manfaat seumpamanya) berjumlah RM17,052,000 (2013: RM15,307,000) seperti yang dinyatakan selanjutnya dalam Nota 30.

25. KOS KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2014 RM'000	2013 RM'000 (Dinyatakan semula)	2014 RM'000	2013 RM'000
Kos kewangan terhadap peminjaman konvensional				
Faedah kredit pusingan	**1,877**	2,568	**–**	–
Faedah pinjaman bertempoh USD 36 juta	**3,165**	4,019	**–**	–
Perbelanjaan faedah terhadap obligasi di bawah pajakan kewangan	**195**	216	**–**	–
Pertambahan faedah terhadap RCSSI	**11,491**	3,638	**11,491**	3,638
Caj bank	**1,339**	634	**154**	254
Jumlah kos kewangan	**18,067**	11,075	**11,645**	3,892

26. OPERASI YANG DIBERHENTIKAN

Pada 11 November 2014, Syarikat telah memeterai satu perjanjian jual beli bersyarat dengan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Temasek Tiasa Sdn Bhd) ("Air Selangor"), sebuah subsidiari milik penuh KDEB bagi cadangan penjualan keseluruhan kepentingan ekuiti dan CCRPS yang dipegang oleh Syarikat dalam PNSB, dan 70% kepentingan ekuiti serta RM212.0 juta RCULS yang dipegang pada nilai nominal dalam SYABAS ("SPA") ("Cadangan Penjualan") bagi bayaran tunai berjumlah RM1,555.3 juta ("Pembayaran Penjualan").

Penyelesaian Cadangan Penjualan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat terdahulu yang perlu dipenuhi seperti yang digariskan dalam SPA. Menurut SPA yang ditandatangani, PNSB dan SYABAS telah dikelaskan dan didedahkan sebagai operasi yang diberhentikan dan aset serta liabiliti kedua-duanya telah dikelas dan didedahkan sebagai dipegang untuk jualan. Penyata perbandingan untung rugi dan pendapatan komprehensif yang disatukan telah dibentangkan semula untuk menunjukkan operasi-operasi yang diberhentikan secara berasingan daripada operasi yang diteruskan.

Keuntungan daripada operasi yang diberhentikan adalah seperti berikut:

Keputusan operasi yang diberhentikan:-

		Kumpulan	
	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000
Hasil	23	**562,734**	632,356
Pendapatan lain		**225,408**	198,542
Perbelanjaan operasi		**(324,175)**	(360,255)
Perbelanjaan susut nilai dan pelunasan		**(15,086)**	(14,662)
Kos kewangan		**(131,577)**	(126,298)
Bahagian keputusan usahasama		**(14,950)**	(13,818)
Keuntungan sebelum cukai		**302,354**	315,865
Cukai	28	**(47,177)**	(41,465)
Keuntungan bagi tahun		**255,177**	274,400

Keuntungan daripada operasi yang diberhentikan sebanyak RM255,177,000 (2013: RM274,400,000) boleh diatribut sepenuhnya kepada pemilik-pemilik Syarikat.

26. OPERASI YANG DIBERHENTIKAN (SAMBUNGAN)

Keuntungan daripada operasi yang diberhentikan diperoleh selepas mengecaj/(mengkredit) perkara-pekara berikut:

	Kumpulan	
	2014 RM'000	2013 RM'000
Imbuhan juruaudit - audit berkanun	**120**	120
- perkhidmatan bukan audit lain	**179**	87
Pelunasan aset konsesi perkhidmatan	**1,366**	1,346
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	**13,720**	13,316
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	**5,538**	34
Kerugian daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	**49**	236
Kemerosotan nilai belum terima: SYABAS	**46,677**	49,376
Perbelanjaan manfaat pekerja	**91,633**	75,412
Kos kewangan	**131,577**	126,298
Pajakan operasi:		
- Bayaran pajakan minimum terhadap kenderaan bermotor dan peralatan	**86**	66
- Bayaran pajakan minimum terhadap bangunan	**181**	809
Keuntungan diperoleh daripada deposit	**(4,037)**	(5,819)
Pendapatan sewaan daripada tanah dan bangunan	**(278)**	(285)
Pertambahan faedah daripada bayaran belum terima jangka panjang:		
- Pihak ketiga	**(3,755)**	(7,192)
Pendapatan pembiayaan daripada aset kewangan operasi	**(42,093)**	(45,523)
Pampasan bagi bayaran lewat daripada SYABAS	**(169,814)**	(128,326)

	Kumpulan	
	2014 RM'000	2013 RM'000
Aliran tunai daripada/(digunakan dalam) operasi yang diberhentikan:-		
Tunai bersih daripada aktiviti operasi	**120,700**	65,918
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	**(13,002)**	(14,037)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	**(240,686)**	(254,287)
Kesan terhadap aliran tunai	**(132,988)**	(202,406)

27. KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

Keuntungan sebelum cukai diperolehi selepas mengenakan caj:

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Pelunasan aset konsesi perkhidmatan		**1,902**	1,390	**–**	–
Imbuhan juruaudit	27.1	**1,418**	715	**330**	221
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan		**9,259**	8,694	**229**	208
Pajakan operasi					
- Bayaran pajakan minimum terhadap bangunan		**4,659**	3,452	**481**	158
- Bayaran pajakan minimum terhadap kenderaan bermotor dan peralatan		**9,017**	9,134	**–**	–
Perbelanjaan sewa bagi peralatan projek dengan pihak ketiga		**91,233**	72,055	**–**	–
Penilaian semula defisit bangunan		**1,375**	–	**–**	–
Kerugian kemerosotan nilai terhadap amaun yang dihutang oleh subsidiari		**–**	–	**1,007**	6,442
Kerugian kemerosotan nilai daripada perdagangan belum terima					
- Semasa		**–**	3,021	**–**	–
Kerugian kemerosotan nilai daripada pelaburan dalam subsidiari		**–**	–	**3,654**	–
Kerugian kemerosotan nilai aset konsesi perkhidmatan		**6,887**	–	**–**	–
Kerugian pertukaran asing direalisasi		**2,591**	1,714	**–**	1

dan setelah mengkredit:

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Pendapatan faedah – RCULS		**14,950**	13,818	**14,950**	13,818
Keuntungan daripada penjualan sebuah subsidiari		**2,635**	–	**–**	–
Indemniti cukai diterima daripada pemegang saham subsidiari terdahulu	27.2	**–**	39,000	**–**	–
Pendapatan sewa daripada tanah dan bangunan		**12,248**	6,032	**9,164**	5,541
Pendapatan sewa daripada hartanah pelaburan		**45**	93	**–**	60
Keuntungan pertukaran asing belum direalisasi		**60**	–	**971**	892
Hapus kira kerugian kemerosotan nilai daripada perdagangan belum terima		**1,346**	1,245	**6,535**	8,797
- Semasa		**1,876**	–	**–**	–
Keuntungan daripada pelupusan pelaburan jangka pendek		**556**	2,067	**556**	2,067

27. KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (SAMBUNGAN)

27.1 Imbuhan juruaudit

	Kumpulan		Syarikat	
	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
KPMG				
- Audit berkanun	**271**	219	**56**	56
Anggota KPMG - Audit berkanun	**132**	309	**–**	–
Perkhidmatan bukan audit lain	**999**	165	**274**	165
	1,402	693	**330**	221
Juruaudit lain				
- Audit berkanun	**12**	16	**–**	–
- Perkhidmatan bukan audit lain	**4**	6	**–**	–
	16	22	**–**	–
	1,418	715	**330**	221

27.2 Indemniti cukai diterima daripada pemegang saham subsidiari terdahulu

Pada tahun kewangan yang lalu, POG telah memeterai perjanjian penyelesaian dengan pemegang saham terdahulu subsidiari bagi menyelesaikan liabiliti cukai yang belum dijelaskan sebelum pengambilalihan subsidiari tersebut oleh POG.

28. BELANJA CUKAI

Diiktiraf dalam untung rugi

	Nota	Kumpulan 2014 RM'000	Kumpulan 2013 RM'000	Syarikat 2014 RM'000	Syarikat 2013 RM'000
Cukai pendapatan (kredit)/perbelanjaan daripada operasi yang diteruskan		**(1,659)**	(4,902)	**4,971**	1,795
Perbelanjaan cukai pendapatan daripada operasi yang diberhentikan		**47,177**	41,465	**–**	–
Jumlah belanja cukai pendapatan		**45,518**	36,563	**4,971**	1,795
Komponen belanja cukai pendapatan utama termasuk:					
- Tahun kewangan semasa		**374**	962	**70**	942
- Cukai pendapatan asing		**133**	104	**58**	51
- (Terlebih)/Terkurang peruntukan berhubung tahun sebelumnya	28.1	**(661)**	(160,074)	**(661)**	236
		(154)	(159,008)	**(533)**	1,229
Cukai pendapatan tertunda					
- Pengasalan dan pembalikan perbezaan sementara		**57,488**	36,079	**5,504**	566
- (Terlebih)/Terkurang peruntukan berhubung tahun sebelumnya	28.1	**(11,816)**	159,492	**–**	–
		45,672	195,571	**5,504**	566
Jumlah belanja cukai pendapatan		**45,518**	36,563	**4,971**	1,795

28. PERBELANJAAN CUKAI (SAMBUNGAN)

Penyesuaian perbelanjaan cukai

	Kumpulan		Syarikat	
	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Operasi yang diteruskan	**(8,884)**	(79,501)	**5,786**	16,782
Operasi yang diberhentikan	**302,354**	315,865	**–**	–
Keuntungan sebelum cukai	**293,470**	236,364	**5,786**	16,782
Percukaian pada kadar cukai berkanun Malaysia 25%	**73,368**	59,091	**1,447**	4,196
Perbezaan kadar cukai dalam bidang kuasa lain	**(8,917)**	(9,076)	**(27)**	(24)
Kesan pengurangan kadar cukai pendapatan Malaysia	**(18,985)**	(15,414)	**–**	–
Perbelanjaan tidak boleh dipotong untuk tujuan cukai/(Pendapatan tidak boleh cukai)	**12,511**	1,570	**4,212**	(2,613)
(Terlebih)/Terkurang peruntukan cukai semasa pada tahun-tahun sebelumnya	**(661)**	(160,074)	**(661)**	236
(Terlebih)/Terkurang peruntukan cukai tertunda pada tahun-tahun sebelumnya	**(11,816)**	159,492	**–**	–
Lain-lain	**18**	974	**–**	–
Perbelanjaan cukai pendapatan diiktiraf dalam untung rugi	**45,518**	36,563	**4,971**	1,795

28.1 Peruntukan perbelanjaan cukai semasa yang terlebih dan terkurang dan perbelanjaan cukai tertunda Kumpulan pada tahun lepas mempunyai kaitan terutamanya dengan semakan semula pengiraan cukai yang dikemukakan kepada LHDN oleh PNSB untuk mengambil kira pelarasan cukai berikut:

(i) Untuk menuntut potongan di bawah Seksyen 34(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 ("Akta") berhubung amaun yang dihutang oleh SYABAS bagi bekalan air bersih yang tidak boleh dikutip pada akhir tempoh asas masing-masing bagi YA2009 hingga YA2011; dan

(ii) Untuk dimasukkan sebagai pendapatan kasar dan tertakluk kepada cukai ke atas hutang lapuk dan hutang ragu yang dituntut sebagai potongan cukai di bawah perkara (i) di atas yang telah dikutip daripada SYABAS pada tahun-tahun taksiran selepas itu menurut Seksyen 30(1) Akta tersebut, iaitu apabila bayaran tersebut diterima daripada SYABAS, ia akan menjadi jumlah yang boleh cukai.

29. (KERUGIAN)/PENDAPATAN SESAHAM BIASA

(Kerugian)/Pendapatan asas sesaham biasa

Pengiraan pendapatan/kerugian asas sesaham biasa pada 31 Disember 2014 adalah berdasarkan keuntungan/kerugian boleh diagih kepada pemegang saham biasa dan bilangan purata berwajaran saham biasa tertunggak, dikira seperti berikut:

	Kumpulan	
	2014	**2013**
(Kerugian)/Keuntungan boleh diagih kepada pemegang saham biasa (RM'000)		
- Operasi yang diteruskan	**(6,794)**	(73,849)
- Operasi yang diberhentikan	**255,177**	274,400
Jumlah	**248,383**	200,551
Bilangan purata berwajaran saham biasa ('000)	**410,437**	409,146
(Kerugian)/pendapatan asas sesaham biasa (sen)		
- Operasi yang diteruskan	**(1.66)**	(18.05)
- Operasi yang diberhentikan	**62.17**	67.07
Jumlah	**60.51**	49.02

(Kerugian)/Pendapatan sesaham biasa dicairkan

(Kerugian)/Pendapatan sesaham biasa dicairkan tidak didedahkan kerana ia bersifat anti kecairan.

30. IMBUHAN PENGARAH

	Kumpulan		Syarikat	
	2014 RM'000	**2013 RM'000**	**2014 RM'000**	**2013 RM'000**
Pengarah Eksekutif:				
Upah, gaji dan bonus	**13,888**	12,560	**–**	17
Pelan caruman bertakrif	**2,771**	2,356	**–**	2
Tambang cuti	**390**	390	**–**	–
Perbelanjaan lain berkaitan kakitangan	**3**	1	**–**	–
Jumlah imbuhan para pengarah eksekutif (tidak termasuk manfaat seumpamanya)	**17,052**	15,307	**–**	19
Anggaran nilai wang bagi manfaat seumpamanya	**161**	142	**–**	–
Jumlah imbuhan pengarah eksekutif (termasuk manfaat seumpamanya)	**17,213**	15,449	**–**	19
Pengarah bukan eksekutif:				
Upah, gaji dan bonus	**645**	677	**434**	474
Pelan caruman bertakrif	**25**	33	**–**	8
Tambang cuti	**390**	360	**330**	300
Jumlah imbuhan pengarah bukan eksekutif	**1,060**	1,070	**764**	782
Manfaat seumpamanya	**13**	13	**–**	–
	1,073	1,083	**764**	782
Jumlah imbuhan pengarah	**18,286**	16,532	**764**	801

31. DIVIDEN

Dividen yang diiktiraf oleh Syarikat:

2013	Sen sesaham	RM'000	Tarikh bayaran
Biasa 2012 akhir (selepas ditolak cukai)	5	20,455	6 Ogos 2013

Selepas tahun kewangan berakhir 2014, dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 7 Januari 2015, para pemegang saham Syarikat telah meluluskan Cadangan Pengagihan bagi satu bayaran dividen tunai khas kepada para pemegang saham Syarikat yang layak tertakluk kepada penyelesaian Cadangan Penjualan PNSB dan SYABAS kepada Air Selangor. Selain daripada Cadangan Pengagihan kepada para pemegang saham Syarikat yang layak bergantung kepada penyelesaian Cadangan Penjualan PNSB dan SYABAS tersebut, tiada dividen yang dicadangkan atau diisytiharkan bagi tahun kewangan berakhir 2014 (2013: Tiada).

32. SEGMEN OPERASI

Kumpulan mempunyai tiga segmen yang boleh dilaporkan, seperti yang dihuraikan di bawah, yang merupakan unit-unit perniagaan strategik Kumpulan. Unit perniagaan strategik ini menawarkan produk dan perkhidmatan berbeza, dan diuruskan secara berasingan kerana ia memerlukan teknologi serta strategi pemasaran yang berbeza. Ringkasan berikut menghuraikan tentang operasi yang diteruskan dalam setiap segmen yang boleh dilaporkan bagi Kumpulan:

Operasi yang diteruskan:

- Air dan air sisa — Termasuk mengendali, menyelenggara, mengurus, membina, memulih dan menambah baik kemudahan pembersihan dan pengagihan air dan air sisa dan perkhidmatan yang berkaitan di China.
- Minyak dan gas — Termasuk peruntukan perkhidmatan luar pesisir, pengurusan logistik dan marin.
- Pembinaan — Termasuk aktiviti pembinaan.

Operasi yang diberhentikan:

- Pembersihan air — Termasuk mengendali, menyelenggara, mengurus, membina, memulih dan menambah baik kemudahan pembersihan air di Malaysia.

Segmen tidak boleh dilaporkan yang lain, sebahagian besarnya merangkumi pegangan pelaburan.

Prestasi diukur berdasarkan keuntungan segmen sebelum cukai dan faedah, seperti yang dimasukkan dalam laporan pengurusan dalaman yang dikaji oleh Lembaga Pengarah. Keuntungan segmen digunakan untuk mengukur prestasi kerana pihak pengurusan percaya bahawa maklumat sedemikian merupakan maklumat paling relevan dalam menilai keputusan segmen tertentu sebagai perbandingan dengan entiti lain yang beroperasi dalam lingkungan industri tersebut.

Aset segmen

Jumlah aset segmen diukur berdasarkan semua aset (termasuk muhibah) sesebuah segmen, seperti yang dimasukkan dalam laporan pengurusan dalaman yang dikaji oleh Lembaga Pengarah. Jumlah aset segmen digunakan untuk mengukur pulangan ke atas aset setiap segmen.

Liabiliti segmen

Jumlah liabiliti segmen diukur berdasarkan semua liabiliti sesebuah segmen seperti yang dimasukkan dalam laporan pengurusan dalaman yang dikaji oleh Lembaga Pengarah.

Perbelanjaan modal segmen

Perbelanjaan modal segmen ialah jumlah kos yang ditanggung pada tahun kewangan untuk memperoleh hartanah, loji dan peralatan serta aset konsesi perkhidmatan.

32. SEGMEN OPERASI (SAMBUNGAN)

	Air dan Air Sisa RM'000	Minyak dan Gas RM'000	Pembinaan RM'000
2014			
Hasil operasi			
Penjualan kepada pelanggan luar	581	476,525	128,815
Pendapatan faedah	8	2,922	152
Pampasan bagi bayaran lewat	–	–	–
Pendapatan lain	1,935	3,981	6
	2,524	483,428	128,973
Perbelanjaan operasi	(1,814)	(359,455)	(120,296)
Perbelanjaan sewa peralatan projek	–	(91,233)	–
Kemerosotan nilai perdagangan belum terima	–	–	–
Kemerosotan nilai aset konsesi perkhidmatan	(6,887)	–	–
Bahagian kerugian dalam: - Syarikat bersekutu	–	–	–
- Usaha sama	–	–	–
Susut nilai dan pelunasan	(1,994)	(8,466)	(99)
Keputusan segmen	(8,171)	24,274	8,578
Kos kewangan			
Keuntungan sebelum cukai			
Aset dan liabiliti			
Aset segmen	73,372	402,402	79,114
Aset tidak diperuntukkan			
Jumlah aset			
Liabiliti segmen	50,422	342,259	78,429
Liabiliti tidak diperuntukkan			
Jumlah liabiliti			
Termasuk dalam pengukuran aset segment ialah:			
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	–	–	–
Pelaburan dalam usaha sama	–	–	–
Penambahan kepada aset bukan semasa selain daripada instrumen kewangan dan aset cukai tertunda	13,676	278	108

Lain-lain RM'000	Penghapusan RM'000	Operasi yang Diteruskan RM'000	Operasi yang Diberhentikan RM'000	Jumlah RM'000
714	–	606,635	562,734	1,169,369
24,116	–	27,198	49,885	77,083
–	–	–	169,814	169,814
4,816	(1,823)	8,915	5,709	14,624
29,646	(1,823)	642,748	788,142	1,430,890
(57,172)	14,498	(524,239)	(277,498)	(801,737)
–	–	(91,233)	–	(91,233)
–	–	–	(46,677)	(46,677)
–	–	(6,887)	–	(6,887)
(1)	–	(1)	–	(1)
(44)	–	(44)	(14,950)	(14,994)
(602)	–	(11,161)	(15,086)	(26,247)
(28,173)	12,675	9,183	433,931	443,114
		(18,067)	(131,577)	(149,644)
		(8,884)	302,354	293,470
2,043,433	(1,383,544)	1,214,777	3,537,925	4,752,702
		25,026	80,173	105,199
		1,239,803	3,618,098	4,857,901
576,440	(556,521)	491,029	1,779,547	2,270,576
		21,541	491,803	513,344
		512,570	2,271,350	2,783,920
46	–	46	–	46
814	–	814	–	814
1,253	–	15,315	9,119	24,434

32. SEGMEN OPERASI (SAMBUNGAN)

	Air dan Air Sisa RM'000	Minyak dan Gas RM'000	Pembinaan RM'000
2013			
Hasil operasi			
Penjualan kepada pelanggan luar	699	454,936	58,474
Pendapatan faedah	6	480	2
Pampasan bagi bayaran lewat	–	–	–
Pendapatan lain	1,714	27,549	–
	2,419	482,965	58,476
Perbelanjaan operasi	(6,011)	(433,649)	(75,234)
Perbelanjaan sewa peralatan projek	–	(72,055)	–
Kemerosotan nilai perdagangan belum terima	–	–	–
Bahagian kerugian dalam: - Syarikat bersekutu	–	–	–
- Usaha sama	–	–	–
Susut nilai dan pelunasan	(1,706)	(7,615)	(36)
Keputusan segmen	(5,298)	(30,354)	(16,794)
Kos kewangan			
Keuntungan sebelum cukai			
Aset dan liabiliti			
Aset segmen	72,049	526,850	90,266
Aset tidak diperuntukkan			
Jumlah aset			
Liabiliti segmen	49,301	491,274	37,140
Liabiliti tidak diperuntukkan			
Jumlah liabiliti			
Termasuk dalam pengukuran aset segment ialah:			
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	–	–	–
Pelaburan dalam usaha sama	–	–	–
Penambahan kepada aset bukan semasa selain daripada instrumen kewangan dan aset cukai tertunda	15,062	8,647	1,090

Lain-lain RM'000	Penghapusan RM'000	Operasi yang Diteruskan RM'000	Operasi yang Diberhentikan RM'000	Jumlah RM'000
239	–	514,348	632,356	1,146,704
19,362	–	19,850	58,534	78,384
–	–	–	128,326	128,326
3,676	(892)	32,047	11,682	43,729
23,277	(892)	566,245	830,898	1,397,143
(35,261)	892	(549,263)	(310,879)	(860,142)
–	–	(72,055)	–	(72,055)
(3,021)	–	(3,021)	(49,376)	(52,397)
(2)	–	(2)	–	(2)
(246)	–	(246)	(13,818)	(14,064)
(727)	–	(10,084)	(14,662)	(24,746)
(15,980)	–	(68,426)	442,163	373,737
		(11,075)	(126,298)	(137,373)
		(79,501)	315,865	236,364
1,791,661	(1,235,757)	1,245,069	3,299,661	4,544,730
		21,452	80,173	101,625
		1,266,521	3,379,834	4,646,355
482,299	(412,164)	647,850	1,748,233	2,396,083
		20,087	455,636	475,723
		667,937	2,203,869	2,871,806
45	–	45	–	45
858	–	858	–	858
–	–	24,799	46,812	71,611

32. SEGMEN OPERASI (SAMBUNGAN)

Perkara berikut (ditolak daripada)/ditambah kepada aset segmen bagi mendapatkan jumlah aset dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan:

	Kumpulan	
	2014 RM'000	2013 RM'000
Pelaburan dalam usaha sama dan syarikat bersekutu	**(347,649)**	(332,654)
Penghapusan baki antara syarikat antara kumpulan	**(573,006)**	(440,270)
Pelaburan dalam subsidiari	**(464,136)**	(464,081)
Lain-lain	**1,247**	1,248
	(1,383,544)	(1,235,757)

Perkara berikut ditolak daripada liabiliti segmen untuk mendapatkan jumlah liabiliti yang dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan:

	Kumpulan	
	2014 RM'000	2013 RM'000
Baki antara syarikat antara kumpulan	**(584,411)**	(453,248)
Pelaburan dalam RSBs	**27,890**	41,084
	(556,521)	(412,164)

Segmen geografi

Dalam membentangkan maklumat berdasarkan segmen geografi, hasil segmen adalah berdasarkan lokasi geografi pelanggan. Aset segmen adalah berdasarkan lokasi geografi aset. Amaun aset bukan semasa tidak merangkumi instrumen kewangan, (termasuk pelaburan dalam syarikat bersekutu dan pelaburan dalam usaha sama) serta aset cukai tertunda.

	Kumpulan	
Maklumat geografi	**Hasil**	**Aset bukan semasa**
2014	**RM'000**	**RM'000**
Malaysia	**1,163,529**	**446,803**
Lain-lain	**5,840**	**69,969**
	1,169,369	**516,772**
2013		
Malaysia	1,139,678	1,172,135
Lain-lain	7,026	108,671
	1,146,704	1,280,806

Pelanggan utama

Kira-kira 98% (2013: 87%) daripada jumlah hasil pada tahun kewangan, sebahagian besarnya disumbangkan oleh lima (5) (2013: tiga (3)) pelanggan.

33. INSTRUMEN KEWANGAN

33.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah menyediakan analisis instrumen kewangan yang dikategorikan seperti berikut:

(a) Pinjaman dan belum terima ("L&R");
(b) Aset kewangan tersedia untuk jualan ("AFS"); dan
(c) Liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan ("FL").

2014 Kumpulan	Nilai bawaan RM'000	L&R/(FL) RM'000	AFS RM'000
Aset kewangan			
Perdagangan belum terima dan lain-lain	**54,229**	**54,229**	**–**
Pelaburan jangka pendek	**10,269**	**–**	**10,269**
Tunai dan bersamaan tunai	**446,347**	**446,347**	**–**
	510,845	**500,576**	**10,269**
Liabiliti kewangan			
Perdagangan belum terima dan lain-lain	**(269,668)**	**(269,668)**	**–**
Pinjaman dan peminjaman	**(221,361)**	**(221,361)**	**–**
	(491,029)	**(491,029)**	**–**
2013			
Aset kewangan			
Perdagangan belum terima dan lain-lain	2,234,469	2,234,469	–
Aset kewangan operasi	841,859	841,859	–
Pelaburan jangka pendek	50,029	–	50,029
Tunai dan bersamaan tunai	671,906	671,906	–
	3,798,263	3,748,234	50,029
Liabiliti kewangan			
Perdagangan belum terima dan lain-lain	(337,343)	(337,343)	–
Pinjaman dan peminjaman	(2,053,751)	(2,053,751)	–
	(2,391,094)	(2,391,094)	–

33. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

33.1 Kategori instrumen kewangan (sambungan)

2014 Syarikat	Nilai bawaan RM'000	L&R/(FL) RM'000	AFS RM'000
Aset kewangan			
Belum terima lain	**254,154**	**254,154**	**–**
Pelaburan jangka pendek	**10,269**	**–**	**10,269**
Tunai dan bersamaan tunai	**354,236**	**354,236**	**–**
	618,659	**608,390**	**10,269**
Liabiliti kewangan			
Belum bayar lain	**(317,679)**	**(317,679)**	**–**
Pinjaman dan peminjaman	**(138,548)**	**(138,548)**	**–**
	(456,227)	**(456,227)**	**–**
2013			
Aset kewangan			
Belum terima lain	414,950	414,950	–
Pelaburan jangka pendek	50,029	–	50,029
Tunai dan bersamaan tunai	225,438	225,438	–
	690,417	640,388	50,029
Liabiliti kewangan			
Belum bayar lain	(208,050)	(208,050)	–
Pinjaman dan peminjaman	(136,714)	(136,714)	–
	(344,764)	(344,764)	–

33.2 Keuntungan dan kerugian bersih yang timbul daripada instrumen kewangan

	Kumpulan		Syarikat	
	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Keuntungan/(kerugian) bersih daripada:				
Aset kewangan tersedia untuk jualan				
- diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain	**213**	(632)	**213**	(632)
- dikelaskan semula daripada ekuiti kepada untung rugi	**556**	2,067	**556**	2,067
	769	1,435	**769**	1,435
Pinjaman dan belum terima	**39,985**	216,586	**25,928**	21,715
Liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan	**(22,149)**	(213,185)	**(11,645)**	(3,892)
	18,605	4,836	**15,052**	19,258

33. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

33.3 Pengurusan risiko kewangan

Daripada penggunaan instrumen kewangan, Kumpulan mempunyai pendedahan terhadap risiko berikut:

- Risiko kredit
- Risiko kecairan
- Risiko pasaran

Lembaga Pengarah mengkaji dan memberi persetujuan dari semasa ke semasa mengenai dasar dan prosedur pengurusan risiko ini.

Bahagian di bawah selanjutnya membentangkan butiran tentang pendedahan Kumpulan dan Syarikat kepada risiko kewangan yang dinyatakan di atas serta objektif dan dasar pengurusan risiko tersebut.

33.4 Risiko kredit

Risiko kredit ialah risiko kerugian yang mungkin timbul daripada instrumen kewangan tertunggak sekiranya pihak berurusan mengingkari obligasinya. Pendedahan Kumpulan dan Syarikat kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada perdagangan belum terima dan lain-lain.

Kumpulan menguruskan risiko kreditnya dengan mewujudkan kawalan kredit yang bertujuan memastikan supaya hutang yang melampaui tempoh adalah pada tahap yang boleh diterima. Bagi aset kewangan, Kumpulan meminimumkan risiko kredit dengan berurus niaga secara eksklusif dengan pihak yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Amaun kena bayar daripada SYABAS dijangka diterima sepenuhnya pada penghujung 2018, bergantung kepada kesudahan litigasi yang memuaskan yang diambil terhadap Kerajaan Negeri oleh SYABAS berhubung dengan tuntutan pampasan tariff. Pada tahun semasa, amaun yang perlu dibayar oleh SYABAS telah dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan (Nota 18).

Belum terima

Profil tumpuan risiko kredit

Pada tarikh pelaporan, perdagangan belum diterima oleh Kumpulan sebahagian besarnya adalah daripada tiga (3) (2013: tiga (3)) pelanggan.

Kerugian kemerosotan nilai

Kumpulan	Kasar RM'000	Kemerosotan nilai individu RM'000	Bersih RM'000
2014			
Tidak lampau tempoh	36,003	–	36,003
0-30 hari lampau tempoh	5,384	–	5,384
Lebih 154 hari lampau tempoh	7,819	(5,021)	2,798
	49,206	(5,021)	44,185

33. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

33.4 Risiko kredit (sambungan)

Kumpulan	Kasar RM'000	Kemerosotan nilai individu RM'000	Bersih RM'000
2013			
Tidak lampau tempoh	101,642	–	101,642
0-30 hari lampau tempoh	57,256	–	57,256
31-154 hari lampau tempoh	227,981	–	227,981
Lebih 154 hari lampau tempoh	1,765,534	(112,248)	1,653,286
	2,152,413	(112,248)	2,040,165

Kumpulan	2014 RM'000	2013 RM'000
Pada 1 Januari	**112,248**	59,851
Kerugian kemerosotan nilai (dibalikkan)/diiktiraf:		
- Pihak ketiga	**(1,876)**	3,021
- Amaun kena bayar daripada SYABAS	**46,677**	49,376
Pindahan ke aset dipegang untuk jualan	**(152,028)**	–
Pada 31 Disember	**5,021**	112,248

Pada 31 Disember 2014, kerugian kemerosotan nilai yang timbul daripada amaun kena bayar daripada SYABAS, sebahagian besarnya berpunca daripada perubahan anggaran masa penerimaan.

Tiada analisis penuaan dibentangkan untuk amaun kena bayar daripada Serba Tiara memandangkan amaunnya perlu dibayar dalam sepuluh ansuran tahunan seperti yang didedahkan dalam Nota 12.5.

Pelaburan

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses dalam menguruskan risiko

Pelaburan hanya dibenarkan dalam sekuriti cair dan hanya dengan pihak yang mempunyai penarafan kredit yang setaraf atau lebih baik daripada Kumpulan.

Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan kolateral

Setakat akhir tempoh pelaporan, Kumpulan hanya melabur dalam dana amanah tempatan. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit digambarkan oleh nilai bawaan dalam penyata kedudukan kewangan.

Pelaburan adalah tidak bercagar.

33. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

33.4 Risiko kredit (sambungan)

Jaminan kewangan

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses dalam menguruskan risiko

Syarikat menyediakan jaminan kewangan kepada bank berhubung kemudahan perbankan yang diberikan kepada subsidiari tertentu. Syarikat memantau secara berterusan keputusan subsidiari dan pembayaran balik yang dibuat oleh subsidiari tersebut.

Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan kolateral

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah sebanyak RM30,000,000 (2013: RM39,243,000) yang menunjukkan kemudahan perbankan tertunggak oleh subsidiari pada akhir tempoh pelaporan yang dijamin oleh Syarikat.

Setakat akhir tempoh pelaporan, tidak terdapat tanda bahawa mana-mana subsidiari yang akan memungkiri pembayaran balik.

Pinjaman dan pendahuluan antara syarikat

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses dalam menguruskan risiko

Syarikat menyediakan pinjaman tidak bercagar dan pendahuluan kepada subsidiari. Syarikat memantau keputusan subsidiari dari semasa ke semasa.

Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan kolateral

Setakat akhir tempoh pelaporan, pendedahan maksimum kepada risiko kredit digambarkan oleh nilai bawaan dalam penyata kedudukan kewangan.

Kerugian kemerosotan nilai

Setakat akhir tempoh pelaporan, kerugian kemerosotan nilai sebanyak RM1,007,000 (2013: RM6,442,000) telah diiktiraf pada tahun kewangan. Syarikat tidak memantau secara khusus penuaan pendahuluan semasa kepada subsidiari.

33.5 Risiko kecairan

Risiko kecairan ialah risiko di mana Kumpulan tidak dapat memenuhi obligasi kewangannya apabila tiba masanya. Pendedahan Kumpulan kepada risiko kecairan, pada prinsipnya, timbul daripada pelbagai belum bayar, pinjaman dan peminjaman.

Kumpulan menguruskan risiko kecairannya dengan mewujudkan belanjawan dengan matlamat untuk memastikan baki bank yang mencukupi bagi memenuhi obligasinya. Selain itu, Kumpulan juga berunding dengan institusi kewangan bagi menjadualkan semula dan/atau menyusun semula kemudahan kredit sedia ada agar bertepatan dengan persekitaran operasi masa kini.

33. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

33.5 Risiko kecairan (sambungan)

Analisis tempoh matang

Jadual di bawah merupakan ringkasan profil tempoh matang liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan pembayaran berkontrak tidak didiskaun:

Kumpulan	Nilai bawaan RM'000	Kadar faedah berkontrak/ kupon	Aliran tunai berkontrak RM'000	Atas permintaan atau dalam satu tahun RM'000	Satu hingga lima tahun RM'000	Lebih lima tahun RM'000
2014						
Liabiliti kewangan:						
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	**269,668**	**–**	**269,668**	**269,518**	**150**	**–**
Pinjaman dan peminjaman	**221,361**	**0.91% – 7.20%**	**275,550**	**39,032**	**229,135**	**7,383**
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	**491,029**		**545,218**	**308,550**	**229,285**	**7,383**
2013						
Liabiliti kewangan:						
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	337,343	–	337,343	332,091	5,252	–
Pinjaman dan peminjaman	2,053,751	1.24% – 11.00%	2,621,966	252,960	2,302,236	66,770
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	2,391,094		2,959,309	585,051	2,307,488	66,770

33. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

33.5 Risiko kecairan (sambungan)

Analisis tempoh matang (sambungan)

Jadual di bawah merupakan ringkasan profil tempoh matang liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan pembayaran berkontrak tidak didiskaun (sambungan):

Syarikat	Nilai bawa RM'000	Kadar faedah berkontrak/ kupon	Aliran tunai berkontrak RM'000	Atas permintaan atau dalam satu tahun RM'000	Satu hingga lima tahun RM'000	Lebih lima tahun RM'000
2014						
Liabiliti kewangan:						
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	**317,679**	**–**	**317,679**	**317,679**	**–**	**–**
Pinjaman dan peminjaman	**138,548**	**3.95%**	**187,034**	**6,379**	**180,655**	**–**
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	**456,227**		**504,713**	**324,058**	**180,655**	**–**
Jaminan kewangan	**–**	**–**	**30,000**	**30,000**	**–**	**–**
2013						
Liabiliti kewangan:						
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	208,050	–	208,050	208,050	–	–
Pinjaman dan peminjaman	136,714	3.95%	204,122	6,517	197,605	–
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	344,764		412,172	214,567	197,605	–
Jaminan kewangan	–	–	39,243	39,243	–	–

33. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

33.6 Risiko pasaran

Risiko pasaran merupakan risiko yang berubah dalam harga pasaran, seperti kadar tukaran asing, kadar faedah serta harga lain yang akan mempengaruhi kedudukan kewangan Kumpulan atau aliran tunai.

33.6.1 Risiko mata wang

Kumpulan beroperasi terutamanya di Malaysia dan PRC. Justeru, ia terdedah kepada pelbagai mata wang, terutamanya USD dan SGD. Aset dan liabiliti dalam denominasi mata wang asing beserta jangkaan aliran tunai daripada pembelian dan penjualan boleh menyebabkan pendedahan kepada pertukaran asing.

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses dalam menguruskan risiko

Pendedahan kepada tukaran asing menerusi mata wang urus niaga selain daripada mata wang fungsian entiti beroperasi dikawal pada tahap yang boleh diterima.

Pendedahan kepada risiko mata wang asing

Pendedahan Kumpulan kepada risiko mata wang asing (iaitu mata wang selain daripada mata wang fungsian entiti Kumpulan), berdasarkan nilai bawaan pada akhir tempoh pelaporan adalah:

	Denominasi dalam	
	USD	SGD
Kumpulan	**RM'000**	**RM'000**
Pada 31 Disember 2014		
Tunai dan bersamaan tunai	**5,152**	**196**
Perdagangan belum terima dan lain-lain	**35,915**	**152**
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	**(15,950)**	**(153)**
Pinjaman dan peminjaman	**(11,329)**	**–**
	13,788	**195**
Pada 31 Disember 2013		
Tunai dan bersamaan tunai	2,434	–
Perdagangan belum terima dan lain-lain	71,075	–
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	(15,224)	(328)
Pinjaman dan peminjaman	(80,839)	–
	(22,554)	(328)

33. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

33.6 Risiko pasaran (sambungan)

33.6.1 Risiko mata wang (sambungan)

Syarikat	Denominasi dalam USD RM'000
Pada 31 Disember 2014	
Tunai dan bersamaan tunai	**105**
Pada 31 Disember 2013	
Tunai dan bersamaan tunai	16

Analisis sensitiviti risiko mata wang

Risiko mata wang asing timbul daripada entiti Kumpulan yang mempunyai mata wang fungsian RM. Pendedahan kepada risiko mata wang entiti Kumpulan yang tidak mempunyai mata wang fungsian RM adalah tidak penting dan oleh itu, analisis sensitiviti tidak dibentangkan.

33.6.2 Risiko kadar faedah

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses dalam menguruskan risiko

Pelaburan Kumpulan dalam sekuriti hutang kadar tetap dan peminjaman kadar tetapnya terdedah kepada risiko perubahan dalam nilai saksama disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah. Kadar boleh ubah dalam peminjaman dan belum terima Kumpulan terdedah kepada risiko perubahan dalam aliran tunai yang disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah. Pelaburan dalam sekuriti ekuiti serta belum terima dan belum bayar jangka pendek tidak terdedah dengan ketara kepada risiko kadar faedah.

Pendedahan kepada risiko kadar faedah

Profil kadar faedah bagi instrumen kewangan dengan faedah ketara bagi Kumpulan dan Syarikat, berdasarkan nilai bawaan pada akhir tempoh pelaporan adalah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Instrumen kadar tetap				
Aset kewangan	**391,427**	546,457	**332,720**	224,038
Liabiliti kewangan	**(142,126)**	(1,875,922)	**(138,548)**	(136,714)
	249,301	(1,329,465)	**194,172**	87,324
Instrumen kadar terapung				
Aset kewangan	**–**	1,592,328	**–**	–
Liabiliti kewangan	**(79,235)**	(177,829)	**–**	–
	(79,235)	1,414,499	**–**	–

33. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

33.6 Risiko pasaran (sambungan)

33.6.2 Risiko kadar faedah (sambungan)

Pendapatan dan aliran tunai operasi Kumpulan daripada instrumen kadar faedah tetap amat bergantung kepada perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Analisis sensitiviti aliran tunai bagi instrumen kadar berubah

Pada tarikh pelaporan, jika kadar faedah adalah 100 mata asas lebih tinggi, di mana semua pemboleh ubah yang lain kekal malar, keuntungan sebelum cukai Kumpulan akan menjadi RM792,000 (2013: RM14,145,000) lebih tinggi.

33.7 Maklumat nilai saksama

Nilai bawaan tunai dan bersamaan tunai, belum terima dan belum bayar jangka pendek serta peminjaman jangka pendek secara wajarnya menghampiri nilai saksama kerana sifat instrumen kewangan ini yang secara relatifnya adalah untuk tempoh jangka pendek.

Berikut adalah analisis nilai bawaan serta nilai saksama bagi instrumen kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama. Nilai saksama ini dikategorikan di bawah Peringkat 3 dalam hieraki nilai saksama.

Kumpulan	Nilai bawaan 2014 RM'000	Nilai saksama 2014 RM'000	Nilai bawaan 2013 RM'000	Nilai saksama 2013 RM'000
Aset kewangan				
Aset kewangan operasi	–	–	841,859	700,923
Belum terima jangka panjang	–	–	1,841,450	1,841,450
Liabiliti kewangan				
Pinjaman dan peminjaman				
- Obligasi di bawah pajakan kewangan	**(3,578)**	**(3,686)**	(12,594)	(11,426)
- Pinjaman sokongan Kerajaan	–	–	(32,076)	(33,614)
- BAIDS/MCPs/MTNs	–	–	(1,016,591)	(938,705)
- JNA	–	–	(213,091)	(294,906)
- RSBs	–	–	(462,927)	(462,775)
Pinjaman bertempoh USD36 juta	**(62,937)**	**(62,937)**	(85,163)	(85,163)
Pinjaman Bank Dunia Novasi MOF Lushan	**(11,328)**	**(11,328)**	(11,827)	(11,827)
Kredit pusingan	–	–	80,839	80,839
RCSSI	**(138,548)**	**(137,031)**	(136,714)	(138,733)
Lain-lain	**(4,970)**	**(4,970)**	(1,929)	(1,929)
Syarikat				
Aset kewangan				
RCULS	–	–	182,719	172,210
Liabiliti kewangan				
RCSSI	**(138,548)**	**(137,031)**	(136,714)	(138,733)

33. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

33.7 Maklumat nilai saksama (sambungan)

Pelaburan jangka pendek Kumpulan dan Syarikat berjumlah RM10,269,000 (2013: RM50,029,000) yang dibawa pada nilai saksama dikategorikan di bawah Peringkat 2 dalam hierarki nilai saksama.

Nilai saksama Peringkat 1

Nilai saksama Peringkat 1 diperolehi daripada harga sebutan (tidak dilaras) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti kewangan serupa yang boleh diakses oleh entiti pada tarikh pengukuran.

Nilai saksama Peringkat 2

Nilai saksama Peringkat 2 dianggar menggunakan input selain daripada harga sebutan yang termasuk dalam lingkungan Peringkat 1 dan boleh diperhatikan untuk aset atau liabiliti kewangan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Nilai saksama dikira berdasarkan nilai kini aliran tunai pokok dan faedah masa depan, didiskaun pada kadar faedah pasaran pada akhir tempoh laporan. Berhubung dengan komponen liabiliti nota boleh tukar, kadar faedah pasaran ditentukan dengan merujuk kepada liabiliti yang sama yang tidak mempunyai opsyen penukaran. Bagi peminjaman lain, kadar faedah pasaran ditentu dengan merujuk kepada pengaturan peminjaman yang sama.

Nilai saksama Peringkat 3

Nilai saksama Peringkat 3 dianggar menggunakan input yang tidak dapat diperhatikan untuk aset dan liabiliti kewangan menggunakan kaedah aliran tunai didiskaun.

34. PENGURUSAN MODAL

Objektif utama pengurusan modal Kumpulan adalah untuk menyokong strategi pertumbuhan Kumpulan dan memaksimumkan nilai pemegang saham dengan struktur modal yang optimum.

Dari semasa ke semasa, Kumpulan membeli sahamnya sendiri dari pasaran, dan masa pembelian adalah bergantung kepada harga pasaran serta ketersediaan sumber kewangan.

Kumpulan dan Syarikat tidak tertakluk kepada keperluan modal yang dikenakan oleh pihak luar.

Kumpulan mengurus modal menggunakan nisbah penggearan, iaitu hutang bersih dibahagi dengan jumlah modal yang merupakan ekuiti boleh diagih kepada pemegang ekuiti Syarikat ditambah hutang bersih. Dalam hutang bersih, Kumpulan memasukkan pinjaman dan peminjaman, perdagangan belum bayar dan lain-lain, ditolak tunai dan bersamaan tunai.

Pada akhir tahun, Kumpulan mempunyai hutang bersih sebanyak RM44,682,000 (2013: RM1,709,705,000) serta modal berjumlah RM2,120,630,000 (2013: RM3,486,461,000) yang memberikan nisbah penggearan sebanyak kira-kira 2% (2013: 49%).

35. KOMITMEN

35.1 Komitmen pajakan operasi – sebagai penerima pajakan

Sewa pajakan operasi tidak boleh batal perlu dibayar seperti berikut:

	Kumpulan	
	2014 RM'000	2013 RM'000
Bayaran pajakan minimum masa hadapan:		
Kurang dari satu tahun	**2,882**	2,601
Antara satu dan lima tahun	**1,161**	1,512
Lebih dari lima tahun	**–**	7
	4,043	4,120

Kumpulan memajakkan bangunan di bawah pajakan operasi. Pajakan ini lazimnya berlangsung untuk tempoh antara 1 hingga 3 tahun, dengan pilihan untuk memperbaharui pajakan selepas tempoh tersebut. Bayaran pajakan dinaikkan setiap 1 hingga 3 tahun untuk menggambarkan sewa pasaran.

35.2 Komitmen pajakan kewangan

	Kumpulan	
	2014 RM'000	2013 RM'000
Bayaran pajakan minimum masa hadapan:		
Tidak lewat dari 1 tahun	**1,353**	5,453
Lewat dari 1 tahun tetapi tidak lewat dari 2 tahun	**1,353**	3,999
Lewat dari 2 tahun tetapi tidak lewat dari 5 tahun	**1,116**	4,140
	3,822	13,592
Tolak: Caj kewangan	**(244)**	(998)
Nilai semasa pajakan minimum perlu dibayar	**3,578**	12,594
Bayaran nilai semasa:		
Tidak lewat dari 1 tahun	**1,217**	4,917
Lewat dari 1 tahun tetapi tidak lewat dari 2 tahun	**1,263**	3,724
Lewat dari 2 tahun tetapi tidak lewat dari 5 tahun	**1,098**	3,953
Nilai semasa pajakan minimum perlu dibayar	**3,578**	12,594
Tolak: Jumlah tamat tempoh dalam 12 bulan	**(1,217)**	(4,917)
Jumlah tamat tempoh selepas 12 bulan (Nota 21)	**2,361**	7,677

Pajakan kewangan telah diambilkira sebagai pinjaman dan peminjaman seperti yang dinyatakan dalam Nota 21 kepada penyata kewangan.

36. LUAR JANGKA

Penalti cukai – PNSB (Operasi yang diberhentikan)

PNSB mengiktiraf semua inbois yang dikeluarkan kepada SYABAS dalam untung ruginya bagi pembekalan air terawat sebagai hasil.

PNSB telah mengemukakan rayuan kepada LHDN untuk menyemak semula pengiraan cukai bagi tahun taksiran YA2009 hingga YA2011 supaya mengambilkira pelarasan cukai berikut:

(i) Menuntut potongan di bawah Seksyen 34(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 ("Akta") berhubung dengan jumlah dihutang oleh SYABAS untuk air terawat yang dibekalkan yang tidak dapat dikutip pada akhir tempoh asas masing-masing bagi YA2009 hingga 2011; dan

(ii) Memasukkan pendapatan kasar dan tertakluk kepada cukai atas hutang lapuk dan hutang ragu yang dituntut sebagai pengurangan cukai di bawah perkara (i) di atas yang telah dikutip daripada SYABAS pada tahun-tahun taksiran berikutnya menurut Seksyen 30(1) Akta, iaitu bayaran yang diterima daripada SYABAS, ia menjadi boleh dicukai.

PNSB telah membayar sepenuhnya ansuran cukai bagi YA2009, YA2010 dan YA2011 dan merayu untuk pembayaran balik cukai daripada LHDN.

LHDN telah memberi jawapan kepada surat rayuan PNSB pada 5 Ogos 2013 di mana LHDN telah meminta PNSB memberi bukti bahawa jumlah terhutang oleh SYABAS merupakan hutang lapuk menurut Seksyen 34(2) Akta.

PNSB telah menyerahkan RM Sifar cukai kena bayar bagi YA2012 dan YA2013 dan menganggarkan cukai kena bayar bagi tahun 2014 berdasarkan kepada pendekatan yang sama seperti permohonan cukai di atas. Walau bagaimanapun, liabiliti cukai tertunda telah diperuntukkan dengan sewajarnya.

Sekiranya LHDN tidak memberi kelulusan terhadap PNSB untuk menuntut pengurangan di bawah Seksyen 34(2) Akta berhubung dengan jumlah dihutang oleh SYABAS bagi bekalan air terawat, besar kemungkinan PNSB akan terdedah kepada denda cukai di bawah Seksyen 107C(10) Akta bagi YA2013 berhubung dengan kelewatan pembayaran cukai. PNSB telah menyatakan kesedarannya berhubung perkara ini dan kesudahannya adalah bergantung kepada keputusan LHDN mengenai perkara tersebut.

Pada tarikh pelaporan, wujud kemungkinan denda cukai, sementara menunggu keputusan rayuan PNSB kepada LHDN. Perbicaraan rayuan kepada Suruhanjaya Khas Cukai Pendapatan ditetapkan pada 7, 8 dan 9 April 2015.

Tarikh perbicaraan 7, 8 dan 9 April 2015 telah ditunda ke satu tarikh perbicaraan lain yang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya Khas Cukai Pendapatan. Tarikh perbicaraan asal yang ditetapkan pada 7 April 2015 telah ditukar kepada tarikh Pengurusan Kes.

37. KOMITMEN MODAL

Perbelanjaan modal pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2014 RM'000	2013 RM'000
Kontrak diluluskan dan dikontrakkan	**289**	33,321

38. PIHAK BERKAITAN

Identiti pihak berkaitan

Bagi tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak adalah dianggap berkaitan dengan Kumpulan jika Kumpulan atau Syarikat mempunyai keupayaan secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal secara bersama pihak tersebut atau melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak berkenaan dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana Kumpulan atau Syarikat dan pihak tersebut tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak berkaitan boleh merupakan individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrif sebagai mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Kumpulan, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama termasuk para Pengarah Kumpulan dan pengurusan kanan tertentu dalam Kumpulan.

Kumpulan mempunyai hubungan pihak berkaitan dengan syarikat induk, pelabur penting, subsidiari, syarikat bersekutu serta kakitangan pengurusan utamanya.

Urus niaga pihak berkaitan yang penting

Urus niaga pihak berkaitan telah dimeterai dalam perjalanan biasa perniagaan di bawah terma perdagangan biasa. Urus niaga pihak berkaitan penting bagi Kumpulan dan Syarikat seperti ditunjukkan di bawah. Baki berkaitan dengan urus niaga di bawah dinyatakan dalam Nota 12, 18 dan 22.

	Syarikat	
	2014 RM'000	2013 RM'000
A. Syarikat subsidiari		
Sewa daripada SINO	**911**	892
Pendapatan komisen daripada PNCSB	**574**	–
Pendahuluan daripada PNSB	**111,634**	345
Pendahuluan kepada PNSB	**14,932**	13,413
Bayaran balik kepada PNSB	**14,039**	47,640
Pendahuluan kepada POG	**100,879**	–
Bayaran balik daripada POG	**101,477**	–
Pendahuluan kepada SINO	**14,430**	18,579
Pendahuluan kepada PNCSB	**13,453**	4,157
Pendahuluan daripada PNCSB	**67,335**	–
Bayaran balik kepada PNCSB	**54,694**	–
Pendahuluan kepada PNMSSB	**300**	–
Pendahuluan kepada PRCSB	**195**	–

38. PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Urus niaga pihak berkaitan yang penting (sambungan)

	Nota	Kumpulan 2014 RM'000	Kumpulan 2013 RM'000	Syarikat 2014 RM'000	Syarikat 2013 RM'000
B. Usahasama					
Faedah akan terima RCULS		**14,950**	13,818	**14,950**	13,818
Pampasan bagi bayaran lewat		**169,814**	128,326	**–**	–
Yuran penyimpanan dicaj		**575**	544	**248**	–
Jualan kuantiti pukal air bersih		**694,509**	701,434	**–**	–
C. Kakitangan pengurusan utama					
Manfaat kakitangan jangka pendek		**27,325**	27,194	**434**	490
Pelan caruman wajib		**4,509**	4,281	**–**	11
Perbelanjaan lain berkaitan pekerja		**1,993**	2,326	**330**	300
		33,827	33,801	**764**	801
Imbuhan Pengarah	30	**18,286**	16,532	**764**	801
D. Syarikat berkaitan Pengarah					
Yuran kesetiausahaan dicaj oleh RZ Management		**240**	240	**–**	–
Sumbangan kepada GWGF		**–**	39	**–**	–

Kakitangan pengurusan utama lain terdiri daripada individu selain daripada Pengarah entiti Kumpulan, yang mempunyai kuasa serta tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti entiti Kumpulan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Urus niaga pihak berkaitan telah dimeterai mengikut perjalanan biasa perniagaan di bawah terma yang boleh dirundingkan.

Maklumat mengenai baki tertunggak daripada urus niaga pihak berkaitan dinyatakan dalam Nota 12 dan 22 kepada penyata kewangan.

39. PERUBAHAN DALAM KOMPOSISI KUMPULAN

(1) Syarikat telah dimaklumkan pada 6 Januari 2014 bahawa pejabat Pendaftaran Syarikat di Kementerian Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Nasional di Republik Kesatuan Myanmar telah mengeluarkan Borang Permit (Sementara) dan Sijil Pemerbadanan (Sementara) kedua-duanya bertarikh 31 Disember 2013 bagi pemerbadanan pejabat cawangan di Republik Kesatuan Myanmar, yang dikenali sebagai Puncak Niaga Holdings Berhad (Cawangan Myanmar) ("PNHB (Cawangan Myanmar)").

PNHB (Cawangan Myanmar) ditubuhkan untuk memudahkan Kumpulan menerokai peluang perniagaan berkaitan air dan air sisa di Myanmar.

Borang Permit Kekal dan Borang Sijil Pemerbadanan Kekal yang kedua-duanya bertarikh 31 Disember 2013 telah dikeluarkan kepada PNHB (Cawangan Myanmar) pada 17 Mac 2014. Borang Permit Kekal tersebut sah dari 31 Disember 2013 hingga 30 Disember 2018.

39. PERUBAHAN DALAM KOMPOSISI KUMPULAN (SAMBUNGAN)

(2) Pada 21 Februari 2014, Syarikat telah dimaklumkan oleh Luancheng bahawa pihak berkuasa peraturan PRC telah mengeluarkan Lesen Perniagaan Wakil Sah Syarikat pada 20 Februari 2014, yang meluluskan pemindahan kepentingan ekuiti subsidiari 83.99% milik SINO dalam Luancheng kepada Stesen Bekalan Air Daerah Luancheng.

Oleh yang demikian, berkuat kuasa 20 Februari 2014, Luancheng tidak lagi menjadi sebuah subsidiari SINO.

(3) Pada 14 Mac 2014, Syarikat telah mengambil alih sebuah syarikat berdaftar iaitu Magnum Nature Sdn Bhd ("Magnum Nature"), yang terdiri daripada dua (2) saham biasa berharga RM1.00 setiap satu, yang mewakili 100% modal saham diterbit dan berbayar Magnum Nature dengan pembayaran tunai sebanyak Dua Ringgit Malaysia (RM2.00) sahaja. Pengambilalihan tersebut adalah untuk memenuhi rancangan pengembangan perniagaan Kumpulan. Magnum Nature kini tidak aktif.

(4) Pada 18 Mac 2014, SINO telah menyuntik pelaburan tambahan sebanyak USD350,000 dalam LUWEI, sebuah subsidiari liabiliti terhad 91.94% yang diperbadankan di Daerah Lushan, Wilayah Henan, di PRC di bawah Undang-undang Syarikat China.

SINO telah dimaklumkan pada 18 Mac 2014 oleh LUWEI bahawa pihak berkuasa peraturan di PRC telah mengeluarkan "Lesen Perniagaan" bertarikh 17 Mac 2014 yang meluluskan pertambahan had modal berdaftar LUWEI daripada USD5,800,000 kepada USD7,550,000 dan penyerah simpanan pertambahan modal simpanan berdaftar berbayar LUWEI daripada USD5,800,000 kepada USD6,150,000, dan dengan demikian, menjadikan LUWEI sebuah subsidiari 92.40% milik SINO dengan pelaburan berjumlah USD5,682,500.

Pada 10 Oktober 2014, SINO telah menyuntik pelaburan tambahan sebanyak USD380,000 dalam LUWEI dan modal berdaftar berbayar LUWEI bertambah daripada USD6,150,000 kepada USD6,530,000, yang menyebabkan LUWEI menjadi subsidiari 92.84% milik SINO dengan pelaburan berjumlah USD6,062,500.

(5) SINO telah membuat pelaburan tambahan sebanyak USD200,000 dalam XINNUO, subsidiari milik penuh yang diperbadankan di Daerah Yangxin, Wilayah Shandong di PRC.

Pada 14 April 2014, modal berbayar berdaftar XINNUO berjumlah USD4,900,000.

(6) Pada 30 April 2014, Syarikat telah dimaklumkan bahawa Pendaftar Syarikat, Brunei Darussalam telah mengeluarkan Sijil Pendaftaran Syarikat Yang Diperbadankan di Luar Brunei Darussalam bertarikh 28 April 2014 bagi penubuhan pejabat cawangan Syarikat di Brunei Darussalam.

Cawangan Brunei ditubuhkan untuk melaksanakan usaha pembangunan perniagaan Kumpulan di Brunei Darussalam.

40. PERISTIWA PENTING

Pada 11 November 2014, Syarikat telah memeterai perjanjian jual beli bersyarat dengan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Temasek Tiasa Sdn Bhd) ("Air Selangor", sebuah subsidiari milik penuh KDEB bagi cadangan penjualan seluruh kepentingan ekuiti dan CCRPS oleh Syarikat yang dipegang dalam PNSB dan cadangan penjualan oleh Syarikat 70% kepentingan ekuiti dan RCULS bernilai nominal RM212.0 juta yang dipegang dalam SYABAS ("SPA") dengan bayaran tunai berjumlah RM1,555.3 juta (semuanya dirujuk sebagai "Cadangan Penjualan").

Cadangan Penjualan ini melibatkan penjualan berikut oleh Syarikat kepada Air Selangor:

(i) Seluruh kepentingan ekuiti dalam PNSB yang meliputi 10,000,000 saham biasa berharga RM1.00 setiap satu dalam PNSB ("Saham PNSB") dan 48,000,000 CCRPS berharga RM0.10 setiap satu dalam PNSB ("CCRPS PNSB") dengan bayaran tunai berjumlah RM1,117.5 juta, yang merupakan diskaun antara 14.1% dan 24.8% kepada penilaian indikatif antara RM1,301.0 dan RM1,486.0 juta; dan

(ii) 70% kepentingan ekuiti yang dipegang dalam SYABAS yang terdiri daripada 45,500,000 saham biasa berharga RM1.00 setiap satu dalam SYABAS ("Saham SYABAS") dengan pembayaran tunai berjumlah RM225.8 juta dan RCULS bernilai nominal RM212.0 juta ("RCULS SYABAS") untuk bayaran tunai berjumlah RM212.0 juta. Penjualan Saham SYABAS merupakan diskaun antara 65.2% dan 69.5% kepada penilaian indikatif antara RM648.0 juta dan RM740.0 juta.

Terma Cadangan Penjualan ini adalah seperti berikut:

(i) Air Selangor akan menanggung semua CA (seperti yang diterangkan dalam Nota 1 di bawah) perniagaan yang berkaitan (termasuk semua asset dan liabiliti berkaitan CA), kakitangan PNSB berkaitan CA, kakitangan SYABAS dan kakitangan PUAS selepas penyelesaian Cadangan Penjualan ini;

(ii) Syarikat akan berusaha dan memastikan PNSB menguatkuasakan perkara-perkara berikut pada hari ke tujuh selepas tarikh akujanji khas terakhir dan syarat terdahulu (yang sebaliknya tidak dilepas oleh Air Selangor) telah dipenuhi dan ditepati ("Tarikh Penyelesaian"):

(a) pemindahan oleh PNSB semua sahamnya dalam Unggul Raya (M) Sdn Bhd dan Ideal Water Resources Sdn Bhd kepada Syarikat dan/atau subsidiarinya;

(b) pemindahan hartanah sebenar bukan CA milik PNSB ("Hartanah"), aset berkaitan bukan CA dan kenderaan bermotor berkaitan bukan CA oleh PNSB kepada Syarikat dan subsidiarinya;

(c) novasi kontrak berkaitan bukan CA dan kontrak khusus bukan CA kepada Syarikat dan/atau syarikat-syarikat subsidiarinya berserta dengan semua liabiliti dan/atau akaun belum terima yang timbul daripadanya;

(d) novasi semua liabiliti berkaitan bukan CA kepada Syarikat dan/atau syarikat-syarikat subsidiarinya;

(e) pemindahan kakitangan PNSB bukan berkaitan CA kepada Syarikat dan/atau syarikat subsidiarinya;

(f) pembatalan bon prestasi berkaitan bukan CA PNSB yang dikeluarkan oleh RHB Bank Berhad dan United Overseas Bank Berhad dan penamatan kemudahan yang diberi oleh United Overseas Bank (Malaysia) Berhad kepada PNSB;

(g) pindahan dan/atau novasi tender PNSB bukan berkaitan CA yang diserahkan oleh PNSB sebelum tarikh SPA, dan semua kontrak berkaitan daripada penerimaan tender berkenaan oleh pihak berurusan berkaitan kepada Syarikat dan/atau syarikat subsidiarinya; dan

40. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

Terma Cadangan Penjualan ini adalah seperti berikut: (sambungan)

(h) pelepasan oleh PNSB jumlah tidak melebihi RM350.0 juta yang sampai tempoh dan terhutang oleh Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya kepada PNSB.

Cadangan Penjualan adalah bersyarat berdasar kepada syarat terdahulu dipenuhi tidak lewat dari 2 bulan dari tarikh SPA, atau sebarang tarikh lanjutan seperti yang mungkin dipersetujui oleh pihak-pihak berkaitan secara bertulis:

(i) kelulusan tidak bersyarat oleh Kerajaan Malaysia ("Kerajaan Persekutuan") melalui Unit Kerjasama Awam Swasta di Jabatan Perdana Menteri ("UKAS") (bagi memenuhi kelulusan yang diperlukan untuk EGM);

(ii) kelulusan tidak bersyarat oleh Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri ("UPEN") yang telah diperoleh pada 1 Disember 2014;

(iii) kelulusan tidak bersyarat oleh ACQUA SPV Bhd dan pemegang amanah bon yang diterbitkan oleh PNSB dan SYABAS yang telah diperoleh pada 18 Disember 2014;

(iv) kelulusan tidak bersyarat oleh Menteri Kewangan menurut perjanjian konsesi SYABAS yang diperoleh pada 24 Disember 2014;

(v) kelulusan tidak bersyarat oleh RHB Bank Berhad yang diperoleh pada 5 Januari 2015 dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad yang diperoleh pada 8 Januari 2015;

(vi) kelulusan tidak bersyarat oleh SPAN yang diperoleh pada 6 Januari 2015;

(vii) kelulusan pemegang saham Syarikat yang diperoleh pada EGM yang diadakan pada 7 Januari 2015;

(viii) (1) kelulusan pemegang Sukuk Ijarah bercagar boleh tebus 5 tahun bernilai nominal RM165,000,000 yang diterbitkan oleh Syarikat yang diperoleh pada 8 Januari 2015;

(2) pelepasan daripada caj sedia ada ke atas 2,500,000 Saham PNSB dan 16,800,000 daripada Saham SYABAS bagi pihak PB Trustee Services Berhad dan berhubung dengan itu, kelulusan PB Trustee Services Berhad, yang telah diperoleh pada 8 Januari 2015;

(ix) pelaksanaan setiap daripada:-

(1) perjanjian antara Kerajaan Negeri dan Air Selangor bagi pemindahan asset berkaitan bekalan air kepada Air Selangor;

(2) perjanjian induk dilaksanakan oleh Air Selangor, PAAB, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk memindahkan aset berkaitan bekalan air kepada PAAB ("Perjanjian Induk"); dan

(3) perjanjian pajakan dan kemudahan antara Air Selangor dan PAAB bagi pajakan balik aset bekalan air yang diperoleh PAAB (bersama-sama dirujuk sebagai "Perjanjian Pemindahan");

40. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

Cadangan Penjualan adalah bersyarat berdasarkan kepada syarat terdahulu yang perlu dipenuhi tidak lewat dari 2 bulan dari tarikh SPA, atau sebarang tarikh lanjut lain yang dipersetujui bersama oleh pihak-pihak berkaitan secara bertulis: (sambungan)

(x) penerimaan oleh Air Selangor satu (1) pelepasan bertulis oleh Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ("KPS") daripada hak awalannya di bawah perjanjian pemegang saham bertarikh 31 Disember 2004 yang dimeterai antara Syarikat, KDEB dan SYABAS, melalui tambahan kepada perjanjian pemegang saham tambahan bertarikh 20 Februari 2009 yang dimeterai antara Syarikat, KDEB, SYABAS dan KPS ("Perjanjian Pemegang Saham"); dan (2) persetujuan bertulis KPS untuk menamatkan Perjanjian Pemegang Saham berkuat kuasa pada Tarikh Penyiapan;

(xi) penerimaan oleh Air Selangor satu jumlah yang tidak kurang daripada Pembayaran Penjualan (seperti yang ditakrif di bawah) yang dibayar oleh PAAB kepada Air Selangor di bawah Perjanjian Induk ("Jumlah PAAB"); dan

(xii) penerimaan oleh Air Selangor pengesahan daripada PAAB bahawa ia berpuas hati dengan keputusan siasatan usaha wajar yang dijalankan ke atas PNSB, SYABAS dan PUAS.

Nota 1:
Operasi dan perniagaan yang dijalankan oleh PNSB berhubung dengan perjanjian berikut yang dimeterai antara PNSB dan Kerajaan Negeri (termasuk semua pindaan dan perjanjian tambahan yang dipersetujui bersama secara bertulis):-

(i) Perjanjian Penswastaan Berserta Konsesi bertarikh 22 September 1994;

(ii) Perjanjian Konsesi Loji Pembersihan Air Wangsa Maju bertarikh 31 Disember 2004;

(iii) Perjanjian Pembinaan Berserta Operasi bertarikh 22 Mac 1995;

(iv) Perjanjian Operasi & Penyenggaraan Loji Pembersihan Air Sg Sireh bertarikh 7 Mac 2008; dan

(v) Perjanjian Operasi & Penyenggaraan Loji Pembersihan Air Sg Lolo (Lanjutan) bertarikh 16 Ogos 2007;

dan termasuk semua hak berkaitan dengan loji pembersihan air Kerja Turus Sungai Bernam (Baru) seperti yang diberikan oleh SPAN atau mana-mana pihak berkuasa awam lain (bersama-sama selepas ini dirujuk sebagai "CA").

40. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

Di EGM Syarikat pada 7 Januari 2015, pemegang saham Syarikat telah meluluskan resolusi Cadangan Penjualan dan Cadangan Pengagihan seperti yang dibentangkan dalam Notis EGM bertarikh 16 Disember 2014:-

(1) Resolusi Khas 1

Cadangan Penjualan oleh Syarikat adalah seperti berikut:

(i) Seluruh kepentingan ekuiti dan CCRPS yang dipegang dalam PNSB kepada Air Selangor; dan

(ii) 70% kepentingan ekuiti yang dipegang dalam SYABAS dan RCULS bernilai nominal RM212.0 juta kepada Air Selangor

untuk pembayaran tunai sebanyak RM1,555.3 juta ("Bayaran Penjualan").

(2) Resolusi Biasa 1

Cadangan Pengagihan jumlah minimum RM1.00 sesaham biasa berharga RM1.00 setiap satu dalam modal saham diterbit dan berbayar Syarikat sehingga kepada pengagihan maksimum RM534.3 juta melalui bayaran dividen khas kepada pemegang saham Syarikat yang layak pada tarikh kelayakan yang akan ditentukan dan diumumkan kemudian oleh Lembaga Pengarah Syarikat ("Cadangan Pengagihan").

Pada 13 Januari 2015, Syarikat mengumumkan bahawa syarat terdahulu yang digariskan dalam SPA belum dipenuhi dan Syarikat berbincang dengan Air Selangor tentang tarikh yang dipersetujui bagi pelanjutan tarikh untuk memenuhi syarat terdahulu tersebut.

Pada 14 Januari 2015, Syarikat dan Air Selangor mencapai persetujuan pelanjutan sehingga 9 Februari 2015 untuk memenuhi syarat terdahulu yang tercatat dalam SPA.

Pada 10 Februari 2015, berikutan permintaan bertulis daripada Air Selangor, Syarikat dan Air Selangor bersetuju kepada pelanjutan kedua sehingga 9 Mac 2015 untuk memenuhi syarat terdahulu yang tercatat dalam SPA.

Pada 16 Mac 2015, berasaskan permintaan bertulis daripada Air Selangor, Syarikat dan Air Selangor bersetuju kepada pelanjutan ketiga sehingga 9 April 2015 untuk memenuhi syarat terdahulu yang tercatat dalam SPA.

Bergantung kepada semua kelulusan awal yang diperoleh, Cadangan Penjualan dijangka akan diselesaikan dalam tempoh dua belas (12) bulan akan datang.

41. LITIGASI PENTING

(a) KHEC

(i) Prosiding Arbitrasi Pertama

KHEC, sebuah kontraktor kecil bagi Projek Peningkatan Bekalan Air Chennai 1 - Pakej III ("Projek Chennai"), pada peringkat permulaan telah merujuk tuntutan tertentu yang dipertikaikan berjumlah Rs8,44,26,981 (bersamaan kira-kira RM6.75 juta) terhadap PNHB-LANCO-KHEC JV ("Konsortium"), sebuah entiti yang dikawal bersama oleh Syarikat di India.

Berikutan prosiding arbitrasi yang dimulakan oleh KHEC, kedua-dua KHEC dan Konsortium telah melantik dua jurutera awam yang berkelayakan sebagai penimbang tara mereka dan kedua-dua penimbang tara tersebut telah memilih seorang Hakim Mahkamah Tinggi di Chennai, India yang telah bersara sebagai penimbang tara ketiga yang akan turut bertindak sebagai pengerusi tribunal penimbang tara tersebut. Tribunal penimbang tara berkenaan telah diberi kuasa secara rasmi pada 24 September 2005. Pada 28 September 2005, Syarikat telah dimaklumkan bahawa tribunal penimbang tara telah menetapkan tarikh-tarikh berikut bagi memfail kertas guaman penimbang tara sebagai sebahagian daripada formaliti prosedur permulaan:

(i) tuntutan oleh pihak menuntut, KHEC perlu difailkan sebelum 4 Oktober 2005;

(ii) jawapan oleh responden, Konsortium perlu difailkan sebelum 18 November 2005; dan

(iii) jawapan balas oleh pihak menuntut, KHEC perlu difailkan sebelum 5 Disember 2005.

Pada 2 Januari 2006, Konsortium tersebut telah memfailkan tuntutan balasannya berjumlah Rs13,61,61,931 (bersamaan kira-kira RM10.89 juta) terhadap tuntutan KHEC sebanyak Rs8,44,26,981 (bersamaan kira-kira RM6.75 juta) kepada tribunal timbang tara di India.

Pernyataan Tuntutan yang dikemukakan oleh KHEC selepas itu telah disemak semula daripada Rs8,44,26,981 (bersamaan kira-kira RM6.75 juta) kepada Rs9,84,58,245 (bersamaan kira-kira RM7.88 juta), sementara tuntutan balas yang diserah oleh Konsortium, juga telah disemak semula selaras dengan jawapannya, daripada Rs13,61,61,931 (bersamaan kira-kira RM10.89 juta) kepada Rs13,63,39,505 (bersamaan kira-kira RM10.91 juta).

Syarikat telah dimaklumkan pada 4 Mac 2009 oleh peguamcara yang bertindak bagi pihak Konsortium bahawa Panel Timbang tara telah dalam mesyuarat yang diadakan pada 26 Februari 2009, menerima surat penarikan diri timbang tara yang dinamakan oleh KHEC daripada Panel Timbang tara, bertarikh 18 Februari 2009. Justeru, tarikh mesyuarat Panel timbang tara selanjutnya bakal dimaklumkan selepas pelantikan timbang tara pengganti yang akan dinamakan oleh KHEC di bawah Seksyen 15(2) Akta Arbitrasi dan Pendamaian, 1996, India.

Syarikat telah dimaklumkan pada 25 Jun 2009 bahawa persidangan Timbang tara Pertama bagi Panel Timbang tara yang baharu ditubuhkan terdiri daripada Pengerusi timbang tara, timbang tara yang dinamakan oleh Konsortium dan timbang tara pengganti telah diadakan pada 20 Jun 2009.

Sambungan tarikh perbicaraan Prosiding Timbang tara Pertama telah ditetapkan pada 31 Ogos 2013, 28 September 2013 dan 29 September 2013, 9 November 2013 dan 10 November 2013.

Dalam perbicaraan yang diadakan pada 10 November 2013, Panel Timbang tara telah secara tentatif menetapkan perbicaraan sambungan Prosiding Timbang tara Pertama pada 4 Januari 2014 dan 5 Januari 2014.

Perbicaraan sambungan yang dijadualkan secara tentatif pada 4 Januari 2014 dan 5 Januari 2014 tidak berlangsung seperti dijadualkan.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(a) KHEC (sambungan)

(i) Prosiding Timbang tara Pertama (sambungan)

Pada 29 Januari 2014, Panel Timbang tara telah menetapkan perbicaraan sambungan Prosiding Timbang tara Pertama masing-masing pada 8 Februari 2014 dan 9 Februari 2014.

Perbicaraan sambungan itu berlangsung pada 8 Februari 2014, tetapi tarikh perbicaraan pada 9 Februari 2014 telah dikosongkan berikutan ketiadaan Ketua Penimbang tara. Panel Timbang tara telah menetapkan tarikh perbicaraan sambungan bagi Prosiding Timbang tara Pertama pada 29 Mei 2014 dan 30 Mei 2014.

Perbicaraan Prosiding Timbang tara Pertama yang ditetapkan pada 29 Mei 2014 dan 30 Mei 2014 tidak berlangsung seperti yang dijadualkan dan telah ditetapkan oleh Panel Timbang tara pada 4 Julai 2014 untuk dibawa ke tarikh 16 Ogos 2014 dan 17 Ogos 2014.

Perbicaraan Prosiding Timbang tara Pertama yang ditetapkan pada 16 Ogos 2014 dan 17 Ogos 2014 berlangsung seperti dijadualkan.

Panel Timbang tara telah secara tentatif menetapkan tarikh perbicaraan sambungan berikutnya pada 24 Oktober 2014 dan 25 Oktober 2014.

Perbicaraan Prosiding Timbang tara Pertama yang ditetapkan pada 24 Oktober 2014 dan 25 Oktober 2014 berlangsung seperti dijadualkan.

Pada 17 November 2014, Panel Timbang tara telah menetapkan tarikh perbicaraan sambungan bagi Prosiding Timbang tara Pertama masing-masing pada 6 dan 7 Disember 2014.

Pada 26 November 2014, Panel Timbang tara telah menjadualkan semula tarikh perbicaraan bagi Prosiding Timbang tara Pertama yang pada asalnya dijadualkan pada 6 Disember 2014 dan 7 Disember 2014, masing-masing ke 24 Januari 2015 dan 25 Januari 2015.

Pada 7 Januari 2015, Panel Timbang tara telah menangguhkan tarikh perbicaraan sambungan bagi Prosiding Timbang tara Pertama yang pada asalnya dijadualkan pada 24 Januari 2015 dan 25 Januari 2015. Panel tersebut masih belum menjadualkan semula tarikh baru bagi perbicaran sambungan tersebut.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(a) KHEC (sambungan)

(ii) Prosiding Timbang tara Kedua

KHEC telah memulakan prosiding timbang tara kedua terhadap ahli-ahli Konsortium PNHB-Lanco ("Timbang tara Kedua") berasaskan kepada syarat-syarat JVA masing-masing bertarikh 13 Februari 2003 dan Perjanjian Tambahan kepada JVA bertarikh 26 Mac 2003, yang dimeterai antara Syarikat, Lanco Infratech Limited ("Lanco") dan KHEC di mana KHEC menuntut kerugian keuntungan (termasuk faedah dan kos lain) berjumlah Rs5,44,32,916 (bersamaan kira-kira RM4.35 juta) kerana mereka menuduh bahawa mereka, walaupun menjadi pemilik saham 10%, hanya menerima 4.31% daripada nilai keseluruhan kerja kontrak Projek Chennai. Selepas itu, KHEC telah memfailkan tuntutan pindaan bagi kerugian dan kehilangan keuntungan daripada Rs5,44,32,916 hingga Rs55,44,32,916 (bersaman kira-kira RM4.35 juta hingga RM44.3 juta). Peguam PNHB-Lanco telah memfailkan permohonan interim untuk menolak tuntutan sebanyak Rs50,00,00,000 (bersamaan kira-kira RM39.9 juta) bagi pampasan kerugian peluang atas alasan ia remeh dan tidak munasabah.

Prosiding Timbang tara Kedua yang didengari oleh seorang penimbang tara telah diselesaikan di mana pihak-pihak berkenaan telah menghantar penghujahan bertulis masing-masing pada 1 Disember 2012.

Pada 1 April 2013, ahli-ahli Konsortium PNHB-Lanco menerima Awad Akhir Arbitrator bertarikh 29 Mac 2014 di mana ahli-ahli Konsortium PNHB-Lanco dikehendaki membayar faedah bagi kelewatan membayar kos pemboleh Rs.58 Lakhs berjumlah Rs14,62,503 (kira-kira RM83,627.38) sahaja kepada penuntut, KHEC pada atau sebelum 30 April 2013 dan semua tuntutan lain oleh pihak yang menuntut ditolak.

Pada 27 April 2013, ahli-ahli Konsortium PNHB-Lanco telah mematuhi Awad Akhir Arbitrasi bertarikh 29 Mac 2013 dengan membayar faedah bagi kelewatan pembayaran kos pemboleh Rs.58 Lakhs berjumlah Rs.14,62,503 kepada KHEC.

KHEC telah memaklumkan kepada Syarikat tentang hasratnya untuk mencabar Awad Akhir Arbitrator bertarikh 29 Mac 2013. Walau bagaimanapun, sehingga kini, tiada dokumen telah dihantar oleh KHEC kepada ahli-ahli Konsortium PNHB-LANCO.

Pada 4 November 2013, pihak yang menuntut, KHEC telah menghantar kepada ahli-ahli Konsortium PNHB-Lanco satu salinan Petisyen yang difailkan di Mahkamah Tinggi Madras bagi merayu terhadap keputusan Penimbang tara bertarikh 29 Mac 2013. Mahkamah Tinggi Madras telah menetapkan perbicaraan Petisyen tersebut pada 2 Disember 2013.

Pada 2 Disember 2013, Mahkamah Tinggi Madras telah menangguhkan perbicaraan Petisyen yang difailkan oleh KHEC ke 3 Disember 2013.

Pada 3 Disember 2013, Mahkamah Tinggi Madras telah menetapkan perbicaraan sambungan petisyen yang difailkan oleh KHEC bakal berlangsung pada 10 Disember 2013.

Pada 10 Disember 2013, Mahkamah Tinggi Madras telah menangguhkan perbicaraan Petisyen yang difailkan oleh KHEC, di mana tarikh perbicaran baru masih belum ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi Madras.

41. LITIGASI SAMBUNGAN (SAMBUNGAN)

(b) JAKS-KDEB

Saman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D4-22-1452-2006

PUAS dan SYABAS telah dikemukakan:

(i) Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan bertarikh 6 Oktober 2006;

(ii) Saman Ex-Parte Dalam Kamar bertarikh 6 Oktober 2006 ("Ex-Parte SIC") dan Afidavit sokongannya disahkan pada 6 Oktober 2006;

(iii) Pindaan Pernyataan Tuntutan difailkan pada 18 Oktober 2006; dan

(iv) Perintah Injunksi Ex-Parte bertarikh 18 Oktober 2006 ("Perintah Ex-Parte"),

(selepas ini dirujuk sebagai "Saman") berhubung Saman tersebut, oleh peguamcara JAKS-KDEB ("Plaintif") pada 19 Oktober 2006.

Plaintif telah memulakan tindakan undang-undang terhadap PUAS dan SYABAS berhubung perjanjian bertarikh 25 Oktober 2001 yang dimeterai antara Plaintif dan Kerajaan Negeri berkenaan pembekalan paip dan lekapan di Negeri Selangor Darul Ehsan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Melalui Ex-Parte SIC, Plaintif memohon berikut:

(i) Perintah untuk menyekat dengan serta-merta PUAS dan/atau SYABAS sama ada oleh mereka sendiri, ejen mereka, orang suruhan, para pengarah, kontraktor, penama dan/atau semua pihak berkaitan dengan PUAS dan/atau SYABAS dan/atau wakil dan/atau pengganti berjawatan atau sebaliknya melalui injunksi, disekat daripada membeli dan/atau mendapatkan dan/atau diberi dan/atau berurusan dengan dan/atau menerima semua keperluannya untuk paip (yang termasuk paip lurus daripada sebarang bahan sama ada dalam ukuran panjang keseluruhan atau dipotong tetapi tidak terhad kepada paip keluli lembut) dan lekapan (yang termasuk tee, liku, pita, tirus, simpai, penyesuai bebibir, bebibir sifar, penyambung mekanikal dan aksesori seumpama) berhubung semua projek air yang dijalankan atau yang akan dijalankan di Negeri Selangor termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, daripada sebarang entiti lain kecuali daripada Plaintif sehingga penyelesaian permohonan Inter-Partes Plantif untuk mendapatkan injunksi;

(ii) Perintah untuk menyekat dengan serta-merta PUAS dan/atau SYABAS sama ada diri mereka sendiri, ejen, orang suruhan, para pengarah, kontraktor, penama dan/atau semua pihak berkaitan dengan PUAS dan/atau SYABAS dan/atau wakil dan/atau pengganti berjawatan atau sebaliknya melalui injunksi, disekat daripada mengambil langkah selanjutnya untuk membekal dan/atau berurusan dengan semua paip dan lekapan di atas dan/atau termasuk rundingan dan/atau memberi kontrak dengan sebarang entiti lain yang timbul daripada dan berhubung dengan pembelian dan/atau mendapatkan dan/atau diberi dan/atau menerima semua keperluannya untuk paip dan lekapan berhubung semua projek air yang dijalankan atau akan dijalankan di Negeri Selangor termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sehingga penyelesaian permohonan Inter-Partes Plaintif bagi mendapatkan injunksi;

(iii) Kos adalah kos dalam kausa;

(iv) Tarikh yang akan ditetapkan bagi perbicaraan permohonan inter-partes Plaintif adalah dalam tempoh 21 hari dari tarikh Perintah Ex-Parte; dan

(v) Relif selanjutnya dan lain sepertimana dianggap sesuai oleh Mahkamah Tinggi.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(b) JAKS-KDEB (sambungan)

Saman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D4-22-1452-2006 (sambungan)

Permohonan di atas telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi selepas dipohon oleh Ex-Parte SIC Plaintif tanpa kehadiran PUAS dan SYABAS atau Peguamcara mereka hadir di Mahkamah Tinggi pada 18 Oktober 2006. Perintah Ex-Parte Plaintif berkuatkuasa sepanjang tempoh dua puluh satu (21) hari dari 18 Oktober 2006 hingga tarikh perbicaraan Inter-Parte yang telah ditetapkan pada 7 November 2006.

PUAS dan SYABAS menafi dan menyangkal semua tuduhan yang dibangkitkan oleh Plaintif dalam Saman tersebut dan telah mengarahkan Peguamcara mereka memfailkan permohonan melalui Saman dalam Kamar bertarikh 1 November 2006 untuk mengetepikan Perintah Ex-Parte Order dan membela diri terhadap tuntutan Plaintif pada hari perbicaraan Inter-Parte yang ditetapkan pada 7 November 2006.

Pada perbicaraan yang berlangsung pada 7 November 2006 ("Perbicaraan"), Mahkamah Tinggi atas permohonan Peguamcara Plaintif, membenarkan penangguhan Perbicaraan ke 17 November 2006 bagi membolehkan Plaintif menyediakan jawapan Affidavit terhadap Affidavit yang difailkan oleh Kerajaan Negeri, Defendan Ke-3 kepada Saman tersebut. Selepas itu, Perbicaraan tersebut telah ditangguhkan ke 20 November 2006.

Pada perbicaraan yang berlangsung pada 20 November 2006, Mahkamah Tinggi telah menetapkan 22 November 2006 sebagai tarikh untuk memberi keputusannya mengenai permohonan Inter-Partes untuk injunksi. Mahkamah Tinggi juga memerintahkan supaya tiada perintah ad-interim yang melanjutkan injunksi Ex-Parte akan diberi bagi tempoh dari 20 November hingga 22 November 2006. Ini bermakna bahawa sepanjang tempoh ini, SYABAS bebas untuk mendapatkan bekalan paipnya dari sebarang sumber.

Pada perbicaraan yang berlangsung pada 22 November 2006, Mahkamah Tinggi tidak memberi perintah injunksi yang dipohon oleh Plaintif dan sebaliknya terus menetapkan tarikh bagi Pengurusan Kes pada 15 Januari 2007. Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan Pengurusan Kes kepada 13 Februari 2007 dan selepas itu kepada 22 Mac 2007.

Pada 22 Mac 2007, Mahkamah Tinggi telah menetapkan Pengurusan Kes bagi sebutan pada 4 April 2007. Permohonan oleh Plaintif untuk Penzahiran terhadap PUAS dan SYABAS dan Pemeriksaan Perjanjian Konsesi SYABAS juga didengari pada 22 Mac 2007 dan keputusan telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 4 April 2007. Pada perbicaraan yang berlangsung pada 4 April 2007, Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan untuk Penzahiran oleh Plaintif terhadap PUAS dan SYABAS dan sewajarnya, mengeluarkan perintah penzahiran dan pemeriksaan Perjanjian Konsesi SYABAS.

Selepas berunding dengan peguamcaranya mengenai prospek memfailkan rayuan, SYABAS telah mengarahkan peguamcaranya untuk terus memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan. Rayuan tersebut kemudiannya difailkan di Mahkamah Rayuan pada 3 Mei 2007. Semasa perbicaraan pada 15 Julai 2008, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan SYABAS terhadap Perintah Penzahiran oleh Mahkamah Tinggi bertarikh 4 April 2007 yang memerintahkan pendedahan Perjanjian Konsesi dengan kos. SYABAS telah mengarahkan peguamcaranya supaya tidak meneruskan rayuan selanjutnya ke Mahkamah Persekutuan. Keputusan tersebut dibuat berasaskan terutamanya kepada fakta bahawa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak membantah pendedahan Perjanjian Konsesi tersebut di Mahkamah Tinggi.

Semasa perbicaraan pada 3 Oktober 2007, Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan untuk meminda Penyata Pembelaan, dengan kos dan kos sampingan ditanggung oleh PUAS dan SYABAS.

Memandangkan pembubaran Jabatan Kawalselia Air Selangor ("JKAS") yang dahulu menjadi penerima pemberitahuan bertulis dan laporan bertulis seperi yang dinyatakan dalam Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 22 November 2006, SYABAS telah mengarahkan peguamcaranya memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi untuk meminda Perintah berkenaan dengan menggantikan JKAS dengan SPAN sebagai penerima dan permohonan berkenaan yang telah ditetapkan untuk Perbicaraan pada 20 April 2009 telah ditangguhkan kepada 19 Mei 2009 dan 25 Jun 2009.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(b) JAKS-KDEB (sambungan)

Saman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D4-22-1452-2006 (sambungan)

Pada 6 Julai 2009, Mahkamah Tinggi telah menetapkan permohonan Pertama dan Kedua Defendan untuk meminda Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 22 November 2006 ke 22 Julai 2009. Mahkamah Tinggi telah mengeluarkan arahan supaya Plaintif memfailkan Afidavit selanjutnya untuk menyatakan bahawa Plaintif berhasrat untuk menambah Kerajaan Negeri dalam Perintah tersebut memandangkan permohonan berkenaan hanya berhubung pemindaan entiti kepada SPAN.

Pada 22 Julai 2009, semasa perbicaraan permohonan Pertama dan Kedua Defendan untuk meminda Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 22 November 2006, Mahkamah Tinggi telah membenarkan perkataan "dan/atau Kerajaan Negeri Selangor" ditambah dalam Perintah tersebut berserta perkataan "SPAN". Penambahan ini telah diminta oleh Plaintif dan dibenarkan oleh Penasihat Undang-undang Negeri Selangor, yang mewakili Defendan.

Mahkamah Tinggi kemudiannya menangguhkan perkara tersebut untuk dibicarakan pada 30 Oktober 2009 kerana Defendan ke-3 bercadang untuk menentang permohonan Plaintif untuk meminda Pernyataan Tuntutan. Perbicaraan tersebut ditangguhkan ke 12 November 2009 bagi membolehkan Defendan ke-3 memfail Afidavitnya sebagai Jawapan kepada Afidavit Plaintif. Pada Perbicaraan yang diadakan pada 12 November 2009 bagi permohonan Plaintif untuk meminda Pernyataan Tuntutan, Mahkamah Tinggi telah menetapkan perkara berkenaan akan diputuskan pada 18 November 2009. Pada Pengurusan Kes yang diadakan pada 18 November 2009, Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan Plaintif untuk meminda Penyata Tuntutan tersebut dan menetapkan perkaraan berkenaan untuk Pengurusan Kes pada 12 Januari 2010. Sebagai tindak balas, SYABAS telah memfailkan Pindaan Penyata Pembelaan pada 22 Januari 2010 dan perkara tersebut telah ditetapkan untuk Pengurusan Kes selanjutnya pada 25 Mac 2010.

Semasa Pengurusan Kes yang diadakan pada 25 Mac 2010, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perkara tersebut ke 5 April 2010 untuk sebutan bagi memastikan sama ada perkara tersebut boleh diteruskan melalui cara timbang tara. Pada 5 April 2010, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perkara tersebut ke 10 Mei 2010 untuk Pengurusan Kes bagi membolehkan pihak-pihak berkenaan mematuhi arahan Mahkamah Tinggi dan menetapkan perkara tersebut untuk perbicaraan kerana pihak-pihak berkenaan tidak bersetuju untuk bertimbang tara. Pengurusan Kes selanjutnya telah diadakan pada 4 Jun 2010 dan 4 Ogos 2010 dan Pengurusan Kes berikutnya ditetapkan pada 29 September 2010. Selepas itu Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perkara tersebut untuk dibicarakan pada 12 Oktober 2010 dan tarikh perbicaraannya ditetapkan secara tentatif pada 16 Oktober 2010 dan 17 Oktober 2010 tertakluk kepada pengesahan semula pada tarikh Pengurusan Kes berikutnya. Pada Pengurusan Kes yang diadakan pada 12 Oktober 2010, Mahkamah Tinggi telah menetapkan tarikh perbicaraan pada 16 Disember 2010, 17 Disember 2010, 20 Januari 2011 dan 21 Januari 2011. Penghujahan lisan akan didengar pada 24 Januari 2011 dan 25 Januari 2011.

Semasa perbicaraan yang berlangsung pada 17 Disember 2010, Mahkamah Tinggi telah mengosongkan tarikh perbicaraan pada 20 Januari 2011 dan telah menetapkan tarikh perbicaraan baru pada 28 Mac 2011 hingga 31 Mac 2011. Tarikh perbicaraan yang ditetapkan pada 21 Januari 2011 dan tarikh penghujahan lisan yang ditetapkan pada 24 Januari 2011 dan 25 Januari 2011 kekal tidak berubah.

Pada perbicaraan yang diadakan pada 21 Januari 2011, Mahkamah Tinggi telah membatalkan tarikh yang sebelumnya telah ditetapkan untuk penghujahan lisan pada 24 Januari 2011 dan 25 Januari 2011 dan menetapkan tarikh tambahan bagi perbicaraan sambungan pada 24 Januari 2011, 25 Januari 2011 dan 26 Januari 2011. Tarikh perbicaraan yang sebelumnya ditetapkan pada 28 Mac 2011 hingga 31 Mac 2011 kekal tidak berubah. Pada perbicaraan yang berlangsung pada 28 Mac 2011, Mahkamah Tinggi telah membatalkan tarikh pada 30 Mac 2011 dan 31 Mac 2011. Tarikh perbicaraan pada 28 Mac 2011 dan 29 Mac 2011 kekal tidak berubah. Perkara ini telah ditetapkan untuk perbicaraan penuh selanjutnya pada 5 Mei 2011, 6 Mei 2011, 20 Mei 2011, 8 Jun 2011, 9 Jun 2011 dan 10 Jun 2011. Oleh kerana perbicaraan selesai pada 9 Jun 2011, perbicaraan yang ditetapkan bagi 10 Jun 2011 telah dibatalkan dan keputusan untuk perkara tersebut telah ditetapkan pada 12 September 2011.

Pada 12 September 2011, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan tarikh keputusan bagi perkara tersebut kepada 5 Oktober 2011 kerana penghujahan selepas perbicaraan ditutup pada 9 September 2011. Pada 5 Oktober 2011, Mahkamah Tinggi telah menolak tuntutan plaintif terhadap Defendan yang meliputi PUAS dan SYABAS. Pada 3 November 2011, Plaintif memfailkan Notis Rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 5 Oktober 2011.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(b) JAKS-KDEB (sambungan)

Saman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D4-22-1452-2006 (sambungan)

SYABAS telah dimaklumkan oleh peguamcaranya pada 3 Disember 2012 bahawa Mahkamah Rayuan telah menetapkan perkara bagi pengurusan kes tersebut pada 10 Januari 2013.

Semasa Pengurusan Kes pada 10 Januari 2013, Mahkamah Rayuan telah menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan kes selanjutnya pada 26 Februari 2013 bagi menetapkan tarikh perbicaraan terhadap Rayuan yang difailkan oleh Plaintif.

Semasa Pengurusan Kes yang berlangsung pada 26 Februari 2013, Mahkamah Rayuan telah menetapkan Perbicaraan untuk perkara tersebut pada 22 Mei 2013 atas Rayuan yang difailkan oleh Plaintif.

Pada 22 Mei 2013, Mahkamah Rayuan telah menangguhkan perbicaraan terhadap Rayuan yang difailkan oleh Plaintif terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 5 Oktober 2011 yang telah menolak tuntutan Plaintif terhadap SYABAS dan dua Defendan lain, ke tarikh yang akan ditetapkan kemudian oleh Mahkamah Rayuan.

Mahkamah Rayuan telah menetapkan perbicaraan ke atas Rayuan yang difailkan oleh Plaintif terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 5 Oktober 2011 (yang telah menolak tuntutan Plaintif terhadap SYABAS dan dua Defendan lain) pada 28 Ogos 2013.

Semasa berlangsungnya perbicaraan pada 28 Ogos 2013, Mahkamah Rayuan telah menetapkan perkara bagi Pengurusan Kes pada 5 September 2013 bagi membolehkan mahkamah menetapkan tarikh perbicaraan lain.

Semasa Pengurusan Kes pada 5 September 2013, Mahkamah Rayuan telah menetapkan perbicaraan Rayuan yang difailkan Plaintif terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 5 Oktober 2011 (yang telah menolak tuntutan Plaintif terhadap SYABAS dan dua Defendan lain) pada 14 November 2013.

Semasa perbicaraan yang berlangsung pada 14 November 2013 mengenai Rayuan yang difailkan oleh Plaintif terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 5 Oktober 2011 (yang telah menolak tuntutan Plaintif terhadap SYABAS dan dua Defendan lain), Mahkamah Rayuan telah sebulat suara menolak rayuan Plaintif dengan kos sebanyak RM40,000 diberikan kepada SYABAS dan PUAS dan RM15,000 diberikan kepada Kerajaan Negeri Selangor, Defendan Ke-3.

Plaintif telah memfailkan Notis Usul kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan pada 14 November 2013 yang telah menolak tuntutan Plaintif terhadap SYABAS dan dua Defendan lain.

Pada 4 Februari 2014, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan Notis Usul Plaintif untuk kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 14 November 2013 bagi Pengurusan Kes pada 10 Februari 2014.

Pada 10 Februari 2014, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan Notis Usul untuk kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 14 November 2013 bagi Pengurusan Kes pada 19 Februari 2014.

Pada 19 Februari 2014, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan Notis Usul Plaintif untuk kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 14 November 2013 bagi perbicaraan pada 6 Mei 2014.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(b) JAKS-KDEB (sambungan)

Saman Writ Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D4-22-1452-2006 (sambungan)

Peguam Plaintif melalui suratnya bertarikh 29 April 2014 memohon kepada Mahkamah Persekutuan bagi penangguhan Perbicaraan yang telah ditetapkan pada 6 Mei 2014 terhadap Notis Usul Plaintif untuk mendapatkan kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutian terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 14 November 2013. Mahkamah Persekutuan melalui surat bertarikh 2 Mei 2014 membenarkan Perbicaraan Usul Kebenaran untuk merayu ditangguhkan dan telah menetapkan Usul tersebut untuk Pengurusan Kes pada 6 Mei 2014.

Semasa Pengurusan Kes yang berlangsung pada 6 Mei 2014, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan Notis Usul Plaintif untuk kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 14 November 2013 dibicara pada 5 Ogos 2014.

Mahkamah Persekutuan pada 5 Ogos 2014 telah sebulat suara menolak Notis Usul Plaintif untuk kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 14 November 2013 dengan kos sebanyak RM20,000 diberikan kepada SYABAS dan PUAS dan RM10,000 kepada Kerajaan Negeri Selangor, Defendan Ke-3.

Kos sebanyak RM20,000 telah dibayar kepada SYABAS dan PUAS pada 12 Januari 2015 dan kes tersebut telah dianggap selesai.

(c) ABASS

Saman Writ Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011

SYABAS telah diberikan Writ dan Penyata Tuntutan ("Pernyataan Tuntutan") bertarikh 28 Mac 2011 daripada peguamcara yang bertindak bagi pihak ABASS ("Plaintif") pada 30 Mac 2011.

Dalam Pernyataan Tuntutan tersebut, tuntutan Plaintif terhadap SYABAS, antara lain, adalah seperti berikut:

(i) Perisytiharan bahawa SYABAS bertanggungjawab membuat bayaran penuh terhadap semua inbois yang dikeluarkan oleh Plaintif berhubung Perjanjian Penswastaan Berserta Konsesi bertarikh 9 Disember 2000, Perjanjian Tambahan bertarikh 10 Februari 2001, 28 Ogos 2001 dan 15 Februari 2005 serta Perjanjian Novasi bertarikh 15 Februari 2005 terutamanya menurut Seksyen 4.04 (c) dalam Perjanjian Novasi dan bahawa liabiliti SYABAS untuk membuat bayaran penuh tidak dalam sebarang cara menyusut atau diringankan atas sebab haknya untuk membuat bayaran mengikut nisbah konsesi air berkenaan;

(ii) Penghakiman bagi jumlah RM149,478,553.02;

(iii) Satu akaun pembayaran penuh yang perlu dibayar kepada Plaintif berhubung invois yang dikeluarkan selepas tarikh Writ dengan ini dilaksanakan oleh Mahkamah Yang Mulia dan perintah supaya SYABAS membayar Plaintif seluruh jumlah yang didapati tertunggak semasa melaksanakan akaun tersebut;

(iv) Faedah ke atas jumlah dalam invois yang tertunggak untuk bulan dari Januari 2010 hingga Oktober 2010 pada kadar 1% setahun campur kadar pinjaman asas Malayan Banking Berhad dikira secara harian sehingga tarikh pembayaran penuh oleh SYABAS;

(v) Faedah ke atas jumlah tertunggak bagi invois tertunggak sebelumnya untuk bulan dari Jun 2006 hingga Disember 2009 berjumlah RM6,218,522.57;

(vi) Alternatif kepada permohonan (iii) dan (iv) di atas, faedah pada kadar 8% setahun ke atas jumlah tertunggak bagi setiap invois tertunggak akan dikira dari tarikh cukup tempoh masing-masing hingga tarikh pembayaran penuh oleh SYABAS;

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(c) ABASS (sambungan)

Saman Writ Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. 22NCC-543-2011 (sambungan)

(vii) Ganti rugi perlanggaran kontrak; dan

(viii) Kos.

SYABAS dikehendaki mencatat kehadiran dalam tempoh lapan (8) hari dari 30 Mac 2011 dan Mahkamah telah menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan Kes pada 12 April 2011.

Peguamcara SYABAS telah memfailkan Memorandum Kehadiran berkaitan Saman tersebut pada 4 April 2011 dan perkara yang sama telah disampaikan kepada peguamcara Plaintif pada 5 April 2011.

Mahkamah Tinggi telah menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan Kes pada 12 April 2011. Pada Pengurusan Kes yang berlangsung pada 12 April 2011, Mahkamah Tinggi telah menetapkan Pengurusan Kes selanjutnya pada 30 Mei 2011 supaya SYABAS dapat memfailkan Pembelaannya selewat-lewatnya pada 6 Mei 2011 dan bagi Plaintif memfailkan jawapannya (jika ada).

Pembelaan dan Tuntutan Balas SYABAS telah difailkan di Mahkamah dan salinannya telah diserahkan kepada peguamcara Plaintif pada 6 Mei 2011.

Perkara ini telah ditetapkan untuk Pengurusan Kes pada 30 Mei 2011 dan Mahkamah telah menetapkan 7 Julai 2011 bagi Sebutan sementara menunggu jawapan SYABAS kepada Jawapan dan Pembelaan Plaintif terhadap tuntutan balas tersebut.

Semasa Pengurusan Kes yang berlangsung pada 7 Julai 2011, Mahkamah telah menetapkan Pengurusan Kes berikutnya pada 29 Julai 2011 bagi SYABAS memfailkan jawapan Afidavit kepada permohonan Plaintif berhubung Perintah 33 Peraturan 2 dalam Peraturan Mahkamah Tinggi 1980 bagi beberapa isu permulaan tertentu untuk dibicarakan sebelum perbicaraan persoalan atau isu lain yang diambil tindakan, dan juga bagi SYABAS menyerahkan permohonan untuk kebenaran mengeluarkan Notis Pihak Ketiga terhadap pihak-pihak berkaitan.

Pada Pengurusan Kes yang berlangsung pada 29 Julai 2011, Mahkamah Tinggi telah menetapkan tarikh Pengurusan Kes selanjutnya pada 26 Ogos 2011 untuk menetapkan tarikh perbicaraan bagi permohonan Plaintif berkaitan Perintah 33 Peraturan 2 dalam Peraturan Mahkamah Tinggi 1980 bagi beberapa isu permulaan tertentu yang akan dibicarakan sebelum persoalan atau isu lain yang diambil tindakan, dan juga bagi SYABAS memohon kebenaran untuk mengeluarkan Notis Pihak Ketiga terhadap pihak-pihak berkaitan.

Pada 29 Julai 2011, SYABAS telah memfailkan jawapan Afidavit kepada permohonan Plaintif berkaitan Perintah 33 Peraturan 2 dalam Peraturan Mahkamah Tinggi 1980 untuk beberapa isu permulaan tertentu dibicara sebelum perbicaraan mengenai persoalan atau isu lain yang diambil tindakan, dan telah menyerahkan permohonan untuk kebenaran mengeluarkan Notis Pihak Ketiga terhadap pihak-pihak berkaitan.

Mahkamah Tinggi seterusnya menetapkan 19 Ogos 2011 untuk Plaintif memfailkan jawapan Afidavit bagi SYABAS memberi jawapan, jika ada, pada 26 Ogos 2011. Mahkamah Tinggi juga telah menetapkan tarikh Pengurusan Kes selanjutnya pada 26 Ogos 2011 bagi Mahkamah Tinggi menetapkan tarikh perbicaraan dan pada 11 Ogos 2011, Mahkamah Tinggi juga telah menetapkan 26 Ogos 2011 bagi Plaintif memfailkan jawapan Afidavitnya berhubung permohonan Plaintif berkaitan Perintah 33 Peraturan 2 dan juga permohonan SYABAS mendapatkan kebenaran untuk mengeluarkan Notis Pihak Ketiga. Pada tarikh Pengurusan Kes yang sama, SYABAS perlu memaklumkan kepada Mahkamah Tinggi sama ada ia ingin memfailkan sebarang Afidavit selanjutnya berkaitan ketiga-tiga permohonan tersebut.

Semasa Pengurusan Kes yang berlangsung pada 26 Ogos 2011, Mahkamah Tinggi telah menetapkan Pengurusan Kes selanjutnya pada 26 September 2011 bagi SYABAS memfailkan jawapan Afidavitnya dan bagi pihak-pihak tersebut menyelesaikan seluruh Afidavit masing-masing berhubung permohonan Plaintif berkaitan Perintah 33 Peraturan 2, permohonan SYABAS untuk mendapatkan kebenaran mengeluarkan Notis Pihak Ketiga dan juga permohonan SYABAS untuk meminda Pembelaan dan Tuntutan Balas.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(c) ABASS (sambungan)

Saman Writ Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. 22NCC-543-2011 (sambungan)

Semasa Pengurusan Kes yang berlangsung pada 26 September 2011, Mahkamah Tinggi telah menetapkan Pengurusan Kes berikutnya pada 5 Oktober 2011 untuk menetapkan tarikh perbicaraan berhubung permohonan Plaintif berkaitan Perintah 33 Peraturan 2, permohonan SYABAS untuk mendapatkan kebenaran mengeluarkan Notis Pihak Ketiga dan juga permohonan SYABAS untuk meminda Pembelaan dan Tuntutan Balas.

Pada Pengurusan Kes yang berlangsung pada 5 Oktober 2011, Mahkamah Tinggi telah menetapkan perbicaraan pada 21 Oktober 2011 berhubung permohonan SYABAS untuk mendapatkan kebenaran meminda Pembelaan dan Tuntutan Balas dan seterusnya menetapkan perbicaraan pada 21 November 2011 berkaitan permohonan Plaintif terhadap Perintah 33 Peraturan 2.

Pada 21 Oktober 2011, Mahkamah Tinggi telah menetapkan 31 Oktober 2011 bagi Keputusan berkaitan permohonan SYABAS untuk mendapatkan kebenaran mengeluarkan Notis Pihak Ketiga dan permohonan SYABAS untuk meminda Pembelaan dan Tuntutan Balas. Pada 31 Oktober 2011, Mahkamah telah menangguhkan Keputusan berkaitan permohonan SYABAS untuk mendapatkan kebenaran mengeluarkan Notis Pihak Ketiga dan permohonan untuk meminda Pembelan dan Tuntutan Balas kepada 3 November 2011. Pada 3 November 2011, Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan SYABAS untuk mendapatkan kebenaran mengeluarkan Notis Pihak Ketiga dan permohonan untuk meminda Pembelaan dan Tuntutan Balas. Mahkamah Tinggi telah menetapkan tarikh Pengurusan Kes selanjutnya pada 17 November 2011 bagi membolehkan SYABAS menyampaikan Notis Pihak Ketiga ke atas Kerajaan Negeri Selangor ("Pihak Ketiga") dan untuk menyampaikan Pindaan Pembelaan dan Tuntutan Balas. Plaintif telah merayu kepada Hakim dalam kamar terhadap keputusan Mahkamah Tinggi untuk membenarkan permohonan SYABAS mendapatkan kebenaran mengeluarkan Notis Pihak Ketiga dan permohonan untuk meminda Pembelaan dan Tuntutan Balas. Mahkamah telah menetapkan kedua-dua rayuan untuk dibicarakan pada 23 November 2011.

Selaras dengan tindakan Pihak Ketiga (Kerajaan Negeri Selangor) memfailkan Memorandum Kehadiran pada 17 November 2011, kini perkara tersebut telah ditetapkan untuk Pengurusan Kes selanjutnya pada 23 November 2011 bagi SYABAS untuk memfailkan Saman bagi Arahan Pihak Ketiga. Pada 21 November 2011, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perbicaraan bagi permohonan Plaintif berkaitan Perintah 33 Peraturan 2 kepada 13 Januari 2012.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 13 Januari 2012, selaras dengan permohonan Plaintif bagi perbicaraan isu-isu permulaan berkaitan Perintah 33 Peraturan 2, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perkara tersebut sementara menunggu penyelesaian perbicaraan usul untuk penjelasan oleh Plaintif di Mahkamah Rayuan dan kebenaran untuk merayu di Mahkamah Persekutuan. Kes ini telah ditetapkan untuk Sebutan pada 13 Februari 2012.

Notis Rayuan Plaintif kepada Hakim dalam kamar terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 3 November 2011 telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 23 November 2011. Selepas penghujahan perbicaraan peguam, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan untuk keputusan pada 8 Disember 2011. Semasa Pengurusan Kes yang berlangsung pada 23 November 2011, Mahkamah Tinggi telah dimaklumkan bahawa Saman bagi Arahan Pihak Ketiga telah difailkan pada 23 November 2011 dan perkara tersebut telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 30 November 2011.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(c) ABASS (sambungan)

Saman Writ Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. 22NCC-543-2011 (sambungan)

Semasa perbicaraan yang berlangsung pada 30 November 2011, Saman bagi Arahan Pihak Ketiga, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memerintahkan supaya:-

(i) SYABAS mengemukakan Penyataan Tuntutannya kepada Pihak Ketiga dalam tempoh empat belas (14) hari dari 30 November 2011, yang mana Pihak Ketiga hendaklah merayu dalam tempoh empat belas (14) hari selepas itu;

(ii) Pihak Ketiga bebas untuk hadir di perbicaraan terhadap tindakan tersebut dan mengambil bahagian sepertimana diarahkan oleh Hakim dan tertakluk kepada keputusan perbicaraan tersebut;

(iii) Persoalan liabiliti Pihak Ketiga untuk membayar ganti rugi kepada SYABAS dibicarakan di perbicaraan tindakan tersebut, dan selepas itu; dan

(iv) Kos permohonan ini adalah kos kausa dan dalam prosiding Pihak Ketiga.

Mahkamah Tinggi telah menetapkan Pengurusan Kes selanjutnya pada 5 Januari 2012.

Pada 8 Disember 2011, Mahkamah Tinggi telah menolak Notis Rayuan Plaintif terhadap keputusan bertarikh 3 November 2011 yang membenarkan permohonan SYABAS untuk mengeluarkan Notis Pihak Ketiga dan untuk meminda Pembelaan dan tuntutan balas, dengan kos diberikan kepada SYABAS.

Pernyataan Tuntutan SYABAS terhadap Pihak Ketiga telah difailkan di Mahkamah dan dimaklumkan kepada peguamcara Plaintif dan Pihak Ketiga pada 14 Disember 2011.

Semasa Pengurusan Kes yang diadakan pada 5 Januari 2012, Mahkamah telah menetapkan Pengurusan Kes berikutnya pada 20 Januari 2012 bagi SYABAS memfailkan jawapan kepada pembelaan Pihak Ketiga.

Semasa Pengurusan Kes yang berlangsung pada 20 Januari 2012, Mahkamah Tinggi menetapkan tarikh perbicaraan tentatif pada 19 Mac 2012 hingga 21 Mac 2012. Mahkamah Tinggi juga telah menetapkan Pengurusan Kes bagi perkara tersebut pada 13 Februari 2012, 5 Mac 2012 dan 12 Mac 2012, sementara menunggu keputusan permohonan Plaintif bagi perbicaraan isu-isu permulaan berhubung Perintah 33 Peraturan 2 yang telah ditetapkan untuk sebutan pada 13 Februari 2012.

SYABAS telah diberikan salinan bermeterai permohonan Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan oleh oleh SYABAS pada 2 Februari 2012. Permohonan tersebut telah ditetapkan untuk Pengurusan Kes pada 13 Februari 2012.

Semasa Pengurusan Kes yang diadakan pada 13 Februari 2012 berkaitan permohonan Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan oleh SYABAS, Mahkamah Tinggi telah menetapkan Pengurusan Kes selanjutnya pada 5 Mac 2012. Pada Pengurusan Kes yang berlangsung pada 5 Mac 2012, oleh kerana Hakim tersebut telah mengecualikan diri beliau, Mahkamah Tinggi akan memindahkan perkara tersebut ke mahkamah lain dan memaklumkan Pihak-pihak terlibat sebaik sahaja tarikh baru ditetapkan bagi perkara tersebut. Pada 15 Mac 2012, peguamcara SYABAS telah memaklumkan Pihak-pihak berkaitan bahawa Mahkamah Tinggi melalui surat bertarikh 14 Mac 2012 memaklumkan Pihak-pihak tersebut bahawa kes berkenaan akan dibicara oleh seorang Hakim baru dan perkara tersebut telah ditetapkan untuk Pengurusan Kes pada 16 Mac 2012. Semasa Pengurusan Kes yang berlangsung pada 16 Mac 2012, Mahkamah Tinggi menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan Kes selanjutnya pada 20 April 2012.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(c) ABASS (sambungan)

Saman Writ Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Dalam pengumuman terdahulu yang dibuat oleh Syarikat secara berasingan mengenai kes SPLASH (Saman Sivil Mahkamah Tinggi KL No. D-22NCC-398-2009), Mahkamah Rayuan telah menetapkan 20 Februari 2012 untuk penjelasan tentang keputusannya bertarikh 30 Jun 2011 dan permohonan untuk kebenaran oleh SPLASH merayu kepada Mahkamah Tinggi timbul daripada keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 30 Jun 2011 telah ditetapkan untuk Pengurusan Kes pada 23 Februari 2012 di Mahkamah Tinggi.

Pada sebutan yang berlangsung pada 13 Februari 2012, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perkara berkaitan dengan permohonan Plaintif untuk perbicaraan isu-isu permulaan berhubung Perintah 33 Peraturan 2 ke 5 Mac 2012, sementara menunggu penjelasan di Mahkamah Rayuan dan Pengurusan Kes di Mahkamah Tinggi dalam kes SPLASH. Pada 5 Mac 2012, yang arif Hakim telah mengecualikan diri beliau daripada mendengar perkara berkaitan permohonan Plaintif bagi perbicaraan isu-isu permulaan berkaitan Perintah 33 Peraturan 2. Sehubungan itu, kes berkenaan akan dirujuk untuk dipindahkan ke mahkamah lain dan tarikh baru akan diberi oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi dalam masa terdekat. Tarikh perbicaran yang telah secara tentatif ditetapkan dari 19 ke 21 Mac 2012 telah dibatalkan.

Melalui surat bertarikh 14 Mac 2012, Mahkamah Tinggi telah memaklumkan kepada pihak-pihak berkenaan bahawa kes tersebut akan dibicara oleh seorang Hakim baru dan perkara tersebut ditetapkan untuk Pengurusan Kes pada 16 Mac 2012 yang selepas itu ditetapkan selanjutnya ke 20 April 2012.

Pada 20 April 2012, pihak-pihak terlibat telah memaklumkan Mahkamah bahawa mereka tiada bantahan untuk menerima yang arif Hakim berkenaan membicarakan kes tersebut. Mahkamah telah mengeluarkan arahan berikut:

(a) Permohonan oleh Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan terhadap Pihak Ketiga ditetapkan untuk Perbicaraan pada 28 Jun 2012 dengan penghujahan balas (jika ada) difailkan pada atau sebelum 15 Jun 2012; dan

(b) Permohonan Plaintif untuk perbicaraan Isu-isu Permulaan berkaitan Perintah 33 Peraturan 2 ditetapkan untuk Perbicaraan pada 10 Ogos 2012.

Permohonan Plaintif untuk Pembayaran Interim ditetapkan untuk Sebutan pada 10 Ogos 2012.

Pada 28 Jun 2012, Mahkamah Tinggi telah menetapkan permohonan Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan terhadap Pihak Ketiga tersebut untuk perbicaraan selanjutnya pada 3 Julai 2012.

Pada perbicaraan yang berlangsung pada 3 Julai 2012 berkaitan permohonan oleh Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan terhadap Pihak Ketiga, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perkara tersebut ke 31 Julai 2012 untuk mendapatkan keputusannya.

Pada 31 Julai 2012, Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang dikeluarkan terhadap Pihak Ketiga oleh SYABAS dengan kos sebanyak RM10,000 dan kini SYABAS sedang mendapatkan nasihat perundangan untuk sama untuk membuat rayuan keputusan tersebut kepada Mahkamah Rayuan.

Pada 2 Ogos 2012, peguamcara SYABAS telah memfailkan Notis Rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 31 Julai 2012 untuk membenarkan permohonan Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga diketepikan.

Pada perbicaraan yang berlangsung pada 10 Ogos 2012 bagi permohonan Plaintif untuk perbicaraan Isu-isu Permulaan berkaitan Perintah 33 Peraturan 2 ("Permohonan"), Mahkamah Tinggi telah menangguhkan Permohonan untuk meneruskan perbicaran pada 23 Ogos 2012 dan telah menetapkan Permohonan untuk keputusan pada 3 September 2012.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(c) ABASS (sambungan)

Saman Writ Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Mahkamah Tinggi juga semasa sebutan yang berlangsung pada 10 Ogos 2012 berkaitan permohonan plaintif untuk Pembayaran Interim, telah menetapkan sebutan berikutnya pada 3 September 2012.

Pada 3 September 2012, Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan Plaintif bagi perbicaraan Isu-isu Permulaan berkaitan Perintah 33 Peraturan 2 dengan kos mengikut kausa seperti yang diarahkan. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan selanjutnya perkara tersebut bagi Pengurusan Kes pada 5 September 2012 bagi menetapkan tarikh perbicaraan.

Semasa perbicaraan yang berlangsung pada 3 September 2012 berkaitan permohonan Plaintif untuk pembayaran interim, Mahkamah Tinggi telah menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan Kes pada 5 September 2012.

Semasa Pengurusan Kes yang berlangsung pada 5 September 2012 berkaitan permohonan Plaintif bagi perbicaraan Isu-isu Permulaan berhubung Perintah 33 Peraturan 2, peguamcara SYABAS telah memaklumkan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bahawa melalui Notis Serah Hak bertarikh 15 Ogos 2012, SYABAS telah dimaklumkan melalui Plaintif bahawa melalui Suratcara Serah Hak bertarikh 10 Ogos 2012, plaintif telah melantik Maybank Investment Bank Berhad sebagai pemegang hak dan kepentingannya di bawah Perjanjian Novasi bertarikh 15 Februari 2005 dan berasaskan kepada perkembangan terkini, SYABAS akan membuat permohonan untuk meminda semula Pembelaan dan Tuntutan Balasnya.

Mahkamah Tinggi telah menangguhkan Pengurusan Kes bagi tindakan dan permohonan Plaintif bagi pembayaran interim ke 2 Oktober 2012, sementara menunggu permohonan SYABAS difailkan untuk Pembelaan dan Tuntutan Balasnya dipinda semula.

Pada Pengurusan Kes yang berlangsung pada 13 September 2012, Mahkamah Rayuan telah menetapkan perkara berkaitan rayuan yang dibuat oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Pihak Ketiga mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga, untuk perbicaraan pada 27 November 2012. Mahkamah Rayuan juga mengarahkan supaya rekod rayuan difailkan pada atau sebelum 27 September 2012.

Pada 2 Oktober 2012, Mahkamah Tinggi telah menetapkan 8 November 2012 bagi perbicaraan permohonan SYABAS untuk meminda semula Pembelaan dan Tuntutan Balasnya bagi membolehkan pihak-pihak tersebut untuk membuat segala persediaan memfailkan Afidavit dan menetapkan tindakan pengurusan kes berikut dan permohonan Plaintif bagi pembayaran interim pada 8 November 2012.

Pada 8 November 2012, Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan SYABAS untuk meminda semula Pembelaan dan Tuntutan Balasnya dengan kos dalam kausa. Mahkamah Tinggi telah mengarahkan SYABAS untuk meminda semula Pembelaan dan Tuntutan Balasnya dalam tempoh tujuh (7) hari dari hari tersebut. Mahkamah Tinggi telah memberi Plaintif kebebasan untuk membuat pindaan selanjutnya kepada jawapan pindaannya kepada Pembelaan dan Pembelaan untuk Tuntutan Balas dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyampaian pindaan semula Pembelaan dan Tuntutan Balas SYABAS.

Mahkamah Tinggi juga telah menetapkan tarikh perbicaraan pada 22 April 2013, 23 April 2013 dan 24 April 2013 dan Pengurusan Kes bagi tindakan dan permohonan Plaintif bagi Pembayaran Interim pada 30 November 2012.

Pada 26 November 2012, berikutan permohonan yang dibuat oleh peguam Pihak Ketiga kepada Mahkamah Rayuan pada 20 November 2012, peguamcara SYABAS telah dimaklumkan oleh peguam Kerajaan Negeri Selangor melalui surat bertarikh 23 November 2012 bahawa Mahkamah Rayuan telah memberi penangguhan dan membatalkan tarikh perbicaraan pada 27 November 2012 berkaitan rayuan yang dibuat oleh SYABAS terhadap keputusan oleh Mahkamah Tinggi pada 31 Julai 2012 yang membenarkan permohonan Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga, ke satu tarikh yang akan ditetapkan oleh Mahkamah Rayuan lagi.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(c) ABASS (sambungan)

Saman Writ Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Semasa Pengurusan Kes yang diadakan pada 30 November 2012, Mahkamah Tinggi telah menetapkan Pengurusan Kes selanjutnya pada 4 Januari 2013 bagi permohonan Plaintif untuk Pembayaran Interim dan Plaintif memfailkan Pindaan Semula Jawapan dan Pembelaan terhadap tuntutan balas.

Pada 7 Disember 2012, SYABAS telah dimaklumkan oleh peguamcaranya pada satu tarikh bahawa Mahkamah Rayuan telah menetapkan perbicaraan untuk rayuan yang dibuat oleh SYABAS terhadap keputusan oleh Mahkamah Tinggi pada 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Pihak Ketiga untuk membatalkan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga pada 7 Januari 2013.

Pada Pengurusan Kes yang berlangsung pada 4 Januari 2013, Mahkamah Tinggi telah menetapkan 12 March 2013 bagi berikut:

(i) Pengurusan Kes bagi permohonan Plaintif untuk Pembayaran Interim;

(ii) Perbicaraan untuk permohonan SYABAS menolak tuntutan Plaintif; dan

(iii) Pengurusan Kes tindakan utama.

Mahkamah Rayuan telah menangguhkan perbicaraan yang telah ditetapkan pada 7 Januari 2013 bagi rayuan yang dibuat oleh SYABAS terhadap keputusan oleh Mahkamah Tinggi pada 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Pihak Ketiga mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga ke 21 Januari 2013.

Semasa perbicaraan yang berlangsung pada 21 Januari 2013, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan yang dibuat oleh SYABAS terhadap keputusan oleh Mahkamah Tinggi pada 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga dengan kos. Kini SYABAS sedang mendapatkan nasihat peguamcaranya berkenaan tindakan selanjutnya berikutan keputusan berkenaan.

Pada 20 Februari 2013, SYABAS telah memfailkan notis usul bagi mendapatkan kebenaran merayu keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan pada 21 Januari 2013 kepada Mahkamah Persekutuan.

Pada 12 Mac 2013, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perbicaraan bagi membatalkan tuntutan Plaintif ke 20 Mac 2013 bagi membolehkan pihak terlibat menyediakan penghujahan jawapan dan telah menetapkan 20 Mac 2013 untuk perkara berikut:

(i) Pengurusan Kes bagi permohonan Plaintif untuk Pembayaran Interim; dan

(ii) Pengurusan Kes bagi tindakan utama.

Berhubung permohonan SYABAS untuk mendapatkan kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013 di mana Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga, Mahkamah Persekutuan melalui surat bertarikh 14 March 2013 menetapkan perkara untuk Pengurusan Kes pada 27 Mac 2013.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(c) ABASS (sambungan)

Saman Writ Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Perkara-perkara di Mahkamah Tinggi pada 20 Mac 2013 telah ditetapkan untuk berikut:-

(i) Perbicaraan permohonan SYABAS untuk membatalkan tuntutan Plaintif;

(ii) Permohonan Plaintif untuk penggantungan prosiding dan membatalkan permohonan SYABAS untuk membatalkan tuntutan Plaintif dan Pembelaan dan Tuntutan Balas SYABAS;

(iii) Pengurusan Kes bagi tindakan utama; dan

(iv) Pengurusan Kes ke atas permohonan Plaintif bagi Pembayaran Interim.

Mahkamah Tinggi telah menangguhkan prosiding tersebut ke 29 Mac 2013 bagi Pengurusan Kes untuk membolehkan pihak terlibat menyelesaikan Afidavit mereka dan merujuk kembali ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur jika pihak terlibat tersebut ingin meneruskan permohonan berkenaan. Ini adalah selaras dengan permohonan Plaintif untuk meneruskan prosiding dan untuk membatalkan permohonan SYABAS untuk membatalkan tuntutan Plaintif dan Pembelaan SYABAS dan tuntutan balas pada 19 Mac 2013 di mana selepas itu, SYABAS telah memfailkan Afidavit pada 20 Mac 2013.

Semasa Pengurusan Kes yang diadakan pada 27 Mac 2013, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan 28 Ogos 2013 untuk perbicaraan usul SYABAS untuk mendapatkan kebenaran membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013.

Semasa Pengurusan Kes yang berlangsung pada 29 Mac 2013, pihak terlibat telah memaklumkan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bahawa mereka akan meneruskan permohonan SYABAS untuk membatal tuntutan Plaintif dan permohonan Plaintif untuk menggantung prosiding dan untuk membatal permohonan SYABAS membatal tuntutan Plaintif dan Pembelaan dan Tuntutan Balas SYABAS.

Kini Mahkamah Tinggi telah menetapkan Pengurusan Kes bagi kedua-dua permohonan pada 17 April 2013. Oleh kerana perbicaraan tersebut telah ditetapkan pada 22 April 2013, 23 April 2013 dan 24 April 2013, Mahkamah Tinggi telah menetapkan Pengurusan Kes bagi perbicaraan tersebut pada 8 April 2013 dan 17 April 2013.

Semasa Pengurusan Kes yang berlangsung pada 8 April 2013, Mahkamah Tinggi telah menetapkan permohonan SYABAS untuk membatal tuntutan Plaintif dan permohonan penggantungan prosiding Plaintif dan untuk membatal permohonan SYABAS untuk membatal tuntutan Plaintif dan Pembelaan dan Tuntutan Balas SYABAS untuk perbicaraan pada 24 April 2013. Mahkamah Tinggi mengekalkan Pengurusan Kes bagi kedua-dua permohonan pada 17 April 2013, seperti diumumkan sebelumnya.

Mahkamah Tinggi telah membatalkan Pengurusan Kes bagi Perbicaraan pada 17 April 2013 dan tarikh perbicaraan ditetapkan pada 22 April 2013, 23 April 2013 dan 24 April 2013 sementara menunggu penyelesaian permohonan SYABAS untuk mendapatkan kebenaran membuat rayuan di Mahkamah Persekutuan yang telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 28 Ogos 2013 dan seterusnya menetapkan Pengurusan Kes untuk perbicaraan pada 4 September 2013.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(c) ABASS (sambungan)

Saman Writ Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Pada Pengurusan Kes yang berlangsung pada 17 April 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membatalkan perbicaraan yang ditetapkan pada 24 April 2013 berhubung perkara berikut:

(i) Permohonan SYABAS untuk membatal Writ Saman & Pernyataan Tuntutan Plaintif bertarikh 28 Mac 2011 yang difail berasaskan penyerahan hak yang diberikan oleh Plaintif kepada Ejen Sekuriti melalui Suratcara Serah Hak bertarikh 23 Ogos 2012 di mana Plaintif telah menyerahkan haknya secara mutlak dan tidak boleh membatal serahan haknya untuk menerima pembayaran daripada SYABAS kepada Ejen Sekuriti; dan

(ii) Permohonan Plaintif untuk menggantung prosiding dan membatalkan permohonan bagi mengetepikan permohonan SYABAS untuk mengetepikan tuntutan Plaintif dan Pembelaan serta Tuntutan Balas SYABAS berhubung pertikaian Plaintif bahawa SYABAS juga telah melaksana dan menyerahkan hak perundangannya, hak milik, manfaat dan kepentingan terhadap hartanya yang diserah hak kepada Ejen Sekuriti SYABAS.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur seterusnya telah menetapkan Pengurusan Kes mengenai permohonan-permohonan yang disebut di atas pada 4 September 2013 sementara menunggu penyelesaian permohonan SYABAS untuk mendapatkan kebenaran merayu di Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013, di mana Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 31 Julai 2012 dalam membenarkan permohonan Pihak Ketiga untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga.

Pada perbicaraan yang berlangsung pada 28 Ogos 2013, Mahkamah Persekutuan telah menerima usul SYABAS untuk mendapatkan kebenaran bagi merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013 dengan kos bagi mengikuti perkembangan rayuan tersebut.

Sebelum ini Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Pihak Ketiga.

Semasa Pengurusan Kes yang diadakan pada 4 September 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan Kes selanjutnya pada 28 November 2013.

Mahkamah Persekutuan melalui surat bertarikh 25 Oktober 2013 telah menetapkan 14 November 2013 bagi Pengurusan Kes rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013.

Semasa Pengurusan Kes yang berlangsung pada 14 November 2013, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan 13 Januari 2014 sebagai tarikh Pengurusan Kes selanjutnya bagi Rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013.

Semasa Pengurusan Kes yang berlangsung pada 28 November 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan selanjutnya pada 27 Januari 2014, sementara menunggu penyelesaian Rayuan tersebut yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013.

Mahkamah Rayuan sebelum ini telah menolak rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 31 Julai 2012 yang menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Kerajaan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, pada perbicaraan yang berlangsung pada 28 Ogos 2013, Mahkamah Persekutuan telah memberi kebenaran kepada SYABAS untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan.

Mahkamah Persekutuan telah mempercepatkan Pengurusan Kes berkenaan Rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013, dari 13 Januari 2014 ke 31 Disember 2013.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(c) ABASS (sambungan)

Saman Writ Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Pada Pengurusan Kes yang berlangsung pada 31 Disember 2013, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan Rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013 untuk perbicaraan pada 7 April 2014.

Semasa berlangsungnya Pengurusan Kes pada 27 Januari 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan Kes selanjutnya pada 9 April 2014 untuk mengemaskini Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengenai status Rayuan Mahkamah Persekutuan dan saman sedia ada.

Pada 7 April 2014, Mahkamah Persekutuan telah menangguhkan perbicaraan usul Pihak Ketiga untuk mengetepikan rayuan SYABAS (yang difailkan pada 3 April 2014 bersama afidavit sebagai sokongan yang dikemukakan oleh Menteri Besar Pihak Ketiga, Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim dan telah ditetapkan untuk Perbicaraan pada hari ini) dan Perbicaraan rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013 (yang telah menolak rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 31 Julai 2012 dan menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Kerajaan Negeri Selangor) ke 9 April 2014 bagi membolehkan Kerajaan Negeri Selangor memfailkan Afidavitnya sebagai jawapan kepada Afidavit SYABAS yang dikemukakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SYABAS, Dato' Ruslan Hassan, pada 4 April 2014 berkaitan usul untuk mengetepikan rayuan SYABAS.

Pada 9 April 2014, penasihat undang-undang SYABAS telah memaklumkan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bahawa perbicaraan Rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013 dan perbicaraan usul yang difailkan oleh Pihak Ketiga untuk mengetepikan rayuan SYABAS telah dijadualkan semula ke 9 April 2014. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur seterusnya telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 18 April 2014 sementara menunggu penyelesaian rayuan SYABAS dan usul untuk mengetepikan rayuan SYABAS yang difailkan oleh Pihak Ketiga di Mahkamah Persekutuan.

Pada 9 April 2014, Mahkamah Persekutuan telah menangguhkan Perbicaraan usul Kerajaan Negeri Selangor untuk membatalkan rayuan SYABAS serta rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013 (yang telah menolak rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 31 Julai 2012 dalam membenarkan permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS terhadap Kerajaan Negeri Selangor) ke 7 Julai 2014 bagi membolehkan SYABAS memfailkan afidavitnya sebagai jawapan kepada Afidavit yang dikemukakan oleh Menteri Besar Kerajaan Negeri Selangor, Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim yang telah dikemukakan kepada SYABAS pada 9 April 2014 berkaitan usul Kerajaan Negeri Selangor untuk membatalkan rayuan SYABAS.

Pada Pengurusan Kes yang berlangsung pada 18 April 2014, penasihat undang-undang SYABAS telah memaklumkan kepada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bahawa Perbicaraan Rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013 dan perbicaraan usul yang difailkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membatalkan rayuan SYABAS telah ditangguhkan oleh Mahkamah Persekutuan ke 7 Julai 2014. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur seterusnya telah menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan Kes selanjutnya pada 9 Julai 2014 sementara menunggu penyelesaian rayuan dan usul SYABAS untuk membatalkan rayuan SYABAS yang difailkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di Mahkamah Persekutuan.

Pada 7 Julai 2014, Mahkamah Persekutuan telah menangguhkan perbicaraan rayuan yang difailkan oleh SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013 dan perbicaraan usul yang difailkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membatalkan rayuan SYABAS ke 2 Oktober 2014.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(c) ABASS (sambungan)

Saman Writ Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-543-2011 (sambungan)

Pada 9 Julai 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan Kes selanjutnya pada 9 Oktober 2014 sementara menunggu penyelesaian rayuan dan usul SYABAS untuk mengetepikan rayuan SYABAS yang difailkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di Mahkamah Persekutuan, di mana Perbicaraannya ditangguhkan ke 2 Oktober 2014 oleh Mahkamah Persekutuan pada 7 Julai 2014.

Semasa perbicaraan yang berlangsung pada 2 Oktober 2014, Mahkamah Persekutuan telah membicara rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 Januari 2013 yang telah mengetepikan Notis Pihak Ketiga dan Pernyataan Tuntutan SYABAS terhadap Kerajaan Negeri Selangor dan juga usul untuk mengetepikan rayuan SYABAS yang difailkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Mahkamah Persekutuan telah menolak usul untuk membatalkan rayuan SYABAS yang difailkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan membenarkan rayuan SYABAS, kedua-duanya dengan kos.

Pada 9 Oktober 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut bagi satu lagi Pengurusan Kes pada 8 Disember 2014 sementara menunggu keputusan Usul Mendapatkan Kebenaran untuk Merayu kepada Mahkamah Persekutuan yang difailkan oleh Kerajaan Negeri Selangor yang timbul daripada keputusan Mahkamah Rayuan pada 2 April 2014 dalam membenarkan rayuan SYABAS menyertai CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama dan juga untuk meminda semula pernyataan tuntutan.

Usul untuk Mendapatkan Kebenaran Merayu kepada Mahkamah Persekutuan yang difailkan oleh Kerajaan Negeri Selangor telah ditetapkan untuk pengurusan kes pada 13 Oktober 2014 dan perbicaraan pada 10 November 2014.

Tarikh perbicaraan pada 10 November 2014 telah dikosongkan dan tarikh perbicaraan baru telah ditetapkan pada 6 Januari 2015 bagi Usul untuk Mendapatkan Kebenaran Merayu kepada Mahkamah Persekutuan yang difailkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Pada 8 Disember 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes lain pada 13 Februari 2015 sementara menunggu keputusan Usul untuk Mendapatkan Kebenaran Merayu kepada Mahkamah Persekutuan yang difailkan oleh Kerajaan Negeri Selangor yang timbul daripada keputusan Mahkamah Rayuan pada 2 April 2014 dalam membenarkan rayuan SYABAS untuk menyertai CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama dan juga meminda semula pernyataan tuntutan.

Pada 13 Februari 2015, Mahkamah Tinggi telah menjadualkan semula perkara tersebut untuk Pengurusan Kes selanjutnya pada 18 Februari 2015.

Pada Pengurusan Kes yang berlangsung pada 18 Februari 2015, Mahkamah Tinggi telah menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan Kes selanjutnya pada 24 April 2015 (sementara menunggu keputusan Usul untuk Mendapatkan Kebenaran Merayu kepada Mahkamah Persekutuan yang difailkan oleh Kerajaan Negeri Selangor yang timbul daripada Keputusan Mahkamah Rayuan yang disampaikan pada 2 April 2014, dalam membenarkan rayuan SYABAS untuk menyertai CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama dalam kapasitinya sebagai ejen sekuriti dan meminda semula pernyataan tuntutan dalam saman utama tersebut (Saman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. 22NCC-1478-09/2011). Perbicaraan Permohonan Mendapatkan Kebenaran telah ditetapkan pada 14 April 2015 di Mahkamah Persekutuan).

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri")

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan Negeri

Pada 8 September 2011, SYABAS telah memulakan prosiding undang-undang terhadap Kerajaan Negeri dengan memfailkan Writ dan Pernyataan Tuntutan di Mahkamah Tinggi untuk jumlah RM1,054,208,382 yang merupakan pampasan dari 1 Januari 2009 hingga 31 Mac 2011 daripada Kerajaan Negeri di bawah terma Perjanjian Konsesi bertarikh 15 Disember 2004 antara SYABAS, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Dalam Pernyataan Tuntutan, SYABAS memohon untuk Perintah berikut:-

(i) Perisytiharan bahawa berikutan pembentukan sebenar Perjanjian Konsesi bertarikh 15 Disember 2004, sejumlah RM1,054,208,382 kena bayar dan terhutang oleh Kerajaan Negeri kepada SYABAS untuk tempoh dari 1 Januari 2009 hingga 31 Mac 2011;

(ii) Bahawa Kerajaan Negeri perlu membayar sejumlah RM1,054,208,382 kepada SYABAS serta-merta apabila Perintah dibuat;

(iii) Kos tindakan akan dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada SYABAS dalam apa jua keadaan; dan

(iv) Relief sedemikian yang selanjutnya atau relief lain atau remedi sepertimana yang dianggap adil oleh Mahkamah.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 10 Oktober 2011, peguam cara Kerajaan Negeri telah memaklumkan Mahkamah Tinggi bahawa Memorandum Kehadiran telah difailkan pada 30 September 2011 dan permohonan untuk kebenaran memfailkan Pembelaan telah difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 10 Oktober 2011. Mahkamah kemudiannya menetapkan pengurusan kes seterusnya pada 4 November 2011 untuk arahan selanjutnya. Pada 14 Oktober 2011, Mahkamah membenarkan defendan memfailkan pembelaan selewat-lewatnya pada 4 November 2011 dan plaintif memfailkan balasan selewat-lewatnya pada 18 November 2011. Mahkamah mengekalkan pengurusan kes pada 4 November 2011 untuk memantau perkembangan saman tersebut. Pada 4 November 2011, peguam cara Kerajaan Negeri memaklumkan kepada Mahkamah bahawa Pembelaan telah difailkan pada 4 November 2011. Mahkamah mengarah SYABAS memfailkan notis untuk menghadiri pengurusan kes sebelum perbicaraan selepas memfailkan Jawapan pada 18 November 2011. Mahkamah menetapkan pengurusan kes pada 29 November 2011.

Pada 21 November 2011, Jawapan SYABAS telah difailkan di Mahkamah Tinggi dan diserahkan kepada peguam cara defendan pada 18 November 2011.

Sewaktu pengurusan kes pada 29 November 2011, Mahkamah Tinggi menetapkan pengurusan kes selanjutnya pada 14 Disember 2011 untuk SYABAS memfailkan notis bagi menghadiri pengurusan kes sebelum perbicaraan berikutan penutupan rayuan dan bagi Kerajaan Negeri memohon kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga terhadap Kerajaan Persekutuan.

Perkara yang dibangkitkan bagi pengurusan kes pada 14 Disember 2011 telah ditetapkan untuk sebutan pada 23 Disember 2011 bagi menetapkan tarikh perbicaraan untuk permohonan Defendan bagi kebenaran mengeluarkan Notis Pihak Ketiga terhadap Kerajaan Persekutuan, yang difailkan pada 14 Disember 2011.

Semasa perbicaraan diadakan pada 23 Disember 2011, Kerajaan Persekutuan membantah permohonan defendan untuk kebenaran mengeluarkan Notis Pihak Ketiga terhadap Kerajaan Persekutuan. Mahkamah Tinggi menetapkan perkara tersebut untuk satu lagi pengurusan kes pada 26 Januari 2012 dan perbicaraan pada 16 Februari 2012.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan (sambungan)

Semasa pengurusan kes yang berlangsung pada 26 Januari 2012 untuk permohonan Defendan bagi mengeluarkan notis pihak ketiga (dalam Lampiran 13), Mahkamah Tinggi menetapkan 8 Februari 2012 untuk plaintif memfailkan afidavit jawapan kepada afidavit defendan bertarikh 25 Januari 2012 dan menetapkan seterusnya 13 Februari 2012 untuk pihak terbabit memfailkan penghujahan mereka masing-masing secara serentak. Tarikh perbicaraan yang ditetapkan sebelumnya pada 16 Februari 2012 dikekalkan.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 16 Februari 2012, permohonan Defendan untuk kebenaran mengeluarkan Notis Pihak Ketiga terhadap Kerajaan Persekutuan ("Permohonan"), Mahkamah Tinggi telah menerima Permohonan defendan tanpa perintah berkaitan kos dan selanjutnya telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes bagi Arahan Pihak Ketiga pada 5 Mac 2012, dan Perbicaraan Tindakan Guaman utama, masing-masing pada 29 Mei 2012 dan 30 Mei 2012.

Pada 5 Mac 2012, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes pada 28 Mac 2012 bagi membolehkan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan memfailkan dan menyerahkan rayuan masing-masing dalam prosiding Pihak Ketiga.

Pada 28 Mac 2012, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 17 April 2012 bagi membolehkan pihak terbabit memuktamadkan isu yang akan dibicarakan, seberkas dokumen dan senarai saksi. Mahkamah Tinggi juga menetapkan dua (2) tarikh perbicaraan selanjutnya untuk perkara tersebut pada 14 dan 15 Jun 2012 selain 29 dan 30 Mei 2012 yang telah ditetapkan lebih awal. Mahkamah Tinggi telah menjadualkan semula pengurusan panggilan untuk permohonan Defendan kepada 27 April 2012 yang kemudiannya ditangguhkan kepada 30 April 2012.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes seterusnya pada 8 Mei 2012 dan 15 Mei 2012.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 15 Mei 2012 yang telah didengari bersama dengan perbicaraan yang telah ditetapkan bagi permohonan untuk meminda Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS pada 14 Mei 2012. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan tarikh perbicaraan seterusnya pada 22 Mei 2012 bagi membolehkan pihak terlibat memfail dan menyerahkan afidavit masing-masing. Pengurusan kes turut ditetapkan pada tarikh yang sama.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 22 Mei 2012 berkenaan permohonan untuk meminda Pernyataan Tuntutan yang difail oleh SYABAS, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perkara tersebut kepada 25 Mei 2012 untuk diputuskan.

Pada 25 Mei 2012, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan keputusan mengenai permohonan untuk meminda Pernyataan Tuntutan yang difail oleh SYABAS pada 29 Mei 2012 bagi membolehkan pihak terlibat melanjutkan perbincangan dan penghujahan berhubung perkara tersebut. Tarikh perbicaraan yang ditetapkan pada 29 Mei 2012 dan 30 Mei 2012 seperti yang diumumkan sebelumnya telah dibatalkan bagi tujuan yang dinyatakan tadi. Tarikh perbicaraan pada 14 Jun 2012 dan 15 Jun 2012 seperti yang diumumkan sebelumnya telah dibatalkan tidak berubah.

Pada 29 Mei 2012, Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan untuk meminda Pernyataan Tuntutan yang difailkan oleh SYABAS dan selanjutnya menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes pada 14 Jun 2012. Tarikh perbicaraan pada 14 Jun 2012 dan 15 Jun 2012 seperti diumumkan sebelumnya telah dibatalkan.

Mahkamah Tinggi seterusnya menetapkan 4 September 2012, 6 September 2012 dan 7 September 2012 sebagai tarikh perbicaraan baharu.

Semasa Pengurusan Kes yang diadakah pada 14 Jun 2012, sebagai tambahan kepada tarikh perbicaraan sedia ada ditetapkan pada 4 September 2012, 6 September 2012 dan 7 September 2012, Mahkamah Tinggi menetapkan tiga (3) tarikh perbicaraan tambahan masing-masing pada 30 Oktober 2012, 31 Oktober 2012 dan 1 November 2012. Mahkamah tinggi seterusnya mengarahkan pihak terlibat untuk memfailkan dokumen tambahan (jika ada) dan isu-isu yang akan dibicarakan pada atau sebelum 31 Julai 2012, serta kenyataan saksi masing-masing satu (1) minggu sebelum perbicaraan.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Tindakan Guaman diMahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan (sambungan)

Pada 22 Jun 2012, Defendan telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 29 Mei 2012 yang menerima permohonan Plaintif untuk meminda Pernyataan Tuntutan.

Pada 28 Jun 2012, Mahkamah Rayuan telah menetapkan rayuan Defendan terhadap Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 29 Mei 2012 yang menerima permohonan SYABAS untuk meminda Pernyataan Tuntutan, bagi Pengurusan Kes pada 12 Julai 2012.

Semasa pengurusan kes pada 12 Julai 2012 bagi rayuan Defendan terhadap Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 29 Mei 2012 yang menerima permohonan SYABAS untuk meminda Pernyataan Tuntutan, Mahkamah Rayuan telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes seterusnya pada 14 Ogos 2012 untuk arahan seterusnya.

Mahkamah Rayuan juga telah mengarahkan Defendan supaya memfailkan Rekod Rayuan sebelum 9 Ogos 2012.

Pada 14 Ogos 2012, Mahkamah Rayuan telah menetapkan perbicaraan bagi rayuan Defendan terhadap Perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 29 Mei 2012 yang menerima permohonan SYABAS untuk meminda Pernyataan Tuntutan pada 8 Oktober 2012. Mahkamah Rayuan turut mengarahkan pihak terlibat memfailkan penghujahan bertulis mereka masing-masing pada atau sebelum 24 September 2012.

Melalui surat bertarikh 13 Ogos 2012, Mahkamah Tinggi telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes pada 16 Ogos 2012.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 16 Ogos 2012, peguam cara Defendan telah meminta agar tarikh perbicaraan yang ditetapkan pada 4 September 2012, 6 September 2012 dan 7 September 2012 dibatalkan sementara menunggu penyelesaian rayuan Defendan terhadap Perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 29 Mei 2012 yang menerima permohonan SYABAS untuk meminda Pernyataan Tuntutan ("Rayuan"). Rayuan tersebut ditetapkan untuk didengari di Mahkamah Rayuan pada 8 Oktober 2012, seperti yang diumumkan sebelumnya oleh Syarikat pada 14 Ogos 2012.

Mahkamah Tinggi bersetuju untuk membatalkan tarikh perbicaraan pada 4 September 2012 dan 7 September 2012. Saksi bagi SYABAS akan memberi keterangan utama pada 6 September 2012. Perbicaraan akan diteruskan pada 30 Oktober 2012, 31 Oktober 2012, dan 1 November 2012. Pihak terlibat perlu memfailkan kenyataan saksi mereka masing-masing satu (1) minggu sebelum bermulanya perbicaraan.

Perbicaraan yang diadakan pada 6 September 2012 telah ditangguhkan kepada 30 Oktober 2012, 31 Oktober 2012 dan 1 November 2012, iaitu tarikh perbicaraan yang ditetapkan dan diumumkan sebelumnya pada 17 Ogos 2012, sementara menunggu Plaintif dan Pihak Ketiga memfailkan kenyataan tambahan/baharu saksi mereka masing-masing.

Memandangkan Mahkamah Persekutuan telah memberi kebenaran pada 23 Oktober 2012 kepada SYABAS untuk merayu di Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 8 Oktober 2012 (yang membenarkan defendan merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 29 Mei 2012 yang membenarkan SYABAS meminda tuntutannya), pada 30 Oktober 2012 Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perbicaraan yang ditetapkan pada 30 Oktober, 31 Oktober dan 1 November 2012 sementara menunggu keputusan rayuan SYABAS di Mahakamah Persekutuan. Mahkamah Tinggi menetapkan tarikh perbicaraan baharu pada 11 Januari 2013, 13 Februari 2013, 14 Februari 2013 dan 15 Februari 2013 dan juga menetapkan pengurusan kes pada 17 Disember 2012 bagi pihak-pihak untuk memaklumkan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur tentang keputusan rayuan SYABAS di Mahakamah Persekutuan.

Sewaktu berlangsung perbicaraan pada 8 Oktober 2012 bagi rayuan Kerajaan Negeri terhadap Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 29 Mei 2012 yang menerima permohonan SYABAS untuk meminda Pernyataan Tuntutan ("Rayuan"), Mahkamah Rayuan telah menerima Rayuan tersebut dengan kos.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan (sambungan)

Pada 15 Oktober 2012, peguam cara SYABAS telah memfailkan usul di Mahkamah Persekutuan untuk kebenaran membuat rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan bertarikh 8 Oktober 2012. Mahkamah Persekutuan turut menetapkan usul untuk perbicaraan pada 23 Oktober 2012.

Semasa perbicaraan pada 23 Oktober 2012, Mahkamah Persekutuan telah memberi kebenaran kepada SYABAS untuk membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan bertarikh 8 Oktober 2012 ("Rayuan"). Mahkamah Persekutuan juga telah mengarahkan penetapan tarikh awal bagi perbicaraan Rayuan tersebut. Selaras dengan kebenaran yang diberikan oleh Mahkamah Persekutuan, SYABAS akan mengarahkan peguam caranya untuk meneruskan tindakan memfailkan notis rayuan dan rekod rayuan yang berkaitan.

Pada 20 November 2012, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan rayuan SYABAS kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan bertarikh 8 Oktober 2012, bagi pengurusan kes pada 22 November 2012.

Semasa pengurusan kes pada 22 November 2012, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan 10 Disember 2012 untuk pengurusan kes seterusnya sementara menunggu mendapatkan nota keterangan dan alasan penghakiman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan pada 8 Oktober 2012.

Semasa pengurusan kes pada 10 Disember 2012, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan 31 Januari 2013 untuk perbicaraan rayuan terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan pada 8 Oktober 2012.

Semasa pengurusan kes pada 17 Disember 2012, Mahkamah Tinggi telah membatalkan tarikh perbicaraan yang ditetapkan pada 11 Januari 2013 dan mengekalkan tarikh perbicaraan pada 13 Februari 2013, 14 Februari 2013 dan 15 Februari 2013.

Mahkamah Tinggi juga telah menetapkan pengurusan kes pada 4 Februari 2013 bagi pihak terlibat memaklumkan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengenai keputusan rayuan SYABAS kepada Mahkamah Persekutuan yang telah ditetapkan untuk didengari pada 31 Januari 2013.

Pada 31 Januari 2013, perbicaraan bagi rayuan terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan pada 8 Oktober 2012 telah dibatalkan oleh Mahkamah Persekutuan untuk suatu tarikh yang akan ditetapkan dengan sewajarnya berikutan pengaturan semula kes oleh Mahkamah Persekutuan.

Pada 4 Februari 2013, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan 6 Februari 2013 sebagai tarikh perbicaraan bagi rayuan terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan pada 8 Oktober.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 4 Februari 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membatalkan tarikh Perbicaraan yang telah ditetapkan pada 13 Februari 2013, 14 Februari 2013 dan 15 Februari 2013, seperti yang diumumkan sebelumnya, atas permintaan yang dibuat oleh Peguam Cara Defendan. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan tarikh baharu Perbicaraan pada 1 Julai 2013, 2 Julai 2013, 3 Julai 2013, 4 Julai 2013, 8 Julai 2013, 9 Julai 2013 dan 10 Julai 2013.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur juga telah menetapkan tarikh pengurusan kes pada 15 Februari 2013 untuk pihak terlibat memaklumkan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengenai keputusan rayuan SYABAS kepada Mahkamah Persekutuan yang telah ditetapkan untuk didengar pada 6 Februari 2013.

Semasa perbicaraan pada 6 Februari 2013, Mahkamah Persekutuan telah menerima rayuan yang dibuat oleh SYABAS terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan pada 8 Oktober 2012, yang pada awalnya telah menolak permohonan SYABAS untuk meminda Pernyataan Tuntutan dan menganugerahkan kos kepada SYABAS.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan (sambungan)

Mahkamah Tinggi menunda pengurusan kes yang ditetapkan pada 15 Februari kepada 28 Februari 2013.

Semasa pengurusan kes pada 28 Februari 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengekalkan tarikh Perbicaraan pada 1 Julai 2013, 2 Julai 2013, 3 Julai 2013, 4 Julai 2013, 8 Julai 2013, 9 Julai 2013 dan 10 Julai 2013, seperti yang diumumkan sebelumnya.

Melalui surat bertarikh 8 April 2013, Mahkamah Tinggi telah membatalkan tarikh Perbicaraan pada 1 Julai 2013, 2 Julai 2013, 3 Julai 2013, 4 Julai 2013, 8 Julai 2013, 9 Julai 2013 dan 10 Julai 2013, seperti yang diumumkan sebelumnya dan telah menjadualkan semula tarikh Perbicaraan kepada 2 September 2013, 3 September 2013, 4 September 2013, 5 September 2013, 9 September 2013, 10 September 2013 dan 11 September 2013 dengan sewajarnya.

Pada 20 Ogos 2013, Defendan telah memfailkan permohonan untuk meminda Pernyataan Pembelaan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Permohonan tersebut telah ditetapkan untuk Perbicaraan pada 23 Ogos 2013.

Semasa Perbicaraan dijalankan pada 23 Ogos 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menerima permohonan Defendan untuk meminda Pernyataan Pembelaan. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur seterusnya telah mengarahkan Defendan untuk memfailkan Pindaan Pernyataan Pembelaan menjelang 26 Ogos 2013 dan Plaintif perlu memfailkan Jawapan Pindaan menjelang 29 Ogos 2013.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengekalkan tarikh Perbicaraan pada 2 September 2013, 3 September 2013, 4 September 2013, 5 September 2013, 9 September 2013, 10 September 2013 dan 11 September 2013, seperti yang diumumkan sebelumnya.

Perbicaraan bagi perkara di atas telah berlangsung pada 2 September 2013, 3 September 2013 dan 4 September 2013. Pada 2 September 2013, peguam cara Kerajaan Negeri Selangor telah menyampaikan sepina kepada Ketua Pegawai Eksekutif SYABAS. Pada 4 September 2013, Plaintif telah menfailkan permohonan untuk mengetepikan sepina. Seterusnya, Defendan turut memfailkan permohonan untuk meminda semula Pernyataan Pembelaannya. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan Perbicaraan kedua-dua permohonan ("Permohonan") pada 11 September 2013.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membatalkan tarikh Perbicaraan pada 5 September 2013, 9 September 2013, 10 September 2013 dan 11 September 2013 seperti yang telah diumumkan terdahulu, sementara menunggu penyelesaian Permohonan.

Pada 11 September 2013, Perbicaraan permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk meminda semula Pernyataan Pembelaan mereka serta permohonan SYABAS untuk mengetepikan sepina yang disampaikan kepada Ketua Pegawai Ekseutif SYABAS telah ditangguhkan kepada 19 September 2013 bagi membolehkan pihak yang terlibat memfailkan afidavit yang perlu.

Perkara berkaitan permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk meminda semula Pernyataan Pembelaan mereka dikemukakan untuk Perbicaraan pada 19 September 2013. Setelah penghujahan daripada kedua-dua Penasihat Undang-undang, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menangguhkan perkara tersebut untuk diputuskan dan sebaik sahaja tarikh untuk keputusan ditetapkan, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur akan turut mendengar permohonan SYABAS untuk mengetepikan sepina yang disampaikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif SYABAS pada 2 September 2013. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur seterusnya menetapkan 6 November 2013, 7 November 2013 dan 8 November 2013 untuk sambungan Perbicaraan.

Pada 1 Oktober 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk meminda semula Pernyataan Pembelaannya untuk diputuskan pada 3 Oktober 2012. Seperti yang telah diumumkan, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur juga akan mendengar permohonan SYABAS untuk mengetepikan sepina yang disampaikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif SYABAS pada 2 September 2013 sebaik sahaja tarikh untuk keputusan ditetapkan.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan (sambungan)

Tarikh yang ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi Perbicaraan sambungan pada 6 November 2013 dan 8 November 2013 seperti yang diumumkan sebelumnya, kekal tidak berubah.

Pada 3 Oktober 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk meminda semula Pernyataan Pembelaan dengan kos kepada SYABAS. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengarahkan Kerajaan Negeri Selangor menyerahkan pindaan semula Pernyataan Pembelaan pada atau sebelum 8 Oktober 2013, dan sesudah itu, SYABAS perlu menyerahkan jawapan pindaan semulanya pada atau sebelum 11 Oktober 2013, dengan cadangan kepada SYABAS untuk memohon bagi meminda Writ serta meminda semula Pernyataan Tuntutannya.

Perbicaraan berkenaan permohonan Plaintif untuk meminda Writ Saman dan meminda semula Pernyataan Tuntutan dengan menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama pada 6 November 2013 telah ditangguhkan kepada 10 Disember 2013 sementara menunggu pemfailan Afidavit yang perlu oleh Pihak yang terlibat. Permohonan Plaintif untuk mengetepikan sepina yang disampaikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Plaintif serta perbicaraanpermohonan Defendan supaya Plaintif mengemukakan dokumen turut ditetapkan pada tarikh yang sama. Tarikh perbicaraan pada 6, 7 dan 8 November 2013 telah dibatalkan oleh Mahkamah sementara menunggu penyelesaian permohonan di atas.

Pada 10 Disember 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menangguhkan perbicaraan permohonan SYABAS untuk meminda Writ Saman serta meminda semula Pernyataan Tuntutan bagi menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama kepada 20 Januari 2014. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur juga telah menetapkan permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Writ Saman SYABAS serta meminda Pernyataan Tuntutan untuk sebutan pada 20 Januari 2014. Peguam cara Kerajaan Negeri Selangor seterusnya menarik balik sepina yang disampaikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif SYABAS dengan tiada perintah berkaitan kos. Peguam cara SYABAS kemudiannya telah menarik balik permohonan mereka untuk mengetepikan sepina.

Semasa berlangsungnya perbicaraan pada 20 Januari 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menangguhkan Keputusannya ke suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur selepas penghujahan oleh kedua-dua pihak berkenaan permohonan SYABAS untuk meminda Writ Saman dan meminda semula Pernyataan Tuntutan untuk menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur juga telah menetapkan permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Writ Saman SYABAS dan meminda Pernyataan Tuntutan untuk Sebutan pada tarikh yang sama Keputusan dibuat.

SYABAS telah dimaklumkan oleh peguam caranya bahawa Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan 13 Februari 2014 untuk membuat keputusan mengenai permohonan SYABAS bagi meminda Writ Saman serta meminda semula Pernyataan Tuntutan bagi menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama, yang mana permohonan SYABAS telah diketepikan dengan kos. Peguam cara SYABAS telah memohon secara lisan untuk penggantungan prosiding sementara menunggu rayuan yang mana ia turut ditolak oleh Hakim yang bijaksana.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan 7 Mac 2014 untuk perbicaraan permohonan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengetepikan Writ Saman SYABAS dan meminda Pernyataan Tuntutan.

SYABAS telah memfailkan Notis Rayuannya di Mahkamah Rayuan pada 14 Februari 2014 yang merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 13 Februari 2014 yang telah menolak permohonan SYABAS untuk meminda Writ Saman serta meminda semula Pernyataan Tuntutan bagi menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama.

Mahkamah Rayuan menetapkan 1 April 2014 untuk pengurusan kes berhubung Notis Rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 13 Februari 2014 yang telah menolak permohonan SYABAS untuk meminda Writ Saman dan meminda Semula Pernyataan Tuntutan bagi menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan (sambungan)

Pada 19 Februari 2014, SYABAS telah memfailkan Notis Usul di Mahkamah Rayuan bagi menggantung prosiding Mahkamah Tinggi sementara menunggu rayuan dan Notis Usul ditetapkan untuk didengari pada 4 Mac 2014.

Dengan izin kedua-dua pihak, pada 4 Mac 2014, Mahkamah Rayuan telah membenarkan penggantungan sementara prosiding Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Notis Usul SYABAS bagi penggantungan prosiding Mahkamah Tinggi sementara menunggu rayuan dan Notis Rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 13 Februari 2014 (yang telah menolak permohonan SYABAS untuk meminda Writ Saman dan meminda semula Pernyataan Tuntutan bagi menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama) kini ditetapkan untuk didengari pada 2 April 2014.

Pada 7 Mac 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur setelah dimaklumkan tentang penggantungan sementara prosiding Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang diberi oleh Mahkamah Rayuan pada 4 Mac 2014, telah membatalkan perbicaraan yang ditetapkan pada 7 Mac 2014 bagi mendengar permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Writ Saman SYABAS serta meminda Pernyataan Tuntutan dan seterusnya menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes pada 4 April 2014.

Notis Rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 13 Februari 2014 (yang telah menolak permohonan SYABAS untuk meminda Writ Saman dan meminda semula Pernyataan Tuntutan bagi menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama) telah ditetapkan untuk pengurusan kes pada 1 April 2014 telah dibatalkan memandangkan rayuan sedang ditetapkan untuk perbicaraan pada 2 April 2014.

Semasa berlangsungnya perbicaraan pada 2 April 2014, Mahkamah Rayuan telah menerima rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 13 Februari 2014 (yang telah menolak permohonan SYABAS untuk meminda Writ Saman dan meminda semula Pernyataan Tuntutan bagi menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama) dengan kos sebanyak RM10,000. Selanjutnya, berkenaan permohonan oleh penasihat undang-undang utama SYABAS, Mahkamah Rayuan telah memerintahkan perbicaraan didengari de novo di hadapan Hakim lain di mahkamah NCC5 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Mahkamah Rayuan juga telah menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor bagi penggantungan prosiding Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sementara menunggu penyelesaian cadangan permohonan untuk kebenaran membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan tidak mengeluarkan perintah terhadap Notis Usul SYABAS bagi menggantung prosiding Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sementara menunggu rayuan.

Pada 4 April 2014, setelah dimaklumkan tentang keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 2 April 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 8 April 2014.

Semasa berlangsungnya pengurusan kes pada 8 April 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan 5 Mei 2014 untuk Sebutan permohonan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengetepikan Writ Saman dan Pindaan Pernyataan Tuntutan SYABAS.

Semasa Sebutan yang diadakan pada 5 Mei 2014, Penasihat undang-undang Kerajaan Negeri Selangor memaklumkan kepada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah memfailkan Notis Usul Pembatalan kepada Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 2 April yang membenarkan rayuan SYABAS terhadap keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 13 Februari 2014 (yang telah menolak permohonan SYABAS untuk meminda Writ Saman dan meminda semula Pernyataan Tuntutan bagi menambah CIMB Investment Bank Berhad sebagai Plaintif Bersama). Oleh itu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menetapkan tarikh Sebutan pada 5 Ogos 2014.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Kerajaan Negeri Selangor ("Kerajaan Negeri") (sambungan)

Tindakan Guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: 22NCC-1478-09/2011 - SYABAS lwn Kerajaan (sambungan)

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 5 Ogos 2014, pihak-pihak telah memaklumkan kepada mahkamah bahawa tiada tarikh perbicaraan yang ditetapkan oleh Mahkamah Persekutuan bagi permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk Menangguhkan Rayuan terhadap perintah Mahkamah Rayuan bertarikh 2 April 2014 yang membenarkan rayuan SYABAS untuk memasukkan CIMB Investment Bank Berhad sebagai plaintif bersama dalam kapasitinya sebagai agen jaminan dan meminda semula pernyataan tuntutan. Memandangkan perintah yang diberi oleh Mahkamah Rayuan pada 2 April 2014 yang menangguhkan prosiding Mahkamah Tinggi sementara menunggu perbicaraan dan keputusan permohonan penangguhan Kerajaan Negeri Selangor kepada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi menetapkan perkara tersebut untuk pengurusan kes selanjutnya pada 7 Oktober 2014 bagi pihak-pihak memaklumkan mahkamah mengenai status permohonan tersebut untuk penangguhan rayuan kepada Mahkamah Persekutuan.

Mahkamah Persekutuan telah menetapkan tarikh perbicaraan pada 10 November 2014 melalui sepucuk surat bertarikh 3 September 2014 berhubung permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk Penangguhan Rayuan terhadap Perintah Mahkamah Rayuan bertarikh 2 April 2014, yang membenarkan rayuan SYABAS untuk memasukkan CIMB Investment Bank Berhad sebagai plaintif bersama dalam kapasitinya sebagai agen cagaran dan untuk meminda semula pernyataan tuntutan.

Mahkamah Persekutuan telah menetapkan 13 Oktober 2014 bagi pengurusan kes melalui suratnya bertarikh 25 September 2014. Mahkamah Persekutuan sebelum itu menetapkan tarikh perbicaraan pada 10 November 2014 bagi permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk Penangguhan Rayuan terhadap Perintah Mahkamah Rayuan bertarikh 2 April 2014 yang membenarkan rayuan SYABAS untuk memasukkan CIMB Investment Bank Berhad sebagai plaintif bersama dalam kapasitinya sebagai agen jaminan dan untuk meminda semula pernyataan tuntutan.

Pada 7 Oktober 2014 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan 28 November 2014 bagi Pengurusan Keselanjutnya Saman tersebut. Sebelum itu, Mahkamah Persekutuan menetapkan tarikh perbicaraan pada 10 November bagi permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk Penangguhan Rayuan terhadap Perintah Mahkamah Rayuan bertarikh 2 April 2014 yang membenarkan rayuan SYABAS untuk memasukkan CIMB Investment Bank Berhad sebagai plaintif bersama dalam kapasitinya sebagai agen jaminan dan untuk meminda semula pernyataan tuntutan.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 13 Oktober 2014, Mahkamah Persekutuan menetapkan tarikh Perbicaraan pada 6 Januari 2015 bagi permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapatkan kebenaran merayu terhadap Perintah Mahkamah Rayuan bertarikh 2 April 2014 yang membenarkan rayuan SYABAS untuk memasukkan CIMB Investment Bank Berhad sebagai plaintif bersama dalam kapasitinya sebagai agen jaminan dan untuk meminda semula pernyataan tuntutan, kerana penasihat undang-undang Kerajaan Negeri Selangor tidak dapat hadir pada tarikh Perbicaraan terdahulu yang ditetapkan pada 10 November 2014. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur juga sebelum itu menetapkan 28 November 2014 untuk pengurusan kes bagi mengemaskini Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berhubung status permohonan penangguhan berkenaan untuk rayuan kepada Mahkamah Persekutuan.

Semasa pengurusan kes yang berlangsung pada 28 November 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan Kes lain pada 5 Februari 2015 sementara menunggu keputusan permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk Kebenaran Rayuan terhadap Perintah Mahkamah Rayuan bertarikh 2 April 2014 yang membenarkan rayuan SYABAS untuk memasukkan CIMB Investment Bank Berhad sebagai plaintif bersama dalam kapasitinya sebagai agen jaminan dan untuk meminda semula pernyataan tuntutan yang pada awalnya ditetapkan untuk perbicaraan pada 6 Januari 2015.

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 6 Januari 2015, Mahkamah Persekutuan telah menetapkan perbicaraan perkara tersebut pada 14 April 2015 permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapatkan kebenaran Merayu kepada Mahkamah Persekutuan terhadap Keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 2 April 2014 (yang membenarkan rayuan SYABAS untuk memasukkan CIMB Investment Bank Berhad sebagai plaintif bersama dalam kapasitinya sebagai agen jaminan dan untuk meminda semula Pernyataan Tuntutan).

Semasa pengurusan kes yang diadakan pada 5 Februari 2015, Mahkamah Tinggi menetapkan perkara tersebut untuk Pengurusan Kes selanjutnya pada 16 April 2015, sementara menunggu keputusan permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutuan (yang ditetapkan Perbicaraan pada 14 April 2015, terhadap Keputusan Mahkamah Rayuan yang dikeluarkan pada 2 April 2014 untuk membenarkan rayuan SYABAS memasukkan CIMB Investment Bank Berhad sebagai plaintif bersama dalam kapasitinya sebagai agen jaminan dan untuk meminda semula Pernyataan Tuntutan).

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(e) PNSB lwn Kerajaan Negeri

Saman Pemula di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. 24NCVC-369-02/2013

Pada 18 Februari 2013, PNSB telah memulakan prosiding undang-undang terhadap Kerajaan Negeri Selangor dengan memfailkan kertas-kertas guaman relevan yang semuanya bertarikh 18 Februari 2013 di Mahkamah Tinggi berkaitan Perjanjian Pengendalian dan Penyelenggaraan bertarikh 7 Mac 2008 berhubung dengan Loji Pembersihan Air Sungai Sireh di antara PNSB dan Kerajaan Negeri Selangor serta Perjanjian Novasi bertarikh 7 Mac 2008 berhubung dengan Loji Pembersihan Air Sungai Sireh antara PNSB, SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor ("Perjanjian").

Dalam Saman Pemula dan Notis Permohonan bertarikh 18 Februari 2013, PNSB menuntut perkara berikut:-

(i) Pengisytiharan bahawa Perjanjian di antara PNSB dan Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 7 Mac 2008 berhubung dengan Loji Pembersihan Air Sungai Sireh di antara PNSB, SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor adalah sah dan berkuat kuasa menurut Akta Industri Perkhidmatan Air 2006;

(ii) Perintah terhadap Kerajaan Negeri Selangor bagi pelaksanaan khusus Perjanjian tersebut;

(iii) bahawa Kerajaan Negeri Selangor, sama ada oleh kakitangan atau ejennya atau sesiapa sahaja dihalang daripada menamatkan Perjanjian Pengendalian dan Penyelenggaraan bertarikh 7 Mac 2008 berhubung dengan Loji Pembersihan Air Sungai Sireh di antara PNSB dan Kerajaan Negeri Selangor serta Perjanjian Novasi bertarikh 7 Mac 2008 berhubung dengan Loji Pembersihan Air Sungai Sireh antara PNSB, SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor;

(iv) bahawa Kerajaan Negeri Selangor sama ada oleh kakitangan, agen atau sesiapa sahaja hendaklah dihalang daripada menyerahkan dalam apa cara sekali pun operasi dan pengurusan Loji Pembersihan Air Sungai Sireh seperti yang tertakrif dalam Perjanjian dengan Konsortium Air Selangor Bhd atau sesiapa jua;

(v) Kos; dan

(vi) Relief sedemikian selanjutnya atau relief lain seperti yang dianggap sesuai dan wajar oleh Mahkamah Yang Mulia.

Pada 20 Februari 2013, peguam cara PNSB telah menyerahkan Salinan Saman Pemula Terpateri, Salinan Notis Permohonan Terpateri dan sesalinan Afidavit Plaintif berhubung dengan Tindakan Guaman terhadap Kerajaan Negeri Selangor.

Mahkamah Tinggi telah menetapkan perkara tersebut untuk didengar pada 11 Mac 2013.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 11 Mac 2013, Mahkamah Tinggi telah memerintahkan seperti berikut:-

(i) Pihak terlibat perlu menyelesaikan pertukaran afidavit menjelang 4 Jun 2013; dan

(ii) Tarikh perbicaraan Saman Pemula telah ditetapkan pada 4 Jun 2013.

Tarikh perbicaraan yang telah dijadualkan pada 4 Jun 2013 telah dijadualkan semula untuk pengurusan kes oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memandangkan Kerajaan Negeri Selangor telah memfailkan permohonan untuk mengetepikan Tindakan Guaman PNSB.

Semasa pengurusan kes tersebut, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengarahkan pihak terbabit memfailkan Penghujahan Bertulis serta Penghujahan Jawapan mereka berhubung dengan permohonan Kerajaan Negeri Selangor dan menjadualkan keputusan untuk perkara tersebut pada 10 Julai 2013.

Pada 9 Julai 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menunda keputusan berkenaan permohonan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengetepikan Tindakan Guaman dari 10 Julai 2013 kepada 17 Julai 2013.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(e) PNSB lwn Kerajaan Negeri (sambungan)

Saman Pemula di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. 24NCVC-369-02/2013 (sambungan)

Pada 17 Julai 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menunda keputusan berkenaan permohonan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengetepikan Tindakan Guaman dari 17 Julai 2013 kepada 5 Ogos 2013.

Pada 5 Ogos 2013, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Tindakan Guaman dengan kos. PNSB akan mendapatkan nasihat peguam caranya mengenai bentuk tindakan seterusnya bagi perkara di atas.

Pada 30 Ogos 2013, PNSB telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 5 Ogos 2013 yang menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Tindakan Guaman dengan kos.

Semasa berlangsungnya perbicaraan pada 6 November 2013 berkenaan rayuan PNSB kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 5 Ogos 2013 yang menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetepikan Tindakan Guaman dengan kos, Mahkamah Rayuan telah menerima rayuan PNSB tanpa perintah berkaitan kos.

Pada 10 Februari 2014, Kerajaan Negeri Selangor memfailkan permohonan untuk kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan pada 6 November 2012 yang menerima rayuan PNSB terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 5 Ogos 2013 yang menerima permohonan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengetepikan Tindakan Guaman dengan kos.

Mahkamah Persekutuan telah menjadualkan perbicaraan permohonan kebenaran oleh Kerajaan Negeri Selangor pada 2 April 2014

Sewaktu perbicaraan yang dijalankan pada 2 April 2014, Mahkamah Persekutuan telah menolak permohonan kebenaran oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan pada 6 November 2013 dengan kos sebanyak RM10,000.

Pada 4 Julai 2014, Mahkamah Tinggi menetapkan Pengurusan Kes Saman Pemula PNSB pada 10 Julai 2014.

Pada 10 Julai 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menetapkan Pengurusan Kes Saman Pemula PNSB pada 17 September 2014.

Pada 17 September 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menetapkan Pengurusan Kes Saman Pemula PNSB pada 3 Disember 2014.

Pada 3 Disember 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menetapkan selanjutnya Pengurusan Kes Saman Pemula PNSB pada 17 Februari 2015.

Pada 17 Februari 2015, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menetapkan selanjutnya Pengurusan Kes Saman Pemula PNSB pada 10 Mac 2015.

Pada 10 Mac 2015, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menetapkan selanjutnya Pengurusan Kes Saman Pemula PNSB pada 3 April 2015 dan juga menetapkan tarikh perbicaraan pada 22 Mei 2015.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membatalkan Pengurusan Kes Saman Pemula PNSB yang ditetapkan pada 3 April 2015. Tarikh Perbicaraan pada 22 Mei 2015 dikekalkan.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(f) PNSB lwn LUAS dan Kerajaan Negeri Selangor

Semakan Semula Penghakiman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No: R2-25-67-03/2014

Pada 20 Mac 2014, PNSB telah memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk mendapat kebenaran mengeluarkan prosiding Kajian Semula Penghakiman terhadap keputusan Lembaga Urus Air Selangor ("LUAS") dan Kerajaan Negeri Selangor seperti yang dimaklumkan oleh LUAS kepada PNSB melalui sepucuk surat bertarikh 7 Mac 2014 untuk tidak memperbaharui lesen pengambilan air mentah selepas 31 Mei 2014.

Pada 27 Mac 2014, PNSB telah memperoleh Kebenaran daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk mengadakan prosiding Kajian Semula Penghakiman terhadap LUAS dan Kerajaan Negeri Selangor ("Prosiding Kajian Semula Penghakiman"). Sewaktu diadakan pengurusan kes pada 10 April 2014 berhubung dengan prosiding Kajian Semula Penghakiman, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memberi arahan bagi pihak terlibat memfailkan dan bertukar afidavit jawapan dan menggariskan penghujahan berhubung dengan kedua-dua relief sementara dan permohonan substantif.

Permohonan untuk relief sementara ditetapkan bagi perbicaraan pada 5 Mei 2014 dan pengurusan kes berikutnya untuk permohonan substantif turut ditetapkan pada 5 Mei 2014.

Permohonan PNSB untuk relief sementara di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berhubung dengan Prosiding Semakan Semula Penghakiman yang difailkan terhadap LUAS dan Kerajaan Negeri Selangor yang ditetapkan untuk perbicaraan pada 5 Mei 2014 telah ditangguhkan kepada 14 Mei 2014 dan perbicaraan permohonan substantif PNSB bagi Semakan Semula Penghakiman ditetapkan pada 16 Mei 2014.

Bagi Prosiding Semakan Semula Penghakiman yang difailkan oleh PNSB terhadap LUAS dan Kerajaan Negeri Selangor, permohonan PNSB untuk relief sementara telah diarahkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 6 Mei 2014 dibicarakan pada 12 Mei 2014 dan bukannya 14 Mei 2014. Perbicaraan permohonan substantif PNSB bagi Semakan Semula Penghakiman kekal ditetapkan pada 16 Mei 2014.

Pada 8 Mei 2014, peguam cara PNSB memfailkan dan mengeluarkan permohonan untuk meminda permohonan bagi Semakan Semula Penghakiman di mana permohonan untuk meminda itu ditetapkan untuk perbincaraan pada 12 Mei 2014.

Seperti yang diumumkan sebelumnya, permohonan bagi relief sementara di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berhubung dengan Prosiding Semakan Semula Penghakiman yang difailkan terhadap LUAS dan Kerajaan Negeri Selangor ditetapkan untuk perbicaraan pada 12 Mei 2014 sementara perbicaraan permohonan substantif PNSB bagi Semakan Semula Penghakiman ditetapkan pada 16 Mei 2014.

Perbicaraan permohonan PNSB untuk meminda permohonan Semakan Semula Penghakiman dan relief sementaranya dijadualkan pada 12 Mei 2014 dan perbicaraan permohonan substantif PNSB bagi Semakan Semula Penghakiman pada asalnya dijadualkan untuk perbicaraan pada 16 Mei 2014 telah dijadual semula untuk perbicaraan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 19 Mei 2014.

Pada 19 Mei 2014, di perbicaraan permohonan substantif bagi Prosiding Semakan Semula Penghakiman yang difailkan oleh PNSB terhadap LUAS dan Kerajaan Negeri Selangor pada hari tersebut, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menetapkan 28 Mei 2014 untuk menyampaikan keputusannya.

Pada 28 Mei 2014, keputusan permohonan substantif bagi Prosiding Semakan Semula Penghakiman yang difailkan oleh PNSB pada asalnya dijadualkan pada 28 Mei 2014 telah dijadualkan semula kepada 29 Mei 2014.

Di perbicaraan yang diadakan pada 29 Mei 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengetepikan permohonan substantif bagi Prosiding Semakan Semula Penghakiman yang difailkan oleh PNSB terhadap LUAS dan Kerajaan Negeri Selangor dengan kos RM15,000 kepada setiap Responden.

41. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(f) PNSB lwn LUAS dan Kerajaan Negeri Selangor (sambungan)

Semakan Semula Penghakiman di Mahkamah Tinggi No: R2-25-67-03/2014 (sambungan)

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur juga telah mengetepikan permohonan lisan PNSB selepas itu bagi penangguhan sementara menunggu rayuan kepada Mahkamah Rayuan.

Berdasarkan arahan PNSB, peguam cara PNSB telah memfailkan Notis Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dengan Pendaftar Mahkamah Tinggi pada 29 Mei 2014.

(g) PNSB lwn LUAS dan Kerajaan Negeri Selangor

Rayuan Sivil di Mahkamah Rayuan No: W-01-179-05/2014

Berhubung dengan Permohonan untuk Semakan Semula Penghakiman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No:R2-25-67-03/2014 PNSB (Pemohon) dan LUAS dan Kerajaan Negeri Selangor (Responden) mengenai rayuan PNSB terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 29 Mei yang mengetepikan pemohonan substantif PNSB untuk Semakan Semula Penghakiman seperti berikut:-

Pada 30 Mei 2014, PNSB memohon ex-parte dan memperoleh satu Perintah berikut daripada Mahkamah Rayuan:-

"bahawa keputusan Responden-responden atau salah satu daripada mereka seperti yang ditetapkan dalam surat Responden Pertama bertarikh 7 Mac 2014 ("Surat 7.3.2014") menolak pembaharuan Lesen Pengeluaran Air Perayu No. SWAL:(B) 000520 hingga 000548 ("Lesen-lesen") untuk tempoh bermula 1 Jun 2014 adalah kekal dan bahawa semua prosiding berkaitan dengan keputusan Responden berkenaan adalah kekal, termasuk tetapi tidak terhad kepada kuasa Responden menurut Seksyen 59 (2) Enakmen Kuasa Pengurusan Air Selangor 1999, sehingga keputusan rayuan Perayu melalui Notis Rayuan bertarikh 29 Mei 2014 dikeluarkan."

Mahkamah Rayuan telah mengarahkan selanjutnya mengarahkan supaya permohonan PNSB seperti yang dinyatakan sebelum ini ditetapkan untuk perbicaraan antara pihak pada 11 Jun 2014.

Pada 11 Jun 2014, kedua-dua perbicaraan antara pihak ditetapkan di Mahkamah Rayuan supaya ditangguhkan kepada 10 Julai 2014 untuk sebutan sementara menunggu penyelesaian perbincangan antara pihak-pihak terlibat. Dalam interim. Mengikut persetujuan semua pihak, Perintah bagi relief sementara menunggu rayuan diperoleh pada 30 Mei 2014 diteruskan.

Pada 10 Julai 2014, Mahkanmah Rayuan menetapkan Sebutan rayuan PNSB terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 29 Mei 2014 yang mengetepikan permohonan substantif PNSB bagi Semakan Semula Penghakiman, pada 1 Disember 2014. Dalam interim, Perintah relief sementara menunggu rayuan yang diperoleh pada 30 Mei 2014 diteruskan.

Pada 1 Disember 2014, Mahkamah Rayuan telah menetapkan Sebutan rayuan PNSB terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 29 Mei 2014 yang mengetepikan permohonan substantif PNSB bagi Semakan Semula Penghakiman pada 16 Februari 2015. Dalam interim, Perintah bagi relief sementara menunggu rayuan yang diperoleh pada 30 Mei 2014 diteruskan.

Rayuan PNSB terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 29 Mei 2014 yang mengetepikan permohonan substantif PNSB bagi Semakan Semula Penghakiman ditetapkan untuk pengurusan kes di hadapan Pendaftar Mahkamah Rayuan pada 28 Mei 2015 sementara menunggu penyelesaian. Dalam interim, Perintah bagi relief sementara menunggu rayuan yang diperoleh pada 20 Mei 2014 diteruskan.

42. PERISTIWA BERIKUTNYA

(1) Dalam EGM Syarikat yang diadakan pada 7 Januari 2015, pemegang saham Syarikat telah meluluskan resolusi berhubung perkara berikut:-

(a) Cadangan penjualan oleh Syarikat seluruh kepentingan ekuiti dan CCRPS yang dipegang dalam PNSB kepada Air Selangor ("Cadangan Penjualan PNSB "); dan

(b) Cadangan penjualan oleh Syarikat 70% kepentingan ekuiti yang dipegang dalam SYABAS dan RCULS bernilai nominal RM212.0 juta kepada Air Selangor ("Cadangan Penjualan SYABAS").

Secara bersama dirujuk sebagai "Cadangan Penjualan".

Selain daripada keuntungan yang dijangka timbul daripada Cadangan Penjualan ini, Cadangan Penjualan ini dijangka tidak mempunyai kesan penting ke atas pendapatan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Kumpulan dan Syarikat dijangka merealisasi keuntungan masing-masing berjumlah lebih kurang RM205,252,000 dan RM1,105,118,000, apabila Cadangan Penjualan ini diselesaikan. Keuntungan sebenar akan berbeza-beza bergantung kepada nilai bawa aset dan liabiliti PNSB dan SYABAS yang djual pada Tarikh Penyelesaian SPA.

(2) Pada 14 Januari 2015 Syarikat telah menerima surat daripada KDEB yang memberi PNSB hak untuk mengambil air dari sumber air di Kerja Turus Sungai Bernam Baharu, KM15, Jalan Sungai Besar, Selangor ("Sumber Air") untuk tempoh selama tiga (3) bulan, bermula dari 1 Februari 2015 sehingga 30 April 2015 selaras dengan terma dan syarat yang digariskan dalam perjanjian yang kekal sah dan boleh diterima pakai kepada tempoh lanjutan yang ditetapkan di atas.

(3) SINO telah membuat pelaburan tambahan sebanyak USD1,020,000 dalam LUWEI, sebuah subsidiari liabiliti terhad milik 92.84% di Daerah Lushan, Wilayah Henan, PRC di bawah Undang-undang Syarikat China.

Pada 6 Februari 2015, modal berdaftar dibayar LUWEI meningkat daripada USD6,530,000 kepada USD7,550,000, yang menyebabkan LUWEI menjadi sebuah subsidiari milik 93.81% SINO dengan jumlah pelaburan sebanyak USD7,082,500.

43. PERUBAHAN PENTING DALAM DASAR PERAKAUNAN BAGI HARTANAH PELABURAN

Pada tahun kewangan semasa, Syarikat telah menukar dasar perakaunannya berhubung dengan pengukuran selanjutnya hartanah pelaburan daripada model kos kepada model nilai saksama untuk menyediakan pembentangan yang lebih relevan dan selaras dengan dasar mengenai hartanah, loji dan peralatan.

44. MAKLUMAT KEWANGAN TAMBAHAN MENGENAI PECAHAN UNTUNG RUGI DIREALISASI DAN TIDAK DIREALISASI

Pecahan pendapatan tersimpan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember, kepada keuntungan direalisasi dan tidak direalisasi, menurut Perenggan 2.06 dan 2.23 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia, adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Jumlah perolehan tersimpan				
Syarikat dan subsidiarinya				
- direalisasi	**2,646,781**	2,386,242	**457,299**	462,214
- tidak direalisasi	**(488,263)**	(470,508)	**(17,184)**	(22,914)
	2,158,518	1,915,734	**440,115**	439,300
Jumlah bahagian daripada kerugian terkumpul usahasama				
- direalisasi	**(348,458)**	(333,508)	**–**	–
Tolak: Pelarasan penyatuan	**(33,451)**	(54,000)	**–**	–
	(381,909)	(387,508)	**–**	–
Jumlah pendapatan direalisasi	**1,776,609**	1,528,226	**440,115**	439,300

Penentuan keuntungan direalisasi dan tidak direalisasi adalah berasaskan kepada Garis Panduan Perkara Khas No. 1, *Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalisasi atau Tidak Direalisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad*, yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia pada 20 Disember 2010.

PENYATA OLEH
PENGARAH
MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 182 hingga 317 telah dirangka menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia bagi memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Pada pendapat para Pengarah, maklumat yang dibentangkan dalam Nota 44 pada muka surat 318 kepada penyata kewangan telah disediakan menurut Garis Panduan mengenai Perkara Khas No. 1, *Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalisasi dan Tidak Direalisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad*, seperti yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia, dan dibentang berdasarkan format yang ditentukan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para Pengarah:

TAN SRI ROZALI BIN ISMAIL

DATO' SYED DANIAL BIN SYED ARIFFIN

Shah Alam

Tarikh: 6 April 2015

Puncak Niaga Holdings Berhad
(No. Syarikat 416087 U)
(Diperbadankan di Malaysia)
dan subsidiarinya

AKUAN
BERKANUN
MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, **Wong Ley Chan**, selaku pegawai utama bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Puncak Niaga Holdings Berhad, mengakui dengan sesungguhnya dan seikhlasnya bahawa penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 182 hingga 318 pada pendapat saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar, dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diperakui dengan sesungguhnya oleh penama di atas di Shah Alam pada 6 April 2015.

WONG LEY CHAN

Di hadapan saya:

LAPORAN
JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD (DIPERBADANKAN DI MALAYSIA) DAN SYARIKAT SUBSIDIARINYA

Laporan mengenai Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Puncak Niaga Holdings Berhad, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2014 bagi Kumpulan dan Syarikat, dan penyata untung rugi, penyata pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai bagi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut, serta ringkasan dasar perakaunan penting dan nota-nota penjelasan lain, seperti yang dibentangkan di muka surat 182 hingga 317.

Tanggungjawab Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan agar memberi pandangan yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman sebagaimana yang mereka anggap perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi keperluan etika dan merancang serta melaksanakan audit bagi memperoleh jaminan yang berpatutan sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata ketara penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan penyata kewangan oleh entiti tersebut yang memberi pandangan yang benar dan saksama bagi merangka prosedur audit yang sesuai mengikut keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti berkenaan. Sesuatu audit juga meliputi penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan yang dibuat oleh para Pengarah, di samping menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah memadai dan sesuai untuk menjadi asas kepada pendapat audit kami

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberi pandangan yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut, selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

LAPORAN
JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD
(DIPERBADANKAN DI MALAYSIA) DAN SYARIKAT SUBSIDIARINYA

Laporan mengenai Keperluan Perundangan dan Keperluan Kawal Selia Lain

Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

(a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar yang dikehendaki oleh Akta supaya disimpan oleh Syarikat dan syarikat subsidiarinya yang diaudit oleh kami telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta.

(b) Kami telah mempertimbangkan akaun dan laporan juruaudit syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh kami, seperti yang ditunjukkan dalam Nota 8 kepada penyata kewangan.

(c) Kami berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai serta wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan memuaskan yang kami perlukan untuk tujuan tersebut.

(d) Laporan audit mengenai akaun syarikat subsidiari tidak mengandungi apa-apa keterangan atau apa-apa komen bertentangan yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta.

Tanggungjawab Pelaporan Lain

Audit kami dilaksanakan bagi tujuan membentuk pendapat mengenai penyata kewangan yang diambil secara keseluruhan. Maklumat yang dibentangkan dalam Nota 44 pada muka surat 318 kepada penyata kewangan telah disusun oleh Syarikat seperti yang dikehendaki oleh Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad dan tidak diperlukan oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia atau Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa. Kami telah memperluaskan prosedur audit kami untuk melaporkan tentang proses penyusunan maklumat tersebut. Pada pendapat kami, maklumat tambahan telah disediakan, dari segala aspek material, menurut Panduan mengenai Perkara Khas No. 1, *Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalisasi dan Tidak Direalisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities*, yang telah dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia dan dikemuka berdasarkan format yang telah ditentukan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

Perkara Lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain berhubung kandungan laporan ini.

KPMG
Nombor Firm: AF 0758
Akauntan Bertauliah

THONG FOO VUNG
Nombor Kelulusan: 2867/08/16(J)
Akauntan Bertauliah

Petaling Jaya, Malaysia

Tarikh: 6 April 2015

ANALISIS
SEKURITI SYARIKAT
PADA 20 APRIL 2015

ANALISIS PEGANGAN SAHAM

Modal Saham yang Dibenarkan	:	RM1,300,000,000.00
Modal Saham yang Diterbitkan dan Berbayar	:	RM418,006,379.00 terdiri daripada 418,006,379 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham
Kelas Saham	:	Saham biasa bernilai RM1.00 sesaham
Hak Mengundi	:	Satu undi bagi setiap saham biasa
Bilangan Pemegang Saham	:	8,974

AGIHAN PEGANGAN SAHAM

	Bilangan Para Pemegang Saham						Bilangan Saham Dipegang					
	Warganegara Malaysia		Warganegara Asing		Jumlah		Warganegara Malaysia		Warganegara Asing		Jumlah	
Saiz Pegangan Saham	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Kurang daripada 100	474	5.28	7	0.08	481	5.36	12,033	*	187	*	12,220	*
100 - 1,000	1,457	16.24	16	0.17	1,473	16.41	1,097,865	0.26	9,510	*	1,107,375	0.26
1,001 - 10,000	5,412	60.31	81	0.90	5,493	61.21	20,643,374	4.96	332,138	0.08	20,975,512	5.04
10,001 - 100,000	1,241	13.83	51	0.57	1,292	14.40	38,178,982	9.18	1,532,895	0.37	39,711,877	9.55
100,001 - 20,798,477 (kurang daripada 5% modal saham yang diterbitkan)	182#	2.03#	49	0.55	231#	2.58#	139,620,797#	33.57#	53,241,334	12.80	192,862,131#	46.37#
20,798,478 (5% daripada modal saham diterbitkan) dan ke atas	4	0.04	0	0	4	0.04	161,300,464	38.78	0	0	161,300,464	38.78
JUMLAH	**8,770#**	**97.73#**	**204**	**2.27**	**8,974#**	**100.00#**	**360,853,515#**	**86.75#**	**55,116,064**	**13.25**	**415,969,579#**	**100.00#**

Nota :
* Boleh diabaikan
\# Tidak termasuk sejumlah 2,036,800 Saham PNHB yang dibeli balik oleh PNHB dan dikekalkan sebagai saham perbendaharaan pada 20 April 2015.

ANALISIS PEGANGAN WARAN

Waran Diterbitkan	:	35,797,125
Kelas Sekuriti	:	Waran
Hak Mengundi	:	Tiada
Bilangan Pemegang Waran	:	5,228

AGIHAN PEGANGAN WARAN

	Bilangan Para Pemegang Waran						Bilangan Waran Dipegang					
	Warganegara Malaysia		Warganegara Asing		Jumlah		Warganegara Malaysia		Warganegara Asing		Jumlah	
Saiz Pegangan Waran	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Kurang daripada 100	1,070	20.47	11	0.21	1,081	20.68	41,404	0.11	224	*	41,628	0.11
100 - 1,000	3,168	60.60	44	0.84	3,212	61.44	884,648	2.47	17,904	0.05	902,552	2.52
1,001 - 10,000	625	11.96	23	0.44	648	12.40	2,626,631	7.34	82,140	0.23	2,708,771	7.57
10,001 - 100,000	247	4.72	6	0.11	253	4.83	7,530,897	21.04	176,300	0.49	7,707,197	21.53
100,001 - 1,789,855 (kurang daripada 5% waran)	29	0.55	3	0.06	32	0.61	7,341,493	20.51	565,599	1.58	7,907,092	22.09
1,789,856 (5% daripada waran) dan ke atas	2	0.04	0	0	2	0.04	16,529,885	46.18	0	0	16,529,885	46.18
JUMLAH	**5,141**	**98.34**	**87**	**1.66**	**5,228**	**100.00**	**34,954,958**	**97.65**	**842,167**	**2.35**	**35,797,125**	**100.00**

Nota :
* Boleh diabaikan

ANALISIS
SEKURITI SYARIKAT
PADA 20 APRIL 2015

SENARAI TIGA PULUH PEMEGANG-PEMEGANG AKAUN SEKURITI PALING BESAR MENURUT REKOD PENDEPOSIT (SAHAM BIASA)
(Tanpa menjumlahkan sekuriti dari setiap akaun sekuriti yang berlainan yang dimiliki oleh Pendeposit yang sama)

Bil	Nama Pemegang Saham	Bilangan Saham Dipegang	% Modal Saham Diterbitkan Dan Berbayar#
1.	**Central Plus (M) Sdn Bhd**	72,760,237	17.49
2.	**Lembaga Tabung Haji**	40,101,600	9.64
3.	**Corporate Line (M) Sdn Bhd**	26,518,627	6.38
4.	**Amsec Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Central Plus (M) Sdn Bhd	21,920,000	5.27
5.	**RHB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Corporate Line (M) Sdn Bhd	15,000,000	3.61
6.	**Corporate Line (M) Sdn Bhd**	12,600,000	3.03
7.	**Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Employees Provident Fund Board	11,772,183	2.83
8.	**Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Employees Provident Fund Board (CIMB PRIN)	9,215,300	2.22
9.	**HLIB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Corporate Line (M) Sdn Bhd	9,000,000	2.16
10.	**Citigroup Nominees (Asing) Sdn Bhd** Exempt An For Citibank New York (Norges Bank 14)	8,495,700	2.04
11.	**UOBM Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Central Plus (M) Sdn Bhd (PCB)	7,500,000	1.80
12.	**Amanahraya Trustees Berhad** Amanah Saham Wawasan 2020	5,509,640	1.32
13.	**Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (CIMB Equities)	4,214,100	1.01
14.	**Citigroup Nominees (Asing) Sdn Bhd** Exempt An For Citibank New York (Norges Bank 1)	4,057,100	0.98
15.	**HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd** Exempt An For JPMorgan Chase Bank, National Association (Australia)	3,485,200	0.84

Nota :
Tidak termasuk sejumlah 2,036,800 Saham PNHB yang dibeli balik oleh PNHB dan dikekalkan sebagai saham perbendaharaan pada 20 April 2015.

Bil	Nama Pemegang Saham	Bilangan Saham Dipegang	% Modal Saham Diterbitkan Dan Berbayar#
16.	**HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd** Exempt An For Credit Suisse (SG BR-TST-ASING)	3,422,370	0.82
17.	**HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd** Exempt An For The Bank Of New York Mellon (Mellon Acct)	3,271,600	0.79
18.	**DB (Malaysia) Nominee (Asing) Sdn Bhd** Exempt An For Deutsche Bank AG London (Prime Brokerage)	3,049,600	0.73
19.	**Malacca Equity Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Exempt An For Phillip Capital Management Sdn Bhd	2,945,900	0.71
20.	**Amanahraya Trustees Berhad** Public Islamic Sector Select Fund	2,272,500	0.55
21.	**DB (Malaysia) Nominee (Asing) Sdn Bhd** SSBT Fund SD4N For Government Of The Province Of Alberta	2,053,500	0.49
22.	**Citigroup Nominees (Asing) Sdn Bhd** UBS AG	2,016,886	0.48
23.	**CIMB Group Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** CIMB Commerce Trustee Berhad – Kenanga Growth Fund	1,983,500	0.48
24.	**HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd** Exempt An For JPMorgan Chase Bank, National Association (U.S.A.)	1,930,593	0.46
25.	**Citigroup Nominees (Asing) Sdn Bhd** CBNY For DFA Emerging Markets Small Cap Series	1,914,120	0.46
26.	**Central Plus (M) Sdn Bhd**	1,738,250	0.42
27.	**Rozali Bin Ismail**	1,729,000	0.42
28.	**Amanahraya Trustees Berhad** Public Islamic Opportunities Fund	1,643,300	0.40
29.	**DB (Malaysia) Nominee (Tempatan) Sendirian Berhad** Exempt An For Bank Of Singapore Limited	1,547,000	0.37
30.	**HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd** HSBC-FS I For Best Investment Corporation (LSV Asset)	1,535,900	0.37
	JUMLAH	**285,203,706**	**68.57**

Nota :
Tidak termasuk sejumlah 2,036,800 Saham PNHB yang dibeli balik oleh PNHB dan dikekalkan sebagai saham perbendaharaan pada 20 April 2015.

ANALISIS
SEKURITI SYARIKAT
PADA 20 APRIL 2015

SENARAI TIGA PULUH PEMEGANG-PEMEGANG AKAUN SEKURITI PALING BESAR MENURUT REKOD PENDEPOSIT (WARAN)
(Tanpa menjumlahkan sekuriti daripada setiap akaun sekuriti yang berlainan yang dimiliki oleh Pendeposit yang sama)

Bil	Nama Pemegang Waran	Bilangan Waran Dipegang	% Waran
1.	**Central Plus (M) Sdn Bhd**	10,218,023	28.54
2.	**Corporate Line (M) Sdn Bhd**	6,311,862	17.63
3.	**Goh Chye Keat**	1,029,000	2.87
4.	**CK Goh Holdings Sdn Bhd**	840,000	2.35
5.	**Tan Soo Lee**	804,800	2.25
6.	**Lim Chee Meng**	329,140	0.92
7.	**Citigroup Nominees (Asing) Sdn Bhd** Exempt An For Citibank New York (Norges Bank 1)	317,280	0.89
8.	**RHB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Ong Keng Teong	285,000	0.80
9.	**Ching Hong Seng**	271,500	0.76
10.	**Tee Kiam Heng**	250,000	0.70
11.	**Maybank Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Chee Kah Khuin	236,800	0.66
12.	**Ng Yim Hoo**	205,000	0.57
13.	**Maybank Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Mohd Jamaludin Bin Mohamed Shamsudin	200,000	0.56
14.	**CIMSEC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** CIMB For Goh Chye Keat (PB)	194,600	0.54
15.	**CIMSEC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** CIMB Bank For Kho Cheok Lian (MY1290)	192,608	0.54
16.	**Goh Nan Kioh**	180,000	0.50

Bil	Nama Pemegang Waran	Bilangan Waran Dipegang	% Waran
17.	**HLIB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Lim Teong Kiat	179,600	0.50
18.	**Central Plus (M) Sdn Bhd**	173,825	0.49
19.	**Rozali Bin Ismail**	172,900	0.48
20.	**Ting Chek Ting**	166,300	0.46
21.	**RHB Capital Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Chuan Chek Piow	162,500	0.45
22.	**Lee Chau Kuang**	157,600	0.44
23.	**CIMSEC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** CIMB Bank For Chew Evonne (MY0418)	150,000	0.42
24.	**Y K Toh Property Sdn Bhd**	150,000	0.42
25.	**HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Loke Foong Wai (CSSM)	145,000	0.41
26.	**Ang Hui Chan**	144,000	0.40
27.	**Poh Tak Kiau @ Poo Tak Kiau**	130,060	0.36
28.	**Public Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Toh Dee Kong (E-JCL)	130,000	0.36
29.	**RHB Nominees (Asing) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Profidend Investments Pte Ltd	130,000	0.36
30.	**Maybank Securities Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Daniel Lim Hwa Yew (Margin)	124,000	0.35
	JUMLAH	**23,981,398**	**66.98**

KEPENTINGAN PENGARAH-PENGARAH DALAM SAHAM BIASA DAN WARAN MENURUT DAFTAR PENGARAH BAGI PEGANGAN SAHAM DAN PEGANGAN WARAN

		Bilangan Saham Dipegang Dalam Syarikat				Bilangan Waran Dipegang Dalam Syarikat			
Bil	Nama Pengarah	Kepentingan Langsung	%#	Kepentingan Tidak Langsung	%#	Kepentingan Langsung	%	Kepentingan Tidak Langsung	%
1.	YBhg Tan Sri Rozali Bin Ismail	1,729,000	0.42	167,426,514+	40.25+	172,900	0.48	16,703,710++	46.66++
2.	YBhg Dato' Ruslan Bin Hassan	–	–	–	–	–	–	–	–
3.	YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi	10,000	**	–	–	1,000	**	–	–
4.	YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy	–	–	–	–	–	–	–	–
5.	YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh	–	–	46,200^	0.01^	–	–	–	–
6.	YAM Tengku Dato' Rahimah Binti Almarhum Sultan Mahmud	–	–	–	–	–	–	–	–
7.	YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak	–	–	–	–	–	–	–	–
8.	YBhg Dato' Syed Danial Bin Syed Ariffin	–	–	–	–	–	–	–	–
9.	Encik Ng Wah Tar	–	–	–	–	–	–	–	–

Nota :
+ Dianggap mempunyai kepentingan dalam saham melalui kepentingan pegangan saham 100% dalam Central Plus (M) Sdn Bhd (No. Syarikat 183535-W) dan Corporate Line (M) Sdn Bhd (No. Syarikat 172689-H) di mana 55% dipegang atas nama sendiri dan 45% dipegang atas nama isteri dan anak-anaknya masing-masing, dan dianggap mempunyai kepentingan melalui saham yang dipegang oleh anak lelakinya.
++ Dianggap mempunyai kepentingan dalam waran melalui kepentingan pegangan saham 100% dalam Central Plus (M) Sdn Bhd (Co No. 183535-W) dan Corporate Line (M) Sdn Bhd (No. Syarikat 172689-H) di mana 55% dipegang atas nama sendiri dan 45% dipegang atas nama isteri dan anak-anaknya masing-masing.
^ Dianggap mempunyai kepentingan melalui saham yang dipegang oleh isterinya, Tay Boon Ling menurut Seksyen 134 Akta Syarikat, 1965.
# Tidak termasuk sejumlah 2,036,800 Saham PNHB yang dibeli balik oleh PNHB dan dikekalkan sebagai saham perbendaharaan pada 20 April 2015.
** Boleh diabaikan.

PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM UTAMA MENURUT DAFTAR PEMEGANG SAHAM UTAMA (Tidak Termasuk Pemegang Amanah)

		Bilangan Saham Dipegang Dalam Syarikat			
Bil	Nama Pemegang Saham Utama	Kepentingan Langsung	%#	Kepentingan Tidak Langsung	%#
1.	YBhg Tan Sri Rozali Bin Ismail	1,729,000	0.42	167,426,514+	40.25+
2.	Corporate Line (M) Sdn Bhd	39,118,627	9.41	24,000,000*	5.77*
3.	Central Plus (M) Sdn Bhd	74,498,487	17.91	29,420,000*	7.07*
4.	Lembaga Tabung Haji	40,101,600	9.64	–	–
5.	Employees Provident Fund Board	1,494,000	0.36	20,987,483^^	5.05^^

Nota :
+ Dianggap mempunyai kepentingan melalui kepentingan pegangan saham 100% dalam Central Plus (M) Sdn Bhd (No. Syarikat 183535-W) dan Corporate Line (M) Sdn Bhd (No. Syarikat 172689-H) di mana 55% dipegang atas nama sendiri dan 45% dipegang atas nama isteri dan anak-anaknya masing-masing, dan dianggap mempunyai kepentingan melalui saham yang dipegang oleh anak lelakinya.
* Pegangan atas nama nominee.
^^ Saham dipegang dan diuruskan oleh Pengurus Portfolio.
# Tidak termasuk sejumlah 2,036,800 Saham PNHB yang dibeli balik oleh PNHB dan dikekalkan sebagai saham perbendaharaan pada 20 April 2015.

SENARAI
HARTANAH
SETAKAT 31 DISEMBER 2014

Keterangan & Lokasi	Tarikh Pemerolehan Tarikh Penilaian (P)	Keluasan Tanah/ Keluasan Binaan	Nilai Buku Bersih (RM) 31.12.2014	Tempoh	Baki Tempoh Pajakan (Tarikh Luput)	Kegunaan Semasa
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN						
Bangunan & Tanah Bersebelahan						
Wisma Rozali No. 4 & 6, Persiaran Sukan Seksyen 13 40100 Shah Alam Selangor Darul Ehsan	01/08/2005 31/12/2011 (P) 31/12/2014 (P)	12,952 m.persegi	59,000,000	Pegangan pajakan 99 tahun	88 tahun berakhir pada 22/01/2102	Premis Pejabat dan Tanah Kosong
Lot Pejabat						
No. 8 Eu Tong Sen Street # 22-85, The Central Singapore 059818	03/10/2008 31/12/2014 (P)	86 m.persegi	11,000,000	Pegangan pajakan 99 tahun	86 tahun berakhir pada 01/01/2100	Premis Pejabat
No. 8 Eu Tong Sen Street # 22-86, The Central Singapore 059818	26/09/2008 31/12/2014 (P)	60 m.persegi		Pegangan pajakan 99 tahun	86 tahun berakhir pada 01/01/2100	Premis Pejabat
Rumah Kedai 5 Tingkat						
No. 32, Blok 4, Laman Seri Business Park Persiaran Sukan Seksyen 13, Shah Alam Selangor Darul Ehsan	7/6/2011 31/12/2014 (P)	1,014 m.persegi	5,100,000	Pegangan pajakan 99 tahun	95 tahun berakhir pada 21/3/2109	Premis Pejabat
Bangunan						
No. 12B, Jalan PJS 8/11 Dataran Mentari, Bandar Sunway 46150 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan	19/10/2011 31/12/2014 (P)	331 m.persegi	5,100,000	Pegangan pajakan 99 tahun	88 tahun berakhir pada 6/11/2012	Premis Pejabat
HARTANAH PELABURAN						
Tanah Kosong						
H.S.(D) 142037, Lot No. PT 32 Seksyen 14 Bandar Shah Alam Daerah Petaling Selangor Darul Ehsan	14/02/1998 31/12/2011 (P) 31/12/2014 (P)	10,364 m.persegi	21,195,000	Pegangan pajakan 99 tahun	85 tahun berakhir pada 17/12/2099	Disewakan

SENARAI
HARTANAH
SETAKAT 31 DISEMBER 2014

Keterangan & Lokasi	Tarikh Pemerolehan Tarikh Penilaian (P)	Keluasan Tanah/ Keluasan Binaan	Nilai Buku Bersih (RM) 31.12.2014	Tempoh	Baki Tempoh Pajakan (Tarikh Luput)	Kegunaan Semasa
Tanah Kosong						
H.S.(D) 6163, PN 77569 (Lot No. 7092)	16/02/2007	331,426 m.persegi	136,300,000	Pegangan pajakan 99 tahun	87 tahun berakhir pada 24/10/2101	Tiada
H.S.(D) 6164, PN 77570 (Lot No. 7093)	31/12/2011 (P)	213,082 m.persegi				Tiada
H.S.(D) 6165, PN 77571 (Lot No. 7094)#	31/12/2014 (P)	229,290 m.persegi				Disewakan
H.S.(D) 6166, PN 77572 (Lot No. 7095)		229,717 m.persegi				Tiada
Mukim Ijok Daerah Kuala Selangor Selangor Darul Ehsan						
# Termasuk sebuah bangunan satu tingkat dilengkapi dengan kemudahan letak kereta						
Rumah Kedai 4 Tingkat						
No. 12C, Jalan Todak 5 Pusat Bandar Seberang Jaya 13700 Perai Pulau Pinang	21/03/2007 31/12/2011 (P) 31/12/2014 (P)	238 m.persegi	2,400,000	Pegangan pajakan 99 tahun	78 tahun berakhir pada 21/10/2092	Premis Pejabat
Lot Pejabat						
No. 20, Jalan Presiden U1/F Accentra Business Park Glenmarie, Seksyen U1 40150 Shah Alam	01/02/2008 31/12/2011 (P) 31/12/2014 (P)	164 m.persegi	2,200,000	Pegangan bebas	Tidak berkaitan	Premis Pejabat
Tanah Kosong						
No. 8, Jalan Sultan Mahmud 21080 Kuala Terengganu Terengganu (Lot 2119, Mukim Batu Buruk Daerah Kuala Terengganu Terengganu Darul Iman)	02/07/2008 31/12/2011 (P) 31/12/2014 (P)	2,058 m.persegi	1,400,000	Pegangan bebas	Tidak berkaitan	Tiada
Tanah Kosong						
H.S.(D) 2605, PT 1563 Mukim Jeram Daerah Kuala Selangor Selangor Darul Ehsan	01/08/2010 31/12/2011 (P) 31/12/2014 (P)	159,996 m.persegi	18,000,000	Pegangan pajakan 99 tahun	81 tahun berakhir pada 01/12/2095	Tiada

INDEKS
GRI

INDEKS KANDUNGAN GRI G3.1

Inisiatif Laporan Global ("GRI") terdiri daripada Prinsip-prinsip untuk mendefinisikan kandungan laporan dan memastikan kualiti maklumat yang dilaporkan. Ia turut meliputi Pendedahan Piawaian yang merangkumi Penunjuk Prestasi dan perkara-perkara pendedahan lain. Pendekatan ini membolehkan tahap ketelusan dan akauntibiliti yang lebih tinggi.

Jadual berikut memberikan gambaran bagaimana kami telah menggunakan garis panduan GRI untuk mendefinisi kandungan laporan, menyepadukan prinsip-prinsip laporan untuk mendefinisikan kualiti dan laporan mengenai pendedahan piawaian GRI. Kami percaya bahawa garis panduan ini menyediakan cara terbaik bagi kami untuk membentangkan maklumat kemampanan kami yang paling penting dengan cara yang telus dan berwibawa sepenuhnya.

PENDEDAHAN PROFIL

Strategi dan Analisis		Muka Surat
1.1	Penyata daripada pembuat keputusan paling kanan dalam organisasi	6-13
1.2	Huraian berkenaan impak, risiko dan peluang penting	150

Profil Organisasi		
2.1	Nama Organisasi	Muka surat Hadapan
2.2	Jenama, produk dan/atau perkhidmatan utama	14-16
2.3	Struktur operasi organisasi	29-31
2.4	Lokasi ibu pejabat organisasi	17-19
2.5	Bilangan negara di mana organisasi beroperasi	17-19
2.6	Jenis pemilikan dan dari segi undang-undang	30-31
2.7	Pasaran yang diceburi	17-19
2.8	Saiz organisasi yang membuat pelaporan	17-19
2.9	Perubahan penting semasa tempoh pelaporan	60-79
2.10	Anugerah yang diterima dalam tempoh pelaporan	26-27

Liputan Laporan		
3.1	Tempoh pelaporan	5
3.2	Tarikh laporan terdahulu yang terkini	5
3.3	Kitaran laporan	5
3.4	Titik perhubungan bagi pertanyaan berkaitan laporan atau kandungannya	5
3.5	Proses bagi mentakrif kandungan laporan	5
3.6	Had laporan	5
3.7	Penyataan sebarang had tertentu mengenai skop atau had laporan	5
3.8	Asas bagi pelaporan syarikat usaha sama, subsidiari dan lain-lain	5, 6-13
3.9	Teknik pengukuran data dan asas pengiraan	111-112
3.10	Penerangan tentang kesan sebarang penyataan semula maklumat	6-13
3.11	Perubahan penting sejak tempoh pelaporan terdahulu	60-79
3.12	Jadual yang mengenal pasti lokasi Pendedahan Piawaian	331-338
3.13	Dasar dan amalan semasa bagi mendapatkan jaminan luar untuk laporan	–

INDEKS
GRI

Tadbir Urus, Iltizam dan Penglibatan

4.1	Struktur tadbir urus organisasi	122
4.2	Menyatakan sama ada Pengerusi bagi badan tadbir urus tertinggi turut merupakan seorang pegawai eksekutif	123
4.3	Ahli-ahli bebas dan/atau bukan eksekutif Lembaga	123-124
4.4	Mekanisma bagi para pemegang saham dan kakitangan mengemukakan saranan atau hala tuju kepada badan tadbir urus tertinggi	126
4.5	Hubungan antara ganjaran dan prestasi organisasi	133
4.6	Proses yang tersedia untuk memastikan percanggahan kepentingan dielakkan	124, 126
4.7	Kelayakan dan kepakaran Lembaga Pengarah	34-43
4.8	Penyata misi atau nilai, tatakelakuan dan prinsip yang diwujudkan secara dalaman	1, 4
4.9	Pengenalpastian dan pengurusan prestasi ekonomi, alam sekitar dan sosial, tatakelakuan dan prinsip	137
4.10	Proses bagi menilai prestasi sendiri badan tadbir urus tertinggi	129
4.11	Penerangan sama ada dan bagaimana pendekatan atau prinsip berwaspada dikendalikan oleh organisasi	150
4.12	Piagam dan prinsip ekonomi, alam sekitar dan sosial yang dirangka secara luaran	65
4.13	Keahlian dalam persatuan	21
4.14	Senarai kumpulan pemegang kepentingan yang terlibat dengan organisasi	64
4.15	Asas bagi mengenal pasti dan memilih para pemegang kepentingan untuk dilibatkan	11, 13
4.16	Pendekatan terhadap penglibatan pemegang kepentingan	91-93, 115
4.17	Topik dan kemusykilan penting yang telah dibangkitkan melalui penglibatan pemegang kepentingan dan respons organisasi terhadap topik penting tersebut	91-93

Penunjuk Prestasi: EKONOMI

Prestasi Ekonomi

EC1	Nilai ekonomi langsung yang dijana dan diagihkan	28
EC2	Implikasi kewangan dan risiko lain serta peluang bagi aktiviti organisasi disebabkan oleh perubahan iklim	110, 112
EC3	Liputan kewajipan pelan caruman wajib organisasi	100
EC4	Bantuan kewangan utama yang diterima daripada kerajaan	217

Kehadiran di Pasaran

EC5	Standard paras gaji permulaan berbanding gaji minimum tempatan	100
EC6	Dasar, amalan dan bahagian perbelanjaan berhubung para pembekal tempatan	101
EC7	Prosedur pengambilan pekerja tempatan	97-99

Impak Ekonomi Tidak Langsung

EC8	Pembangunan dan kesan pelaburan infrastruktur serta perkhidmatan yang disediakan terutamanya untuk manfaat orang ramai	115-116
EC9	Memahami dan menghuraikan impak ekonomi tidak langsung yang penting	117

Penunjuk Prestasi : ALAM SEKITAR

Bahan		
EN1	Bahan-bahan yang digunakan mengikut berat atau volum	112
EN2	Peratus bahan yang digunakan yang merupakan bahan input dikitar semula	x
Tenaga		
EN3	Penggunaan tenaga secara langsung mengikut sumber tenaga utama	112
EN4	Penggunaan tenaga secara tidak langsung mengikut sumber utama	112
EN5	Tenaga yang dijimatkan hasil daripada pengabadian dan penambahbaikan kecekapan	112
EN6	Inisiatif untuk menyediakan kecekapan tenaga atau tenaga boleh diperbaharui	112
EN7	Inisiatif untuk mengurangkan penggunaan tenaga secara tidak langsung dan pengurangan yang dicapai	112
Air		
EN8	Jumlah pengeluaran air mengikut sumber	x
EN9	Impak ketara disebabkan pengeluaran air	111
EN10	Peratus dan jumlah volum air yang dikitar semula dan diguna semula	x
Kepelbagaian Bio		
EN11	Lokasi dan saiz tanah yang dimiliki, dipajak, diurus dalam atau bersebelahan dengan, kawasan yang dilindungi	110
EN12	Huraian tentang impak ketara daripada aktiviti, produk dan perkhidmatan ke atas kepelbagaian bio di kawasan yang dilindungi	110
EN13	Habitat yang dilindungi atau dipulihkan	x
EN14	Strategi, tindakan semasa dan rancangan masa depan bagi menguruskan impak terhadap kepelbagaian bio	110
EN15	Bilangan spesis Senarai Merah IUCN dan spesis senarai pemuliharaan nasional dengan habitat di kawasan yang terjejas oleh operasi	x
Pelepasan, Enap Cemar dan Sisa		
EN16	Jumlah pelepasan gas rumah hijau secara langsung dan tidak langsung mengikut berat	x
EN17	Pelepasan gas rumah hijau secara tidak langsung berkaitan yang lain mengikut berat	x
EN18	Inisiatif untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan pengurangan yang dicapai	112
EN19	Pelepasan bahan penipisan ozon mengikut berat	x
EN20	NOx, SOx dan pelepasan udara penting yang lain mengikut jenis dan berat	x
EN21	Jumlah air buangan mengikut kualiti dan destinasi	x
EN22	Jumlah berat sisa mengikut jenis dan kaedah pelupusan	x
EN23	Jumlah dan volum tumpahan besar	TB
EN24	Berat sisa yang dianggap merbahaya yang diangkut, diimport, dieksport atau dirawat	TB
EN25	Identiti, saiz, status perlindungan dan nilai kepelbagaian bio bagi entiti air dan habitat berkaitan yang terjejas dengan ketara disebabkan pembuangan air dan air larian daripada organisasi yang membuat pelaporan	110

INDEKS
GRI

Produk dan Perkhidmatan		
EN26	Inisiatif untuk mengurangkan impak produk dan perkhidmatan terhadap alam sekitar dan setakat mana usaha untuk mengurangkan impaknya	113
EN27	Peratus produk dijual dan bahan pembungkusnya yang diperoleh semula mengikut kategori	TB
Pematuhan		
EN28	Nilai kewangan bagi jumlah denda yang besar dan jumlah sekatan bukan berbentuk kewangan kerana ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan alam sekitar	PNHB tidak menerima sebarang denda atau penalti ketara sepanjang tempoh laporan.
Pengangkutan		
EN29	Impak alam sekitar yang ketara daripada pengangkutan produk dan barangan serta bahan lain yang digunakan untuk operasi dan pengangkutan anggota tenaga kerja organisasi	x
Keseluruhan		
EN30	Jumlah perbelanjaan dan pelaburan untuk perlindungan alam sekitar mengikut jenis	x
Penunjuk Prestasi: SOSIAL - Amalan Buruh dan Kerja Memuaskan		
Penggajian		
LA1	Jumlah tenaga kerja mengikut jenis pekerjaan, kontrak kerja dan wilayah	97-99
LA2	Jumlah bilangan dan kadar pusing ganti pekerja mengikut kumpulan usia, jantina dan wilayah	100
LA3	Manfaat yang disediakan kepada pekerja sepenuh masa yang tidak disediakan kepada pekerja sementara atau sambilan, mengikut operasi utama	100
LA15	Kembali bekerja dan kadar pengekalan selepas cuti bersalin, mengikut jantina	x
Perhubungan Tenaga Kerja/Pengurusan		
LA4	Peratus pekerja yang diliputi oleh perjanjian tawar-menawar secara kolektif	101
LA5	Tempoh notis minimum berhubung perubahan operasi yang penting, termasuk sama ada ia telah ditentukan dalam perjanjian kolektif	x

Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan

LA6	Peratus daripada jumlah tenaga kerja yang diwakili dalam jawatankuasa bersama rasmi pihak pengurusan-pekerja bagi kesihatan dan keselamatan yang membantu memantau dan menasihati berkenaan program kesihatan dan keselamatan pekerjaan	104
LA7	Kadar kecederaan, penyakit pekerjaan, kehilangan hari bekerja dan ketidakhadiran serta bilangan kematian berkaitan kerja mengikut wilayah	106
LA8	Program pendidikan, latihan, kaunseling, pencegahan dan kawalan risiko yang telah tersedia untuk membantu anggota tenaga kerja, keluarga mereka atau anggota komuniti berhubung penyakit serius	107
LA9	Topik kesihatan dan keselamatan yang diliputi dalam perjanjian rasmi dengan kesatuan sekerja	101

Latihan dan Pendidikan

LA10	Purata jam latihan setahun setiap pekerja mengikut kategori pekerja	102
LA11	Program bagi pengurusan kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat yang menyokong kesinambungan pekerjaan kakitangan dan yang membantu mereka menguruskan penamatan kerjaya	102
LA12	Peratus pekerja yang kerap menerima ulasan prestasi dan pembangunan kerjaya	101

Kepelbagaian dan Peluang Sama Rata

LA13	Komposisi badan tadbir urus dan pecahan pekerja setiap kategori mengikut jantina, kumpulan usia, keahlian kumpulan minoriti dan petunjuk kepelbagaian lain	97-99
LA14	Nisbah gaji pokok bagi lelaki berbanding wanita mengikut kategori pekerja	x

Penunjuk Prestasi: SOSIAL - Hak Asasi Manusia

Amalan Pelaburan dan Pemerolehan

HR1	Peratus dan jumlah bilangan perjanjian pelaburan utama yang memasukkan fasal hak asasi manusia atau yang telah melalui pemeriksaan hak asasi manusia	101
HR2	Peratus pembekal dan kontraktor penting yang telah melalui pemeriksaan berhubung dengan hak asasi manusia dan tindakan yang diambil	101
HR3	Jumlah jam latihan pekerja berkenaan dasar dan prosedur tentang aspek hak asasi manusia yang berkaitan dengan operasi, termasuk peratus pekerja yang telah dilatih	101

Tiada Diskriminasi

HR4	Jumlah kejadian diskriminasi dan tindakan yang diambil	101

Kebebasan Berpersatuan dan Tawar-Menawar Secara Kolektif

HR5	Operasi yang dikenal pasti di mana pelaksanaan hak kebebasan berpersatuan dan kuasa tawar-menawar secara kolektif dengan kemungkinan berhadapan dengan risiko yang besar dan tindakan yang diambil untuk menyokong hak tersebut	101

INDEKS
GRI

Buruh Kanak-kanak		
HR6	Operasi yang dikenal pasti mempunyai risiko besar untuk kejadian buruh kanak-kanak dan langkah yang diambil untuk menghapuskan buruh kanak-kanak	101
Buruh Paksaan dan Wajib		
HR7	Operasi yang dikenal pasti mempunyai risiko besar untuk kejadian buruh paksaan atau wajib dan langkah yang diambil untuk menghapuskan buruh paksaan atau wajib	101
Amalan Keselamatan		
HR8	Peratus kakitangan keselamatan yang dilatih tentang dasar atau prosedur organisasi yang membabitkan aspek hak asasi manusia yang berkaitan dengan operasi	109
Hak Asasi Orang Asli		
HR9	Jumlah bilangan kejadian pelanggaran yang melibatkan hak asasi orang asli dan tindakan yang diambil	101
Penilaian		
HR10	Peratus dan jumlah bilangan operasi yang tertakluk kepada kajian hak asasi manusia dan/atau penilaian impak	101
Pembetulan		
HR11	Bilangan aduan berkaitan hak asasi manusia yang difail, ditangani dan diselesaikan melalui mekanisma aduan rasmi	x
Penunjuk Prestasi : MASYARAKAT		
Masyarakat Setempat		
SO1	Bentuk, skop dan keberkesanan sebarang program serta amalan yang menilai dan mengendali impak operasi terhadap komuniti, termasuk tindakan memasuki, beroperasi dan keluar	115
SO9	Operasi dengan impak negatif yang ketara yang berkemungkinan atau yang hakiki terhadap komuniti setempat	116-117
SO10	Langkah pencegahan dan pengurangan yang dilaksanakan dalam operasi dengan impak negatif yang ketara yang berkemungkinan atau yang hakiki terhadap komuniti setempat	115-117

Rasuah		
SO2	Peratus dan jumlah bilangan unit perniagaan yang dianalisis untuk risiko berkaitan rasuah	x
SO3	Peratus pekerja yang dilatih dalam dasar dan prosedur anti rasuah organisasi	x
SO4	Tindakan yang diambil sebagai tindak balas terhadap kejadian rasuah	x
Dasar Awam		
SO5	Kedudukan dalam dasar awam dan penyertaan dalam merangka dan melobi dasar awam	x
SO6	Jumlah nilai sumbangan kewangan dan seumpamanya kepada parti politik, ahli politik dan institusi yang berkaitan mengikut negara	x
Tingkah Laku Anti Daya Saing		
SO7	Jumlah tindakan undang-undang kerana tingkah laku antidaya saing, antitrust serta amalan monopoli dan akibat darinya	x
Pematuhan		
SO8	Nilai kewangan bagi jumlah denda yang besar serta jumlah bilangan sekatan bukan kewangan kerana ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan	PNHB tidak menerima sebarang denda atau penalti ketara sepanjang tempoh laporan.
Penunjuk Prestasi : TANGGUNGJAWAB PRODUK		
Kesihatan dan Keselamatan Pelanggan		
PR1	Peringkat jangka hayat di mana impak kesihatan dan keselamatan produk serta perkhidmatan dinilai untuk penambahbaikan dan peratus kategori produk dan perkhidmatan utama yang tertakluk kepada prosedur sedemikian	81-83
PR2	Jumlah kejadian ketidakpatuhan terhadap peraturan serta kod sukarela berkaitan impak kesihatan dan keselamatan produk dan perkhidmatan sepanjang jangka hayatnya, mengikut bentuk kesudahan	86
Pelabelan Produk dan Perkhidmatan		
PR3	Jenis maklumat produk dan perkhidmatan yang diperlukan oleh prosedur dan peratus produk dan perkhidmatan utama yang tertakluk kepada keperluan maklumat sedemikian	94
PR4	Jumlah bilangan kejadian ketidakpatuhan terhadap peraturan dan kod sukarela yang membabitkan maklumat dan pelabelan produk dan perkhidmatan, mengikut bentuk kesudahan	94
PR5	Amalan berkaitan kepuasan pelanggan, termasuk keputusan kaji selidik yang mengukur kepuasan pelanggan	92

Komunikasi Pemasaran		
PR6	Program pematuhan terhadap undang-undang, piawaian dan kod sukarela yang berkaitan dengan komunikasi pemasaran, termasuk pengiklanan, promosi dan penajaan	x
PR7	Jumlah bilangan kejadian ketidakpatuhan terhadap peraturan dan kod sukarela yang berkaitan dengan komunikasi pemasaran, termasuk pengiklanan, promosi dan penajaan mengikut bentuk kesudahan	x
Privasi Pelanggan		
PR8	Jumlah bilangan aduan yang mempunyai bukti berhubung pelanggaran privasi pelanggan dan kehilangan data pelanggan	x
Pematuhan		
PR9	Nilai kewangan bagi jumlah denda yang besar kerana ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan berkaitan peruntukan dan penggunaan produk serta perkhidmatan	PNHB tidak menerima sebarang denda atau penalti ketara sepanjang tempoh laporan.

Nota :

Penunjuk GRI yang dibentangkan di atas merujuk kepada data yang didedahkan sepenuhnya atau sebahagian daripadanya.

x : Tidak Tersedia, Tidak Berkaitan atau Sulit. Kami akan terus mempertingkatkan proses pengumpulan data dan pemantauan kami untuk memperbaiki tahap pendedahan dalam laporan pada masa hadapan.

TB : Tidak Berkenaan. Penunjuk ini didapati tidak relevan atau tidak berkaitan secara langsung dengan ciri-ciri operasi kami.

NOTIS
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas Puncak Niaga Holdings Berhad (416087-U) akan diadakan di Concorde I, Concorde Hotel Shah Alam, Aras 2, No. 3, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada hari Selasa, 16 Jun 2015, pada pukul 10.00 pagi untuk tujuan berikut:-

SEBAGAI URUSAN BIASA

1. Untuk menerima Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit berkenaan dengannya. **Resolusi 1**

2. Untuk memilih semula para Pengarah Syarikat berikut yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 98 Tataurusan Pertubuhan Syarikat:-

   (a) YBhg Dato' Ruslan Bin Hassan **Resolusi 2**
   (b) YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi **Resolusi 3**
   (c) Encik Ng Wah Tar **Resolusi 4**

3. Untuk mempertimbangkan dan, jika difikirkan sesuai, meluluskan Resolusi Biasa berikut selaras dengan Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965:-

   Resolusi Biasa 1

   Pelantikan Semula Menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965

   "**BAHAWA** YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh yang bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965, adalah dan dengan ini dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat untuk memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang." **Resolusi 5**

4. Untuk melantik semula Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun berikutnya dan memberi kelulusan kepada para Pengarah Syarikat untuk menetapkan ganjaran mereka. **Resolusi 6**

SEBAGAI URUSAN KHAS

Untuk mempertimbangkan dan, jika difikirkan sesuai, meluluskan Resolusi Biasa berikut:-

5. **Resolusi Biasa 2**

   Perumpukan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965

   "**BAHAWA** sentiasa tertakluk kepada Akta Syarikat, 1965, Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan kelulusan pihak berkuasa kerajaan/kawal selia yang berkaitan, para Pengarah Syarikat, adalah dan dengan ini diberi kuasa, menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, untuk menerbitkan dan mengumpukkan saham dalam Syarikat, dari semasa ke semasa, dan menurut terma dan syarat serta untuk tujuan sebagaimana yang dianggap sesuai oleh para Pengarah Syarikat dengan syarat agregat bilangan saham yang akan diterbitkan menurut resolusi ini tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada modal saham terbitan Syarikat pada masa tersebut, **DAN BAHAWA**, para Pengarah Syarikat, adalah dan dengan ini turut diberi kuasa untuk mendapatkan kelulusan bagi penyenaraian dan sebut harga saham tambahan untuk diterbitkan di Bursa Malaysia Securities Berhad, **DAN SETERUSNYA BAHAWA**, kuasa sedemikian akan terus berkuatkuasa sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang." **Resolusi 7**

6. **Resolusi Biasa 3**

Penerusan Dalam Penyandangan Jawatan Sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

"**BAHAWA** kuasa adalah dan dengan ini diberikan kepada YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat bagi tempoh terkumpul melebihi sembilan tahun, untuk terus menjadi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan memegang jawatan sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang." **Resolusi 8**

7. **Resolusi Biasa 4**

Penerusan Dalam Penyandangan Jawatan Sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

"**BAHAWA** kuasa adalah dan dengan ini diberikan kepada YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat untuk tempoh terkumpul melebihi sembilan tahun, untuk terus menjadi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan memegang jawatan sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang." **Resolusi 9**

8. Untuk melaksanakan sebarang urusan biasa lain yang mana notis sewajarnya telah diberikan.

DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

TAN BEE LIAN (MAICSA 7006285)
LIM YEW HEANG (MAICSA 7007653)
Setiausaha-setiausaha

Shah Alam
25 Mei 2015

Nota:-

1. Berhubung sekuriti yang didepositkan, hanya Ahli yang namanya tertera dalam Rekod Pendeposit pada 8 Jun 2015 (Rekod Depositori Mesyuarat Agung) adalah berhak untuk hadir, bersuara dan mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas ini.

2. Seseorang Ahli yang berhak hadir dan mengundi pada Mesyuarat berhak melantik seorang individu lain untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya.

3. Seseorang proksi tidak semestinya seorang Ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965 adalah tidak terpakai kepada Syarikat. Tiada sebarang sekatan terhadap kelayakan seseorang proksi.

4. Seseorang Ahli tidak berhak melantik lebih daripada dua (2) orang proksi untuk hadir dan mengundi pada Mesyuarat bagi pihaknya, kecuali jika,

   (a) seseorang Ahli adalah penama yang diberi kuasa seperti yang ditakrifkan dalam Akta Depositori Pusat, ia boleh melantik sehingga dua (2) orang proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat yang berada dalam keadaan kredit berhubung dengan Akaun Sekuriti tersebut.

   (b) seseorang Ahli adalah penama yang diberi kuasa berkecuali yang memegang saham biasa dalam Syarikat untuk berbilang pemilik benefisiari dalam satu akaun sekuriti iaitu, Akaun Sekuriti Omnibus, tiada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama yang diberi kuasa berkecuali tersebut berhubung dengan setiap Akaun Sekuriti Omnibus yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat yang berada dalam keadaan kredit bagi Akaun Sekuriti Omnibus tersebut.

   Jika seseorang Ahli melantik dua (2) atau lebih proksi (mengikut keadaan), pelantikan tersebut adalah tidak sah melainkan beliau menyatakan bahagian pegangan sahamnya yang akan diwakili oleh setiap proksi berkenaan.

5. Surat cara pelantikan seseorang proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakil yang dilantik di bawah surat kuasa wakil atau jika pelantik adalah sebuah perbadanan, surat cara itu hendaklah mempunyai meterai biasa atau disempurnakan oleh pegawai atau wakil yang dilantik di bawah surat kuasa wakil. Jika Borang Proksi ini dibuat secara bertulis oleh pegawai yang diberi kuasa, ia haruslah diiringi dengan kenyataan yang berbunyi "ditandatangani oleh pegawai yang berkuasa di bawah Dokumen Pemberikuasaan yang masih berkuatkuasa, yang mana tiada notis pembatalan diterima." Jika Borang Proksi ini ditandatangani oleh wakil di bawah surat kuasa wakil, ia haruslah diiringi dengan kenyataan yang berbunyi "ditandatangani di bawah surat kuasa wakil yang masih berkuat kuasa, yang mana tiada notis pembatalan diterima." Sesalinan Dokumen Pemberikuasaan atau surat kuasa wakil yang sah mengikut undang-undang di bawah bidang kuasa di mana ia dibuat dan dilaksanakan, hendaklah dilampirkan bersama-sama Borang Proksi ini.

6. Mana-mana perbadanan yang merupakan Ahli Syarikat boleh melalui resolusi para Pengarahnya atau badan pentadbir lain memberikan kuasa kepada sesiapa yang difikirkan layak untuk bertindak sebagai wakilnya pada Mesyuarat selaras dengan Artikel 82 Tataurusan Pertubuhan Syarikat.

7. Surat cara pelantikan proksi perlu diserahkan ke Pejabat Pendaftar Saham Syarikat, Tricor Investor Services Sdn Bhd di Aras 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur tidak kurang dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan Mesyuarat atau sebarang penangguhannya.

8. Pada mana-mana mesyuarat agung, resolusi yang diundi semasa Mesyuarat hendaklah diputuskan dengan mengangkat tangan kecuali tuntutan supaya pungutan suara diadakan (sebelum atau apabila keputusan undian mengangkat tangan diisytiharkan) dibuat sama ada oleh:-

   (a) Pengerusi (sebagai individu yang berhak untuk mengundi); atau

   (b) tidak kurang daripada dua orang Ahli yang hadir sendiri atau berwakilkan proksi dan berhak untuk mengundi; atau

   (c) seorang Ahli atau Ahli-ahli yang hadir sendiri atau diwakili proksi dan mewakili tidak kurang daripada satu perdua puluh daripada jumlah hak mengundi kesemua Ahli yang berhak mengundi pada Mesyuarat tersebut; atau

   (d) seorang Ahli atau Ahli-ahli yang hadir sendiri atau diwakili proksi dan memegang saham dalam Syarikat yang memberi hak untuk mengundi pada Mesyuarat yang merupakan saham di mana satu jumlah agregat telah dibayar bersamaan dengan tidak kurang daripada satu perdua puluh daripada jumlah keseluruhan yang dibayar bagi semua saham yang memberi hak berkenaan.

9. Tuntutan untuk mengadakan pungutan suara boleh ditarik balik. Melainkan pungutan suara dituntut (dan tuntutan tersebut tidak ditarik balik), suatu pengisytiharan oleh Pengerusi bahawa sesuatu resolusi telah dilaksana atau dilaksana secara sebulat suara, atau mengikut satu majoriti khusus, atau tewas dan satu catatan mengenainya dibuat dalam buku minit, hendaklah dianggap sebagai pengesahan muktamad perkara tersebut tanpa memerlukan bukti tentang bilangan atau pecahan undian yang dicatat menyokong atau menentang resolusi sedemikian.

10. Tiada pungutan suara akan dituntut berhubung pemilihan Pengerusi atau persoalan tentang penangguhan. Suatu pungutan suara yang dituntut berhubung apa-apa persoalan lain hendaklah dilaksanakan serta-merta atau pada masa kemudiannya (tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh mesyuarat) dan di tempat yang diarahkan oleh Pengerusi. Tiada notis perlu diberikan mengenai pungutan suara yang tidak diambil dengan serta-merta.

11. Melalui pungutan suara, undian boleh dibuat sendiri atau melalui proksi dan individu yang berhak kepada lebih daripada satu undi, tidak perlu menggunakan semua undian beliau atau mengundi semua hak undinya dengan cara yang sama.

12. **Nota Penjelasan Dan Penyata Penguatkuasaan untuk Urusan Biasa dan Urusan Khas:-**

Urusan Biasa

Resolusi 5: Resolusi Biasa 1 - Pelantikan Semula Menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965

Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menilai kebebasan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh sebagai Pengarah Bebas Syarikat. Atas persetujuan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah mengesyorkan agar YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh yang akan mencapai usia tujuh puluh dua (72) tahun pada tahun 2015, dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 berdasarkan sebab-sebab berikut:-

(i) YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh telah berkhidmat dengan Syarikat sebagai Pengarah Bebas bagi tempoh terkumpul selama lima belas (15) tahun. Sepanjang tempoh beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Bebas Syarikat, Pengarah Bebas Kanan Syarikat, Pengerusi Jawatankuasa Audit Syarikat, Pengerusi Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko ("CICR") Syarikat, ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran Syarikat, YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh telah bertindak dengan penuh keikhlasan menjaga kepentingan Syarikat, melaksanakan pertimbangan bebas semasa proses perbincangan dan apabila membuat keputusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan, Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran, Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat CICR.

(ii) YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh telah terbukti boleh dipercayai sebagai seorang Pengarah Bebas, Pengerusi Jawatankuasa Audit, Pengerusi CICR dan Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran Syarikat dengan profesionalisme, kemahiran serta sudut pandangan beliau yang luas terhadap perniagaan.

Resolusi 6 : Agenda 4 - Pelantikan Semula Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat

Menurut Cadangan 5.2 Prinsip 5 (Menegakkan Integriti dalam Laporan Kewangan) Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012, Jawatankuasa Audit dengan bantuan Bahagian Kewangan Syarikat, telah menilai kesesuaian dan kebebasan Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat. Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah telah mengesyorkan perlantikan semula Tetuan KPMG, yang akan bersara sebagai Juruaudit Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas Syarikat dan yang telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan, untuk memegang jawatan sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun berikutnya sehingga tamat Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dengan ganjaran yang akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah Syarikat.

Urusan Khas

Resolusi 7: Resolusi Biasa 2 - Perumpukan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965

Resolusi Biasa yang dicadangkan di bawah Agenda 5 dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas bertarikh 25 Mei 2015 adalah bertujuan untuk mendapatkan pembaharuan terhadap mandat am bagi memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, dari tarikh Mesyuarat di atas, untuk menerbit dan mengumpukkan saham biasa daripada modal saham Syarikat yang belum diterbitkan untuk tujuan sebagaimana para Pengarah Syarikat pertimbangkan adalah demi kepentingan Syarikat. Kuasa ini, kecuali dibatal atau diubah pada Mesyuarat Agung, akan luput pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

Kuasa ini akan memberi fleksibiliti kepada Syarikat untuk mengumpukkan saham bagi sebarang kemungkinan kegiatan mengumpulkan dana, termasuk tetapi tidak terhad kepada penempatan saham, pendanaan pelaburan pada masa hadapan, projek-projek, modal kerja dan/atau pengambilalihan.

Sehingga tarikh Notis ini, Syarikat tidak melaksanakan cadangannya untuk mengumpukkan saham baharu di bawah mandat am menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 seperti yang diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan Ketujuh Belas Syarikat yang diadakan pada 26 Jun 2014.

Resolusi 8 & 9: Resolusi Biasa 3 & 4 - Penerusan Dalam Penyandangan Jawatan Sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Jawatankuasa Pencalonan Syarikat dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menilai kebebasan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat untuk tempoh terkumpul masing-masing selama lima belas (15) tahun dan enam belas (16) tahun, dan dengan persetujuan mereka dan percaya bahawa mereka boleh terus menyumbangkan pertimbangan bebas dan objektif kepada perbincangan Lembaga Pengarah/Jawatankuasa, telah mengesyorkan agar kedua-dua mereka terus berperanan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat berdasarkan justifikasi berikut:-

a. mereka memenuhi kriteria takrifan Pengarah Bebas seperti yang dinyatakan dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus memegang jawatan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat, dan mereka tidak menyandang jawatan eksekutif dalam Syarikat/Kumpulan, juga bukan pegawai Syarikat/Kumpulan, juga bukan penasihat atau perunding atau sebagainya, sebelum pelantikan mereka sebagai Pengarah, dan mereka juga bukan pemegang saham utama, bukan ahli keluarga dengan mana-mana Pengarah Eksekutif, pegawai atau pemegang saham utama Syarikat/Kumpulan seperti yang digariskan dalam Perenggan 5.4 Piagam Lembaga.
b. pengalaman mereka yang luas akan membolehkan mereka menyumbang pelbagai pengalaman, kepakaran dan pertimbangan bebas kepada Lembaga Pengarah bagi membolehkan mereka mengurus dan mengendalikan Kumpulan dengan lebih baik.
c. walaupun mereka telah berkhidmat dengan Syarikat sebagai Pengarah Bebas untuk tempoh terkumpul melebihi sembilan (9) tahun yang mana sepanjang jangkamasa tersebut, mereka telah berkhidmat dengan penuh ikhlas dan demi kepentingan Syarikat, melaksanakan pertimbangan bebas mereka semasa proses perbincangan dan membuat keputusan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat, Mesyuarat Lembaga Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung, dan mereka memahami operasi perniagaan Syarikat.
d. kedua-dua YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy telah terbukti sebagai Pengarah Bebas yang boleh dipercayai dengan memiliki profesionalisme, kemahiran serta sudut pandangan terhadap perniagaan yang luas, telah menumpukan masa dan perhatian yang secukupnya bagi melunaskan kewajipan profesional mereka terhadap proses membuat keputusan termaklum dan seimbang di samping menampilkan keprihatinan yang sewajarnya sepanjang tempoh mereka memegang jawatan demi kepentingan Syarikat dan para pemegang saham.
e. kedua-dua YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy dapat menumpukan masa yang mencukupi untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab fidusiari mereka sebagai Pengarah Bebas Syarikat.

PENYATA MENGIRINGI NOTIS
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

BUTIR-BUTIR PARA PENGARAH YANG MENAWARKAN DIRI UNTUK PEMILIHAN SEMULA DI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KELAPAN BELAS:-

Nama Pengarah Yang Bersara	YBhg Dato' Ruslan Bin Hassan	YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi	Encik Ng Wah Tar	YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh	YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy
Pemilihan Semula	Mengikut giliran (Artikel 98 Tataurusan Pertubuhan Syarikat (Resolusi 2)	Mengikut giliran (Artikel 98 Tataurusan Pertubuhan Syarikat) (Resolusi 3)	Mengikut giliran (Artikel 98 Tataurusan Pertubuhan Syarikat) (Resolusi 4)	• Menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 (Mencapai usia 72 tahun pada 2015) • Menurut MCCG 2012 (berkhidmat lebih dari sembilan tahun sebagai Pengarah Bebas) (Resolusi 5 & 8)	Menurut MCCG 2012 (berkhidmat lebih dari sembilan tahun sebagai Pengarah Bebas) (Resolusi 9)
Usia	59	61	51	72	65
Kewarganegaraan	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia
Kelulusan	Ijazah Sarjana Muda Undang-undang	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Ijazah Sarjana Kejuruteraan Alam Sekitar	Akauntan Awam Bertauliah, Australia	Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Ijazah Sarjana Sains Doktor Dalam Falsafah	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Jawatan Dalam PNHB	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan Korporat	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Pengalaman Kerja & Pekerjaan	Untuk butiran mengenai profil YBhg Dato' Ruslan Bin Hassan, sila rujuk profil beliau di muka surat 36 dalam Laporan Tahunan	Untuk butiran mengenai profil YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi, sila rujuk profil beliau di muka surat 37 dalam Laporan Tahunan	Untuk butiran mengenai profil Encik Ng Wah Tar, sila rujuk profil beliau di muka surat 43 dalam Laporan Tahunan	Untuk butiran mengenai profil YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh, sila rujuk profil beliau di muka surat 39 dalam Laporan Tahunan	Untuk butiran mengenai profil YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy, sila rujuk profil beliau di muka surat 38 dalam Laporan Tahunan
Jawatan Pengarah dalam syarikat-syarikat awam	Tiada	Tiada	Tiada	1. Hua Yang Berhad 2. Johan Holdings Berhad 3. Sycal Ventures Berhad 4. UTAR Education Foundation	Tiada
Kepentingan sekuriti dalam PNHB dan subsidiari-subsidiarinya	Tiada	Untuk maklumat kepentingan sekuriti YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi dalam PNHB dan Kumpulan, sila rujuk muka surat 328 dalam Laporan Tahunan	Tiada	Untuk maklumat kepentingan sekuriti YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dalam PNHB dan Kumpulan, sila rujuk muka surat 328 dalam Laporan Tahunan	Tiada
Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama PNHB	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Konflik kepentingan dengan PNHB	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Senarai kesabitan kesalahan (selain daripada kesalahan lalu lintas, jika ada) dalam tempoh 10 tahun yang lepas	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada

Nota: MCCG 2012 singkatan bagi Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012.

MAKLUMAT UNTUK MANDAT AM BAGI TERBITAN SEKURITI

Mandat am menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 di bawah Resolusi 7 (Resolusi Biasa 2 bagi Urusan Khas) Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas adalah mandat pembaharuan. Mandat yang sama telah dimohon dan diberikan pada Mesyuarat Agung Tahunan Ketujuh Belas Syarikat yang diadakan pada 26 Jun 2014.

Pada tarikh Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas bertarikh 25 Mei 2015, Syarikat tidak melaksanakan cadangannya untuk peruntukan saham baharu seperti yang diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan Ketujuh Belas.

NOTA

BORANG
PROKSI

Bilangan Saham yang Dipegang	Sila isi No. Akaun CDS
	– –

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD (416087-U)

Saya/Kami _____ (nama penuh pemegang saham mengikut Kad Pengenalan dalam HURUF BESAR)

No. Kad Pengenalan/No. Syarikat _____ (baru) _____ (lama)

di alamat _____

_____ (alamat penuh)

sebagai Ahli/Ahli-ahli Puncak Niaga Holdings Berhad dengan ini melantik _____

_____ (nama penuh proksi mengikut Kad Pengenalan dalam HURUF BESAR)

No. Kad Pengenalan _____ (baru) _____ (lama)

di alamat _____

_____ (alamat penuh)

atau jika beliau gagal hadir, Pengerusi Mesyuarat sebagai proksi saya/kami untuk hadir dan mengundi bagi pihak saya/kami di Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas Puncak Niaga Holdings Berhad yang akan diadakan di Concorde I, Concorde Hotel Shah Alam, Aras 2, No. 3, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada hari Selasa, 16 Jun 2015 pada pukul 10.00 pagi dan pada sebarang penangguhannya, seperti yang dinyatakan di bawah:-

NO.	RESOLUSI	MENYOKONG	MENENTANG
1.	**URUSAN BIASA** Untuk menerima Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit mengenainya.		
2.	Untuk memilih semula YBhg Dato' Ruslan Bin Hassan sebagai Pengarah Syarikat.		
3.	Untuk memilih semula YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi sebagai Pengarah Syarikat.		
4.	Untuk memilih semula Encik Ng Wah Tar sebagai Pengarah Syarikat.		
5.	Resolusi Biasa 1: Untuk melantik semula YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh yang bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965, sebagai Pengarah Syarikat.		
6.	Untuk melantik Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berikutnya dan memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat untuk menetapkan ganjaran mereka.		
7.	**URUSAN KHAS** Resolusi Biasa 2: Untuk memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat untuk menerbitkan saham menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965.		
8.	Resolusi Biasa 3: Untuk meluluskan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh meneruskan perkhidmatannya sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan untuk memegang jawatan tersebut sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya.		
9.	Resolusi Biasa 4: Untuk meluluskan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy meneruskan perkhidmatannya sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan untuk memegang jawatan tersebut sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya.		

Sila tandakan dengan pangkah (X) bagaimana anda ingin undi anda dibuat bagi setiap Resolusi. Jika tiada sebarang arahan khusus, proksi anda akan mengundi atau mengecualikan diri daripada mengundi sebagaimana yang beliau fikirkan sesuai.

Ditandatangani pada _____ hari bulan _____ 2015

_____

Tandatangan/Meterai Am Pemegang Saham

No. Kad Pengenalan/No. Syarikat: _____ No. Tel.: _____

Nota-nota:-

1. Berhubung sekuriti yang didepositkan, hanya Ahli yang namanya tertera dalam Rekod Pendeposit pada 8 Jun 2015 (Rekod Depositori Mesyuarat Agung) adalah berhak untuk hadir, bersuara dan mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas ini.
2. Seseorang Ahli yang berhak hadir dan mengundi pada Mesyuarat berhak melantik seorang individu lain untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya.
3. Seseorang proksi tidak semestinya seorang Ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965 adalah tidak terpakai kepada Syarikat. Tiada sebarang sekatan terhadap kelayakan seseorang proksi.
4. Seseorang Ahli tidak berhak melantik lebih daripada dua (2) orang proksi untuk hadir dan mengundi pada Mesyuarat bagi pihaknya, kecuali jika,
   (a) seseorang Ahli adalah penama yang diberi kuasa seperti yang ditakrifkan dalam Akta Depositori Pusat, ia boleh melantik sehingga dua (2) orang proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat yang berada dalam keadaan kredit berhubung dengan Akaun Sekuriti tersebut.
   (b) seseorang Ahli adalah penama diberi kuasa berkecuali yang memegang saham biasa dalam Syarikat untuk berbilang pemilik benefisiari dalam satu akaun sekuriti iaitu, Akaun Sekuriti Omnibus, tiada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama diberi kuasa berkecuali tersebut berhubung dengan setiap Akaun Sekuriti Omnibus yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat yang berada dalam keadaan kredit bagi Akaun Sekuriti Omnibus tersebut.

   Jika seseorang Ahli melantik dua (2) atau lebih proksi (mengikut keadaan), pelantikan tersebut adalah tidak sah melainkan beliau menyatakan bahagian pegangan sahamnya yang akan diwakili oleh setiap proksi berkenaan.
5. Surat cara pelantikan seseorang proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakil yang dilantik di bawah surat kuasa wakil atau jika pelantik adalah sebuah perbadanan, surat cara itu hendaklah mempunyai meterai biasa atau disempurnakan oleh pegawai atau wakil yang dilantik di bawah surat kuasa wakil. Jika Borang Proksi ini dibuat secara bertulis oleh pegawai yang diberi kuasa, ia haruslah diiringi dengan kenyataan yang berbunyi "ditandatangani oleh pegawai yang berkuasa di bawah Dokumen Pemberikuasaan yang masih berkuatkuasa, yang mana tiada notis pembatalan diterima." Jika Borang Proksi ini ditandatangani oleh wakil di bawah surat kuasa wakil, ia haruslah diiringi dengan kenyataan yang berbunyi "ditandatangani di bawah surat kuasa wakil yang masih berkuat kuasa, yang mana tiada notis pembatalan diterima." Sesalinan Dokumen Pemberikuasaan atau surat kuasa wakil yang sah mengikut undang-undang di bawah bidang kuasa di mana ia dibuat dan dilaksanakan, hendaklah dilampirkan bersama-sama Borang Proksi ini.
6. Mana-mana perbadanan yang merupakan Ahli Syarikat boleh melalui resolusi para Pengarahnya atau badan pentadbir lain memberikan kuasa kepada sesiapa yang difikirkan layak untuk bertindak sebagai wakilnya pada Mesyuarat selaras dengan Artikel 82 Tataurusan Pertubuhan Syarikat.
7. Surat cara pelantikan proksi perlu diserahkan ke Pejabat Pendaftar Saham Syarikat, Tricor Investor Services Sdn Bhd di Aras 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, tidak kurang dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan Mesyuarat atau sebarang penangguhannya.
8. Pada mana-mana mesyuarat agung, resolusi yang diundi semasa Mesyuarat hendaklah diputuskan dengan mengangkat tangan kecuali tuntutan supaya pungutan suara diadakan (sebelum atau apabila keputusan undian mengangkat tangan diisytiharkan) dibuat sama ada oleh:-
   (a) Pengerusi (sebagai individu yang berhak untuk mengundi); atau
   (b) tidak kurang daripada dua orang Ahli yang hadir sendiri atau berwakilkan proksi dan berhak untuk mengundi; atau
   (c) seorang Ahli atau Ahli-ahli yang hadir sendiri atau diwakili proksi dan mewakili tidak kurang daripada satu perdua puluh daripada jumlah hak mengundi kesemua Ahli yang berhak untuk mengundi pada Mesyuarat tersebut; atau
   (d) seorang Ahli atau Ahli-ahli yang hadir sendiri atau diwakili proksi dan memegang saham dalam Syarikat yang memberi hak untuk mengundi pada Mesyuarat yang merupakan saham di mana satu jumlah agregat telah dibayar bersamaan dengan tidak kurang daripada satu perdua puluh daripada jumlah keseluruhan yang dibayar bagi semua saham yang memberi hak berkenaan.
9. Tuntutan untuk mengadakan pungutan suara boleh ditarik balik. Melainkan pungutan suara dituntut (dan tuntutan tersebut tidak ditarik balik), suatu pengisytiharan oleh Pengerusi bahawa sesuatu resolusi telah dilaksana atau dilaksana secara sebulat suara, atau mengikut satu majoriti khusus, atau tewas dan satu catatan mengenainya dibuat dalam buku minit, hendaklah dianggap sebagai pengesahan muktamad perkara tersebut tanpa memerlukan bukti tentang bilangan atau pecahan undian yang dicatat menyokong atau menentang resolusi sedemikian.
10. Tiada pungutan suara akan dituntut berhubung pemilihan Pengerusi atau persoalan tentang penangguhan. Suatu pungutan suara yang dituntut berhubung apa-apa persoalan lain hendaklah dilaksanakan serta-merta atau pada masa kemudiannya (tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh mesyuarat) dan di tempat yang diarahkan oleh Pengerusi. Tiada notis perlu diberikan mengenai pungutan suara yang tidak diambil dengan serta-merta.
11. Melalui pungutan suara, undian boleh dibuat sendiri atau melalui proksi dan individu yang berhak kepada lebih daripada satu undi, tidak perlu menggunakan semua undian beliau atau mengundi semua hak undinya dengan cara yang sama.

SILA LIPAT DI SINI

SETEM

Pendaftar Saham untuk
Puncak Niaga Holdings Berhad **(416087-U)**
Tricor Investor Services Sdn Bhd (118401-V)
Aras 17, The Gardens North Tower
Mid Valley City
Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
Malaysia

SILA LIPAT DI SINI

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD
(416087-U)

NOTIS DATA PERIBADI

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta") mengawal selia pemprosesan dan penggunaan data peribadi dalam transaksi komersil dan diaplikasikan kepada Puncak Niaga Holdings Berhad ("Syarikat").

Data peribadi termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor NRIC atau nombor pasport, nombor akaun CDS, butiran perhubungan, alamat surat-menyurat dan apa-apa data peribadi lain anda (atau proksi anda, jika dilantik) yang diberikan atau tersedia kepada Syarikat akan digunakan atau didedahkan oleh Syarikat atau kakitangan Syarikat untuk tujuan Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang Kelapan Belas dan juga untuk keperluan pendedahan yang dikerah oleh undang-undang atau mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan dari masa ke semasa termasuk tetapi tidak terhad kepada bursa saham, suruhanjaya syarikat dan suruhanjaya sekuriti ("Tujuan"). Syarikat akan menyimpan data peribadi selagi perlu untuk memenuhi Tujuan atau bagi pematuhan mana-mana undang undang atau obligasi undang-undang.

Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan mengenai Notis ini atau mana-mana data peribadi anda yang didedahkan kepada Syarikat, sila hubungi Syarikat di:-

Alamat Surat-menyurat	:	**Puncak Niaga Holdings Berhad** Tingkat 10, Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan Seksyen 13, 40100 Shah Alam Selangor Darul Ehsan Untuk Perhatian : Jabatan Kesetiausahaan
No. Telefon	:	+603 5522 8589
No. Faks	:	+603 5512 0220

Sila pastikan proksi anda bersetuju dengan pendedahan data peribadi mereka untuk Tujuan tersebut.

PERSONAL DATA NOTICE

The Personal Data Protection Act 2010 ("Act") regulates the processing and use of personal data in commercial transactions and applies to Puncak Niaga Holdings Berhad ("the Company").

Personal data including but not limited to your (or your proxy/proxies, if appointed) name, NRIC number or passport number, CDS account number, contact details, mailing address and any other personal data furnished or made available to the Company will be used or disclosed by the Company and the Company's personnel for the purpose of the Eighteenth Annual General Meeting of the Company as well as for disclosure requirements imposed by law or any other regulatory authorities from time to time including but not limited to the stock exchange, companies commission and securities commission ("Purpose"). The Company shall retain the personal data for so long as it is necessary for the fulfilment of the Purpose or for compliance with any law or legal obligations.

If you wish to make any enquiries regarding this Personal Data Notice or any personal data disclosed to the Company, please contact the Company at:-

Mailing Address	:	**Puncak Niaga Holdings Berhad** 10th Floor, Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan Seksyen 13, 40100 Shah Alam Selangor Darul Ehsan Attention : Secretarial Department
Telephone No.	:	+603 5522 8589
Fax No.	:	+603 5512 0220

Please ensure that your proxy/proxies consent to the disclosure of their personal data for the Purpose.

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD (416087-U)
Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan, Seksyen 13,
40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T +603 5522 8589 **F** +603 5522 8598 **E** pr@puncakniaga.com.my
www.puncakniaga.com.my/investorrelations

PUSPEL
CORPORATE SERVICES
puspel@syabas.com.my
follow@puspel on
twitter facebook